

DITOLAK DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN TETAP 23 (g) (i)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH
(KAJANG)**

TAJUK : GERAN MARRIS KERAJAAN PERSEKUTUAN

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
 - a) Berapakah jumlah wang MARRIS yang telah dibayar oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Selangor sejak tahun 2010 sehingga sekarang dan nyatakan butir-butir penerimaan secara tahunan?
 - b) Daripada jumlah yang diterima, berapakah jumlah yang telah dibelanjakan mengikut setiap tahun sejak 2010 dan sama ada geran MARRIS ini adalah mencukupi bagi tujuan yang dimaksudkan?
 - c) Bagi jumlah yang belum dibelanjakan, apakah sebab-sebab utama ianya tidak dibelanjakan dan sama ada jumlah yang belum digunakan telah dimasukkan ke dalam simpanan rizab perbendaharaan negeri dan sekali gus menyebabkan rizab negeri meningkat?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : HOSPITAL AWAM

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menyediakan satu tapak untuk pembinaan hospital awam di kawasan Petaling Jaya – Subang Jaya?
 - b) Apakah tapak-tapak hospital awam yang telah disediakan tetapi belum dibina di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kementerian Kesihatan Malaysia buat masa ini tidak merancang untuk membina hospital awam di kawasan Petaling Jaya - Subang Jaya atau di Daerah Petaling atas sebab kesukaran untuk mencari tapak yang sesuai disebabkan faktor kepadatan penduduk yang tinggi seiring dengan pembangunan yang pesat berbanding daerah-daerah lain di Negeri Selangor.
- b) Hospital Tanjung Karang telah disempurnakan upacara pecah tanah pada awal tahun 2013. Cadangan seterusnya yang telah dapat dikenal pasti oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor adalah untuk membina hospital awam yang baru seperti Hospital Kajang, Hospital Kapar dan Hospital Sepang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH
(BANGI)**

TAJUK : PENDIDIKAN

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah tindakan kerajaan bagi membantu para pelajar ke Mesir (untuk pengajian Islam, perubatan dan lain-lain) setelah sesi pengajian di sana dibuka;
- i) Bagi pelajar-pelajar ijazah pertama yang belum memulakan pengajian
- ii) Bagi pelajar-pelajar ijazah pertama yang sudah berada di tahun kedua dan ke atas
- iii) Bagi pelajar-pelajar lepasan ijazah yang sudah berada di tahun kedua dan ke atas?
- b) Apakah langkah kerajaan untuk mencari pusat-pusat pengajian baru sebagai alternatif, dengan disesuaikan dengan subjek pengajian mereka?

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam membantu pelajar-pelajar Selangor meneruskan pengajian mereka di Mesir.
- i) Bagi pelajar-pelajar ijazah pertama yang belum memulakan pengajian, kerajaan pusat membuat keputusan tidak membenarkan penaja menghantar pelajar baru ke Mesir. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah memutuskan pelajar tajaan dermasiswa bagi pelajar perubatan ditempatkan di Universiti Industri Selangor (UNISEL) bagi mengikuti program Asasi Sains. Manakala pelajar pengajian islam pula di tempatkan di Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS). Bagi pelajar persendirian tidak ada halangan sama ada untuk meneruskan pengajian di Mesir atau di Malaysia kerana mereka adalah di bawah tanggungan ibu bapa.
- ii) Bagi pelajar-pelajar ijazah pertama yang sudah berada di tahun kedua dan ke atas, pelajar dermasiswa untuk perubatan mereka diberi pilihan sama ada ingin meneruskan pengajian di Mesir atau menyambung pengajian di Malaysia. Tajaan dermasiswa pelajar juga masih diteruskan mengikut kadar yang ditetapkan seperti di Mesir. Manakala pelajar dermasiswa pengajian islam yang menyambung pengajian di Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).

- iii) Bagi pelajar lepasan ijazah, setakat ini Kerajaan Negeri belum lagi membincangkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi membantu mereka kerana tiada permohonan.
- b) Antara langkah kerajaan untuk menempatkan pelajar di pusat pengajian baru adalah:
 - i) Menjadikan KUIS dan UNISEL sebagai hub pendidikan bagi memenuhi keperluan pengajian pelajar.
 - ii) Kerajaan Negeri melalui agensi Jabatan Agama Islam Selangor mengambil peranan dengan meninjau beberapa pusat pengajian di luar Negara, antaranya di Universiti Khortum of Sudan, Universiti Sumatera Utara dan Universiti-universiti di Negara Turki bagi pengajian perubatan. Manakala tinjauan juga dibuat di Negara Tunissia iaitu di Universiti of Zaitun bagi bidang pengajian Islam dan di Universiti Madinah Arab Saudi bagi bidang pengajian Bahasa Arab dan Al-Quran.
 - iv) Bagi pelajar lepasan ijazah, setakat ini Kerajaan Negeri belum lagi membincangkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi membantu mereka kerana tiada permohonan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR

4. Dari 2008 hingga Ogos 2013 Kerajaan Negeri Selangor telah membelanjakan sebanyak Ringgit Malaysia Satu Bilion untuk melaksanakan dasar Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan program dan projek MES dari 2008-2013?
- b) Nyatakan impak positif program tersebut kepada rakyat Negeri Selangor.
- c) Adakah Kerajaan Negeri Selangor bercadang untuk menambah program MES yang lain dan berapakah peruntukan diperlukan?

JAWAPAN:

- a) Pecahan MES 2008-2013 adalah seperti berikut:

STATUS TERKINI PROGRAM MES SEHINGGA 31 OGOS 2013			
BIL.	PROGRAM	JUMLAH KESELURUHAN	
		PENERIMA FAEDAH	PERBELANJAAN (RM)
1	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	66,169	6,616,900.00
2	Hadiah Anak Masuk Universiti	35,722	35,722,000.00
3	Skim Mesra Usia Emas	41,945	101,166,500.00
4	Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang	4,183	2,618,944.00
5	Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M ³) Pertama	1,343,632	710,254,490.45
6	Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel)	8,183	58,334,150.00
7	Skim Mikrokredit Wanita Ladang (WALA)	270	48,751.63
8	Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL)	18,545	1,790,320.00
9	Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR)	5,731	11,460,200.00
10	Insentif Perkahwinan Belia	399	79,800.00
11	Pusat Tuisyen Rakyat	20,799	14,657,506.00
12	Pusat Dialisis Rakyat	87	-
13	Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si KEMBAR)	400	229,400.00
14	Skim Bantuan Tadika (TUNAS)	4,218	1,247,836.00
15	Cuti Bersalin 90 Hari	30	-
16	Cuti Untuk Suami Yang Isterinya Bersalin Selama 14 Hari	1	-
17	Cuti Kematian Suami Selama 30 Hari	-	-
18	Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC)		
19	Jom Shopping (Warga emas + ibu tunggal)	105,809	10,580,900.00
		ROYALTI YANG DIBAYAR KEPADA KERAJAAN NEGERI SELANGOR (RM)	
20	Program Peningkatan Hasil Daripada Bahan Batuan & Mineral		51,422,166.85
	JUMLAH	1,656,123	954,807,698.08

- b) Impak positif yang ketara ialah kebajikan semua golongan masyarakat di Selangor terbela bermula dari lahir hingga ke liang lahat tanpa mengira kaum, umur serta fahaman politik berbanding program Pusat yang cenderung kepada parti-parti politik tertentu.
- c) Sebanyak RM77,850,030 telah dibajetkan bagi tahun 2014 untuk program-program MES bagi tahun 2014. Program-program MES akan sentiasa ditambah baik mengikut keperluan semasa serta kemampuan kewangan kerajaan negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PELABUR LUAR KE NEGERI SELANGOR

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan ramai pelabur-pelabur luar yang datang melabur di Negeri Selangor ?
 - b) Nyatakan bentuk-bentuk insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada pelabur-pelabur dari luar agar mereka dapat terus melabur di Negeri Selangor.
 - c) Senaraikan 7 buah Negara luar tertinggi yang melabur di Negeri Selangor dengan bidang dan jumlah pelaburan mereka, serta jumlah peluang pekerjaan yang ditawarkan.

JAWAPAN:

- a) Faktor-faktor utama yang menyebabkan Selangor terus dipilih sebagai destinasi pelaburan oleh pelabur-pelabur domestik dan luar adalah seperti berikut:-
 - i) Polisi dan kestabilan politik.
 - ii) Insentif pelaburan yang menarik daripada Kerajaan Persekutuan.
 - iii) Dasar Kerajaan Negeri yang mesra pelabur.
 - iv) Kedudukan Negeri Selangor yang strategik dan berdekatan dengan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan pintu masuk utama.
 - v) Kemudahan asas yang lengkap serta jalinan hubungan jalan raya yang terbaik.
 - vi) Kemudahan pelabuhan dan lapangan terbang untuk import dan eksport.
 - vii) Kemudahan pendidikan dan perubatan untuk pelabur asing (*expatriate*).
 - viii) Kemudahan tempat rekreasi seperti kelab golf dan pusat membeli belah yang bertaraf dunia.
 - ix) Penggunaan bahasa Inggeris yang meluas memudahkan para pelabur berkomunikasi dengan pekerja tempatan.
 - x) Hak Perlindungan Harta Intelek
 - xi) Penawaran buruh berkemahiran
- b) Secara dasarnya pihak Kerajaan Negeri tiada menawarkan sebarang insentif berbentuk kewangan. Tetapi, pihak Kerajaan Negeri menyediakan agensi khusus untuk membantu para pelabur dari mula proses mengenal pasti tapak, menyelaraskan permohonan-permohonan kelulusan pembangunan serta membantu

para pelabur menyelesaikan masalah yang dihadapi samada melibatkan pihak Kerajaan Negeri mahupun pihak Kerajaan Persekutuan.

- c) Senarai 7 buah Negara luar tertinggi yang melabur di Negeri Selangor dengan jumlah pelaburan serta jumlah peluang pekerjaan yang ditawarkan adalah seperti jadual di bawah:-

Projek Perkilangan Yang Diluluskan Mengikut Penyertaan Asing Bagi Tempoh 2000 Hingga 2013 Di Negeri Selangor

Bil.	Negara	Projek	Peluang Pekerjaan	Jumlah Modal Pelaburan (RM)	(RM Billion)
1.	Japan	424	31,809	11,958,368,216	11.958
2.	United States of America	96	24,594	10,267,683,397	10.267
3.	Singapore	288	25,252	6,604,400,901	6.604
4.	Germany	78	5,526	5,152,296,817	5.152
5.	Korea, Rep.	91	5,239	1,982,472,612	1.982
6.	China	87	6,707	1,754,264,039	1.754
7.	United Kingdom	88	6,151	1,589,453,596	1.589

Sumber : MIDA

Berdasarkan statistik projek perkilangan yang diluluskan di Negeri Selangor, **Industri Pembuatan Barangan Elektrik dan Elektronik mencatatkan jumlah pelaburan modal asing tertinggi berjumlah RM 20,494,192,99 (RM 20.494 bilion)**. Antara industri-industri yang melibatkan penyertaan pelaburan asing yang diluluskan di Negeri Selangor bagi tempoh 2000 hingga Ogos, 2013 adalah seperti berikut:-

Industri	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)	(RM Billion)
Electronics & Electrical Products	513	69,130	20,494,192,998	25,193,870,087	25.193
Non-Metallic Mineral Products	98	5,514	4,777,995,653	5,713,016,700	5.713
Food Manufacturing	292	22,511	4,764,439,648	8,983,247,073	8.983
Chemical & Chemical Products	299	12,392	4,251,157,946	9,404,284,294	9.404

Industri	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)	(RM Bilion)
Basic Metal Products	173	11,663	3,584,528,802	10,721,265,112	10.721
Transport Equipment	452	37,046	3,219,776,002	15,966,125,734	16.000
Machinery & Equipment	490	25,361	2,737,950,839	6,139,647,285	6.140
Fabricated Metal Products	404	21,194	1,637,587,382	4,063,902,537	4.064
Plastic Products	315	17,356	1,621,160,366	4,049,386,511	4.049
Paper, Printing & Publishing	111	8,221	1,564,638,023	4,479,099,691	4.480
Rubber Products	150	21,800	1,203,431,641	4,075,791,021	4.080
Petroleum Products (Inc. Petrochemicals)	40	1,374	854,490,151	1,195,211,054	1.200
Scientific & Measuring Equipment	94	8,400	579,496,700	1,601,628,914	1.601
Textiles & Textile Products	101	9,030	521,451,998	1,270,587,449	1.270
Beverages & Tobacco	16	1,910	371,230,773	644,334,419	644 juta
Miscellaneous	75	5,013	304,005,189	889,273,130	889 juta
Wood & Wood Products	106	6,662	228,914,203	1,119,192,609	1.120
Furniture & Fixtures	201	20,109	224,737,962	1,277,812,602	1.280
Leather & Leather Products	2	522	0	48,351,400	48 juta
Jumlah	3,932	305,208	52,941,186,276	106,836,027,622	106.84

Sumber : MIDA

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(PANDAMARAN)**

TAJUK : BANJIR KILAT DI PANDAMARAN

6. Banjir kilat telah melanda kawasan Pandamaran pada 3 September 2013 dan 5 September 2013 mengakibatkan 557 keluarga mengalami kerosakan harta benda yang serius.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah pendekatan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah banjir tersebut?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk menaik taraf kunci-air 51 di Jalan Papan Pandamaran dan membesarkan kolam tahanan yang sedia ada dan juga menaik taraf parit dan 'culvert' di Lorong Chinniah, Pandamaran untuk mengatasi masalah banjir di kawasan Pandamaran?

JAWAPAN:

- a) Pendekatan yang diambil bagi mengatasi masalah banjir tersebut adalah dengan melaksanakan program atau pelan strategik yang telah dirancang di antaranya adalah seperti berikut :
- i) Pendekatan jangka pendek dan berterusan iaitu dengan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan secara berkala terhadap sistem perparitan dan seperti kolam takungan serta rumah pam sedia ada.
- ii) Membuat kerja-kerja pembaikan terhadap perparitan sedia ada bagi melancarkan alir air.
- iii) Melaksanakan pembangunan pembinaan perparitan atau sistem kawalan banjir berdasarkan kepada Pelan Induk Pengurusan Aliran Ribut dan Kajian Perparitan Klang yang disediakan pada tahun 2009 oleh Jabatan Pengairan & Saliran Malaysia.

Merujuk kepada Pelan Induk tersebut, kawasan Pandamaran juga merupakan sebahagian kawasan tadahan di mana ianya terletak di dalam kawasan tadahan Sungai Aur dengan perancangan yang telah dicadangkan seperti membina parit-parit konkrit dan komponen-komponennya.

Perlaksanaan kerja akan dilakukan secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan dan juga berdasarkan kepada peruntukan yang diluluskan. Jumlah peruntukan yang diperlukan bagi rancangan tebatan banjir kawasan tadahan Sg Aur adalah sebanyak RM112 juta berbanding dengan kos keseluruhan kawasan Klang berjumlah RM1.4 billion.

- b) Pada masa ini dimaklumkan pihak JPS Klang telah memanggil kerja-kerja menaik taraf kunci air 51 di Jalan Papan, Pandamaran. Terdapat parit konkrit di Lorong Chinniah yang di selenggara oleh Majlis di mana masalah banjir yang berlaku di kawasan tersebut juga dipengaruhi oleh pengawalan dan kapasiti kunci air 51 yang terletak di hilir kawasan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(IJOK)**

TAJUK : BELIA

7. Ramai belia di desa yang menganggur dan menimbulkan masalah sosial.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah dasar dan perancangan Kerajaan Negeri Selangor dari segi latihan kemahiran / vokasional bagi belia-belia di desa?
- b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengurangkan penghijrahan belia dari desa ke kota?

JAWAPAN:

- a) Dasar dan perancangan Kerajaan Negeri Selangor dari segi latihan kemahiran / vokasional bagi belia-belia di desa adalah melalui kerjasama yang dijalinan bersama pihak INSPENS untuk memberikan latihan seperti dalam bidang kecantikan, automatif, pendandan rambut, elektrik, elektronik, motosikal, sistem komputer dan penyaman udara. Latihan-latihan yang dijalankan ini sebagai persediaan kepada mereka dalam menghadapi persaingan untuk mendapatkan peluang pekerjaan dalam bidang kemahiran / vokasional. Di samping itu, kerajaan negeri juga telah mengadakan program-program seperti SPIES untuk menonjolkan aspek kepimpinan di kalangan belia sebagai pemimpin pada masa akan datang.
- b) Rancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengurangkan penghijrahan belia dari desa ke kota adalah melalui langkah-langkah sebagaimana berikut :-
 - i) Sektor pertanian perlu dimajukan dengan memberi bantuan kewangan, bantuan nasihat dan menyatukan kawasan tanah pertanian yang sempit dalam konsep pertanian bersepadu. Kaedah moden diperkenalkan seperti menggalakkan penggunaan bijih benih yang bermutu tinggi, penggunaan jentera, baja organik, racun serangga supaya hasil pengeluaran dapat ditingkatkan. Di samping itu, pihak kerajaan juga perlu memperbaiki kemudahan infrastruktur di luar bandar. Bekalan elektrik, air, kemudahan perhubungan dan pengangkutan perlu dibina di kawasan luar bandar. Dengan kemajuan luar bandar dan meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar, maka mereka tidak akan berhijrah ke bandar. Keadaan ini dapat mengawal proses urbanisasi yang pesat.

- ii) Untuk mengurangi aliran penduduk kawasan desa boleh digalakkan untuk membangunkan dalam sektor industri desa seperti industri memproses hasil-hasil pertanian, industri kraf tangan dan industri makanan. Dengan ini kawasan luar bandar akan dimajukan. Usaha-usaha memodenkan ekonomi luar bandar dibantu dengan pinjaman kewangan oleh kerajaan negeri serta khidmat nasihat oleh badan-badan tertentu. Dengan proses memodenkan ekonomi luar bandar, penduduk luar bandar akan melibatkan dalam sektor-sektor ekonomi moden ini dan mewujudkan peluang bagi mereka untuk memajukan ekonomi diri sendiri

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : PERUMAHAN MAMPU MILIK PKNS

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah definisi "rumah mampu milik" PKNS?
 - b) Berapakah jumlah unit, jenis serta lokasi rumah mampu milik yang telah dibina PKNS berbanding rumah kos sederhana dan tinggi dari 2008-2013?
 - c) Berapakah jumlah unit rumah mampu milik yang akan dibina oleh PKNS sepanjang 5 tahun ini?

JAWAPAN:

- a) Definisi "Rumah Mampu Milik" PKNS adalah sebuah inisiatif holistic di dalam menyediakan kediaman mampu milik yang berkualiti untuk rakyat Selangor. Pendapatan isi rumah, pelbagai keperluan sosial serta peringkat demografik turut diambilkira dalam menghasilkan kejiranan yang terancang, selesa serta dilengkapi dengan kemudahan serba lengkap. Harga jualan adalah dikawal dan ditetapkan oleh Kerajaan Negeri, yang mana harga yang ditawarkan untuk rumah mampu milik PKNS adalah dari RM60,000 hingga RM185,000 mengikut keluasan rumah.
- b) Rumah Mampu Milik yang telah dibina oleh PKNS berbanding rumah kos sederhana dan tinggi dari 2008 – 2013 adalah seperti berikut :-

LOKASI	MAMPU MILIK (UNIT)	KOS RENDAH (UNIT)	KOS SEDER. (UNIT)	KOS TINGGI (UNIT)
Bukit Botak	1,422 Rumah Berkembar			
Seri Kejora, Subang Bestari	254 Apartment			
Antara Gapi	129 Teres		66 Link Berkembar	36 Berkembar 1 Tkt.

LOKASI	MAMPU MILIK (UNIT)	KOS RENDAH (UNIT)	KOS SEDER. (UNIT)	KOS TINGGI (UNIT)
				64 Link 2 Tkt.
				128 Link 2 Tkt.
Gombak			704 Apartment	
Rawang (Rasa)			85 Teres 1 Tkt.	
Kuala Selangor				75 Rumah Sesebuah
			121 Link 2 Tkt	48 Berkembar 1 Tkt.
			121 Link 2 Tkt.	4 Rumah Sesebuah
Kota Puteri			64 Link 2 Tkt.	46 Rumah Sesebuah
			145 Teres 1 ½ Tkt.	

LOKASI	MAMPU MILIK (UNIT)	KOS RENDAH (UNIT)	KOS SEDER. (UNIT)	KOS TINGGI (UNIT)
			152 Link 2 Tkt.	
			356 Teres 1 Tkt.	
			67 Rumah Sesebuah	
			267 Link 2 Tkt.	
			60 Rumah Sesebuah	
			162 Link 2 Tkt	
Bernam Jaya			119 Teres 1 Tkt.	26 Rumah Cantuman
			20 Rumah Cantuman	
Kuang		180 Pangsapuri		45 Teres 2 Tkt.
Kelana Jaya				12 Kembar 2 Tkt.
Puchong			55 Pangsapuri	

LOKASI	MAMPU MILIK (UNIT)	KOS RENDAH (UNIT)	KOS SEDER. (UNIT)	KOS TINGGI (UNIT)
Shah Alam/ Alam Nusantara	104 Apartment		170 Link 2 Tkt	70 Berkembar 2&3 Tkt.
	432 Apartment		50 Link 2 Tkt	52 Berkembar 2 Tkt.
			144 Link 2 Tkt.	37 Link 2 Tkt.
			167 Pangsapuri	64 Link 2 Tkt.
			300 Pangsapuri	22 Rumah Kembar
				28 Banglo Kembar
				124 Link 2 Tkt.
				213 Link 2 Tkt.
				146 Link 2 Tkt
				26 Rumah Bandar 3 Tkt
				134 Link 2 Tkt.
Bangi	124 Apartment		210 Apartment	46 Berkembar 2 Tkt.
	400 Apartment (Penswastan - O.D. Cons. Sdn Bhd)		157 Apartment	106 Link 2 Tkt.
				14 Banglo Kembar 2 Tkt.
				48 Banglo Kembar 2 ½ Tkt.

LOKASI	MAMPU MILIK (UNIT)	KOS RENDAH (UNIT)	KOS SEDER. (UNIT)	KOS TINGGI (UNIT)
				14 Banglo Kembar 2 Tkt.
				48 Banglo Kembar 2 ½ Tkt.
				112 Link 2 Tkt
Kota Damansara			100 Pangsapuri	50 Superlink 2 Tkt.
			192 Pangsapuri	
JUMLAH KESELURUHAN	2,865	180	4,054	1,838

- c) Senarai Rumah Mampu Milik PKNS yang akan dibina dari tahun 2014 – 2020 (anggaran 5 tahun) seperti berikut :-

Tahun Pembinaan	Daerah	Lokasi	Bil. Unit	Jenis Rumah
2014	Gombak	Kg. Sri Temenggung	418	Apartment
		Seksyen 5, K.Puteri	198	Townhouse
	Hulu Selangor	Antara Gapi	80	Teres
	Klang	Jalan Dato' Mat Sidin	210	Apartment
	Petaling	Subang Bestari, Shah Alam	122	Apartment
		Jumlah	1028	
2015 – 2020	Gombak	Kota Puteri	7,000	Apartment
	Hulu Selangor	Antara Gapi	1,147	Apartment
		Rasa	320	Apartment
		Bernam Jaya	5,000	Apartment

Tahun Pembinaan	Daerah	Lokasi	Bil. Unit	Jenis Rumah
	Petaling	Seksyen U10 & Seksyen U12 Shah Alam	1,450	Apartment
		Subang	118	Apartment
	Sepang	SSP2	840	Apartment
	Petaling	Subang Bestari, Shah Alam	118	Apartment
	Kuala Selangor	Puncak Alam	72	Apartment
Jumlah			16065	
Penswastan	Must Ehsan Dev. Sdn Bhd	U12 Cahaya Alam	840	Apartment
	Debbin Sdn Bhd	U12 Setia Alam	104	Apartment
Jumlah			944	
Jumlah Keseluruhan			18,037	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : SILIBUS MAJLIS ILMU MASJID DAN SURAU

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah hala tuju majlis-majlis ilmu dalam membentuk fikrah dan sahsiah umat Islam seluruh Selangor?
 - b) Apakah rancangan kerajaan untuk membangunkan silibus majlis ilmu ke arah cita-cita Selangor sebagai *Baldatun Tayyibatun wa Rabbun Ghafur*?
 - c) Apakah tiga bidang paling popular dalam majlis-majlis ilmu seluruh Selangor?

JAWAPAN:

- a) Hala tuju majlis-majlis ilmu dalam membentuk fikrah dan sahsiah umat Islam seluruh Selangor yang berlangsung di masjid-masjid dan surau-sarau ialah:
 - i) Dapat menghilangkan kejahilan umat Islam dan seterusnya dapat membangunkan umat Islam dari kelesuan dan kelalaian;
 - ii) Dapat meneguhkan jati diri umat Islam daripada terjebak kepada maksiat dan tersalah akidah kepada jati diri yang ampuh, kuat dan memiliki akidah yang mantap;
 - iii) Dapat memupuk sahsiah dan akhlak Islam yang mapan;
 - iv) Dapat membina fikrah Islam secara jelas seperti memahami Islam secara **syumul** dan **relevan** mengikut zaman;
 - v) Mengguna pakai kitab-kitab yang sesuai kepada pembinaan fikrah seperti "Apa Ertinya Saya Menganut Islam" oleh Fathi Yakan dan kitab-kitab Sirah, Tafsir dan Fiqh Siasah as Syar'iyah.
- b). Rancangan kerajaan untuk membangunkan silibus majlis ilmu ke arah cita-cita Selangor sebagai *Baldatun Taiyyibatun wa Rabbun Ghafur* ialah:
 - i) Penambahbaikan silibus yang sesuai kepada guru-guru bertauliah dan guru takmir;
 - ii) Melantik guru-guru baru yang sesuai dan mampu mengupas konsep *Baldatun Taiyyibatun wa Rabbun Ghafur*,

- iii) Menyarankan jadual pengajian kitab-kitab Sirah, Tafsir, kitab-kitab Siasah as Syar'iyah seperti Fiqh Daulah, kitab-kitab muamalah Islam dan lain-lain ke arah pemahaman konsep;
 - iv) Menganjurkan seminar, simposium, forum dan khutbah Jumaat yang mendedahkan konsep *Baladatun Taiyyibatun wa Rabbun Ghafur*;
 - v) Mengadakan wacana, forum, tazkirah Ramadhan di padang-padang awam seperti berlaku di Dataran Shah Alam, di PADAT setiap Sabtu, di Tapak Pasar Tani Shah Alam setiap Ahad dan di masjid-masjid terpilih bergilir mengikut daerah-daerah.
 - vi) Mengadakan kerjasama dengan NGO-NGO Islam, PBT dan JKKK dalam pelaksanaan dakwah dan program ilmu fokus golongan sasaran seperti pelaksanaan forum santai di Pantai Morib atau padang-padang awam yang lain fokus kepada muda mudi.
 - vii) Kursus-kursus kepada anak-anak remaja musim cuti sekolah penekanan ilmu, amal, iman, rekreasi, *game* dan lain-lain di lebih 36 masjid-masjid terpilih di Selangor.
- c) Di antara penghayatan bidang ilmu yang paling diminati dan popular diajarkan di masjid dan surau ialah:
- i. Fiqh
 - ii. Tasauf dan
 - iii. Tauhid (akidah Islam).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELUK DATOK)**

TAJUK : SEKTOR PELANCONGAN DI NEGERI SELANGOR

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah peruntukkan yang digunakan untuk memaju dan mempromosikan sektor pelancongan di Negeri Selangor.
- i) Jumlah pecahan mengikut susunan Daerah sejak tahun 2008 hingga Bulan Oktober 2013,
- ii) Sila menyatakan jenis-jenis projek dan program yang telah di lancarkan di Daerah Kuala Langat;
- iii) Sebarang projek dan cadangan untuk membangunkan kolam-kolam di Bandar Saujana Putra sebagai tempat beristirahat, riadah dan aktiviti sukan air?

JAWAPAN:

- c) Jumlah **pecahan peruntukkan** bagi memajukan sektor pelancongan di Negeri Selangor bagi tahun 2008 – 2013 adalah berjumlah **RM 11.6 juta** dengan pecahan seperti jadual di bawah. Manakala **pecahan bagi setiap daerah** adalah seperti di **Lampiran A**

TAHUN	(RM)
2008	2,127,041.35
2009	3,475,628.00
2010	1,101,795.00
2011	2,141,592.85
2012	1,926,533.58
2013	889,000.00
JUMLAH	11.6 juta

- d) Antara projek-projek menaik taraf dan program pelancongan di daerah Kuala Langat adalah seperti berikut:

Bil.	Projek
1.	Membina papan tanda informasi di sekitar daerah Kuala Langat
2.	Penyelenggaraan kemudahan awam di Pusat Paragliding Bukit Jugra, Banting
3.	Pemasangan lampu awam di Pantai Morib, Banting
4.	Program <i>Visit Kuala Langat</i>

Manakala berikut adalah acara-acara & program pelancongan yang telah dijalankan di daerah Kuala Langat bagi tahun 2009 – 2013:-

Paragliding (World Cup Accuracy)

- i) Tourism Selangor Day Out Kuala Langat
 - ii) Pertandingan Wau Tegak dan Cantik
 - iii) Mega FAM Trip (Media)
 - iv) MTB Jamboree D Wet
 - v) Morib Triathlon 2013
 - vi) Pameran Visit Kuala Langat 2013
- e) Kolam – kolam yang terdapat di Bandar Saujana Putra adalah merupakan pemilikan individu iaitu yang dimiliki oleh Karisma Mantap Sdn. Bhd. Kerajaan Negeri bersedia untuk membantu pembangunan kolam-kolam ini jika pemilik bercadang untuk membangunkan kolam-kolam ini bagi tujuan pelancongan dan sebagainya.

LAMPIRAN A

BIL.	Agensi	2008	2009	2010	2011	2012	2013
1.	MBSA	-	-	-	45,000.00	50,000.00	
2.	MBPJ	-	-	19,945.00	-	-	
3.	MPK	-	-	130,245.00	218,450.00	90,000.00	50,000.00
4.	MPAJ	-	-	-	37,500.00	-	
5.	MPSJ		-	-	-	43,662.00	
6.	MPS	-	-	-	97,500.00	90,988.00	250,000.00
7.	MPKJ	-	-	19,945.00	37,500.00	-	
8.	MPSp	-	-	130,245.00	22,500.00	-	170,000.00
9.	MDHS	-	-	-	82,500.00	96,970.00	50,000.00
10.	MDKS	1,047,855.40	373,054.40	130,245.00	37,500.00	237,905.00	
11.	MDKL	759,745.20	-	-	67,500.00	308,362.80	
12.	MDSB	-	373,054.40	19,945.00	37,500.00	319,958.22	199,000.00
13.	PDT PETALING	-	-	-	-	-	
14.	PDT KLANG	-	-	-	-	-	
15.	PDT GOMBAK	-	-	-	-	-	
16.	PDT KUALA LANGAT	-	-	130,245.00	-	-	
17.	PDT HULU LANGAT	-	-	130,245.00	55,867.47	-	
18.	PDT SEPANG	-	-	-	-	75,500.00	
19.	PDT HULU SELANGOR	-	-	130,245.00	-	-	

20.	PDT KUALA SELANGOR	-	-	-	-	-	
21.	PDT SABAK BERNAM	-	-	130,245.00	-	-	
22.	JPNS	-	-	-	-	200,000.00	20,000.00
23.	TSSB	319,440.75	2,729,519.20	130,245.00	1,402,275.38	413,187.56	150,000.00
JUMLAH		2,127,041.35	3,475,628.00	1,101,795.00	2,141,592.85	1,926,533.58	889,000.00
JUMLAH 2008- OKT 2013		11.6JUTA					

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : MEMBAIK PULIH JALAN-JALAN KAMPUNG TRADISI DI PINGGIR BANDAR

11. Terdapat banyak jalan-jalan dan longkang di kampung-kampung tradisi di kawasan pinggir bandar terletak di tanah-tanah persendirian. Jalan-jalan ini telah wujud sekian lama. Mesyuarat MMKN terdahulu telah meluluskan agar peruntukan Kerajaan Negeri boleh digunakan untuk membaiki jalan-jalan yang telah sedia ada.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyak jalan-jalan tersebut telah direkodkan oleh pihak PBT atau Pejabat Daerah?
- b) Berapa peruntukan disediakan untuk membaiki jalan-jalan tersebut?
- c) Apakah halangan Kerajaan Negeri untuk melaksanakannya?

JAWAPAN:

- a) Tiada rekod khusus bagi jalan/laluan awam yang berada di tanah hak milik persendirian. Walau bagaimanapun, pada ketika ini Jabatan/Agensi terlibat telah melaksanakan tindakan proaktif untuk mengumpulkan maklumat dan merekodkan jalan/laluan awam yang berada di atas tanah hak milik persendirian. Perkara ini masih di dalam proses awal pengumpulan maklumat tersebut.
- b) Lazimnya, Kerajaan Negeri tidak menyediakan peruntukan khusus bagi tujuan kerja-kerja penyelenggaraan/baik pulih jalan di tanah hak milik persendirian. Sekiranya peruntukan Kerajaan Negeri ingin digunakan, maka pemilik tanah perlu menyerahkan tanah hak milik yang digunakan untuk laluan awam kepada Kerajaan Negeri untuk penyelenggaraan. Walau bagaimanapun permohonan untuk penyelenggaraan dan baik pulih ini boleh mengguna pakai peruntukan ADUN/EXCO bagi kerja-kerja tersebut.
- c) Sememangnya terdapat halangan dan kekangan bagi Kerajaan Negeri menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan/baik pulih jalan dan longkang di tanah hak milik persendirian. Bagi tanah hak milik persendirian yang dijadikan laluan awam, ianya perlulah melalui proses serah semula kepada Kerajaan Negeri bagi membolehkan kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(BATANG KALI)**

TAJUK : PELUPUSAN SISA PEPEJAL

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Berapakah kawasan pelupusan sisa pepejal yang diurus oleh pihak PBT Hulu Selangor? Nyatakan lokasinya.
 - b) Berapakah kawasan pelupusan sisa pepejal di dalam DUN Batang Kali yang diurus oleh pihak bukan PBT yang diberi lesen?
 - c) Apakah kriteria pemberian lesen kepada pihak pengurusan pelupusan sisa pepejal yang bukan diurus oleh PBT?

JAWAPAN:

a)

Bil.	Nama Kawasan
1.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Bukit Beruntung.
2.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sungai Sabai, Kalumpang.

- b) Tiada
- c) PBT melantik operator bagi menguruskan tapak pelupusan sisa pepejal dengan spesifikasi yang telah ditetapkan. Tiada lesen dikeluarkan untuk tapak pelupusan lain selain yang diuruskan sendiri oleh PBT kecuali Tapak Pelupusan Bukit Tagar, adalah di bawah lantikan Kerajaan Persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : MERAKYATKAN EKONOMI NEGERI SELANGOR (MES)

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan terbaru bagi kelangsungan MES?
- b) Kenapakah program "JOM Shopping" SMUE diberhentikan?

JAWAPAN:

- a) Sepertimana tema bajet 2014 iaitu 'Meneruskan Kecemerlangan', program-program MES sebelum ini bukan sahaja akan diteruskan malah akan sentiasa ditambah baik demi kelangsungan keprihatinan Kerajaan Negeri kepada Rakyat Selangor.
- b) JOM Shopping merupakan satu program 'one off' yang diwujudkan sebagai salah satu manfaat semasa hidup bagi warga emas yang berdaftar dengan Skim Mesra Usia Emas. Sejumlah RM10 juta telah diperuntukkan di peringkat awal dan kemudiannya telah ditambah RM1.6 juta pada awal tahun 2013 yang lalu menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan adalah RM11.6 juta semuanya. Ia sudah pastinya tidak diberikan kepada seluruh ahli yang berdaftar tetapi mengutamakan mereka yang telah lama berdaftar menjadi ahli SMUE. Pendekatan yang digunakan adalah "first come , first serve" dan siapa yang berminat sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(BALAKONG)**

TAJUK : BANTUAN KEWANGAN KEPADA NGO

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah pihak Kerajaan merancang untuk memberi bantuan kewangan kepada NGO kebajikan seperti pusat jagaan OKU, rumah anak yatim dan sebagainya?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri amat prihatin dengan badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan sentiasa membantu mereka dalam melaksanakan program-program kebajikan di Negeri Selangor. Buat masa sekarang, Kerajaan Negeri melalui pelbagai Jawatankuasa Tetap bersedia membantu dari segi pelaksanaan program-program yang berkaitan berdasarkan kepada permohonan yang diterima serta mengadakan program usaha sama dengan NGO yang berkaitan.

Selaras dengan visi Kerajaan Negeri yang mementingkan kebajikan rakyatnya, bantuan ini dapat disalurkan secara minimum bagi memastikan NGO di Selangor yang membuat permohonan mendapat manfaat secara sama rata oleh Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : KESELAMATAN AWAM DAN KADAR JENYAH

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang dilaksanakan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi mencegah dan mengurangkan kadar jenayah?
- b) Senaraikan pecahan jumlah CCTV yang dipasang menggunakan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor, yang telah dipasang mengikut pecahan PBT bagi tahun 2008-2013.
- c) Senaraikan jumlah pegawai penguatkuasa yang ditugaskan bagi tujuan membuat rondaan di kawasan untuk mencegah jenayah mengikut pecahan PBT bagi tahun 2012-2013.

JAWAPAN:

- a) Langkah- langkah yang dilaksanakan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi mencegah dan mengurangkan kadar jenayah adalah seperti berikut:

BIL	PBT	LANGKAH- LANGKAH YANG DIJALANKAN
1.	MBSA	<p>Program-program yang dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam bagi mencegah dan mengurangkan jenayah termasuklah :-</p> <p>1.Program Blackspot dan Hotspot Peruntukan diperolehi di bawah program NKRA Bandar Selamat untuk menaik taraf dan juga mengambil tindakan berdasarkan 5 langkah bandar selamat yang telah dikenal pasti iaitu :</p> <ol style="list-style-type: none"> i) Pengasingan laluan pejalan kaki dengan kenderaan bermotor ii) Penyediaan rel penghadang iii) Cermin keselamatan iv) Pencahayaan v) Tempat Letak Motosikal Berkunci <p>2. Mengenal pasti Hot Spot Jenayah Melalui Sistem Pemantauan Program Bandar Selamat (SPBS)</p> <p>3. Projek Penambahbaikan NKRA Bandar Selamat melalui Peruntukan Kerajaan Persekutuan.</p> <p>4. Pengawasan Pembangunan melalui 'Crime Prevention Thru Design' (CPTED)</p> <p>5. Mesyuarat Jawatankuasa Program Bandar Selamat Dan Bebas Halangan MBSA (bersidang setiap bulan).</p>

		<p>6. Pemantauan melalui pemasangan CCTV :</p> <ol style="list-style-type: none"> a. 24 CCTV di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan (KDN) b. 50 CCTV di bawah peruntukan Kerajaan Negeri Selangor c. Kawalan dibuat di Bilik Kawalan CCTV yang beroperasi 24 jam setiap hari. <p>7. Peningkatan Ilmu melalui program :</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Lawatan Kerja Program Bandar Selamat ke Majlis Perbandaran Pulau Pinang. b. Lawatan Kerja CCTV ke Perbadanan Putrajaya c. Bengkel Pemantapan Pelaksanaan Garis panduan CPTED d. Lawatan Kerja Projek CCTV MBSA ke Pusat IT IS, DBKL & PKT Logistik Sdn. Bhd. (Pengendalian CCTV di Jabatan Kerajaan dan Pihak Swasta) e. Bengkel Memperkasa Kawasan Sasaran (Hotspot Jenayah 2012) f. Taklimat Sistem SPBS dan PRS bersama pihak Polis. g. Program Pemberian Topi Keledar (Helmet) Percuma Kepada Penunggang Motosikal Sempena Kempen Selamat Balik Kampung. h. Projek Perintis Bersama Philips Lighting Malaysia : Pemasangan Lampu "LED White Streetlight" i. Mengemas kini Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) Data 2010 -2011. j. Audit Keselamatan Jejantas (bersama pihak JPBD Semenanjung Malaysia)
2.	MBPJ	<p>Langkah – langkah yang dilaksanakan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi mencegah dan mengurangkan kadar jenayah adalah :</p> <p><u>Langkah 1: Pengasingan Laluan Pejalan Kaki Dari Laluan Bermotor</u></p> <ol style="list-style-type: none"> i. Penyediaan laluan pejalan kaki khusus ii. Penyediaan bollard iii. Penyediaan rel penghadang <ul style="list-style-type: none"> - Lokasi penting penyediaan rel penghadang di sekitar Petaling Jaya adalah melibatkan kawasan perumahan, perkhidmatan seperti hotel, sekolah dan plaza dan juga melibatkan kawasan komersil. iv. Penyediaan tanaman landskap v. Penyediaan laluan motosikal khas <p><u>Langkah 2: Pelaksanaan Reka Bentuk Persekitaran Fizikal Yang Selamat (CPTED)</u></p>

		<ul style="list-style-type: none"> - Antara yang terkandung dalam (CPTED) adalah seperti : <ul style="list-style-type: none"> a) Garis panduan reka bentuk persekitaran fizikal yang selamat (CPTED). b) Panduan pelaksanaan pencahayaan c) Panduan pelaksanaan laluan pejalan kaki khusus d) Panduan pelaksanaan penanaman landskap e) Panduan pelaksanaan penyediaan bollard dan rel penghadang f) Garis panduan pemasangan CCTV di premis perniagaan dan tempat awam g) Manual pelaksanaan pemetaan GIS jenayah <p><u>Langkah 5: Penyediaan Cermin Keselamatan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Di antara lokasi penting bagi penyediaan cermin keselamatan di sekitar Petaling Jaya adalah melibatkan kawasan perumahan, perkhidmatan seperti sekolah dan perniagaan yang sering kali menjadi tempat tumpuan / kunjungan orang ramai. <p><u>Langkah 6: Penyediaan Papan Tanda Peringatan Jenayah</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Di antara lokasi penting bagi penyediaan papan tanda peringatan jenayah di sekitar Petaling Jaya adalah melibatkan kawasan perumahan, perkhidmatan seperti sekolah dan perniagaan yang sering kali menjadi tempat tumpuan / kunjungan orang ramai. <p><u>Langkah 8: Penyediaan Tempat Letak Motosikal Berkunci</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Di antara lokasi penting bagi penyediaan cermin keselamatan di sekitar Petaling Jaya adalah melibatkan kawasan perumahan dan perniagaan yang sering kali menjadi tempat tumpuan / kunjungan orang ramai. <p><u>Langkah 9: Pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di premis perniagaan dan tempat awam.</u></p> <p><u>Langkah 10: Pencahayaan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Di antara lokasi penting bagi penyediaan cermin keselamatan di sekitar Petaling Jaya adalah melibatkan kawasan – kawasan perumahan terutamanya kawasan perumahan flat dan pangsapuri.
3.	MPK	a. Majlis Perbandaran Klang bekerjasama dengan IPD Klang (Utara & Selatan) dengan mengenal

		<p>pasti lokasi <i>hotspot</i> jenayah dan pemasangan 5 langkah segera (pencahayaan, pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor, cermin keselamatan, papan tanda dan tempat letak motosikal berkunci);</p> <p>b. Hebahan program bandar selamat melalui pameran dan risalah; dan</p> <p>c. Pemasangan CCTV menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri di kawasan <i>hotspot</i></p> <p>d. Mengadakan kerjasama dengan Agensi dan Masyarakat setempat dalam mengawal jenayah seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menubuhkan rukun tetangga - Menubuhkan sistem rondaan sukarela - Menubuhkan klinik cure and care - Mengadakan program kemasyarakatan yang lain seperti gotong royong dan pengindahan kawasan.
4.	MPSJ	<p>i) Melaksanakan lima elemen Bandar Selamat di kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya iaitu :</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Laluan pejalan kaki/laluan basikal & rel penghadang b. Papan tanda pencegahan jenayah c. Tempat letak motosikal berkunci d. Pencahayaan e. Cermin keselamatan <p>ii) Penyediaan lampu jalan/taman untuk elemen pencahayaan Tahun 2013 sebanyak RM 2,000,000.00 (2 juta) di bawah peruntukkan infrastruktur Majlis Perbandaran Subang Jaya.</p> <p>iii) Penyediaan CCTV sebanyak 174 unit dari tahun 2006 hingga Tahun 2013 di mana peruntukan dari :</p> <ol style="list-style-type: none"> a. 100 unit- Majlis Perbandaran Subang Jaya b. 50 unit - Kerajaan Negeri (UPEN) c. 24 unit - Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. <p>iv) Mengambil maklum 47 permohonan Guarded Community (GC) dari Tahun 2008 hingga 2013 (Tahun 2013 ialah 3 permohonan daripada 47 permohonan)</p>
5.	MPAJ	<p>Lima (5) Langkah Program Bandar Selamat untuk dilaksanakan di MPAJ adalah:</p> <ol style="list-style-type: none"> a) Pencahayaan b) Rel Pengadang c) Cermin keselamatan d) Tempat letak motor berkunci

		e) Papan tanda peringatan/amaran
6.	MPS	<p>Majlis bekerjasama dengan pihak polis dan masyarakat setempat dalam melaksanakan langkah seperti berikut :-</p> <p>a) Merancang dan melaksanakan program Bandar Selamat</p> <p>b) Penyediaan papan tanda peringatan jenayah</p> <p>c) Penyediaan CCTV</p> <p>d) Pencegahan melalui penyediaan kemudahan infrastruktur selamat</p> <p>e) Membasmi kawasan –kawasan berisiko</p>
7.	MPSepang	<p>a. Jawatankuasa Program Bandar Selamat Majlis Perbandaran Sepang, lima (5) langkah yang akan dan sedang dilaksanakan oleh Majlis adalah seperti berikut :</p> <p>i. Pencahayaan ;</p> <p>ii. Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor ;</p> <p>iii. Penyediaan tempat letak motosikal berkunci ;</p> <p>iv. Penyediaan dan pemasangan papan tanda peringatan jenayah ;</p> <p>v. Penyediaan dan pemasangan cermin keselamatan</p>
8.	MPKj	<p>Pihak Majlis melaksanakan 15 langkah Program Bandar Selamat yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Selangor di lokasi-lokasi hotspot yang dikenal pasti oleh IPD Kajang seperti penyediaan tempat letak motosikal, pengasingan laluan bermotor dengan pejalan kaki, penggera keselamatan, CCTV, pencahayaan dan sebagainya yang dipantau oleh Mesyuarat Program Bandar Selamat Majlis Perbandaran Kajang untuk mengurangkan kadar jenayah tempatan.</p>
9.	MDKL	<p>a. Menjalankan projek-projek pemasangan elemen pencegahan jenayah seperti pemasangan cermin keselamatan, pemasangan rel penghadang, pencahayaan di tempat-tepat cenderung berlaku jenayah, pemasangan papan tanda peringatan jenayah dan lain-lain</p> <p>b. Program sosial seperti kesedaran pihak awam dalam membanteras jenayah seperti ceramah, pengawasan kejiwaan, Kepolisan Masyarakat dan lain-lain.</p>
10.	MDHS	<p>MDHS telah melaksanakan 5 langkah inisiatif Bandar selamat yang mana meliputi :</p> <p>(1) Pengasingan laluan Pejalan kaki dengan kenderaan bermotor,</p> <p>(2) Pemasangan Cermin Keselamatan,</p> <p>(3) Pencahayaan kawasan berpotensi berlaku</p>

		<p>jenayah, (4) penyediaan tempat letak motosikal berkunci dan (5) pemakaian garis panduan Reka Bentuk Bandar selamat kepada pembangunan-pembangunan baru.</p> <p>Bermula Oktober 2013 MDHS telah menjalankan satu lagi langkah baru dengan menggunakan pakai Sistem Pemantauan bandar selamat (SPBS) bagi mengawal jenayah dalam daerah Hulu Selangor.</p>
11.	MDKS	<p>Langkah-langkah Program Bandar Selamat bagi mengurangkan kadar jenayah di Kawasan Majlis Daerah Kuala Selangor adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor ii. Pencahayaan iii. Cermin Keselamatan iv. Pemasangan tempat letak motosikal berkunci v. Papan tanda peringatan jenayah
12.	MDSB	<p>Program yang telah dilaksanakan dibawa Jawatankuasa Bandar Selamat ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i Pencahayaan ii Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor iii Rel penghadang jalan iv Papan tanda pencegahan jenayah dan; v Cermin keselamatan.

- b) Berikut adalah pecahan jumlah CCTV yang dipasang menggunakan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor, yang telah dipasang mengikut pecahan PBT bagi tahun 2008-2013.

PBT	BILANGAN CCTV	
	PROJEK KPKT	PROJEK KERAJAAN NEGERI
MBSA	24	50
MBPJ	24	60
MPK	16	60
MPAJ	24	-
MPSJ	24	50
MPS	24	50
MPKj	16	60
MPSp	30	50
MDKL	-	10
MDKS	-	8

PBT	BILANGAN CCTV	
	PROJEK KPKT	PROJEK KERAJAAN NEGERI
MDHS	-	8
MDSB	-	8
JUMLAH	182	414

- c) Berikut adalah jumlah pegawai penguat kuasa yang ditugaskan bagi tujuan membuat rondaan di kawasan untuk mencegah jenayah mengikut pecahan PBT bagi tahun 2012-2013 :

BIL	PBT	JUMLAH PEGAWAI PENGUAT KUASA YANG DITUGASKAN BAGI TUJUAN RONDAAN 2012-2013
1.	MBSA	Seramai 12 orang petugas digilirkan untuk mengawal CCTV yang beroperasi selama 24 jam sehari. Hanya 3 orang petugas bagi setiap 1 syif dipertanggungjawabkan untuk mengawal CCTV. Rondaan anggota penguat kuasa berdasarkan aduan penduduk yang dibuat dan kawalan sekali rondaan bagi satu-satu kawasan adalah seramai 5 orang.
2.	MBPJ	8 anggota pegawai peronda
3.	MPK	6 anggota pegawai peronda
4.	MPAJ	27 orang anggota penguat kuasa dengan diketuai oleh 1 orang Pen. Pegawai Penguat kuasa.
5.	MPSJ	i. Zon Subang Jaya - 21 anggota ii. Zon Puchong - 21 anggota iii. Zon Serdang - 21 anggota Rondaan bermula dari jam 0830 pagi sehingga jam 11 malam. Rondaan mengikut jadual yang telah ditetapkan 7 hari seminggu.
6.	MPS	Rondaan hanya dilakukan atas permintaan pihak PDRM
7.	MPKj	Tiada anggota ditugaskan untuk tujuan rondaan
8.	MPSp	Belum dilaksanakan
9.	MDKL	6 anggota pegawai peronda
10.	MDHS	5 anggota pegawai peronda
11.	MDKS	Tiada anggota ditugaskan
12.	MDSB	4 anggota pegawai peronda

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : GAJI / ELAUN JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN KESELAMATAN
KAMPUNG (JKKK)**

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Berapakah gaji / elaun Pengerusi JKKK?
 - b) Berapakah peruntukkan untuk JKKK setiap kampung mengikut daerah?
 - c) Apakah peranan JKKK bagi memastikan perpaduan masyarakat di peringkat akar umbi?

JAWAPAN:

- a) Di negeri Selangor, terdapat seramai 368 orang Pengerusi JKKK/ Ketua Kampung. Elaun bagi Pengerusi JKKK adalah sebanyak **RM800.00** sebulan. Terdapat juga elaun tambahan bagi ketua kampung iaitu Elaun Menghadiri Mesyuarat / Program adalah sebanyak **RM40.00** setiap kali menghadiri mesyuarat. Walau bagaimanapun, jumlah maksimum elaun ini adalah tetap sebanyak **RM400.00** sahaja sepanjang tahun.
- b) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM10,000.00 setahun bagi setiap 491 buah kampung Tradisi/ Baru/ Bagan dan Komuniti India berjumlah RM4,910,000.00 setahun. Peruntukan ini adalah bertujuan untuk menampung perbelanjaan pengurusan yang melibatkan penganjuran aktiviti kampung dan program mesra rakyat.

Perincian peruntukan mengikut daerah seperti jadual di bawah:-

Jadual: Perincian Peruntukan Mengikut Daerah

Daerah	Perincian Kampung			Jumlah Kampung	Peruntukan 2013 (RM)
	Kg Tradisi	Kg Baru	Komuniti India		
Petaling	19	7	6	32	320,000.00
Gombak	35	14	5	54	540,000.00
Klang	33	4	7	44	440,000.00
Kuala Langat	34	2	4	40	400,000.00

Daerah	Perincian Kampung			Jumlah Kampung	Peruntukan 2013 (RM)
	Kg Tradisi	Kg Baru	Komuniti India		
Hulu Langat	61	12	4	77	770,000.00
Selangor	19	4	3	26	260,000.00
Kuala Selangor	55	10	9	74	740,000.00
Hulu Selangor	33	13	5	51	510,000.00
Sabak Bernam	79	12	2	93	930,000.00
Jumlah	368	78	45	491	4,910,000.00

- c) Ketua Kampung dan JKKK merupakan wakil pimpinan Kerajaan Negeri di peringkat akar umbi. Peranan JKKK di setiap kampung adalah bagi memastikan bahawa segala dasar kerajaan dapat disampaikan terus kepada penduduk di kampung tersebut. Selain itu juga, ketua kampung juga berperanan sebagai medium perantara untuk memaklumkan kepada pimpinan Kerajaan Negeri mengenai masalah-masalah serta keperluan-keperluan penduduk Kampung di samping bertanggung jawab menjaga perpaduan dan keamanan masyarakat kampung. Ketua Kampung berperanan menjaga keamanan penduduk kampung tanpa mengira agama, bangsa mahupun fahaman politik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN
(TANJONG SEPAT)**

TAJUK : BELIA

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk mewujudkan Akademi Kepimpinan Belia bagi melatih belia untuk bersedia sebagai kepimpinan masa datang?
 - b) Berapa ramai bilangan belia yang mendaftar mengikut Skim Insentif Perkahwinan yang dianjurkan oleh kerajaan negeri?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan negeri menyambut baik akan cadangan untuk mewujudkan Akademi Kepimpinan Belia bagi melatih belia untuk bersedia sebagai pemimpin pada masa akan datang. Ketika ini pun, tumpuan telah diberikan dalam bidang pendidikan dan teknikal selain kursus-kursus jangka pendek kepimpinan belia untuk menyediakan pekerjaan dan kepimpinan pada masa hadapan. Dari segi latihan, kerajaan negeri telah bekerjasama dengan pihak INSPENS untuk memberikan latihan seperti dalam bidang kecantikan, automatif, pendandan rambut, elektrik, elektronik, motosikal, sistem komputer dan penyaman udara. Di samping itu, kerajaan negeri juga telah mengadakan program-program seperti SPIES untuk menonjolkan aspek kepimpinan kepada belia.
- b) Salah satu keprihatinan Kerajaan Negeri kepada golongan belia adalah melalui Program Insentif Perkahwinan Belia yang telah dijalankan bermula Januari 2013. Setakat ini, data bagi program tersebut adalah seperti berikut:-

BIL	FASA	JUMLAH	
		JUMLAH PERMOHONAN	JUMLAH YANG DILULUSKAN
1	Fasa 1	228	191
2	Fasa 2	227	208
3	Fasa 3	114	101
4	Fasa 4	361	296
5	Fasa 5	617	540
6	Fasa 6	328	275
7	Fasa 7	516	468
8	Fasa 8 Sehingga 7/11/13	106	102
	Jumlah	2497	2181

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PEKERJA-PEKERJA LADANG

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengemukakan cadangan pembinaan rumah kepada pekerja-pekerja ladang;
- b) Adakah Kerajaan Negeri bertujuan memberikan tanah kepada pekerja-pekerja ladang untuk penanaman secara kecil-kecilan dan penternakan bagi menambahkan pendapatan mereka.

JAWAPAN:

- a) Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin sentiasa mengalu-alukan permohonan daripada pekerja-pekerja ladang bagi bantuan rumah di bawah Program Kerajaan Prihatin. Pembinaan rumah kepada pekerja ladang adalah berdasarkan dua (2) kategori iaitu mempunyai tanah sendiri atau melalui tanah pihak pengurusan ladang.

Bagi yang mempunyai tanah sendiri, Kerajaan Negeri boleh membina rumah di tanah yang disyorkan oleh pemohon. Manakala bagi tanah pihak pengurusan ladang, pihak pengurusan mestilah memberi/menukar hak milik tanah tersebut kepada pemohon.

Pada tahun ini Kerajaan Negeri juga telah memberi bantuan membaik pulih dan membina tandas di tujuh (7) buah rumah pekerja ladang di Ladang Tumbuk, Kuala Langat.

- b) Buat masa ini, Kerajaan Negeri tiada rancangan untuk membuka tanah pertanian dalam masa terdekat. Namun saya menyambut baik sekiranya pihak pengurusan ladang di Selangor dapat membenarkan para pekerja ladang ini untuk mengadakan tanaman kontan atau penternakan secara kecil-kecilan di kawasan ladang mereka bekerja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : PEMBINAAN SAMBUNGAN LRT KELANA JAYA - PUTRA HEIGHTS

19. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah kerajaan negeri sudah bersetuju sepenuhnya tentang projek ini dan bilakah persetujuan ini diberikan?
 - b) Apakah usaha kerajaan negeri membantu penduduk setempat yang risau tentang keselamatan mereka disebabkan jajaran yang dibina adalah berisiko tinggi
 - c) Apakah pihak berkuasa tempatan (MPSJ dan MBSA) tidak berkuasa memantau situasi di kawasan pembinaan kerana aduan seperti pagar keselamatan dan kerja sehingga jam 10 malam terus berlaku.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 27 Mei 2009 telah bersetuju terhadap Projek Pembinaan LRT Kelana Jaya - Putra Heights.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor sangat menyedari bahawa terdapat bantahan yang diterima daripada penduduk berhubung pembinaan dan jajaran LRT yang dianggap berisiko tinggi. Semua bantahan penduduk telah didengari melalui beberapa sesi pendengaran awam yang telah dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat.

Dalam hal ini, Kerajaan Negeri melalui keputusan MMKN juga telah bersetuju bagi melantik dua (2) orang perunding bebas bagi menyediakan laporan kajian terperinci terhadap Risiko Kejuruteraan Geoteknik, Risiko Pembinaan di Tapak Sensitif, dan pelbagai aspek teknikal yang terlibat di dalam pembinaan jajaran LRT tersebut.

- b) Hasil kajian dan lawatan tapak mendapati bantahan penduduk adalah disebabkan kewujudan tasik buatan bekas kuari bersebelahan dengan kawasan perumahan mereka dengan kedudukan paras air yang melebihi permukaan tanah mereka. Sehubungan dengan itu, pelbagai langkah mitigasi telah disyaratkan kepada pihak pemaju projek untuk dilaksanakan bagi memastikan keselamatan penduduk terjamin.

- c) Pihak Berkuasa Tempatan (MPSJ dan MBSA) mempunyai kuasa penuh terhadap sebarang tindakan yang boleh dikenakan kepada setiap pemaju projek. Ini termasuklah dalam mengeluarkan notis "*Stop Work Order*" jika pemaju gagal mengambil tindakan terhadap aduan yang dimaklumkan. Selain daripada itu, PBT juga mempunyai kuasa bagi tidak memberikan kelulusan kebenaran merancang jika pemaju gagal memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : RIZAB NEGERI

20. Kerajaan negeri berbangga mengumpulkan rizab kewangan negeri bernilai lebih RM 2 bilion

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah strategi sehingga dapat ditingkatkan jumlah rizab negeri?
- b) Adakah ini menunjukkan bahawa kerajaan tidak cekap berbelanja?
- c) Apakah kesan pada sosioekonomi negeri jangka pendek dan jangka panjang hasil peningkatan rizab ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri bagi mengukuhkan kedudukan kewangan dan meningkatkan rizab Negeri Selangor telah melaksanakan perkara-perkara berikut:-
 - i) mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri. Pewujudan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri telah berjaya membantu Kerajaan Negeri dalam menguruskan lebihan tunai dengan lebih efisien di samping memberi pulangan faedah yang optimum;
 - ii) pelaksanaan Operasi Bersepadu Mengutip Hasil Tanah dengan kerjasama di antara Perbendaharaan Negeri Selangor, semua Pejabat Daerah/Tanah, Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Bahagian Teknologi Maklumat, SUK sebagai satu pasukan (Ops. Kutip). Di antara pendekatan yang dilaksanakan melalui Ops. Kutip adalah seperti berikut:-
 - a) Polisi '*Knock Door*' iaitu dengan menghantar notis tuntutan dan surat peringatan terus kepada penunggak-penunggak tegar;
 - b) mengadakan siri perbincangan bersama penunggak-penunggak tegar bagi menyelesaikan cukai tanah tertunggak;
 - c) memberikan peluang kepada penunggak untuk membayar secara ansuran berjadual dengan syarat pembayaran dibuat secara konsisten; dan
 - d) sekiranya penunggak tegar tersebut masih tidak menjelaskan cukai tanah tertunggak, Pejabat Daerah/Tanah tanpa teragak-agak akan terus menguatkuasakan Notis 6A, Notis Tuntutan Hasil Tertunggak dan sekiranya dalam tempoh 3 bulan ia masih tidak dijelaskan maka seterusnya Notis 8A, Rampasan Tanah akan dilaksanakan.

- iii) Kerajaan Negeri terutamanya melalui Pejabat Daerah/Tanah sentiasa berusaha meningkatkan kutipan cukai tanah melalui beberapa kaedah iaitu:-
 - a) mengenal pasti serta mengasingkan semua hakmilik (tertunggak) yang bermasalah agar tindakan susulan dapat diambil;
 - b) membuka kaunter kutipan di luar pejabat bagi Pejabat Daerah/Tanah di kawasan pedalaman;
 - c) membuka kaunter pada waktu rehat; dan
 - d) menambahkan saluran / kaedah pembayaran secara online dan pusat pembayaran di kaunter PBT.
 - iv) Kerajaan Negeri juga berusaha menangani tunggakan hasil cukai tanah dengan menubuhkan Jawatankuasa Kerja Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di Peringkat Negeri yang berfungsi untuk melaksanakan kutipan tunggakan cukai tanah secara holistik yang melibatkan penunggak tegar dan penyelesaian hak milik yang terlibat dengan permasalahan tanah di semua Pejabat Daerah/Tanah;
 - v) Kerajaan Negeri turut mewujudkan pasukan *Taskforce* Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di empat (4) Pejabat Daerah/Tanah iaitu Petaling, Klang, Gombak dan Hulu Langat untuk menangani secara khusus masalah tunggakan cukai tanah daripada hak milik bermasalah; dan
 - vi) Perbendaharaan Negeri Selangor pada 23 Jun 2012 telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2012 - Garis Panduan Perbelanjaan Berhemah bagi memperkemas dan membuat penambahbaikan terhadap garis panduan perbelanjaan berhemah dan langkah-langkah tambahan yang perlu diambil kira ke arah pengurusan perbelanjaan wang awam yang sempurna.
- b) Peningkatan rizab Kerajaan Negeri Selangor ini menunjukkan keupayaan pihak pengurusan menguruskan kewangan Kerajaan Negeri dengan cekap dan teratur di samping mematuhi segala peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Ianya juga menunjukkan usaha-usaha yang berterusan bagi meningkatkan kutipan hasil Kerajaan Negeri Selangor di samping pengurusan perbelanjaan wang awam yang menekankan prinsip ketelusan, keupayaan dan kebertanggungjawaban dalam semua urusan bagi memastikan nilai serta kualiti bagi perbelanjaan yang dikeluarkan dalam semua urusan adalah yang terbaik (*value for money*).
- c) Usaha-usaha yang berterusan bagi meningkatkan kutipan hasil Kerajaan Negeri Selangor di samping pengurusan perbelanjaan wang awam yang menekankan prinsip ketelusan, keupayaan dan kebertanggungjawaban dalam semua urusan adalah untuk kebaikan pembangunan sosioekonomi negeri Selangor. Trend Belanjawan Negeri Selangor sejak tahun 2010 yang tidak pernah menunjukkan pengurangan dalam peruntukan untuk tujuan perbelanjaan Kerajaan sama ada untuk perbelanjaan mengurus ataupun perbelanjaan pembangunan menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri sama sekali tidak membelakangkan peranan kerajaan dalam membangunkan sosioekonomi negeri.

Dalam hal pengurusan rizab, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa ia mestilah dibelanjakan kepada program atau projek yang akan membawa manfaat jangka panjang kepada pembangunan sosioekonomi negeri. Kerajaan Negeri Selangor akan mendapatkan kelulusan Dewan Negeri Selangor bagi penggunaan rizab negeri untuk projek-projek pembinaan jambatan ketiga Klang sebanyak RM150 juta; pembinaan rumah mampu milik sebanyak RM100 juta; pembinaan sekolah sebanyak RM50 juta; dan pembangunan belia dan keusahawanan sebanyak RM50 juta. Program dan projek yang telah dirangka ini adalah sebahagian daripada rancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan lagi pembangunan sosioekonomi rakyat negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(DUSUN TUA)**

TAJUK : LEBUH RAYA LEMBAH KLANG TIMUR (EKVE)

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan status perkembangan terkini berhubung Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE) dan di manakah jajaran sebenarnya Lebuhraya ini akan dibina terutamanya melalui DUN Dusun Tua dan berapakah kos yang sebenar.

JAWAPAN:

- a) Kelulusan Detail Environmental Impact Assessment (DEIA) telah diberikan pada 25hb April 2013 bagi cadangan projek "The Proposed East Klang Valley Expressway" (Kuala Lumpur Outer Ring Road-Eastern Route). Kelulusan DEIA ini hanya terhad kepada kerja-kerja pembinaan dari RM0.000 sehingga RM24000.000 sahaja sepanjang 24.16km bermula dari Sungai Long Interchange sehingga Ukay Perdana Interchange.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertarikh 11hb September, 2013 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 18hb September, 2013 bersetuju dengan perkara-perkara berikut:-

- i) Penubuhan Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping dan di anggotai oleh yang berikut:-
- a. Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus b. Hairi
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Belia & Sukan, Infrastruktur & Kemudahan Awam.
 - b. Pengarah, JPBD Selangor.
 - c. Pengarah, JKR Selangor
 - d. Pengarah, JMG Selangor.
 - e. Pengarah, Jabatan Perhutanan Selangor.
 - f. PBT berkaitan
 - g. Pengarah Tanah & Galian Selangor
 - h. Urus setia : JPBD Selangor

Jawatankuasa pemandu yang ditubuhkan adalah bertanggungjawab memastikan pemantauan bagi meminimumkan kesan kepada alam sekitar dilaksanakan secara tegas dan berkala.

- ii) Jabatan Perhutanan Negeri diminta melaksanakan **public inquiry** untuk tempoh (4) minggu untuk meneruskan pembatalan pewartaan kawasan hutan yang terlibat.

Status tanah rizab hutan simpan ini perlu dibatalkan terlebih dahulu oleh Kerajaan Negeri Selangor sebelum ianya digazetkan sebagai rizab lebuh raya melalui proses pengambilan balik tanah di bawah seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960.

Kedudukan Jajaran Lebuhraya

Jajaran EKVE akan merentasi kawasan ***DUN Dusun Tua*** seperti Bukit Enggang, Bandar Mahkota Cheras, Kuaru Sg Long, Taman Sri Nanding, Kg Sg Michu dan Taman Pinggiran Delima (Lampiran 1 A dan Lampiran 1B)

Kos

Kos yang terlibat terdiri daripada kos pembinaan dan kos pengambilan tanah yang akan dimuktamadkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(KINRARA)**

TAJUK : PELABURAN DARI CHINA

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan jenis dan modal pelaburan dari China dalam 3 tahun yang lepas
- b) Apakah langkah kerajaan untuk meningkatkan lagi pelaburan dari China?

JAWAPAN:

- a) Jenis dan modal pelaburan dari China bagi tempoh 2010 hingga Ogos, 2013 adalah seperti berikut;-

Projek Perkilangan Yang Diluluskan Melibatkan Penyertaan Pelabur China Di Negeri Selangor Bagi Tempoh 2010 Hingga Ogos, 2013.

Industri	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Asing (RM)
Electronics & Electrical Products	3	1,380	1,213,698,760
Plastic Products	3	376	101,286,817
Transport Equipment	3	462	64,370,009
Basic Metal Products	1	138	29,400,000
Textiles & Textile Products	4	377	26,794,899
Machinery & Equipment	4	169	25,289,809
Chemical & Chemical Products	3	108	9,748,000
Rubber Products	1	65	5,980,000
Non-Metallic Mineral Products	1	69	5,000,000
Petroleum Products (Inc. Petrochemicals)	1	83	3,900,000
Fabricated Metal Products	1	38	3,500,000
Miscellaneous	1	0	1,742,000
Wood & Wood Products	1	63	330,000
Jumlah	27	3,328	1,491,040,294

Sumber : MIDA

- b) Kerajaan Negeri melalui agensi promosi pelaburannya, SSIC sering mengadakan lawatan dan menyertai pameran-pameran yang diadakan di China bagi mempromosikan peluang-peluang pelaburan di Negeri Selangor kepada pelabur China yang berpotensi. Pihak SSIC telah mengadakan lawatan teknikal pelaburan ke Wilayah Xian, China pada 2 hingga 7

September 2013 di samping menyertai pameran **China-Asian Expo (Caexpo), Nanning 2013** pada 3 hingga 6 September 2013. Hasil daripada lawatan dan penyertaan dalam pameran tersebut terdapat pelabur yang berminat untuk meneroka peluang pelaburan dalam industri bio-teknologi, produk halal, solar, perkhidmatan pergudangan dan logistik serta sektor hartanah.

Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2013, SSIC telah menerima sebanyak 8 lawatan pelabur China ke Negeri Selangor yang berhasrat untuk mengembangkan perniagaan mereka di luar Negara China dalam industri kitar semula, *pembuatan mesin dan peralatan*, logam (*metal*) dan Elektronik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PEMBANGUNAN SEMULA BANDAR

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimana kerajaan negeri menangani kawasan Bandaraya/bandar/pekan yang perlu mantapkan daya saing antara bandar-bandar dan pekan-pekan dan tingkatkan hubungan antara kawasan yang perlu dibantu dan kawasan yang mempunyai peluang?
- b) Apakah perancangan MBPJ untuk pembangunan kawasan PJ Old Town supaya tidak 'mati'?

JAWAPAN:

- a) Bagi menjawab pertanyaan ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor sedang menyediakan Draf Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035. Hasil dari tinjauan kajian Draf Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 ini, telah mengenal pasti beberapa cadangan dasar dan langkah-langkah pelaksanaan yang melibatkan pembangunan semula bandar bagi memastikan bandar-bandar sedia ada dapat dipertingkatkan fungsi dan menjana ekonomi setempat. Antara cadangan dasar yang berkaitan adalah:

Dasar: Pembangunan baru perlu mengutamakan tapak-tapak dalam kawasan perbandaran sedia ada melalui pembangunan secara *infill*, pembangunan tapak *brownfield* dan pembaharuan bandar (*Urban Renewal*).

Antara langkah-langkah yang perlu dilakukan adalah seperti berikut:

- i) Membangunkan tanah kosong di dalam kawasan bandar dengan syarat tidak melampaui keupayaan tampungan (carrying capacity) kawasan tersebut.
- ii) Menjalankan kajian bagi mengenal pasti tapak-tapak brownfield dengan keutamaan di kawasan MPK, MBPJ, MPKj, MPS, dan MPAJ.
- iii) Melaksanakan pembaharuan bandar melalui pendekatan samada rehabilitation, restoration, redevelopment atau regeneration bagi bandar-bandar yang mempunyai kriteria berikut:
 - Bangunan/kawasan kosong, dan bangunan usang,
 - Kawasan tanah kerajaan,
 - Guna tanah /aktiviti yang tidak lagi bersesuaian dengan pembangunan sekitar

- Pembangunan atau guna tanah yang tidak optimum (termasuk kawasan brownfield); dan
 - Kawasan yang mengalami masalah akses
- iv) Menyediakan insentif dan mekanisme bagi menggalakkan pembangunan semula kawasan terbiar, usang dan tertinggal.
- v) Pembangunan semula tanah hak milik kerajaan perlu mengutamakan pembangunan untuk kegunaan awam. Pembangunan secara bersepadu berpadanan dengan potensi komersil dan nilai pasaran tanah dibenarkan dengan mengekalkan hak milik kerajaan.
- vi) Mewujudkan bank tanah bagi memastikan peruntukan keperluan sosial akan datang dapat dilaksanakan.
- vii) Memastikan pembangunan baru mengambil kira aspek-aspek pembangunan mampan seperti berikut:
- Pemuliharaan warisan dan bangunan;
 - Tahap keupayaan kemudahan infrastruktur sekitar;
 - Cadangan pembangunan yang harmoni dengan guna tanah atau aktiviti sekitar;
 - Cadangan pembangunan berupaya meningkatkan tahap kemudahsampaian;
 - Cadangan pembangunan semula bagi kawasan banjir kritikal tidak dibenarkan tanpa pelaksanaan projek tebatan banjir.
 - Cadangan pembangunan tidak akan mendatangkan masalah pencemaran dan kesesakan; dan
 - Penggunaan teknologi hijau.
- b) Kawasan PJ Old town ini merupakan kawasan pembangunan yang awal dibangunkan dalam tahun 1960an merangkumi guna tanah kediaman berkepadatan rendah, komersial dan sebahagian kawasan perindustrian pembuatan. Sehubungan itu, pihak MBPJ memaklumi dari aspek perancangan infrastruktur sedia ada yang lama, dan perlu dinaiktaraf, maka suatu perancangan pembaharuan semula bandar atau 'urban regeneration' atau 'urban renewal' yang melibatkan kawasan tersebut sedang dilakukan oleh pihak MBPJ. Ini akan melibatkan pembangunan semula bukan sahaja dari aspek guna tanah dan intensiti, tetapi merangkumi juga aspek aksesibiliti, kemudahan awam serta reka bentuk bandar yang baru. Konsep pembangunan semula ini akan dirumuskan di dalam penyediaan Kajian Semula Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1 (RTPJ 1) yang akan dimulakan dalam tahun 2014.

DITOLAK DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN TETAP 23 (g) (ii)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : HADIAH MASUK UNIVERSITI

24. Sejumlah RM1000.00 diberikan kepada setiap anak Selangor yang berjaya masuk ke universiti.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan sumber bagi membiayai kos perbelanjaan program pemberian hadiah ini?
- b) Berapakah pecahan penerima hadiah tersebut mengikut DUN?
- c) Berapakah peratusan anak Selangor yang layak tetapi tidak memohon pemberian hadiah serta pecahan mengikut DUN?
- d) Adakah jumlah pemberian hadiah ini akan ditingkatkan pada masa akan datang?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI HASNUL BIN HAJI BAHARUDDIN
(MORIB)**

TAJUK : HAL EHWAL WANITA

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Berapakah dana yang telah disalurkan untuk Pusat Wanita Berdaya di setiap DUN Selangor tahun ini?
 - b) Berapakah DUN yang telah menubuhkan Pusat Wanita Berdaya?
 - c) Sejauh manakah program ini dapat mencapai objektif dan keberkesanannya?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan yang disalurkan untuk Pusat Wanita Berdaya di setiap DUN Selangor sehingga kini adalah keseluruhan berjumlah RM807,500.00 dengan perincian seperti di Lampiran 1.
- b) Sebanyak 46 DUN di Selangor telah menubuhkan Pusat Wanita Berdaya (PWB).
- c) Pusat Wanita Berdaya (PWB) yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Komuniti Wanita (PKW) ditubuhkan sebagai pusat aktiviti wanita yang utama dan komited dalam membentuk sebuah komuniti wanita yang berdaya dalam pelbagai bidang dan mempunyai jati diri yang tinggi. Pelbagai aktiviti dan program telah dilaksanakan hasil usaha dan kreativiti pengendali PWB di DUN masing-masing. Hasil daripada pemerhatian dan soal selidik yang telah dijalankan sebanyak 80% telah mencapai objektif yang disasarkan. Pewujudan PWB ini juga telah membantu golongan wanita dalam menjana pendapatan sekali gus meningkatkan taraf hidup mereka. Di samping itu, penglibatan aktif golongan wanita melalui PWB ini juga telah melahirkan golongan wanita yang berkeyakinan dan bersikap proaktif dalam melengkapkan diri dengan informasi dan kemahiran dalam menghadapi arus globalisasi.

DANA YANG TELAH DISALURKAN UNTUK PWB DI SETIAP DUN SELANGOR

PWB DUN	BIDANG	JUMLAH KESELURUHAN TERIMA PERUNTUKAN (RM) / DUN
P.92 SABAK BERNAM		
N1 - SG AIR TAWAR	JAHIT	30,000.00
N2 - SABAK	JAHIT	25,000.00
P.93 SUNGAI BESAR		
N3 - SUNGAI PANJANG	MASAK	25,000.00
N4 - SEKINCHAN	JAHIT	30,000.00
P.94 HULU SELANGOR		
N5 - HULU BERNAM	MASAK	25,000.00
N6 - KUALA KUBU BAHARU	MASAK	10,000.00
N7 - BATANG KALI	JAHIT	22,500.00
P.95 TANJONG KARANG		
N8 - SUNGAI BURONG	MASAK	7,500.00
N9 - PERMATANG	MASAK	20,000.00
P.96 KUALA SELANGOR		
N10 - BUKIT MELAWATI	MASAK	22,500.00
N11 - IJOK	JAHIT	25,000.00
N12 - JERAM	JAHIT	22,500.00
P.97 SELAYANG		
N13 - KUANG	JAHIT	7,500.00
N14 - RAWANG	MASAK	25,000.00
N15 - TAMAN TAMPLER	JAHIT	20,000.00
P.98 GOMBAK		
N16 - BATU CAVES	MASAK	17,500.00
N17 - GOMBAK SETIA	JAHIT	17,500.00
N18 - HULU KELANG	JAHITAN	17,500.00
P.99 AMPANG		
N19 - BUKIT ANTARABANGSA	MASAK	27,500.00
N20 - LEMBAH JAYA	MASAK	15,000.00
P.100 PANDAN		
N21 - CHEMPAKA	JAHIT	20,000.00
N22 - TERATAI	JAHIT	10,000.00
P.101 HULU LANGAT		
N23 - DUSUN TUA	JAHIT	0
N24 - SEMENYIH	JAHIT	17,500.00

DANA YANG TELAH DISALURKAN UNTUK PWB DI SETIAP DUN SELANGOR

PWB DUN	BIDANG	JUMLAH KESELURUHAN TERIMA PERUNTUKAN (RM) / DUN
N25 - KAJANG	MASAK	15,000.00
P102 SERDANG		
N26 - BANGI	MASAK	0
N27 - BALAKONG	SPA	0
N28 - SERI KEMBANGAN		0
P.103 PUCHONG		
N29 - SERI SERDANG		0
N30 - KINRARA	JAHIT	10,000.00
P104 KELANA JAYA		
N31 - SUBANG JAYA		0
N32 - SERI SETIA	MASAK	25,000.00
P105 PETALING JAYA SELATAN		
N33 - TAMAN MEDAN	MASAK	30,000.00
N34 - BUKIT GASING		0
P106 PETALING JAYA UTARA		
N35 - KAMPUNG TUNKU	JAHIT	10,000.00
N36 - DAMANSARA UTAMA		0
P107 SUBANG		
N37 - BUKIT LANJAN	MASAK	0
N38 - PAYA JARAS	JAHIT	0
N39 - KOTA DAMANSARA	JAHIT	15,000.00
P108 SHAH ALAM		
N40 - KOTA ANGGERIK	JAHIT	25,000.00
N41 - BATU TIGA	MASAK	27,500.00
P109 KAPAR		
N42 - MERU	MASAK	7,500.00
N43 - SEMENTA	JAHIT	25,000.00
N44 - SUNGAI PINANG		0
N45 - SELAT KLANG	MASAK	25,000.00
P110 KLANG		
N46 - PELABUHAN KLANG		0
N47 - PANDAMARAN		0
N48 - KOTA ALAM SHAH		0
P111 KOTA RAJA		

DANA YANG TELAH DISALURKAN UNTUK PWB DI SETIAP DUN SELANGOR

PWB DUN	BIDANG	JUMLAH KESELURUHAN TERIMA PERUNTUKAN (RM) / DUN
N49 - SERI ANDALAS	MASAK	15,000.00
N50 - SRI MUDA	MASAK	25,000.00
P112 KUALA LANGAT		
N51 - SIJANGKANG	MASAK	30,000.00
N52 - TELOK DATUK		0
N53 - MORIB	JAHIT	15,000.00
P113 SEPANG		
N54 - TANJONG SEPAT	JAHIT	10,000.00
N55 - DENGKIL	MASAK	10,000.00
N56 - SUNGAI PELEK	JAHIT	27,500.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		807,500.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : JAMBATAN KE-3 KLANG

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini cadangan pembinaan jambatan tersebut?
 - b) Sila nyatakan berapakah jumlah anggaran kos pembinaan Jambatan tersebut dan bilakah ianya akan dimulakan?
 - c) Sila nyatakan apakah peranan Kerajaan Persekutuan dalam konteks pembinaan Jambatan Ke-3 Klang?

JAWAPAN:

- a) Pihak JKR Selangor melalui perunding Vast Consultants Sdn. Bhd. sedang dalam proses reka bentuk terperinci dan dijangka siap pada Februari 2014. Di samping itu, kerja-kerja awal bagi tujuan pengumpulan data seperti kajian impak trafik, kerja ukur tanah dan hidrologi serta kerja penyiasatan tanah sedang giat dijalankan. Tempoh siap bagi keseluruhan kerja ini dijangkakan pada awal bulan Disember tahun ini. Pelan Pengambilan Tanah serta dokumen yang berkaitan bagi proses Pengambilan Balik Tanah di bawah Seksyen 4, Akta Pengambilan Tanah 1960 telah dihantar kepada Pejabat Daerah dan Tanah Klang pada pertengahan Oktober lalu untuk tindakan lanjut pejabat tersebut.
- b) Anggaran kos pembinaan bagi projek ini adalah RM 281 juta termasuk pengambilan balik tanah dan yuran perunding. Proses pembinaan dijangka akan bermula pada Julai 2014.
- c) Kerajaan Persekutuan melalui Ibu Pejabat JKR Malaysia berperanan sebagai penasihat teknikal bagi projek ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : SKIM SEROJA DAN PASUKAN KESELAMATAN KAMPUNG (PKK)

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah peruntukan bagi setiap komuniti yang melaksanakan program PKK dan Seroja?
- b) Berapakah jumlah keseluruhan yang digunakan setakat ini?
- c) Apa rasional kerajaan negeri menetapkan peruntukan skim seroja dan PKK tidak selaras dari segi jumlah peruntukan dan insurans sedangkan kedua-duanya adalah dari kerajaan negeri?

JAWAPAN:

- a) Skim SEROJA telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bilangan 17/2013 pada 19 Jun 2013 selaras dengan Manifesto Pilihan raya Pakatan Rakyat bagi tahun 2013 untuk menjadikan Skim SEROJA sebagai Projek Perintis Keselamatan Rakyat Negeri Selangor. Lima pangsapuri kos rendah telah terpilih sebagai projek perintis bagi mengkaji keberkesanan dan impak ke atas kesedaran penduduk dalam hal-ehwal keselamatan pangsapuri seperti berikut:

BIL.	NAMA PANGSAPURI	KAWASAN PBT
1.	Sri Era, Desa Latania	MBSA
2.	Puchong Permai Blok A27-A30	MPSJ
3.	Mawar Cempaka	MPK
4.	Laksamana Jaya A	MPS
5.	Megah Villa	MPSp

Sehubungan dengan itu, sejumlah RM35,000.00 [Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Lima Ribu Sahaja] telah diperuntukkan melalui peruntukan Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan Dan Setinggalan sedia ada untuk pelaksanaan Skim SEROJA di pangsapuri terbabit seperti berikut:

- i) **Peralatan Keselamatan [5 set untuk setiap pangsapuri]**

Jenis Peralatan	Harga Satu Set (RM)	Bilangan Set	Jumlah Kos (RM)
Wisel	350	25	10,000.00
Cota Besi			
Lampu suluh (chargeable)			

ii) **Peruntukan Geran Tahunan SEROJA 2013 (6 bulan).**

RM5,000.00 x 5 kawasan = **RM25,000.00.**

Selain itu, keberkesanan terhadap Skim SEROJA ini telah dipersetujui untuk peruntukan sejumlah RM1 juta bagi tahun 2014 sekiranya ia berupaya dilaksanakan.

- b) Perbelanjaan yang telah digunakan bagi pelaksanaan Program PKK di kalangan Kampung Tradisi, Kampung Baru dan Komuniti India adalah kurang daripada 50% kerana ianya masih dalam peringkat pelaksanaan di mana terdapat banyak prosedur-prosedur serta peraturan yang ditetapkan oleh PDRM (Polis Diraja Malaysia) yang perlu dipatuhi. Setakat ini, bagi program SEROJA sejumlah RM10,000.00 telah dibelanjakan untuk membeli set peralatan keselamatan dan telah diserahkan kepada JMB pangsapuri terlibat. Manakala bagi baki sejumlah RM25,000.00 untuk geran tahunan SEROJA akan didepositkan dalam akaun JMB setelah kertas cadangan untuk penganjuran program keselamatan diterima lengkap daripada mereka.
- c) Peruntukan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri bagi PKK adalah sebanyak RM5,000.00 setiap Kampung dan setiap Komuniti India. Peruntukan ini adalah bertujuan untuk membeli barangan keperluan untuk menjalankan aktiviti serta tugas dalam PKK seperti lampu suluh, jaket/ "vest" dan sebagainya. Walau bagaimanapun, peruntukan ini tidak merangkumi pembiayaan insurans untuk. Bagi setiap JKKK dan Komuniti India, Kerajaan Negeri telah memberi peruntukan sebanyak RM10,000.00 setahun bagi menjalankan aktiviti serta program kemasyarakatan di kampung masing-masing yang diselaraskan di Pejabat Daerah. Program ini termasuk program-program yang menyentuh aspek keselamatan yang juga menjadi tanggung jawab di bawah JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung) sebelum pelancaran program PKK. Selaras dengan konsep hak milik strata, dalam Akta Hak milik Strata 1985 (Akta 318) tanggung jawab menjaga pangsapuri adalah dalam tempoh interim (maksimum 3 tahun) supaya keselamatan pangsapuri dijaga oleh penduduk sendiri (self-monitoring) yang akan diambil alih melalui penubuhan Rukun Tetangga.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : STATUS PENSTRUKTURAN INDUSTRI AIR

28. Kerajaan Persekutuan ada menetapkan konsep *Willing Buyer & Willing Seller* bagi penstrukturan dan pengambilalihan syarikat operator air oleh kerajaan negeri

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri menyelesaikan pengambilalihan syarikat operator air berdasarkan konsep tersebut?
- b) Berapakah nilai tawaran kerajaan negeri untuk pengambilalihan ini dan nilai sebenar dari syarikat operator air?
- c) Apakah mekanisme dan dari manakah sumber kewangan negeri untuk pengambilalihan ini?

JAWAPAN:

- a) Dalam proses untuk mengambil alih semula perkhidmatan bekalan air dari Pemegang Konsesi untuk diuruskan oleh Kerajaan Negeri sepenuhnya, ia perlu melalui proses *deprivatisation* yang akan melibatkan banyak pihak. *Deprivatisation* akan menjurus kepada penamatan perjanjian konsesi sedia ada. Perlembagaan Malaysia memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang dan tiada undang-undang yang boleh memperuntukkan pengambilan atau penggunaan harta dengan paksa tanpa pampasan yang memadai.

Dalam menentukan nilai pampasan dalam bentuk tawaran pengambilalihan Syarikat Konsesi Air, Kerajaan Negeri Selangor mengutamakan kepentingan pengguna, *value for money* dan rakyat tidak terbeban dengan kos pengambilalihan tinggi yang menguntungkan Syarikat Konsesi Air berbanding dengan kepentingan pengguna khususnya rakyat Negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mengutamakan kebajikan serta keamanan generasi sekarang dan generasi akan datang supaya tidak terbeban dengan pelbagai hutang (*unnecessary debt*).

Sehingga hari ini, rundingan mengenai penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor masih belum dapat dimuktamadkan atas sebab pendirian yang berbeza di antara Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan dalam menentukan nilai tawaran kepada Syarikat Konsesi Air. Kerajaan Persekutuan dalam beberapa surat kepada Kerajaan Negeri Selangor masih menegaskan bahawa dalam merealisasikan pelaksanaan Model Holistik yang dicadangkan, Kerajaan Negeri Selangor

hendaklah menyelesaikan apa-apa isu pengambilalihan syarikat konsesi air melalui transaksi komersial *willing buyer willing seller*.

Kerajaan Negeri Selangor berpendirian bahawa konsep transaksi komersial *willing buyer willing seller* adalah bertentangan dengan hasrat dan semangat penggubalan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655). Penggubalan Akta 655 berdasarkan kepada intipati bahawa perkhidmatan air adalah perkhidmatan asas kepada rakyat yang hendaklah diuruskan oleh agensi Kerajaan bukan di tangan swasta yang boleh menggunakannya sebagai senjata untuk memeras ugut sebuah kerajaan dan menindas rakyat dalam hal kenaikan tarif serta memberi perkhidmatan sewenangnyanya apatah lagi keperluan kepada air tidak ada gantinya. Lebih malang lagi apabila perkhidmatan ini dimonopoli oleh satu syarikat.

Akta 655 tidak mensyaratkan secara mutlak akan rundingan-rundingan di antara Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan syarikat-syarikat konsesi agar diadakan berasaskan "bersetuju membeli, bersetuju menjual".

Dalam pengambilalihan Syarikat Konsesi Air, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa menekankan bahawa sebahagian besar aset yang digunakan oleh Syarikat Konsesi Air telah dibina semenjak zaman Jabatan Bekalan Air Selangor dan Perbadanan Urus Air Selangor (PUAS) melalui cukai yang dikutip dari rakyat di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya. Maka sewajarnya kepentingan rakyat Selangor serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dibela dan bukannya mengutamakan Syarikat Konsesi Air melalui konsep *willing buyer willing seller* dalam menetapkan tawaran pengambilalihan tersebut.

Penetapan nilai tawaran yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada Syarikat Konsesi Air adalah berdasarkan kepada analisa yang telah dibuat ke atas *Audited Account* setiap Syarikat Konsesi Air. Nilai yang ditawarkan itu telah mengambil kira faktor-faktor berikut:-

- i) Aset Air akan diambil oleh Pengurusan Aset Air Berhad ("PAAB").
- ii) Ekuiti Pemegang saham termasuk semua bentuk pelaburan dan sumbangan oleh para pemegang saham (seperti biasa atau saham keutamaan, pendahuluan dan, di mana alat berkenaan, ekuiti hutang juga diambil kira).
- iii) Pulangan atas Ekuiti Pemegang Saham dikira pada 12% setahun sehingga 31 Disember 2012 (dengan tidak pengkompaunan) dengan potongan bagi mana-mana pembayaran dividen sejarah.
- iv) Liabiliti yang akan diambil alih oleh PAAB termasuk semua hutang tertunggak yang berkaitan dengan air yang terhutang oleh Pemegang Saham, yang termasuk:
 - a. Bon yang diperoleh oleh Acqua SPV Berhad ("Acqua SPV") atau berada di dalam pasaran modal;

- b. Pinjaman komersial, jika berkenaan; dan
- c. Pinjaman kerajaan, jika berkenaan.

Kerajaan Negeri Selangor adalah tidak berupaya untuk menawarkan nilai pengambilalihan berdasarkan kepada tuntutan Syarikat Konsesi Air menggunakan konsep *willing buyer willing seller*. Kerajaan Negeri Selangor amat menitik beratkan mengenai nilai yang akan dibayar kepada Syarikat Konsesi Air kerana apa jua bayaran yang akan dibayar kelak adalah merupakan duit pembayar cukai iaitu duit rakyat.

Sebarang peningkatan dalam nilai yang akan dibayar kepada Syarikat Konsesi Air akan memberikan kesan yang banyak kepada Industri Perkhidmatan Air Negeri Selangor seperti kadar sewa pajakan dengan PAAB yang tinggi yang akhirnya akan memberi kesan kepada kos operasi yang akhirnya akan ditanggung oleh pengguna dalam bentuk tarif yang tinggi. Keadaan ini adalah bertentangan dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam mencapai Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor.

Justeru itu, untuk menyelesaikan masalah berhubung nilai yang dituntut oleh Syarikat Konsesi Air melalui konsep *willing buyer willing seller*, Kerajaan Negeri Selangor telah meletakkan syarat di dalam tawaran pengambilalihan Syarikat Konsesi Air iaitu sekiranya Syarikat Konsesi Air tidak berpuas hati dan merasakan tawaran yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor itu rendah dan tidak munasabah, maka sebarang Syarikat Konsesi Air itu bolehlah merujuk isu pertikaian ke atas nilai tawaran tersebut kepada Tribunal Timbang Tara yang berpusat di London. Badan Timbang Tara tersebut hendaklah tidak memutuskan harga yang lebih rendah dari harga tawaran yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor. Setelah rujukan kepada Tribunal Timbang Tara tersebut, Kerajaan Negeri Selangor akan patuh kepada apa jua nilai dan perintah yang ditetapkan oleh Tribunal Timbang Tara tersebut.

Rujukan kepada Tribunal Timbang Tara tersebut adalah satu langkah yang adil dan saksama dalam menyelesaikan sebarang pertikaian ke atas nilai tawaran oleh Kerajaan Negeri Selangor.

- b) Dalam membuat penilaian ke atas setiap Pemegang Konsesi Air, Kerajaan Negeri Selangor amat menitikberatkan harga berpatutan yang tidak membebankan pengguna di samping tidak merugikan Syarikat Konsesi Air. Penilaian ke atas harga yang ditawarkan kepada Pemegang Konsesi Air adalah berdasarkan kepada analisa yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri ke atas *Audited Account* setiap Syarikat Konsesi Air dengan mengambil kira faktor-faktor berikut:-
 - i) Aset Air akan diambil oleh Pengurusan Aset Air Berhad ("PAAB") serentak dengan pengambilalihan ekuiti oleh KDEB.
 - ii) Ekuiti Pemegang saham termasuk semua bentuk pelaburan dan sumbangan oleh para pemegang saham (seperti biasa atau saham

keutamaan, pendahuluan dan, di mana alat berkenaan, ekuiti hutang juga diambil kira).

- iii) Pulangan atas Ekuiti Pemegang Saham dikira pada 12% setahun sehingga 31 Disember 2012 (dengan tidak pengkompaunan) dengan potongan bagi mana-mana pembayaran dividen sejarah.
- iv) Liabiliti yang akan diambil alih oleh PAAB termasuk semua hutang tertunggak yang berkaitan dengan air yang terhutang oleh Pemegang Saham, yang termasuk:
 - a. Bon yang diperoleh oleh Acqua SPV Berhad ("Acqua SPV") atau berada di dalam pasaran modal;
 - b. Pinjaman komersial, jika berkenaan; dan
 - c. Pinjaman kerajaan, jika berkenaan.

Kerajaan Negeri Selangor telah mengemukakan tawaran bagi mengambil alih Syarikat Konsesi Air sebanyak empat (4) kali di mana ringkasan tawaran yang telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti dalam **Jadual 1** berikut:-

Jadual 1: RINGKASAN TAWARAN

GROSS (RM/JUTA)	ABASS	SPLASH	PUNCAK	SYABAS	TOTAL
Tawaran (1) 13.02. 2009	525	2,064	1,608	1,512	5,709
Tawaran (2) 25. 06.2009	946	2,975	1,936	3,361	9,218
Tawaran (3) 06 .01.2011	402	2,772	2,040	4,013	9,227
Tawaran (4) 20 .02.2013	992.2	1,834.6	2,477.0	4,347.8	9,651.6

Harga yang ditawarkan untuk pengambilalihan Syarikat Konsesi Air ini adalah anggaran sahaja. Harga sebenar akan ditentukan selepas proses ketekunan wajar (*due diligence*) disempurnakan. Sekiranya wujud perbezaan dan/atau ketidaktepatan ke atas nilai yang dianggarkan selepas proses *due diligence* disempurnakan, maka nilai sebenar yang akan dibayar kepada Pemegang Konsesi akan diselaraskan sebagaimana patut.

- c) Bagi tujuan membiayai pengambilalihan Syarikat Konsesi Air, Kerajaan Negeri Selangor akan menyerahkan aset-aset air milik Kerajaan Negeri Selangor yang digunakan oleh Syarikat Konsesi Air kepada Pengurusan Air Berhad (PAAB). Bayaran yang diterima dari PAAB akan digunakan untuk membayar kos pengambilalihan Syarikat Konsesi Air. Dengan kaedah ini, Syarikat SPV yang terbentuk selepas pengambilalihan Syarikat Konsesi Air tidak di beban dengan Kos Pembangunan (CAPEX) kerana semua kos ini akan diambil alih oleh PAAB. Syarikat SPV hanya akan membayar pajakan kepada PAAB atas aset-aset yang digunakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(GOMBAK SETIA)**

TAJUK : STATUS TANAH MASJID YANG DIWAKAFKAN

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah masjid di Selangor yang status tanahnya masih atas nama pewakaf dan belum dipindah milik sebagai tanah wakaf?

JAWAPAN:

- a) Terdapat 58 buah yang didirikan di atas tanah wakaf. 44 daripadanya telah pun selesai dipindah milik sebagai tanah wakaf, manakala 14 buah masjid lagi masih dalam proses pindah milik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : LESEN PERNIAGAAN TERHADAP KLIA, LCCT, KLIA2 DAN PEMILIK-
PEMILIK KONSESI TOL LEBUH RAYA**

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan akan mengenakan cukai pintu dan lesen perniagaan terhadap premis perniagaan dan tred yang dijalankan di KLIA, LCCT, KLIA2 dan pemilik-pemilik konsesi tol lebuhraya?
- b) Jika ya, mengapakah ini tidak dilakukan pada masa dahulu dan hanya dilakukan pada masa sekarang?
- c) Dijangka berapa banyak yang dapat dikutip oleh setiap PBT jikalau ini dilaksanakan? Sila beri angka mengikut PBT.

JAWAPAN:

- a) Pihak MPSepang telah melesenkan premis-premis bagi aktiviti perniagaan dan tred bermula pada tahun 1998. Walau bagaimanapun, pihak MPSepang tidak mengeluarkan sebarang lesen bagi konsesi tol lebuhraya.

Pihak Majlis telah mengenakan cukai taksiran ke atas semua bangunan – bangunan di dalam kawasan 10km x 10km KLIA Sepang iaitu sebanyak 28 unit.

Bagi bangunan – bangunan milik Kerajaan Persekutuan juga turut dikenakan caruman membantu kadar (CMK). Jumlah CMK yang di sumbang Kerajaan Persekutuan sebanyak RM511,896.67 untuk 7 unit bangunan.

Manakala, 4 unit bangunan – bangunan milik pemegang konsesi lebuhraya juga telah dikenakan cukai bagi taksiran. Jumlah keseluruhan kenaan cukai bagi KLIA dan pemegang konsesi lebuhraya adalah sebanyak RM11,278,823.01 setahun.

- b) Cukai pintu dan lesen perniagaan telah dikuatkuasakan oleh MPSepang di KLIA, LCCT, KLIA2 sejak bangunan – bangunan ini siap dibina dan mendapat CFO mengikut peraturan/ undang – undang sedia ada. Cukai taksiran dan lesen perniagaan telah mula dikenakan di KLIA sejak 1998 dan seterusnya berperingkat – peringkat mengikut tarikh bangunan – bangunan ini siap dan operasi perniagaan dimulakan.
- c) Pihak Majlis telah mengenakan cukai taksiran kepada pemegang konsesi lapangan terbang di Kuala Lumpur International Airport (KLIA) dan Low Cost

Carrier Terminal (LCCT) iaitu Malaysia Airport Berhad bermula tahun 2001. Senarai pegangan bercukai adalah seperti di **Lampiran A**.

Pihak Majlis juga telah mengenakan cukai taksiran terhadap konsesi Tol seperti SKVE HOLDINGS untuk lebuh raya SKVE, MAJU EXPRESSWAY untuk Lebuh raya MEX, PROJEK LEBUHRAYA USAHASAMA BERHAD untuk lebuh raya ELITE dan Lebuh raya Utara Selatan. Senarai pegangan bercukai adalah seperti di **Lampiran B**.

Bagi KLIA2 yang dijangkakan beroperasi pada bulan Mei 2014 pihak Majlis mengunjurkan pendapatan hasil cukai sebanyak RM 2 juta setahun.

CUKAI TAKSIRAN DI KLIA

lampiran A

BIL	PEMILIK	NILAI TAHUNAN(RM)	JUMLAH CUKAI (RM)
1	MALAYSIA AIRPORT BERHAD	2,385,840.00	125,256.60
		8,132,280.00	426,944.70
		1,611,560.00	84,606.90
		380,400.00	19,971.00
		7,877,080.00	413,546.70
		1,676,920.00	88,038.30
		793,360.00	41,651.40
		647,000.00	33,967.50
		172,800.00	9,072.00
		9,175,000.00	481,687.50
		1,397,460.00	117,386.64
		29,302,260.00	1,538,368.65
		2,279,000.00	119,647.50
	JUMLAH	65,830,960.00	3,500,145.39
2	CHATERFIELD CORP. SDN. BHD	5,590,720.00	469,620.48
3	MAS	2,385,840.00	125,256.60
		41,847,040.00	2,196,969.60
		12,317,000.00	646,642.50
4	KL AVIATION FUELLING	159,280.00	8,362.20
	SDN BHD	2,009,440.00	105,495.60
	GAS DISTRICT COOLING (M)	1,659,520.00	87,124.80
	SDN BHD		
5	KL AIRPORT SERVICES SDN. BHD.	6,707,600.00	352,149.00
6	PETRONAS DAGANGAN BHD	341,520.00	17,929.80
		356,680.00	18,725.70
		247,440.00	12,990.60
7	TELEKOM	340,480.00	17,875.20
8	POS MALAYSIA	9,175,000.00	481,687.50
9	AIR ASIA	1,869,000.00	98,122.50
		356,500.00	18,716.25
10	SIC	21,512,000.00	1,129,380.00
11	TUNE HOTEL KLIA	1,998,000.00	167,832.00
12	SHELL TRADING	182,560.00	15,335.04
13	SEPANG AIRCRAFT	4,897,000.00	257,092.50
	JUMLAH	179,783,580.00	9,727,453.26

CUKAI TAKSIRAN OPERATOR LEBUHRAYA

lampiran b

BIL	PEMILIK	NILAI TAHUNAN(RM)	JUMLAH CUKAI (RM)
1	SKVE HOLDINGS SDN BHD	138,000.00	11,592.00
2	MAJU EXPRESSWAY SDN BHD	523,200.00	43,948.80
3	PLUS	280,000.00	23,520.00
		50,700.00	4,258.80
		76,000.00	6,384.00
		28,500.00	2,394.00
		299,400.00	25,149.60
	JUMLAH	1,395,800.00	117,247.20

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(IJOK)**

TAJUK : PENTERNAKAN

31. Dengan kesedaran kesihatan masyarakat sekarang, keperluan untuk makan ayam kampung meningkat. Pengusaha penternak ayam kampung secara kecil-kecilan berminat untuk memperluaskan pengusahaan mereka untuk memenuhi peningkatan keperluan ayam kampung.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimana Kerajaan Negeri Selangor dapat membantu golongan pengusaha-pengusaha ini dalam industri ternakan ayam kampung?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) memang mempunyai program untuk membantu pengusaha-pengusaha ternakan ayam kampung. Pertamanya, semua Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah (PPVD) menyediakan khidmat konsultasi kepakaran kepada pengusaha baru dan pengusaha ayam kampung yang bercadang untuk membesarkan projek supaya langkah-langkah pembesaran projek mengikut kaedah yang betul.

Keduanya, PPVD juga menawarkan khidmat nasihat secara berterusan melalui Program Pengembangan Veterinar bagi membantu penternak ayam kampung meningkatkan produktiviti projek dan menangani masalah seperti penyakit.

Seterusnya, JPV juga memberi bantuan input penternakan kepada penternak ayam kampung di bawah program pembangunan RMK 10 iaitu Merakyatkan Ekonomi Kepada Penternak Unggas. Antara input-input penternakan yang telah diagihkan sebelum ini adalah :

- Bantuan benih atau anak ayam kampung,
- Bantuan mesin penetasan telur,
- Bantuan bahan binaan reban,
- Bantuan bahan efektif mikrob bagi pencemaran; dan
- Bantuan pembangunan produk hiliran ayam kampung.

Permohonan ini bagi semua bantuan input penternakan ayam kampung ini dibuka dari bulan Januari hingga Mac pada setiap tahun di mana pengusaha perlu mendapatkan dan mengembalikan borang permohonan yang lengkap kepada semua Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah di seluruh negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR)

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa jumlah unit PPR yang telah digunapakai dan berapa jumlah unit yang masih kosong di Kota Damansara?
- b) Apakah syarat kelayakkan untuk memohon rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR)?

JAWAPAN:

- a) Unit yang berpenghuni adalah sebanyak 1003 unit manakala unit kosong adalah sebanyak 149 unit.
- b) Syarat kelayakan bagi penyewaan PPR adalah seperti berikut :
 - i) Warganegara Malaysia
 - ii) Berumur 18 tahun ke atas dan telah berkeluarga atau mempunyai tanggungan.
 - iii) Pendapatan seisi keluarga kurang daripada RM2,000 sebulan.
 - iv) Pemohon telah berdaftar dengan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor atau PBT yang berkaitan.
 - v) Pemohon dan suami / isteri tinggal atau bekerja di negeri Selangor.
 - vi) Pemohon dan suami / isteri tidak memiliki tanah atau rumah dalam daerah atau mukim yang sama di mana PPR / Council Homes dibina.
 - vii) Bukan penjenayah, penagih dadah, tidak waras dan seumpamanya.
 - viii) Maklumat yang dikemukakan adalah benar dan telah disahkan.

DITOLAK DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN TETAP 23 (q) (i) & (ii)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN HAJI ABDUL TALIB
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : EVAKUASI PELAJAR SELANGOR DI MESIR

33. Pelajar Selangor telah pulang ke tanah air lantaran dari ketidakstabilan politik di Mesir dan mereka telah pulang ke tanah air sewaktu tempoh evakuasi.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah pelajar Selangor yang sedang belajar di Mesir?
- b) Berapakah jumlah pelajar Selangor yang pulang ke Malaysia sewaktu tempoh evakuasi?
- c) Adakah kerajaan Selangor mengeluarkan arahan pulang sewaktu proses evakuasi ini?
- d) Kerajaan Kelantan telah membiayai RM1000.00 setiap pelajar yang evakuasi secara sukarela bagi proses kembali pelajar ke Mesir, berapakah jumlah bayaran dan jumlah pelajar yg dibiayai oleh kerajaan Selangor bagi proses kembali ke Mesir bagi meneruskan pembelajaran?
- e) Apakah syarat-syarat yang di dikenakan bagi pembiayaan ini dan kenapakah syarat-syarat ini dikenakan dan adakah ianya selari dengan konsep negeri berkeadilan?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : ALAM SEKITAR

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapakah banyak 'recycle bin' kerajaan Negeri telah tergendala di Petaling Jaya?
- b) Adakah ia akan di roboh supaya tidak menjadi tempat membuang sampah? (kontraktor sampah PBT tidak mengutip sampah dalam 'recycle bin'.)

JAWAPAN:

a) dan b)

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, isu ini masih di bawah tindakan mahkamah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH
(KAJANG)**

**TAJUK : PENANGKAPAN ANJING LIAR OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN
(PBT)**

35. Laporan dalam media alternatif memaparkan cara zalim dalam penangkapan anjing liar oleh PBT

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sama ada Kerajaan Negeri akan mengkaji dan menggubal kaedah "Standard Operating Procedure" untuk diguna pakai oleh PBT supaya kerja berkenaan dilakukan secara berperikemanusiaan.
- b) Sama ada Kerajaan Negeri mengadakan kerjasama dengan Badan-Badan Bukan Kerajaan yang berkaitan untuk mengurangkan bilangan anjing liar dalam setiap PBT

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman ahli-ahli Dewan, buat masa ini Kerajaan Negeri akan mengkaji keperluan bagi menggubal kaedah seragam untuk menangkap anjing liar di semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, setiap PBT di Negeri Selangor mempunyai kaedah tangkapan anjing liar yang bersesuaian di kawasan masing-masing.
- b) Buat masa ini, kerajaan negeri mengkaji keperluan bagi mengadakan kerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan untuk menangani masalah anjing liar. Walau bagaimanapun beberapa siri perbincangan telah diadakan bersama-sama agensi yang terbabit bagi mengenal pasti isu tangkapan anjing liar yang kerap dilaporkan di dalam media massa. Di dalam menangani isu ini, kerajaan negeri sentiasa terbuka untuk bekerjasama dengan pihak NGO bagi menangani masalah berkenaan anjing liar. Cadangan penambahbaikan dari segi penangkapan anjing liar juga akan diterima untuk memantapkan tugas dari segi penangkapan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(HULU BERNAM)**

TAJUK : MANFAAT ANAK PRA SEKOLAH


36. Status pelaksanaan program bantuan RM50.00 sebulan seorang untuk pendidikan pra-sekolah pasca PRU13 adalah diteruskan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Pada pelaksanaan penggal lepas, adakah kesemua pendidikan pra sekolah yang layak ini telah menerima manfaat bantuan RM50 sepenuhnya?
- b) Bagaimanakah cara kerajaan menyampaikan bantuan ini kepada setiap penerima.
- c) Nyatakan jumlah mereka yang layak menerima bantuan tersebut mengikut daerah, Parlimen dan DUN?

JAWAPAN:

- a) Pada pelaksanaan penggal lepas, kesemua pendidikan pra sekolah yang layak telah menerima manfaat bantuan RM 50.00.
- b) Kerajaan menyampaikan bantuan Skim TUNAS kepada setiap penerima berdasarkan carta alir berikut:



BPSM mohon kelulusan daripada
Perbendaharaan



Perbendaharaan mengeluarkan
cek bayaran kepada tadika.

- c) Jumlah mereka yang layak mengikut DUN, Daerah dan Parlimen adalah seperti di Lampiran I.

**Jumlah Murid Yang Layak Menerima Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS)
Mengikut DUN dan Daerah**

DUN	DAERAH	JUMLAH LAYAK
N01 Sungai Air Tawar	Sabak Bernam	66
N02 Sabak	Sabak Bernam	67
N03 Sungai Panjang	Sabak Bernam	349
N04 Sekinchan	Sabak Bernam	71
N05 Hulu Bernam	Hulu Selangor	-
N06 Kuala Kubu Baharu	Hulu Selangor	-
N07 Batang Kali	Hulu Selangor	6
N08 Sungai Burong	Kuala Selangor	122
N09 Permatang	Kuala Selangor	75
N10 Bukit Melawati	Kuala Selangor	1
N11 Ijok	Kuala Selangor	28
N12 Jeram	Kuala Selangor	114
N13 Kuang	Gombak	14
N14 Rawang	Gombak	61
N15 Taman Templer	Gombak	59
N16 Batu Caves	Gombak	-
N17 Gombak Setia	Gombak	-
N18 Hulu Kelang	Gombak	23
N19 Bukit Antarabangsa	Hulu Langat	-
N20 Lembah Jaya	Hulu Langat	23
N21 Cempaka	Hulu Langat	-
N22 Teratai	Hulu Langat	-
N23 Dusun Tua	Hulu Langat	21
N24 Semenyih	Hulu Langat	28
N25 Kajang	Hulu Langat	12
N26 Bangi	Hulu Langat	56
N27 Balakong	Hulu Langat	34
N28 Sri Kembangan	Petaling	11

DUN	DAERAH	JUMLAH LAYAK
N29 Sri Serdang	Petaling	100
N30 Kinrara	Petaling	73
N31 Subang Jaya	Petaling	18
N32 Seri Setia	Petaling	49
N33 Taman Medan	Petaling	41
N34 Bukit Gasing	Petaling	1
N35 Kampung Tunku	Petaling	-
N36 Damansara Utama	Petaling	-
N37 Bukit Lanjan	Petaling	26
N38 Paya Jaras	Petaling	148
N39 Kota Damansara	Petaling	33
N40 Kota Anggerik	Petaling	21
N41 Batu Tiga	Petaling	101
N42 Meru	Klang	229
N43 Sementa	Klang	82
N44 Sungai Pinang	Klang	48
N45 Selat Klang	Klang	187
N46 Pelabuhan Klang	Klang	122
N47 Pandamaran	Klang	6
N48 Kota Alam Shah	Klang	-
N49 Seri Andalas	Klang	74
N50 Sri Muda	Klang	79
N51 Sijangkang	Kuala Langat	78
N52 Teluk Datuk	Kuala Langat	100
N53 Morib	Kuala Langat	59
N54 Tanjung Sepat	Kuala Langat	98
N55 Dengkil	Sepang	35
N56 Sungai Pelek	Sepang	24

Jumlah keseluruhan : 3,073 pelajar

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(PAYA JARAS)**

TAJUK : PROGRAM KESIHATAN

37. Pada masa ini Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan bantuan kesihatan bagi 3 jenis rawatan pembedahan kecil yang ditanggung oleh pihak kerajaan negeri iaitu pembedahan katarak, bantuan dialisis dan pembedahan kecil;

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah pihak kerajaan negeri bercadang untuk menambahkan jenis penyakit dan rawatan selain di atas?
- b) Adakah pihak kerajaan negeri bercadang untuk pembiayaan bahan-bahan anggota palsu seperti kaki palsu dan *prosthesis* dan *plate*?
- c) Adakah kerajaan negeri berhasrat untuk mewujudkan pusat dialisis di setiap DUN?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Skim Bantuan Rakyat Miskin telah menyediakan bantuan kesihatan bagi empat (4) jenis rawatan pembedahan kecil yang ditanggung oleh pihak kerajaan negeri iaitu pembedahan katarak, bantuan dialisis, pembedahan kecil dan lain-lain. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan negeri sedang merancang untuk menambahkan jenis rawatan yang boleh disediakan kepada rakyat negeri Selangor antaranya bantuan kaki palsu kepada yang berkelayakan.
- b) Kerajaan negeri sememangnya telah membiayai permohonan bagi kaki palsu termasuk *prosthesis* dan *plate* sejak dari tahun 2012 sehingga kini sebanyak 66 permohonan kaki palsu telah diluluskan dengan nilai RM248,840.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Empat Puluh Lapan Ribu Lapan Ratus Empat Puluh).
- c) Kerajaan negeri berhasrat untuk menubuhkan satu Pusat Dialisis Rakyat (PDR) di setiap DUN. Untuk itu, satu bentuk kerjasama bijak telah dilakukan dengan beberapa entiti termasuk pihak swasta. Namun, bukanlah sesuatu yang mudah untuk memenuhi hasrat tersebut kerana tidak semua perkara berada di bawah kawalan kerajaan negeri.

Satu jawatankuasa telah dibentuk bagi mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak yang berkaitan terutamanya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi merealisasikan perkara ini.

Kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia adalah perlu kerana lesen untuk PDR beroperasi dikeluarkan oleh KKM. Di samping itu, terdapat syarat-syarat lain yang perlu dipatuhi sebelum sesebuah PDR dapat beroperasi.

Antara syarat-syaratnya adalah seperti berikut :

- i) Infrastruktur dan pelan susun atur bangunan PDR perlu mengikut keperluan standard Kementerian Kesihatan Malaysia
- ii) Mesin hemodialisis di PDR perlu mematuhi piawaian Kementerian Kesihatan Malaysia
- iii) Kakitangan dan staffnurse perlu mendapat latihan kejururawatan dan pengalaman di dalam bidang dialisis
- iv) Memerlukan seorang doktor untuk bertugas di pusat tersebut.
- v) Meletakkan seorang pakar buah pinggang *nefrologi* yang akan melawat PDR secara berkala bagi merawat pesakit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

TAJUK : TANAH SEBAGAI TAPAK PERSEKOLAHAN SJK (C) DI DUN TERATAI

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan pelaksanaan Kerajaan Negeri dalam membekalkan tanah sebagai tapak persekolahan SJK (C) di DUN Teratai dalam tahun 2013-2014.
- b) Apakah sebab Kerajaan Negeri belum menjadikan kawasan lapang tapak persekolahan di Jalan Maju 2, Taman Lembah Maju dan/atau di Jalan Saga 24, Taman Saga sebagai tapak persekolahan SJK (C)?

JAWAPAN:

- a) Pada masa kini pihak Kementerian Pelajaran memfokuskan kepada pembinaan sekolah kebangsaan yang dapat diikuti oleh semua kaum sesuai dengan tujuan untuk perpaduan kaum. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tiada halangan dalam meluluskan permohonan bagi tujuan tapak sekolah SRJK(C) di DUN Teratai tertakluk kepada kelulusan Kementerian Pelajaran. Di sekitar Bandar Ampang tiada lagi tanah kerajaan bagi tujuan tapak sekolah. Tapak-tapak sekolah sedia ada adalah serahan tanah kepada kerajaan oleh pemaju-pemaju perumahan dan diberi milik kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.
- b) Kerajaan Negeri belum menjadikan kawasan lapang di tapak persekolahan di Jalan Maju 2, Taman Lembah Maju Ampang dan di Jalan Saga 24 , Taman Saga adalah disebabkan perkara-perkara berikut :
 - i) Tapak sekolah di Jalan Maju 2, Taman Lembah Maju Ampang (Lot 44138)
 - Semakan ke atas pelan tatatur yang diluluskan oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa (JPBD) Selangor bertarikh 1/11/1997 tapak merupakan rezab sekolah bersepadu.
 - Tapak tersebut juga telah dizonkan bagi kegunaan pendidikan (sekolah menengah) di dalam Rancangan Tempatan MPAJ 2020 (BPK 1.6).
 - Walau bagaimanapun, merujuk surat Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat bertarikh 26 April 2011 (dilampirkan) , tapak tersebut bukan merupakan rezab sekolah bersepadu sebaliknya adalah tanah hak milik syarikat PAPPOS Development Sdn. Bhd.
 - ii) Jalan Saga 24 , Taman Saga
 - Semakan ke atas pelan tatatur yang diluluskan oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa (JPBD) Selangor bertarikh 8/10/1988, tapak merupakan rezab sekolah.
 - Tapak tersebut juga dizonkan bagi kegunaan pendidikan (Sekolah Menengah) di dalam Rancangan Tempatan MPAJ 2020 (BPK 1.5).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN TERBENGGKALAI DI NEGERI SELANGOR

39. Terdapat projek perumahan telah terbengkalai sebelum tahun 2008 lagi.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak projek terbengkalai di Negeri Selangor, berapa jumlah rumah yang terbengkalai sepanjang tempoh tersebut?
- b) Berapa banyak projek perumahan terbengkalai yang telah diselamatkan dan berapa jumlah rumah terbengkalai telah dapat disiapkan semenjak tahun 2008.
- c) Apakah langkah Kerajaan untuk memastikan projek terbengkalai tidak berulang lagi.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah projek terbengkalai di Negeri Selangor adalah sebanyak 140 projek yang melibatkan 37,381 unit. Senarai projek terbengkalai mengikut pecahan Pihak Berkuasa Tempatan seperti berikut:

NO	KAWASAN PBT	PROJEK PERUMAHAN	PROJEK KOMERSIAL	PROJEK INDUSTRI	PROJEK PEMBESARAN KAMPUNG	JUMLAH PROJEK	JUMLAH UNIT
1	MBSA	9	1	1	-	11	3,802
2	MBPJ	3	2	-	-	5	2,246
3	MPSJ	6	3	-	-	9	2,776
4	MPAJ	8	-	-	-	8	3,282
5	MPK	27	3	1	-	31	3,950
6	MPKJ	16	-	-	-	16	5,280
7	MPS	9	-	-	2	11	3,257
8	MPSp	8	-	-	-	8	3,208
9	MDKS	8	-	-	2	10	3,691

NO	KAWASAN PBT	PROJEK PERUMAHAN	PROJEK KOMERSIAL	PROJEK INDUSTRI	PROJEK PEMBESARAN KAMPUNG	JUMLAH PROJEK	JUMLAH UNIT
10	MDHS	9	1	-	5	15	4,855
11	MDKL	15	1	-	-	16	1,034
JUMLAH		118	11	2	9	140	37,381

- b) Walaupun bidang kuasa Kerajaan Negeri terhad dalam memulihkan projek terbengkalai yang mana kuasa ini terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966, dari Mac 2008 sehingga 31 Oktober 2013 Kerajaan Negeri telah berjaya menyelesaikan sebanyak 42 projek terbengkalai yang melibatkan 19,958 unit seperti berikut :

21 PROJEK BERLESEN DISELESAIKAN

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
1.	Pangsapuri Okid Bandar Pinggiran Subang, Shah Alam (MBSA)	Pemaju : Unique Creation Diambilalih : SPNB	580 unit
2.	Projek Perumahan Pangsapuri Andorra, HS (D) 41823, PT 9338, Seksyen 25, Taman Sri Muda, Shah Alam (MBSA)	Newacres Sdn. Bhd. Hals & Associates	160 unit
3.	Projek Taman Puncak Jalil, Fasa 9 B, 9 C, 9F, 12, 19 dan 21 (MPSJ)	Talam Corporation Bhd.	1,447 unit
4.	Projek Lestari Putra (Fasa D), Lot 48729, Puchong	Lestari Puchong Sdn. Bhd.	244 unit
5.	Taman Bunga Ros, Klang (MPK)	Ram Developer Sdn. Bhd. Construction Sdn. Bhd.	30 unit
6.	Rumah Kos Rendah Taman Ukay Indah Sungai Sering, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak (MPAJ)	Tetuan Triumph City Sdn. Bhd. JV Tetuan Scenic Marina Sdn. Bhd.	660 unit
7.	Spring Ville, Taman Ukay Perdana, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak (MPAJ)	Ukayland Sdn. Bhd.	799 unit
8.	Projek Perumahan Taman Pinggiran Batu Caves, Gombak (MPS)	Bee Teck Trading Corporation Sdn. Bhd.	196 unit

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
9.	Putra Intan Kondominium (MPSp)	Pemaju Lama : Lembah Kerjaya Sdn. Bhd. Pelikuidasi : Rimbun Capital Sdn. Bhd.	300 unit
10.	Taman Nilam, Mukim Ujung Permatang, Kuala Selangor (MDKS)	Richmall Sdn. Bhd.	84 unit
11.	Bandar Pinggiran Cyber, Dengkil Sepang (MPSp)	Perspektif Perkasa Sdn.Bhd.	319 unit
12.	Projek Perumahan Putra Perdana (La Cottage), Fasa C, D, E, F dan G, Lot PT6250, HS(D) 2487, Mukim Dengkil, Daerah Sepang (MPSp)	Pemaju Lama : Metro Tegas Sdn. Bhd. Pelikuidasi : Rimbun Corporate Advisory	919 Unit
13.	Taman Hijau Indah (MPS)	Pemaju Lama : Lim Chin Hin & Sons Industries Sdn. Bhd. Pemaju Penyelamat : ECO Dev. Sdn. Bhd.	120 unit
14.	Projek Alam Perdana, Mukim Ijok, Kuala Selangor (MDKS)	Tetuan LBCN Development Pemaju Penyelamat : MBI	3,606 unit
15.	Projek Rumah Kos Rendah (RKR), Taman Berembang Indah, Bandar Hulu Klang, Daerah Gombak (MPAJ)	Tuan Tanah : Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)(Projek Usahasama) Pemaju : Perspektif Masa Sdn. Bhd.	694 unit
16.	Taman Setia Warisan, Seksyen U6, Shah Alam (MBSA)	Tetuan Sri Rambai Sdn. Bhd. Pemaju Penyelamat : Tetuan Harapan Konsep Sdn. Bhd.	15 unit
17.	Projek Perumahan Taman Lestari Permai, Seri Kembangan Di Atas, Mukim Dengkil, Daerah Sepang (MPSp)	Tetuan Europlus Construction Sdn. Bhd.	568 unit
18.	Projek Perumahan Taman Khalid Al-Walid Fasa 1 dan 2, Lot 3236 & 3237, Daerah Klang (MBSA)	Kelland Development Sdn. Bhd. Pemaju Penyelamat : SPNB	94 unit

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
19.	Projek Perumahan Bandar Pinggiran Shah Alam Di Atas Lot 4185, Geran Mukim 5343, Klang (MBSA)	Tyss-Ain S/B (Projek telah dijual kepada pemaju baru & bayaran pembeli dipulangkan)	62 unit
20.	Pangsapuri Seri Mutiara, Lot 163 Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak	Y-Talis Housing Sdn. Bhd. Intelbest Corporation Sdn. Bhd. Pelikuidasi : KPMG Corporate Services Sdn. Bhd.	256 unit
21.	Projek Saujana Putra, Daerah Kuala Langat	Tetuan Galian Juta Sdn. Bhd. & Tetuan Sanjung Hemat Sdn. Bhd.	278 unit
JUMLAH			11,431 UNIT

21 PROJEK TANPA LESEN DISELESAIKAN

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
1.	Kedai Pejabat, U5, Shah Alam (MBSA)	Sama Pesona Sdn. Bhd.	203 Unit
2.	Pangsapuri Perkhidmatan Seri Nipah, Taman Pinggiran USJ, Shah Alam (MBSA)	LBS Bina Group Berhad	340 Unit
3.	Pusat Komersial, Seksyen 7, Shah Alam (MBSA)	PCM Bina Sdn. Bhd.	1,514 Unit
4.	Apartment Seri Putri di atas Lot 48, Jalan Rama-Rama 20/2 Di Atas Hakmilik H.S.(D) 107830, P.P. No. 509, Seksyen 20, Shah Alam (MBSA)	Majlis Bandaraya Shah Alam Tetuan Khidmat Makmur Sdn. Bhd. Pemaju Penyelamat : Semangat Ulung Sdn. Bhd.	312 Unit
5.	Hotel Damansara (MBPJ)	Pemaju Lama : Sri Damansara Sdn. Bhd. Pemaju Baru : Sri Damansara Hotel Sdn. Bhd.	1 Blok
6.	Rumah/Kedai 4 Tingkat Taman Serdang Perdana, Seksyen U5, Mukim Petaling, Daerah Petaling (MPSJ)	Green Crescent Sdn. Bhd.	512 Unit
7.	Pusat Perniagaan dan Pangsapuri Perkhidmatan, UEP Subang Jaya (MPSJ)	Sanjung Utama Sdn. Bhd.	1,316 Unit
8.	Pangsapuri Perkhidmatan, Suria Kinrara, Kinrara, Puchong (MPSJ)	Sentosa Restu Sdn. Bhd.	1,131 Unit

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
9.	Pangsapuri Perkhidmatan, HS(D) 50727 PT 13178, Lagoon Perdana, Bandar Sunway (MPSJ)	Tenaga Gagah Sdn. Bhd.	1,052 Unit
10.	1 Blok Kompleks Perniagaan, Persiaran Raja Muda Musa, Pelabuhan Klang (MPK)	Transhabour Sdn. Bhd.	258 Unit
11.	Rumah Berkembar, Jalan Sri Banang 14, Taman Sri Andalas, Klang (MPK)	URC Housing Sdn. Bhd.	28 Unit
12.	Pusat Perubatan 6 Tingkat Dan 2 Tingkat Basement Tempat Letak Kereta Di Atas PT 21154 Persiaran Rajawali, Bukit Raja, Klang (MPK)	PNSB Acmar Sdn. Bhd.	1 Blok
13.	Rumah Sesebuah, Taman Hulu Langat Jaya (MPKj)	Spring Courts Sdn. Bhd .	36 Unit
14.	Kompleks Kota Kajang, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat (MPKj)	Windhill Development & Construction Sdn. Bhd.	100 Unit
15.	Rumah Berkembar dan Rumah Teres, Taman Kosas, Mukim Ampang, Hulu Langat (MPKj)	Koperasi Serbaguna Anak-Anak Selangor Berhad	203 Unit
16.	Rumah Teres 2 Tingkat, HSD 56918, PT 31343, Gombak (MPS)	Hartawan Pasifik Sdn. Bhd.	387 Unit
17.	Kedai Pejabat Taman Prima Selayang, Batu, Gombak (MPS)	Kansas Corporation Sdn. Bhd.	220 Unit
18.	Taman Wawasan, Mukim Tanjung Karang, Daerah Kuala Selangor (MDKS)	Radiant Hart Construction Sdn. Bhd.	33 Unit
19.	Projek Pembesaran Kampung Desa Alam Ria (MDHS)	JKKK Sg Masin & Gerak Utusan Corp. Sdn. Bhd.	252 Unit
20.	Projek Pembesaran Kampung Gesir Tengah, Daerah Hulu Selangor (MDHS)	HRK Holdings Sdn. Bhd.	128 Unit
21.	Pembangunan Bercampur Belvedere Service Condominium (Lagoon Perdana), HS(D) 148053, PT 2, Pekan Penaga, Mukim Petaling (MPSJ)	Tenaga Gagah Sdn. Bhd.	500 unit
JUMLAH			8,527 UNIT

- c) Dalam memastikan pelaksanaan projek terbengkalai tidak berulang lagi, Kerajaan Negeri telah dan sedang mengambil beberapa langkah komprehensif dan berkesan dengan memperkenalkan beberapa dasar baru bagi mengelak projek perumahan terbengkalai seperti berikut :
- i) Kerajaan Negeri melalui kerjasama dengan KPKT telah meningkatkan

penguatkuasaan di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) melalui pemantauan **6 bulan sekali** di mana pemaju di wajib menghantar Borang 7F untuk memaklumkan status terkini kedudukan projek yang sedang dibina.

- ii) Pihak Berkuasa Tempatan perlu memantau secara dekat di mana Jadual Kedua Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 menghendaki pemaju mengemukakan Borang-borang A, B, C, D dan E kepada PBT dan salinan borang-borang tersebut perlu dikemukakan kepada LPHS bagi tujuan pemantauan. Dengan mengemukakan salinan-salinan borang tersebut LPHS akan dapat mengenal pasti sekiranya berlaku masalah terhadap sesebuah projek dan tindakan awal akan dapat dijalankan.
- iii) LPHS melalui sistem pendaftaran pemaju akan memantau terus projek di mana pemaju dikehendaki berdaftar dengan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sekiranya ingin menjalankan pembangunan perumahan dalam tempoh 30 hari dari tarikh Kebenaran Merancang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Selain dari itu mereka turut dikehendaki mengemukakan laporan status projek beserta jadual kerja bagi setiap projek pembangunan di Selangor bagi tujuan pemantauan dan setiap projek dijalankan mengikut jadual. Dengan sistem pendaftaran pemaju ini, LPHS juga akan bertindak sebagai '*one stop centre*' di mana semua maklumat dikumpulkan dan diedarkan kepada PBT dan KPKT sebagai sistem amaran awalan sekiranya berlaku projek terbengkalai. Lawatan ke tapak projek akan dijalankan dari masa ke semasa bersama pihak perunding projek dan PBT sekiranya projek tersebut menunjukkan ciri-ciri projek akan bermasalah.
- iv) Konsep Bina dan Jual sedang dilaksanakan lebih meluas lagi, demi melindungi rakyat daripada dianiaya oleh pemaju. Melalui konsep ini masalah projek terbengkalai tidak akan berulang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PENCEMARAN SUNGAI SELANGOR

40. Sungai yang sedia ada perlu dijaga dan mewariskannya kepada generasi akan datang, **khususnya** dari kawasan Kampung Asahan ke Kuala Sungai Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sedarkah Kerajaan Negeri berlakunya hakisan tebing sungai dan pencemaran akibat daripada penerokaan/pembersihan tanah termasuk sampah sarap turun naik mengikut arus pasang surut?
- b) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi permasalahan tersebut?
- c) Agensi manakah yang bertanggungjawab untuk memantau dan mengambil tindakan supaya tidak terjejas aktiviti nelayan sungai dan pelancongan Kelip-Kelip di Kuala Selangor?

JAWAPAN:

- a) Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah menjalankan pemantauan dan mengambil tindakan terhadap isu hakisan tebing dan pencemaran sungai melalui mekanisme seperti berikut;
 - i) Pasukan Petugas Lembaga Sungai
 - ii) Jawatankuasa Pengurusan Lembaga Sungai Negeri Selangor
 - iii) Tindakan bersepadu bagi kes – kes kecemasan yang melibatkan henti operasi di loji pembersihan air (LPA) melalui Jawatankuasa Kecemasan Sumber Air.
 - iv) Pasukan Petugas dan Jawatankuasa sedi ada melibatkan agensi dan jabatan lain dalam menangani masalah berkaitan pengurusan sungai termasuk pencemaran. LUAS mengetuai tindakan yang dijalankan dan bertindak sebagai penyelar.
- b) LUAS telah mengambil langkah – langkah seperti berikut bagi mengatasi masalah tersebut untuk jangka masa panjang iaitu;
 - i) Menyediakan polisi pengurusan sumber air seperti Kertas Posisi Strategi Pengurusan Sungai Negeri Selangor Selaras dengan Enakmen LUAS 1999. Polisi ini bertujuan memastikan adaptasi sungai secara semula jadi dalam setiap aktiviti pembangunan bagi

memastikan pengekalan morfologi sungai yang mana ia berkaitan dengan bentuk dan struktur sungai yang mempengaruhi hidrologi dan kepelbagaian biodiversiti termasuk alam persekitaran semula jadi sungai.

- ii) Cadangan Pewartaan Zon Perlindungan Di Bawah Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999 (Sungai Utama) Berserta Rizab 50 Meter Kiri Dan 50 Meter Kanan. Tujuan pewartaan adalah untuk memelihara, memulihara serta mengawal semua sungai dan rizab sungai dari dicemari dengan aktiviti-aktiviti pembangunan yang tidak dibenarkan.
 - iii) Di samping itu, memastikan pematuhan kepada peraturan - peraturan seperti di bawah:
 - Peraturan Aktiviti Pengubahan Sumber (Selangor 2013).
 - Peraturan Kemasukan Atau Pelepasan Bahan Pencemar (Sel. P.U 43) 2012
- c) LUAS berperanan dalam memastikan aktiviti nelayan sungai tidak terjejas dengan memantau dan menangani punca pencemaran sungai melalui mekanisme sedia ada. LUAS juga mengambil langkah kawalan untuk jangka masa panjang dengan menguatkuasakan Peraturan Aktiviti Pengubahan Sumber, Peraturan Navigasi Jalan Air Pedalaman dan Peraturan Kemasukan atau Pelepasan Bahan Pencemar. Ini dapat membantu memelihara habitat ikan dan ekosistem di dalam sungai agar tidak terjejas disebabkan pencemaran di dalam sungai.

LUAS juga berperanan dalam memulihara habitat kelip – kelip Sg. Selangor selaras dengan Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Selangor di bawah polisi ke - 4 : Pemuliharaan Kelip – Kelip. Terdapat tiga (3) strategi yang telah dilaksanakan dalam polisi tersebut iaitu;

- i) Pembangunan Santuari/ Taman Kelip-kelip
- ii) Menambah baik program pelancongan Kelip-kelip
- iii) Meneruskan pemantauan dan penyelidikan berkaitan Kelip-kelip Selaras dengan Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Selangor itu juga, LUAS telah melaksanakan aktiviti – aktiviti seperti berikut dalam memulihara habitat Kelip – Kelip;
- iv) Pewartaan Zon Perlindungan di bawah Seksyen 48 Enakmen LUAS 1999;

Pewartaan Mukim Pasangan sebagai Zon Perlindungan Habitat Kelip – Kelip. Tujuan pewartaan adalah untuk mengawal rizab sungai, zon penampungan, dan alam persekitarannya di jajaran tertentu di Sungai Selangor dalam Mukim Pasangan, Daerah Kuala Selangor.

- v) Pelaksanaan Kajian Pemantauan Populasi Kelip – Kelip Sungai Selangor (2006 – sekarang). Kajian ini telah dijalankan dengan kerjasama pihak FRIM sebanyak 2 fasa.
- vi) Program kerjasama dengan agensi lain/ pihak berkepentingan;
- Pemuliharaan Habitat Kelip – Kelip dengan menggunakan dana Tabung Amanah Kelip – Kelip Negeri Selangor. Projek Kerajaan Negeri Selangor, Frim dan AEON CO. (M) BHD dengan kerjasama LUAS, PTD Kuala Selangor dan MDKS.
 - Projek Konservasi Kelip – Kelip Bersama Komuniti Kg. Kuantan, Kuala Selangor . Projek UKM dan TNB Research dengan kerjasama MDKS dan LUAS

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(SERI SERDANG)**

TAJUK : PERUMAHAN MISKIN BANDAR

41. Perumahan Miskin Bandar yang terdapat di dalam manifesto Pakatan Rakyat untuk Pilihan raya Umum ke-13

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah Perumahan Miskin Bandar tersebut boleh dilaksanakan?
- b) Sejauh mana peruntukan tersebut untuk DUN-DUN lainnya?

JAWAPAN:

- a) Pada Pilihan Raya Umum ke-13 yang lepas, manifesto yang dikemukakan oleh Pakatan Rakyat adalah merupakan Perumahan - Tempat Kediaman Untuk Semua dan ianya bukanlah Perumahan Miskin Bandar. Melalui Manifesto tersebut dimaklumkan bahawa sebanyak RM100juta kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor yang bertujuan merangka dasar perumahan secara menyeluruh khususnya bagi menyediakan rumah mampu milik yang bermutu serta menguruskan projek-projek perumahan lain yang mengutamakan tahap kemampuan rakyat untuk membeli.

Selain itu, penambahan perumahan mampu sewa di bandar-bandar raya dan bandar-bandar bagi keluarga yang tidak mampu memiliki rumah persendirian. Kerajaan Negeri menamakan projek ini sebagai Council Homes yang mana ianya diuruskan oleh Pihak berkuasa Tempatan (PBT). Setakat ini, sebanyak 719 unit rumah Council Homes telah diadakan di lima (5) PBT iaitu Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Perbandaran Klang dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Manifesto ini masih dalam penelitian Kerajaan Negeri dari segi pelaksanaan dan bajet. Ianya akan dilaksanakan dalam masa kedua-dua aspek ini telah diperhalusi.

- b) Buat masa ini tiada peruntukan khusus untuk DUN-DUN disediakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : INDUSTRI BURUNG WALIT

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah rancangan kerajaan Selangor dalam membangunkan industri Pembelaan Burung Walit di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah pun meluluskan UUK Burung Walit bagi memastikan industri ini dapat dibangunkan mengikut peraturan yang ditetapkan. Industri Pembelaan Burung Walit ini hanya dibenarkan diusahakan di tanah berstatus pertanian sahaja.

Kerajaan Negeri juga memberikan tempoh masa yang secukupnya untuk para pengusaha yang beroperasi di kawasan komersial dan sawah padi berpindah ke kawasan pertanian. Lesen hanya akan dikeluarkan kepada pengusaha Burung Walit yang beroperasi di kawasan komersial dan kawasan sawah padi yang memohon ke PBT sebelum 31 Disember 2013. Tiada lagi lesen akan dikeluarkan kepada pengusaha burung walit yang beroperasi di premis perniagaan dan kawasan sawah selepas tarikh itu.

Tempoh kuat kuasa lesen bagi kawasan komersial hanya tiga (3) tahun bermula 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2016 manakala untuk pengusaha yang beroperasi di kawasan sawah padi tempoh kuat kuasa lesen hanya tujuh (7) tahun bermula 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2020 diberikan. Pembaharuan lesen adalah secara tahunan. Manakala bagi kawasan sawah padi pembaharuan boleh dibuat setiap 3 tahun.

Pengusaha yang berpindah ke kawasan pertanian (selain sawah padi) sebelum/pada masa tamat tempoh tersebut, akan mendapat insentif berupa pengecualian cukai taksiran, cukai tanah dan lesen perniagaan untuk tempoh selama 5 tahun bermula daripada tarikh keluar premis asal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : KADAR CAPAIAN INTERNET (WIFI DAN UNIFI)

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kadar capaian internet untuk keseluruhan Negeri Selangor mengikut pecahan PBT bagi tahun 2008-2013 dan sasaran untuk meningkatkan kadar pencapaian ini?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan keseluruhan Selangor mendapat perkhidmatan internet yang cepat dan lancar demi menyenangkan urusan harian?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan data daripada SKMM (Suruhanjaya Komunikasi Multimedia), kadar capaian internet untuk keseluruhan Negeri Selangor meningkat dari tahun ke tahun. Ini menunjukkan usaha-usaha kerajaan negeri bagi meningkatkan capaian internet ke seluruh negeri Selangor berhasil dengan memberikan perkhidmatan WiFi Selangorku.

Berdasarkan makluman yang diberikan oleh pihak SKMM, sasaran penembusan jalur lebar di peringkat nasional adalah 75% penembusan pada tahun 2015. Manakala pencapaian di Negeri Selangor adalah CEMERLANG iaitu sebanyak 78.7% berbanding tahap pencapaian telah melebihi penembusan peringkat nasional 67.2. Pada masa kini pihak SKMM belum mempunyai data pecahan mengikut PBT di negeri Selangor.

Jadual di bawah menunjukkan peningkatan kadar penembusan jalur lebar di Negeri Selangor dari tahun 2008 sehingga November 2013

Tahun	Kadar Penembusan (%)
2008	33.2
2009	49.1
2010	67.3
2011	74.8
2012	77.6
2013 (sehingga 2 Nov 2013)	78.7

**Sumber daripada SKMM*

- b) Seperti yang telah saya maklumkan, memandangkan kadar penembusan capaian internet Negeri Selangor melebihi sasaran peringkat nasional, maka sebenarnya kita memiliki kadar penembusan internet yang membanggakan.

Kerajaan sentiasa berusaha memperluaskan capaian dan prestasi perkhidmatan luar bandar agar lebih ramai penduduk mendapat akses internet. Oleh yang demikian, Kerajaan dalam perancangan untuk menambahkan lagi bilangan hotspot Wifi Selangorku di masa-masa akan datang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : KAMERA AUTOMATED ENFORCEMENT SYSTEM (AES)

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah bilangan kamera AES dipasang di Selangor mengikut PBT?
- b) Apakah pendirian kerajaan terhadap inisiatif ini?
- c) Apakah inisiatif kerajaan negeri untuk mendisiplinkan pemandu Selangor selain pendekatan kamera AES?

JAWAPAN:

- a) Terdapat hanya dua (2) unit kamera AES sahaja yang di pasang di Selangor iaitu di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Sepang seperti berikut :

Bil	Kilometer	Lokasi
1	Km 301.7	Arah Ke Kuala Lumpur, Lebuhraya Utara Selatan
2	Km 6.6	Arah Ke Kajang Lebuhraya SKVE

- b) Kerajaan Negeri pada dasarnya menyokong agar penguatkuasaan undang-undang dikenakan ke atas pemandu yang memandu melebihi had kelajuan. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri tidak bersetuju dengan pemasangan kamera AES tersebut kerana ianya dikendalikan secara penswastaan. Kaedah ini lebih memberi keuntungan kepada pihak syarikat swasta. Selain itu, Kerajaan Negeri berpandangan pemasangan kamera tersebut perlulah merujuk kepada PBT seperti yang termaktub dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- c) Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan Majlis Keselamatan Jalan Raya Negeri Selangor untuk mendidik dan mendisiplinkan untuk mendisiplinkan pemandu Selangor dengan melancarkan kempen-kempen kesedaran pemanduan terutamanya semasa menyambut perayaan yang besar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PROGRAM PENCEGAHAN BANJIR DI SEKITAR MERU

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah cadangan-cadangan dari pihak JPS, JKR, MPK dan PTD bagi pencegahan banjir di DUN Meru dan apakah bentuk-bentuk halangan yang dihadapi bagi melaksanakan cadangan-cadangan tersebut ?
- b) Bagaimanakah status terkini Projek Kolam Takungan Air di Meru ?
- c) Apakah status cadangan melebar dan menaik taraf parit di sepanjang Persiaran Hamzah Alang ?

JAWAPAN:

a) Cadangan dari MPK

- i) Bagi pencegahan banjir di DUN Meru, pihak MPK mempunyai cadangan atau program seperti berikut:
 - melaksanakan program berterusan secara berkala iaitu penyelenggaraan pembersihan parit-parit utama sedia ada di bawah seliaan Majlis seperti di Jalan Teratai, Jalan Haji Salleh, Jalan Kasban, Jalan Jabbar, Jalan Kassim, Jalan Khamis, Jalan Puding, Jalan Bunga Raya dan Jalan Haji Abdul Manan. Kerja-Kerja dilakukan secara kontrak dan jabatan (*inhouse*).
 - Majlis juga melaksanakan kerja-kerja pembaikan longkang dan parit sedia ada.
 - Menaik taraf perparitan sedia ada secara berperingkat-peringkat mengikut peruntukan pembangunan yang ada.

Beberapa halangan yang dihadapi bagi pelaksanaan cadangan-cadangan tersebut adalah :

- Terdapat binaan-binaan pembentung/jambatan kecil penduduk tanah-tanah lot persendirian dibina tidak mengikut spesifikasi, bersaiz kecil dan aras yang tinggi menyebabkan air di dalam parit bertakung, menghalang kelancaran aliran air dan seterusnya boleh menyebabkan banjir.
- Ketiadaan rezab parit yang terancang sehingga selepas pembangunan hartanah dilaksanakan. Pada masa ini hanya terdapat parit-parit di tepi rezab jalan.

- Kebanyakan kawasan banjir adalah kawasan-kawasan yang belum dibangunkan dan merupakan tanah hak milik persendirian yang mana parit alir keluar utama sedia di bawah pengurusan organisasi lain seperti JPS.
- Majlis tidak mempunyai peruntukan lebih bagi kerja-kerja pembangunan mengatasi banjir seperti membina parit-parit konkrit.

Cadangan dari JPS

i) **Cadangan** projek bagi pencegahan banjir di kawasan ini ialah merangkumi:

- Kerja-kerja pembinaan 5 buah kolam takungan
- Menaiktaraf sistem saliran sedia ada
- Menggantikan jambatan sedia ada yang menjadi halangan aliran air
- Membina pintu kawalan pasang surut air.

Antara projek pencegahan yang **telah dilaksanakan** :

- Pembinaan kolam takungan banjir di Kampung Budiman
- Menaik taraf parit utama di Jalan Iskandar, Bukit Kapar, Meru.

Antara kaedah **pencegahan bukan struktur** yang telah dilaksanakan:

- Kerja-kerja pembersihan dan pengorekkan parit di kiri dan kanan secara berkala.

Antara bentuk-bentuk **halangan** yang dihadapi adalah:

- Masalah proses pengambilan balik tanah bagi pembinaan kolam takungan yang mana ianya melibatkan tanah-tanah persendirian
- Memerlukan kos yang tinggi
- Penggantian jambatan baru akan melibatkan perobohan jambatan lama dan ianya akan mengganggu keselesaan dan keselamatan orang awam.

b) Dari MPK

i) Berkaitan cadangan kolam di kawasan DUN Meru perlu ada perbincangan khas kerana melibatkan Pejabat Tanah, Majlis, JPS, pemilik tanah dan UPEN bagi tujuan pengambilan tanah yang melibatkan kos yang tinggi dan penentuan tanah-tanah yang dicadangkan untuk dijadikan kolam tadahan banjir.

Dari JPS

Secara umumnya, projek kolam takungan air di Pekan Meru telah **siap sepenuhnya**. Pada masa kini kerja-kerja penyelenggaraan kolam seperti pengorekkan dan pemasangan pagar sedang dijalankan. Skop bagi kerja-kerja pengorekkan kolam takungan termasuk :

- Mendalamkan kolam
- Mengeluarkan segala rumpai air dari kolam
- Membersihkan kolam termasuk kerja-kerja 'trimming of slope'
- Kerja-kerja pemasangan pagar jejaring berangkai dengan disaluti pvc di sekeliling kolam takungan

Walau bagaimanapun Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor sentiasa membuat pemantauan dan pemeriksaan ke atas kolam tersebut dari masa ke semasa.

c) Dari MPK

- i) Kerja-kerja menaik taraf parit dan pembedungan di Persiaran Hamzah Alang Meru di sebelah kiri (Parit milik Majlis) sudah dimaklumkan kepada PWN dan akan di bentang dalam Mesyuarat MTES setelah mendapat kelulusan. Kos anggaran bagi kerja-kerja tersebut adalah sebanyak RM5.6 juta bermula daripada simpang Pekan Meru sehingga persimpangan Jalan Abd Manan.

Dari JPS

- ii) Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor bercadang untuk menaik taraf Sungai Binjai di sepanjang Jalan Persiaran Hamzah Alang pada tahun **2014** dengan menggunakan **peruntukan Negeri** yang disalurkan melalui **akaun amanah caruman parit**.

Kemajuan kerja ketika ini adalah di peringkat:

- Peringkat pelaksanaan kerja ukur dengan anggaran 3km panjang dari Pekan Meru sehingga Sungai Kapar Besar.
- Kerja-kerja reka bentuk akan disusuli selepas kerja-kerja ukur siap sepenuhnya.
- Kerja-kerja reka bentuk akan dilaksanakan secara in-house dengan cadangan tajuk kerja adalah 'menaik taraf parit tanah ke parit jenis U-Drain di sepanjang Jalan Persiaran Hamzah Alang'.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : HASIL KUTIPAN CUKAI TANAH

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila kemukakan butiran terperinci jumlah kutipan cukai tanah Negeri Selangor bagi tahun 2008-2012 mengikut pecahan daerah?
- b) Sila nyatakan berapakah jumlah tunggakan cukai tanah yang gagal dikutip bagi tahun 2008-2012 mengikut pecahan daerah?
- c) Sila nyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menambah hasil kutipan cukai tanah semasa dan mengurangkan tunggakan cukai tanah?

JAWAPAN:

- a) Butiran terperinci jumlah kutipan cukai tanah Negeri Selangor bagi tahun 2008 - 2012 mengikut pecahan daerah di **Lampiran 1**.
- b) Jumlah Akaun Belum Terima (ABT) atau tunggakan hasil cukai tanah yang tidak dikutip bagi tahun 2008 - 2012 mengikut pecahan daerah adalah seperti di **Lampiran 2**.
- c) Langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menambah hasil kutipan cukai tanah semasa dan mengurangkan tunggakan cukai tanah adalah seperti berikut :
 - i) Penyemakan kadar cukai Tanah setiap 10 tahun berdasarkan Seksyen 101, KTN yang akan dilaksanakan pada tahun 2016. Kertas penyelarasan akan dibentangkan oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan dalam Mesyuarat Tanah Negara kali ke 70 pada awal tahun 2014 akan datang;
 - ii) Pejabat Daerah/Tanah telah mengambil langkah-langkah proaktif seperti penguatkuasaan melalui surat peringatan, Notis 6A dan Notis 8A (Rampasan Tanah) bagi menambahkan hasil kutipan dan mengurangkan tunggakan cukai tanah.

JADUAL 1 : KUTIPAN HASIL CUKAI TANAH BAGI NEGERI SELANGOR TAHUN 2008-2012

BIL	DAERAH	2008		2009		2010		2011		2012	
		CUKAI SEMASA	TUNGGAKAN CUKAI	CUKAI SEMASA	TUNGGAKAN CUKAI	CUKAI SEMASA	TUNGGAKAN CUKAI	CUKAI SEMASA	TUNGGAKAN CUKAI	CUKAI SEMASA	TUNGGAKAN CUKAI
1	KLANG	76,400,024.56	46,778,075.18	80,648,273.37	29,897,515.15	86,183,699.21	54,377,814.33	90,676,793.88	29,365,051.94	91,362,366.07	15,227,387.99
2	PETALING	138,863,073.82	18,045,145.63	138,671,469.83	18,357,050.01	131,508,762.63	20,713,701.55	136,112,658.03	20,021,131.31	137,189,295.17	20,756,567.10
3	KUALA LANGAT	10,177,348.76	1,923,048.27	10,713,409.37	1,799,644.61	10,063,577.69	1,335,548.71	10,114,859.10	1,087,145.62	10,432,525.58	1,878,251.36
4	KUALA SELANGOR	5,868,330.31	1,122,748.51	6,295,450.83	1,301,784.12	6,874,429.14	4,787,583.39	7,503,070.97	4,687,699.13	7,673,335.60	831,286.42
5	SABAK BERNAM	2,594,776.09	510,963.97	2,980,791.24	570,856.42	2,856,372.63	419,648.79	2,854,487.53	588,650.02	2,698,668.26	359,090.97
6	HULU LANGAT	28,052,911.62	6,263,958.05	32,130,042.52	10,247,025.54	29,754,414.32	5,641,484.79	31,447,036.15	8,915,421.38	31,671,932.15	6,241,189.17
7	GOMBAK	38,801,477.41	14,178,003.30	40,174,475.71	12,675,287.05	40,295,306.74	12,856,316.81	44,644,984.99	11,457,990.00	42,228,764.26	12,581,581.03
8	SEPANG	18,650,681.80	2,966,524.42	20,413,001.40	3,125,052.23	19,862,979.85	3,502,869.24	20,607,744.36	2,370,361.15	23,334,904.14	1,832,353.35
9	HULU SELANGOR	16,374,674.06	7,451,024.01	19,136,003.09	14,167,216.36	19,826,440.76	5,324,282.79	21,222,440.27	11,015,029.80	27,348,420.66	24,888,192.44
JUMLAH HASIL		335,783,298.43	99,239,491.34	351,162,917.36	92,141,431.49	347,225,982.97	108,959,250.40	365,184,075.28	89,508,480.35	373,940,211.89	84,595,899.83

(Sumber : SPHT MIS - Laporan Kutipan Cukai Tanah 2008 – 2012)

**PENYATA AKAUN BELUM TERIMA (ABT) / TUNGGAKAN HASIL CUKAI TANAH TIDAK DIKUTIP
TAHUN 2008 – 2012**

BIL	PEJABAT DAERAH / TANAH	2008	2009	2010	2011	2012
1	Klang	153,125,638.39	141,270,123.68	80,817,959.91	52,123,314.06	47,335,409.64
2	Gombak	134,977,837.89	103,801,114.49	71,760,857.83	60,458,097.15	47,988,505.13
3	Kuala Selangor	16,127,814.54	15,939,088.82	8,631,538.74	4,629,411.78	5,257,082.13
4	Petaling	192,671,527.67	202,948,233.06	196,988,654.56	196,666,002.96	171,726,606.37
5	Hulu Langat	48,818,751.52	42,350,939.98	38,382,874.53	33,078,267.37	31,847,002.53
6	Hulu Selangor	70,896,403.73	82,101,002.39	78,927,404.08	67,381,109.96	38,904,482.18
7	Sepang	8,908,720.32	7,351,343.76	5,622,714.97	5,204,177.80	4,381,219.42
8	Kuala Langat	4,612,171.74	4,278,563.06	3,765,792.08	4,339,665.42	3,339,825.57
9	Sabak Bernam	1,789,450.94	1,570,970.12	1,469,468.58	1,396,366.54	1,347,169.52
JUMLAH		631,928,316.74	601,611,379.36	486,367,265.28	425,276,413.04	352,127,302.49

(Sumber : SPHT MIS - Penyata Akaun Belum Terima (ABT) / Tunggakan Hasil Cukai Tanah Tahun 2008-2012)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : PROGRAM MIMBAR

47. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- a) Berapakah jumlah peminjam skim ini bagi seluruh Selangor dan huraikan jumlah peminjam bagi setiap daerah.
 - b) Apakah langkah kerajaan bagi mendapatkan semula hutang dari mereka yang ingkar membayar semula pinjaman

JAWAPAN:

- a) Program Mikro kredit Miskin Bandar atau lebih dikenali sebagai MiMBAR Selangor ini merupakan satu program mikro kredit yang disambut oleh masyarakat bandar di Selangor. Ini kerana MiMBAR Selangor menyediakan perkhidmatan pinjaman perniagaan tanpa dikenakan caj faedah yang meringankan bebanan peniaga kecil dalam membuat bayaran pulangan pinjaman selama 18 bulan. Jumlah pinjaman yang bermula dari RM1,000 hingga RM5,000 ini amat membantu mereka yang benar-benar memerlukan pinjaman tambahan perniagaan kecil-kecilan.

Sehingga Oktober 2013, jumlah peminjam yang diluluskan adalah seramai 5,731 orang di bandar-bandar Selangor yang terdiri dari lapan (8) kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di Selangor. Jumlah pembiayaan yang telah diluluskan pula adalah sebanyak RM11,460,200.00 bagi semua program MiMBAR Selangor iaitu Program Mikro kredit, Program Bantuan Produk, dan Program Bantuan Kerja yang meliputi pinjaman pusingan pertama dan kedua. Pinjaman pusingan kedua diberikan kepada peserta pusingan pertama yang masih lagi memerlukan pinjaman tambahan untuk perniagaan mereka dengan rekod pembayaran pusingan pertama yang cemerlang.

Jadual bilangan peserta dan jumlah pembiayaan mengikut kawasan PBT:

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	BILANGAN PESERTA (ORANG)	JUMLAH PEMBIAYAAN (RM)
i.	Majlis Perbandaran Klang	1,454	2,815,500
ii.	Majlis Perbandaran Selayang	1,052	2,248,500
iii.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	903	1,758,000
iv.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	644	1,331,200

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	BILANGAN PESERTA (ORANG)	JUMLAH PEMBIAYAAN (RM)
v.	Majlis Bandaraya Shah Alam	589	1,180,000
vi.	Majlis Perbandaran Kajang	577	1,113,500
vii.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	357	688,000
viii.	Majlis Perbandaran Sepang	155	325,500

MiMBAR Selangor amat berharap dengan bantuan pinjaman berterusan ini dapat membantu sekumpulan kecil peserta yang begitu komited dan berusaha ke tahap yang lebih tinggi sebagai perantis kecil dan sederhana sehingga mereka tidak lagi memerlukan pinjaman kecil sebegini untuk menyara perbelanjaan perniagaan mereka.

Jadual bilangan peserta dan jumlah pembiayaan mengikut pusingan pembiayaan:

PUSINGAN	PESERTA (ORANG)	PEMBIAYAAN (RM)
Pertama	5,582	10,846,200
Kedua	149	614,000
JUMLAH	5,731	11,460,200

Jadual bilangan peserta mengikut program:

PERMOHONAN BERJAYA	PROGRAM	BILANGAN PESERTA
5,731 orang	Mikro kredit	5,566 orang
	Kiosk	126 orang
	Pakej MiMBAR Kleaner	39 orang

- b) MiMBAR Selangor memberikan tempoh pembayaran balik selama 18 bulan. Di sepanjang tempoh itu, MiMBAR Selangor akan sentiasa membuat pemantauan terhadap peserta melalui rekod pembayaran balik mereka. Pelbagai langkah dilakukan bagi memastikan peminjam tidak lari dari tanggungjawab mereka dalam melunaskan pinjaman yang dipohon.

Antara langkah yang diambil oleh MiMBAR Selangor adalah:

- i) Pemantauan dan kutipan
Pemantauan terhadap peserta dibahagikan mengikut zon kawasan bagi setiap pegawai. Setiap peserta yang telah diluluskan pinjamannya akan dipantau dari segi perniagaan yang dijalankan dan corak bayaran balik mereka. Peserta yang kurang berdisiplin dalam pembayaran balik melalui potongan bank akan didekati dengan kaedah pembayaran secara manual iaitu melalui pegawai kutipan. Kaedah ini akan disesuaikan mengikut masa dan kemampuan peserta yang menjadikan

peserta kurang rasa terikat dan tidak perlu untuk ke bank setiap bulan. Terdapat juga peserta yang suka untuk membuat bayaran di pejabat kerana dengan cara ini mereka lebih berpeluang dan cepat mengetahui informasi dan program terkini yang disediakan oleh MiMBAR Selangor mahupun kerajaan negeri.

- ii) **Operasi turun padang**
Pada setiap bulan, MiMBAR Selangor akan mengkaji corak bayaran balik peserta sama ada melalui bank mahupun manual. Apabila melihat corak ini berubah dengan drastik pada satu-satu masa atau bukan bermusim, operasi turun padang besar-besaran akan dilakukan oleh semua kakitangan. Pada ketika ini, MiMBAR Selangor akan memberi lebih perhatian kepada mereka yang liat, bermasalah dan tegar dalam membuat pembayaran. Peserta akan diingatkan tentang baki pinjaman dan keperluan mereka untuk melunaskan pinjaman sebagai tanggungjawab sendiri. Pada masa ini juga, bagi peserta yang benar-benar mengalami masalah yang kritikal, boleh berbincang dengan pegawai operasi sama ada untuk membuat penangguhan bayaran atau menjadual semula pembayaran mereka.
- iii) **Surat peringatan**
Langkah yang lebih tegas akan dikeluarkan oleh MiMBAR Selangor terhadap mereka yang tegar dan tidak mengendahkan bayaran balik pinjaman. Surat peringatan akan dikeluarkan dan ditinggalkan di premis atau kediaman mereka sekiranya mereka sukar dihubungi dan diajak berjumpa. Surat peringatan ini merangkumi jumlah pinjaman yang telah dibiayai, jumlah yang perlu dilunaskan setiap bulan dan baki bayaran. Surat peringatan ini biasanya adalah untuk mereka yang benar-benar bermasalah.
- iv) **Kerjasama ketua masyarakat**
MiMBAR Selangor juga menggunakan pendekatan yang lebih dekat dengan masyarakat iaitu dengan melakukan perbincangan dan membawa serta ketua-ketua masyarakat di setiap kawasan seperti pengerusi penduduk, qariah masjid, Ahli Dewan Undangan Negeri dan pihak lain yang lebih dekat dengan masyarakat setempat mereka. Kaedah diguna pakai supaya dapat mengenal pasti masyarakat setempat yang bermasalah dan meminta bantuan mereka untuk mendekati dan berbincang dengan peserta yang bermasalah agar dapat melunaskan pinjaman mereka.
- v) **Kempen bayaran balik**
Kempen bayaran balik turut giat dijalankan bagi memberi kesedaran kepada peminjam. Kempen ini dilakukan dengan pelbagai kaedah di serata kawasan.
- vi) **Penjadualan semula**
Bagi peserta yang benar-benar mengalami masalah berat, mereka boleh berbincang untuk membuat penjadualan semula bayaran balik mengikut kepada kemampuan mereka sehingga stabil semula.

Penjadualan semula ini dibenarkan setelah dikenal pasti permasalahan yang dihadapi peserta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(DENGKIL)**

TAJUK : MESIN SLOT JUDI KUDA

48. Pertumbuhan pusat-pusat mesin slot judi kuda semakin banyak dan menimbulkan impak sosial yang amat negatif kepada masyarakat.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan konkrit yang diambil oleh pihak kerajaan tempatan dalam menangani masalah ini, jika diperhatikan di kebanyakan tempat jika operasi dilakukan pada hari ini tak sampai 24 jam mereka kembali beroperasi?
- b) Apakah statistik terkini jumlah pusat mesin slot judi yang ada di Negeri Selangor, termasuk di DUN Dengkil?

JAWAPAN:

- a) Tindakan sitaan / kompaun diambil terhadap premis yang disyaki beroperasi sebagai pusat perjudian. Sebanyak 68 premis cyber cafe yang disyaki sebagai pusat perjudian telah diambil tindakan.
- b) Tidak berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH
(BANGI)**

TAJUK : ALAM SEKITAR

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah inisiatif-inisiatif lain yang telah dan akan dilaksanakan oleh kerajaan dalam program mesra alam / "go green" selain daripada program Hari Tanpa Plastik, dan siapa dan ke mana sasarannya?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan pelbagai program mesra alam / "Go Green" dalam mendukung Teras ke – 5 Kerajaan Negeri iaitu memastikan pembangunan alam sekitar yang mampan. Antara program-program yang dilaksanakan adalah :-

- Program Pemuliharaan Habitat Kelip-Kelip di Kuala Selangor
 - Program ini adalah merupakan program kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan AEON Co. (M) Bhd. Pihak FRIM telah dilantik sebagai pelaksana projek dalam usaha memulihara habitat kelip-kelip di beberapa kawasan yang telah ditetapkan. Kerajaan Negeri juga telah mewartakan tanah seluas 100 hektar bagi menyokong program ini. Sejumlah RM260,300.00 telah dibelanjakan bagi program ini.
- Projek Pembinaan Sistem Penuaian Air Hujan (SPAHS)
 - Projek ini akan dilaksanakan di bangunan Dewan Jubli Perak sebagai salah satu inisiatif Pelan Tindakan Kejiranan Hijau dan dapat mengelakkan penggunaan air bersih untuk kerja-kerja pembersihan, penyiraman pokok bunga dan 'toilet flushing' seterusnya boleh menjimatkan / mengurangkan perbelanjaan bil air.
- Program Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS)
 - Program ini bertujuan untuk mempromosikan pendidikan dan kesedaran alam sekitar melalui pendekatan memupuk, mendidik dan memberikan pengetahuan serta pengalaman yang berguna kepada masyarakat, penjawat awam, belia dan pelajar mengenai nilai-nilai murni dalam memelihara dan memulihara alam sekitar.

Di samping program-program yang disebutkan di atas, Kerajaan Negeri turut menyokong dan menyalurkan peruntukan bagi pelbagai program dalam usaha pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar di Negeri Selangor sepanjang tahun bagi meningkatkan lagi kesedaran masyarakat awam mengenai tanggungjawab mereka dalam penjagaan alam sekitar dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan, NGO, Persatuan Penduduk dan Pusat Khidmat Rakyat DUN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : DENGGI

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah strategi Kerajaan Negeri untuk menghapuskan tempat pembiakan denggi yang mungkin ada di rumah atau bangunan terbiar?

JAWAPAN:

- a) Strategi yang telah dirancang bagi menghapuskan tempat pembiakan di rumah atau bangunan terbiar:
- i) Pihak Berkuasa Tempatan akan mengenal pasti pemilik premis bangunan terbiar dan arahan pembersihan dikeluarkan kepada mereka. Dalam pada masa yang sama, untuk langkah pencegahan pembiakan jangka masa pendek oleh pihak kesihatan melalui aktiviti "larviciding" bagi membunuh jentik-jentik di kawasan yang berpotensi.
 - ii) Mengeluarkan Kompaun kepada pemilik premis di mana terdapat pembiakan nyamuk aedes di jumpai di samping arahan pembersihan dan pemusnahan di keluarkan.
 - iii) Cadangan tindakan pembersihan juga boleh dilakukan oleh pihak Berkuasa Tempatan dan mengenakan caj kepada pemilik premis.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah garis panduan yang ada bagi memilih tapak bagi pembinaan Rumah Ibadat untuk Bukan Islam? Nyatakan prosedur permohonan.
- b) Bagaimanakah pemantauan dibuat bagi memastikan pembinaan rumah ibadat tersebut tidak melanggar syarat-syarat yang ditetapkan

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada tahun 2011 Kerajaan Negeri Selangor telah memutuskan supaya kelulusan permohonan tanah-tanah untuk rumah ibadat selain Islam di Negeri Selangor diberi secara pewartaan tanah kepada rumah ibadat selain Islam. Permohonan pewartaan tanah ini adalah tertakluk di dalam Kanun Tanah Negara di bawah Seksyen 62 di mana pegawai pengawal tanah yang dimohon adalah Setiausaha Kerajaan Negeri dan diurus tadbir oleh persatuan/pemegang amanah yang memohon.

Berdasarkan Manual Garis Panduan Piawaian Perancangan Negeri Selangor, pemilihan tanah-tanah untuk rumah ibadat selain Islam adalah seperti berikut:

- i) Rumah ibadat selain Islam hendaklah didirikan di tengah-tengah kelompok masyarakat berkenaan.
- ii) Pembangunan di premis kedai atau kediaman adalah tidak dibenarkan, kecuali terbukti tiada tanah atau kawasan yang sesuai untuk tujuan tersebut. Ia dijalankan secara 'case by case' tertakluk kepada tidak timbulnya kacau ganggu kepada penghuni sekitar dan keputusan PBT.
- iii) Tidak dibenarkan dibina di kawasan lapang dan tidak boleh ditempatkan di sekeliling loji kumbahan atau pencawang TNB.


Selain itu, di dalam Garis Panduan Hal Ehwal Selain Islam turut menetapkan bahawa keluasan tanah rumah ibadat selain Islam sama ada disediakan oleh kerajaan atau pemaju ditetapkan tidak melebihi 10,000 kaki persegi. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam boleh mempertimbangkan keluasan melebihi 10,000 kaki persegi berdasarkan kes-kes tertentu.


Prosedur permohonan tanah untuk rumah ibadat selain Islam, adalah seperti di [Lampiran A](#).


- b) Kerajaan Negeri melalui PBT akan membuat pemantauan di tapak dan akan memastikan pembinaan Rumah Ibadat Bukan Islam, mematuhi syarat-syarat kelulusan seperti ketinggian bangunan tidak melebihi 50 kaki, anjakan bangunan, penyediaan kemudahan tempat letak kereta, dan lain-lain syarat. Pelan-pelan tersebut disahkan berdasarkan syarat yang berkaitan.

Sekiranya binaan tidak menepati pelan, pihak PBT akan memberi notis di bawah Seksyen 70(13)(d) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dalam tempoh empat (4) hari untuk mengemukakan pelan pindaan atau merobohkan bahagian yang tidak menepati syarat, dan jika gagal mematuhi notis tersebut, PBT akan mengeluarkan kompaun di bawah Seksyen 70 (13)(d) akta yang sama bernilai RM25,000.00

CARTA ALIRAN PEWARTAAN RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM







Terima Warta Bersih yang telah diandatangani oleh } dsa
Menteri Besar dan hantar ke LA

LA hantar Warta Bersih ke Pencetakan Nasional
Malaysia Berhad (PNMB)

Terima Warta Kerajaan Negeri Selangor daripada
PNMB

PTGS kembalikan fail permohonan bersama Warta
Kerajaan, pelan dan milti ke PTD.

PTD hantar surat kepada pemohon bersama salinan
Warta Kerajaan dan Pelan Warta

PTD rekod dalam Buku Indeks Warta dan Buku Rekod
Pelukis Pelari

} 2 minggu

} 3 minggu

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : BLUEPRINT PEMBASMIAN KEMISKINAN

52. Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor (BBPKNS) diwujudkan bertujuan membantu golongan sasar berdikari dan menambah baik perusahaan atau bidang tertentu yang telah diusahakan bagi menambah pendapatan sedia ada.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah syarat-syarat memohon BBPKNS?
- b) Senaraikan perusahaan atau bidang tertentu yang layak memohon?
- c) Sejauh manakah kejayaan BBPKNS dan senaraikan mereka yang telah menerima bantuan mengikut kawasan Dewan Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Bantuan "Blueprint Pembasmian Kemiskinan" Negeri Selangor (BBPKNS) diwujudkan bertujuan membantu golongan sasar yang berpendapatan di bawah RM 1,500.00 yang mempunyai perniagaan sendiri. Pemohon-pemohon yang ingin memohon hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:
 - i) Pendapatan isi rumah RM 1,500.00 dan ke bawah;
 - ii) Menetap di Negeri Selangor (sekurang-kurangnya lima (5) tahun);
 - iii) Mempunyai lesen perniagaan yang sah; dan
 - iv) Telah memulakan perniagaan atau perusahaan sekurang-kurangnya 1 tahun
- b) Buat masa sekarang, perusahaan atau bidang yang layak memohon adalah seperti berikut:
 - i) Jahitan;
 - ii) Perniagaan makanan;
 - iii) Perniagaan runcit; dan
 - iv) Perusahaan kecil.

Perusahaan atau bidang ini akan diperluaskan lagi pada tahun 2014 nanti bagi membantu para penjaja yang terlibat dalam bidang lain.

- c) Kerajaan Negeri membantu memberi peralatan atau mesin yang diperlukan oleh pemohon untuk memajukan perusahaan sedia ada mereka. Didapati

bahawa penerima bantuan ini yang menggunakan bantuan ini secara berhemah telah membuahkan hasil yang baik.

Sehingga kini seramai 2,431 orang telah menerima bantuan “Blueprint Pembasmian Kemiskinan”. Kerajaan Negeri akan mengedarkan senarai penerima kepada Yang Berhormat dalam tempoh yang terdekat. Walau bagaimanapun, pengagihan bantuan adalah mengikut daerah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : JAWATANKUASA SURAU

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah bilangan surau yang pelantikan jawatankuasanya masih belum selesai?
- b) Apakah sebab-sebab perkara ini berlaku?
- c) Bagaimana dan bila perkara ini akan diselesaikan.

JAWAPAN:

- a) Jumlah surau keseluruhan sebanyak 2063 buah surau, 380 buah daripadanya atau 18 % masih belum selesai pelantikan jawatankuasanya.
- b) Hal ini berlaku disebabkan beberapa faktor seperti berikut :-
 - i) Surau tidak aktif
 - ii) Tidak ada Kerjasama Ahli Kariah
 - iii) Kegagalan Jawatankuasa Surau tidak mengikut arahan MAIS atau JAIS
- c) Perkara ini sentiasa dibincangkan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kariah MAIS dan beberapa kaedah telah dibincangkan untuk penyelesaian seperti berikut :-
 - i) Surau yang tidak aktif Masjid hendaklah mengambil alih pentadbiran sementara.
 - ii) Pejabat Agama Islam Daerah boleh melaksanakan apa-apa prosedur wajar dan membawa ke Mesyuarat Kariah MAIS untuk dipersetujui.
 - iii) Arahan pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan kepada Nazir Masjid bagi melaksanakan pencalonan di peringkat surau di bawahnya.

DITOLAK DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN TETAP 23 (q) (i)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(PANDAMARAN)**

TAJUK : KEMAJUAN KAMPUNG BARU PANDAMARAN

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Memandangkan infrastruktur kampung-kampung adalah kecil dan terhad berbanding dengan taman perumahan, apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memajukan kampung-kampung termasuk Kampung Baru Pandamaran?
- b) Banyak rumah dalam Kampung Baru Pandamaran telah dijadikan kilang dan stor tanpa kebenaran di mana adalah tidak mungkin untuk kilang-kilang dan stor-stor haram tersebut diputihkan memandangkan tanah-tanah tersebut adalah tanah-tanah kediaman. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah tersebut?
- c) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk membesarkan semua parit di Kampung Baru Pandamaran?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : TAWAS – TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah pihak kerajaan negeri berhasrat menjadikan pemohon-pemohon tawas yang didaftarkan sejak tahun 2008/09, secara automatik layak mendapat faedah dari skim/program tunas & si kembar sebagai satu lagi bentuk bonus selain bonus jom *shopping* bernilai RM100.00?

JAWAPAN:

- a) Setakat ini tiada perancangan sedemikian kerana syarat dan kelayakan program-program tersebut juga agak berbeza. Ini disebabkan terdapat syarat-syarat tertentu seperti pendapatan isi rumah, Taska dan Tadika yang disyaratkan juga untuk berdaftar dengan skim serta beberapa syarat lain yang memerlukan pengesahan dan semakan. Namun kerajaan negeri tidak menolak kemungkinan ia dilaksanakan secara automatik sekiranya beberapa perkara berkaitan dapat diselaraskan pada masa-masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : PENGANGKUTAN AWAM PERCUMA

56. Pengangkutan awam percuma yang digariskan dalam manifesto PRU-13 Pakatan meliputi kawasan bandar seperti Shah Alam, Petaling Jaya dan Kajang.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status perancangan negeri terhadap cadangan tersebut?
- b) Apakah kerajaan negeri telah bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD) bagi pelaksanaan inisiatif ini?
- c) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk memperluaskan perkhidmatan ini di kawasan luar bandar atau pinggir bandar?

JAWAPAN:

- a) Kertas cadangan pelaksanaan perkhidmatan pengangkutan awam percuma telah dikemukakan oleh lapan (8) buah PBT kawasan bandaraya dan perbandaran(MBSA, MBPJ, MPK, MPAJ, MPSJ, MPS, MPKj dan MPSP). Namun demikian, setiap cadangan rangka kerja perkhidmatan bas awam percuma tersebut akan diperhalusi dalam mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan agar kemudahan dan perkhidmatan yang diberikan berkesan. Walau bagaimanapun, sejak tahun 2008, MBPJ merupakan PBT yang pertama berjaya menyediakan perkhidmatan bas komuniti kepada penduduk di kawasan pentadbiran MBPJ yang berpendapatan rendah dan warga emas. Perkhidmatan ini diberikan dari jam 9.30 pagi sehingga jam 2.30 petang dan bas memuatkan kapasiti seramai 30 orang. MBPJ mempunyai 2 buah bas komuniti yang meliputi laluan mengikut zon iaitu Zon Petaling Jaya Selatan (PJS) dan Zon Petaling Jaya Utara (PJU).
- b) Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan pihak SPAD bagi memastikan sistem pengangkutan awam di negeri Selangor selari dengan pembangunan pesat dan peningkatan penduduk. Untuk tujuan tersebut, Jawatankuasa Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat yang di selaras oleh pihak SPAD dan UPEN akan membincangkan pelaksanaan inisiatif ini secara bersepadu. Faktor yang harus diambil kira ialah perkhidmatan "Feeder Bus" yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan bagi perhubungan kawasan kejiranan dengan stesen pengangkutan rel (MRT/LRT) tidak bertindih.

- c) Pelaksanaan perkhidmatan ini akan diperluas ke kawasan luar bandar dan pinggiran bandar apabila permintaan meningkat di kawasan-kawasan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN
(TANJONG SEPAT)**

TAJUK : PENDIDIKAN DAN MODAL INSAN

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk membina lebih banyak lagi sekolah agama Menengah dan Maahad Integrasi di setiap daerah?
- b) Berapa banyak Program Modal Insan yang telah dilaksanakan sepanjang 2013 dan apakah petunjuk pencapaian hasil program yang dijalankan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri belum bercadang menambah bilangan Sekolah Agama Menengah (SAM) Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bercadang akan membina sebuah Maahad Integritasi Tahfiz (MITS) bagi setiap daerah dan penubuhannya bergantung kepada kelulusan peruntukan emolumen tenaga pengajar, peruntukan makan murid-murid, bangunan sekolah, buku teks, pengawal keselamatan, pencuci bangunan & pembersih kawasan, kenderaan dan seumpamanya. Pada masa ini telah ada 3 buah Maahad Integrasi Tahfiz Kerajaan Negeri Selangor iaitu MITS Kuala Langat, MITS Klang dan MITS Sabak Bernam.
- b) Di bawah Jabatan Agama Islam Selangor, sebanyak 46 program telah dijalankan dengan kekerapan keseluruhan sebanyak 131 kali dari Januari hingga Oktober 2013 seperti ditunjukkan perincian di [Lampiran A](#). Kebanyakan program ini dibuka kepada masyarakat awam tanpa memerlukan pendaftaran. Tiada petunjuk yang jelas bagi menggambarkan prestasi pencapaian hasil program tersebut. Walau bagaimanapun, kehadiran bagi keseluruhan program adalah memberangsangkan dan jabatan mendapat respon yang positif dari para peserta berdasarkan borang maklum balas dan permintaan penganjuran program dari pelbagai pihak.

Di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Modal Insan pula, sebanyak 273 program SPIES (*Spiritual, Physical, Intellectual, Emotion, Social*) telah dijalankan dari Januari hingga November 2013, melibatkan seramai 19,157 orang peserta dengan perincian seperti dalam [Lampiran B](#). Manakala petunjuk pencapaian hasil program yang dijalankan adalah seperti berikut:

- i) Jawatankuasa di bawah portfolio modal Insan telah mempunyai tenaga penggerak (*Enablers*) untuk melaksanakan program pembudayaan SPIES dalam masyarakat (Program SPIES D'Village) dan dalam organisasi (Program SPIES D'Organisasi)

- ii) Mempunyai Ahli Briged Amal (Remaja dan Belia) yang merupakan produk SPIES seramai 3,974 bermula Januari sehingga Oktober 2013;
- iii) Wujud kerjasama dan penyertaan peserta dalam program susulan pembudayaan SPIES dalam masyarakat dan organisasi;
- iv) Wujud Sekretariat SPIES D'village dan Sekretariat SPIES D'organisasi yang telah melibatkan DUN / jabatan (Melawati – DUN Hulu Klang, Kampung Delek – DUN Selat Klang, Pelabuhan Klang, Morib, Sijangkang, Sri Muda, Andalas dan Meru. Manakala Sekretariat SPIES D'Organisasi telah melibatkan Pejabat Daerah Sepang, Kuala Langat, Petaling dan Gombak;
- v) Bengkel Hala tuju pembangunan D'Organisasi fokus kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor; dan
- vi) Melahirkan 75 orang Tenaga Pengajar (TOT) SPIES di masjid dan surau di Negeri Selangor.

**SENARAI KEKERAPAN PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN DI BAWAH
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR
JANUARI – OKTOBER 2013**

BIL.	PROGRAM / AKTIVITI	KEKERAPAN
1.	Roadshow Menyingkap Isu-isu Akidah Umat Islam Negeri Selangor (RISAU)	10 kali
2.	Ceramah Perdana “Menyingkap Isu-isu Akidah Umat Islam Negeri Selangor	1 kali
3.	Muzakarah NGO's Islam	1 kali
4.	Forum Perdana Ehwal Islam Warga Industri	2 kali
5.	Program Maulid Akbar	1 kali
6.	Program Santai Bersama Belia	5 kali
7.	Program Ziarah Sahabat Hospital	6 kali
8.	Program Team Sukarelawan Islam	4 kali
9.	Program Bedah Buku	3 kali
10.	Kursus Asas Fasilitator (TOT)	3 kali
11.	Program Rehlah Rohani Dan Kepimpinan	2 kali
12.	Kursus Latihan Nuqaba' dan Imamah Negeri Selangor	2 kali
13.	Muzakarah Intitusi / Badan Islam Industri	1 kali
14.	Program Forum Perdana Sempena Sambutan 5 Tahun Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor	1 kali
15.	Program Ziarah Ukhuwah Saudara Baruku	3 kali
16.	Program Explorasi Rohani	2 kali
17.	Program Santai Ustaz Azhar Idrus Bersama Mat Rempit	1 kali
18.	Program Mukhayyam IndahNya Menjadi Insan Murabbi	2 kali
19.	Kursus Lanjutan Fasilitator (TOT)	3 kali
20.	Program ‘The Best Qiadah Team’	2 kali
21.	Program Pemantapan Pembimbing Pengurusan Jenazah	2 kali
22.	Program Kem Jiwa Taqwa	1 kali

23.	Program Rakan Muda Dakwah	1 kali
24.	Kursus Pembinaan Team Dai'e Warga IPT	1 kali
25.	Program Pemantapan Ibadah Warga Industri	7 kali
26.	Program Kem Bestari Smart Solat	1 kali
27.	Program Kariah Ramadhan Santai Bersama Belia di Dataran Kemerdekaan 2013M / 1434H	1 kali
28.	Program Kariah Ramadhan Bersama Warga Industri	1 kali
29.	Talk Show Merasai Nikmat Hidup Bertuhan	2 kali
30.	Program Kariah Ramadhan : Program Khas Diskusi Muslimat	1 kali
31.	Program Qiamulail Dan Munajat Perdana 1434H / 2013	1 kali
32.	Program Munsyid Got Talent	1 kali
33.	Program Perkaderan Pendakwah Warga Industri	1 kali
34.	Kursus Kefahaman Dan Amali Dakwah	1 kali
35.	Konvensyen Budaya Kerja Islam "Kem Mesra Ibadah"	1 kali
36.	Program Kem SMART Akidah	1 kali
37.	Forum Hijrah khas " <i>Sempena Maal Hijrah</i> "	1 kali
38.	Program PROMISE	16 kali
39.	Kuliah Dhuha	8 kali
40.	Kuliah Bersama Umara' di Rumah YAB Menteri Besar	5 kali
41.	Kelas KAFA OKU	9 kali
42.	Wacana Minda	9 kali
43.	Program Little Caliph	1 kali
44.	Program Super Aulad	1 kali
45.	Kem Hijrah Remaja	1 kali
46.	Diskusi Wanita	1 kali
JUMLAH		131 kali

**BILANGAN PROGRAM DAN JUMLAH PESERTA PROGRAM SPIES
MENGIKUT KATEGORI BAGI BULAN JANUARI HINGGA NOVEMBER 2013.**

Bil	Katogeri Peserta	Bilangan Program	Jumlah Peserta
1	Remaja	50	5,013
2	Belia	27	1,855
3	Penjawat Awam	21	846
4	Kepimpinan Masyarakat	16	713
5	Warga Pendidik	18	837
6	AJK Masjid	4	175
7	Ibu Tunggal	1	600
8	Keluarga	34	2,426
9	Mahasiswa / Pelajar IPT	9	348
10	Briged Amal	59	3,974
11	Kepimpinan Rumahtangga	18	774
12	Warga Industri	3	285
13	Kaum India	7	261
14	SPIES Masyarakat	6	1,050
	Jumlah	273	19,157

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELUK DATOK)**

TAJUK : DANA INDUSTRI KECIL SELANGOR

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila menyatakan sejauh manakah Dana Industri Kecil Negeri Selangor mendatangkan kesan membantu peniaga-peniaga membangunkan perniagaan?
- i) Sila menyatakan angka permohonan mengikut susunan kaum di dalam DUN Telok Datok yang telah berdaftar dalam program ini;
- ii) Jumlah kelulusan dan tolak.

JAWAPAN:

- a) Dana yang disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor adalah Dana Industri Kampung. Bantuan-bantuan yang ditawarkan di bawah program ini adalah bantuan mesin dan peralatan. Kesan daripada bantuan ini ialah usahawan industri kampung mampu meningkatkan pengeluaran dengan bantuan mesin dan peralatan yang dibekalkan.
- i) Soalan (i) dan (ii) adalah berkaitan. Jumlah permohonan yang telah diterima, diluluskan dan ditolak bagi DUN Telok Datok adalah seperti berikut:

BIL	KAUM	PERMOHONAN	LULUS	TOLAK
1	Melayu	28	8	20
2	Cina	-	-	-
3	India	1	1	-
4	Lain-lain	-	-	-
JUMLAH		29	9	20

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(IJOK)**

TAJUK : PERTANIAN

59. Di kawasan Kuala Selangor didapati banyak tanah-tanah milik persendirian dan tanah milik kerajaan negeri yang terbiar dan tidak diuruskan dengan sempurna contohnya 'fruit valley'.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri Selangor dalam bidang pertanian untuk mengusahakan tanah terbiar tersebut dengan secara maksimum.
- b) Apakah langkah-langkah R&D (Reserch & Development) untuk memajukan industri pertanian serta meningkatkan produktiviti di Selangor?
- c) Apakah program / perancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk memajukan pertanian masyarakat desa supaya mereka dapat memaksimumkan penggunaan tanah mereka untuk menjana pendapatan?

JAWAPAN:

- a) Bagi membangunkan projek '*Selangor Fruits Valley*' (SFV), PKPS telah mengguna pakai dua kaedah iaitu:
 - i) Mengusahakan sendiri kawasan tanaman buah-buahan seperti belimbing, jambu batu, jambu air, nangka, betik, kelapa pandan, '*rock melon*' dan lain-lain.
 - ii) Mengusahakan secara usaha sama dengan pihak luar di mana PKPS menyediakan infrastruktur asas untuk memudahkan aktiviti pembangunan kawasan. Usaha sama tersebut diadakan melalui penyediaan lot-lot pertanian seluas 10 hektar setiap lot untuk diusahakan oleh para usahawan tani di bawah 'Program Pembangunan Usahawan Tani PKPS'. Lot-lot tersebut perlu diusahakan dengan tanaman buah-buahan selaras dengan objektif SFV, iaitu sebagai kawasan pengeluaran buah-buahan tempatan di Negeri Selangor.
- b) Aktiviti R&D yang dijalankan oleh PKPS dibuat melalui:
 - i) Kerjasama dari agensi kerajaan seperti MARDI dan Jabatan Pertanian.
 - ii) Kerjasama dengan syarikat-syarikat pembekal baja dan bahan kimia yang memberi khidmat nasihat dan kepakaran berkaitan kesuburan tanaman serta mengadakan '*trial plot*' sebagai ujian.

- iii) Kerjasama dengan pengusaha-pengusaha buah-buahan lain yang telah berjaya dalam bidang yang mereka ceburi. Sebagai contoh, bekerjasama dengan pengusaha tanaman '*rock melon*' untuk mempraktikkan nasihat-nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan.

- c) Bagi membantu masyarakat desa dalam menjana pendapatan, maka PKPS telah mengadakan 'Program Pembangunan Usahawan Tani PKPS' di SFV. Di bawah program ini, PKPS menyediakan kawasan dan infrastruktur asas, seperti jalan ladang, perparitan, bekalan letrik dan air, untuk dimanfaatkan oleh usahawan-usahawan tani yang terpilih. Seluas 275 hektar tanah telah diperuntukkan bagi program tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(BATANG KALI)**

TAJUK : KAWASAN INDUSTRI

60. Kerajaan negeri mewujudkan banyak kawasan industri untuk sektor perkilangan dan komersil

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan zon dan lokasi kawasan industri serta potensinya di Selangor?
- b) Kawasan industri manakah yang bernilai tinggi dan menjadi penyumbang utama sosioekonomi negeri?
- c) Apakah bentuk perindustrian serta potensinya yang wujud di daerah-daerah luar Bandar khususnya di Hulu Selangor?

JAWAPAN:

- a) Zon dan lokasi kawasan industri serta potensinya di Selangor adalah seperti berikut:-

Bil.	Kawasan Industri	Industri Digalakkan
1.	Selangor Science Park 2, Cyberjaya	Solar, R&D, Advanced Electronics, Advanced Material, information Technology, Biotechnology, Pharmaceutical & Advanced Manufacturing Technology
2.	Tanjung Industrial Park, Sepang	Aerospace, Air cargo (warehouse), Pharmaceutical, High Tech industries.
3.	Bandar Mahkota, Banting Industrial Park, Kuala Langat	Heavy Industries (Carbon Based Products, Graphite, Silicon Metal & Chemicals & etc)
4.	Zurah Industrial Park, Hulu Selangor	Foundry & Machineries.
5.	Bernam Jaya Industrial Park	High-Tech Industry Small and Medium Industry
6.	Bandar Sultan Suleiman, Phase 4	Light and Medium Industry Warehousing

Bil.	Kawasan Industri	Industri Digalakkan
7.	Worldwide Industrial Park, Kapar	Light and Medium Industry
8.	Pulau Indah Industrial Park, Phase 3A	Light to Medium Industry Non-pollutant Industry
9.	Selangor Halal Hub, Pulau Indah	Halal Industry <ul style="list-style-type: none"> • Raw Materials <ul style="list-style-type: none"> ○ Flour Mills ○ Cocoa Powder Processing • Food & Beverages <ul style="list-style-type: none"> ○ Soft Drinks ○ Confectionery Products ○ Frozen Food Processing • Dairy Products <ul style="list-style-type: none"> ○ Milk, Yogurt, Ice Cream • Non-Food Products <ul style="list-style-type: none"> ○ Pharmaceuticals ○ Cosmetics ○ Herbal Supplements ○ Leather • Packaging, Storage, Distribution • Import & Export
10.	Section II, Bandar Bukit Sentosa	Automotive related industries
11.	PKFZ	<ul style="list-style-type: none"> • Heavy Industry, • Logistic & Warehousing, • High Tech Industry, • Automotive Industry • Halal Industry (Specialty processed food, Food & Beverages, Halal Ingredients, Cosmetics & Personal Care Products)

- b) Berdasarkan statistik projek perkilangan yang diluluskan di Negeri Selangor dari 2008 hingga Ogos 2013, kawasan industri yang bernilai tinggi dan menjadi penyumbang utama dalam sektor perkilangan adalah seperti berikut:-

Projek Perkilangan Yang Diluluskan Bagi tempoh 2008 hingga Ogos, 2013
Mengikut Lokasi Di Negeri Selangor

Bil.	Lokasi	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
1.	Shah Alam	307	22,216	2,663,040,868	6,979,297,199	9,642,338,067
2.	Klang	178	18,399	3,388,363,045	1,033,498,346	4,421,861,391
3.	Pulau Indah	57	3,533	1,137,169,168	2,536,979,607	3,674,148,775
4.	Pelabuhan Klang	90	6,713	1,593,392,852	2,018,253,140	3,611,645,992
5.	Sungai Way FTZ / Seri Setia	5	12,133	32,682,537	3,517,187,463	3,549,870,000
6.	Subang	56	6,244	2,330,245,326	772,054,789	3,102,300,115
7.	Serendah	11	2,814	2,380,354,562	80,605,358	2,460,959,920
8.	Puchong	104	5,223	1,742,132,213	103,057,758	1,845,189,971
9.	Rawang	60	4,578	1,122,069,510	302,932,741	1,425,002,251
10.	Banting	13	734	49,460,126	1,271,184,060	1,320,644,186
11.	Teluk Panglima Garang	40	2,492	553,982,898	504,381,156	1,058,364,054

Sumber : MIDA

- c) Berdasar Rancangan Tempatan Daerah Hulu Selangor 2020 (No. Warta 142) kawasan – kawasan perindustrian di dalam Daerah Hulu Selangor telah dikluster seperti berikut:-

Bil.	KLUSTER	KAWASAN TERLIBAT
1.	Kluster Aksesori dan Servis Kereta	<ul style="list-style-type: none"> • Bukit Beruntung (Jalan Jasmine, Jalan Kenanga dan Jalan Kamunting) • Kawasan Perindustrian Batu 30, Hulu Yam • Kawasan Perindustrian Tengas
2.	Kluster Automotif dan Aksesori Kereta	<ul style="list-style-type: none"> • Anugerah Suria • Kawasan Perindustrian Sungai Choh
3.	Kluster Perindustrian Perabut	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan Perindustrian Perabut, Hulu Yam
4.	Kluster Jentera, Kejuruteraan dan Produk Asas Logam	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan Perindustrian Kalumpang

Bil.	KLUSTER	KAWASAN TERLIBAT
5.	Kluster Industri Hi – Tech	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan Perindustrian Zurah, Rasa • Lembah Beringin • Bukit Tagar
6.	Kluster Industri Asas Tani	<ul style="list-style-type: none"> • Bukit Sentosa (Jalan Bunga Raya, Jalan Seri Pagi)
7.	Kluster Pameran dan Jualan Aksesori	<ul style="list-style-type: none"> • Auto City (Kawasan baru dikenalpasti dalam Rancangan Tempatan)
8.	Kluster Industri Berasaskan Getah	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan Perindustrian MIEL

Antara jenis-jenis industri yang berpotensi untuk dipromosikan di daerah-daerah luar Bandar khususnya di Hulu Selangor adalah seperti berikut:-

- a. *Automotive related industries.*
- b. *Foundry and Machineries*
- c. *Services & Warehousing*
- d. *Aerospace*
- e. *Pharmaceutical*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : SUKAN DAN MASJID

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah yang telah diambil bagi memastikan keseimbangan antara Sukan dan Masjid supaya kedua-duanya mencapai matlamat?
- b) Apakah langkah yang diambil bagi memastikan pasukan bola sepak Negeri Selangor kembali cemerlang?

JAWAPAN:

- a) Antara langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan keseimbangan antara Sukan dan Masjid supaya kedua-duanya mencapai matlamat ialah menjadikan masjid sebagai pusat transformasi masyarakat di mana tumpuan diberikan kepada golongan belia dan remaja disebabkan golongan ini terlalu kurang berada di masjid jika dibandingkan dengan golongan warga emas. Seterusnya, belia dan anak-anak muda juga tidak dapat dipisahkan dengan sukan. Oleh sebab itu, salah satu usaha pihak Masjid untuk menggalakkan kehadiran golongan belia ke masjid ialah dengan mewujudkan program-program sukan di Masjid di mana kesempatan ini boleh digunakan untuk mentarbiah dan mendidik mereka ke arah belia yang lebih berwawasan dan seimbang dari segi keperluan duniawi dan ukhrawi. Ini menunjukkan bahawa bersukan bukanlah merupakan satu alasan kepada mereka untuk tidak beribadat.
- b) Di antara langkah-langkah yang diambil bagi memastikan pasukan bola sepak Negeri Selangor kembali cemerlang ialah dengan mewujudkan Akademik Bola Sepak di peringkat Negeri Selangor yang dapat melihat bakat anak-anak muda untuk diketengahkan melalui pertandingan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(BALAKONG)**

TAJUK : KEDUDUKAN KEWANGAN NEGERI

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kedudukan kewangan negeri dan langkah yang diambil untuk mengukuhkan ekonomi negeri memandangkan jangkaan pertumbuhan GDP Kebangsaan 2013 telah merosot?
- b) Apakah rancangan kerajaan mengenai penggunaan rizab negeri?

JAWAPAN:

- a) Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Secara keseluruhannya, baki Kumpulan Wang Disatukan adalah seperti berikut:-

	2011	2012	31.10.2013
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Akaun Hasil Disatukan	912.75	1,180.85	1,166.32
Akaun Amanah Disatukan	1,031.25	1,417.70	1,546.53
Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	20.89	0.00
Kumpulan Wang Disatukan	<u>1,944.00</u>	<u>2,619.44</u>	<u>2,712.85</u>
Perbandingan Tahun	22.50%	34.74%	3.57%

Kerajaan Negeri Selangor akan melaksanakan usaha-usaha yang berterusan bagi meningkatkan kutipan hasil Kerajaan Negeri Selangor di samping pengurusan perbelanjaan wang awam yang menekankan prinsip ketelusan, keupayaan dan kebertanggungjawaban dalam semua urusan bagi memastikan nilai serta kualiti bagi perbelanjaan yang dikeluarkan dalam semua urusan adalah yang terbaik (*value for money*).

Bagi mengukuhkan kedudukan kewangan Negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah melaksanakan perkara-perkara berikut:-

- i) mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri. Pewujudan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri telah berjaya membantu Kerajaan Negeri dalam menguruskan lebihan tunai dengan lebih efisien di samping memberi pulangan faedah yang optimum;
- ii) pelaksanaan Operasi Bersepadu Mengutip Hasil Tanah dengan kerjasama di antara Perbendaharaan Negeri Selangor, semua Pejabat Daerah/Tanah, Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Bahagian

Teknologi Maklumat, SUK sebagai satu pasukan (Ops. Kutip). Di antara pendekatan yang dilaksanakan melalui Ops. Kutip adalah seperti berikut:-

- a) Polisi '*Knock Door*' iaitu dengan menghantar notis tuntutan dan surat peringatan terus kepada penunggak-penunggak tegar;
 - b) mengadakan siri perbincangan bersama penunggak-penunggak tegar bagi menyelesaikan cukai tanah tertunggak;
 - c) memberikan peluang kepada penunggak untuk membayar secara ansuran berjadual dengan syarat pembayaran dibuat secara konsisten; dan
 - d) sekiranya penunggak tegar tersebut masih tidak menjelaskan cukai tanah tertunggak, Pejabat Daerah/Tanah tanpa teragak-agak akan terus menguatkuasakan Notis 6A, Notis Tuntutan Hasil Tertunggak dan sekiranya dalam tempoh 3 bulan ia masih tidak dijelaskan maka seterusnya Notis 8A, Rampasan Tanah akan dilaksanakan.
- iii) Kerajaan Negeri terutamanya melalui Pejabat Daerah/Tanah sentiasa berusaha meningkatkan kutipan cukai tanah melalui beberapa kaedah iaitu:-
- a) mengenal pasti serta mengasingkan semua hak milik (tertunggak) yang bermasalah agar tindakan susulan dapat diambil;
 - b) membuka kaunter kutipan di luar pejabat bagi Pejabat Daerah/Tanah di kawasan pedalaman;
 - c) membuka kaunter pada waktu rehat; dan
 - d) menambahkan saluran / kaedah pembayaran secara online dan pusat pembayaran di kaunter PBT.
- iv) Kerajaan Negeri juga berusaha menangani tunggakan hasil cukai tanah dengan menubuhkan Jawatankuasa Kerja Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah yang berfungsi untuk melaksanakan kutipan tunggakan cukai tanah secara holistik yang melibatkan penunggak tegar dan penyelesaian hak milik yang terlibat dengan permasalahan tanah di semua Pejabat Daerah/Tanah; dan
- v) Kerajaan Negeri turut mewujudkan pasukan *Taskforce* Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di empat (4) Pejabat Daerah/Tanah iaitu Petaling, Klang, Gombak dan Hulu Langat untuk menangani secara khusus masalah tunggakan cukai tanah daripada hak milik bermasalah.
- b) Kerajaan Negeri dalam perancangan penggunaan sumber kewangan mengutamakan program atau projek yang akan membawa manfaat jangka panjang kepada kebajikan rakyat dan pembangunan negeri. Kerajaan Negeri akan mendapatkan kelulusan Dewan Negeri Selangor bagi penggunaan rizab negeri untuk projek-projek pembangunan seperti berikut:
- i) pembinaan jambatan ketiga Klang – RM150 juta;
 - ii) pembinaan rumah mampu milik – RM100 juta;
 - iii) pembinaan sekolah – RM50 juta; dan
 - iv) pembangunan belia dan keusahawanan – RM50 juta.

DITOLAK DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN TETAP 23 (q) (i)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH
(KAJANG)**

TAJUK : PENDIDIKAN

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Jumlah pelajar dalam tahun 2012 di Negeri Selangor yang berhenti sekolah atau tidak sambung pelajaran selepas tamat persekolahan Sekolah Menengah.
- b) Jumlah pelajar dalam tahun 2012 dan 2013 dalam Selangor yang menuntut dalam institusi:-
 - i) Institut Pengajian Tinggi Awam;
 - ii) Institut Pengajian Tinggi Swasta;
 - iii) Institut pengajian yang didirikan / ditaja oleh Kerajaan Negeri Selangor
- c) Apakah langkah-langkah atau cadangan pembangunan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam meningkatkan bilangan pelajar dalam bidang latihan teknikal atau vokasional untuk golongan pelajar dalam (a) di atas.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PARIT DAN SALIRAN LUAR BANDAR

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Agensi manakah di peringkat kerajaan negeri yang bertanggungjawab menyelenggarakan kemudahan infra parit dan saliran luar bandar?
- b) Apakah mekanisme untuk memastikan tahap kebersihan kemudahan ini sentiasa baik?
- c) Apakah syarat untuk menggantikan parit tanah kepada konkrit?

JAWAPAN:

- a) Di peringkat Kerajaan Negeri, agensi yang bertanggungjawab bagi menyelenggara kemudahan infra parit dan saliran luar Bandar adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor. Sejumlah RM5.5juta diterima dari peruntukan Mengurus Negeri untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan parit yang mana ianya dilaksanakan oleh Jawatankuasa Ketua Kampung (JKK) di atas lantikan Kerajaan Negeri. Kerja-kerja pembersihan termasuk tebasan parit dilaksanakan secara berkala iaitu 4 kali setahun bagi kawasan pengairan dan 3 kali setahun bagi kawasan saliran. Namun begitu, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor turut menyediakan pelbagai kemudahan penyelenggaraan bukan struktur seperti menjalankan kerja-kerja pengorekan parit di kiri dan kanan di mana kerja-kerja tersebut dijalankan secara berkala.
- b) Mekanisme yang digunakan untuk memastikan tahap kebersihan kemudahan ini sentiasa baik adalah melalui pemantauan dan pemeriksaan ke atas infra parit dan saliran khususnya di kawasan yang berisiko banjir. Pengagihan bagi kawasan tersebut turut diadakan dengan menempatkan 2 orang Pegawai Penguasa untuk mengawal selia dan melapor sebarang kerosakan pada struktur parit untuk tindakan pembaikan dilaksanakan. Di samping itu juga kerja-kerja penggalian turut dijalankan dengan mengikut kepada penjadualan pengorekan iaitu dalam tempoh paling kurang setahun sekali mengikut keadaan semasa di tapak.
- c) Secara kedudukan geografi, kawasan pedalaman adalah kurang sesuai jika ditukarkan kepada parit konkrit memandangkan parit tanah mempunyai kadar resapan yang tinggi berbanding dengan longkang konkrit. Secara tidak langsung ianya menjadi kolam takungan sementara sebelum air keluar terus ke laut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(DUSUN TUA)**

TAJUK : PUSAT RAWATAN DIALISIS

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan usaha dan tindakan yang telah diambil bagi menjayakan perancangan pusat rawatan dialisis rakyat di seluruh daerah negeri Selangor dan bagaimanakah statusnya setakat hari ini.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan negeri berhasrat untuk menubuhkan satu Pusat Dialisis Rakyat (PDR) di setiap DUN. Untuk itu, satu bentuk kerjasama bijak telah dilakukan dengan beberapa entiti termasuk pihak swasta. Namun, bukanlah sesuatu yang mudah untuk memenuhi hasrat tersebut kerana tidak semua perkara berada di bawah kawalan kerajaan negeri.

Kerajaan negeri merancang untuk mengadakan perjumpaan dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama dalam merealisasikan hasrat murni ini. Kerjasama daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia adalah perlu kerana lesen yang sah diperlukan sebelum sesebuah PDR dapat beroperasi. Lesen ini dikeluarkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Terdapat syarat-syarat yang perlu dipatuhi sebelum sesebuah PDR dapat beroperasi dan syarat-syarat tersebut adalah:

- i) Infrastruktur dan pelan susun atur bangunan PDR perlu mengikut keperluan standard Kementerian Kesihatan Malaysia
- ii) Mesin hemodialisis di PDR perlu mematuhi piawaian Kementerian Kesihatan Malaysia
- iii) Kakitangan dan staff nurse perlu mendapat latihan kejururawatan dan pengalaman di dalam bidang dialisis
- iv) Doktor yang bertugas perlu mempunyai pengalaman dan latihan di dalam bidang dialisis.
- v) Meletakkan seorang pakar buah pinggang nefrologist yang akan melawat PDR secara berkala bagi merawat pesakit.

Memandangkan masih banyak DUN belum memiliki PDR dan pesakit buah pinggang ramai yang memerlukan perkhidmatan tersebut, satu cara penyelesaian adalah dengan bantuan kos rawatan untuk mereka mendapatkan khidmat di pusat-pusat hemodialisis selain PDR. Ini tentunya memerlukan sejumlah peruntukan. Dalam masa yang sama, kerajaan negeri juga ingin memperlihatkan komitmen dan keseriusan dengan bersama-sama menyumbang dalam bentuk pembelian mesin hemodialisis untuk ditambah di PDR terutamanya yang telah mencapai tahap maksimum keupayaannya berdasarkan jumlah mesin yang ada.

Buat masa ini kerajaan negeri telah berjaya mewujudkan empat (4) PDR dan sebuah lagi sedang menunggu kelulusan KKM.

<i>Bil.</i>	<i>Lokasi PDR</i>	<i>Jumlah Mesin</i>	<i>Jumlah Penerima</i>
<i>1</i>	<i>Ampang</i>	<i>12</i>	<i>36</i>
<i>2</i>	<i>Taman Medan</i>	<i>8</i>	<i>15</i>
<i>3</i>	<i>Sementa</i>	<i>8</i>	<i>27</i>
<i>4</i>	<i>Lembah Keramat</i>	<i>5</i>	<i>13</i>
<i>5</i>	<i>Jalan Kebun</i>	<i>Masih menunggu kelulusan KKM</i>	

Jumlah mesin dialisis yang digunakan adalah sebanyak 33 buah dan terdapat seramai 91 orang pesakit sedang menerima rawatan di seluruh PDR yang sedia ada.

Bagi mengukur kejayaan adalah sesuatu yang amat sukar. Namun, apa yang membanggakan adalah, sehingga kini, PDR mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik terutamanya kepada mereka yang kurang berkemampuan tanpa mengenakan sebarang bayaran. Perkhidmatan yang diberikan tanpa mengambil kira jantina, kaum, agama, fahaman politik mahupun kedudukan individu berkenaan dalam masyarakat. Setiap rakyat Selangor berhak untuk mendapatkan yang terbaik dan itulah yang dihasratkan oleh kerajaan dan ia akan terus didukung untuk kebaikan setiap lapisan masyarakat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : SELANGOR KINI

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan jumlah keanggotaan dan perbelanjaan Communication Corporation Sdn Bhd. mengikut tahun sejak tahun 2008;
- b) Senaraikan jumlah perbelanjaan terbitan surat khabar 'Selangor Kini' mengikut tahun sejak tahun 2008.

JAWAPAN:

a) Senarai jumlah keanggotaan dan perbelanjaan CCSB dari tahun 2008.

i) Senarai Jumlah Keanggotaan

Perkara /tahun	2008	2009	2010	2011	2012	Sehingga Sept ' 13
Jumlah keanggotaan	-Tiada-	61	84	91	67	58

ii) Senarai Jumlah Perbelanjaan CCSB

Perkara /tahun	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	(RM) Sehingga Sept ' 13
Jumlah Perbelanjaan	-Tiada-	840,017	3,413,935	3,787,681	3,492,764	2,575,640

b) Jumlah perbelanjaan terbitan surat khabar "Selangorkini" mengikut tahun sejak tahun 2008 seperti berikut:-

Perkara /tahun	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	(RM) Sehingga Sept ' 13
Jumlah Perbelanjaan terbitan surat khabar "Selangor Kini"	-Tiada-	-Tiada-	9,200,744	10,505,394	10,638,108	9,446,524

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN SEMULA SUNGAI KELANG

67. Kerajaan Negeri pada penggal yang lalu telah melancarkan program untuk membangunkan Sungai Kelang.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan untuk membangunkan semula Sungai Kelang?
- b) Sejauh manakah ia telah dilaksanakan ?
- c) Berapakah peruntukan disediakan untuk projek pembangunan Sungai Kelang?

JAWAPAN:

- a) Projek Pemuliharaan dan Pembangunan merupakan satu projek awam yang akan dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta melalui Public/Private Partnership (PPP) atau Private Financing Initiative (PFI) dimana syarikat-syarikat yang dilantik akan membiayai kos pemuliharaan dan pembersihan sungai dan sebagai balasan, mereka perlu mengemukakan cadangan pembangunan harta tanah untuk dimajukan bagi pertimbangan kerajaan Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri Selangor sedang dalam proses membuat kajian kebolehlaksanaan (*feasibility study*) untuk pemuliharaan dan pembersihan sungai Klang dan telah memfokuskan kepada tiga (3) perkara iaitu pemuliharaan dan pembangunan terhadap penyaluran air mentah, pengawalan banjir kilat dan pembangunan semula sungai. Pelaksanaan bagi projek sungai Klang ini akan dilaksanakan dalam tempoh yang terdekat.

- b) Terdapat tiga (3) syarikat yang telah disenarai pendek kan bagi tujuan projek tersebut. Mereka adalah di antara daripada 31 syarikat yang telah membeli dokumen '*Request for Proposal*'. Tiga (3) syarikat tersebut adalah:
 - TSS-MAKO Engineering Sdn. Bhd.;
 - Wessex Water Sdn. Bhd. / I Berhad Consortium; dan
 - GJA Engineering & Construction Sdn. Bhd.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan telah merancang satu projek yang mempunyai fungsi yang sama iaitu pembersihan sungai klang iaitu projek '*River of Life*'. Projek ini merupakan salah satu agenda yang

digariskan di bawah 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) iaitu '*Greater Kuala Lumpur / Klang Valley (KL/KV)*'.

Di bawah pasukan petugas Pembersihan Sungai bagi Projek *River of Life* yang diketuai oleh JPS Malaysia, sebanyak RM2 juta telah dibelanjakan bagi pembinaan Sistem Rawatan Air di Salur Keluar Sistem Perparitan Utama ke Sungai Klang di Taman Melawati, Hulu Kelang, Daerah Gombak.

Bagi mengawal pencemaran terus ke sungai, beberapa kawasan setinggan di Kampung Fajar serta Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di AU3 akan dipindahkan di mana kos bagi pembinaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan penempatan semula IKS sebanyak RM30 juta akan disediakan oleh pihak PEMANDU. Manakala tanah yang bersesuaian untuk pemindahan tersebut akan disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor.

Kerajaan negeri juga mencadangkan Kerajaan Persekutuan untuk mengadakan perbincangan dengan ketiga-tiga syarikat yang telah disenarai pendekkan seperti di atas bagi melihat teknologi yang dicadangkan.

Selain daripada urusan pelaburan, dari sudut pihak agensi kerajaan negeri pula, Kajian Lapangan serta Inventori terperinci Gunatanah telah selesai dilakukan.

Selain itu, Pelan Tindakan Bersepadu Pihak-pihak Berkepentingan, Penyelarasan Laporan Tanah Rizab Sungai Klang dan Isu-isu Tanah (Penguatkuasaan) serta penyelarasan Sistem Saliran/ Discharge yang mengalir ke Sungai Klang masih dalam proses penyediaan.

- c) Projek ini akan dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta melalui *Public/Private Partnership* (PPP) atau *Private Financing Initiative* (PFI) di mana syarikat-syarikat yang dilantik akan membiayai kos pemuliharaan dan pembersihan sungai. Sebagai pulangan, mereka akan memajukan pembangunan harta tanah yang setimpal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN HARTANAH HASIL PENYELESAIAN HUTANG TALAM
CORPORATION BERHAD**

68. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status terkini penyelesaian hutang Talam Corporation Berhad dengan Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Apakah rancangan pembangunan hartanah di kawasan seperti berikut:
- i) Tanah Bukit Beruntung - 1,301,86 ekar
 - ii) Tanah Bestari Jaya - 2,263 ekar
 - iii) Tanah Danau Putera - 140,694 ekar
 - iv) Tanah Puncak Bukit Jalil - 12 ekar
 - v) Tanah Ulu Yam - 400 ekar

JAWAPAN:

- a) Status terkini pungutan hutang dari syarikat TALAM keseluruhannya berjumlah RM392 juta telah dikutip.
- b) Perancangan Pembangunan Hartanah di kawasan-kawasan yang disenaraikan di atas secara dasarnya adalah seperti berikut :-

i) Tanah Bukit Beruntung	- 1,275.92 ekar	[PNSB]	Pembangunan Bercampur
	- 25.93 ekar	[PKNS]	Pembangunan Bercampur
ii) Tanah Bestari Jaya	- 2,263 ekar	[PNSB]	Pembangunan Bercampur
iii) Tanah Danau Putra	- 140,694 ekar	Dijual kepada syarikat swasta	Pembangunan Bercampur
iv) Tanah Puncak Bukit Jalil	- 12 ekar	[KDEB]	Pembangunan Bercampur
v) Tanah Ulu Yam	- 400 ekar	[KDEB]	Pembangunan Bercampur

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI HASNUL BIN HAJI BAHARUDDIN
(MORIB)**

TAJUK : ANGGOTA KESELAMATAN

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah bentuk bantuan kerajaan negeri dalam membantu Jabatan Bomba dan Penyelamat bila jabatan ini terpaksa menghadapi situasi memadam kebakaran hutan yang kerap terutama di kawasan Kuala Langat Selatan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat akan menyelaras bantuan dari segi bekalan makanan kepada petugas memadam kebakaran dalam operasi "Ops Padam" (termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Hutan, Jabatan Perparitan dan Saliran, Majlis Daerah Kuala Langat, PDRM, Jabatan Kerja Raya dan lain-lain). Selain daripada itu Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat akan menyelaras bantuan logistik seperti tandas, khemah, jentera, bekalan air bersih dan sebagainya dengan agensi kerajaan dan swasta seperti MDKL, JKR, JPS dan Syabas.

Sebagai contoh bagi 'Ops Padam' Kebakaran Hutan Simpan Kuala Langat Utara, Mukim Tanjung Dua Belas yang melibatkan lebih 200 ekar sehingga membawa kepada pengisytiharan Bencana Tahap 1 pada 14 hingga 23 Julai dan 12 Ogos hingga 3 September 2013, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM127,404.20 bagi menampung kos perbelanjaan operasi seperti berikut:-

i) Pengangkutan dan Sewaan Excavator	RM 55,975.00
ii) Membekal Tandas Sementara	RM 5,000.00
iii) Mengaktifkan 2 Telaga Tiub	RM 39,600.00
iv) Sewaan Generator	RM 4,000.00
v) Minyak Petrol	RM 1,498.00
vi) Bekalan Makanan	RM 21,331.20

JUMLAH RM127,404.20

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(KINRARA)**

TAJUK : BANTUAN OKU

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan negeri untuk menjadikan Selangor sebuah negeri "barrier-free access" untuk golongan OKU?
- b) Apakah bantuan khas yang sedia ada untuk golongan OKU?
- c) Adakah kerajaan bercadang untuk memberi peruntukan tetap tahunan kepada pertubuhan OKU yang berdaftar?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah menyedari tentang keperluan untuk menjadikan Negeri Selangor sebagai negeri bebas halangan OKU. Sehubungan itu, bermula tahun 2009 , Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kebajikan telah memohon kerjasama daripada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menjalankan audit ke atas bangunan kerajaan. Pelbagai usaha telah dilakukan termasuk membuat penambahbaikan terhadap bangunan sedia ada bagi memudahkan golongan OKU menggunakan, mengakses kemudahan sedia ada dan melaksanakan urusan di bangunan kerajaan di kawasan PBT masing-masing.

Selain daripada itu, dalam usaha mencapai ke arah negeri yang bebas halangan OKU, Kerajaan Negeri juga telah mensyaratkan kepada setiap pemaju-pemaju perumahan yang ingin membina rumah, terutama rumah-rumah berbilang tingkat untuk menyediakan kemudahan asas yang bersesuaian dan memenuhi spesifikasi keperluan OKU.

Kini, golongan OKU di sekitar daerah Petaling berpeluang untuk menggunakan pengangkutan OKU yang telah disediakan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). Kemudahan-kemudahan ini disediakan bagi memudahkan golongan ini bergerak dari rumah ke lokasi yang telah ditentukan.

Dengan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan ini, Negeri Selangor akan terus memastikan keperluan golongan OKU tidak dipinggirkan dalam semua aspek dan akan memastikan mereka mendapat hak yang sama seperti masyarakat normal.

- b) Berikut adalah kemudahan dan keistimewaan kepada OKU dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

KEMUDAHAN DAN KEISTIMEWAAN ORANG KURANG UPAYA

BIL	AGENSI PELAKSANA	KEMUDAHAN OKU YANG DISEDIAKAN
1.	Jabatan Kebajikan Masyarakat	<p><u>Bantuan Kewangan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ❖ Elaun Pekerja Cacat (EPC) - (RM300) ❖ Bantuan am - (RM80) ❖ Geran Pelancaran- (RM2700) ❖ Bantuan Alat Tiruan/Sokongan ❖ Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja(BTB) - (RM 150) ❖ Bantuan Penjagaan OKU Terlantar Dan Pesakit Kronik Terlantar (BPT) -(RM300) <p><u>Perkhidmatan Institusi</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ❖ Pusat Pemulihan dalam Komuniti ❖ Institusi Penjagaan dan Pemulihan Taman Sinar Harapan ❖ Bengkel Terlindung ❖ PLPP Bangi ❖ Khidmat nasihat dan Kaunseling <p><u>Akses perkhidmatan OKU- JKM</u> Pendaftaran dan Pengeluaran Kad OKU</p>
2.	Kementerian/Agensi Kerajaan lain	
2.1	Kementerian Pengangkutan/Jabatan Pengangkutan Jalan	Pengecualian Cukai Jalan (OKU fizikal. Kereta, van, motosikal buatan tempatan sahaja)
2.2	Kementerian Pengangkutan/ Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Semenanjung Malaysia SPAD	<p>Kemudahan Pengangkutan Awam</p> <ul style="list-style-type: none"> ❖ Potongan harga sebanyak 25% kepada OKU & warga tua 60 tahun ke atas bagi semua bas ekspres (mulai 20 Julai 2009) ❖ Potongan harga sebanyak 50% kepada OKU yang menaiki bas henti –henti

BIL	AGENSI PELAKSANA	KEMUDAHAN OKU YANG DISEDIAKAN
2.3	Kementerian Pelajaran/Bahagian Pendidikan Khas	Program Pendidikan Khas
2.4	Kementerian Pelajaran	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Program Pendidikan Integrasi ❖ Elaun RM150.00 sebulan kepada Pelajar OKU Sekolah Rendah dan Menengah
2.5	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia/Bahagian Biasiswa	<p>Bantuan Kewangan Pelajar OKU IPT</p> <ul style="list-style-type: none"> - Diberikan kepada pelajar OKU yang mengikuti pengajian tertiar (Diploma Keatas) secara sepenuh masa di IPTA,IPTS,Politeknik &Kolej Komuniti - Berbentuk bayaran yuran & wang saku. Tidak lebih RM5,000 setahun atau RM20,000 sepanjang pengajian. - Bantuan Kewangan kepada pelajar OKU IPT tempatan (separuh masa/ (Pengajian Jarak Jauh)) - Tidak lebih RM5,000 setahun atau RM20,000 sepanjang pengajian, tetapi hanya bayaran yuran pengajian sahaja. <p>Bantuan Kewangan Program Pendidikan Khas di Politeknik/Kolej Komuniti</p> <ul style="list-style-type: none"> - Diberikan kepada Pelajar OKU Pendengaran – mengikuti Program Pendidikan Khas di Politeknik terpilih. - Kadar bantuan adalah RM3360 /semester mengambil kira bantuan yuran,sara hidup, penginapan dan alat bantuan belajar. <p>Saluran Khas pengambilan OKU di IPTA</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menerusi saluran Khas (tidak perlu bersaing dengan kategori biasa) kelayakan minima. - Penempatan universiti disesuaikan dengan kemudahan dan bidang yang disediakan oleh IPTA.

BIL	AGENSI PELAKSANA	KEMUDAHAN OKU YANG DISEDIAKAN
2.6	Kementerian Kewangan /Lembaga Hasil	<p>Kemudahan dan Galakan Pelepasan Cukai Pendapatan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pelepasan Cukai Berganda - majikan yang melatih & mengambil pekerja OKU. - Pelepasan cukai RM5000 kepada pembayar cukai yang mempunyai anak OKU. - Pelepasan cukai RM5000 bagi pembelian alat - alat khas untuk kegunaan sendiri, anak atau ibu bapa OKU. - Mulai 2005 Pelepasan cukai diri sebanyak RM6000 kepada OKU& pasangan OKU (dari RM3,000 kepada RM3,500) - Pengecualian 100 peratus Duti Eksais ke atas kenderaan OKU <p>Dengan syarat syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemohon berdaftar dengan JKM • Kenderaan tidak boleh dijual atau ditukar milik sehingga tamat tempoh 5 tahun kecuali dengan kebenaran Perbendaharaan; • Pengecualian hanya dibenarkan untuk sebuah kenderaan bagi setiap 5 tahun. <p>(Berdasarkan pembentangan bajet tahunan)</p>
2.7	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Kadar sewa rumah yang rendah
2.8	Kementerian Kewangan/Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)	Potongan Harga 20% pembelian rumah
2.9	Kementerian Kesihatan	<p>Pengecualian bayaran rawatan perubatan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Bayaran Wad kelas 3 - Bayaran Pakar - Bayaran Ubat - Hanya hospital kerajaan

BIL	AGENSI PELAKSANA	KEMUDAHAN OKU YANG DISEDIAKAN
3.	Kementerian Sumber Manusia/Jabatan Tenaga Kerja	<p>Kemudahan Peluang Pekerjaan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pekeliling Perkhidmatan Bil.3/2008 Dasar 1% Peluang Pekerjaan dalam Perkhidmatan Awam kepada OKU. - Perkhidmatan Pendaftaran Pekerjaan secara online. <p>Skim Bantuan Galakan Perniagaan OKU (SBGP - OKU)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Telah berniaga - Usia 18 tahun ke atas - Individu atau kelompok - Geran berbentuk <i>one-off</i>
3.1	Jabatan Tenaga Kerja	<p>Kemudahan Peluang Pekerjaan</p> <p>Bagi Sektor swasta, Jawatankuasa Penggalakan Pengajian Orang Cacat di Sektor Swasta telah ditubuhkan pada tahun 1990 - mewujudkan Kod Amalan Pengajian Orang Kurang Upaya di Sektor Swasta.</p>
3.2	Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri / Jabatan Imigresen	<p>Pengecualian Bayaran Dokumen Perjalanan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Paspot
3.3	Jabatan Pendaftaran Negara	<p>Pengecualian bayaran :-</p> <ul style="list-style-type: none"> - Membuat MyKad - Carian daftar Kelahiran dan Kematian
3.4	Kementerian Kewangan	<p>Pengecualian duti impot alat ganti tiruan/sokongan</p>

BIL	AGENSI PELAKSANA	KEMUDAHAN OKU YANG DISEDIAKAN
3.5	Jabatan Perkhidmatan Awam	Pencen Terbitan <ul style="list-style-type: none"> - Anak penjawat awam yang telah meninggal dunia. - Waktu Bekerja Anjal
3.6	Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi/ Telekom Malaysia	Kemudahan Telekom Malaysia di bawah Pakej Penyayang(percuma sewa bulanan talian telefon kediaman dan percuma untuk perkhidmatan panggilan menunggu atau pemindahan panggilan.
3.7	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan/ Majlis Kerajaan Tempatan	Kod Amalan Akses bagi OKU;- <ul style="list-style-type: none"> - Bangunan baru wajib ada ram dan railing - Laluan yang bersesuaian dengan kerusi roda - Lif Khas dengan reka bentuk sesuai - Tempat letak kereta, tandas khas dan sebagainya.
3.8	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Penggunaan melalui agensinya Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	Pengecualian bayaran permohonan baru dan memperbaharui Sijil Perakuan Perniagaan bagi OKU.
4.	Agensi Swasta	
4.1	Perkhidmatan Penerbangan Malaysia Malaysia Airlines (MAS)	Memberi diskaun 50% bagi penerbangan dalam negeri
4.2	Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu (KTMB)	<ul style="list-style-type: none"> ❖ (KTMB) Antarabandar - Memberi diskaun 50% ke atas tambang perjalanan bagi semua kelas. ❖ Perkhidmatan KTM Komuter - Memberi diskaun 50% ke semua destinasi

BIL	AGENSI PELAKSANA	KEMUDAHAN OKU YANG DISEDIAKAN
4.3	Sistem Transit Aliran Ringan (RapidKL)	Memberi diskaun 50% ke semua destinasi <ul style="list-style-type: none"> - Laluan Ampang dan Sri Petaling - Laluan Kelana Jaya
4.4	Telekom Malaysia	Kemudahan Telekom Malaysia di bawah Pakej Penyayang (percuma sewa bulanan talian telefon kediaman dan percuma untuk perkhidmatan panggilan menunggu atau pemindahan panggilan).
4.5	Universiti Terbuka Malaysia	75% potongan yuran pengajian

- c) Kerajaan Negeri Selangor menyambut baik cadangan berkenaan dan Kerajaan Negeri juga tiada menyediakan peruntukan khas yang tetap atau geran kepada pertubuhan OKU berdaftar. Namun begitu, Kerajaan Negeri tetap membantu dari segi kewangan ataupun kemudahan kepada pertubuhan OKU dalam mengadakan program-program kebajikan. Bantuan peruntukan ini diberikan berdasarkan kepada permohonan yang dikemukakan oleh pertubuhan OKU kepada Jawatankuasa Tetap setelah dikaji dan diteliti keperluan yang terdapat dalam kertas permohonan mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : BANGUNAN WARISAN

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan kawasan/bangunan warisan yang dikenal pasti dan digazet sebagai warisan negeri/negara mengikut pecahan PBT bagi tahun 2008-2013.
- b) Apakah kriteria untuk sesuatu kawasan/bangunan boleh diiktiraf sebagai warisan dan badan manakah yang bertanggungjawab untuk menilai dan meluluskan pengiktirafan ini?
- c) Apakah insentif yang disediakan oleh Jabatan berkenaan untuk memulihara kawasan/bangunan warisan?

JAWAPAN:

- a) Senarai kawasan / bangunan warisan yang dikenal pasti dan digazetkan sebagai warisan Negeri /Negara mengikut pecahan bagi setiap daerah bagi tahun 2008-2013 adalah seperti di [LAMPIRAN A](#).
- b)
 - i) Justifikasi / kriteria bagi bangunan lama atau monumen itu dapat digazetkan adalah berdasarkan kepada:
 - Bangunan tersebut mempunyai nilai sejarah dan signifikan yang berkaitan dengan negeri atau negara walaupun bangunan tersebut tidak berumur lebih dari 100 tahun contoh bangunan Menara Berkembar Kuala Lumpur
 - Bangunan tersebut berumur lebih dari seratus tahun
 - Bangunan tersebut mempunyai nilai seni bina
 - ii) Jabatan yang bertanggungjawab bagi meluluskan pengiktirafan bagi peringkat negeri dan Kebangsaan adalah di bawah Jabatan Warisan Negara dan pencalonan sebagai warisan dunia adalah di bawah kuasa dan pengiktirafan UNESCO.
- c) Untuk makluman tiada penyaluran peruntukan dana bagi tujuan pemuliharaan bangunan-bangunan lama ke PADAT. Walau bagaimanapun insentif yang diperolehi daripada Jabatan Warisan Negara ialah pelaksanaan bagi kerja-kerja konservasi dan restorasi bagi tujuan pengukuhan bangunan-bangunan lama yang ditentukan oleh Jabatan tersebut.

**SENARAI TAPAK WARISAN DI NEGERI SELANGOR YANG
TELAH DIWARTAKAN**

SENARAI TAPAK WARISAN YANG DIWARTAKAN SEBAGAI WARISAN KEBANGSAAN

BIL	PERKARA	OBJEK TINGGALAN	NO. WARTA	TARIKH PEWARTAAN
KLANG				
1.	Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz (Bangunan Sultan Suleiman)	Bangunan	-	15 Disember, 2009
2.	Masjid Diraja Sultan Suleiman Jamiur Rahmah	Rumah Ibadat	P.U. (B) 90	29 Mac, 2012
GOMBAK				
1.	Kuil Sri Subramaniam Swamy Devasthanam (Batu Caves)	Rumah Ibadat	-	6 Julai, 2007

JUMLAH : 3 TAPAK WARISAN KEBANGSAAN

SENARAI TAPAK WARISAN YANG DIWARTAKAN SEBAGAI WARISAN

BIL	PERKARA	OBJEK TINGGALAN	NO. WARTA	TARIKH PEWARTAAN
KUALA LANGAT				
1.	Pejabat Daerah Lama Jugra	Bangunan	P.U. (A) 492	19 Disember, 2002
2.	Muzium Insitu Jugra (Penjara Lama/Balai Polis Lama)	Bangunan	P.U. (A) 492	19 Disember, 2002
3.	Masjid Sultan Ala'eddin Suleiman Shah(Masjid Bandar)	Bangunan	P.U. (A) 212 P.U. (B) 185	24 Julai, 1980 14 April, 1983
4.	Istana Bandar (Istana Ala'eddin)	Bangunan	P.U. (A) 212	24 Julai, 1980
5.	Kompleks Makam DiRaja Jugra	Makam/Kubur	P.U. (A) 492	19 Disember, 2002
6.	Setor Peluru (Jugra)	Bangunan	P.U. (A) 492	19 Disember, 2002
KLANG				
1.	Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Klang	Bangunan	P.U. (B) 90	29 Mac 2012
2.	Gedung Raja Abdullah (Pejabat Polis Lama Klang)	Bangunan	P.U. (A) 212 P.U. (B) 185	14 Mac, 1982 14 April, 1983
3.	Kota (& Terowong) Raja Mahadi (Astana Bukit Kota)	Kubu Pertahanan	P.U. (A) 285 P.U. (A) 185	9 Oktober, 1980 14 April, 1983
KUALA SELANGOR				
1.	Kota Malawati	Kubu Pertahanan	P.U. (A) 266 P.U. (B) 322	8 September, 1977 28 Jun, 1979
2.	Kota Tanjong Keramat (Bukit Belanda)	Kubu Pertahanan	P.U. (A) 212 P.U. (B) 185	8 September, 1977 28 Jun, 1979
3.	Bukit Raja(Kuala Selangor)	Kubu Pertahanan	P.U. (A) 428	14 Oktober, 1999
4.	Ibu Empangan Sungai Tengi (Tanjung Karang)	Sistem Pengairan	P.U. (A) 428	14 Oktober, 1999

BIL	PERKARA	OBJEK TINGGALAN	NO. WARTA	TARIKH PEWARTAAN
HULU SELANGOR				
1.	Masjid Ar-Rahimah Ampang Pecah (Masjid Lama Ampang Pecah)	Rumah Ibadat	P.U. (B) 299	21 September, 2012
2.	Makam Saiyid Mashor bin Mohammad Ash Sahab(Kerling)	Makam/Kubur	P.U. (A) 261 P.U. (B) 185	11 September, 1980 14 April, 1983
GOMBAK				
1.	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia Kepong	Bangunan	P.U. (B) 148	27 April, 2009

JUMLAH : 16 TAPAK WARISAN

SENARAI INVENTORI TAPAK WARISAN DI NEGERI SELANGOR

BIL	PERKARA	OBJEK TINGGALAN	NO. WARTA	TARIKH PEWARTAAN
HULU SELANGOR				
1.	Pejabat Tanah & Daerah, Kuala Kubu Baru	Pejabat Daerah	-	-
2.	Balai Bomba Lama	Bangunan	-	-
3.	Bangunan Pejabat Pos, Kuala Kubu Baru	Bangunan	-	-
4.	Tapak Stesyen Keretapi Kuala Kubu Bahru	Tapak Bangunan	-	-
5.	Maktab Polis DiRaja Malaysia (PDRM) Kuala Kubu Bharu	Pejabat Pendidikan	-	-
6.	Balai Polis Gerak Khas (IPD Hulu Selangor) Bekas Bangunan Gereja	Bangunan	-	-
7.	Masjid Syeikh Ismail, Simpang Tiga	Rumah Ibadat	-	-
8.	Masjid Lama Kg. Sg. Selisek	Rumah Ibadat	-	-
9.	Rumah Tan Boon Chia	Rumah	-	-
10.	Deretan Bangunan Kedai Lama	Rumah Kedai	-	-
KLANG				
1.	(Chennai Silk Butik) Bangunan Standard Chartered Bank	Bangunan	-	-
2.	Bangunan Lama Pejabat Agama Islam Klang(PAID) (Rumah Che Klang)	Bangunan	-	-
3.	Bangunan Balai Bomba Lama Klang Selatan	Bangunan	-	-
4.	Bangunan Pejabat Pos Klang Selatan	Bangunan	-	-
5.	Bangunan Kelab DiRaja Klang	Bangunan	-	-

BIL	PERKARA	OBJEK TINGGALAN	NO. WARTA	TARIKH PEWARTAAN
KLANG				
6.	Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS), Jalan Kota Raja (Istana Bandung/Istana Jemaah Istana Negara/Istana Kota/Istana Berunai/Istana Hijau)	Bangunan	-	-
7.	Sekolah Menengah Kebangsaan Methodist (ACS)	Bangunan	-	-
8.	Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Klang	Bangunan	-	-
9.	Sekolah Kebangsaan Klang	Bangunan	-	-
10.	Stesyen Keretapi, Klang Selatan	Bangunan	-	-
11.	Balai Polis Cawangan Trafik Klang	Bangunan	-	-
12.	Masjid Dato' Dagang, Kg. Jawa	Rumah Ibadat	-	-
13.	Masjid India Muslim	Bangunan	-	-
14.	Masjid Al-Muhsinin, Kg. Sungai Kandis	Rumah Ibadat	-	-
15.	Gereja Katholik <i>Our Lady Of Lourdes</i>	Rumah Ibadat	-	-
16.	Tokong Kuan Yin (<i>Kuil Kwan Imm Ting</i>)	Rumah Ibadat	-	-
17.	Kuil Sri Nagara Thendayuthapani (<i>Kuil Sri Mahamariamman, Padang Chetty</i>)	Rumah Ibadat	-	-
18.	Kuil Sri Sundaraja Perumal Devasatnam	Rumah Ibadat	-	-
19.	Istana Seri Kenangan	Istana	-	-
20.	Istana Mahkota	Istana	-	-
21.	Makam DiRaja Klang	Kubur/Makam	-	-
22.	Deretan Bangunan Perniagaan	Bangunan	-	-
23.	Rumah Api Permatang Sedepa, Selat Melaka	Rumah Api	-	-
24.	Rumah Api Pulau Angsa	Rumah Api	-	-
25.	Stesen Janakuasa Elektrik & Jambatan Connought	Bangunan	-	-
26.	Dermaga <i>Port Swetthenham</i> (Pelabuhan Klang)	Jeti	-	-
GOMBAK				
1.	Muzium Orang Asli	Bangunan	-	-
2.	Sekolah Kebangsaan Hulu Klang	Bangunan	-	-
3.	Sekolah Menengah Kebangsaan Tuanku Abdul Rahman	Pejabat Pendidikan	-	-
4.	Stesen Keretapi Rawang	Bangunan	-	-
5.	Sekolah Kebangsaan Kuang, KM28	Pejabat Pendidikan	-	-

BIL	PERKARA	OBJEK TINGGALAN	NO. WARTA	TARIKH PEWARTAAN
GOMBAK				
6.	Balai Polis Rawang(<i>Cawangan Trafik</i>)	Bangunan	-	-
KUALA LANGAT				
1.	Bangunan Giat Mara (Balai Polis Lama Banting)	Bangunan	-	-
2.	Sekolah Kebangsaan Bandar	Sekolah	-	-
3.	Banglo <i>Suara Ombak</i>	Rumah	-	-
4.	<i>Hatter's Castle</i> , (Rumah Rehat) Teluk Panglima Garang	Rumah	-	-
5.	Tapak Istana Jugra	Istana	-	-
6.	Istana <i>Pantai Bahagia</i>	Rumah	-	-
7.	Tapak Pendaratan Askar British-India(Sepoi)	Tapak	-	-
PETALING				
1.	Pusat Kawalan Kusta Negara	Hospital	-	-
2.	Menara UiTM (<i>Bangunan Latihan RIDA/1972 ITM/1999 UiTM</i>)	Pejabat Pendidikan	-	-
3.	Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam	Rumah Ibadat	-	-
4.	Wat Buddhist Chetawan, Petaling Jaya	Rumah Ibadat	-	-
5.	Kota Darul Ehsan	Pintu Gerbang	-	-
SABAK BERNAM				
1.	Bangunan, Sekolah Rendah Kebangsaan(<i>Pejabat Guru</i>) Sungai Selisek, Ulu Bernam	Pejabat Pendidikan	-	-
2.	Balai Polis Sungai Air Tawar	Bangunan	-	-
3.	Masjid Pachang Bedena	Rumah Ibadat	-	-
4.	Masjid Kampung Tebuk Mufrad	Rumah Ibadat	-	-
5.	Masjid An-Nur, Kg. Sg. Haji Dorani	Rumah Ibadat	-	-
6.	Masjid Kg. Peket 100 Sawah	Rumah Ibadat	-	-
HULU LANGAT				
1.	Hospital Kajang	Hospital	-	-
2.	Bangunan Universiti Putra Malaysia (<i>Universiti Pertanian Malaysia</i>)	Pejabat Pendidikan	-	-
3.	Sekolah Kebangsaan Leftenan Adnan	Pejabat Pendidikan	-	-
4.	Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Kajang	Pejabat Pendidikan	-	-
5.	Bangunan Stesyen Keretapi Kajang	Bangunan	-	-
6.	Masjid Raja Alang	Rumah Ibadat	-	-
7.	Kuil Sri Subramaniam	Rumah Ibadat	-	-

BIL	PERKARA	OBJEK TINGGALAN	NO. WARTA	TARIKH PEWARTAAN
HULU LANGAT				
8.	Jambatan Gantung Dusun Tua	Jambatan	-	-
9.	Stesyen Hidro Letrik Pangsun	Stesen Janakuasa	-	-
KUALA SELANGOR				
1.	Masjid Rahmani Kg. Permatang	Masjid	-	-
2.	Rumah Pegawai Daerah Kuala Selangor	Rumah	-	-
3.	<i>The House Of Palms</i>	Bangunan	-	-
4.	Rumah Tok Tarmijan	Rumah	-	-
5.	Makam Anak Dara	Kubur/Makam	-	-
6.	Makam DiRaja Bukit Malawati	Kubur/Makam	-	-
7.	Rumah Api Kuala Selangor	Rumah Api	-	-
8.	Batu Hampar(<i>Batu Pancung</i>)	Batu Penyeksaan	-	-
9.	Baitul Hillal	Tempat Mencerap Anak Bulan	-	-
SEPANG				
1.	Rumah <i>Tradisional Melayu,</i> <i>Jenderam Hilir</i>	Rumah	-	-

JUMLAH : 79 SENARAI INVENTORI TAPAK WARISAN

Petunjuk:

Status	Jumlah
Warisan Kebangsaan	3
Warisan	16
Inventori	79
JUMLAH	98

SENARAI KESELURUHAN TAPAK WARISAN DI NEGERI SELANGOR BERJUMLAH : 98 BUAH TAPAK/MONUMEN Perbadanan Adat Melayu & Warisan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : PENYELENGGARAAN SAMPAH OLEH PBT

72. Penyelenggaraan sampah telah diuruskan sepenuhnya oleh Pihak Berkuasa Tempatan

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah tahap penyelenggaraan sampah di kawasan PBT ketika ini?
- b) Adakah jumlah pekerja mencukupi untuk mengendalikan pembersihan sampah di kawasan tadbiran PBT yang semakin membesar dan
- c) Nyatakan kos penyelenggaraan sampah terkini mengikut PBT dari segi bayaran gaji dan peralatan?

JAWAPAN:

- a) Tahap penyelenggaraan sampah di semua PBT adalah baik berikutan aduan berkenaan sampah sarap tidak dikutip adalah semakin berkurangan kerana adanya pemantauan dan penguatkuasaan yang berterusan. Jika ada aduan ia disebabkan oleh pelbagai faktor antaranya ialah terdapat orang atau pihak yang tidak bertanggungjawab membuang sampah di tempat yang tidak sepatutnya dan terjadinya tapak pembuangan sampah haram.
- b) Kerja-kerja kutipan sampah dan pembersihan awam di kawasan PBT dilakukan oleh pekerja-pekerja kontraktor yang dilantik dan dibahagikan mengikut kawasan-kawasan tertentu. PBT akan memilih kontraktor yang benar-benar memenuhi syarat dan kelayakan untuk menjalankan perkhidmatan kerja-kerja kutipan sampah dan pembersihan awam supaya masalah tidak timbul pada masa akan datang. Selain itu, PBT juga mempunyai pasukan *back-up* sekiranya terdapat aduan atau kecemasan.
- c) Kos keseluruhan penyelenggaraan sampah terkini mengikut PBT dari segi bayaran gaji dan peralatan ialah seperti berikut:-

BIL.	PBT	KOS PENGURUSAN SAMPAH TERKINI
1.	MBSA	RM50.50 JUTA
2.	MBPJ	RM60.21 JUTA
3.	MPSJ	RM69.00 JUTA
4.	MPKj	RM20.00 JUTA
5.	MPS	RM40.00 JUTA

BIL.	PBT	KOS PENGURUSAN SAMPAH TERKINI
6.	MPK	RM20.10 JUTA
7.	MPAJ	RM38.00 JUTA
8.	MPSp	RM7.90 JUTA
9.	MDKS	RM3.70 JUTA
10.	MDKL	RM17.60 JUTA
11.	MDSB	RM161 RATUS RIBU
12.	MDHS	RM19.60 JUTA
JUMLAH		RM343.77JUTA

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(GOMBAK SETIA)**

TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah rumah mampu milik yang telah dibina dan sedang dibina melalui program Rumah Mampu Milik kerajaan negeri Selangor setakat ini dari mula ianya dilaksanakan?
- b) Sila nyatakan kedudukan Rumah Mampu Milik yang telah siap dibina dan nyatakan jumlahnya di setiap kawasan?
- c) Berapakah anggaran peratusan tawaran rumah mampu milik ini setahun dibandingkan dengan pasaran rumah mampu milik di seluruh negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Y.B, sehingga kini, sebanyak tiga projek perumahan mampu milik yang melibatkan 1,682 unit telah siap dibina oleh Kerajaan Negeri dan pemaju swasta. Manakala projek yang sedang dalam pembinaan adalah sebanyak tiga projek yang melibatkan 469 unit.
- b) Untuk makluman Y.B juga, pecahan serta kedudukan 1,682 unit projek perumahan mampu milik yang telah siap dibina adalah terdiri daripada Bukit Botak, Selayang mempunyai 1,422 unit dengan harga jualan RM99,000 seunit berkeluasan 850 kaki persegi hingga 2,200 kaki persegi. Projek kedua adalah di Seksyen 3 Bandar Baru Bangi yang dibina sebanyak 124 unit berkeluasan di antara 700 hingga 800 kaki persegi dan dijual pada harga RM60,000 hingga RM90,000 seunit. Manakala baki 136 unit lagi terletak di Bandar Sungai Long, Kajang.
- c) Untuk makluman Y.B, pihak LPHS telah menawarkan sebanyak 1,682 pembeli yang layak untuk membeli rumah mampu milik. Penawaran yang dibuat oleh LPHS hanya kepada tiga projek rumah mampu milik yang telah siap iaitu Bukit Botak, Selayang, Seksyen 3 Bandar Baru Bangi dan Bandar Sungai Long, Kajang.

Untuk makluman Y.B juga, projek rumah mampu milik yang masih boleh ditawarkan untuk pembeli adalah dianggarkan sebanyak 15,251 unit yang melibatkan 38 projek menjelang tahun 2021. LPHS hanya akan mula menawarkan kepada pembeli setelah sesuatu projek itu memperoleh Permit Iklan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Untuk menjawab soalan Y.B, peratusan tawaran kepada rumah mampu milik yang telah siap adalah 100 peratus. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri

masih mempunyai 15,251 unit rumah mampu milik yang boleh ditawarkan sehingga tahun 2021.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PEMBINAAN LEBUH RAYA BARU

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah peranan yang dimainkan dan kelulusan yang diperlukan daripada kerajaan negeri Selangor dan PBT dalam pembinaan sebarang projek pembinaan lebuhraya?
- b) Apakah status terkini pembinaan Lebuhraya Kinrara – Damansara (KIDEX) dan Lebuhraya Sungai Besi – Hulu Kelang (SUKEL)?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri mempunyai kuasa bagi memberikan kelulusan dalam sebarang pembinaan lebuhraya baru di Negeri Selangor. Ini adalah kerana sebarang cadangan jajaran pembinaan lebuhraya akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal bagi mendapatkan maklum balas daripada semua agensi / jabatan teknikal yang berkaitan. Kerajaan Negeri juga telah menetapkan agar PBT yang terlibat di dalam pembangunan sesebuah lebuhraya baru agar dapat mengadakan sesi pendengaran awam bagi memuktamadkan jajaran yang dikemukakan.

Keputusan mesyuarat tersebut akan dibentangkan kepada pengetahuan Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) sebelum diputuskan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk kelulusan. Kerajaan Negeri juga menetapkan agar konsesi berkaitan memaklumkan kepada Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Negeri terlebih dahulu mengenai cadangan tersebut bagi memudahkan wakil rakyat menjawab sebarang pertanyaan atau bantahan dari rakyat sekiranya ada.

- b) Status projek pembinaan Lebuhraya Kinrara - Damansara (KIDEX) kini masih di dalam proses terakhir penyediaan draf perjanjian konsesi (**concession agreement - CA**) di antara pihak Kerajaan Persekutuan (Kementerian Kerja Raya) bersama pihak konsesi lebuhraya yang terlibat.

Manakala konsesi projek Lebuhraya Sungai Besi - Hulu Kelang (SUKEL), PROLINTAS Sdn. Bhd. telah mempersetujui dan menandatangani **CA** di antara Kerajaan Persekutuan pada bulan September 2013. Menurut kepada **CA** ini, pihak konsesi diberi tempoh masa selama 12 bulan bagi memenuhi syarat yang ditetapkan seperti mengemukakan 'Financial Closure' dan 'Public Opinion Survey' sebelum **CA** tersebut dimuktamadkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR) DI SEKSYEN 26 SHAH ALAM

75. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berikan perincian jumlah sebenar rumah yang telah didiami rakyat di semua blok dan berapa unit rumah yang telah dikategorikan sebagai rosak?
- b) Kenapakah lif di semua blok dibiarkan terus rosak tanpa dibaiki walaupun aduan telah lama dibuat dan nyatakan jadual selenggaraan lif di semua blok
- c) Siapakah yang melakukan penyelenggaraan di bangunan, dan kawasan sekitar kerana kawasan ini kelihatan amat tidak terurus

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kg. Baru Hicom merupakan projek perumahan awam yang dibangunkan di atas tanah Kerajaan Negeri di bawah peruntukan Yayasan Perumahan Untuk Termiskin (YPUT) untuk dijadikan penempatan sementara bagi program penyelesaian peneroka bandar dan juga disewakan kepada golongan berpendapatan rendah. PPR Kg. Baru Hicom yang mempunyai 980 unit rumah terdiri daripada 3 blok ini telah mula diduduki oleh 811 keluarga Peneroka Bandar Kg. Rimba Jaya pada tahun 2005.

Sehingga kini 869 unit rumah di PPR ini diduduki oleh 239 keluarga Peneroka Bandar Kg. Rimba Jaya dan 630 penyewa orang awam. Daripada jumlah keseluruhan unit tersebut 106 unit telah dikenal pasti rosak setelah dikosongkan oleh penghuni terdahulu dan tidak dapat disewakan kepada orang awam sehingga kerja-kerja baikpulih dilaksanakan pada tahun 2014.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, PPR Kg. Baru Hicom mempunyai 3 unit lif di setiap blok dan jumlah keseluruhan lif adalah sebanyak 9 unit. Kerja-kerja baik pulih secara menyeluruh telah dilaksanakan pada tahun 2012 dan penyelenggaraan bulanan dilaksanakan pada setiap bulan. Walau bagaimanapun, dengan kadar penggunaan lif yang tinggi disebabkan penghuni PPR Kg. Baru Hicom semakin bertambah dan cara penggunaan lif yang tidak berhemah menyebabkan sering kali berlaku kerosakan. Bagi tahun 2013, kerja-kerja baik pulih lif yang rosak telah dilaksanakan pada bulan Mei 2013 walau bagaimanapun, pada bulan Ogos 2013 berlaku lagi kerosakan dan telah dibaik pulih sepenuhnya. Malangnya pada bulan September 2013 lif tersebut dilaporkan kembali rosak dan berlaku kecurian peralatan lif di *motor room* lif Blok C. Kerja-kerja baik pulih masih dalam proses perolehan untuk dilaksanakan.

- c) Syarikat Muhamad Ridzuan Enterprise (MRE) telah dilantik secara kontrak sebagai pengurus harta bagi menjalankan kerja-kerja pengurusan dan penyenggaraan bangunan di PPR Kg. Baru Hicom. MRE ditugaskan untuk melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan di dalam kawasan PPR Kg. Baru Hicom termasuk kawasan harta bersama. Walau bagaimanapun disebabkan pertambahan penyewa di PPR maka wujud pertambahan jumlah kenderaan sehingga tidak dapat menampung tempat letak kereta sedia ada. Bagi membolehkan PPR ini lebih teratur dan tersusun, kerja-kerja penaiktarafan kawasan awam akan dilaksanakan pada tahun 2014 dan pemantauan secara rapi ke atas kontraktor yang dilantik akan dilaksanakan bagi memastikan penyenggaraan bangunan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : TABUNG PENDIDIKAN ANAK-ANAK PEKERJA LADANG

76. Tabung ini merupakan skim merakyatkan ekonomi yang masih dijalankan bagi tahun 2013.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah tabung ini akan berterusan kekal sehingga menjelang PRU14 nanti?
- b) Adakah dana peruntukkan RM2 juta dimanfaatkan sepenuhnya dan nyatakan peruntukan baru bagi memastikan kelangsungan tabung ini pada masa akan datang?
- c) Berapakah jumlah penerima manfaat yang sudah menamatkan pengajian serta kawasan DUN mereka dan adakah mereka ditawarkan pekerjaan? Memandangkan inisiatif ini sudah bermula sejak dari tahun 2008.

JAWAPAN:

- a) Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang diasaskan dari tahun 2007. Tabung ini mula berfungsi sepenuhnya pada tahun 2008 dan ianya masih kekal sehingga kini. Maka Tabung ini akan berterusan selagi ianya memberi manfaat kepada rakyat terutamanya anak-anak pekerja ladang.
- b) Peruntukan Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang ini digunakan sepenuhnya dalam membantu anak-anak pekerja ladang dari aspek pendidikan seperti berikut:-
 - i) Bantuan yuran pengajian bagi pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam atau Swasta;
 - ii) Bantuan Subsidi Tambang Bas Sekolah bagi yang berkelayakan;
 - iii) Bantuan infrastruktur sekolah di ladang; dan
 - iv) Program-program pembangunan pendidikan anak-anak pekerja ladang.
- c) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang akan mengadakan program perjumpaan dengan penerima-penerima yang mendapat manfaat daripada tabung ini untuk tujuan maklum balas terutamanya kesan daripada bantuan tabung ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN HAJI ABDUL TALIB
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PEMBANGUNAN PERUMAHAN BUKIT BOTAK

77. Penempatan semula setinggan Bukit Botak, Selayang telah berjaya diselesaikan melalui pembangunan semula perumahan Bukit Botak bagi kelompok yang pertama, walau bagaimanapun masih ada fasa pembangunan rumah kos rendah yang terbengkalai:-

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa ramai setinggan Bukit Botak yang di tawarkan rumah kos rendah yang terbengkalai?
- b) Apakah perancangan kerajaan negeri bagi menyelesaikan pembangunan perumahan kos rendah setinggan Bukit Botak yang terbengkalai ini?

JAWAPAN:

- a) Sehingga 31 Oktober 2013 sebanyak 1,178 nama peserta telah diterima daripada Pejabat Tanah Gombak untuk ditawarkan rumah di Bukit Botak. Semua peserta telah dihubungi dan 1,156 peserta telah ditawarkan 1 unit rumah. Baki 22 peserta lagi akan menerima tawaran dalam masa yang terdekat.
- b) Kerajaan Negeri melalui PKNS telah siap membina 1,422 unit rumah bagi pembangunan semula penempatan untuk peserta Bukit Botak yang mana asalnya projek ini terbengkalai oleh pemaju terdahulu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan jumlah hutang terkumpul UNISEL dari 2008 ke 2013.
- b) Apakah sebabnya peningkatan hutang terkumpul?
- c) Adakah Kerajaan Negeri akan menggunakan wang rakyat untuk menanggung hutang UNISEL?

JAWAPAN:

a)

HUTANG TERKUMPUL	TAHUN					
	2013 (Jangkaan)	2012	2011	2010	2009	2008
a) Jumlah terhutang kepada Kerajaan Negeri	41,857,001	44,060,001	*46,541,500	*81,867,500	81,867,500	86,867,500
b) Hutang jangka Panjang (BAID's)	219,149,405	230,683,584	250,443,445	253,135,429	254,925,522	227,438,131
JUMLAH	261,006,406	274,743,585	296,984,945	345,002,929	336,793,022	314,305,631

- i) *Perbezaan ketara pada tahun 2010 dan 2011 adalah disebabkan pada 4 November 2011, Syarikat telah memeterai perjanjian tambahan dengan Kerajaan Negeri Selangor untuk menstruktur semula amaun yang perlu dibayar kepada Kerajaan Negeri Selangor.
- ii) Pada 17 Januari 2003, Syarikat telah memeterai perjanjian dengan Jana Niaga Sdn Bhd ("Jana Niaga") di mana Syarikat bersetuju untuk melibatkan Jana Niaga dalam mereka bentuk, membina, melengkapkan, menyenggara dan menguruskan kemudahan penginapan bagi pelajar-pelajar dan kakitangan di Batang Berjuntai kampus utama untuk tempoh konsesi selama 20 tahun, bermula 31 Mac 2004 sehingga tahun 2024.

- b)
 - i) Jumlah terhutang kepada Kerajaan Negeri - Sebab penurunan hutang terkumpul bagi data di atas adalah berkaitan dengan bayaran yang diklasifikasikan sebagai tanggungan semasa.
 - ii) Hutang jangka Panjang (BAID's) - Perbezaan dari tahun ke tahun tersebut adalah bayaran yang diklasifikasikan sebagai perbelanjaan faedah tertunda ('deferred interest expense').
- c) UNISEL sehingga kini masih berupaya untuk menanggung kos operasi pentadbirannya sendiri hasil dari pungutan yuran para pelajar. Walaupun begitu, UNISEL masih memerlukan Kerajaan Negeri untuk membantu dalam pembiayaan pembangunan Universiti dan menaik taraf infrastruktur yang sedia ada seperti:-
 - i) Pembinaan medan selera di UNISEL Kampus Bestari Jaya – RM4,900,000
 - ii) Membaik pulih sistem kumbahan asrama dan fasiliti universiti – RM20,000,000

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PUSAT GEMS

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah objektif pembukaan Pusat GEMs serta strategi yang digunakan?

JAWAPAN:

a) Penubuhan Pusat Seheni Generasi Idaman Selangor merupakan satu inisiatif bagi menangani gejala sosial secara holistik yang melibatkan semua jabatan/agensi kerajaan, pimpinan masyarakat serta penduduk setempat. Objektif Pusat GeMS seperti berikut :

- i) Merupakan satu pendekatan kolaborasi yang bersinergi yang menggabungkan semua jabatan/agensi kerajaan, pimpinan masyarakat setempat , badan bukan kerajaan (NGO) dalam usaha menangani gejala sosial di kawasan tersebut.
- ii) Menyelaras aktiviti-aktiviti atau Program Generasi Idaman Selangor di kawasan tersebut secara berkala dan sistematik.
- iii) Membantu penduduk setempat secara langsung bagi mereka yang memerlukan bantuan.

Dalam usaha menangani gejala sosial secara holistik di kawasan yang mempunyai Pusat Seheni Generasi Idaman Selangor Kerajaan Negeri Selangor di bawah Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan telah menggunakan pendekatan 5 P sebagai strategi untuk memastikan kejayaan menangani gejala sosial di kawasan tersebut . Melalui lima (5) pendekatan ini pelaksanaan Pendidikan, Pencegahan, Pencelahan, Pemulihan dan Penguatkuasaan. Pelaksanaan pelan tindakan ini merangkumi penyelesaian masalah secara holistik iaitu pendidikan, kewangan, pentadbiran, sosial dan agama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : BEKALAN AIR DI SELANGOR

80. Kerajaan negeri ada menjelaskan bahawa jumlah pengeluaran air adalah sebanyak 4,832 juta liter sehari (JLH) berbanding keperluan harian di antara 3,000 hingga 3,500 JLH bagi negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah bilangan loji air dan kapasitinya mencukupi untuk menampung keperluan penduduk Selangor kini dan jangka masa panjang?
- b) Berapakah rizab air yang munasabah untuk memastikan bekalan air stabil walaupun pada waktu puncak atau ketika krisis?
- c) Apakah langkah drastik yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri sekiranya berlaku masalah bekalan air kritikal di luar jangka?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan Kajian Semula Sumber Air Negara (2000-2050), dengan keluasan Negeri Selangor sebanyak 8,396 km dan taburan hujan tahunan sebanyak 2,190mm, jumlah air larian permukaan adalah sebanyak 6.38 billion meter padu setahun bersamaan dengan 17,000 juta liter sehari (JLH) setelah mengambil kira jumlah penyejatan dan susupan semula air bumi.

Di Negeri Selangor, terdapat tujuh (7) empangan utama yang membekalkan air untuk tujuan bekalan air. Sehingga hari ini, kesemua empangan di Negeri Selangor mempunyai kapasiti air untuk dirawat dan masih berada di tahap yang tidak membimbangkan.

Terdapat 34 Loji Rawatan Air di Negeri Selangor yang beroperasi untuk merawat air terawat bagi dibekalkan kepada SYABAS. Kapasiti reka bentuk 34 loji adalah sebanyak 4,606 JLH. Keupayaan pengeluaran kesemua loji ini adalah sebanyak 4,832 JLH manakala purata pengeluaran semasa adalah sebanyak 4,460 JLH. Jumlah air terawat yang boleh diagihkan oleh SYABAS kepada pengguna adalah berubah-ubah seperti berikut:-

4686 JLH	01 Julai 2013
4661 JLH	01 Mei 2013
4566 JLH	05 Mac 2013
4661JLH	01 April 2013
4546 JLH	22 Januari 2013
4436 JLH	01 September 2012

4411 JLH
4371JLH

19 Julai 2012
12 Mac 2012

Trend peningkatan pengeluaran berbanding pengebilan adalah seperti berikut:-

**'TREND' PENINGKATAN PENGELUARAN DAN PENGEBILAN UNTUK
TAHUN 2010, 2011, 2012 & 2013 (SEHINGGA SEPTEMBER)**

Bulan	2010 (JLH)		2011 (JLH)		2012 (JLH)		2013 (JLH)	
	Pengeluaran*	Pengebilan	Pengeluaran*	Pengebilan	Pengeluaran*	Pengebilan	Pengeluaran*	Pengebilan
Januari	4014.90	2662.95	4074.15	2746.46	4200.96	2822.42	4506.75	2925.85
Februari	4045.96	2726.39	4052.93	2748.55	4214.13	2826.73	4484.27	2937.18
Mac	4034.27	2728.04	4095.16	2799.87	4270.37	2854.51	4588.52	2975.36
April	4047.06	2756.14	4098.74	2809.27	4251.26	2880.15	4612.68	3013.60
Mei	4054.59	2756.66	4147.23	2818.87	4317.14	2897.60	4646.16	3015.88
Jun	4079.56	2751.96	4188.19	2831.34	4329.54	2943.65	4651.17	3063.21
Julai	4071.69	2759.91	4195.07	2835.39	4345.15	2952.12	4644.60	3084.06
Ogos	4108.17	2771.43	4178.21	2845.76	4368.46	2917.24	4551.87	2991.07
September	4029.20	2733.09	4167.56	2740.87	4363.71	2862.59	4621.60	2988.85
Oktober	4130.99	2747.30	4206.90	2865.01	4388.41	2942.23		
November	4081.77	2794.57	4187.64	2817.99	4408.16	2921.87		
Disember	4061.00	2741.95	4182.59	2797.19	4166.05	2909.85		

Sekiranya dibandingkan kapasiti boleh agih sebanyak 4686 JLH dengan jumlah purata air yang dibilkan kepada pengguna setakat September 2013 sebanyak 3,000JLH, dianggarkan sebanyak 1686JLH atau 35% air terawat hilang sebagai air tidak berhasil (NRW). Justeru itu, sekiranya masalah NRW tidak diatasi, maka sebanyak mana jua air terawat dari mana-mana sumber yang dimasukkan ke dalam sistem agihan, sebanyak 35% akan hilang sebagai NRW sedangkan kos setiap meter padu air tersebut telah pun dikira dan ditanggung oleh pengguna dalam bentuk tarif.

Kegagalan menurunkan NRW kepada 19.98% seperti dijanjikan dalam perjanjian konsesi sebenarnya bukan berpunca dari kekurangan peruntukan tetapi berpunca dari kelemahan SYABAS merancang dan melaksanakan program penurunan NRW secara berkesan. Kegagalan SYABAS menyebabkan negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya terlepas peluang untuk mendapatkan penjimatan kira-kira 663 JLH yang sepatutnya dihasilkan dari penurunan NRW seperti dijanjikan SYABAS.

Namun demikian, sebagai sebuah negeri yang pesat membangun, adalah dijangkakan akan berlaku pertambahan penduduk dan pembangunan ekonomi untuk tempoh 20 tahun akan datang. Pertambahan penduduk serta pertumbuhan ekonomi yang rancak secara langsung akan mendorong kepada permintaan air bersih yang lebih tinggi manakala pembekalan air tidak berubah. Adalah dijangkakan dalam keadaan yang sedemikian, Kerajaan Negeri Selangor akan menghadapi masalah kekurangan bekalan air. Justeru itu, perancangan holistik untuk pembangunan sumber bekalan air hendaklah terus diberikan keutamaan bagi memastikan kelestarian dan kecukupan bekalan air untuk menampung permintaan masa hadapan.

- b) Masalah kekurangan bekalan air boleh mendatangkan kesan dan risiko yang besar dari segi sosial, ekonomi dan politik serta imej kerajaan. Pada ketika ini, 34 loji rawatan air yang ada di Selangor berkeupayaan untuk mengeluarkan sebanyak 4,832 JLH bagi menampung permintaan pengguna. Walaupun 34 loji berupaya mengeluarkan air bersih sejumlah 4,832 JLH, namun jumlah air terawat yang boleh diagihkan oleh SYABAS kepada pengguna adalah berubah-ubah seperti berikut:-

4686 JLH	01 Julai 2013
4661 JLH	01 Mei 2013
4566 JLH	05 Mac 2013
4661JLH	01 April 2013
4546 JLH	22 Januari 2013
4436 JLH	01 September 2012
4411 JLH	19 Julai 2012
4371JLH	12 Mac 2012

Perubahan kepada keupayaan boleh-agih jelas menunjukkan keupayaan boleh-agih adalah bergantung kepada permintaan semasa. Berdasarkan kepada jumlah boleh agih tersebut, SYABAS mendakwa rizab bekalan air berada pada tahap yang amat tipis iaitu berada di bawah 1%. Keadaan rizab bekalan air yang tipis mengundang banyak risiko gangguan bekalan air kepada pengguna antaranya seperti berikut:-

- i) Peningkatan permintaan oleh pengguna terutamanya semasa musim kering;
- ii) Pengurangan pengeluaran air dari loji rawatan air disebabkan pencemaran sungai, gangguan bekalan elektrik, kerosakan kepada komponen loji;
- iii) Kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan di loji atau salur utama; dan
- iv) Faktor-faktor luar jangka yang lain.

Di dalam beberapa perbincangan dengan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), adalah dicadangkan bahawa rizab bekalan air yang terbaik perlu disediakan adalah pada tahap 10% - 20% bagi mengurangkan gangguan bekalan air kepada pengguna.

Berdasarkan kepada rizab bekalan air yang tipis, Kerajaan Negeri Selangor berpandangan bahawa selain dari menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk menyediakan kapasiti bekalan air yang mencukupi, adalah juga menjadi tanggung jawab Kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan bahawa SYABAS selaku operator tunggal yang dipertanggungjawabkan dalam membekal dan mengagihkan air bersih kepada pengguna merupakan operator yang benar-benar berkemampuan dan kompeten dalam memenuhi tanggungjawab sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perjanjian Konsesi.

Kegagalan SYABAS dalam menurunkan NRW kepada 19.98% seperti dijanjikan dalam perjanjian konsesi menunjukkan bahawa SYABAS merupakan operator yang tidak kompeten dan tidak berkemampuan dalam melaksanakan obligasi sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Perjanjian Konsesi. Kegagalan SYABAS menyebabkan negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya terlepas peluang untuk mendapatkan penjimatan kira-kira 663 JLH yang sepatutnya dihasilkan dari penurunan NRW seperti dijanjikan SYABAS. Kapasiti 663JLH itu adalah lebih kurang jumlah air yang dikeluarkan oleh Loji Sungai Semenyih yang dianggarkan boleh menampung keperluan 353,000 akaun atau dari bilangan orang, boleh menampung penggunaan untuk seramai 1.2 juta orang.

Tidak dinafikan bahawa penyediaan rizab bekalan air yang munasabah adalah penting bagi mengelakkan gangguan bekalan air. Namun demikian, dari segi operasi pembekalan dan pengagihan air kepada pengguna, keupayaan paip mengagihkan air yang ada adalah juga merupakan faktor utama bagi mengurangkan gangguan. Di dalam beberapa perbincangan dengan pihak SPAN, telah diperakukan bahawa terdapat kekangan dalam sistem paip agihan sehingga menyebabkan air yang tersedia dikeluarkan oleh loji rawatan air tidak dapat di bekal dan diagihkan sepenuhnya kepada pengguna.

Selain dari kekangan sistem paip agihan, didapati bahawa di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya belum mempunyai sistem *maximum connectivity* yang boleh menghubungkan bekalan dari semua loji utama sedia ada. Sebagai contohnya, kebanyakan loji rawatan air terletak di utara Negeri Selangor dan mendapat sumber air mentah dari Sungai Selangor, sekiranya berlaku pencemaran sumber air mentah hingga menyebabkan loji tidak boleh membuat pengeluaran air bersih, jika terdapat *maximum connectivity* maka air dari loji yang berada di bahagian selatan seperti Loji Sungai Semenyih dan Loji Sungai Langat boleh membantu mengurangkan gangguan kepada pengguna.

Kerajaan Negeri Selangor telah meneliti dan memantau kemampuan operator air sedia ada dan mendapati banyak kelemahan yang perlu diperbaiki. Justeru itu, bagi mengatasi segala masalah dan kekangan operasi termasuk masalah ketidakcukupan air adalah dengan memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor di bawah Model Holistik.

- c) Kerajaan Negeri Selangor sedia maklum akan masalah kekurangan bekalan air boleh mendatangkan kesan dan risiko yang besar dari segi sosial, ekonomi dan politik serta imej kerajaan. Di dalam Perjanjian Konsesi SYABAS, Klausa 7.4(b) memperuntukkan seperti berikut:-

“Sekiranya SYABAS menjangkakan atau meramalkan kekurangan dalam bekalan air mentah, SYABAS hendaklah memaklumkan kepada Kerajaan Negeri Selangor secara bertulis tentang kekurangan itu, dan juga cadangan SYABAS mengenai bagaimana kekurangan itu dapat di atasi. Notis dan cadangan itu hendaklah dihantar kepada Kerajaan Negeri Selangor sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sebelum tarikh yang dijangkakan atau diramalkan berlakunya kekurangan air mentah. Kerajaan Negeri Selangor tidak diwajibkan untuk melaksanakan cadangan SYABAS tersebut atau mana-mana bahagian darinya dan berhak atas budi bicara dan pertimbangan sendiri untuk menentukan cara-cara mengatasi kekurangan itu”.

Semenjak tahun 2005, SYABAS dan Puncak Niaga (M) Sdn Bhd telah membuat kajian dan mengemukakan kepada Kerajaan Negeri Selangor program-program yang perlu dilaksanakan untuk menghadapi masalah kekurangan air yang dijangkakan akan berlaku sebelum Projek Penyaluran Air dari Pahang ke Selangor beroperasi. Namun demikian, keputusan pembangunan sumber air yang mencukupi adalah tanggung jawab Kerajaan Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri Selangor tidak pernah menafikan keperluan untuk menyediakan air yang mencukupi adalah penting dalam mengurangkan gangguan kepada pengguna. Namun demikian, dalam keadaan yang mana bekalan air adalah terhad, adalah merupakan perkara penting untuk memastikan bahawa operator yang dipertanggungjawabkan untuk agihan dan pembekalan air kepada pengguna merupakan operator yang benar-benar kompeten, cekap, berkemahiran dan berkemampuan dalam melaksanakan tanggung jawab tersebut.

Bagi mengatasi masalah bekalan air luar jangka, perkara penting yang perlu diberi perhatian adalah tahap kemahiran dan kecekapan operator. Pada ketika ini, Kerajaan Negeri Selangor berpandangan bahawa SYABAS selaku operator tunggal agihan dan pembekalan air bagi Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah tidak mencapai tahap kecekapan dan kemampuan yang sepatutnya. Ini jelas apabila SYABAS dengan sewenang-wenangnya mencanangkan masalah krisis bekalan air hingga menimbulkan kepanikan di kalangan pengguna semasa mengumumkan cadangan catuan bekalan air.

Justeru itu, Kerajaan Negeri Selangor berpandangan, penyelesaian ke atas SYABAS ini hanya boleh dicapai dengan memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di bawah Model Holistik yang sememangnya telah terbukti sebagai penyelesaian ke atas semua masalah pengurusan bekalan air secara komprehensif dan dapat menjamin pengurusan air yang mengutamakan tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan serta memperkukuhkan integriti, daya saing dan kemapanannya di samping tidak

membebankan rakyat keseluruhannya sebagaimana yang telah dicapai di kejayaan pelaksanaan Model Holistik di Penang, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

Bagi mengatasi kekangan paip agihan ini, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pelaksanaan Projek Mitigasi 2 oleh Kerajaan Negeri Selangor yang mana projek-projek tersebut adalah:-

- i) Pengagihan Semula Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1;
- ii) Pengagihan Semula Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3- Bukit Badong; dan
- iii) Pemindahan Pukal Rasa

Projek Mitigasi 2 ini dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 2015.

Selain dari kekangan sistem paip agihan, didapati bahawa di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya belum mempunyai sistem *maximum connectivity* yang boleh menghubungkan bekalan dari semua loji utama sedia ada. Sebagai contohnya, kebanyakan loji rawatan air terletak di utara Negeri Selangor dan mendapat sumber air mentah dari Sungai Selangor, sekiranya berlaku pencemaran sumber air mentah hingga menyebabkan loji tidak boleh membuat pengeluaran air bersih, jika terdapat *maximum connectivity* maka air dari loji yang berada di bahagian selatan seperti Loji Sungai Semenyih dan Loji Sungai Langat boleh membantu mengurangkan gangguan kepada pengguna.

Namun demikian, keadaan bekalan air luar jangka adalah sesuatu yang berlaku di luar kawalan dan keadaan ini tidaklah berlaku dengan kerap. Dalam hal di mana ianya berlaku juga, maka pengagihan air berjadual perlulah digerakkan dengan kerjasama erat dari semua pihak yang terlibat. Menghadapi krisis perlulah dibuat dengan kebijaksanaan dan bukannya menimbulkan kepanikan di kalangan pengguna.

DITOLAK DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN TETAP 23 (g) (ii)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(PAYA JARAS)**

**TAJUK : KEBAJIKAN GOLONGAN ANAK-ANAK OKU TERLANTAR YANG
MENGHIDAP CEREBRAL PALSY ATAU KELUMPUHAN OTAK**

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Berapakah jumlah anak-anak OKU terlantar dan pecahan mengikut DUN dan apakah mekanisme yang akan digunakan untuk mendapatkan jumlah terperinci berkenaan anak-anak OKU terlantar ini?
 - b) Apakah kerajaan negeri bercadang melaksanakan program MES khusus untuk OKU dan serta untuk membina sebuah pusat pemulihan khusus yang lengkap dengan tenaga mahir untuk anak-anak kelainan upaya (OKU) terlantar mendapatkan rawatan pemulihan dengan kos yang berpatutan.
 - c) Mengapakah kerajaan negeri dilihat tidak mengambil berat tentang isu Orang Kelainan Upaya (OKU) sedangkan mereka merupakan pengundi dalam pilihan raya umum?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

**TAJUK : CADANGAN LALUAN PENCAWANG ELEKTRIK TNB DAN LEBUH
RAYA SUKE**

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri telah melantik pakar untuk mengkaji dan melengkapkan laporan berkenaan cadangan laluan bagi pencawang elektrik TNB dan lebuhraya SUKE yang melalui kawasan sekitar Zon 24 MPAJ dengan populasi penduduk lebih 25,000 yang dicadangkan oleh penduduk dan 1 lagi dicadangkan oleh pihak TNB?
- b) Bilakah Kerajaan Negeri akan menyiapkan laporan bagi 1(a) dan kemukakan kepada orang awam?

JAWAPAN:

- a) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 9 Disember 2011 telah memuktamadkan penggunaan jajaran yang melalui cerun bukit (rizab hutan) berdasarkan kepada laporan kajian terperinci yang telah dilakukan oleh pihak Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM). IKRAM adalah sebuah badan yang mempunyai kepakaran dalam membuat kajian berkaitan kejuruteraan geoteknik, struktur dan bahan, pengangkutan, pengurusan aset dan pembinaan serta kestabilan cerun. Pihak IKRAM telah dilantik sebagai perunding bebas bagi membuat kajian geoteknik penilaian cerun di Bukit Sg. Puteh Tambahan bermula pada bulan Februari 2010 sehingga Mei 2010.

Kesimpulan daripada kajian tersebut, pihak IKRAM telah mendapati bahawa *factors of safety (FOS)* cerun sedia ada adalah terletak di antara 1.2 hingga 1.4 menepati piawaian terbaik antarabangsa iaitu Geotechnical Engineering Office (GEO) di Hong Kong. Selain daripada itu, pihak IKRAM juga memaklumkan bahawa kestabilan cerun akan meningkat kepada FOS 1.5 dengan kaedah penggunaan *hand-dug caisson* dan struktur pencawang dipasak ke "*bed-rock*". Walau bagaimanapun, pemeriksaan dan penyelenggaraan cerun yang berkala perlu dilakukan bagi memastikan kestabilan cerun kekal untuk jangka masa panjang.

- b) Kerajaan Negeri juga sentiasa mengadakan sesi perjumpaan bersama penduduk setempat melalui agensi kerajaan negeri yang terlibat dalam proses memuktamadkan jajaran elektrik untuk memastikan bekalan elektrik dapat memenuhi permintaan selaras dengan pembangunan semasa dan pertambahan penduduk yang semakin meningkat di Lembah Klang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : TABUNG BENCANA KERAJAAN NEGERI

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status terkini tabung bencana kerajaan negeri yang dilancarkan oleh Y.A.B. Menteri besar yang lalu?
- b) Apakah bentuk bencana yang boleh disalurkan?
- c) Mengapa banjir kilat tidak boleh dikategorikan sebagai bencana sedangkan kesan dan akibat adalah sama seperti banjir kekal?

JAWAPAN:

- a) Tabung yang dilancarkan oleh Y.A.B Menteri yang lalu dinamakan sebagai Tabung Amanah Bencana Alam (TABA) dan telah diwujudkan di bawah Enakmen Tabung Amanah Bencana Alam 2011 pada 12 Julai 2011 (Enakmen No. 9 Tahun 2011). Ketetapan untuk penubuhannya telah dibuat di Dewan Negeri Selangor pada 4 Mei 2011 di bawah Seksyen 10(4)(b), Akta Tatacara Kewangan 1957.

Peruntukan kewangan bagi penubuhan Tabung tersebut adalah melalui suntikan modal oleh Kerajaan Negeri yang berjumlah RM50 juta. Peruntukan akan disalurkan secara berperingkat dalam tempoh lima (5) tahun bermula pada tahun 2011.

Sehingga kini, peruntukan terkumpul yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM30 juta di mana baki sebanyak RM20 juta lagi akan disalurkan secara berperingkat sehingga menjelang tahun 2015.

Peruntukan ini telah dilaburkan dalam instrumen-instrumen pelaburan bagi meningkatkan pendapatan bagi tujuan penggunaan bencana alam di masa hadapan. Sehingga 30 September 2013, jumlah dana terkumpul bagi tabung ini (belum beraudit) adalah sebanyak RM30.21 juta.

- b) Terdapat dua (2) jenis Tabung Amanah di bawah pengelolaan Kerajaan Negeri Selangor seperti berikut :-
 - i) Tabung Amanah Bencana Alam (TABA) ditubuhkan di bawah Enakmen Tabung Amanah Bencana Alam 2011 (Enakmen No. 9 Tahun 2011) – Seksyen 10(4)(b), Akta Tatacara Kewangan 1957.

- **Bentuk bencana yang disalurkan:-**

Dana TABA tersebut boleh digunakan membantu Kerajaan Negeri menampung perbelanjaan berkaitan bencana dengan penggunaan keuntungan dan lebihan yang dijana daripada dana permulaan yang disuntik ke dana TABA.

- ii) Tabung Bencana Khas Negeri Selangor di tubuhkan di bawah Seksyen 10 (4) (b) melalui resolusi Dewan Undangan Negeri. Pada tahun 2012 tabung ini dipinda di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957. Tabung Bencana ini dikhususkan untuk memberi bantuan kepada rakyat negeri Selangor seperti di dalam Kertas MMKN No. 1/23/2004 bertarikh 15 Julai 2004 – Para 2.1 “Kerajaan Negeri Selangor prihatin terhadap kesusahan yang sering dialami oleh **rakyat negeri ini** yang ditimpa bencana”.

- **Bentuk bencana yang disalurkan:-**

- (a) Membantu kerja-kerja menyelamatkan dan kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
- (b) Membiayai bantuan kewangan bagi meringankan beban mangsa-mangsa bencana, waris-waris mangsa dan mereka-mereka yang secara langsung atau tidak langsung yang terlibat dengan bencana berkenaan.
- (c) Membiayai penyediaan makanan dan minuman kepada mangsa-mangsa bencana **KECUALI** mangsa-mangsa yang dipindahkan ke pusat pemindahan.
- (d) Membiayai penyediaan makanan dan minuman petugas yang terlibat sepanjang bencana tersebut.
- (e) Membuat rekupmen setiap Tabung Bencana Daerah tertakluk kepada had siling/ amaun pusingan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pentadbir DAN
- (f) Lain-lain perbelanjaan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Daerah JPBBB setelah berunding dengan Y.B Pegawai Kewangan Negeri.
- (g) Kadar Bantuan yang dibenarkan :

Bil	Perkara	Kadar maksimum (RM)
1.	Mangsa banjir, tanah runtuh dan ribut	500.00
2.	Mangsa Kebakaran : (a) Musnah keseluruhan (b) Musnah sebahagian	500.00 250.00

Bil	Perkara	Kadar maksimum (RM)
3.	Waris kepada mangsa bencana yang meninggal dunia.	1,000.00

c) Banjir kilat tidak boleh dikategorikan sebagai bencana kerana:-

- i) Bencana banjir berlaku disebabkan bumi atau kawasan tadahan yang terlibat (dengan syarat kawasan tersebut dalam keadaan semula jadi dari segi profil dan bentuk muka buminya) tidak mampu menampung lebat hujan (*storm water*) yang turun, yang mana putaran air tidak dapat berfungsi.

Manakala banjir kilat disebabkan oleh limpahan lebihan hujan yang turun di kawasan yang telah diganggu dan kawasan tersebut tiada langsung peluang untuk putaran air berfungsi, dengan lain perkataan ianya berpunca daripada manusia sendiri.

Banjir kilat berlaku dalam tempoh-tempoh tertentu yang melibatkan kerugian kecil dan boleh diatasi manakala bencana alam (banjir) adalah bagi kejadian hujan lebat yang berlarutan dan menyebabkan perpindahan serta kehilangan nyawa sehingga boleh menyebabkan hampir lumpuh semua sistem.

- ii) Arahan MKN No. 20, yang menyatakan bahawa bencana alam diklasifikasikan untuk kejadian banjir, kemarau, tanah runtuh dan ribut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PENYAKIT KENCING TIKUS (LEPTOSPIROSIS)

84. Masalah kekotoran merupakan salah satu punca berlakunya penyakit kencing tikus (leptospirosis)

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan mengikut daerah laporan berlakunya kes penyakit kencing tikus?
- b) Berapakah bilangan premis perniagaan yang disita sejak tahun 2008 sehingga kini dan senaraikan mengikut PBT?
- c) Apakah tindakan yang dikenakan kepada premis perniagaan sekiranya berlaku saman berulang atas kesalahan yang sama?

JAWAPAN:

a) **Status Leptospirosis bagi tahun 2013**

Jumlah kes penyakit Leptospirosis yang dilaporkan pada tahun ini sehingga Oktober 2013 ialah 134 kes dengan 7 kematian. Bilangan kes mengikut daerah adalah seperti jadual 1.

Jadual 1. Taburan kes sah Leptospirosis Selangor mengikut daerah

PEJABAT KESIHATAN	2012	2013 (sehingga Oktober 2013)
	Kes disahkan makmal	Kes disahkan makmal
GOMBAK	15	8
HULU LANGAT	15	36
HULU SELANGOR	33	24
KLANG	21	7
KUALA LANGAT	15	0
KUALA SELANGOR	4	1
PETALING	24	32

PEJABAT KESIHATAN	2012	2013 (sehingga Oktober 2013)
	Kes disahkan makmal	Kes disahkan makmal
SABAK BERNAM	27	14
SEPANG	0	12
JUMLAH	154 (8)	134(7)

() *kematian telah disahkan disebabkan Leptospirosis*

Analisa ke atas faktor risiko bagi kes disahkan melalui ujian makmal mendapati 28% daripada kes ada sejarah melawat kawasan rekreasi, **34% tiada lawatan /tiada pendedahan ke tempat berisiko dan hanya terdedah kepada infestasi tikus di rumah.**

- b) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kebanyakan tindakan sitaan dijalankan oleh pihak Pejabat Kesihatan Daerah. Walau bagaimanapun, terdapat PBT yang menjalankan tindakan sitaan masing-masing seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN PREMIS DISITA					
	2008	2009	2010	2011	2012	2013
MBSA	0	5	28	11	3	13
MBPJ	11	-	14	-	24	29
MPSJ	41	43	86	32	9	5
MPKJ	17	19	31	24	31	23

- c) Bagi premis makanan yang tidak mencapai piawaian akan dikenakan kompaun dan notis bertulis. Pemarkahan premis dibuat sekiranya kurang daripada 50%, premis akan diarahkan tutup selama 14 hari bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan dan penambahbaikan premis tersebut.

Setiap pengusaha makanan yang dikenakan arahan penutupan premis disarankan menghadiri semula kursus pengendalian makanan dan menduduki ujian ringkas selepas menghadiri kursus bagi menjamin semua pengendali makanan memahami dan melaksanakan kebersihan di premis makanan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PELUPUSAN SAMPAH PEPEJAL

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah ada kajian perbandingan kos dan kesan kepada alam sekitar di antara sistem kitar semula, pelupusan dan Insinerator?
- b) Apakah sistem Insinerator di Selangor akan menjadi pilihan?
- c) Apakah program pendidikan kesedaran dan penguatkuasaan sistem kitar semula kepada rakyat?

JAWAPAN:

- a) Pihak Kerajaan Negeri telah pun menjalankan beberapa kajian perbandingan mengenai ketiga-tiga sistem tersebut dan sistem pengurusan sistem pepejal yang lain. Sistem pelupusan sisa pepejal secara sanitari masih merupakan kaedah terendah dari segi kos pembinaan dan operasi.

Sistem kitar semula tidak merawat sisa pepejal secara keseluruhan kerana ianya hanyalah sistem sokongan. Hanya 10-20% daripada jumlah sisa pepejal yang diterima yang dapat di kitar semula, manakala selebihnya perlu dilupuskan ke tapak pelupusan. Tiada pencemaran yang serius berlaku di dalam proses pengitaran semula.

Sistem pelupusan secara tapak pelupusan sanitari memerlukan ruang tanah yang luas. Jika tidak diuruskan dengan baik, terdapat masalah pencemaran seperti bau, tanah, air, risiko berlaku kebakaran, runtuhannya dan sebagainya.

Sistem *insinerator* pula dapat merawat sisa pepejal sebanyak 90%. Pembakaran sisa pepejal di dalam kaedah *insinerator* ini dilengkapi dengan beberapa peralatan khas untuk merawat gas-gas beracun hasil daripada pembakaran tersebut.

- b) Kerajaan Negeri masih menjalankan kajian terperinci tentang kesesuaian teknologi insinerator atau seumpamanya. Beberapa perkara perlu dipertimbangkan dan diperhalusi seperti jenis teknologi untuk yang akan diguna pakai, modul kewangan, kesan jangka panjang kepada sistem tersebut, impak sosial, impak alam sekitar dan sebagainya. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Selangor sangat menitik beratkan akan kepentingan orang awam sebelum keputusan muktamad mengenai penggunaan teknologi yang lebih baik daripada sistem tapak pelupusan sanitari yang telah meninggalkan pelbagai masalah.

- c) Kerajaan Negeri sentiasa memandang serius bagi memastikan pembuangan sampah berkurangan dan dapat mewujudkan alam sekitar yang bersih dan hijau. Dengan itu Kerajaan Negeri telah melakukan pelbagai program antaranya ialah “Kempen Kitar Semula” bagi memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan menjaga alam semula sekitar. Program ‘3R’ (*reuse, reduce, recycle*) juga diperkenalkan kepada semua pihak di semua peringkat punca bagi mengurangkan pembuangan sisa pepejal dan program “Hari Tanpa Beg Plastik” yang dilaksanakan pada setiap hari Jumaat bagi bangunan-bangunan kerajaan dan pada setiap hari Sabtu dilaksanakan di seluruh pasar raya -pasar raya di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR (LPHS)

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila kemukakan jumlah bilangan permohonan rumah kos rendah yang diterima dan jumlah bilangan permohonan yang berjaya ditawarkan rumah sejak 3 tahun yang lepas oleh LPHS mengikut pecahan kaum dan daerah?
- b) Sila kemukakan jumlah bilangan permohonan rumah mampu milik yang diterima dan jumlah permohonan yang berjaya ditawarkan rumah sejak 2 tahun yang lepas mengikut pecahan kaum dan daerah?
- c) Sila nyatakan apakah peranan proaktif LPHS selain mengendalikan permohonan rumah kos rendah dan mampu milik?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah permohonan (P) rumah kos rendah yang diterima dari tahun 2011 hingga 1 November 2013 adalah seramai 12,810 orang pemohon di mana mengikut komposisi kaum bangsa Melayu seramai adalah 9,718 orang, bangsa Cina seramai 1,846 orang, bangsa India seramai 1,106 dan lain-lain kaum adalah seramai 140 orang.

Manakala jumlah pemohon yang berjaya ditawarkan (T) rumah kos rendah dari tahun 2011 hingga 1 November 2013 adalah seramai 11,085 orang di mana mengikut komposisi kaum Melayu seramai adalah 9,013 orang, Cina seramai 1,100 orang, India seramai 862 dan lain-lain kaum adalah seramai 110 orang. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

TAHUN 2011									
Bil.	Daerah	Melayu		Cina		India		Lain-lain	
		P	T	P	T	P	T	P	T
1.	Petaling	487	1735	123	298	63	153	4	21
2.	Klang	248	1115	65	200	33	117	3	14
3.	Gombak	68	371	2	24	6	33	2	4
4.	Hulu Langat	107	203	10	13	6	19	-	2
5.	Sepang	3	7	1	-	1	-	-	-
6.	Kuala Langat	-	-	-	-	-	-	-	-
7.	Kuala Selangor	179	490	13	44	22	83	2	4

TAHUN 2011									
8.	Hulu Selangor	2	-	-	-	-	-	-	-
9.	Sabak Bernam	9	-	-	-	-	-	-	-
10.	Terbuka	1003	0	377	0	108	0	20	0
Jumlah		2106	3921	591	579	239	405	31	45

TAHUN 2012									
Bil.	Daerah	Melayu		Cina		India		Lain-lain	
		P	T	P	T	P	T	P	T
1.	Petaling	456	1219	59	124	54	109	5	15
2.	Klang	883	1154	106	142	72	114	21	23
3.	Gombak	196	299	5	15	17	14	1	1
4.	Hulu Langat	358	429	72	46	29	27	5	6
5.	Sepang	7	8	1	-	3	-	-	-
6.	Kuala Langat	3	1	0	-	1	-	-	-
7.	Kuala Selangor	41	181	1	17	2	2	-	2
8.	Hulu Selangor	9	-	-	-	-	-	-	-
9.	Sabak Bernam	10	-	-	-	-	-	-	-
10.	Terbuka	1374	0	290	0	157	0	25	0
Jumlah		3337	3291	535	344	335	293	57	47

TAHUN 2013									
Bil.	Daerah	Melayu		Cina		India		Lain-lain	
		P	T	P	T	P	T	P	T
1.	Petaling	1262	806	228	91	98	79	15	9
2.	Klang	1459	651	290	36	240	52	22	7
3.	Gombak	446	145	40	10	75	18	6	1
4.	Hulu Langat	633	122	115	35	37	6	5	1
5.	Sepang	81	40	25	8	8	8	2	-
6.	Kuala Langat	6	2	-	-	6	-	-	-
7.	Kuala Selangor	64	35	4	-	7	1	-	-
8.	Hulu Selangor	208	-	8	-	42	-	1	-

TAHUN 2013									
9.	Sabak Bernam	5	-	-	-	-	-	-	-
10.	Terbuka	111	0	10	0	19	0	1	0
Jumlah		4275	1801	720	177	532	164	52	18

- b) Jumlah permohonan rumah mampu milik yang diterima dari tahun 2012 hingga 1 November 2013 adalah seramai 2,345 di mana mengikut komposisi kaum Melayu seramai adalah 2,007 orang, Cina seramai 228 orang, India seramai 99 dan lain-lain kaum adalah seramai 11 orang.

Manakala jumlah pemohon yang berjaya ditawarkan rumah mampu milik dari tahun 2012 hingga 1 November 2013 pula adalah seramai 1,447 pemohon di mana mengikut komposisi kaum Melayu seramai adalah 745 orang, Cina seramai 326 orang, India seramai 375 dan lain-lain kaum hanya 1 orang. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

TAHUN 2012									
Bil.	Daerah	Melayu		Cina		India		Lain-lain	
		P	T	P	T	P	T	P	T
1.	Petaling	56	-	8	-	7	-	2	-
2.	Klang	14	-	-	-	-	-	-	-
3.	Gombak	12	681	2	313	1	372	-	-
4.	Hulu Langat	68	10	12	1	-	-	2	1
5.	Sepang	2	-	-	-	-	-	-	-
6.	Kuala Langat	2	-	-	-	-	-	-	-
7.	Kuala Selangor	1	-	1	-	-	-	-	-
8.	Hulu Selangor	1	-	-	-	-	-	-	-
9.	Sabak Bernam	0	-	-	-	-	-	-	-
10.	Terbuka	0	-	0	-	-	-	-	-
Jumlah		156	691	23	314	8	372	4	1

TAHUN 2013									
Bil.	Daerah	Melayu		Cina		India		Lain-lain	
		P	T	P	T	P	T	P	T
1.	Petaling	1302	-	121	-	69	-	4	-
2.	Klang	51	-	4	-	3	-	-	-
3.	Gombak	43	-	16	-	5	-	-	-
4.	Hulu Langat	199	17	23	-	7	-	1	-

TAHUN 2013									
5.	Selangor	66	37	35	12	5	3	-	-
6.	Kuala Langat	3	-	1	-	-	-	-	-
7.	Kuala Selangor	4	-	-	-	-	-	-	-
8.	Hulu Selangor	167	-	5	-	2	-	2	-
9.	Sabak Bernam	15	-	-	-	-	-	-	-
10.	Terbuka	1	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah		1851	54	205	12	91	3	7	0

- c) Untuk makluman Yang Berhormat, peranan proaktif LPHS selain mengendalikan permohonan rumah kos rendah dan mampu milik, LPHS juga turut menitikberatkan kualiti kehidupan komuniti di rumah-rumah tersebut dengan mengadakan beberapa siri kempen kesedaran seperti Kempen Pangsapuri Kita Bersih, Ceria dan Harmoni serta mengadakan program SEROJA dan menyediakan program CERIA bertujuan membaik pulih harta bersama di rumah bertingkat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(IJOK)**

TAJUK : KESIHATAN

87. Terdapat ramai pesakit kronik yang terlantar di rumah-rumah mereka di kawasan desa seperti Ijok mengalami masalah mendapat khidmat / rawatan yang sempurna dan berterusan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor mempunyai rancangan untuk mengadakan khidmat kesihatan bergerak yang akan memudahkan pesakit-pesakit tersebut mendapatkan rawatan di rumah-rumah mereka?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor mempunyai 15 Pasukan Klinik Bergerak termasuk satu Klinik Bergerak 1 Malaysia Hulu Selangor yang memberi perkhidmatan di kawasan – kawasan luar bandar/ pinggir bandar yang meliputi perkampungan orang asli dan kawasan estet. Semua Daerah kecuali Daerah Sepang dan Daerah Kuala Selangor mempunyai Perkhidmatan Klinik Bergerak dan perkhidmatan yang diberikan terdiri dari perkhidmatan pesakit luar (rawatan ringan) dan Perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Anak.

Daerah Kuala Selangor, melalui Program NBOS7 melaporkan terdapat 57 warga emas terlantar di rumah (data dari Jabatan Kebajikan Masyarakat) dan 56 orang penghuni Pusat Jagaan Al-Jazeera (di bawah kelolaan NGO, 26 warga emas dan 30 bukan warga emas) diberikan perkhidmatan kesihatan secara berkala oleh Pasukan NBOS7 Daerah Kuala Selangor.

Bagi kawasan Ijok, anggaran penduduk (tahun 2012) ialah 41,198 dan seramai 6 orang warga emas dilaporkan terlantar di rumah, 2 telah meninggal dunia dan seorang telah berpindah. Melalui Program NBOS 7, setiap warga emas yang terlantar di rumah akan diberikan rawatan di rumah mengikut keperluan secara percuma. Bagi Klinik Kesihatan Ijok, seorang Penolong Pegawai Perubatan dan seorang pemandu telah ditugaskan untuk menjalankan aktiviti ini. Bagi warga emas yang tinggal di Pusat Jagaan Warga Emas, anggota kesihatan akan membuat lawatan perkhidmatan kesihatan sekurang-kurangnya sebulan sekali di pusat jagaan tersebut.

Bagi pesakit lain yang terlantar di rumah, perkhidmatan yang diberikan adalah mengikut permintaan. Ada di kalangan ahli keluarga yang datang ke klinik untuk meminta bantuan rawatan bagi ahli keluarganya yang terlantar di rumah, dan ada juga yang dirujuk oleh Hospital semasa discaj bagi menyambung perawatan di rumah oleh anggota kesihatan dari klinik kesihatan berdekatan.

Pada masa ini, tiada pasukan khas (Perawatan Di rumah – PDR) disediakan untuk membuat rawatan di rumah. Anggota yang memberi rawatan adalah juga anggota yang sama yang merawat pesakit di klinik dan perkhidmatan/perawatan kesihatan di rumah akan diberikan mengikut keperluan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(HULU BERNAM)**

**TAJUK : PROGRAM HADIAH PENGAJIAN INTITUSI PENGAJIAN TINGGI
(HPIPT)**

88. Laporan Ketua Audit Negara tahun 2012 siri 2 bagi Negeri Selangor ada mengatakan Program HPIPT kurang memuaskan kerana syarat kelayakan pemohon tidak dipatuhi sepenuhnya.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan penerima skim hadiah ini dari 2008-2013 mengikut daerah, Parlimen dan DUN
- b) Apakah syarat minimum memohon Program HPIPT dan sebab syarat kelayakan tidak dipatuhi?
- c) Adakah Program HPIPT memberikan impak yang positif kepada pelajar secara menyeluruh?

JAWAPAN:

- a) Jumlah penerima di bawah Program Hadiah Anak Masuk Universiti iaitu dari 1 Julai 2008 sehingga 31 Oktober 2013 adalah seperti berikut:

TAHUN	PERMOHONAN LAYAK
2008	3,718
2009	6,019
2010	8,162
2011	7,642
2012	7,389
2013	3,195
JUMLAH KESELURUHAN	36,125

Walau bagaimanapun, data permohonan bagi penerima mengikut daerah, parlimen dan DUN hanya dapat disediakan bagi tahun 2012 dan 2013 sahaja. Ini berikutan pada tahun 2012 Urus Setia HPIPT telah membuat penambahbaikan pada sistem tersebut dengan memasukkan maklumat

Parlimen dan DUN di dalam Sistem berkenaan. Maklumat pemohon HPIPT bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Lampiran I**.

- b) Syarat-syarat kelayakan permohonan adalah seperti di **Lampiran II**.
- c) Secara keseluruhannya Program Hadiah Anak Masuk Universiti ini memberikan Impak positif kepada pelajar kerana ianya dapat memberi galakan ataupun mendorong pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke IPT, membantu sebahagian perbelanjaan kepada pelajar bagi persediaan ke IPT dan sekali gus membantu meringankan beban ibu bapa yang mempunyai pendapatan yang rendah serta tanggungan yang ramai.

LAMPIRAN I

Bil	DUN	Nama DUN	Daerah	2012	2013
1	N01	Sungai Air Tawar	Sabak Bernam	54	11
2	N02	Sabak	Sabak Bernam	121	41
3	N03	Sungai Panjang	Sabak Bernam	237	90
4	N04	Sekinchan	Sabak Bernam	174	65
5	N05	Hulu Bernam	Hulu Selangor	14	8
6	N06	Kuala Kubu Baharu	Hulu Selangor	153	43
7	N07	Batang Kali	Hulu Selangor	150	65
8	N08	Sungai Burong	Kuala Selangor	196	64
9	N09	Permatang	Kuala Selangor	22	10
10	N10	Bukit Melawati	Kuala Selangor	114	32
11	N11	Ijok	Kuala Selangor	167	52
12	N12	Jeram	Kuala Selangor	118	180
13	N13	Kuang	Gombak	69	43
14	N14	Rawang	Gombak	285	105
15	N15	Taman Templer	Gombak	117	40
16	N16	Batu Caves	Gombak	105	24
17	N17	Gombak Setia	Gombak	32	30
18	N18	Hulu Kelang	Gombak	36	24
19	N19	Bukit Antarabangsa	Hulu Langat	68	32
20	N20	Lembah Jaya	Hulu Langat	178	94
21	N21	Chempaka	Hulu Langat	48	27
22	N22	Teratai	Hulu Langat	43	34
23	N23	Dusun Tua	Hulu Langat	95	33

Bil	DUN	Nama DUN	Daerah	2012	2013
24	N24	Semenyih	Hulu Langat	116	46
25	N25	Kajang	Hulu Langat	312	133
26	N26	Bangi	Hulu Langat	31	22
27	N27	Balakong	Hulu Langat	86	36
28	N28	Seri Kembangan	Petaling	155	36
29	N29	Seri Serdang	Petaling	46	28
30	N30	Kinrara	Petaling	118	60
31	N31	Subang Jaya	Petaling	52	21
32	N32	Seri Setia	Petaling	121	19
33	N33	Taman Medan	Petaling	32	76
34	N34	Bukit Gasing	Petaling	15	2
35	N35	Kampung Tunku	Petaling	51	26
36	N36	Damansara Utama	Petaling	28	8
37	N37	Bukit Lanjan	Petaling	21	14
38	N38	Paya Jaras	Petaling	96	54
39	N39	Kota Damansara	Petaling	44	20
40	N40	Kota Anggerik	Petaling	155	98
41	N41	Batu Tiga	Petaling	314	153
42	N42	Meru	Klang	176	102
43	N43	Sementa	Klang	506	71
44	N44	Sungai Panjang	Klang	56	28
45	N45	Selat Klang	Klang	108	88
46	N46	Pelabuhan Klang	Klang	166	47
47	N47	Pandamaran	Klang	102	55
48	N48	Kota Alam Shah	Klang	79	30

Bil	DUN	Nama DUN	Daerah	2012	2013
49	N49	Seri Andalas	Klang	299	160
50	N50	Sri Muda	Klang	242	99
51	N51	Sijangkang	Kuala Langat	179	73
52	N52	Teluk Datuk	Kuala Langat	271	104
53	N53	Morib	Kuala Langat	200	97
54	N54	Tanjung Sepat	Kuala Langat	87	22
55	N55	Dengkil	Selangor	106	47
56	N56	Sungai Pelek	Selangor	70	35
57		Kuala Lumpur		192	64
58		Lain-lain Negeri		161	74
JUMLAH				7,389	3,195

LAMPIRAN II

- (i) Permohonan adalah terbuka kepada **Warganegara Malaysia** sahaja;
- (ii) Pemohon mestilah terdiri daripada **Rakyat D.Y.M.M Sultan Selangor Darul Ehsan** yang memenuhi kriteria seperti berikut:
 - (a) **Pemohon** lahir di Negeri Selangor; atau
 - (b) **Ibu** atau **Bapa** pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
 - (c) Pemohon Tidak Lahir di Negeri Selangor tetapi telah menetap dan bersekolah di Negeri Selangor **melebihi tempoh** 11 tahun.
- (iii) Pemohon telah ditawarkan tempat untuk memasuki **Tahun Pertama** (Semester Pertama) mulai **Julai 2008**;
- (iv) Pemohon telah ditawarkan tempat untuk melanjutkan pengajian secara **sepenuh masa** (*full-time courses*) di IPTA atau IPTS yang diiktiraf oleh Kerajaan bagi pengajian di peringkat **Ijazah Sarjana Muda** atau **Diploma** sahaja;
- (v) Pemohon **telah pun mendaftarkan diri** di IPT bagi memulakan sesi pengajian; dan
- (vi) Pendapatan isi rumah Ibu Bapa/Penjaga pemohon berjumlah RM1,500 ke bawah.

(Walau bagaimanapun keputusan MMKN MMK Bil 32/2013 pada 23 Oktober 2013 memutuskan berkuat kuasa Mei 2013 dengan mengguna pakai syarat kelayakan pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000.00 ke bawah)

Pemohon yang tidak menepati syarat-syarat yang dinyatakan di atas adalah tidak layak dipertimbangkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : KUALITI DAN KEBERKESANAN KHUTBAH JUMAAT

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan kerajaan untuk mendapat maklum balas orang ramai terhadap kualiti dan keberkesanan khutbah Jumaat?
- b) Apakah ciri-ciri pengislahan ummah ke arah al-bir wat-taqwa yang mahu dicapai melalui khutbah Jumaat?
- c) Apakah perancangan program bagi melahirkan para khatib yang berkesan?

JAWAPAN:

- a)
 - i) Pihak JAIS telah melaksanakan penilaian khutbah secara berkala menggunakan borang penilaian yang diedarkan ke masjid-masjid untuk mendapatkan maklum balas daripada para jemaah.
 - ii) Sehingga kini pihak JAIS telah dapat mengumpul sebanyak **1005** borang penilaian yang diterima sejak 2010 hingga 2013.
 - iii) Data statistik proses penilaian sedang dijalankan dan hasil keputusannya akan dikeluarkan pada akhir tahun 2013.
- b) Ciri-ciri pengislahan ummah ke arah Al-Birwat-taqwa yang mahu dicapai melalui khutbah jumaat adalah;
 - i) Menerbitkan teks-teks khutbah yang menyeru kepada Amar Makruf.
 - Peranan Ketua Keluarga "Membentuk Keluarga Bahagia".
 - Muhasabah Diambang Tahun baru Hijrah.
 - Peranan Keluarga Dan Masyarakat Menangani Gejala Sosial.
 - Menghormati Jiran Tetangga.
 - Bangkit Pertahan Kesucian Islam.
 - ii) Menerbitkan teks-teks khutbah yang menyuruh kepada Nahi Mungkar.
 - Peranan Keluarga Dan Masyarakat Menangani Gejala Sosial.
 - Pencegahan Maksiat Tanggungjawab Bersama.
 - Sama-sama Bermujahadah Memerangi Dadah.
 - Gejala rasuah Memusnahkan Negara.
 - Judi Budaya Menjahanamkan Ummah.

- c) Antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan bagi melahirkan para khatib yang berkesan adalah;
- i) Mengadakan Seminar Latihan Khatib Profesional Negeri Selangor bagi setiap tahun.
 - ii) Mengadakan Seminar Pemantapan Khutbah pada setiap tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : TANAH RUNTUH BUKIT GASING

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan untuk membaik pulih dan mengatasi insiden-insiden tanah runtuh di Bukit Gasing, Petaling Jaya dan jangka masa tindakan tersebut
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk merampas tanah-tanah persendirian yang terlibat dengan tanah runtuh

JAWAPAN:

- a) Majlis telah pun melantik perunding untuk menjalankan kajian di atas tanah-tanah runtuh di Bukit Gasing. Majlis juga telah menjalankan kerja-kerja pembaikan di beberapa lokasi yang kritikal dan telah merangka program untuk pembaikan kesemua cerun yang runtuh mulai tahun 2014.
- b) Tiada kaitan

DITOLAK DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN TETAP 23 (q) (i)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH
(KAJANG)**

**TAJUK : JUALAN TANAH OLEH PERMODALAN NEGERI SELANGOR SDN BHD
(PNSB)**

91. Syarikat Dijaya Land Berhad telah pada 15 April 2013 mengumumkan pembelian tanah seluas 1,174 ekar dari PNSB di Canal City ("Jualan tersebut")

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sama ada Kerajaan Negeri masih meneruskan dasar penjualan tanah atau pembangunan tanah secara usaha sama melalui GLC walaupun GLC berkenaan merupakan Pemaju hartanah yang telah diberi peluang untuk menerima pengurniaan tanah dari Kerajaan Negeri?
- b) Sama ada Jualan tersebut sebenarnya satu projek usaha sama memandangkan bahawa harga jualan akan dibayar secara berperingkat selama 12 tahun dan harga lebihan dalam masa 20 tahun kerana mengikut tatacara industri, harga jualan lazimnya dibayar dalam masa 3 hingga 6 bulan dari tarikh perjanjian. Sekiranya ianya merupakan projek usaha sama, mengapakan pulangan kepada GLC adalah rendah iaitu tidak melebihi 15% dari Nilai Kasar Pembangunan (GDV) manakala projek-projek usaha sama oleh PKNS di Kota Damansara mendapat pulangan sebanyak 30% GDV?
- c) Sama ada Jualan tersebut adalah tertakluk kepada Cukai Keuntungan Harta Tanah ("CKHT") dan berapa jumlah cukai yang dikenakan dan sama ada bayaran pertama yang diterima dari Pembeli adalah mencukupi untuk membayar CKHT?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : CUTI BERGAJI SEBULAN KEPADA WANITA KEMATIAN SUAMI

92. Kerajaan negeri telah melaksanakan pemberian cuti bergaji selama 1 bulan bagi wanita kakitangan kerajaan negeri yang kematian suami.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa jumlah kakitangan yang telah memanfaatkan cuti bergaji sebulan sehingga kini?
- b) Apakah manfaat dan kesan langsung mereka yang menerima manfaat ini?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan semakan terhadap rekod kemudahan cuti yang disediakan kepada penjawat awam wanita yang kematian suami setakat ini, dimaklumkan bahawa tiada permohonan secara rasmi diterima oleh Jabatan / Agensi meskipun cuti yang berkenaan dibayar gaji selama sebulan oleh Kerajaan Negeri. Pelaksanaan kemudahan ini diberikan bersekali dengan cuti bersalin 90 hari dan cuti isteri bersalin 14 hari yang mana masing-masing mencatatkan permohonan yang menggalakkan berbanding kemudahan cuti anggota wanita kematian suami ini.

Pada dasarnya, semua penjawat awam yang mengalami situasi kematian ahli keluarga terdekat secara automatik diberikan kemudahan tiga (3) hari Cuti Tanpa Rekod yang tidak sama sekali menjejaskan aspek perkhidmatan dan pembayaran emolument bulanan pegawai selaras Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2002.

- b) Tidak dinafikan kemudahan cuti ini memberikan manfaat kepada anggota wanita yang berhadapan dengan ujian besar dalam mengharungi cabaran mengetuai keluarga tanpa suami di sisi di masa hadapan. Kemudahan cuti selama sebulan ini memberikan masa yang mencukupi kepada anggota mengembalikan motivasi dari aspek mental dan fizikal untuk kembali semula bertugas. Dalam tempoh yang berkenaan, pelbagai perkara boleh diselesaikan tanpa menjejaskan kerja-kerja harian anggota di pejabat dan gaji anggota akan dibayar sepenuhnya dengan menggunakan peruntukan sedia ada Jabatan.

DITOLAK DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN TETAP 23 (g) (ii)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN
(TANJONG SEPAT)**

TAJUK : PERTANIAN DAN PEMBANGUNAN DESA

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Adakah kerajaan negeri bersedia memberikan tanah secara TOL (Temporary Occupancy Licence) kepada pengusaha pertanian yang telah lebih 10 tahun mengusahakan pertanian di atas tanah-tanah milik kerajaan ataupun hutan simpan?
 - b) Berapakah hasil cukai tanah TOL yang telah dikutip oleh kerajaan sejak 2010?
 - c) Apakah bentuk pembangunan desa yang ingin ditekankan oleh kerajaan dalam membantu golongan masyarakat desa?
 - d) Adakah kerajaan negeri menyediakan geran atau bantuan bagi anak-anak muda yang berminat untuk mengembangkan produk dan pasaran hasil desa mereka?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(PANDAMARAN)**

TAJUK : MASALAH PENIAGA WARGANEGARA ASING DI SELANGOR

94. Terdapat semakin ramai warganegara-warganegara asing yang kini berniaga di Negeri Selangor, contohnya di Flat Chi Liung Pandamaran dan pasar pagi Jalan Papan Pandamaran.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar

a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengatasi masalah tersebut memandangkan ia telah mempengaruhi atau menghakiskan perniagaan-perniagaan peniaga tempatan dengan serius?

JAWAPAN:

- a) i) Dasar Majlis Perbandaran Klang, **tidak mengeluarkan apa-apa lesen penjaja kepada warga asing.**
- ii) Lambakan warga asing di pasar pagi **adalah disebabkan mereka diambil bekerja oleh peniaga-peniaga tempatan.** Tindakan penguatkuasaan sita barangan diambil jika warga asing berniaga dan barangan tersebut tidak akan dipulangkan.
- iii) **MPK tidak mempunyai bidang kuasa untuk menahan** warga asing yang menjalankan perniagaan.
- iv) **Tindakan penguatkuasaan, penyitaan** yang telah dikenakan kepada warga asing yang berniaga di Majlis Perbandaran Klang adalah seperti berikut:

- Bilangan penguatkuasaan sitaan seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN PENYITAAN
2012	204
2013	207

- **Tiada pembatalan lesen dilakukan memandangkan Majlis tidak mengeluarkan lesen/permit pasar pagi kepada warga asing.** Majlis hanya membuat kutipan harian kepada warganegara tempatan yang menjalankan perniagaan.

Majlis sedang dalam tindakan untuk **melesenkan semua penjaja pasar pagi dengan membuat kutipan secara berpenggal dan mengeluarkan Tag Nama kepada penjaja yang menjalankan perniagaan mulai Januari 2014.**

Tindakan pemantauan dan penguatkuasaan secara bersepadu dengan Agensi luar seperti Jabatan Imigresen juga akan dijalankan dengan lebih kerap selaras dengan peruntukan Undang-Undang Kecil Penjaja (MPK) 2007.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PERLAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN DALAM BAJET 2013

95. Setiap tahun Kerajaan Negeri menyediakan bajet pembangunan untuk tiap-tiap jabatan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa peratus bajet tahunan untuk pembangunan dapat dilaksanakan setiap tahun dari tahun 2008 hingga 2012?
- b) Senaraikan jabatan yang gagal untuk melaksanakan bajet pembangunan di bawah 80% dari tahun 2008 hingga 2012.
- c) Apakah tindakan yang telah diambil ke atas jabatan tersebut bagi memastikan bajet ini dilaksanakan?

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah prestasi perbelanjaan pembangunan Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 hingga 2012. Peratus perbelanjaan peruntukan pembangunan dan prestasi perbelanjaan bagi tahun 2008 hingga 2012 adalah seperti di jadual di bawah.

Jadual 1: Prestasi Tahunan Perbelanjaan Pembangunan

Tahun	Peruntukan Dikemas kini (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
2008	828,271,628.00	805,302,525.87	97.23%
2009	787,667,495.74	714,106,227.43	90.66%
2010	597,400,009.60	550,451,932.11	92.14%
2011	620,028,000.00	502,378,798.91	81.03%
2012	684,411,757.21	647,674,187.02	94.63%
JUMLAH	3,517,778,890.55	3,219,913,671.34	91.53%

- b) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah peruntukan tahunan bagi setiap jabatan untuk melaksanakan pelbagai projek dan program pembangunan sebagaimana yang dirancang. Walau bagaimanapun, di atas beberapa kekangan antaranya isu berkaitan tanah, utiliti dan sebagainya menyebabkan ada beberapa jabatan yang tidak mencapai tahap 80% di dalam belanja pembangunan. Antara jabatan tersebut adalah seperti jadual di bawah:

Jadual : Perbelanjaan Di Bawah 80% Peruntukan Pembangunan Mengikut Tahun

Tahun	Jabatan	Peruntukan	Perbelanjaan	Peratus
2008	Tiada			
2009	P13 Jabatan Pengairan dan Saliran	65,200,000.00	45,107,997.72	69.18%
2010	P14 Jabatan Agama Islam (JAIS)	123,501,000.94	97,544,699.88	78.98%
	P27 Jabatan Kehakiman dan Syariah (JAKESS)	872,000.91	388,740.30	44.58%
2011	P12 Jabatan Kerja Raya	153,100,000.00	113,847,712.38	74.36%
	P14 Jabatan Agama Islam (JAIS)	110,600,000.00	66,793,879.75	60.39%
	P27 Jabatan Kehakiman dan Syariah (JAKESS)	12,500,000.00	3,145,914.49	25.17%

Tahun	Jabatan	Peruntukan	Perbelanjaan	Peratus
2012	P27 Jabatan Kehakiman dan Syariah (JAKESS)	12,500,000.00	9,918,493.48	79.35%

- c) Kerajaan Negeri sentiasa memantau prestasi perbelanjaan jabatan bagi memastikan jabatan mencapai sasaran perbelanjaan yang ditetapkan dan melaksanakan projek-projek yang dirancang. Antaranya adalah melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Teknikal Negeri Selangor (JKTNg) dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Projek Pembangunan Negeri yang dikendalikan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor bagi membincangkan isu dan masalah serta mencari kaedah penyelesaian yang terbaik bagi memastikan projek dan program yang dirancang dan dalam pelaksanaan berjalan lancar.

Dalam masa yang sama, pemantauan berterusan dibuat oleh pihak UPEN di dalam mesyuarat dan perjumpaan bersama jabatan yang berkaitan bagi memastikan peruntukan dan projek atau program berjalan mengikut jadual dan sasaran yang ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : HOTEL BAJET

96. Pertumbuhan hotel bajet di negeri Selangor mutakhir ini semakin meningkat dan boleh menyumbang kepada peningkatan gejala sosial di kalangan remaja.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh kerajaan negeri bagi memastikan gejala sosial dapat dicegah di hotel-hotel bajet ini?
- b) Apakah tindakan yang dikenakan oleh kerajaan negeri kepada pengusaha hotel bajet yang didapati menyumbang kepada berlakunya gejala sosial?
- c) Sila senaraikan nama dan syarikat pemilik hotel-hotel bajet yang telah diberikan lesen mengikut PBT dari 2008-2013?

JAWAPAN:

- a) Di antara langkah – langkah pencegahan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan gejala sosial dicegah di hotel – hotel bajet adalah seperti berikut:
 - i) Mewujudkan Pelan Tindakan Menangani Gejala Sosial Negeri Selangor yang merupakan satu program khas yang dirangka untuk mencegah dan menangani masalah gejala sosial secara menyeluruh dan holistik.
 - ii) Perlaksanaan Kempen Anti Zina yang merangkumi aspek pencegahan, pencelahan pendidikan dan penguatkuasaan. Antara aktiviti yang dilakukan seperti mengedarkan risalah mengenai kesan jika terjebak dengan gejala sosial dan langkah-langkah untuk mengelak daripada terjebak dengan gejala sosial .
 - iii) Program Ekspedisi Dakwah yang dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia, RELA, Jabatan Agama Islam dan Ahli Jawatankuasa Masjid serta 20 Badan Bukan Kerajaan (NGO's) bagi membanteras gejala sosial yang sering berlaku di hotel-hotel ketika sambutan sesuatu perayaan.
 - iv) Program – program menangani gejala sosial seperti seminar pengurusan cinta, sembang santai bersama mat rempit bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kepada masyarakat untuk mengetahui akibat ataupun kesan jika gejala sosial berleluasa. Oleh itu, kerjasama semua pihak amat lah penting bagi menangani masalah gejala sosial ini dalam

menjadikan Negeri Selangor sebagai Negeri Maju, Sejahtera dan berkeadilan.

- b) Tindakan yang dikenakan kepada pengusaha hotel bajet yang didapati menyumbang kepada berlakunya gejala sosial ialah dengan menggantung lesen perniagaan dan seterusnya membatalkan lesen perniagaan sekiranya masih tidak akur di atas peraturan yang telah ditetapkan.
- c) Berdasarkan rekod hanya lapan (8) PBT yang menghantar maklumat berkenaan nama dan syarikat pemilik hotel-hotel bajet yang telah diberikan lesen dari 2008-2013 iaitu **MBSA 32 premis, MBPJ 65 premis, MPK 32 premis, MPKj 23 premis, MPSepang 1 premis, MDKL 1 premis, MDKS 6 premis dan MDSB 25 premis** di mana jumlah keseluruhan ialah sebanyak **185 premis**. MPSJ hanya meluluskan cadangan dan mengeluarkan lesen perniagaan untuk hotel bertaraf 1 bintang ke atas sahaja manakala lain- lain PBT tidak memberi maklum balas. Perincian senarai adalah seperti di Lampiran 1.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(DUSUN TUA)**

**TAJUK : PENGUKUHAN KEFAHAMAN ISLAM TERHADAP SAUDARA BARU DI
KALANGAN ORANG ASLI**

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Melalui penelitian yang dibuat berdasarkan maklumat atau kunjungan ke penempatan orang-orang asal khususnya di Negeri Selangor dan daerah-daerah tertentu didapati perlaksanaan mengukuhkan kefahaman Islam terhadap mereka begitu membimbangkan. Apakah peranan dan tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk membantu menyelesaikan perkara tersebut?

JAWAPAN:

- a) Pihak MAIS telah menyediakan sebanyak 50 Kelas Fardu Ain Mualaf bagi masyarakat Orang Asli berdasarkan pecahan berikut:
- i) Gombak - 8 kelas.
 - ii) Kuala Langat - 10 kelas.
 - iii) Sepang - 8 kelas.
 - iv) Hulu Langat - 7 kelas.
 - v) Hulu Selangor - 10 kelas.
 - vi) Petaling - 7 kelas
 - vii) Sabak Bernam & Kuala Selangor (tiada perkampungan Orang Asli).

Selain itu, Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) lantikan JAKIM juga ditempatkan di perkampungan Orang Asli di Selangor dengan nisbah 1 (PMOA) : 3 (KOA). Peranannya untuk memberi bimbingan agama kepada Orang Asli dalam hal Ehwat Agama Islam.

Program-program pengukuhan kefahaman Islam yang telah diadakan kepada masyarakat Orang Asli di Selangor pada tahun 2013 (sehingga 11 November 2013):

- i) Kursus Intensif Mualaf (Orang Asli) – bagi OA yang baru memeluk Islam.
- ii) Kursus Imam dan Bilal (Orang Asli).
- iii) Kursus Pasca Perkahwinan (Suami Hebat Rumah Tangga Berkat).
- iv) Kursus Pemantapan Akidah (Orang Asli).
- v) Kursus Tahsin Solat (Orang Asli).
- vi) Kursus Penghayatan Islam sempena Sambutan Maulidur Rasul 1434H.
- vii) Sambutan Hari Raya
- viii) Ceramah khas sempena Maulidur Rasul, Ramadan, Aidilfitri dan Aidiladha.

Berdasarkan komitmen dan kesungguhan Orang Asli dalam mendalami agama Islam, pihak MAIS telah melantik 9 orang Panel Dakwah Muallaf MAIS dalam kalangan Orang Asli (Suku Temuan dan Mah Meri) untuk menyampaikan pengajaran agama Islam di perkampungan Orang Asli dalam Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELUK DATOK)**

TAJUK : MENAIKTARAF PIHAK BERKUASA TEMPATAN

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengiktiraf Pihak Pengurusan dan Pentadbiran Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) bagi tujuan naik taraf sebagai sebuah Majlis Perbandaran?
 - i) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk membina sebuah Wisma MDKL yang baru dan dilengkapi dengan teknologi moden untuk semua Warga MDKL memandangkan Bangunan yang sedia ada berkeadaan padat?
 - ii) Jika Ya, sila berikan lokasi dan nyatakan kos pembinaan;
 - iii) Jika Tidak, mengapa?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri tiada rancangan lagi untuk menaik taraf Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) sebagai sebuah Majlis Perbandaran. Penaiktarafan sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan perlu penelitian terperinci dan memenuhi kriteria yang telah diluluskan oleh Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) (rujuk [LAMPIRAN 1](#)).

Kerajaan Negeri berpandangan tanggungjawab membina Wisma MDKL yang baru dan dilengkapi dengan teknologi moden adalah tanggungjawab MDKL dan tertakluk kepada kemampuan kewangan PBT dan keperluan semasa. Kerajaan Negeri boleh mengeluarkan peruntukan berdasarkan prosedur sedia ada sekiranya MDKL membuat permohonan.

Matriks Perbandingan Kriteria Utama:

Kriteria	Majlis Bandaraya	Majlis Perbandaran	Majlis Daerah
Keterangan	<ul style="list-style-type: none"> kawasan pusat pentadbiran sesebuah negeri. 	<ul style="list-style-type: none"> bandar utama atau pusat pentadbiran sesebuah negeri ataupun daerah. 	<ul style="list-style-type: none"> kawasan selain bandar utama.
Penduduk	<ul style="list-style-type: none"> melebihi 500,000 orang. 	<ul style="list-style-type: none"> melebihi 150,000 orang. 	<ul style="list-style-type: none"> kurang 150,000 orang.
Pendapatan	<ul style="list-style-type: none"> sumber kewangan yang mapan (<i>fiscally sustainable</i>). hasil tahunan tidak kurang dari RM100 juta. mampu mengimbangkan perbelanjaan. 	<ul style="list-style-type: none"> sumber kewangan yang mapan (<i>sustainable</i>). hasil tahunan tidak kurang dari RM20 juta. menyediakan perkhidmatan yang selesa. 	<ul style="list-style-type: none"> hasil tahunan kurang daripada RM20 juta.
Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> menyediakan perkhidmatan pada tahap yang tinggi. 	<ul style="list-style-type: none"> menyediakan ruang dan peluang kepada para peniaga. menggalakkan pertumbuhan aktiviti pelaburan, perniagaan dan komersial. 	<ul style="list-style-type: none"> lebih tertumpu kepada kemudahan infrastruktur dan utiliti awam.
Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> menekankan kepada pembangunan mapan (<i>sustainable development</i>). memberi tumpuan kepada usaha untuk menangani isu-isu perbandaran seperti setingan, operasi kilang haram, keselamatan, perumahan untuk 	<ul style="list-style-type: none"> perancangan bandar yang mapan (<i>sustainable</i>) yang berupaya menyediakan persekitaran yang selamat dan selesa untuk didiami. Indikator bandar mapan seperti yang ditekankan dalam Sistem <i>Malaysia Urban Indicator</i> 	-

Kriteria	Majlis Bandaraya	Majlis Perbandaran	Majlis Daerah
	<p>golongan berpendapatan rendah dan pemeliharaan alam sekitar.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Indikator bandar mapan seperti yang ditekankan dalam Sistem <i>Malaysia Urban Indicator Network</i> (MURNInet). 	<p><i>Network</i> (MURNInet).</p>	
Kemudahan Lain	<ul style="list-style-type: none"> • mempunyai pusat perindustrian, institusi kewangan. • pusat institusi pendidikan yang lengkap. • pusat kepada aktiviti kebudayaan, acara sukan dan riadah. • kemudahan infrastruktur yang lengkap, utiliti awam termasuklah taman-taman awam yang mesra pengguna terutamanya kepada Orang Kurang Upaya (OKU). • pengiktirafan tertentu sama ada di peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa. 	<ul style="list-style-type: none"> • menggalakkan penduduk setempat untuk membangunkan komuniti masing-masing melalui tadbir urus bandar yang cekap seperti pelaksanaan Program Local Agenda 21 (LA 21). 	

Nota:

Kriteria baru ini telah diluluskan dalam mesyuarat **Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT)**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : BELIA DAN PELUANG PEKERJAAN

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan jumlah peluang pekerjaan yang berjaya dipadankan melalui program JOM CARI KERJA mengikut pecahan daerah.
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor bagi mewujudkan peluang pekerjaan untuk golongan belia?

JAWAPAN:

- a) Program Jom Kerja telah diadakan di semua daerah di Negeri Selangor bermula pada tahun 2009 – 2013 dengan pencapaian seramai **2,946 pemohon** yang berjaya di temu duga. Selain itu, pemohon juga telah diberi pendedahan mengenai khidmat nasihat serta pengalaman untuk menghadiri sesi temu duga. Maklumat terperinci pelaksanaan program adalah seperti jadual di bawah:

Bil.	Daerah	Tarikh Program	Syarikat Terlibat	Pemohon : Berdaftar (Orang)	Pemohon : Berjaya Ditemuduga (Orang)
1.	Sabak Bernam Dan Kuala Selangor	7 – 8 Nov 2009	20 buah	1,078	480
2.	Kuala Langat	14 – 15 Dis 2009	16 buah	1,672	670
3.	Klang	9 – 10 Jan 2010	29 buah	2,060	886
4.	Petaling	3 – 4 April 2010	22 buah	400	187
5.	Hulu Selangor	18 April 2010	20 buah	141	81
6.	Sepang	9 Okt 2010	10 buah	211	137
7.	Hulu Langat	13 Nov 2010	8 buah	144	118
8.	Gombak	27 Nov 2010	9 buah	107	52

Bil.	Daerah	Tarikh Program	Syarikat Terlibat	Pemohon : Berdaftar (Orang)	Pemohon : Berjaya Ditemuduga (Orang)
9.	Kuala Langat	18 Jun 2011	11 buah	70	31
10.	Klang	30 – 31 Mac 2013	23 buah	884	304
JUMLAH				6,767	2,946

- b) Antara perancangan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan adalah dengan mengadakan program – program seperti berikut:
- i) Kerjasama dengan *Selangor State Investment Centre (SSIC)* bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dengan mengadakan program promosi (pengiklanan melalui *local and international magazine seperti Foreign Direct Investment, in flight magazine*, mengadakan lawatan ke luar negara bersama *Malaysian Investment Development Authority - MIDA* dan menyertai pameran perdagangan bertujuan menarik pelabur dari dalam dan luar negara.
 - ii) Kerajaan negeri telah bekerjasama dengan pihak *INSPENS* untuk memberikan latihan seperti dalam bidang kecantikan, automatif, pendandan rambut, elektrik, elektronik, motosikal, sistem komputer dan penyaman udara. Di samping itu, kerajaan negeri juga telah mengadakan program-program seperti *SPIES* untuk menonjolkan aspek kepimpinan kepada belia.
 - iii) Menganjurkan program-program seminar dan kursus keusahawanan khususnya untuk memberi pendedahan awal mengenai bidang keusahawanan kepada golongan belia seperti berikut:
 - a. Kursus Asas Keusahawanan;
 - b. Kursus Pemasaran;
 - c. Kursus Pengurusan Kewangan; dan
 - d. Kursus Rancangan Perniagaan
 - iv) Program Jom Kerja **berbentuk Karnival** yang telah diadakan di semua daerah di Negeri Selangor bermula tahun 2009 – 2013 dengan pencapaian seramai **2,946 pemohon** yang berjaya di temu duga, selain itu pemohon diberi pendedahan khidmat nasihat serta pengalaman cara bagaimana sesi temu duga diadakan.
 - v) Program Jom Kerja berbentuk **Kursus Kerja Berkualiti** menjadi satu platform kepada para peserta untuk bertemu dengan bakal majikan untuk mencari peluang pekerjaan sedia ada. Kursus ini dijalankan selama dua hari dan akan membina kekuatan peserta melalui modul

pembangunan insan yang terancang demi melahirkan tenaga kerja yang berkualiti. Pada tahun 2012, sebanyak 11 program telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan penyertaan seramai 800 orang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(DENGKIL)**

**TAJUK : ISU PERMASALAHAN PERUMAHAN RAKYAT DI FLAT TAMAN
PERMATA DENGKIL**

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan negeri bersedia untuk menyediakan tapak tanah yang sesuai untuk pembinaan rumah teres mampu milik seperti yang dituntut oleh penduduk di kawasan tersebut.
- b) Sekiranya ada, di manakah lokasi sebenar tapak cadangan untuk pembinaan rumah teres tersebut.
- c) Adakah ianya melibatkan proses pengambilan tanah dari pihak swasta dan berapa lama proses ini akan dijangka selesai?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri amat komited dalam menyelesaikan permasalahan rakyat di Negeri Selangor berasaskan visi Kerajaan Negeri sendiri iaitu untuk menjadikan Selangor Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkeadilan.

Dalam isu ini, Kerajaan Negeri telah menyatakan persetujuan kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) untuk menyediakan tapak tanah seluas 30 – 34 ekar bagi tujuan pembangunan 400 unit rumah teres kos rendah satu (1) tingkat. Walau bagaimanapun, persetujuan ini adalah tertakluk sekiranya Kerajaan Persekutuan bersedia dan bersetuju untuk membiayai kos pembinaan pembangunan rumah teres kos rendah tersebut.

- b) Kerajaan Negeri telah mengenal pasti sebuah tapak **di atas sebahagian Lot 5375 seluas 30 ekar milik syarikat Sime Darby Ampar Tenang Sdn. Bhd. yang terletak di Ampar Tenang, Mukim Dengkil, Daerah Sepang** yang sesuai bagi tujuan pembangunan 400 unit rumah teres satu (1) tingkat untuk tujuan pemindahan penduduk Taman Permata Dengkil, Selangor.

Tapak cadangan ini telah dikemukakan kepada pihak KPKT pada 17 September 2013 dan 23 Oktober 2013 untuk persetujuan Kerajaan Persekutuan. Dan sekiranya dipersetujui, proses pengambilan akan dimulakan segera oleh pihak Kerajaan Negeri tertakluk sekiranya Kerajaan Persekutuan bersedia dan bersetuju untuk membiayai kos pembinaan pembangunan rumah teres kos rendah tersebut.

- c) Berdasarkan tapak cadangan yang dikemukakan kepada pihak Kerajaan Persekutuan, ianya merupakan tanah hak milik syarikat Sime Darby Ampar Tenang Sdn. Bhd. Dalam hal ini, proses pengambilan tanah akan dilaksanakan di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 dengan kadar yang segera sekiranya pihak Kerajaan Persekutuan bersetuju dengan tapak cadangan tersebut serta syarat yang dikenakan oleh pihak Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI HASNUL BIN HAJI BAHARUDDIN
(MORIB)**

TAJUK : SEKTOR PERTANIAN

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah bajet untuk Jabatan Pertanian Selangor pada tahun ini?
- b) Apakah perincian perbelanjaan yang telah dibelanjakan ?
- c) Adakah sebarang peruntukan khusus yang disalurkan dari Exco Pemodenan Pertanian dan Pembangunan Desa untuk Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan para nelayan?

JAWAPAN:

- a) Bajet untuk Jabatan Pertanian (Pembangunan) Tahun 2013 adalah RM14,437,050.00
- b) Perincian perbelanjaan adalah:

Butiran Projek	Tajuk / Nama Projek	Peruntukan Tahun Semasa 2013
01000	Pembangunan Taman Agroteknologi	1,400,000
02000	Pembangunan Tanaman Makanan	5,040,000
03000	Pembangunan Tanaman Industri	300,000
04000	Pembangunan Industri Bunga & Tanaman Hiasan	200,000
05000	Pembangunan Industri Asas Tani	1,251,000
06000	Pemb. Pusat Teknologi Pertanian	2,160,000
07000	Pengurusan Perosak Bersepadu	100,000
08000	Memajukan Kompleks Pertanian	250,040

Butiran Projek	Tajuk / Nama Projek	Peruntukan Tahun Semasa 2013
09000	Pembangunan Agropelancongan	10
10000	Pembangunan Pertanian Bersepadu	700,000
11000	Pembangunan Teknologi Maklumat	520,000
12000	Perkhidmatan Pengembangan & Perundingan	916,000
13000	Pengurusan Tanah Bermasalah	250,000
14000	Pembangunan/Pengurusan Tanah Terbiar	250,000
15000	Pembangunan Kemudahan Kejenteraan & Logistik Pertanian	800,000
16000	Penyelidikan & Perolehan Teknologi Baru Tanaman	300,000
JUMLAH		14,437,050

- c) Tiada peruntukan khusus untuk Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Walau bagaimanapun, peruntukan untuk membantu para nelayan di Negeri Selangor di bawah Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pertanian (EXCO Pemodenan Pertanian) adalah melalui Jabatan Perikanan Negeri Selangor. Ianya merangkumi pelbagai jenis bantuan termasuklah bantuan seperti bot, enjin, pukat dan lain-lain lagi yang berkaitan dengan perikanan untuk nelayan bertujuan untuk meningkatkan pendapatan golongan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(BALAKONG)**

TAJUK : LAMPU JALAN JENIS LED

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah pihak kerajaan mensyaratkan pemaju supaya menggunakan lampu jalan jenis LED bagi semua projek pembangunan yang baru di dalam negeri? Nyatakan pencapaian sekiranya ya.

JAWAPAN:

- a) Semua PBT telah mensyaratkan penggunaan lampu jalan jenis LED bagi setiap pembangunan baru di dalam kawasan pentadbiran masing- masing. Berikut adalah maklum balas pelaksanaan yang diterima oleh PBT berhubung penggunaan lampu jenis LED :

BIL	PBT	MAKLUMBALAS
1.	MBSA	Sehingga kini semua pembangunan di kawasan baru seperti di sekitar kawasan SP Setia, Elmina West and Eas dan PPC-Glomac menggunakan lampu LED
2.	MBPJ	Majlis telah mensyaratkan pemaju mengadakan lampu LED terutamanya untuk jalan awam dan Pemaju telah mematuhi syarat-syarat tersebut.
3.	MPK	Jumlah lampu jalan yang telah dipasang sehingga ini adalah sebanyak 550 unit.
4.	MPAJ	PBT telah mensyaratkan kepada semua pembangunan di dalam kawasan pentadbiran MPAJ bermula tahun 2012.
5.	MPSJ	Lebih kurang 50% daripada permohonan yang dikemukakan telah disyaratkan untuk penggunaan lampu LED terutamanya bagi pembangunan kawasan perumahan dan kawasan komersial
6.	MPS	PBT tidak mensyaratkan pemaju untuk menggunakan lampu jalan jenis LED bagi semua projek pembangunan baru
7.	MPKj	Setiap pemaju telah diwajibkan bermula Januari 2013 untuk memasang jenis LED bagi setiap projek pembangunan baru

BIL	PBT	MAKLUMBALAS
8.	MPSp	Pada tahun 2012 sebanyak 3 permohonan telah disyaratkan kepada pemaju Setia Haruman dan Astana Modal. Manakala sebanyak 7 permohonan telah disyaratkan pada tahun 2013. Walau bagaimanapun buat masa ini syarat pemasangan lampu LED hanya dipasang di Jalan Utama sahaja
9.	MDKL	PBT tidak mensyaratkan pemaju untuk menggunakan lampu jalan jenis LED bagi semua projek pembangunan baru
10.	MDHS	PBT telah melaksanakan syarat tambahan kepada pemaju-pemaju baru supaya memasang lampu LED dalam jumlah yang sesuai dan dalam skala projek berkenaan
11.	MDKS	PBT tidak mensyaratkan pemaju untuk menggunakan lampu jalan jenis LED bagi projek pembangunan yang baru. Namun bercadang untuk mengenakan syarat tersebut di kawasan tempat permainan kanak-kanak dalam kawasan pembangunan baru.
12.	MDSB	MDSB hanya mensyaratkan penggunaan lampu daripada jenis SON HSPV 150watt dengan menggunakan kabel talian atas kepada pemaju-pemaju yang terlibat dengan projek pembangunan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : RUMAH KOS RENDAH DAN MAMPU MILIK

103. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah rumah kos rendah yang telah dibina oleh kerajaan negeri di Bandar besar seperti Shah Alam, Klang, Ampang, Subang Jaya dan Petaling Jaya?
- b) Berapakah rumah mampu milik yang telah dibina oleh kerajaan negeri di Bandar seperti Shah Alam, Klang, Ampang, Subang Jaya dan Petaling Jaya?
- c) Apakah bantuan kerajaan negeri kepada mereka yang gagal mendapatkan pinjaman rumah kos rendah dan mampu milik ini?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri tidak membina rumah kos rendah (RKR) sebaliknya menyediakan dasar pembangunan perumahan yang mensyaratkan pemaju membina 20% RKR bagi pembangunan yang melebihi 20 ekar dan ke atas. Sehingga 1 November 2013 pemaju swasta telah membina sejumlah 2,817 unit rumah kos rendah yang melibatkan 6 projek di kawasan berikut:

Bil.	Projek/Pemaju	Lokasi	Bilangan Unit
1.	Aman Perdana Fasa 2 Intramewah Dev. Sdn. Bhd.	Klang	320
2.	Setia Alam Fasa 2 Bandar Setia Alam Sdn. Bhd.	Bukit Raja	725
3.	Bandar Parklands, Bukit Tinggi 3 Gabungan Efektif Sdn. Bhd.	Klang	800
4.	Taman Damai Utama Medan Damai Sdn. Bhd.	Petaling	730
5.	Taman Puchong Prima Mitrajaya Homes Sdn. Bhd.	Petaling	212
6.	Wawasan Asli	Klang	30
Jumlah			2,817

- b) Manakala bagi jumlah rumah mampu milik di dalam perancangan pembinaan oleh pemaju swasta pula adalah sebanyak 340 unit yang melibatkan 2 projek di kawasan-kawasan berikut:

Bil.	Projek/Pemaju	Lokasi	Bilangan Unit
1.	Desa Alam, Seksyen U12	Petaling	104
2.	Sutera Damansara, Sg Buloh	Petaling	236
Jumlah			340

- c) Kerajaan Negeri mengambil perhatian terhadap kegagalan pembeli rumah kos rendah bagi mendapatkan pinjaman bank. Usaha untuk membantu golongan ini diperluaskan dengan cadangan Skim Pembiayaan Khas Rakyat (SPKR) yang masih dalam proses perbincangan dengan pihak bank.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : AGENDA SOSIOEKONOMI BUMIPUTERA PKNS

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan strategi dan inisiatif PKNS untuk membantu agenda pemeraksanaan sosioekonomi Bumiputera Selangor?
- b) Apakah pencapaian PKNS dari 2008-2013 dalam membantu golongan Bumiputera?
- c) Berapakah nilai projek yang diperoleh usahawan atau profesional Bumiputera berbanding nilai keseluruhan projek di bawah PKNS?

JAWAPAN:

- a) Strategi dan Inisiatif PKNS untuk membantu pemeraksanaan sosio ekonomi Bumiputera Selangor seperti berikut:-
 - i) Menerapkan nilai-nilai keusahawanan melalui program pendidikan dan pembudayaan keusahawanan.
 - ii) Membangunkan sumber manusia usahawan melalui program latihan, rangkaian rakan niaga, pemantauan dan khidmat sokongan.
 - iii) Meningkatkan penyertaan usahawan bumiputera dalam sektor pembinaan melalui galakan perniagaan dan khidmat sokongan.
 - iv) Meningkatkan penyertaan kontraktor dan vendor bumiputera dalam pembangunan yang dilaksanakan.
- b) Pencapaian PKNS dari tahun 2008 hingga 2013 dalam membantu golongan Bumiputera tidak dapat dinafikan melalui pendekatan pembangunan keusahawanan PKNS merangkumi pelbagai peringkat dari sekolah rendah, sekolah menengah, universiti dan sehingga golongan usahawan. Berikut adalah senarai usahawan bumiputera tersebut:-

Program/ Tahun	Sasaran	2008 (Orang)	2009 (Orang)	2010 (Orang)	2011 (Orang)	2012 (Orang)	2013 (Orang)	Jumlah (Orang)
Perintis Usahawan	Sek.Ren.	240	240	240	240	240	240	1,440
Usahawan Muda	Sek.Men	1,250	1,250	1,250	1,250	1,250	1,225	7,475
Kelab Permata	IPT	2,781	2,767	2,897	0	1,328	1,633	11,406

Program/ Tahun	Sasaran	2008 (Orang)	2009 (Orang)	2010 (Orang)	2011 (Orang)	2012 (Orang)	2013 (Orang)	Jumlah (Orang)
GROW	Lepasan IPT	30	30	30	-	19	14	123
Sub Kon. Bumiputera	Kontraktor	64	2	6	2	4	6	84
Vendor	Pengilang	23	1	2	0	0	4	30
Ruang Pejabat (VIP)	Usahawan	-	-	-	73	95	60	228
Ruang Niaga Kompleks	Usahawan	425	496	502	568	558	597	3146
Akademi Usahawan	Umum	2,947	1,340	854	334	319	1,586	7,380
Jumlah		7,760	6,126	5,781	2,467	3,813	5,365	31,312
JUMLAH KESELURUHAN								62,624

- c) Nilai projek yang diperolehi usahawan atau profesional berbanding nilai keseluruhan projek di bawah PKNS adalah seperti berikut :-

Program/RM	2008 '000	2009 '000	2010 '000	2011 '000	2012 '000	2013 '000	Jumlah (RM)
Sub Kon. Bumiputera	6,798	4,605	6,685	2,734	10,240	4,530	35,592
Vendor	9,432	4,901	2,294	1,986	4,884	2,230	25,727
Jumlah	16,230	9,506	8,979	4,720	15,124	6,760	61,319

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(GOMBAK SETIA)**

TAJUK : SUKAN BOLA SEPAK

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan sebab utama kemerosotan pasukan bola sepak Selangor pada tahun ini di dalam Liga Malaysia dan Piala Malaysia walaupun kerajaan negeri telah memberikan insentif tajaan melalui MENTERI BESAR INCORPORATED?

JAWAPAN:

- a) Secara keseluruhan prestasi pasukan adalah baik oleh kerana Pasukan Bola Sepak Selangor menjadi Naib Juara Liga Super maka pasukan Selangor adalah yang terbaik di Malaysia oleh kerana pasukan yang menjadi Juara Liga Super adalah pasukan dari Singapura.

Di peringkat Piala FA pasukan berjaya sehingga peringkat Suku Akhir hanya tewas kepada pasukan bernilai RM30 juta iaitu Johor Darul Takzim FC.

Pasukan Bola Sepak Selangor juga adalah antara pasukan 16 terbaik di dalam AFC Cup.

Pada saingan Piala Malaysia pula pasukan Selangor tidak bernasib baik oleh kerana telah dalam situasi 'off-form' pada peringkat tersebut tetapi telah meningkat di hujung peringkat kumpulan tetapi telah agak lewat untuk layak ke pusingan Suku Akhir.

Walau bagaimanapun, Pasukan Bola Sepak Selangor telah menunjukkan permainan yang amat memberangsangkan dan telah 'peak' pada saingan Piala Sultan Selangor tempoh hari.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : TERBITAN PELANCONGAN

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan terbitan pelancongan yang dihasilkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2012 dan 2013 dan perbelanjaannya;
- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat menghasilkan risalah pelancongan yang berasingan untuk setiap daerah dalam pelbagai bahasa.

JAWAPAN:

- a) Terbitan pelancongan yang dihasilkan oleh Kerajaan Negeri pada **tahun 2012** adalah seperti berikut:

Bil	Terbitan Pelancongan	Perbelanjaan	Penerangan
1	Peta Pelancongan	RM 44,000.00	<ul style="list-style-type: none">• Peta pelancongan ini diterbitkan sebanyak 10,000 unit di dalam Bahasa Inggeris• Peta Pelancongan memaparkan destinasi pelancongan yang menarik di sembilan daerah Negeri Selangor.• Peta Pelancongan ini diterbitkan dalam bentuk visual bergambar yang lebih menarik iaitu bentuk 'Fun Map'.
2	Selangor Breakaway	RM234,805.00	<ul style="list-style-type: none">• Buku ini diterbitkan sebagai panduan kepada pembaca mengenali destinasi-destinasi pelancongan di Negeri Selangor.• Buku panduan ini telah disusun mengikut daerah-daerah di Negeri Selangor di dalam Bahasa Inggeris.• Maklumat yang terdapat di dalam

Bil	Terbitan Pelancongan	Perbelanjaan	Penerangan
			buku ini adalah seperti berikut; 1. Destinasi Pelancongan 2. Nombor telefon 3. Website 4. Koordinat
3	Penerbitan Iklan di majalah dan surat khabar	RM489,000	Iklan yang diterbitkan adalah seperti berikut; 1. Majalah Gaya Travel (Bahasa Melayu) 2. Majalah Air Asia 3 Sixty (Bahasa Inggeris) 3. Vision KL (Bahasa Inggeris) 4. Vision KL (Bahasa Arab) 5. Vision KL (Bahasa Mandarin) 6. Travelmate (Bahasa Mandarin) 7. Travelutin (Bahasa Mandarin) 8. Majalah ASWAQ (Bahasa Arab) 9. Majalah Santai (Bahasa Melayu) 10. Majalah MYC (Bahasa Inggeris) 11. Selangor Times (Bahasa Inggeris)

Terbitan pelancongan yang dihasilkan oleh Kerajaan Negeri pada **tahun 2013** adalah seperti berikut:

Bil	Terbitan Pelancongan	Perbelanjaan	Penerangan
1	Penerbitan Iklan di majalah dan surat khabar	RM485,743	<ul style="list-style-type: none"> • Iklan yang diterbitkan adalah seperti berikut; 1. Majalah Air Asia 3 Sixty (Bahasa Inggeris) 2. Vision KL (Bahasa

			<p>Inggeris)</p> <p>3. Vision KL (Bahasa Arab)</p> <p>4. Vision KL (Bahasa Mandarin)</p> <p>5. Travelmate (Bahasa Mandarin)</p> <p>6. Travelution (Bahasa Inggeris)</p> <p>7. Majalah ASWAQ (Bahasa Arab)</p> <p>8. Majalah Santai (Bahasa Melayu)</p> <p>9. Majalah MYC (Bahasa Inggeris)</p> <p>10. Majalah Today's Choice (Bahasa Inggeris)</p> <p>11. Selangor Times (Bahasa Inggeris)</p>
--	--	--	--

- b) Kerajaan Negeri **tidak berhasrat** menghasilkan risalah pelancongan yang berasingan untuk setiap daerah dalam pelbagai bahasa. Mulai tahun 2012, risalah pelancongan daerah yang diterbitkan dalam dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris tidak lagi diterbitkan dan digantikan dengan penerbitan Buku Selangor Breakaway.

Buku Selangor Breakaway diterbitkan sebagai panduan kepada pelancong domestik dan luar negara mengenali produk-produk pelancongan yang terdapat di Negeri Selangor. Buku ini telah disusun mengikut daerah-daerah di Negeri Selangor. Semua maklumat produk-produk pelancongan yang dimasukkan di dalam buku ini adalah di atas cadangan daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Buku ini diterbitkan di dalam Bahasa Inggeris.

Pada masa yang sama, peta pelancongan diterbitkan untuk memberi maklumat pelancongan di dalam bentuk peta pelancongan yang merangkumi produk-produk pelancongan di seluruh Negeri Selangor.

Walau bagaimanapun dengan inisiatif dari Pihak Berkuasa Tempatan, PBT kini telah mencetak dan menyediakan pelbagai bahan promosi untuk mempromosikan produk-produk pelancongan di daerah mereka.

Pihak Berkuasa Tempatan yang telah mempunyai bahan promosi adalah seperti berikut:

- i) Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)
- ii) Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)
- iii) Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)
- iv) Majlis Perbandaran Kajang (MPK)
- v) Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)
- vi) Majlis Perbandaran Klang (MPK)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PETS – SOHO

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status program ibu tunggal PETS-SOHO?
- b) Senaraikan penerima yang mendapat manfaat daripada program tersebut mengikut DUN.

JAWAPAN:

- a) PROGRAM PEMBERDAYAAN IBU TUNGGAL, BEKERJA DARI RUMAH SELANGOR atau singkatannya (PETS-SOHO) merupakan program yang berkonsepkan mentor-mentee yang menawarkan penyertaan ibu tunggal yang berpendapatan rendah. Program ini telah dilaksanakan melalui lima bidang perniagaan yang di jangka akan menjana pendapatan Ibu Tunggal tersebut – Refleksologi, Teknologi Video Marketing dan Bisnes Mangkuk Tingkat (menyajikan makanan harian kepada pelanggan),Fotografi dan Bisnes Online. Pada awalnya sasaran adalah dijangka seramai sekurang-kurangnya 200 usahawan ibu tunggal akan dihasilkan menerusi program ini.
- b) Tiada senarai mengikut DUN, kerana program PET SOHO-S ini dibuka dan pemilihan kepada semua ibu tunggal di negeri Selangor yang menepati kelayakan dan kemahiran yang ditawarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PREMIUM TANAH

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah dasar penentuan premium tanah yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Adakah terdapat perbezaan premium tanah mengikut daerah dan jenis kegunaan tanah?

JAWAPAN:

- a) Premium tanah yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor ke atas kelulusan pembermilikan tanah adalah seperti berikut:
 - i) Mengikut Kaedah-kaedah Tanah Selangor 2003 (pindaan 2005), kadar premium tanah yang dikenakan adalah seperti berikut :

i. Perniagaan	$\frac{3}{4} \times \frac{1}{100} \times$ nilai tanah yang diluluskan $\times 99$ tahun \times luas
ii. Industri	$\frac{3}{4} \times \frac{1}{100} \times$ nilai tanah yang diluluskan $\times 99$ tahun \times luas
iii. Kediaman	$\frac{1}{2} \times \frac{1}{100} \times$ nilai tanah yang diluluskan $\times 99$ tahun \times luas
iv. Pertanian	Kelapa Sawit (Industri) Dalam Bandar : RM 2,000.00 sehektar Luar Bandar : RM 1,000.00 sehektar
	Jangka Panjang (Dusun) Dalam Bandar : RM 800.00 sehektar Luar Bandar : RM 500.00 sehektar
	Jangka Pendek (Padi) Dalam Bandar : RM 300.00 sehektar Luar Bandar : RM 100.00 sehektar

smbg Pertanian	Ternakan Dalam Bandar : RM 2,000.00 sehektar Luar Bandar : RM 1,000.00 sehektar
	Bagi Tanah Berstatus Rizab Melayu ½ daripada kadar premium yang dikenakan.

- ii) Walau bagaimanapun, pada tahun 2011 Kerajaan Negeri telah memberikan insentif kepada pemilik tanah bagi tujuan kediaman kepada pemilik tanah yang telah lama mendudukinya selaras dengan Pekeliling PTGS 6/2011;

i. Kediaman	$\frac{1}{4} \times \frac{1}{100} \times \text{nilai tanah yang diluluskan} \times 99 \text{ tahun} \times \text{luas}$ <ul style="list-style-type: none"> * Bayaran premium hendaklah dibayar dalam tempoh 6 bulan dari tarikh Notis Borang 5A diterima. * Bayaran hendaklah dibuat secara sekaligus dalam tempoh masa yang ditetapkan dengan pemberian diskaun sebanyak 30% daripada premium yang dikenakan ATAU ; * Bayaran premium nominal pada kadar RM1000 bagi setiap hakmilik. Bayaran khas akan dikenakan apabila tanah tersebut hendak dipindahmilik melalui proses jual beli seperti formula di atas.
-------------	---

- iii) Bagi tanah-tanah yang dipohon secara terus atau tender, premium dikenakan adalah mengikut harga nilai semasa.

- b) Kadar pengiraan premium tanah adalah sama mengikut daerah tetapi kadar pengiraan premium adalah berbeza mengikut jenis kegunaan tanah seperti berikut :

i. Perniagaan	$\frac{3}{4} \times \frac{1}{100} \times \text{nilai tanah yang diluluskan} \times 99 \text{ tahun} \times \text{luas}$
ii. Industri	$\frac{3}{4} \times \frac{1}{100} \times \text{nilai tanah yang diluluskan} \times 99 \text{ tahun} \times \text{luas}$
iii. Kediaman	$\frac{1}{2} \times \frac{1}{100} \times \text{nilai tanah yang diluluskan} \times 99 \text{ tahun} \times \text{luas}$

iv. Pertanian	<p>Kelapa Sawit (Industri) Dalam Bandar : RM 2,000.00 sehektar Luar Bandar : RM 1,000.00 sehektar</p>
	<p>Jangka Panjang (Dusun) Dalam Bandar : RM 800.00 sehektar Luar Bandar : RM 500.00 sehektar</p>
	<p>Jangka Pendek (Padi) Dalam Bandar : RM 300.00 sehektar Luar Bandar : RM 100.00 sehektar</p>
	<p>Ternakan Dalam Bandar : RM 2,000.00 sehektar Luar Bandar : RM 1,000.00 sehektar</p>
	<p>Bagi Tanah Berstatus Rizab Melayu $\frac{1}{2}$ daripada kadar premium yang dikenakan.</p>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN HAJI ABDUL TALIB
(TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : PERMASALAHAN DAN KEBERKESANAN PENGURUSAN JOIN
MANAGEMENT BODY (JMB)**

109. Banyak kedapatan rumah pangsa yang tidak berjaya diuruskan dengan baik oleh JMB, lantaran kerana kelemahan pengurusan JMB itu sendiri, dalam masa yang sama keadaan ini memberi imej yang negatif kepada Kerajaan Negeri Selangor secara langsung:

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan Negeri Selangor, dan sejauh manakah keberkesanannya dalam menangani permasalahan ini?
- b) Apakah perancangan selanjutnya dan jangka masa bagi mengatasi masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani isu kelemahan pengurusan Badan Pengurusan Bersama atau *Joint Management Body* (JMB) adalah seperti berikut:
 - i) Menjadi **mediator melalui Jawatankuasa Pemudah Isu-Isu Hartanah Bertingkat (PRIHATIN)** bersama penglibatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ahli Majlis dan Unit Pesuruhjaya Bangunan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyelesaikan isu-isu kelemahan pengurusan JMB; dan
 - ii) Mengeluarkan arahan kepada Pesuruhjaya Bangunan (COB) supaya melantik ejen pengurusan untuk pelaksanaan tindakan berikut:
 - Melaksanakan fungsi JMB yang gagal dilaksanakan seperti mengadakan mesyuarat agung, mengaudit akaun dan lain-lain yang diperuntukkan Akta-Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2007 [Akta 663]; atau
 - Mengambil alih pengurusan dan penyenggaraan pangsapuri sekiranya JMB tidak bekerjasama dengan COB untuk membuat tindakan pembetulan memperbaiki kelemahan pengurusan mereka dengan ejen yang dilantik Pesuruhjaya Bangunan.

Oleh itu, kelemahan pengurusan JMB dapat ditangani secara berkesan dengan melaksanakan tindakan pembedahan atau pengambilalihan pengurusan dan penyenggaraan pangsapuri oleh ahli jawatankuasa pengurusan bersama (JMC) yang baru atau ejen pengurusan yang dilantik oleh Pesuruhjaya Bangunan.

- b) Untuk tahun 2014, Kerajaan Negeri merancang untuk mempergiatkan usaha dalam memperkasa kemahiran JMC melalui kaedah pendidikan seperti berikut:
 - i) Melaksanakan kursus secara berkala mengikut zon kawasan Pihak Berkuasa Tempatan menggunakan modul latihan yang seragam di peringkat negeri Selangor;
 - ii) Menambah baik struktur organisasi COB PBT dengan penambahan pegawai berdasarkan zon kawasan untuk turun padang dalam memastikan semua pengurusan JMB adalah teratur seperti yang diperuntukkan Akta 663.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(KINRARA)**

TAJUK : TAHUN MELAWAT MALAYSIA 2014

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan lima negara yang mencatatkan jumlah pengunjung tertinggi melancong ke Selangor dalam tiga tahun yang lepas.
- b) Menjelang Tahun Melawat Malaysia 2014, apakah rancangan kerajaan negeri dalam mempertingkatkan lagi sektor pelancongan negeri Selangor?
- c) Sila nyatakan lima destinasi pelancongan utama di Selangor.

JAWAPAN:

- a) Lima negara yang mencatatkan jumlah pengunjung tertinggi yang datang melancong ke Selangor untuk tahun 2010 hingga 2013 adalah seperti berikut;
 - i) Singapura
 - ii) China
 - iii) Thailand
 - iv) Indonesia
 - v) India
- b) Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor akan mempromosikan Negeri Selangor sebagai destinasi pelancongan yang unik di Selangor. Antara rancangan yang akan dijalankan adalah seperti berikut:-

i) Promosi

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor akan meneruskan semua aktiviti promosi yang telah dijalankan sama ada di dalam mahu pun luar Negara untuk memperkenalkan semua produk pelancongan di Negeri Selangor.
- b) Tourism Selangor juga akan terus mempromosikan produk pelancongan dengan menggunakan medium yang sesuai sama ada melalui media cetak, mahupun elektronik untuk memastikan golongan sasaran dapat menerima maklumat berkaitan destinasi ini.

ii) Website

Tourism Selangor melalui laman web rasmi akan sentiasa mempromosikan produk-produk pelancongan Negeri Selangor dan memastikan semua maklumat yang dipaparkan adalah yang terkini dan tepat.

iii) Familiarization Trip (FAM Trip)

Tourism Selangor juga akan mengadakan lawatan-lawatan untuk para media dan agensi-agensi pelancongan dalam dan luar Negara bagi mempromosikan produk-produk pelancongan secara terus kepada 'key players'.

iv) Acara-acaraPelancongan

Tourism Selangor turut menganjurkan acara-acara yang akan menjadikan tarikan pelancong untuk datang ke Negeri Selangor. Antara acara yang akan dianjurkan pada tahun 2014 adalah seperti berikut :-

- a) Malaysia Women marathon
- b) Festival Bon Odori
- c) Raja Muda Regatta
- d) Karnival Sate Kajang
- e) Selangor Photo carnival
- f) My Selangor Story
- g) TS Breakaway
- h) Urbanscapes
- i) TS DAY OUT
- j) TS EAT OUT

v) Pakej-Pakej Pelancongan

Tourism Selangor telah melancarkan pakej-pakej yang menarik khusus untuk Tahun Melawat Malaysia 2014 bagi menarik lebih ramai pelancong datang melawat Negeri Selangor. Pakej-pakej tersebut meliputi pakej pelancongan kesihatan, membeli-belah, pelancongan agro, pelancongan eko, taman tema dan sebagainya.

vi) Rak Risalah Pelancongan

Tourism Selangor akan mengagihkan rak risalah pelancongan kepada hotel-hotel dan agensi pelancongan sebagai medium mempromosikan pelancongan Negeri Selangor.

- c) Berikut adalah 5 destinasi di Negeri Selangor yang popular di kalangan pelancong dari dalam dan luar negara:

Bil.	Destinasi Pelancongan	Daya Tarikan
1.	Sunway Lagoon, Petaling Jaya	<ul style="list-style-type: none"> • Taman Tema Air • 'One stop centre' bagi hiburan, membeli-belah, hospital, pendidikan dan lain-lain
2.	Batu Caves, Gombak	<ul style="list-style-type: none"> • Perayaan Thaipusam • Tempat beribadat terbesar bagi masyarakat India
3.	Kelip-Kelip, Kuala Selangor	<ul style="list-style-type: none"> • Menyaksikan keindahan hidupan kerdipan kelip-kelip pada waktu malam
4.	I-City Shah Alam, Shah Alam	<ul style="list-style-type: none"> • Menyaksikan keindahan pelbagai lampu LED yang berwarna-warni serta aktiviti bermain salji di 'snow walk', galeri seni dan permainan taman tema air yang menyeronokkan.
5.	Litar Formula One, Sepang	<ul style="list-style-type: none"> • Litar Formula Satu bagi kejohanan lumba motor dan kereta formula satu peringkat antarabangsa dan antara litar yang terbaik di dunia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : BANTUAN KEBAJIKAN JKM

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah kadar bantuan bulanan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan negeri untuk penerima bantuan kemiskinan jabatan kebajikan masyarakat?
- b) Adakah pihak kerajaan negeri berhasrat ingin menaikkan kadar bantuan bulanan dari kerajaan negeri kepada kadar yang lebih realistik dalam keadaan kegawatan ekonomi?
- c) Berapa ramai penerima bantuan daripada kerajaan negeri, sila kemukakan mengikut daerah?

JAWAPAN:

- a) Kadar Bantuan Am yang ditetapkan oleh kerajaan negeri adalah dari RM100 hingga RM175 sebulan.
- b) Pentadbiran Kerajaan Negeri yang dipimpin oleh Pakatan Rakyat menyambut baik cadangan yang diberikan berikutan peningkatan taraf hidup masyarakat pada masa kini. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukkan khas Bantuan Am yang diuruskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor kepada penerima yang dikenal pasti layak menerima bantuan ini dengan kadar yang diluluskan antara RM100.00 hingga RM175.00 sebulan bagi setiap keluarga. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri berpendapat bahawa dengan memberi bantuan berbentuk kewangan secara berterusan tidak dapat membantu menyelesaikan masalah penerima bantuan keluar dari kelompok kemiskinan. Bagi menghadapi kegawatan ekonomi, bermula tahun 2010, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Kebajikan telah mengubah polisi kebajikan dari bantuan kewangan kepada bantuan berpendapatan (welfare to workfare) kepada penerima bantuan. Melalui polisi ini, penerima bantuan akan dikenal pasti dan diberikan latihan kemahiran yang bersesuaian dan berpotensi untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Pelbagai tawaran kursus dan latihan kemahiran telah disediakan kepada penerima bantuan bagi membantu mereka mengubah cara hidup kepada sikap untuk berusaha menjana pendapatan bagi menjamin kehidupan yang lebih selesa seterusnya dapat mengeluarkan mereka daripada kelompok kemiskinan. Antara bantuan berpendapatan yang disediakan

adalah melalui skim mikro kredit kepada golongan yang berpendapatan rendah sama ada di luar bandar (SKIMSEL) atau di bandar (MiMBAR) dan dikenal pasti berpotensi untuk memajukan diri dalam bidang perniagaan.

- c) Jumlah penerima Bantuan Am mengikut pecahan daerah bagi September 2013 adalah seperti jadual di bawah :

BIL	PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH (PKMD)	BIL. PENERIMA BANTUAN
1	KLANG	1,594
2	GOMBAK	668
3	PETALING JAYA	516
4	HULU LANGAT	1,134
5	KUALA LANGAT	1,024
6	HULU SELANGOR	1,294
7	SEPANG	723
9	KUALA SELANGOR	1,165
10	SABAK BERNAM	639
11	SUBANG JAYA	386
12	SHAH ALAM	255
JUMLAH		9,398

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(BATANG KALI)**

TAJUK : PERDAGANGAN ANTARABANGSA

112. Selangor antara negeri utama di Malaysia yang mengeluarkan produk serta perkhidmatan ke peringkat antarabangsa

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah nilai eksport produk-produk dari Selangor ke peringkat antarabangsa?
- b) Nyatakan jenis-jenis produk dan kawasan industri penyumbang utama perdagangan antarabangsa Selangor?
- c) Nyatakan anak-anak syarikat negeri yang aktif di peringkat perdagangan antarabangsa?

JAWAPAN:

- a) Jabatan Perangkaan tidak mempunyai data eksport / import mengikut negeri. Walau bagaimanapun, Jabatan Perangkaan telah menjalankan Banci Ekonomi 2011 bagi tahun rujukan 2010. Maklumat ini boleh digunakan sebagai input untuk menganggar nilai eksport dari negeri Selangor.

Antara sektor yang menyumbangkan kepada nilai eksport yang tinggi adalah sektor pembuatan. Hasil Banci yang dijalankan menunjukkan bahawa jumlah nilai jualan sektor pembuatan daripada negeri Selangor adalah sebanyak RM216.55 bilion (27.1 peratus) daripada jumlah keseluruhan nilai jualan di peringkat Malaysia iaitu RM799.99 bilion pada tahun 2010.

- b) Oleh yang demikian, berdasarkan kajian tersebut adalah didapati lima (5) produk pembuatan yang mencatatkan nilai jualan yang tinggi daripada Negeri Selangor adalah seperti berikut:

Keterangan	Nilai Jualan (RM'000)	Nilai (RM Bilion)
<i>Carriage assembly (hard disk drive)</i>	10,320,107.8	10.320
<i>Air-conditioner, room</i>	3,382,734.3	3.383
<i>Rubber gloves, examination</i>	3,237,123.4	3.237
<i>Plasma Televisyen</i>	2,534,130.1	2.534
<i>Modulator</i>	2,114,859.1	2.115

Manakala nilai jualan produk pembuatan mengikut daerah di Negeri Selangor adalah seperti berikut:

Daerah	Nilai Jualan (RM'000)	Nilai (RM Bilion)
Petaling	107,621,042.3	107.621
Klang	43,489,054.2	43.489
Hulu Langat	34,856,743.4	34.857
Gombak	16,190,604.3	16.191
Kuala Langat	7,179,529.0	7.180
Kuala Selangor	2,852,548.7	2.853
Sepang	2,622,418.0	2.622
Hulu Selangor	1,642,170.5	1.642
Sabak Bernam	98,301.7	0.98
JUMLAH	216,552,412.1	216.552

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Selangor.

Nota:

Mengikut peruntukan di bawah Akta Perangkaan, 1965 (Disemak - 1989), maklumat individu syarikat yang diterima adalah SULIT dan tidak boleh dihebahkan kepada sesiapa atau mana-mana institusi di luar Jabatan ini. Berdasarkan Akta Perangkaan, kerahsiaan maklumat responden adalah merupakan elemen utama yang diberi penekanan.

- c) Berdasarkan rujukan dengan anak syarikat negeri, tiada syarikat negeri yang aktif di peringkat perdagangan antarabangsa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(PAYA JARAS)**

TAJUK : BANTUAN PENDIDIKAN ANAK SELANGOR

113. Dalam Pilihan raya ke 13 baru-baru ini, Pakatan Rakyat telah menguar-uarkan bahawa sekiranya Pakatan Rakyat memenangi pentadbiran Putrajaya maka semua pinjaman di bawah skim PTPTN akan dihapuskan bagi membantu pelajar-pelajar dari menanggung beban hutang.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sebagai tanda kesediaan Kerajaan Pakatan Rakyat melaksanakan misi tersebut apakah kerajaan Negeri Selangor akan menghapuskan semua pinjaman pelajaran di bawah Yayasan Selangor?
- b) Apakah Kerajaan Selangor mengiktiraf bantuan pendidikan kepada anak-anak di Selangor yang mempunyai nombor kod kad pengenalan di bawah kod 71?

JAWAPAN:

- a) Sejak 2012 Yayasan Selangor tidak lagi menawarkan Pinjaman Pelajaran, hanya Kerajaan Negeri yang menawarkan pinjaman tersebut.
- b) Bantuan pendidikan akan diiktiraf sekiranya memenuhi syarat-syarat seperti berikut:
 - i) Permohonan adalah terbuka kepada **Warganegara Malaysia** sahaja;
 - ii) Pemohon mestilah terdiri daripada **Rakyat D.Y.M.M Sultan Selangor Darul Ehsan** yang memenuhi kriteria seperti berikut:
 - (a) **Pemohon** lahir di Negeri Selangor; atau
 - (b) **Ibu** atau **Bapa** pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
 - (c) Pemohon Tidak Lahir di Negeri Selangor tetapi telah menetap dan bersekolah di Negeri Selangor **melebihi tempoh** 11 tahun.
 - iii) Pemohon telah ditawarkan tempat untuk memasuki **Tahun Pertama** (Semester Pertama) mulai **Julai 2008**;
 - iv) Pemohon telah ditawarkan tempat untuk melanjutkan pengajian secara **sepenuh masa** (*full-time courses*) di IPTA atau IPTS yang diiktiraf oleh

Kerajaan bagi pengajian di peringkat **Ijazah Sarjana Muda** atau **Diploma** sahaja;

- v) Pemohon **telah pun mendaftarkan diri** di IPT bagi memulakan sesi pengajian; dan
- vi) Pendapatan isi rumah Ibu Bapa/Penjaga pemohon berjumlah RM1,500 ke bawah.
(Walau bagaimanapun keputusan MMKN MMK Bil 32/2013 pada 23 Oktober memutuskan berkuat kuasa Mei 2013 dengan mengguna pakai syarat kelayakan pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000.00 ke bawah)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN NEGERI SELANGOR

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan apakah perancangan projek pembangunan Negeri Selangor dalam tempoh 5 tahun ini?
- b) Sila senaraikan secara terperinci projek pembangunan yang telah diluluskan dan jumlah keluasan serta anggaran nilai pembangunan?
- c) Sila kemukakan berapakah jumlah peluang pekerjaan yang bakal diwujudkan dan impak terhadap ekonomi Negeri Selangor?

JAWAPAN:

(a) dan (b)

Ekonomi negeri Selangor akan terus berkembang menerusi pelaksanaan tujuh (7) projek pembangunan yang telah diluluskan oleh Majlis Perancangan Fizikal Negara. Projek-projek pembangunan berkenaan akan melibatkan tanah milik kerajaan dan swasta seluas 3,771.81 hektar di seluruh negeri dengan nilai pembangunan kasar berjumlah RM38.22 billion.

Tujuh (7) projek pembangunan berkenaan adalah:

- i) Pembangunan bercampur di Bandar Bukit Raja di Kapar (Sime Darby)
 - ii) Pembangunan bercampur di Rawang (Kundang Properties)
 - iii) Resort Golf 18-lubang di Batang Kali (Mines Gold & City Sdn Bhd)
 - iv) Pembangunan bercampur di Beranang, Hulu Selangor (Riverside Hills Sdn Bhd)
 - v) Projek perumahan dan komersil di Dengkil, Sepang (Tristar Acres Sdn Bhd)
 - vi) Projek perumahan di Semenyih, Hulu Langat (UEM Land Berhad)
 - vii) Pembangunan semula kawasan Institut Penyelidikan Getah Malaysia di Sungai Buloh (Kwasa Ldn Sdn Bhd)
- c) Berdasarkan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan aktiviti ekonomi yang berkembang rancak menjadi faktor migrasi penduduk negeri-negeri lain ke Negeri Selangor untuk mencari pekerjaan. Sebagai contohnya, bagi tempoh

tahun 2000 sehingga Ogos 2013 sebanyak 307,198 potensi peluang pekerjaan diwujudkan dalam sektor perkilangan. Dari jumlah ini dapat dianggarkan secara purata sebanyak 21,942 potensi peluang pekerjaan diwujudkan setahun di Negeri Selangor.

Sekiranya ekonomi Negeri Selangor terus berkembang dengan sektor perkilangan dan perkhidmatan terus menjadi pemaju utama pertumbuhan ekonomi Selangor, dianggarkan sebanyak 109,714 potensi peluang pekerjaan bakal diwujudkan dalam tempoh lima tahun yang akan datang dengan asas pengiraan nilai purata jumlah peluang pekerjaan sebanyak 21,942 setahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH
(KAJANG)**

TAJUK : SISTEM PENGANGKUTAN AWAM

115. Perkhidmatan pengangkutan awam terutamanya perkhidmatan bas tidak memasuki kawasan perumahan dalam Adun Kajang

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sama ada Kerajaan Negeri akan membuat ketetapan supaya laluan perkhidmatan pengangkutan awam patut melingkungi kawasan perumahan yang padat penduduk terutama sekali kawasan perumahan kos sederhana dan sederhana rendah.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor berpendirian bahawa laluan perkhidmatan awam memang sepatutnya melingkungi kawasan awam dan padat penduduk terutamanya di kawasan-kawasan perumahan. Oleh yang demikian, rancangan untuk menyediakan bas komuniti yang sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak PBT akan mengambil kira faktor dan ketetapan berikut:-
- i) Kawasan kepadatan penduduk yang tinggi
 - ii) Kawasan berpendapatan sederhana
 - iii) Kawasan yang tiada perkhidmatan bas ke pusat bandar dan pusat tumpuan
 - iv) Keutamaan kepada warga emas, golongan OKU dan kanak-kanak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : MEMBANTERAS HAIWAN PEROSAK

116. Monyet, lotong dan khinzir antara haiwan perosak yang sering mengganggu tanaman pekebun.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk mengatasi masalah ini?
- b) Adakah kerajaan ada menyediakan peruntukan untuk mengatasi masalah ini?
- c) Apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah haiwan perosak yang telah sekian lama mendatangkan kerugian dari hasil tanaman mereka?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Negeri Selangor sedang mengatasi dan menangani masalah ini.
- b) Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Negeri Selangor tidak mempunyai peruntukan khusus.

Kerajaan Negeri tidak mempunyai peruntukan khusus tetapi akan menggunakan peruntukan-peruntukan lain yang juga boleh digunakan untuk mengatasi masalah ini sekiranya diperlukan.

- c) Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Negeri Selangor telah mengambil tindakan dengan memasang perangkap di lokasi-lokasi yang terlibat dengan masalah haiwan perosak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : SIMPANAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah sumber dan faktor-faktor sebenar yang menyumbang kepada peningkatan simpanan kewangan kerajaan Negeri Selangor yang mencecah lebih dari RM3 bilion ?
- b) Senaraikan mengikut kepentingan, sektor-sektor utama yang difokuskan oleh Kerajaan Negeri bagi menyalurkan dana tersebut ?

JAWAPAN:

- a) Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Secara keseluruhannya, baki Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2012 adalah meningkat sebanyak 34.74% iaitu daripada RM1,944.00 juta pada tahun 2011 kepada RM2,619.44 juta pada tahun 2012.

Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh lebihan terimaan hasil berbanding perbelanjaan pada tahun 2012 berjumlah RM268.10 juta dan peningkatan terimaan amanah sebanyak RM386.45 juta.

Sumber peningkatan ketara yang menjadi hasil Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:-

Cukai Tanah	- RM 463.52 juta
Bayaran Perkhidmatan (Pindah Milik)	- RM 42.62 juta
Premium Tanah	- RM 869.94 juta
Faedah daripada Pelaburan	- RM 59.76 juta
Terimaan Daripada Persekutuan	- RM 235.13 juta

Pengukuhan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor adalah disumbangkan oleh usaha-usaha yang berterusan bagi meningkatkan kutipan hasil Kerajaan Negeri Selangor di samping pengurusan perbelanjaan wang awam yang menekankan prinsip ketelusan, keupayaan dan kebertanggungjawaban dalam semua urusan bagi memastikan nilai serta kualiti bagi perbelanjaan yang dikeluarkan dalam semua urusan adalah yang terbaik (*value for money*).

Pengukuhan kedudukan kewangan Negeri Selangor juga disumbangkan oleh pelaksanaan perkara-perkara berikut:-

- i) pewujudan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri. Pewujudan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri telah berjaya membantu Kerajaan Negeri dalam menguruskan lebihan tunai dengan lebih efisien di samping memberi pulangan faedah yang optimum. Bagi tahun 2013 (seperti pada 31 Oktober 2013), Kerajaan Negeri telah berjaya mengutip hasil daripada faedah ke atas pelaburan sebanyak RM59.16 juta berbanding RM14.50 juta pada tahun 2007;

Tahun	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013
Amaun (RM juta)	14.50	20.78	20.51	20.89	44.21	52.12	59.16

- ii) pelaksanaan Operasi Bersepadu Mengutip Hasil Tanah dengan kerjasama di antara Perbendaharaan Negeri Selangor, semua Pejabat Daerah/Tanah, Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Bahagian Teknologi Maklumat, SUK sebagai satu pasukan (Ops. Kutip). Di antara pendekatan yang dilaksanakan melalui Ops. Kutip adalah seperti berikut:-
- 1) Polisi '*Knock Door*' iaitu dengan menghantar notis tuntutan dan surat peringatan terus kepada penunggak-penunggak tegar;
 - 2) mengadakan siri perbincangan bersama penunggak-penunggak tegar bagi menyelesaikan cukai tanah tertunggak;
 - 3) memberikan peluang kepada penunggak untuk membayar secara ansuran berjadual dengan syarat pembayaran dibuat secara konsisten; dan
 - 4) sekiranya penunggak tegar tersebut masih tidak menjelaskan cukai tanah tertunggak, Pejabat Daerah/Tanah tanpa teragak-agak akan terus menguatkuasakan Notis 6A, Notis Tuntutan Hasil Tertunggak dan sekiranya dalam tempoh 3 bulan ia masih tidak dijelaskan maka seterusnya Notis 8A, Rampasan Tanah akan dilaksanakan.
- iii) Kerajaan Negeri terutamanya melalui Pejabat Daerah/Tanah sentiasa berusaha meningkatkan kutipan cukai tanah melalui beberapa kaedah iaitu:-
- 1) Mengenal pasti serta mengasingkan semua hak milik (tertunggak) yang bermasalah agar tindakan susulan dapat diambil;
 - 2) membuka kaunter kutipan di luar pejabat bagi Pejabat Daerah/Tanah di kawasan pedalaman;
 - 3) membuka kaunter pada waktu rehat; dan
 - 4) menambahkan saluran / kaedah pembayaran secara online dan pusat pembayaran di kaunter PBT.
- iv) Kerajaan Negeri juga berusaha menangani tunggakan hasil cukai tanah dengan menubuhkan Jawatankuasa Kerja Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di Peringkat Negeri yang dipengerusikan oleh Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Selangor dan di Peringkat Daerah ianya

dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Jawatankuasa tersebut berfungsi untuk melaksanakan kutipan tunggakan cukai tanah secara holistik yang melibatkan penunggak tegar dan penyelesaian hak milik yang terlibat dengan permasalahan tanah di semua Pejabat Daerah/Tanah;

- v) Kerajaan Negeri turut mewujudkan pasukan *Taskforce* Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di 4 Pejabat Daerah/Tanah iaitu Petaling, Klang, Gombak dan Hulu Langat untuk menangani secara khusus masalah tunggakan cukai tanah daripada hak milik bermasalah. Pada tahun 2012, tunggakan hasil Kerajaan Negeri Selangor adalah berjumlah RM352.12 juta berbanding RM425.27 juta pada tahun 2011 dengan pengurangan sebanyak RM73.15 juta; dan
 - vi) Perbendaharaan Negeri Selangor pada 23 Jun 2012 telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2012 - Garis Panduan Perbelanjaan Berhemah bagi memperkemaskan dan membuat penambahbaikan terhadap garis panduan perbelanjaan berhemah dan langkah-langkah tambahan yang perlu diambil kira ke arah pengurusan perbelanjaan wang awam yang sempurna.
- b) Kerajaan Negeri dalam perancangan penggunaan sumber kewangan mengutamakan program atau projek yang akan membawa manfaat jangka panjang kepada kebajikan rakyat dan pembangunan negeri. Kerajaan Negeri Selangor akan mendapatkan kelulusan Dewan Negeri Selangor bagi projek-projek pembangunan seperti berikut:
- i) pembinaan jambatan ketiga Klang – RM150 juta;
 - ii) pembinaan rumah mampu milik – RM100 juta;
 - iii) pembinaan sekolah – RM50 juta; dan
 - iv) pembangunan belia dan keusahawanan – RM50 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : BILANGAN WANITA BEKERJA DI SELANGOR

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah dan adakah kerajaan akan menetapkan dasar yang lebih ketat terhadap pasar raya-pasar raya besar dan kawasan komersial untuk menyediakan tempat penyusuan ibu dan kemudahan taska, taski, tadika dan sebagainya?
- b) Nyatakan bilangan taska, taski dan tadika serta bilangan ibu yang telah menerima manfaat daripada program Tunas sejak permulaannya sehingga sekarang.

JAWAPAN:

- a) Sebahagian besar pasar raya-pasar raya besar dan kawasan komersial telah menyediakan tempat penyusuan ibu yang bersesuaian mengikut kemampuan peruntukan kewangan masing-masing sebagai tanda sokongan terhadap penyusuan ibu dan kemudahan tempat penyusuan ibu kepada para pengunjung pasar raya dan kawasan komersial yang berkaitan. Ia akan dilakukan berperingkat-peringkat bermula dengan usaha advokasi dengan disusuli penubuhan ruang penyusuan yang selesa untuk ibu dan anak. Maklum balas dari pasar raya-pasar raya adalah berterusan. Sebahagian besar pasar raya memerlukan jangka masa enam bulan untuk kelulusan, ubah suai untuk penyediaan lokasi yang sesuai beroperasi sebagai tempat penyusuan ibu. Ada juga yang telah menjadikan ia secara sukarela sebagai satu dasar dalam khidmat kepada pelanggan. Ia juga merupakan satu Tanggungjawab Sosial Korporat yang perlu digalakkan. Menyediakan ruang penyusuan ibu ini akan dijadikan dasar kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2014 kelak.
- b) Skim TUNAS atau Skim Bantuan Tadika Selangor diwujudkan sebagai subsidi pendidikan bagi meringankan bebanan keluarga yang berpendapatan kurang RM2,500 sebulan. Skim TUNAS ini khusus untuk anak-anak yang dihantar ke Tadika atau Pra Sekolah.
Untuk makluman, SKIM BANTUAN ASUHAN RAKYAT (SI KEMBAR) pula adalah diwujudkan untuk mengurangkan beban pembayaran Yuran menghantar anak-anak ke TASKA DI RUMAH atau TASKA INSTITUSI yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Penerima manfaat bagi program Tunas dan SiKembar adalah seperti berikut:

SKIM/JENIS INSTITUSI	PRA-SEKOLAH	TASKI	TADIKA	LAIN-LAIN	TASKA	JUMLAH
TUNAS	25	75	40	119		259
SIKEMBAR					193	193
JUMLAH KESELURUHAN						452

Bilangan Taska dan Tadika sehingga 30 Oktober 2013

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PENERIMA DAN PERBELANJAAN PERUNTUKAN MARRIS

119. Setiap tahun Kerajaan Negeri menerima bayaran peruntukan MARRIS dari Kerajaan Persekutuan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan MARRIS yang telah diterima oleh Kerajaan Negeri Selangor dari Kerajaan Persekutuan tiap-tiap tahun dari tahun 2008 hingga 2012?
- b) Berapa banyak dari peruntukan tersebut telah dibelanjakan mengikut tahun dari tahun 2008 hingga 2012?
- c) Berapakah peruntukan MARRIS yang patut dibayar kepada PBT mengikut PBT Negeri Selangor ? dan berapakah bayaran yang telah dibayar kepada PBT, mengikut PBT Negeri Selangor dari tahun 2008 hingga 2012 .

JAWAPAN:

- a) Peruntukan Penyenggaraan Jalan Negeri yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan mengikut tahun dari tahun 2008 hingga 2012 adalah seperti berikut:-

TAHUN	JUMLAH TERIMAAN MARRIS (RM)
2008	300,966,292.00
2009	315,627,131.00
2010	351,659,938.00
2011	368,356,025.00
2012	416,971,395.00
JUMLAH	1,753,580,781.00

- b) Perbelanjaan yang telah dibelanjakan sejak tahun 2008 hingga 2012 adalah berjumlah RM1,348,600,925.47 seperti perincian berikut:-

Tahun	Perbelanjaan (RM)
2008	379,606,203.32
2009	328,751,219.30
2010	243,610,288.00
2011	218,512,005.70
2012	178,121,209.15
Jumlah	1,348,600,925.47

- c) Berikut merupakan peruntukan MARRIS yang **dibayar** kepada PBT Negeri Selangor dari tahun 2008 hingga 2012 :-

PBT	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
MBSA	22,000,000.00	7,000,000.00	5,500,000.00	4,277,030.00	9,200,000.00
MBPJ	10,000,000.00	7,000,000.00	5,500,000.00	6,567,748.85	14,000,000.00
MPSJ	9,000,000.00	7,000,000.00	5,500,000.00	4,990,900.00	10,750,000.00
MPAJ	12,000,000.00	7,000,000.00	5,500,000.00	5,837,625.50	12,000,000.00
MPKj	10,000,000.00	7,000,000.00	5,500,000.00	5,809,708.00	12,000,000.00
MPS	22,000,000.00	7,000,000.00	6,750,000.00	6,443,452.72	13,800,000.00
MPK	14,000,000.00	7,000,000.00	7,500,000.00	9,307,662.00	18,250,000.00
MPSp	7,000,000.00	7,000,000.00	5,000,000.00	3,066,177.95	6,200,000.00
MDKS	7,000,000.00	5,000,000.00	4,500,000.00	5,919,995.00	12,000,000.00
MDKL	6,000,000.00	5,000,000.00	5,000,000.00	5,179,841.70	9,800,000.00
MDHS	7,000,000.00	5,000,000.00	7,000,000.00	3,911,680.00	8,000,000.00

PBT	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
MDSB	4,000,000.00	5,000,000.00	4,000,000.00	4,955,383.60	10,000,000.00
JUMLAH	130,000,000.00	76,000,000.00	61,923,960.00	66,267,205.32	136,000,000.00

Berikut merupakan peruntukan MARRIS yang **telah dibayar** kepada PBT Negeri Selangor dari tahun 2008 hingga 2012 :-

PBT	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
MBSA	22,000,000.00	7,000,000.00	5,500,000.00	4,277,030.00	8,506,413.55
MBPJ	10,000,000.00	7,000,000.00	5,500,000.00	6,567,748.85	10,592,737.99
MPSJ	9,000,000.00	7,000,000.00	5,500,000.00	4,990,900.00	9,460,233.69
MPAJ	12,000,000.00	7,000,000.00	5,500,000.00	5,837,625.50	11,830,638.70
MPKj	10,000,000.00	7,000,000.00	5,500,000.00	5,809,708.00	10,738,592.00
MPS	22,000,000.00	7,000,000.00	6,750,000.00	6,443,452.72	13,045,287.49
MPK	14,000,000.00	7,000,000.00	7,500,000.00	9,307,662.00	15,054,881.40
MPSp	7,000,000.00	7,000,000.00	5,000,000.00	3,066,177.95	4,926,746.62
MDKS	7,000,000.00	5,000,000.00	4,500,000.00	5,160,291.00	11,183,260.30
MDKL	6,000,000.00	5,000,000.00	5,000,000.00	4,352,847.40	8,933,843.56
MDHS	7,000,000.00	5,000,000.00	7,000,000.00	1,892,701.00	5,927,171.00
MDSB	4,000,000.00	5,000,000.00	4,000,000.00	4,955,383.60	9,079,759.82
JUMLAH	130,000,000.00	76,000,000.00	61,923,960.00	62,661,528.02	119,279,566.12

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : JAMINAN KESELAMATAN PBT

120. Terdapat inisiatif untuk menambah CCTV dan pegawai penguat kuasa dalam manifesto PRU-13 Pakatan untuk keselamatan di kawasan majlis tempatan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status akhir pelaksanaan inisiatif ini?
- b) Nyatakan syarikat kontraktor yang akan menguruskan projek CCTV ini dan rasional pemilihan mereka?.
- c) Nyatakan statistik keberkesanan inisiatif ini dalam menjamin keselamatan awam di kawasan PBT?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah pun mengadakan perjumpaan bersama syarikat perbankan dan persatuan bagi jenis perniagaan berisiko tinggi berlaku jenayah seperti kedai emas, pengurup wang dan pajak gadai yang beroperasi di Negeri Selangor bagi menyatakan hasrat Kerajaan agar pihak swasta bekerjasama memasang CCTV di luar premis perniagaan mereka sebagai salah satu usaha selain yang dilakukan oleh Kerajaan.
Manakala bagi penambahan CCTV sedia ada oleh Kerajaan Negeri masih di peringkat perancangan kerana tumpuan diberikan untuk menyelesaikan proses pemasangan CCTV sejumlah 414 kamera oleh pihak GTC Global Sdn Bhd. Setelah CCTV tersebut dapat beroperasi dengan stabil penumpuan akan diberikan untuk menambah pemasangan CCTV baru.
PBT yang mempunyai kemampuan kewangan sedang di dalam proses untuk menambah anggota dan pegawai penguat kuasa sedia ada. Berikut adalah inisiatif yang dalam tindakan PBT:-

BIL	PBT	KEPERLUAN	JUSTIFIKASI
1.	MBSA	100 ANGGOTA	PENUBUHAN UNIT POLIS BANTUAN
2.	MBPJ	55 ANGGOTA	PERTAMBAHAN KEPADA YANG SEDIA ADA

3.	MPKj	91 ANGGOTA	PERTAMBAHAN KEPADA YANG SEDIA ADA
4.	MPS	50 ANGGOTA	PERTAMBAHAN KEPADA YANG SEDIA ADA
5.	MPKlang	34 ANGGOTA	PERTAMBAHAN KEPADA YANG SEDIA ADA
6.	MPAJ	15 ANGGOTA	PERTAMBAHAN KEPADA YANG SEDIA ADA

- b) Syarikat kontraktor yang akan menguruskan projek CCTV ini masih belum diputuskan oleh Kerajaan Negeri.
- c) Statistik keberkesanan inisiatif ini dalam menjamin keselamatan awam di kawasan PBT masih belum dapat dibekalkan kerana ianya belum dilaksanakan sepenuhnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : BANCIAN TANAH TERBIAR DI KAWASAN SEMPADAN NEGERI

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah keluasan tanah terbiar yang terletak di sempadan antara Selangor dengan Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri lain?
- b) Apakah kategori kawasan tanah tersebut?
- c) Berapakah nilai hasil di segi premium atau hasil cukai jika diuruskan secara optimum?

JAWAPAN:

- a) Keluasan tanah terbiar yang terletak di sempadan antara Selangor dengan Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri lain adalah seluas **711 ekar** dan pecahannya mengikut daerah seperti dalam jadual berikut:

BIL	DAERAH	MUKIM	TARAF TANAH	LUAS (EKAR)
1.	Hulu Selangor	Hulu Bernam	Tanah Kerajaan	141
2.	Kuala Langat	Batu	Tanah Kerajaan	20
		Kelanang	Tanah Kerajaan	100
3.	Sabak Bernam	Bagan Nakhoda Omar	Tanah Kerajaan	260
		Sabak	Tanah Kerajaan	100
4.	Sepang	Dengkil	Tanah Kerajaan	90
Jumlah				711

- b) Kawasan tanah terbiar yang terletak di sempadan antara Selangor dengan Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri lain adalah tanah kerajaan.
- c) Berdasarkan laporan Pejabat Tanah Daerah, kategori tanah terbiar di kawasan sempadan negeri adalah rizab hutan dan kawasan bekas lombong. Hasil yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri, sekiranya tanah ini ditadbir urus secara optimum iaitu melalui tender atau jualan terus untuk kategori pertanian adalah sebanyak RM26,179,560.00.

Bagi tanah yang diberi milik melalui Seksyen 76 Kanun Tanah Negara hasil yang boleh diperolehi adalah dalam bentuk premium dan pengiraannya merujuk kepada Kaedah Tanah Selangor 2003 (Pindaan 2005) dengan menggunakan formula seperti berikut :-

- i) Kediaman – $\frac{1}{2} \times \frac{1}{100} \times \text{Nilai Pasaran} \times 99$ tahun
- ii) Perindustrian – $\frac{3}{4} \times \frac{1}{100} \times \text{Nilai Pasaran} \times 99$ tahun
- iii) Perniagaan – $\frac{3}{4} \times \frac{1}{100} \times \text{Nilai Pasaran} \times 99$ tahun

Jumlah premium yang boleh diperolehi bagi kategori kediaman berjumlah RM177,025,662.00, kategori perindustrian berjumlah RM361,112,944.50 dan kategori perniagaan berjumlah RM476,093,376.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : PENGANGKUTAN AWAM

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah kerajaan akan mula menyediakan pengangkutan awam termaksud perkhidmatan bas di Lembah Klang seperti yang dijanjikan di Manifesto Selangor Pakatan Rakyat?
- b) Apakah rancangan pelaksanaan janji manifesto tersebut?

JAWAPAN:

a) dan b)

Buat masa kini, kertas cadangan pelaksanaan perkhidmatan pengangkutan awam percuma telah dikemukakan oleh lapan (8) buah PBT kawasan bandar raya dan perbandaran (MBSA, MBPJ, MPK, MPAJ, MPSJ, MPS, MPKj dan MPSP). Namun demikian, setiap cadangan rangka kerja perkhidmatan bas awam percuma tersebut akan diperhalusi dalam mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan agar kemudahan dan perkhidmatan yang diberikan berkesan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan perkhidmatan bas ini telah dilaksanakan sejak tahun 2008 oleh MBPJ dan merupakan PBT yang pertama berjaya menyediakan perkhidmatan bas komuniti kepada penduduk di kawasan pentadbiran MBPJ yang berpendapatan rendah dan warga emas. Perkhidmatan ini diberikan dari jam 9.30 pagi sehingga jam 2.30 petang dan bas memuatkan kapasiti seramai 30 orang. MBPJ mempunyai 2 buah bas komuniti yang meliputi laluan mengikut zon iaitu Zon Petaling Jaya Selatan (PJS) dan Zon Petaling Jaya Utara (PJU).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : PUSAT ASUHAN KANAK-KANAK (NURSERI)

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan jumlah dan lokasi pusat asuhan kanak-kanak (nurseri) yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri Selangor mengikut pecahan PBT bagi tahun 2007-2013 dan apakah sasaran untuk tambahan pusat asuhan kanak-kanak (nurseri) awam bagi 2013-2018.
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan bahawa sektor swasta mewujudkan pusat asuhan kanak-kanak (nurseri) seperti diwajibkan dalam akta?
- c) Apakah langkah-langkah bagi memastikan kualiti pusat asuhan kanak-kanak (nurseri) adalah terjaga dan apakah sistem sokongan yang wujudkan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menjaga keperluan golongan wanita yang berumah tangga dan bekerja?

JAWAPAN:

- a) Pusat asuhan kanak-kanak dikenali sebagai Taman Asuhan Kanak-Kanak atau TASKA. Jumlah dan lokasi TASKA diwujudkan oleh Kerajaan Negeri Selangor mengikut PBT bagi tahun 2007-2013 tidak diketahui dan tiada maklumat.

Walau bagaimanapun, jumlah TASKA yang berdaftar di bawah JKM sehingga No 2013 ialah:

- i) TASKA institusi – 519
- ii) TASKA tempat kerja – 8 buah
- iii) TASKA di rumah – 161
- iv) TASKA komuniti – 7 buah

Jabatan menetapkan sasaran Pendaftaran TASKA tahunan berdasarkan kepada KPI yang ditetapkan oleh Kementerian Pembangunan Keluarga, Wanita dan Masyarakat iaitu:

TAHUN	KPI	PENCAPAIAN
2012	250	261
TAHUN	KPI	PENCAPAIAN

2013	293	427
2014	350	-

- b) Semua TASKA wajib berdaftar di bawah Sek 4 Akta TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK 1984
Antara langkah-langkah yang diambil bagi menggalakkan penubuhan TASKA ialah:
- i) Inisiatif mempermudah Pendaftaran TASKA pada Dis 2012
 - ii) Inisiatif TASKA 2013
 - Geran Penubuhan TASKA
 - Subsidi Yuran Pengasuhan Kanak-kanak
 - iii) Si KEMBAR (Kerajaan Negeri Selangor)
Subsidi yuran pengasuhan kepada ibu bapa yang layak menghantar anak ke TASKA yang berdaftar dengan JKM
 - iv) Program Kesedaran bagi meningkatkan pemahaman masyarakat dan pengusaha mengenai kepentingan menghantar anak ke TASKA yang berdaftar dengan JKM. Antaranya ialah Program Hari Bertemu Pelanggan (7 kali pada tahun 2012) dan melalui sebaran maklumat di media elektronik dan media cetak.
- c) Antara langkah-langkah memastikan kualiti TASKA terjaga ialah melalui:
- i) Menjalankan tindakan penguatkuasaan berdasarkan Akta dan Peraturan yang berkaitan kepada mana-mana TASKA yang gagal berdaftar dan tidak mematuhi kehendak-kehendak jabatan. Tindakan penguatkuasaan yang boleh dijalankan ialah seperti memberi amaran sebanyak 3 kali, mengenakan Kompaun, meLAK (seal) premis yang tidak berdaftar atau membuat pendakwaan ke atas individu yang didapati gagal mendaftarkan TASKA.
 - ii) Menjalankan pemantauan berkala dan dari masa ke semasa ke taska-taska yang berdaftar bagi memastikan pihak pengusaha mematuhi standard minimum yang ditetapkan JKM dan mengenal pasti TASKA-TASKA baru yang tumbuh di kawasan masing-masing.

- iii) Mewajibkan semua pengasuh (pekerja) menjalani latihan dan kursus dalam bidang asuhan dan pendidikan awal- kanak-kanak (PERMATA)

Bagi menjaga keperluan wanita berkerjaya, Kerajaan Negeri juga menggalakkan penubuhan TASKA tempat kerja di sektor awam dan juga swasta. Malah Kerajaan Negeri juga menyediakan Kursus atau latihan kepada pengasuh yang menjalankan TASKA di rumah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN MODAL INSAN

124. Belia merupakan aset kepada negara. Pembangunan modal insan yang bagus mampu melahirkan para belia yang berkualiti.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan yang bakal dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan Kerajaan Negeri mampu melahirkan belia-belia berkualiti dan mempunyai masa depan yang lebih baik?
- b) Apakah masalah-masalah sosial paling tinggi yang melibatkan belia serta pecahan permasalahan tersebut mengikut DUN, PBT & Daerah?
- c) Apakah inisiatif jangka pendek mengikut pecahan DUN/Daerah yang mampu dilakukan oleh kerajaan negeri bagi membendung salah laku dan masalah gejala sosial yang melanda remaja/belia?

JAWAPAN:

- a) Bagi memastikan Kerajaan Negeri mampu melahirkan belia – belia berkualiti dan mempunyai masa depan yang lebih baik, program dan aktiviti – aktiviti seperti di bawah dirancang dan dilaksanakan:
 - i) Program SPIES remaja/ belia/ mahasiswa merupakan satu mekanisme yang merangkumi elemen SPIES bagi memupuk sikap-sikap positif di kalangan belia yang terlibat dalam kursus yang disediakan.
 - ii) Briged Amal merupakan satu modul khas diwujudkan kepada para belia yang telah menyertai program SPIES sebagai aktiviti *follow up* untuk memastikan mereka terlibat dengan aktiviti berfaedah atau berkualiti melalui program khidmat masyarakat.
 - iii) Program Generasi Idaman Selangor (GeMS) merupakan satu lagi usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam usaha melahirkan belia berkualiti. Melalui pendekatan 5 P iaitu Pencegahan, Pendidikan, Pencelahan, Penguatkuasaan dan Pemulihan. Program ini adalah bertujuan untuk mencegah dan menangani masalah sosial yang melanda golongan belia di Negeri Selangor dengan penganjuran program-program yang berunsurkan positif seperti sembang santai bersama selebriti,

Seminar Pengurusan Cinta, Perkhemahan, Sambutan Tahun baru dan bengkel *Smart* remaja.

- iv) Program pembangunan belia dirancang berdasarkan kepada 6 teras iaitu kepimpinan, keusahawanan, pendidikan, sukan, kemasyarakatan dan seni budaya bagi mencapai hasrat kerajaan dalam membentuk belia sebagai tonggak Negara.
 - v) Menyediakan peluang melanjutkan pelajaran dalam bidang akademik dan kemahiran melalui UNISEL dan Kolej INPENS
- b) Merujuk kepada statistik tangkapan yang dibuat oleh Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Selangor, kes Khalwat mencatat jumlah tangkapan tertinggi, diikuti dengan kes perjudian dan kes arak. Kes berkelakuan tidak sopan di tempat awam juga mencatatkan rekod tertinggi, namun tiada tangkapan dikenakan kepada pelaku. Tindakan yang dikenakan ke atas mereka adalah dengan mengikuti kaunseling selama sehari iaitu kursus Ajaran Mengikut Amalan Rasulullah (AMAR) yang diadakan 4 kali setahun bagi setiap daerah.

Daerah Petaling mencatatkan jumlah tangkapan tertinggi bagi kes Jenayah Syariah dan moral iaitu sebanyak 375 tangkapan, diikuti dengan daerah Hulu Selangor sebanyak 248 tangkapan, Gombak 155 tangkapan, daerah Hulu Langat sebanyak 99 tangkapan, Kuala Langat 93 tangkapan, Kuala Selangor 78 tangkapan, Klang 71 tangkapan.

Sumber : Jabatan Agama Islam Selangor

- c) Bagi Menangani Salah laku dan Gejala Sosial yang melanda remaja/belia Kerajaan Negeri merangka inisiatif-inisiatif berikut:
- i) Pelan Tindakan Menangani Gejala Sosial Negeri Selangor 2013 hingga 2017 telah dirancang dan dilaksanakan yang melibatkan semua pihak berkaitan dan hal ini membuktikan iltizam Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha menangani gejala sosial secara holistik.
 - ii) Menggunakan pendekatan lima (5 P) sebagai indikator pelaksanaan seperti berikut:

a) Pendidikan

- Pendidikan berterusan
- Wujudkan banyak Program Tanggungjawab Sosial Korporat di kalangan anak syarikat dan syarikat swasta dalam usaha menangani gejala sosial di kalangan belia/remaja.

b) Pencegahan

- Memperkukuh institusi Keluarga Negeri Selangor.
- Melaksanakan program dakwah yang lebih interaktif, komprehensif dan menyeluruh meliputi semua kumpulan sasar
- Mewujudkan Media GeMS
- Menyediakan Garis Panduan Hiburan

c) Penguatkuasaan

- Melaksanakan operasi Bersepadu Menangani Gejala Sosial dengan kerjasama jabatan/agensi kerajaan yang berkaitan

d) Pencilahan

- Melahirkan Masyarakat Bebas Dadah
- Member dayakan ekonomi bekas peserta Pusat- Pusat Pemulihan dan Tahanan
- Bantuan Perkahwinan kepada golongan belia
- Program susulan bagi mereka yang terlibat dengan kes di bawah JAIS

e) Pemulihan

- Memulihkan semua yang terlibat dalam gejala sosial dan diubahkan sekurang-kurangnya dalam tempoh 1 tahun.

- iii) Menubuhkan Pusat Sehati Generasi Idaman Selangor juga merupakan inisiatif bagi menangani gejala sosial di kalangan remaja/belia secara holistik yang melibat semua jabatan/agensi kerajaan, pimpinan masyarakat serta penduduk setempat.

DITOLAK DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN TETAP 23 (q) (ii)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN
(TANJONG SEPAT)**

TAJUK : TANAH DAN PERUMAHAN

125. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyak jumlah rumah mampu milik yang telah kerajaan bina sejak tahun 2008 hingga kini?
- b) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk menyediakan dana khas bagi membantu golongan yang ingin membina rumah kediaman di atas tanah milik keluarga?
- c) Berapakah jumlah pemilikan tanah yang telah diselesaikan oleh kerajaan negeri berdasarkan daerah sejak 2010?
- d) Apakah kerajaan akan pertimbangkan untuk memberi hak milik tanah kepada mereka yang telah tinggal dan menetap lebih 20 tahun di atas tanah rizab?
- e) Berapakah tempoh masa yang diambil oleh kerajaan negeri bagi kelulusan hak milik tanah?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

TAJUK : CCTV

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah unit CCTV yang dibekalkan di sekitar DUN Teratai demi keselamatan penduduk?
- b) Berapakah peruntukan tahun 2014 untuk perkara 8(a)?

JAWAPAN:

- a) Terdapat **8 unit CCTV** di sekitar DUN Teratai iaitu :
 - i) Bukit Permai 1
 - ii) Bukit Permai 2
 - iii) Simpang Taman Teratai
 - iv) Puteri Park
 - v) Paragon
 - vi) Taman Muda
 - vii) Taman Kencana
 - viii) Pandan Perdana
- b) Anggaran peruntukan bagi tahun 2014 adalah **RM 90,000.00.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : KEMUDAHAN SUKAN

127. Dataran Anak Muda DUN Taman Medan yang terletak di PJS 1/25 masih belum selesai pembinaan kemudahan sukan di tapak yang dipersetujui bersama dengan MBPJ.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kos pembinaan kemudahan tersebut dimasukkan dalam belanjawan MBPJ 2014? Berapakah jumlah serta tajuk projek?

JAWAPAN:

- a) Pihak Jabatan Kejuruteraan telah menyenaraikan kerja-kerja bagi Cadangan Pembinaan Pentas Terbuka di Dataran Anak Muda PJS 1/32, Petaling Jaya (projek sambungan) dalam peruntukan Tahun 2013. Anggaran kos bagi projek tersebut adalah sebanyak RM 268,891.15. Manakala tiada peruntukan bagi belanjawan 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : SEKOLAH RENDAH AGAMA

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memperkasakan Sekolah Rendah Agama di Negeri Selangor?
- b) Berapakah peruntukkan kerajaan negeri untuk menjayakan program pemeraksanaan SRA?
- c) Berapakah bilangan tenaga pengajar di Sekolah Rendah Agama dalam negeri Selangor ketika ini dan adakah mencukupi?

JAWAPAN:

- a) Jabatan ini sedang dan akan terus memperkasa pendidikan Agama Islam di Sekolah Rendah Agama (SRA) melalui pelaksanaan program:
 - i) Program Integrated Holistic Education System (IHES) iaitu:
 - meningkatkan kualiti guru melalui amalan-amalan peribadi mengikut Sunnah dan al-Quran seperti melaksanakan amalan-amalan sunat, mahmudah dan meninggalkan sifat-sifat mazmumah di samping istiqamah melaksanakan ibadah wajib
 - mengintegrasikan kurikulum dengan kehidupan murid dan guru seharian iaitu melaksana dengan mengikut kemampuan apa yang dipelajari atau diketahui
 - memaksimumkan penggunaan prasarana sedia ada seperti pusat sumber sekolah, surau dan lain-lain dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran.
 - ii) Program Quranic Generation Dvelopment Program (QGDP) iaitu:
 - melaksanakan program pembangunan generasi al-Quran
 - member kursus berkaitan dengan jati diri guru bagi meningkatkan keberkesanan pendidikan
 - meningkatkan kemahiran guru dalam pengajaran dan pembelajaran, di luar kelas, pentadbiran dan ICT melalui kursus dan bengkel.

- memastikan murid melaksanakan Fardhu Ain seperti yang telah diajar melalui Penilaian Asas Fardhu Ain (PAFA)
 - belajar untuk kehidupan bagi mendapat kebaikan di dunia dan di akhirat berbanding belajar dengan menitikberatkan peperiksaan seperti difahami oleh umum masyarakat.
- iii) Program Integrated Holistic Assessment Board (IHAB) iaitu:
- Menilai, mentaksir dan mengukur pencapaian murid secara holistik dengan menggabungkan penilaian melalui Akhlah, Akademik, Pelaksanaan Fardhu Ain, Kokurikulum dan lain-lain.
- iv) Program Education Management System (EdMS) iaitu mengurus pendidikan di sekolah melalui instrumen Pemantauan Naziran, Standart Kualiti Pendidikan JAIS (SKPJ) dan International Standart Operation (ISO) dan boleh diukur dan dipantau.
- v) Menaik taraf Skim Jawatan Guru KAFA di SRA kepada Pegawai Hal Ehwal Islam (PHEI) Gred S17
- b) Anggaran peruntukan Kerajaan Negeri untuk menjayakan program pemerksaan SRA adalah seperti berikut:
- i) Peruntukan tahunan sebanyak **RM300,000.00** untuk melaksanakan program IHES, QGDP, IHAB dan EdMS.
 - ii) Peruntukan tambahan sebanyak **RM19,627,452.00** untuk menaik taraf Skim Jawatan Guru KAFA di SRA kepada PHEI Gred S17.
- c) Bilangan tenaga pengajar di SRA negeri Selangor ketika ini adalah seperti berikut:

BIL.	KATEGORI GURU	BILANGAN GURU
1.	Guru Tetap (PPPLD DG29-34)	706
2.	Guru Kontrak DB17	68
3.	Guru KAFA	4200
Jumlah Keseluruhan		4974

Pada masa ini bilangan guru di SRA seramai 4974 orang adalah mencukupi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PERUNTUKAN “MARRIS”

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah penerimaan peruntukan “MARRIS” bagi tahun 2012?
- b) Berapakah jumlah wang yang telah digunakan bagi tahun 2012. Jika ada lebihan di akaun manakah wang tersebut disimpan?

JAWAPAN:

- a) Geran Peruntukan MARRIS yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2012 adalah sebanyak **RM416,971,395.00**
- b) Pada tahun 2012, sebanyak RM178,121,209.15 peruntukan Penyenggaraan Jalan Negeri telah dibelanjakan. Terimaan peruntukan Penyenggaraan Jalan Negeri diakaunkan di dalam Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri di bawah Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri Selangor dan baki/lebihan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri adalah merupakan sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : STATUS RANCANGAN TAPAK PERKUBURAN BERSEPADU

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah status Rancangan Tapak Perkuburan Bersepadu yang dicadangkan bertempat di Daerah Sepang.

JAWAPAN:

- a) Secara khususnya terdapat dua(2) tapak perkuburan wilayah bersepadu telah dikenal pasti di dalam Daerah Sepang iaitu:-
- i) Lot 3366, Mukim Labu, Daerah Sepang – 40.47 hektar (100 ekar)
 - ii) Lot 5758, Mukim Sepang, Daerah Sepang – 45 hektar (110 ekar)

Pihak Berkuasa Negeri telah menimbang cadangan pengambilan tanah bagi kedua-dua tapak tersebut.

Mesyuarat Teknikal Perancangan Tanah Perkuburan Wilayah Bersepadu di Negeri Selangor Bil. 2/2013 pada 24 Julai 2013 telah membincangkan aspek teknikal dan keperluan bagi kedua-dua lot tersebut iaitu lot 3366 dan lot 5758.

Hasil dari mesyuarat tersebut, bagi lot 3366 merujuk JMG berdasarkan lawatan tapak pada 8 Julai 2013, penemuan JMG adalah seperti berikut:

- i) Tapak merupakan kawasan lembah dan semasa musim hujan kawasan akan mengalami banjir.
- ii) Tapak merupakan tanah gambut yang mempunyai paras air tanah yang tinggi terutama pada musim hujan.
- iii) Ketebalan tanah gambut adalah hampir 2 meter.
- iv) Kedudukan jalan yang bersebelahan adalah lebih tinggi dari tapak.

JMG berpendapat tapak perkuburan ini boleh dipertimbangkan dengan syarat langkah kejuruteraan khusus perlu diambil antaranya pembinaan sistem saliran yang sempurna, pembuangan lapisan tanah gambut dan penambakan tanah. Dianggarkan tambahan perlu dibuat sedalam 2 meter di tapak tersebut.

Justeru itu, mesyuarat berpendapat lot 3366 dikeluarkan dari cadangan tapak PWB kerana keadaan tanah yang tidak sesuai. Lot 3366 akan digantikan dan dipindah ke tapak lot 5758 dengan peluasan tambahan seluas 100 hektar.

Sehingga kini pihak Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) akan membuat penilaian harga tanah di lot 5758 tersebut dan seterusnya proses pengambilan tanah akan dijalankan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : SPIES

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa ramai kakitangan awam yang telah menyertai program SPIES sehingga kini?
- b) Apakah program-program susulan selepas SPIES kakitangan awam?
- c) Bagaimana ukuran keberkesanan program tersebut?


JAWAPAN:

- a) Program SPIES bermula 24 Ogos 2008 - Oktober 2013 dan telah melibatkan penyertaan di kalangan Kakitangan Awam seramai **21,806** orang seperti berikut :

SASARAN PESERTA	JUMLAH PESERTA 2008 – OKT 2013						JUMLAH (ORANG)
	2008	2009	2010	2011	2012	2013	
Kakitangan Awam	135	3,217	9,088	5,381	3,139	846	21,806

- b) Program Susulan selepas SPIES kakitangan Awam ialah program pembudayaan SPIES dalam organisasi yang dikenali sebagai SPIES D'Organisasi (PSO) yang telah dilancarkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor dalam Konvensyen SPIES pada 19 Februari 2013.

Program Pembudayaan SPIES di Organisasi (PSO) bertujuan bagi melaksanakan pembudayaan SPIES dalam organisasi dengan merancang program berdasarkan model Pembangunan Modal Insan (PMI) SPIES mengikut keperluan atau isu dalam organisasi masing-masing. Oleh itu satu manual PSO telah dibuat dan diberi latihan kepada Jawatankuasa Sekretariat PSO di peringkat jabatan yang dikenal pasti. Antara maklumat yang terkandung di dalam **Manual Pembudayaan SPIES di Organisasi (PSO)** adalah seperti gambar rajah di bawah.



Program SPIES adalah program pengupayaan atau memberdayakan insan (*empowering*) untuk menjadi insan yang ehsan (cemerlang) dengan menggunakan semaksimum potensi intrinsik keinsanan iaitu **Spiritual, Physical, Intelek, Emosi dan Sosial** (*effective utilization of all intrinsic human potentials to be the best of himself / herself*). Program pembangunan modal insan SPIES bersifat holistik dan bersepadu

adalah hasil kreatif dan inovatif Kerajaan Negeri Selangor untuk membangunkan modal paling utama iaitu modal insan.

Perlu diingatkan program SPIES **BUKAN** sekadar kursus. Kursus hanyalah pengenalan kepada SPIES. Program SPIES sebenarnya adalah penerapan budaya positif dan produktif bermula di dalam jentera kerajaan hingga ke akar umbi.

Setiap projek / program SPIES yang dirancang adalah untuk pelaksanaan peringkat jangka masa panjang dan sentiasa memastikan kesinambungan projek / program secara berterusan dan mestilah berdaya tahan atau "sustainable".

Kaedah pengumpulan data pengukuran kejayaan dan impak kepada program SPIES ini telah dibuat melalui kaedah kuantitatif dan kualitatif. **Kaedah kuantitatif** dengan menggunakan (i) borang penilaian dan (ii) borang soal selidik. **Kaedah kualitatif** pula ialah melalui (i) reaksi peserta (ii) pemerhatian (iii) temu bual (iv) temu duga kumpulan fokus.

Pemantauan dan penilaian program SPIES telah dilaksanakan oleh konsultan pemantau yang dilantik oleh kerajaan Negeri dengan kerjasama pihak konsultan SPIES bagi program latihan.

Selain itu, pengukuran menggunakan **SPIES Score card** dan kaedah penilaian SPIES digunakan untuk mengukur keberkesanan program di organisasi seperti rajah di bawah

SPIES SCORE CARD



KAEDAH PENILAIAN SPIES D'ORGANISASI

KATEGORI SPIES	FOKUS UTAMA	OBJEKTIF: Apa yang ingin di capai melalui fokus utama?	UKURAN: Apa yang boleh di ukur?	TARGET: Apa yang boleh di capai pada tahun pertama?	INISIATIF: Apa yang boleh di lakukan supaya target objektif di capai?
SPIRITUAL Untuk mencapai visi dan misi organisasi apa aspek spiritual yang perlu ada pada setiap kakitangan?	a) 3 Nilai Utama: 1) Kepatuhan kepada Tuhan 2) Baik Hati 3) Sayangi alam sekitar	a) Peningkatan tahap kepimpinan beretika b) Peningkatan integriti organisasi c) Pengurangan kadar <i>Criminal Breach Of Trust (CBT)</i> .	Tahap Kepimpinan Etika % Integriti % CBT		
PHYSICAL	b) Keterampilan Profesional 1) Diri 2) Pejabat 3) Kualiti Kerja	a) Peningkatan tahap kesihatan b) Penstabilan ekonomi	% tepati BMI % Produktiviti % Had Kifayah		
INTELEK	c) 5M d) Menyelesai masalah	a) Peningkatan Ilmu Pengetahuan b) Peningkatan kecekapan berfikir d) Pewujudan inovasi	Bilangan Buku di baca % Kecekapan Bekerja % Inovasi		

KATEGORI SPIES	FOKUS UTAMA	OBJEKTIF: Apa yang ingin di capai melalui fokus utama?	UKURAN: Apa yang boleh di ukur?	TARGET: Apa yang boleh di capai pada tahun pertama?	INISIATIF: Apa yang boleh di lakukan supaya target objektif di capai?
EMOSI	e) Kualiti Kehidupan Bekerja 1) Sabar & Tenang 2) Bersemangat 3) Bersangka baik	a) Peningkatan keharmonian di tempat kerja b) Peningkatan QWL c) Pengurangan gejala sosial	% Kadar Harmoni % Aktiviti QWL % Gejala Sosial		
SOSIAL	f) Khidmat Pelanggan Cemerlang g) Khidmat Masyarakat	a) Peningkatan kualiti khidmat pelanggan b) Pengurangan gejala sosial	% Kepuasan Pelanggan % Gejala Sosial		
		c) Peningkatan dalam khidmat masyarakat	% Khidmat Masyarakat		

Pengaplikasian SPIES Score Card ini, dapat mengukur indeks pembangunan prestasi kerajaan negeri dengan menyeluruh.

Manakala pengukuran keberkesanan Program SPIES D'Village (PSD) adalah berdasarkan Indeks Kualiti Hidup Rakyat Malaysia Tahun 2002 (semakan tahun 2011). Maklumat **Indikator Penilaian SPIES D'Village** seperti berikut :

INDIKATOR PENILAIAN SPIES D'VILLAGE

MODEL PMI SPIES	INDIKATOR KUALITI HIDUP	IMPAK
SPIRITUAL	Kehidupan Keluarga Warga kerja	<p>Meningkatkan amalan nilai-nilai murni/agama</p> <p>Meningkatkan pematuhan etika dan disiplin di kalangan warga kerja</p> <p>Mengurangkan amalan rasuah, ponteng kerja di kalangan warga kerja</p> <p>Mengurangkan bilangan penerima zakat</p>
<i>PHYSICAL</i>	<p>Pendapatan dan Pengagihan</p> <p>Persekitaran kerja</p> <p>Pengangkutan dan Komunikasi</p> <p>Kesihatan Alam Sekitar (udara dan air bersih)</p> <p>Perumahan</p>	<p>Meningkatkan Pendapatan per kapita sebenar</p> <p>Pengagihan pendapatan</p> <p>Mengurangkan Kadar kemiskinan</p> <p>Meningkatkan pembayar cukai</p> <p>Meningkatkan kutipan zakat</p> <p>Persekitaran kerja kondusif dan harmoni</p> <p>Meningkatkan produktiviti pekerja</p> <p>Mengurangkan kerugian pemilihan pekerja yang tidak efisien dan efektif.</p> <p>Peningkatan keupayaan pemilikan kemudahan alat komunikasi (telefon dan televisyen/radio) dan kenderaan</p> <p>Pengurangan rakyat mempunyai penyakit kronik</p>

MODEL PMI SPIES	INDIKATOR KUALITI HIDUP	IMPAK
		<p>Pengurangan kos pembiayaan hospital oleh kerajaan</p> <p>Peningkatan tahap kesihatan rakyat Selangor</p> <p>Peningkatan keupayaan pemilikan rumah dan kemudahan yang cukup.</p> <p>Peningkatan penempatan yang selesa bagi setiap isi rumah</p> <p>Peningkatan pemilikan harta mudah alih dan harta tetap</p>
INTELEK	Pendidikan	<p>Peningkatan :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kadar penyertaan pra-sekolah - Kadar penyertaan sekolah menengah - Kadar penyertaan universiti - Kadar penyertaan kursus kemahiran - Kadar celik huruf
		<ul style="list-style-type: none"> - Nisbah guru -pelajar sekolah rendah dan menengah - Bilangan profesional dan tenaga pakar - Kemahiran modal insan - Budaya penyelesaian isu harmonis <p>Pengurangan bilangan penggunaan khidmat kaunseling dalam penyelesaian masalah (mempunyai pemikiran kreatif & kritikal)</p>
EMOSI	Kehidupan keluarga Warga kerja	<p>Mengurangkan kadar perceraian</p> <p>Mengurangkan remaja bermasalah (gaduh)</p> <p>Meningkatkan keharmonian keluarga dan warga kerja</p>
		<p>Mengurangkan kadar keganasan & penindasan dalam rumah tangga dan di tempat kerja</p> <p>Mengurangkan konflik kerja-keluarga (soal-selidik)</p>

MODEL PMI SPIES	INDIKATOR KUALITI HIDUP	IMPAK
SOSIAL	Penyertaan Sosial Keselamatan Awam	Meningkatkan bilangan tenaga sukarelawan dan agen perubahan S.P.I.E.S. (Briged Amal & Alumni SPIES) Meningkatkan amalan kejiwaan yang harmoni Jenayah - Mengurangkan gejala sosial di kalangan masyarakat (khalwat, zina, dadah, rogol, keganasan, rompak, vandalism, jenayah dan lain lain) Mengurangkan kos insan liabiliti (kos pengurusan penjara dan pusat pemulihan) Mengurangkan kadar kemalangan melalui pengurangan penglibatan aktiviti rempit.

Nota: 1. Sekretariat SPIES Pusat akan menyediakan bahan/modul dan kertas ujian bagi setiap program yang standard di setiap SPIES D'VILLAGE dan rekod kehadiran adalah wajib untuk sistem pengkalan data

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : LEMBU IBADAH KORBAN

132. PKPS memberikan peruntukan untuk ibadah korban ikut kawasan DUN.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah proses pembahagian ini dilakukan?
- b) Siapakah yang berhak diletakkan nama dalam ibadah korban ini?
- c) Adakah ADUN BN berhak menerima pembahagian lembu ini di DUN mereka?

JAWAPAN:

- a) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) yang ke 18/2013 bertarikh 26 Jun 2013 telah memutuskan perkara-perkara seperti berikut:
 - i) Melantik Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) sebagai pembekal lembu korban dan penghantaran lembu-lembu tersebut.
 - ii) Menteri Besar Incorporated (MBI) bertindak sebagai penyelaras Program penyerahan lembu-lembu korban dan juga penyelaras kutipan sumbangan dari anak-anak syarikat Kerajaan Negeri.

Seperti keputusan MMKN yang tersebut di atas, PKPS hanya bertindak sebagai pembekal dan bertanggungjawab dalam penghantaran dan penyerahan lembu bagi pihak Kerajaan Negeri.

Sehubungan itu, PKPS tidak terlibat dalam proses pembahagian lembu kepada mana-mana pihak. Sebaliknya pembahagian lembu adalah diputuskan oleh MMKN sendiri.

- b) Dalam hal ini, penentuan para penerima lembu diserahkan kepada JAIS, badan-badan NGO, EXCO/ADUN seperti yang ditetapkan oleh MMKN. Senarai penerima adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA
1.	JAIS (masjid, surau, Sekolah Tahfiz, Sekolah Pondok)
2.	ADUN (46 ADUN x 4 ekor)

3.	EXCO (10 EXCO x 5 ekor)
4.	Masjid dan surau Wilayah Persekutuan
5.	PPRT di bawah Lembaga Perumahan
6.	PPRT di bawah MAIS
7.	Orang Asal (Islam) JHEOA
8.	Badan-badan NGO
9.	Anak Syarikat Kerajaan Negeri (Penyumbang)

- c) Keputusan untuk menetapkan penerima-penerima lembu dibuat oleh MMKN. Maka itu, PKPS tiada pengetahuan berhubung dengan soalan sama ada ADUN BN berhak ataupun tidak untuk menerima lembu-lembu tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(DUSUN TUA)**

**TAJUK : PROJEK MEMBAIK PULIH TEBING & PENDALAMAN SUNGAI
LANGAT**

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan jumlah peruntukan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi membaik pulih tebing dan proses pendalaman Sungai Langat sepanjang tahun 2008 – 2013?

JAWAPAN:

- a) **Sehingga November 2013**, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak **RM 2,323,980.00** juta bagi projek-projek pembaikan tebing termasuk mengawal sedimen dan mendalamkan sungai yang mana peruntukan diterima adalah melalui peruntukan pembangunan dan mengurus negeri. Peruntukan yang diterima diagih mengikut keperluan kerosakan tebing serta mendapan di dalam Lembangan Sungai Langat yang mana ianya merangkumi Daerah Hulu Langat, Daerah Sepang dan Daerah Kuala Langat. Tiada peruntukan khas diterima bagi kerja-kerja penyelenggaraan Sungai Langat.

Berikut di bawah adalah butiran terperinci peruntukan tahunan yang diterima bagi kerja-kerja Pengurusan Rizab Sungai Langat dari tahun **2008** sehingga **2013**.

Tahun	Jumlah Peruntukan Diterima
2008	Tiada
2009	Tiada
2010	Tiada
2011	RM300,000.00
2012	RM1,083,940.00
2013	RM940,040.00

Maklumat Tambahan:

Sungai Langat merupakan salah satu sungai yang sangat penting dalam menyumbang sumber air di Negeri Selangor. Lembangan Sungai Langat yang mengalir dari Gunung Nuang melibatkan 3 buah daerah iaitu Daerah Hulu Langat, Daerah Sepang dan

Daerah Kuala Langat. Sungai ini mengalir hingga ke Selat Melaka di Kuala Langat. Panjang sungai ini ialah 149.3 km dari hulu hingga ke muara sungai.

Secara semula jadi, sungai mencapai keseimbangan dari segi proses dan tindak balas melalui kerja hakisan, pengangkutan dan pemendapan sungai. Proses untuk mencapai keseimbangan ini sangat berkait rapat dengan faktor masa sama ada berlaku dengan cepat, sederhana cepat atau perlahan. Oleh itu, banyak kajian dan projek pembaikan yang dijalankan mempunyai metod dan pendekatan yang pelbagai bersesuaian dengan proses hakisan tebing sungai yang berlaku.

Secara umum, kawalan hakisan tebing sungai dilaksanakan bersama kerja penyelenggaraan lain melibatkan pengorekan dan pembersihan sungai dengan memasang perangkap sampah di sepanjang sungai. Terdapat juga kerja tebatan banjir yang dilaksanakan turut mengambil kira kawalan hakisan tebing sungai terutamanya dari aspek pendekatan struktur seperti pembinaan gabion, konkrit bersambung dan sebagainya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : KAWASAN LAPANG

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah jumlah keluasan kawasan lapang dan keluasan kawasan lapang per kapita mengikut PBT?
- b) Apakah strategi Kerajaan Negeri untuk mencapai sasaran 2 hektar untuk setiap seribu penduduk menjelang tahun 2020.

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan rekod sehingga Mei 2013, keluasan kawasan lapang yang telah dikenal pasti di negeri ini adalah seluas **13,290.42 ekar (5,378.28 hektar)**. Jumlah tersebut adalah peningkatan sebanyak **845.77 ekar (342.27 hektar)** berbanding **12,444.63 ekar (5,036.171 hektar)** pada **Oktober 2010**.

Pecahan keluasan kawasan lapang mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor adalah seperti berikut:

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	KELUASAN (EKAR)
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	803.77
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	2,032.00
3.	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	4,658.68
4.	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	890.17
5.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	683.69
6.	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	1,241.46
7.	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	358.26
8.	Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)	119.47
9.	Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)	129.44
10.	Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)	164.85
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	2,051.64
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)	156.97
	JUMLAH	13,290.40

- b) Sasaran Kerajaan Negeri untuk mencapai 2 hektar untuk setiap seribu penduduk menjelang tahun 2020 telah diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil.3/2008 yang bersidang pada 20hb. November 2008.

Pemakaian sasaran ini selaras dengan Dasar Perbandaran Negara (DPN) melalui Dasar DPN 9 iaitu kawasan lapang dan rekreasi yang mencukupi perlu disediakan mengikut keperluan penduduk, salah satu langkah yang penting dalam penyediaan kawasan tanah lapang awam yang mencukupi melalui pemakaian sasaran petunjuk 1,000 penduduk / 2 hektar tanah lapang awam.

Strategi Kerajaan Negeri untuk mencapai sasaran 2 hektar untuk setiap seribu penduduk akan dilaksanakan kepada dua jenis kategori pembangunan perumahan berbilang tingkat seperti berikut:

- i) **Kategori Perumahan**
Semua jenis perumahan berbilang tingkat iaitu kondominium, pangsapuri dan rumah pangsa.
- ii) **Kategori Perniagaan (Pangsapuri Perkhidmatan)**
 - a) Pangsapuri perkhidmatan (*service apartment*)/SOHO.
 - b) Pembangunan pangsapuri perkhidmatan ini akan melibatkan kawalan nisbah plot yang menghadkan bilangan tingkat.
 - c) Sekiranya konsep penyediaan kemudahan awam di antara tingkat (*between floors*) digunakan, ianya akan dikecualikan di dalam pengiraan bilangan tingkat berdasarkan nisbah plot.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan sasaran ini dapat dipenuhi di dalam pembangunan perumahan berbilang tingkat, perkara-perkara berikut boleh diambil kira:

- i) Pembangunan taman atas bumbung;
- ii) Penyediaan kemudahan awam di antara tingkat bangunan atau di antara dua bangunan (sebahagian daripada keperluan kawasan lapang);
- iii) Tingkat bawah bangunan yang dikosongkan untuk kegunaan komuniti; dan
- iv) '*Perimeter planting*' minima 10 kaki (termasuk anjakan bangunan, jika berkaitan) disediakan di setiap pembangunan perumahan berbilang tingkat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH
(KAJANG)**

TAJUK : LALUAN SISTEM MASS RAIL TRANSIT "MRT" DI KAJANG

135. Laluan MRT akan berakhir di Bandar Kajang dan beroperasi pada tahun 2017

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sama ada Kerajaan Negeri akan mengkaji dan menggubal pelan induk sistem pengangkutan dalam Negeri Selangor dan dalam kawasan Kajang khususnya supaya manfaat sistem MRT dioptimumkan?

JAWAPAN:

- a) Pelan pengangkutan awam darat merupakan di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Peranan Kerajaan Negeri adalah bekerjasama dengan memberi pandangan dan maklum balas terhadap perancangan yang dibuat oleh pihak SPAD. Namun demikian, Jawatankuasa Induk Pengangkutan Awam yang diurusetikan oleh SPAD dan dipengerusikan oleh Pengarah UPEN Selangor telah dibentuk di peringkat Negeri yang bertujuan untuk membincangkan isu dan masalah pengangkutan awam di Selangor serta pelaksanaan projek-projek yang berkaitan pengangkutan awam.

SPAD telah menyediakan '*Draft Greater Kuala Lumpur/ Klang Valley Public Transport Master Plan*' iaitu Pelan Induk bagi kemudahan pengangkutan awam darat yang meliputi pengangkutan berasaskan rel, bas dan teksi.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui UPEN bersama JPBD Negeri Selangor telah mengadakan Bengkel '*Greater Kuala Lumpur/ Klang Valley Public Transport Master Plan*' pada 6 Mac 2012 dengan dihadiri oleh pihak SPAD, semua Pihak Berkuasa Tempatan, Lembaga Lebuh raya Malaysia, JKR Negeri Selangor dan Bahagian R&D JPBD Semenanjung Malaysia. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk membincangkan dan memberi maklum balas terhadap '*Draft Greater Kuala Lumpur/ Klang Valley Public Transport Master Plan*' khususnya di dalam konteks Negeri Selangor. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor juga telah menyediakan Draf Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 yang turut memberi fokus utama terhadap mempertingkatkan penggunaan pengangkutan awam dan memperluaskan lingkungan pengangkutan awam secara bersepadu dan turut menggalakkan Pembangunan Berasaskan Transit (TOD).

Agenda pengangkutan awam merupakan antara fokus utama Kerajaan Negeri dan sentiasa diberi perhatian khusus terutama yang melibatkan penggunaan

orang ramai terhadap pengangkutan awam yang tidak menggalakkan. Kerajaan Negeri melalui Majlis Tindakan Ekonomi Negeri juga turut berperanan membincang dan meluluskan secara dasarnya jaringan pengangkutan awam seperti Projek sambungan LRT Laluan Ampang dan Laluan Kelana Jaya serta Projek MRT dari Kajang ke Sungai Buloh.

Bagi pengangkutan bas henti-henti, Pihak Berkuasa Tempatan akan menyediakan cadangan laluan bas dan akan diselaraskan oleh UPEN Selangor untuk dikemukakan kepada pihak SPAD untuk diambil tindakan.

Di samping itu, Rancangan Tempatan yang diwartakan di Negeri Selangor juga telah menyediakan pelan-pelan pengangkutan awam secara komprehensif yang diselaraskan dengan Pelan Guna tanah di dalam bentuk spatial bagi perancangan masa hadapan.

Selain itu, satu Majlis Pengangkutan Awam Negeri Selangor akan ditubuhkan yang akan dipengerusikan oleh YAB. Dato' Menteri Besar Selangor dan dianggotai oleh Y.B. Exco Kerajaan Negeri dan agensi teknikal berkaitan serta diurusetiaikan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor. Majlis ini akan berfungsi seperti berikut:-

- i) merangka suatu dasar bagi pembangunan pengangkutan awam di Negeri Selangor;
- ii) menasihati agensi berkaitan dalam penyediaan dan pelaksanaan pengangkutan awam bagi Negeri Selangor;
- iii) merancang dan menyelaras penyediaan infrastruktur dan kemudahan pengangkutan awam bagi Negeri Selangor; dan
- v) memantau dan mengawasi pelaksanaan kajian, tatacara penyediaan pengangkutan awam di Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(HULU BERNAM)**

TAJUK : TABUNG PEMBERDAYAAN WANITA

136. Manifesto Pakatan PRU-13 menetapkan dana RM50 juta untuk Tabung Pemberdayaan Wanita.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status Tabung Pemberdayaan Wanita dan nyatakan jumlah dana yang telah dibelanjakan?
- b) Bagaimanakah pelaksanaan Tabung Pemberdayaan Wanita dan syarat kelayakan?
- c) Senaraikan jumlah penerima tabung Pemberdayaan Wanita mengikut daerah, Parlimen dan DUN?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman, Tabung ini akan dibelanjakan bermula tahun 2014 secara berperingkat dan akan memfokuskan 12 bidang utama. Peruntukan bagi menjayakan 12 bidang utama ini dianggarkan memerlukan perbelanjaan sebanyak RM 50 juta.
- b) Matlamat Tabung Pemberdayaan Wanita Selangor bertujuan untuk meningkatkan mutu kehidupan wanita dalam 12 fokus utama yang diambil kira iaitu:
 - i) kesihatan,
 - ii) keluarga,
 - iii) ekonomi,
 - iv) kerjaya & pekerjaan,
 - v) sukan & rekreasi,
 - vi) pendidikan & latihan,
 - vii) budaya & agama,
 - viii) Hak, Keselamatan & Undang-Undang,
 - ix) politik & pembuatan keputusan,
 - x) melonjak daya upaya wanita intelektual & profesional,
 - xi) pengarus utamaan gender & bajet gender
 - xii) teknologi, sains dan alam sekitar

Terdapat sebelas golongan wanita yang melibatkan suri rumah, wanita muda, wanita luar bandar dan ladang, wanita perindustrian, wanita warga emas, wanita miskin, remaja perempuan, wanita bekerja & sektor informal, ibu tunggal, wanita orang asli dan OKU.

Manfaat yang akan ditawarkan nanti akan disalurkan terus kepada wanita yang layak menerusi program-program yang telah dan akan dirancang seperti mempergiatkan penambahan modal perniagaan kepada 20% ibu tunggal yang sedia mempunyai perniagaan sendiri, Pemeriksaan percuma kanser payudara dan rahim.

Ibu-ibu tunggal boleh mendaftar di pusat-pusat khidmat ADUN. Mereka akan dipanggil untuk menjalani satu temu duga selepas siasatan latar belakang mereka disahkan bahawa mereka adalah ibu tunggal yang layak dan mempunyai perniagaan yang sah. Kejayaan dalam temu duga tersebut akan memberikan ibu tunggal tersebut kelayakan mendapat tambahan modal skim mikrokredit dari kerajaan Negeri.

- c) Belum ada senarai sedemikian kerana ianya akan dimulakan pada Tahun 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI HASNUL BIN HAJI BAHARUDDIN
(MORIB)**

TAJUK : PENDIDIKAN

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status guru-guru yang mengajar Pra Sekolah JAIS Negeri Selangor? Adakah mereka ini kakitangan sama seperti guru sekolah SRA dan Sekolah Menengah Agama Bantuan?
- b) Layakkah mereka menerima imbuhan dan faedah seperti kenaikan gaji tahunan dan bonus?

JAWAPAN:

- a) Guru-guru Prasekolah JAIS Negeri Selangor berstatus "Contract Off Services" (COS) dan "Contract For Services" (CFS) Gred S27 & S17. Jawatan mereka tidak sama dengan kakitangan di SRA dan SAM.
- b) Kenaikan gaji tahunan dan bayaran bonus bergantung kepada status lantikan guru-guru berkenaan dan juga peruntukan kewangan semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(PANDAMARAN)**

TAJUK : TANAH PEGANGAN PAJAK DAN PEGANGAN BEBAS

138. Banyak tanah di Negeri Selangor adalah tanah pegangan pajak ('leasehold') di mana pejabat-pejabat tanah biasanya tidak akan menolak permohonan untuk melanjutkan tempoh pajakan tanah pegangan pajak secara memberi-milik semula tanah tersebut kepada pemilik-pemilik dengan tempoh pajakan yang baru.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah sebab dan kebaikan untuk Kerajaan Negeri Selangor terus memberi-milik tanah pegangan pajak dan melanjutkan tempoh pajakan tanah-tanah pegangan pajak tetapi telah enggan menjadikan tanah-tanah tersebut tanah-tanah pegangan bebas?
- b) Adakah mungkin untuk Kerajaan Negeri Selangor menukar semua tanah pegangan pajak untuk menjadi tanah pegangan bebas dan sekiranya tidak, apakah sebabnya?

JAWAPAN:

- a) Di bawah **Seksyen 76(e) KTN 1965**, Pihak Berkuasa Negeri boleh meluluskan pemberimilikan tanah kepada pemohon bagi satu tanah pegangan pajakan yang tidak melebihi 99 tahun. Bagi tanah yang mempunyai pegangan pajakan, Kerajaan Negeri akan terus menerima bayaran premium dan cukai tahun pertama daripada pemilik tanah apabila mereka memohon untuk melanjutkan tempoh pajakan berbanding dengan tanah pegangan bebas. Kutipan premium dan cukai tahun pertama merupakan sebagai satu sumber menjana pendapatan Kerajaan Negeri.
- b) Pada masa ini, Pihak Berkuasa Negeri tidak bercadang untuk menukar semua tanah pegangan pajak untuk menjadi tanah pegangan bebas kecuali tanah-tanah negeri yang dipohon oleh Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan (PTP) diberi pegangan kekal sekiranya kepentingan tersebut melibatkan tanah yang dipohon bagi tujuan awam oleh Kerajaan Persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : MASALAH KEBANJIRAN WARGA ASING BEKERJA DI KILANG-KILANG
DI NEGERI SELANGOR.**

139. Terdapat ramai pekerja asing bekerja di kilang-kilang di Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa jumlah pekerja asing bekerja di kilang-kilang berdaftar di Negeri Selangor. Senaraikan bilangan mengikut negeri asal mereka.
- b) Apakah langkah Kerajaan untuk mengurangkan pekerja asing bekerja di kilang-kilang tersebut ?
- c) Adakah Kerajaan bersedia untuk membina asrama khas untuk pekerja asing di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen, jumlah pekerja warga asing yang terlibat dalam sektor perindustrian di Negeri Selangor adalah seramai **160,459 orang yang terdiri daripada warga *Bangladesh, Cambodia, China, India, Indonesia, Myanmar, Nepal, Pakistan, Philippines, Sri Lanka, Thailand dan Vietnam***). Maklumat bilangan warga asing mengikut kawasan seperti berikut:-

KAWASAN	PEMBUATAN	PERKILANGAN	JUMLAH
PETALING JAYA:			
PETALING JAYA	12,310	2,287	14,597
PUCHONG	6,804	2,427	9,231
SHAH ALAM	17,787	8,723	26,510
SUBANG JAYA	3,732	895	4,627
SERI KEMBANGAN	5,683	2,820	8,503
SERDANG	206	38	244
SUNGAI BULOH	5,444	3,501	8,945
BDR. BARU SG BULOH	8	3	11
JUMLAH	51,974	20,694	72,668

KAWASAN	PEMBUATAN	PERKILANGAN	JUMLAH
KLANG:			
KLANG	25,017	8,266	33,283
PULAU INDAH	146	38	184
PULAU KETAM		2	2
KAPAR	1,267	700	1,967
PELABUHAN KLANG	5,145	2,042	7,187
JUMLAH	31,575	11,048	42,623
HULU LANGAT:			
HULU LANGAT	307	195	502
AMPANG	3,393	474	3,867
CHERAS	1,057	276	1,333
BATU 9 CHERAS	253	294	547
BDR. BARU BANGI	3,396	633	4,029
BERANANG	931	283	1,214
KAJANG	2,586	1,695	4,281
SEMENYIH	2,541	1,587	4,128
JUMLAH	14,464	5,437	19,901
GOMBAK:			
GOMBAK	28	53	81
BATU CAVES	1,808	995	2,803
RAWANG	4,248	2,579	6,827
SELAYANG	34	38	72
JUMLAH	6,118	3,665	9,783
HULU SELANGOR:			
BATANG KALI	209	235	444
HULU BERNAM	4	12	16
K. KUBU BHARU	19	23	42
KERLING	2	14	16
ULU YAM BARU	17	72	89
SERENDAH	155	57	212
JUMLAH	406	413	819
KUALA LANGAT:			
BANTING	1,821	478	2,299
JENJAROM	47	142	189
PULAU CAREY	4	19	23

KAWASAN	PEMBUATAN	PERKILANGAN	JUMLAH
TELOK P. GARANG	1,071	486	1,557
JUMLAH	2,943	1,125	4,068
KUALA SELANGOR:			
KUALA SELANGOR	574	497	1,071
BATU ARANG	23		23
BTG. BERJUNTAI	2,044	333	2,377
BUKIT ROTAN	13	12	25
JERAM	1,023	207	1,230
JUMLAH	3,677	1,049	4,726
SEPANG:			
SEPANG	2,278	406	2,684
CYBERJAYA	1	41	42
DENGKIL	56	58	114
SUNGAI PELEK	21	20	41
TANJONG SEPAT	77	47	124
JUMLAH	2,433	572	3,005
SABAK BERNAM:			
SEKINCAN	120	62	182
SG AYER TAWAR	126	28	154
SG AYER TAWAR	1		1
TANJONG KARANG	9	17	26
SUNGAI BESAR	30	27	57
JUMLAH	286	134	420
SELANGOR	1,412	1,034	2,446
JUMLAH KESELURUHAN	115,288	45,171	160,459

Sumber : Jabatan Imigresen Selangor

- b) Kerajaan sentiasa menggalakkan sektor perindustrian mengambil tenaga kerja di kalangan rakyat tempatan bagi mengurangkan kebergantungan kepada warga asing. Ini secara langsung dapat mengurangkan kos operasi syarikat serta kebanjiran warga asing.

- i) Merujuk kepada peraturan yang ada, pekerja asing hanya boleh diambil untuk bekerja dalam sektor-sektor perkilangan, pembinaan, perladangan, pertanian, perkhidmatan dan sektor pembantu rumah.

Manakala Sektor perkhidmatan terdiri daripada sebelas subsektor: (restoran, perkhidmatan mencuci, pengendalian kargo, kedi di kelab golf, kedai gunting rambut, pemborong/runcit, tekstil, aktiviti logam/serpihan logam/kitar semula, rumah kebajikan dan hotel/pulau peranginan).

- ii) Hanya warga negara dari negara-negara tertentu dibenarkan untuk bekerja dalam sektor-sektor terpilih seperti:-

Sektor Diluluskan	Warga Negara
<ul style="list-style-type: none"> • perkilangan • perladangan • pertanian • pembinaan • sektor perkhidmatan 	<ul style="list-style-type: none"> • Indonesia • Kemboja • Nepal • Myanmar • Laos • Vietnam • Filipina (lelaki sahaja) • Pakistan • Sri Lanka • Thailand • Turkmenistan • Uzbekistan • Kazakhstan
<ul style="list-style-type: none"> • Perkhidmatan (tukang masak, pemborong/runcit, kedai emas, kedai gunting rambut, logam/serpihan logam/kitar semula, tekstil) • Pembinaan (memasang kabel bervoltan tinggi sahaja) • Pertanian • Perladangan 	<ul style="list-style-type: none"> • India

- iii) Selain itu, Kerajaan meletakkan tanggungjawab pembayaran Levi ke atas majikan bagi tujuan mengurangkan kecenderungan majikan untuk menggaji pekerja asing berbanding pekerja tempatan di mana kadar Levi yang dikenakan seperti berikut:-

Sektor Diluluskan	Levi Tahunan
Perkilangan	RM1,200
Pembinaan	RM1,200
Perladangan	RM 540
Pertanian	RM 360
Pembantu Rumah	RM 360
Perkhidmatan	
- Rumah Kebajikan	RM 600
- Pulau Peranginan	RM 1,200
- Lain-lain	RM 1,800

Sumber : MIDA

- iv) Pihak syarikat diminta untuk memberikan keutamaan kepada pekerja tempatan dahulu. Sekiranya pihak syarikat telah melaksanakan berbagai usaha untuk mendapatkan pekerja tempatan namun masih gagal, barulah pihak syarikat boleh memohon untuk mendapatkan khidmat pekerja asing.
- v) Penetapan Kuota di mana dalam kelulusan bagi mendapatkan khidmat pekerja asing dalam sektor elektrik dan elektronik, pihak Kementerian juga menetapkan kuota 3 : 1 iaitu bagi setiap 3 pekerja tempatan hanya 1 pekerja asing dibenarkan.
- vi) Sebelum syarikat boleh membuat permohonan pekerja asing, pihak syarikat diwajibkan untuk mengiklankan kekosongan jawatan melalui portal Jobs Malaysia dan mengambil calon-calon yang sedia berdaftar di dalamnya sebelum permohonan untuk mengajikan pekerja asing boleh dipertimbangkan.
- vii) Berkuat kuasa 1 Januari 2013, Kerajaan menetapkan kadar gaji minimum bagi sektor swasta sebanyak RM900 sebulan atau RM4.33 sejam untuk Semenanjung manakala Sabah, Sarawak dan Labuan pula pada paras RM 800 atau RM 3.85 sejam. Kadar gaji minimum ini akan meliputi semua pekerja termasuk pekerja asing dalam semua sektor ekonomi, kecuali perkhidmatan domestik seperti pembantu rumah dan tukang kebun.
- viii) Menggalakkan industri-industri yang diintensifkan buruh meningkatkan penggunaan teknologi dan automasi dalam operasi mereka serta menggiatkan lagi pelaksanaan *industrialised building system* (IBS) dalam industri pembinaan. Sehubungan dengan ini, program latihan kemahiran akan dipertingkatkan bagi menyediakan tenaga kerja tempatan yang akan diperlukan oleh industri ini.

ix) Pihak majikan juga perlu menyediakan tempat tinggal untuk pekerja mereka.

**Sumber : Kementerian Sumber Manusia*

c) Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk menyediakan kawasan penempatan khusus untuk pekerja asing di negeri Selangor melalui penglibatan pihak anak syarikat Kerajaan Negeri atau pihak pemaju yang berminat.

Pada masa ini, Kerajaan Negeri dengan kerjasama PKNS dalam proses membangunkan asrama untuk pekerja industri yang bekerja di kawasan Perdagangan Bebas, Sungai Way.

Selain itu, SSIC dengan kerjasama pihak FMM dalam proses perancangan untuk mengenal pasti keperluan menyediakan asrama pekerja di daerah Kuala Langat.

Berdasarkan maklum balas daripada ahli-ahli FMM, sebanyak 6 syarikat berminat untuk menempatkan pekerja mereka di kawasan penempatan berpusat atau asrama pekerja dengan anggaran jumlah pekerja asing seramai 1,486 orang. Antara kawasan-kawasan berpotensi untuk pembangunan asrama pekerja di Kuala Langat adalah di Telok Panglima Garang dan Kompleks Perabot, Olak Lempit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PEKERJA LADANG

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah usaha kerajaan negeri untuk membantu pekerja ladang dan nyatakan mengikut daerah, PBT, DUN dan parlimen?
- b) Berapa perbelanjaan yang dikeluarkan bagi membantu pekerja ladang dari 2008 hingga 2013?
- c) Nyatakan agensi kerajaan negeri yang terlibat membangunkan ekonomi pekerja ladang?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri tidak mengkhususkan kawasan tertentu dalam membantu pekerja ladang memandangkan ladang-ladang ini tertumpu di merata kawasan. Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi (UPEN) akan mengadakan semakan semula ladang-ladang di Negeri Selangor memandangkan terdapat ladang-ladang yang dibuka atau ditutup tidak dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri. Maklumat terkini ladang mengikut daerah, PBT, DUN, mahupun Parlimen akan dikemukakan kemudian apabila banciaan ini selesai dilaksanakan. Kerajaan Negeri membantu pekerja ladang dari segi pendidikan iaitu dengan mewujudkan tabung khas iaitu Tabung Anak-anak Pekerja Ladang yang diperuntukkan sebanyak RM1 juta setahun. Peruntukan ini digunakan untuk tujuan berikut:
 - i) Bantuan yuran pengajian bagi pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam atau Swasta;
 - ii) Bantuan Subsidi Tambang Bas Sekolah bagi yang layak;
 - iii) Bantuan infrastruktur sekolah di ladang; dan
 - iv) Program-program pembangunan pendidikan anak-anak pekerja ladang.

Selain daripada pendidikan, Kerajaan Negeri juga telah membantu dari segi pendapatan sampingan keluarga pekerja ladang di bawah Skim Wanita Ladang atau dikenali sebagai WALA. Skim ini adalah merupakan salah satu program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) di bawah tanggungjawab Y.B. Puan Rodziah binti Ismail .

- b) Sehingga tahun 2013, sebanyak RM6 juta telah dibelanjakan bagi membantu pekerja ladang dari segi pendidikan di bawah Tabung Anak-anak Pekerja Ladang.
- c) Setakat ini tiada agensi khusus yang dilantik. Namun Kerajaan Negeri bersama Badan Bukan Kerajaan (NGO) merancang untuk mengadakan program-program bersama dengan pekerja ladang terutamanya untuk meningkatkan ekonomi mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(GOMBAK SETIA)**

TAJUK : PEMANTAUAN PROJEK-PROJEK PERUMAHAN

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah bentuk pemantauan dan kawal selia yang dijalankan oleh pihak kerajaan negeri dan agensinya ke atas pemaju projek-projek perumahan yang didapati melanggar syarat pembinaan dan guna tanah di negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Dasar Kerajaan Negeri telah menetapkan semua pembangunan perumahan dan hartanah yang dijalankan di Negeri Selangor perlu berdaftar dengan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) melalui Sistem Pendaftaran Pemaju (SPEM). Pemaju dikehendaki mendaftarkan projek mereka dalam tempoh enam (6) selepas Pelan Kebenaran Merancang / Pelan Susun atur diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebelum Permohonan Pelan Bangunan dikemukakan kepada PBT atau bagi permohonan secara serentak pula, adalah dikehendaki mendaftarkan projek mereka sebelum permohonan Pelan Kebenaran Merancang / Pelan Susun atur dikemukakan kepada PBT.

Melalui pendaftaran SPEM ini, progres pelaksanaan projek akan dipantau secara berkala oleh LPHS untuk memastikan ianya berjalan sebagai mana dirancang serta memastikan syarat-syarat kelulusan khususnya melibatkan keperluan penyediaan perumahan, perniagaan dan perindustrian harga yang dikawal oleh Kerajaan Negeri dipatuhi.

Ketidakpatuhan pemaju terhadap terhadap syarat-syarat pembangunan yang telah ditetapkan akan menyebabkan tindakan drastik seperti kompaun sehinggalah tindakan 'stop work order' akan diambil. Melalui SPEM ini juga secara tidak langsung akan dapat meminimalkan kebarangkalian berlakunya projek-projek terbengkalai dan bermasalah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELUK DATOK)**

TAJUK : BANTUAN KEPADA PEKEBUN-PEKEBUN

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membantu pekebun-pekebun sayur membarui permit penggunaan tanaman di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan di sebahagian kawasan Kampong Sungai Kelambu?
- i) Sila menyatakan tapak tanah Kerajaan yang di buka untuk tujuan tanaman sayur-sayuran di Daerah Kuala Langat dan Sepang?
- ii) Apakah jenis bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu para pekebun yang memainkan peranan sebagai perangsang ekonomi Negeri?

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini, Kerajaan Negeri masih lagi membekukan untuk pembaharuan permit penggunaan di kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Selatan dan di sebahagian kawasan Kampong Sungai Kelambu.
- i) Tapak Tanah kerajaan yang dibuka untuk tujuan tanaman sayur-sayuran di Daerah Kuala Langat adalah 3 Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) :

TKPM	BIL PESERTA	LUAS(HA)
B.CHANGGANG	14	60.70
SG. KELAMBU	18	80.00
KUNDANG	41	120.00

Manakala di Daerah Sepang terdapat 2 TKPM iaitu:

TKPM	BIL PESERTA	LUAS(HA)
SG. BLANKAN	151	400.00
H.CHUCHUH	21	100.00

- ii) Jenis bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu para pekebun yang memainkan peranan sebagai perangsang ekonomi Negeri adalah:

BUTIRAN (KOD)	PROJEK	PERUNTUKAN 2013 (RM)
01000	Pembangunan Taman Agroteknologi (TKPM)	1,400,000
02000	Pembangunan Tanaman Makanan -Padi, Sayur, Buah, Kelapa	5,040,000
03000	Pembangunan Tanaman Industri -Nanas, Umbisi	300,000
04000	Pembangunan Industri Bunga dan Tanaman Hiasan -orkid dan bunga-bunga	200,000
05000	Pembangunan Industri Asas Tani	1,251,000
10000	Pembangunan Pertanian Bersepadu -cendawan, integrasi lebah, herba	100,000
12000	Perkhidmatan Pengembangan dan Perundingan -latihan petani, seminar, kursus	916,000
13000	Pembangunan Tanah Bermasalah -pertanian tanah gambut, asid sulfik, bekas lombong	250,000
14000	Pembangunan/Pengurusan Tanah Terbiar	250,000
JUMLAH		9,707,000

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : RIZAB KEWANGAN SELANGOR

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan jumlah rizab kewangan Negeri Selangor bagi tahun 2007-2013.
- b) Senaraikan jumlah dan jenis hutang Negeri Selangor kepada Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2007-2013
- c) Bagaimanakah rizab kewangan Selangor 2013 digunakan untuk pembangunan negeri dan apakah strategi pengurusan kewangan yang digunakan bagi memastikan sumber negeri ini dioptimalkan untuk pembangunan negeri bersesuaian dengan keadaan ekonomi nasional dan global sekarang.

JAWAPAN:

- a) Jumlah rizab kewangan Negeri Selangor bagi tahun 2007-2013 adalah seperti berikut:

	2007	2008	2009	2010	2011	2012	31.10.2013
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	RM Juta	RM Juta	RM Juta	RM Juta
AkaunHasilDisatukan	624.86	673.97	608.01	732.25	912.75	1,180.85	1,166.32
AkaunAmanahDisatukan	761.88	750.70	711.96	854.63	1,031.25	1,417.70	1,546.53
AkaunPinjamanDisatukan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	20.89	0.00
KumpulanwangDisatukan	<u>1,386.74</u>	<u>1,424.67</u>	<u>1,319.97</u>	<u>1,586.88</u>	<u>1,944.00</u>	<u>2,619.44</u>	<u>2,712.85</u>

- b) Sehingga 31 Oktober 2013, jumlah keseluruhan pinjaman Kerajaan Negeri Selangor daripada Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM 1,001,407,309.63. Hutang Awam ini adalah bertujuan untuk membiayai sebahagian projek pembangunan Negeri iaitu:

- i. Projek Bekalan Air;
- ii. Projek Perumahan Awam Kos Rendah;
- iii. Amanah Saham Selangor;
- iv. Zon Perindustrian Sungei Way;
- v. Tabung Perumahan Ehsan; dan
- vi. Pelbagai

Baki Hutang Awam pada 31 Oktober 2013 adalah sebanyak RM913.80 juta, iaitu penurunan sebanyak 2.42% daripada baki Hutang Awam 2012 yang berjumlah RM936.55 juta. Jika dibandingkan baki Hutang Awam pada tahun 2008 iaitu sebanyak RM 1,336.58 juta, maka baki Hutang Awam pada tahun 2013 merekodkan penurunan sebanyak RM 422.78 juta atau 31.63%.

Senarai terperinci adalah seperti di **Lampiran A**.

- c) Rizab kewangan Kerajaan Negeri Selangor akan digunakan bagi program, projek dan aktiviti untuk tujuan pembangunan Negeri Selangor dan kebajikan rakyat Negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor akan mendapatkan kelulusan Dewan Negeri Selangor bagi penggunaan rizab negeri untuk projek-projek pembinaan jambatan ketiga Klang sebanyak RM150 juta; pembinaan rumah mampu milik sebanyak RM100 juta; pembinaan sekolah sebanyak RM50 juta; dan pembangunan belia dan keusahawanan sebanyak RM50 juta.

Kerajaan Negeri juga akan memastikan pengurusan kewangan Kerajaan Negeri dilaksanakan dengan cekap dan teratur di samping mematuhi segala peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Secara dasarnya, pendekatan yang diambil adalah dengan pelaksanaan usaha-usaha yang berterusan bagi meningkatkan kutipan hasil Kerajaan Negeri Selangor di samping pengurusan perbelanjaan wang awam yang menekankan prinsip ketelusan, keupayaan dan kebertanggungjawaban dalam semua urusan bagi memastikan nilai serta kualiti bagi perbelanjaan yang dikeluarkan dalam semua urusan adalah yang terbaik (*value for money*). Contohnya adalah mengujudkan sistem tender terbuka di dalam semua perolehan Kerajaan Negeri dan usaha meningkatkan kutipan cukai tanah melalui beberapa kaedah seperti mengenal pasti serta mengasingkan semua hak milik (tertunggak) yang bermasalah agar tindakan susulan dapat diambil; membuka kaunter kutipan di luar pejabat bagi Pejabat Daerah/Tanah di kawasan pedalaman; membuka kaunter pada waktu rehat; dan menambahkan saluran / kaedah pembayaran secara online dan pusat pembayaran di kaunter PBT.

Jadual : Hasil Negeri Selangor Bagi Tahun 2008 hingga 31 Oktober 2013

PERIHAL	2008	2009	2010	2011	2012	2013
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Cukai Tanah	433,232,599.80	426,181,233.64	461,731,352.11	455,964,429.98	463,523,574.70	436,982,873.58
Cukai Parit & Taliair	12,235,214.66	8,266,084.42	12,272,427.36	16,936,103.60	24,858,118.56	20,012,283.92
Cukai Hasil Hutan	11,727,385.05	9,564,763.62	11,228,438.18	25,181,825.61	25,233,882.47	22,017,543.20
Royalti Air	14,610,734.41	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Duti Eksais	13,675.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Cukai Hiburan	24,012,640.46	27,549,611.10	32,512,346.66	36,241,097.13	39,481,564.49	40,281,340.25
HASIL CUKAI	495,832,249.38	471,561,692.78	517,744,564.31	534,323,456.32	553,097,140.22	519,294,040.95

(Sumber : Penyata Hasil C1a, SPEKS)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN BUKIT BOTAK

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status dan laporan terperinci yang terkini mengenai Projek Perumahan Bukit Botak?

JAWAPAN:

- a) Jumlah keseluruhan dibina : 1,422 unit
Status pembinaan : Siap dengan CCC pada 26 April 2009
Hak milik berasingan : 1,382 unit telah dapat hak milik pada 15
Julai 2013
40 unit lagi masih dalam proses keluar
hak milik
Tarikh Perjanjian Jual Beli : Mulai Mei 2012

Setakat 31 Oktober 2013, PTD Gombak telah memproses 1,246 nama peserta manakala terdapat 63 nama lagi sedang dalam proses mendapatkan kelulusan MMKN menjadikan keseluruhan jangkakan jumlah peserta yang akan selesai diproses seramai 1,309 orang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN HAJI ABDUL TALIB
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PEMELIHARAAN HUTAN SIMPAN DI SELANGOR

145. Selangor sebagai sebuah negeri yang pesat membangun sudah pasti melihat khazanah hutan sebagai sesuatu yang perlu dipelihara:-

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah keluasan hutan simpan di Selangor?
- b) Apakah dasar dan langkah-langkah kerajaan Selangor memelihara hutan simpan ini?

JAWAPAN:

- a) Keluasan Hutan Simpanan Kekal di Negeri Selangor sehingga 31 Oktober 2013 seluas ±250,129 hektar @ 31.5% daripada keluasan tanah Negeri.

Maklumat Tambahan

- **Seperti di Lampiran II (Hutan Simpan)**

- b) Pada masa kini, Kerajaan Negeri Selangor mengamalkan dasar moratorium selama 25 tahun bagi semua hutan simpanan kekal di mana tiada pelaksanaan aktiviti pengusahaan hutan dalam hutan-hutan simpanan kekal. Pelaksanaan aktiviti pembangunan serta pemuliharaan hutan dalam hutan simpanan kekal diteruskan dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti pemulihan seperti tanaman menggayu, tanaman serta rawatan di kawasan terosot, dan lain-lain aktiviti berkaitan pemuliharaan hutan termasuk penandaan dan penyenggaraan sempadan hutan simpanan kekal.

(LAMPIRAN II)

MAKLUMAT TAMBAHAN

- Senarai Hutan Simpanan Kekal yang terdapat di dalam Negeri Selangor.

Bil.	Hutan Simpan	Bil.	Hutan Simpan
1.	HSK Ampang Pecah	36.	HSK Ulu Gombak (TI)
2.	HSK Ampang	37.	HSK Ulu Langat
3.	HSK Ayer Itam	38.	HSK Ulu Selangor
4.	HSK Ayer Itam (T)	39.	HSK Raja Musa
5.	HSK Batang Kali	40.	HSK Kuala Langat (S)
6.	HSK Bukit Belata	41.	HSK Kuala Langat (S) (T)
7.	HSK Bukit Belata (T) (Bukit Tunggai)	42.	HSK Kuala Langat (S) (T)
8.	HSK Bukit Belata (T II)	43.	HSK Kuala Langat (U)
9.	HSK Bukit Cherakah	44.	HSK Sg. Karang
10.	HSK Bukit Cherakah (T)	45.	HSK Banjar Utara
11.	HSK Bukit Jugra	46.	HSK Banjar Utara (T)
12.	HSK Bukit Jugra (T)	47.	HSK Jugra Kompok 1
13.	HSK Bukit Kutu	48.	HSK Jugra Kompok 2
14.	HSK Bukit Lagong	49.	HSK Kapar
15.	HSK Bukit Sungai Puteh	50.	HSK Kapar (T)
16.	HSK Bukit Sungai Puteh (T)	51.	HSK Kuala Bernam
17.	HSK Bukit Tarek	52.	HSK Pulau Che Mat Zain
18.	HSK Bukit Tarek (T)	53.	HSK Pulau Che Mat Zain (T)
19.	HSK Bukit Tarek (T II)	54.	HSK Pulau Kelang
20.	HSK Gading	55.	HSK Pulau Kelang (T)
21.	HSK Kanching	56.	HSK Pulau Ketam
22.	HSK Kota Damansara	57.	HSK Pulau Pintu Gedong
23.	HSK Rantau Panjang	58.	HSK Pulau Rusa
24.	HSK Rantau Panjang (T)	59.	HSK Pulau Selat Kering
25.	HSK Semangkok	60.	HSK Pulau Selat Kering (T)
26.	HSK Semangko (T)	61.	HSK Pulau Selat Mahang

Bil.	Hutan Simpan	Bil.	Hutan Simpan
27.	HSK Serendah	62.	HSK Pulau Selat Meriam
28.	HSK Sungai Buloh	63.	HSK Pulau Tengah
29.	HSK Sungai Dusun	64.	HSK Pulau Tengah (T)
30.	HSK Sungai Jeloh	65.	HSK Pulau Tonggok
31.	HSK Sungai Lalang	66.	HSK Sepang
32.	HSK Sungai Lalang (T)	67.	HSK Sepang Kechil
33.	HSK Templer	68.	HSK Sepang Kechil (T)
34.	HSK Ulu Gombak	69.	HSK Telok Gadong
35.	HSK Ulu Gombak (T)	70.	HSK Telok Gadong (T)

Nota :

(T) – Tambahan

(S) – Selatan

(U) – Utara

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(BALAKONG)**

TAJUK : PEMASANGAN WIFI SELANGORKU

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah pencapaian terkini mengenai pemasangan WIFI Selangorku di setiap DUN?
- b) Adakah pelaksanaan tersebut dapat dipercepatkan?
- c) Adakah kerajaan bersedia untuk menggunakan produk teknologi baru yang mengintegrasikan lampu jalan LED, CCTV dan WIFI bagi menjimatkan kos pemasangan?

JAWAPAN:

- a) Melalui peruntukkan Geran Selangorku, Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan 112 lokasi perkhidmatan WiFi di seluruh Negeri Selangor untuk rakyat negeri Selangor meliputi kawasan bandar dan luar bandar.

Setiap DUN diperuntukkan sebanyak 2 lokasi. Bagi mengenal pasti kawasan-kawasan terpilih, setiap DUN telah diminta untuk mengemukakan cadangan kepada STANDCO Sains, Teknologi dan Inovasi bagi memastikan semua mendapat kemudahan ini.

Sebanyak 56 lokasi kemudahan perkhidmatan WiFi Selangorku (Fasa 1) ini sudah beroperasi bermula pada Mac 2013 dan baki 56 lokasi (Fasa 2) lagi telah mula beroperasi pada Jun 2013.

- b) Sebanyak 112 lokasi WiFi Selangorku telah beroperasi secara berperingkat bagi Fasa 1 dan Fasa 2 bermula pada Mac 2013. Beberapa kekangan terpaksa di tempuhi sepanjang pelaksanaan 56 lokasi pertama (Fasa 1) yang melibatkan proses pelaksanaan tersebut mengambil masa yang panjang.

Antara penyebab utamanya adalah tiada infrastruktur di lokasi pemasangan tersebut serta Penyedia Perkhidmatan Internet atau dikenali sebagai ISP (*Internet Service Provider*) yang terhad di Malaysia.

Hasil daripada pelaksanaan Fasa 1 tersebut, beberapa jalan penyelesaian telah ditemui dengan mengadakan perbincangan bersama Penyedia Perkhidmatan Internet bagi mempercepatkan proses pemasangan Fasa 2.

Sehingga kini kesemua 112 lokasi WiFi Selangorku telah beroperasi sepenuhnya.

- c) Kerajaan mengalu-alukan sebarang cadangan yang boleh menambah baik sistem sedia ada yang memberi manfaat kepada rakyat keseluruhannya serta membantu Kerajaan melaksanakan agenda Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor.

Oleh yang demikian, sekiranya semakan dan penyelidikan mendapati bahawa kos pemasangan produk teknologi baru yang mengintegrasikan lampu jalan LED, CCTV dan WiFi adalah lebih ekonomik ianya boleh dipertimbangkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : BANCIAN PENDAPATAN ISI RUMAH

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah kerajaan akan menjalankan bancian kawasan-kawasan yang diketahui ramai penduduk miskin bagi mengenal pasti pendapatan isi rumah dan keperluan isi rumah tersebut?
- b) Apakah dasar kerajaan negeri dalam menangani masalah kemiskinan yang juga menjadi punca masalah lain seperti sosial, jenayah dan lain-lain?

JAWAPAN:

- a) Program pembasmian kemiskinan di Selangor giat dilaksanakan melalui Program Bantuan Blueprint, Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin dan Tajaan Kemahiran Teknikal. Bagi memastikan bantuan-bantuan ini terus sampai kepada golongan sasaran maka Kerajaan Negeri akan mengadakan bancian pendapatan isi rumah di seluruh Selangor. Pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sedang memilih beberapa universiti di Selangor untuk mengadakan kerjasama bagi tujuan bancian ini. Pada masa yang terdekat, pihak UPEN sedang bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) untuk mendapatkan senarai penerima bantuan sedia ada bagi kedua-dua institusi tersebut.
- b) Kerajaan Negeri sedar bahawa faktor kemiskinan boleh mendorong kepada masalah sosial dan jenayah sekiranya ianya tidak dibantu oleh Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri merangka program-program yang dapat membantu golongan ini dari segi ekonomi seperti Program Bantuan Blueprint untuk meningkatkan pendapatan bulanan keluarga tersebut. Dari segi sosial, Kerajaan Negeri membantu untuk membina atau membaik pulih rumah yang uzur supaya keperluan asas golongan ini terjaga. Manakala sekiranya terdapat anak-anak golongan miskin ini yang tercicir dari segi akademik, maka Kemahiran Teknikal disediakan bagi tujuan anak-anak ini mendapat pelajaran dalam bidang kemahiran yang diluluskan oleh Sijil Kemahiran Malaysia. Kerajaan Negeri juga akan meluaskan lagi beberapa program-program baru nanti untuk menangani masalah kemiskinan di negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(DENGKIL)**

TAJUK : PRESTASI PELANCONGAN DI SELANGOR

148. Selangor menyasarkan 10 juta pelancong menjelang 2018

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan statistik ketibaan pelancongan di Selangor dari 2008 hingga kini?
- b) Apakah impak atau sumbangan industri ini kepada ekonomi Selangor dari 2008 hingga kini?
- c) Apakah langkah negeri untuk memastikan sasaran tersebut dicapai?

JAWAPAN:

- a) Statistik ketibaan Pelancongan di Selangor dari 2008 hingga kini adalah seperti berikut:

Statistik Kehadiran Pelancong adalah seperti berikut:

Tahun	Kehadiran Pelancong
2008	5,677,221
2009	5,647,641
2010	5,833,858
2011	6,040,418
2012	6,366,110
2013	5,165,703

- b) Impak atau sumbangan industri pelancongan kepada ekonomi Selangor adalah melalui pengembangan industri perkhidmatan. Industri perkhidmatan merupakan penyumbang tertinggi kepada kadar KDNK di Negeri Selangor.

Ini adalah merupakan satu pencapaian terbaik bagi industri perkhidmatan yang secara tidak langsung telah memberi peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Pada masa yang sama, Pihak Berkuasa Tempatan dapat mengutip hasil daripada sektor perkhidmatan ini seperti

hotel-hotel bajet, taman tema, homestay, restoran dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan pelancongan.

Pendapatan Pelancongan Negeri Selangor mengikut tahun adalah seperti jadual di bawah:

Tahun	Jumlah Pendapatan Pelancongan (RM)
2008	3,982,002,809.40
2009	3,961,255,397.40
2010	4,091,868,001.20
2011	4,236,749,185.20
2012	4,465,189,554.00
2013 (September)	3,623,224,084.20

- c) Kerajaan Negeri telah menjalankan pelbagai aktiviti promosi dan acara bagi menarik pelancong datang ke Negeri Selangor dan seterusnya memastikan sasaran tersebut dapat dicapai.

Antaranya adalah memperkenalkan Selangor melalui siri promosi ke luar negara dan pertemuan 'Business to Business' (B to B) bersama penggiat industri dari negara-negara yang dilawati.

Selain itu, Tourism Selangor juga menganjurkan acara- acara seperti berikut bagi menarik lebih ramai pelancong datang ke Negeri Selangor:

- i) Malaysia Women marathon
- ii) Festival Bon Odori
- iii) Raja Muda Regatta
- iv) Karnival Sate Kajang
- v) Selangor Photo carnival
- vi) My Selangor Story
- vii) TS Breakaway
- viii) Urbanscapes
- ix) TS DAY OUT
- x) TS EAT OUT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(PAYA JARAS)**

TAJUK : PEMBELIAN TANAH BAGI TAPAK MASJID/SURAU

149. Kerajaan Negeri telah meluluskan permohonan melalui Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) untuk pengambilan balik tanah bagi tujuan tapak Surau Al-Taqwaniah, Kg. Paya Jaras, Mukim Sungai Buloh. Tanah tersebut dikenali sebagai Hak milik HS(M) 1257 PT 815, Kampung Baharu Sungai Buluh, Mukim Sungai Buluh , Daerah Petaling bagi tujuan tapak Surau Al-Takwaniah, Kampung Paya Jaras Hulu Dalam, Sungai Buloh.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status terkini permohonan tersebut?
- b) Bilakah pengambilan ini dijangka selesai sepenuhnya?

JAWAPAN:

- a) Pihak JAIS telah memohon pengambilan ke Pejabat Tanah Petaling pada 5.10.2012. Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah mengemukakan permohonan status terkini melalui surat ke Pejabat Tanah Petaling pada 30.9.2013. Pejabat Tanah petaling memaklumkan bahawa kertas pengambilan telah siap dan di dalam semakan pegawai bertanggungjawab untuk diangkat ke EXCO.
- b) Bergantung kepada keputusan Pihak Berkuasa Negeri dan pelaksanaan proses kerja di Pejabat Tanah Daerah masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR)

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Status terkini Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Danau yang merupakan projek penempatan semula penduduk-penduduk Kampung Hassan, Ulu Bernam dan nyatakan langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk memastikan penduduk-penduduk Kg. Hassan akan berpindah ke PPR tersebut.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, projek PPR Kg. Hassan yang terdiri daripada 300 unit rumah teres 1 tingkat yang dibina di atas tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). Projek ini bermula pada 27 Julai 2011 dan telah memperolehi CCC pada 25 Julai 2013. Projek PPR ini telah diluluskan untuk dijual kepada golongan berpendapatan rendah terutamanya golongan setinggan di kawasan tersebut dalam usaha penempatan semula Peneroka Bandar di kawasan berkenaan. Pemilihan nama-nama pembeli yang layak dibuat oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jawatankuasa Pemilihan Pembeli Bagi Penjualan PPR Kg. Hassan yang ditubuhkan bagi tujuan tersebut serta menentukan mekanisme pengurusan penjualan PPR berkaitan.

Untuk makluman Yang Berhormat, senarai nama Peneroka Bandar yang dikenal pasti telah mendapat pengesahan daripada Pejabat Tanah/Daerah Hulu Selangor dan proses pemindahan bergantung kepada keputusan akhir KPKT memandangkan projek tersebut dibina oleh Kerajaan Persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR (PTRS)

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah program-program lanjutan bagi pelajar-pelajar yang mengikuti PTRS selepas mereka habis menduduki peperiksaan SPM?

JAWAPAN:

- a) Setakat ini program – program lanjutan bagi pelajar – pelajar yang mengikuti PTRS selepas mereka habis menduduki peperiksaan SPM masih dalam perancangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : CUKAI PBT

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jenis-jenis cukai dan lesen yang dikutip oleh PBT?
- b) Nyatakan kadar setiap jenis cukai dan lesen yang dikenakan oleh PBT?
- c) Berapakah jumlah hasil kutipan cukai dan lesen dari 2008-2012 mengikut PBT?

JAWAPAN:

- a) Jenis – jenis cukai dan lesen yang dikutip oleh PBT adalah seperti berikut:
 - i) Cukai Taksiran/ Cukai Pintu
 - ii) Lesen Penjaja
 - iii) Lesen Gerai
 - iv) Lesen Pasar
 - v) Lesen Industri Pembuatan
 - vi) Lesen Kejuruteraan
 - vii) Lesen Perkhidmatan Pembuatan
 - viii) Lesen Establisymen Makanan
 - ix) Lesen Perniagaan & Perindustrian
 - x) Lesen Kedai Makan
 - xi) Lesen Stor/Gudang
 - xii) Lesen Iklan
 - xiii) Permit Sementara
 - xiv) Lesen Hiburan
 - xv) Lesen Salut Plastik
 - xvi) Lesen Pusat Siber
 - xvii) Lesen Pusat Kecantikan & Kesihatan
 - xviii) Lesen Kolam Renang
 - xix) Lesen Pusat Sukan
 - xx) Lesen Hotel
 - xxi) Lain-lain Bayaran Lesen
- b) Kadar Cukai Taksiran yang dikenakan adalah seperti di [Lampiran A](#). Manakala Kadar Lesen yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor adalah berbeza mengikut jenis perniagaan berdasarkan

kadar bilangan yang telah ditetapkan di dalam jadual Undang-undang Kecil Lesen seperti senarai berikut:

- i) Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian 2007.
 - ii) Undang-undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan 2007.
 - iii) Undang-undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber 2007.
 - iv) Undang-undang Kecil Iklan 2007.
 - v) Undang-undang Kecil Krematorium 2007.
 - vi) Undang-undang Kecil Kolam Renang 2007.
 - vii) Undang-undang Kecil Pasar 2007.
 - viii) Undang-undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing 2007.
 - ix) Undang-undang Kecil Hotel 2007.
 - x) Undang-undang Kecil Penjaja 2007.
 - xi) Undang-undang Kecil Pelesenan Establisyemen Makanan 2007.
 - xii) Undang-undang Kecil Pusat Sukan Persendirian 2007.
 - xiii) Undang-undang Kecil Tempat Letak Kereta Persendirian 2005
- c) Jumlah Hasil Kutipan Cukai dan Lesen mengikut PBT adalah seperti berikut:

Bil.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	Tahun 2008 (RM Juta)	Tahun 2009 (RM Juta)	Tahun 2010 (RM Juta)	Tahun 2011 (RM Juta)	Tahun 2012 (RM Juta)
1	MBSA	151	150	167	188	211
2	MBPJ	178	177	189	199	219
3	MPK	132	139	157	163	168
4	MPSJ	152	157	163	176	180
5	MPS	74	85	87	88	98
6	MPKj	69	73	79	86	88
7	MPAJ	84	88	88	90	94
8	MPSP	34	45	43	52	59
9	MDHS	28	24	33	35	42
10	MDKS	11	12	14	18	23
11	MDKL	19	21	21	23	24
12	MDSB	3.6	4.4	3.9	4.3	5.1

Bil.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	Tahun 2008 (RM Juta)	Tahun 2009 (RM Juta)	Tahun 2010 (RM Juta)	Tahun 2011 (RM Juta)	Tahun 2012 (RM Juta)
	JUMLAH	935.6	975.4	1,044.9	1,122.3	1,211.1

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

BIL.	Jenis Pegangan	Kadar Cukai Taksiran	
		Bangunan	Tanah Kosong
1.	Kediaman(Landed)	4.0%	3.5%
2.	Kediaman(bertingkat)	3.5%	3.5%
3.	Komersial	7.0%	6.5%
4.	Pangsapuri Servis	5.0%	5.0%
5.	Perindustrian	7.5%	7.0%

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

BIL.	Kawasan	Kategori Pegangan	Kadar Cukai Taksiran
1.	Seksyen 1,2,3 /Seri Setia/ Kampung Baru Damansara (Seksyen 17A)/ PJS 2,4,6 dan sebahagiannya PJS	Kediaman	7.7%
		Lain-lain Pegangan	8.8%
2.	Kampung Kayu Ara/ Kayu Ara Indah / Kampung Cempaka dan semua kampung tradisional di Petaling Jaya	Semua Pegangan	5.5%
3.	Petaling Jaya Selatan dan Petaling Jaya Utara	Rumah Kos Rendah Sahaja	7.7%
4.	Sri Damansara /Mayang Mas dan Megah Mas	Kediaman / Tanah Kosong	5.5%
		Lain-lain Pegangan	6.6%
		Kediaman Bertingkat	5.0%

LAMPIRAN A

BIL.	Kawasan	Kategori Pegangan	Kadar Taksiran
5.	Semua kawasan yang tidak termasuk dalam 1-4 diatas (Kawasan Maju)	Semua Pegangan	8.8%
6.	Petaling Jaya Utara	Pertanian	5.5%
7.	Semua Kawasan Petaling Jaya Kediaman Bertingkat	Flat Kos Rendah	5.0%
		Apartmen dan Kondominium (Kecuali item 4)	6.0%
		Pangsapuri Servis	6.6%

MAJLIS PERBANDARAN KLANG

Bil.	Kawasan	Kadar Cukai Taksiran			
		Kediaman/ Pertanian	Tanah Kosong (Kediaman)	Perindustrian /Perniagaan	Tanah Kosong (Perindustrian/ Perniagaan)
1.	Pusat Perdagangan	10.5%	10.5%	11.5%	11.5%
2.	Kawasan Maju	9.5%	9.5%	10.5%	10.5%
3.	Sedang membangun	6.5%	6.5%	7.5%	7.5%
4.	Simpanan Melayu	2.2%	2.2%	3.25%	3.25%

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

Bil .	Jenis Pegangan	Kadar Cukai Taksiran		
		Industri	Komersial	Kediaman
1.	Kawasan Maju	7.15%	6.6%	5.5%
2.	Kampung (Bukan Rezab Melayu)	7.15%	6.6%	2.2%
3.	Kampung (Rezab Melayu)	7.15%	6.6%	1.1%

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Bil .	Jenis Pegangan	Kadar Cukai Taksiran
1.	Kediaman	5.0%
2.	Perniagaan	6.0%
3.	Perdagangan	6.0%
4.	Industri	6.0%
5.	Pertanian	2.0%
6.	Subang Jaya	8.0%

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Bil.	Jenis Pegangan	Kadar Cukai Taksiran Tahun
1.	Kediaman Kampung	4.0%
2.	Kediaman Kos Rendah	8.0%
3.	Kediaman Taman Perumahan	8.6%
4.	Komersial	6.5-10.8%
5.	Industri	12.0%

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

Bil.	Jenis Pegangan	Kadar Cukai Taksiran			
		Kawasan Simpanan Melayu	Kawasan Belum Membangun	Kawasan Membangun	Kawasan Maju
1.	Kediaman	2.2%	4.40%	7.7%	8.8%
2.	Perniagaan/Kedai	3.3%	8.25%	8.8%	9.9%
3.	Perkilangan/Perusahaan	4.4%	9.35%	9.9%	11.0%
4.	Institusi	-	-	5.5%	-
5.	Tanah Pertanian	1.1%	1.10%	1.1%	1.1%

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Bil.	Jenis Pegangan	Kadar Cukai Taksiran
1.	Kediaman	7.35%
2.	Komersial	8.40%
3.	Industri	9.45%

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

Bil.	Jenis Pegangan	Kadar Cukai Taksiran
1.	Kediaman	9.0%
2.	Komersial	11.0%
3.	Industri	8.0%

MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

Bil.	Jenis Pegangan	Kadar Cukai Taksiran
1.	Perniagaan	7 - 8%
2.	Kediaman	6 - 7%
3.	Perumahan	10 -12%
4.	Pertanian (Rezab Melayu)	2.0%
5.	Pertanian	1.0%
6.	TOL	3%

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

Bil.	Kawasan	Kadar Cukai Taksiran			
		Perindustrian	Perniagaan	Kediaman	Pertanian
1.	Bandar Mahkota Banting	12.0%	10.0%	10.0%	-
2.	Bandar Seri Ehsan	12.0%	11.0%	11.0%	-
3.	Bandar Saujana Putra	6.5%	6.5%	5.5%	1.0%
4.	Pulau Carey	13.0%	11.0%	11.0%	1.0%
5.	Telok Panglima Garang	13.0%	11.0%	11.0%	1.0%
6.	Sungai Jarum	8.5%	8.5%	8.5%	1.0%
7.	Sungai Sedu	8.5%	8.5%	8.5%	1.0%
8.	Sungai Manggis	14.0%	14.0%	11.0%	1.0%
9.	Telok Datok	14.0%	14.0%	13.0%	1.0%
10	Banting	14.0%	14.0%	14.0%	1.0%
11.	Morib	13.0%	13.0%	12.0%	1.0%

MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

Bil.	Jenis Pegangan	Kadar Cukai Taksiran	
		Kawasan Maju	Kawasan Kurang Maju
1.	Kediaman	11.8%	8.5%
2.	Komersial	12.0%	10.8%
3.	Industri	13.0%	-

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : DATA BANK KAWASAN PENEROKA BANDAR/SETINGGAN

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah keluasan tanah kerajaan yang diduduki oleh peneroka bandar/setinggan di seluruh Selangor?
- b) Apakah kategori kawasan tanah tersebut?
- c) Berapakah nilai hasil di segi premium atau hasil cukai yang boleh diuruskan secara optimum?

JAWAPAN:

- a) Jumlah keluasan tanah kerajaan yang diduduki oleh peneroka bandar/setinggan di seluruh Selangor adalah seluas **1,677.78 ekar** dan pecahan daerah adalah seperti jadual berikut:

BIL	DAERAH	KELUASAN (EKAR)
1.	Petaling	31.00
2.	Klang	50 .00
3.	Gombak	240.75
4.	Hulu Langat	98.068
5.	Sabak Bernam	0.26
6.	Kuala Selangor	1153.00
7.	Kuala Langat	50.00
8.	Hulu Selangor	42.00
9.	Sepang	12.7
Jumlah		1,677.78

- b) Kategori bagi kawasan tanah tersebut adalah tanah pertanian.
- c) Hasil yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri sekiranya tanah ini dijual melalui tender atau jualan terus untuk kategori pertanian adalah berjumlah **RM23,735,364.84**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:-

BIL	DAERAH	KELUASAN (EKAR)	ANGGARAN NILAI PASARAN TANAH PERTANIAN (RM)
1.	Petaling	31.000	4,051,080.00
2.	Klang	50.000	4,356,000.00
3.	Gombak	240.750	5,243,535.00
4.	Hulu Langat	98.068	4,271,842.08
5.	Sabak Bernam	0.260	45,302.40
6.	Kuala Selangor	1.153	100,449.36
7.	Kuala Langat	50.000	2,178,000.00
8.	Hulu Selangor	42.000	1,829,520.00
9.	Sepang	12.700	1,659,636.00
JUMLAH		1,677.780	23,735,364.84

Nota :-

Sumber rujukan adalah seperti berikut :-

- i) Laporan Pasaran Harta 2012, keluaran Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta
- ii) Data transaksi Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta cawangan Shah Alam, Klang, Gombak dan Bangi bagi tahun 2012
- iii) Sumber internet - Website iproperty.com

Sekiranya tanah ini diberi milik kepada penduduk setinggan untuk kategori kediaman hasil yang boleh diperolehi dalam bentuk premium adalah seperti dalam jadual berikut :-

BIL	DAERAH	KELUASAN (EKAR)	ANGGARA NNILAI PASARAN TANAH KEDIAMAN (RMSKP)	ANGGARAN NILAI PASARAN TANAH KEDIAMAN (RM)	PREMIUM (RM)
1.	Petaling	31.000	35.00	47,262,600.00	5,848,746.75
2.	Klang	50.000	30.00	65,340,000.00	8,085,825.00
3.	Gombak	240.750	8.00	83,896,560.00	10,382,199.30
4.	Hulu Langat	98.068	10.00	42,718,420.80	5,286,404.57
5.	Sabak Bernam	0.260	18.00	203,860.80	25,227.77
6.	Kuala Selangor	1.153	30.00	1,506,740.40	186,459.12

BIL	DAERAH	KELUASAN (EKAR)	ANGGARAN NILAI PASARAN TANAH KEDIAMAN (RMSKP)	ANGGARAN NILAI PASARAN TANAH KEDIAMAN (RM)	PREMIUM (RM)
7.	Kuala Langat	50.000	25.00	54,450,000.00	6,738,187.50
8.	Hulu Selangor	42.000	15.00	27,442,800.00	3,396,046.50
9.	Sepang	12.700	25.00	13,830,300.00	1,711,499.63
JUMLAH		1,677.780	-	336,651,282.00	41,660,596.14

Nota:-

Sumber rujukan adalah seperti berikut :-

- i) Laporan Pasaran Harta 2012, keluaran Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta
- ii) Data transaksi Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta cawangan Shah Alam, Klang, Gombak dan Bangi bagi tahun 2012
- iii) Sumber internet - Website iproperty.com
- iv) Kaedah Tanah Selangor 2003 (Pindaan 2005)

Pengenaan premium kepada penduduk setinggan merujuk kepada Kaedah Tanah Selangor 2003 (Pindaan 2005) dengan menggunakan formula $(1/8 \times 1/100 \times \text{Nilai Pasaran} \times 99 \text{ tahun})$ berdasarkan jadual di atas adalah berjumlah RM41,660,596.15.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(KINRARA)**

TAJUK : BAS KOMUNITI

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sejauh manakah usaha kerajaan untuk mengadakan perkhidmatan bas komuniti di kawasan bandar?
- b) Berapa buah bas yang dicadangkan untuk menjayakan program ini?
- c) Berapa peruntukan kewangan yang akan dibelanjakan?

JAWAPAN:

- a) Usaha Kerajaan untuk mengadakan perkhidmatan bas komuniti di kawasan bandar adalah dengan memberi galakan kepada Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran untuk mengenal pasti laluan yang sesuai untuk bas komuniti ini memberi perkhidmatan. Kriteria pemilihan kawasan adalah seperti berikut:-
 - i) Sukar mendapat perkhidmatan awam
 - ii) Kawasan perumahan yang padat
 - iii) Tidak mendapat perhatian daripada syarikat bas terlibat
 - iv) Laluan bas:kawasan tumpuan kemudahan awam: pusat kesihatan, pejabat kerajaan, pusat bandar dll

Kaedah pelaksanaan juga masih di dalam penelitian sama ada kaedah kontrak / perjanjian antara PBT dengan syarikat pengangkutan bas sedia ada atau kaedah pembelian bas oleh PBT dan dioperasi oleh PBT.

- b) Dua (2) unit bas dicadangkan untuk menjayakan program ini bagi menampung dan melicinkan operasi perkhidmatan bas ini.
- c) Kerajaan Negeri Selangor melalui PBT bercadang untuk menyediakan perkhidmatan kenderaan komuniti berupa bas untuk kegunaan orang awam khususnya golongan warga emas, orang kelainan upaya (OKU), golongan yang berpendapatan rendah dan kurang kemampuan untuk menguruskan di kawasan pentadbiran agensi kerajaan. Contohnya di MBSA, peruntukan kewangan bagi pembelian sebuah bas komuniti sebanyak RM500,000.00 sebagai tambahan kepada bas komuniti sedia ada disumbangkan oleh syarikat korporat pada tahun 2013. Ia adalah antara perkara di bawah Pelan Tindakan 5 tahun Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH
(KAJANG)**

TAJUK : KADAR PENGANGGURAN

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kadar pengangguran yang terkini dalam Negeri Selangor dan pecahannya mengikut lapisan umur, kaum dan jantina?
- b) Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dalam
 - i) Memberi latihan atau kursus untuk melengkapinya mereka dalam peluang pekerjaan yang timbul;
 - ii) Mewujudkan peluang pekerjaan.

JAWAPAN:

- a) Bancian terkini Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa kadar pengangguran di negeri Selangor adalah seramai 2.3%.
- b) Kerajaan negeri sentiasa memberi perhatian terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat termasuklah isu pengangguran. Sehubungan itu, kerajaan negeri telah mengambil langkah-langkah tertentu bagi menangani masalah pengangguran dengan mewujudkan lebih banyak lagi peluang pekerjaan melalui program-program seperti berikut :
 - i) Penganjuran program 'Jom Kerja' yang diadakan setiap tahun disasarkan kepada golongan belia, baik lepasan sekolah mahupun graduan universiti bagi membolehkan golongan berkenaan mengatur rancangan kerjaya mereka;
 - ii) Menawarkan bantuan dari segi teknikal kepada golongan belia yang berminat melalui kursus-kursus teknikal yang disediakan di Kolej INSPENS supaya elemen pendidikan yang diterapkan kepada mereka akan membantu golongan sasaran ini dalam mencari pekerjaan yang bersesuaian dan seterusnya mengurangkan pengangguran di negeri Selangor; dan
 - iii) Pengenalan Skim Kredit Mikro (SKIMSEL) yang disalurkan melalui Yayasan Qardhul Hasan yang bertujuan untuk membantu rakyat Selangor di kawasan luar bandar dan pedalaman serta pengenalan Skim Kredit Mikro Miskin Bandar (MIMBAR Selangor) bagi membantu

rakyat miskin di negeri Selangor yang tinggal di kawasan bandar. Bantuan berbentuk keusahawanan ini bertujuan untuk membantu usahawan bandar dan luar bandar yang berpotensi untuk berkecimpung dalam perniagaan kecil dan sederhana yang seterusnya secara tidak langsung membantu mengurangkan kadar pengangguran di negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : AKU JANJI MENTERI BESAR

156. Aku janji Menteri Besar Selangor ada menyatakan akan memelihara dan melindungi kesucian dan keagungan agama Islam sebagai agama Negeri dari diganggu – gugat oleh mana-mana pihak dan turut menghormati hak agama lain diamalkan.

Bertanyakan Kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan aku janji ini dilaksanakan?
- b) Apakah tindakan yang diambil untuk memastikan kesucian Kalimah Allah tidak disalahgunakan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan memastikan Aku Janji memelihara dan melindungi kesucian dan keagungan agama Islam terlaksana menerusi penyelarasan aktiviti-aktiviti pengurusan Hal Ehwal Islam yang dikordinasikan oleh Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam. Melalui cara ini, kerajaan memastikan usaha-usaha dakwah dan penerangan mengenai agama Islam diberikan kepada seluruh masyarakat negeri ini, penguatkuasaan dan pengadilan diberikan kepada mereka yang melakukan jenayah syariah atau teraniaya dan hukum hakam mengenai perkara-perkara baru dalam kehidupan umat Islam dapat disampaikan kepada umum.
- b) Kerajaan sentiasa bersedia dengan aspek perundangan dan memerlukan kerjasama umum untuk menjadi mata dan telinga kerajaan dalam menangani sebarang penyalahgunaan kalimah Allah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(IJOK)**

TAJUK : HAIWAN LIAR

157. Kawasan desa seperti Ijok menghadapi masalah keganasan haiwan liar seperti monyet yang merosakkan tanaman serta mencerobohi kediaman penduduk kampung.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah / tindakan Jabatan Haiwan Negeri untuk membendung masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Negeri Selangor telah mengambil tindakan seperti berikut:-
- i) Aduan diterima melalui beberapa saluran seperti email, telefon dan e-aduan.
 - ii) Merekodkan maklumat pengadu seperti Lokasi Kejadian, Nama Pengadu, Alamat Pengadu, No. Telefon, Maklumat Spesis / Konflik.
 - iii) Maklumat aduan akan disalurkan kepada Pejabat PERHILITAN Daerah yang berkenaan untuk tindakan.
 - iv) Pejabat PERHILITAN Daerah akan mengambil tindakan ke atas aduan dalam masa 3 hari bekerja.
 - v) Tindakan selanjutnya adalah, sama ada memasang perangkap tembak mati.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : AKHBAR SELANGORKINI

158. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan secara *detail* apakah peranan utama dan keberkesanan Akhbar Selangorkini dalam menyampaikan maklumat Kerajaan Negeri kepada rakyat?
- b) Sila nyatakan jumlah kos penerbitan bagi setiap keluaran dan nama syarikat yang dilantik bagi mengendalikan penerbitan tersebut?
- c) Sila nyatakan berapakah jumlah naskhah Akhbar Selangorkini edisi Mandarin yang diterbitkan dan berapakah naskhah yang diterima serta diedarkan oleh setiap DUN?

JAWAPAN:

- a) Akhbar Selangorkini berperanan menyampaikan maklumat dan penerangan mengenai dasar dan aktiviti kerajaan Negeri Selangor pimpinan YAB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Bin Ibrahim, barisan EXCO dan Adun di negeri ini kepada segenap lapisan rakyat. Ia perlu kerana maklumat berkaitan dasar dan aktiviti itu kerap kali digelapkan oleh media arus perdana yang dikawal kerajaan Pusat. Malah, banyak dasar dan isu berkaitan kerajaan Negeri Selangor di manipulasi dan diputar belit hingga mengelirukan rakyat negeri ini.
Keberkesanan Selangorkini terserlah apabila rakyat tidak lagi mempercayai bulat-bulat inti pati media arus perdana sebaliknya membandingkan fakta dengan akhbar ini.
Akhbar ini juga menjadi sumber maklumat utama di kalangan masyarakat desa yang kurang mesra dengan aplikasi media sosial, lebih-lebih lagi golongan 40 tahun ke atas yang kurang mahir dengan teknologi maklumat.
Sekali gus, ia membawa kepada rakyat yang celik maklumat dan berfikiran kritis serta bijak membuat penilaian dalam sesuatu isu.
- b) Jumlah kos penerbitan bagi setiap keluaran adalah sebanyak RM114,447 dengan kadar RM0.65 senaskhah (meliputi kos edaran, penerbitan, pengurusan termasuk sumber manusia). Hanya Communication Corporation Sdn Bhd mengendalikan penerbitan tersebut.

- c) Akhbar Selangorkini - Mandarin telah diterbitkan dua minggu sekali dengan jumlah cetakan 75,000 setiap edisi. Sehingga 8hb November 2013 sebanyak 5 edisi telah dikeluarkan dengan jumlah keseluruhan 375,000 naskhah. Sebanyak 70,300 naskhah telah diedarkan kepada 56 DUN manakala 4,700 naskhah diedarkan di 15 pasar raya besar di Selangor. Setiap DUN menerima jumlah Selangorkini – Mandarin dengan kuantiti yang berbeza berdasarkan 10% daripada jumlah kaum Cina di kawasan DUN tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : YAYASAN BASMI KEMISKINAN

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan jumlah aset baik dalam bentuk tanah ataupun kewangan yang disumbangkan kepada Yayasan Basmi Kemiskinan tetapi kini dibekukan dan dikembalikan kepada Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh kerajaan negeri bagi memantau dan memastikan bahawa sumbangan yang diberikan oleh kerajaan negeri kepada mana-mana badan kebajikan adalah digunakan secara sebaiknya?

JAWAPAN:

- a) Senarai aset-aset Yayasan Basmi Kemiskinan yang telah dibekukan oleh Kerajaan Negeri mengikut daerah:
 - i) Kuala Selangor iaitu tanah seluas 22,095.83 meter persegi;
 - ii) Hulu Selangor iaitu tanah seluas 6,520.8 meter persegi;
 - iii) Petaling iaitu tanah seluas 796.81 meter persegi; dan
 - iv) Gombak iaitu tanah seluas 13,257.4 meter persegi.

Tanah-tanah yang dinyatakan tadi adalah termasuk sembilan (9) Desa Kasih iaitu penempatan bagi keluarga miskin dan Asrama Kasih iaitu penempatan pelajar-pelajar miskin atau anak yatim.

- b) Buat masa sekarang, Kerajaan Negeri hanya memberikan bantuan yang minimum sahaja kepada badan-badan kebajikan atau Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) yang memohon bagi menjalankan program sosial di dalam Negeri Selangor. Pemberian seperti mana yang telah diberikan kepada Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) tidak lagi diamalkan masa Pentadbiran kini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(BATANG KALI)**

TAJUK : PRESTASI PELABURAN DI SELANGOR

160. Nilai pelaburan yang diterima Selangor sama ada dari luar atau domestik adalah antara ukuran suasana ekonomi negeri yang baik

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah data nilai pelaburan yang diterima negeri dari 2008 hingga kini?
- b) Nyatakan senarai Negara luar yang melabur di Selangor serta nilai pelaburannya dari 2008 hingga kini?
- c) Apakah bidang-bidang pelaburan yang menarik minat serta nilainya?

JAWAPAN:

- a) Nilai pelaburan yang diterima Negeri Selangor bagi tempoh 2008 hingga Ogos 2013 adalah sebanyak **RM 53,246,903,787 (53.247 bilion)** daripada **1,560 projek perkilangan** yang diluluskan oleh MITI/MIDA di Negeri Selangor. Maklumat terperinci seperti jadual berikut:-

Negeri	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)	RM Bilion
Selangor D.E.	1,560	133,275	25,274,059,830	27,972,843,957	53,246,903,787	53.247
Sarawak	203	31,008	11,839,973,320	34,506,757,801	46,346,731,121	46.347
Johor D.T.	982	107,420	15,539,939,619	28,638,828,036	44,178,767,655	44.179
Pulau Pinang	677	84,839	11,921,639,302	26,267,927,766	38,189,567,068	38.190
Sabah	170	14,092	9,380,015,048	7,370,849,172	16,750,864,220	16.751
Melaka	182	24,381	3,655,666,595	10,915,218,866	14,570,885,461	14.571
Kedah D.A.	230	25,282	1,934,509,404	11,344,194,775	13,278,704,179	13.279
Negeri Sembilan D.K.	190	20,592	4,557,944,397	8,131,503,903	12,689,448,300	12.689
Perak D.R.	252	26,566	4,439,311,195	7,056,412,457	11,495,723,652	11.496
Terengganu D.I.	58	6,050	3,525,477,650	4,992,007,059	8,517,484,709	8.517
Pahang D.M.	103	8,078	4,538,745,703	3,690,348,764	8,229,094,467	8.229
Kelantan D.N.	25	3,613	1,010,467,654	594,274,994	1,604,742,648	1.605
W.P. - Kuala Lumpur	65	4,392	754,169,016	204,018,242	958,187,258	0.958
Perlis I.K.	7	729	117,005,820	109,994,700	227,000,520	0.227
W.P.- Labuan	4	167	37,696,031	22,961,412	60,657,443	0.061
Jumlah	4,708	490,484	98,526,620,584	171,818,141,904	270,344,762,488	

Sumber : MIDA

- b) Senarai Negara para pelabur yang melabur di Negeri Selangor bagi tempoh 2008 hingga kini adalah seperti berikut:-

Negara	Projek	Peluang Pekerjaan	Modal Pelaburan (RM)
Japan	116	8,723	4,906,603,479
United States of America	30	15,543	4,795,248,536
Singapore	108	9,274	4,073,056,646
Germany	33	3,084	3,912,819,920
China	43	4,112	1,546,300,738
United Kingdom	37	3,330	925,351,935
Korea, Rep.	16	1,031	792,176,752
Thailand	13	1,570	710,013,355
Switzerland	15	1,000	640,569,191
Sweden	10	607	583,207,055
Taiwan	32	3,831	579,268,074
India	22	1,109	429,257,601
Netherlands	27	1,511	415,632,992
Australia	28	1,404	335,673,518
Iran	7	505	252,939,433
British Virgin Islands	9	585	236,426,611
Hong Kong	9	1,293	193,349,529
United Arab Emirates (UAE)	8	252	181,019,460
Denmark	9	461	167,443,287
France	9	443	144,797,965
Finland	1	12	123,795,000
Cyprus	3	225	104,308,500
Belgium	2	54	71,369,321
Austria	5	245	60,062,400
Italy	8	198	54,065,104
Syria	2	33	53,650,000
Canada	3	53	47,271,552
Cayman Island	3	116	45,306,000
Indonesia	10	476	43,131,803
Pakistan	10	514	41,915,021
Luxembourg	2	125	21,430,361
Belarus	2	257	11,828,000
Turkey	1	0	9,983,093
Norway	4	137	9,540,914
Myanmar	3	49	7,346,473
Nigeria	1	320	7,322,225
South Africa	1	76	6,699,530

Negara	Projek	Peluang Pekerjaan	Modal Pelaburan (RM)
Ukraine	1	31	6,000,000
Lebanon	1	56	4,433,000
Philippines	2	178	3,619,600
Bangladesh	2	108	3,451,360
Ireland	1	25	3,055,140
New Zealand	3	66	2,944,833
Saudi Arabia	1	13	2,021,433
Afghanistan	1	92	1,344,000
Lain-lain	129	14,949	1,405,793,217
Jumlah			27,972,843,957

Sumber : MIDA

- c) Bidang-bidang pelaburan yang diluluskan dengan penyertaan pelabur asing bagi tempoh 2008 hingga Ogos, 2013 adalah seperti berikut:-

Industri	Projek	Peluang Pekerjaan	Jumlah Modal Pelaburan Asing (RM)	RM Bilion
Electronics & Electrical Products	162	30,713	10,193,794,429	10.193
Food Manufacturing	131	10,052	3,151,851,429	3.151
Chemical & Chemical Products	123	4,254	2,711,111,301	2.711
Transport Equipment	213	21,677	2,047,783,142	2.048
Non-Metallic Mineral Products	39	2,032	2,021,487,055	2.021
Basic Metal Products	80	4,796	1,987,890,609	1.988
Machinery & Equipment	205	13,066	1,504,244,319	1.504
Paper, Printing & Publishing	36	3,379	888,594,875	0.889
Fabricated Metal Products	142	7,122	761,259,117	0.761
Plastic Products	121	6,833	743,633,669	0.744
Petroleum Products (Inc. Petrochemicals)	17	890	730,157,814	0.730
Rubber Products	70	11,321	354,660,288	0.355
Beverages & Tobacco	8	1,222	302,930,773	0.303
Textiles & Textile Products	30	1,822	166,438,290	0.166
Scientific & Measuring Equipment	34	3,391	165,947,223	0.166
Wood & Wood Products	50	2,633	99,077,988	0.099
Furniture & Fixtures	79	7,205	85,603,054	0.085

Industri	Projek	Peluang Pekerjaan	Jumlah Modal Pelaburan Asing (RM)	RM Bilion
Leather & Leather Products	1	12	0	0
Miscellaneous	19	855	56,378,580	0.056
Jumlah	1,560	133,275	27,972,843,955	

Sumber : MIDA

DITOLAK DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN TETAP 23 (q) (ii)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN
(TANJONG SEPAT)**

TAJUK : KEMUDAHAN PRASARANA/KEMUDAHAN AWAM

161. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan negeri mempunyai rekod atau inventori kemudahan prasarana pertanian seperti jalan-jalan dan parit-parit bagi tujuan kemudahan pembaikan dan penyelenggaraan sepertimana di kawasan PBT atau JKR?
- b) Apakah usaha kerajaan negeri dalam membantu menaik taraf dan membina semula jeti-jeti nelayan yang telah rosak dan runtuh?
- c) Apakah peranan kerajaan dalam memastikan syarikat-syarikat utiliti seperti Syabas, Telekom, TNB atau Gas yang melakukan kerja-kerja pengorekan jalan-jalan agar mematuhi peraturan dan spesifikasi piawaian yang ditetapkan?
- d) Apakah perancangan kerajaan negeri bagi memastikan kolam-kolam tadahan banjir di selenggara dengan lebih efisien?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PROJEK PEMBERSIHAN SUNGAI KLANG

162. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perkembangan terkini projek ini?
- b) Apakah tujuan kerajaan membekukan pembangunan di atas tanah-tanah terletak di tebing sepanjang Sungai Klang dan sekiranya projek ini masih belum apa-apa kepastian dalam setahun dua ini, adakah kerajaan akan menarik balik pembekuan ini?

JAWAPAN:

- a) Projek Pemuliharaan dan Pembangunan merupakan satu projek awam yang akan dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta melalui Public/Private Partnership (PPP) atau Private Financing Initiative (PFI) di mana Syarikat-syarikat yang dilantik akan membiayai kos pemuliharaan dan pembersihan sungai dan sebagai balasan, mereka perlu mengemukakan cadangan pembangunan harta tanah untuk dimajukan bagi pertimbangan kerajaan Negeri Selangor.

Terdapat tiga (3) syarikat yang telah di senarai pendek kan bagi tujuan projek tersebut. Mereka adalah di antara daripada 31 syarikat yang telah membeli dokumen '*Request for Proposal*'. Tiga (3) syarikat tersebut adalah:

- TSS-MAKO Engineering Sdn. Bhd.;
- Wessex Water Sdn. Bhd. / I Berhad Consortium; dan
- GJA Engineering & Construction Sdn. Bhd.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan telah merancang satu projek yang mempunyai fungsi yang sama iaitu pembersihan sungai klang iaitu projek '*River of Life*'. Projek ini merupakan salah satu agenda yang digariskan di bawah 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) iaitu '*Greater Kuala Lumpur / Klang Valley (KL/KV)*'.

Di bawah pasukan petugas Pembersihan Sungai bagi Projek *River of Life* yang diketuai oleh JPS Malaysia, sebanyak RM2 juta telah dibelanjakan bagi pembinaan Sistem Rawatan Air di Salur Keluar Sistem Perparitan Utama ke Sungai Klang di Taman Melawati, Hulu Kelang, Daerah Gombak. Bagi mengawal pencemaran terus ke sungai, beberapa kawasan setinggan di Kampung Fajar

serta Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di AU3 akan dipindahkan di mana kos bagi pembinaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan penempatan semula IKS sebanyak RM30 juta akan disediakan oleh pihak PEMANDU. Manakala tanah yang bersesuaian untuk pemindahan tersebut akan disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor.

Kerajaan negeri juga mencadangkan Kerajaan Persekutuan untuk mengadakan perbincangan dengan ketiga-tiga syarikat yang telah di senarai pendekkan seperti di atas bagi melihat teknologi yang dicadangkan. Selain daripada urusan pelaburan, dari sudut pihak agensi kerajaan negeri pula, Kajian Lapangan serta Inventori terperinci Guna tanah telah selesai dilakukan. Pelan Tindakan Bersepadu Pihak-pihak Berkepentingan, Penyelarasan Laporan Tanah Rizab Sungai Klang dan Isu-isu Tanah (Penguatkuasaan) serta penyelarasan Sistem Saliran/ Discharge yang mengalir ke Sungai Klang pula masih dalam proses penyediaan.

b) Selain kerja-kerja mengazet rizab sungai yang dilaksanakan oleh JBPD, terdapat unit baru iaitu Bahagian Task Force dan Penyelidikan telah ditubuhkan bulan September tahun 2012 di Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) yang berperanan antara lain adalah seperti berikut:

- Mengawal selia dan memantau aset Kerajaan Negeri (Tanah) daripada pencerobohan dan melaporkan kepada MTES pada setiap bulan.
- Mengenal pasti potensi projek pembangunan di atas tanah kerajaan dari segi perancangan bandar, penilaian tanah dan pengurusan kos projek.

Unit ini akan membuat kajian ke atas potensi kemampuan tanah termasuk rizab sungai, iaitu menilai dari segi '*Gross Development Value*' (GDV), '*Gross Development Cost*' (GDC), '*Return on Investment*' (ROI) dan '*Net Profit*' (NP) sebelum membuat sebarang penawaran tender atau sebagainya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : KESELAMATAN DI BANDAR

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimana kerajaan dengan peranan yang terhad dan agensi-agensi yang di bawah kerajaan negeri, menangani isu keselamatan khususnya di bandar-bandar?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan dengan peranan yang terhad dan agensi-agensi yang di bawah Kerajaan Negeri telah merangka dan merancang program bersepadu ke arah mengurangkan kes – kes ini dengan bertindak sebagai urus setia dan memantau tindakan bersepadu ini di setiap PBT di Selangor. Kerajaan Negeri melalui PBT juga dalam usaha menyatukan agensi kerajaan pusat, agensi kerajaan negeri dan swasta bagi membantu penyelarasan operasi penguatkuasaan. Selain daripada itu aktiviti masyarakat serta kempen juga perlu diperkukuhkan di semua peringkat umur rakyat Selangor supaya ia menjadi gaya hidup rakyat Selangor.

Antara strategi yang dirancang ialah seperti berikut:

- i) Memperkasakan Jawatankuasa Program Bandar Selamat;
- ii) Memperkukuhkan hubungan kerjasama antara pihak polis, PBT dan masyarakat setempat;
- iii) Mengurangkan peluang berlakunya jenayah melalui reka bentuk fizikal dan memperbaiki kemudahan melalui 5 langkah segera Program Bandar Selamat;
- iv) Memberi pendidikan awal di kalangan pelajar mengenai keselamatan dan nilai- nilai murni;
- v) Mengadakan aktiviti kemasyarakatan yang berterusan bagi menanam sikap positif di kalangan penduduk;
- vi) Menyediakan kemudahan awam yang mencukupi dan mesra OKU; dan
- vii) Memperkasakan penguatkuasaan pencegahan jenayah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PROJEK PERTANIAN MODEN

164. Projek pertanian merupakan sumber pendapatan rakyat di Selangor dan membantu peningkatan ekonomi negeri.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah usaha kerajaan negeri dalam pemodenan pertanian di Negeri Selangor?
- b) Nyatakan lokasi industri pertanian yang dibangunkan di bawah sokongan kerajaan negeri dari 2008-2012
- c) Berapakah jumlah peruntukkan dan keuntungan yang diperoleh untuk projek ini dari 2008 - 2012?

JAWAPAN:

- a) Antara usaha kerajaan negeri dalam pemodenan pertanian di Negeri Selangor adalah:
 - i) Program Peningkatan Hasil Padi Negeri Selangor dan Program Natural Farming kawasan padi. Untuk program ini Kerajaan Negeri memperuntukkan RM 16.7 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor (2009-2013). Keutamaan kepada pengamalan teknologi 'Rice Check' dimana tumpuan diberi kepada :
 - Penggunaan benih CL bagi kawalan padi angin
 - Perataan tanah untuk penapakan dan pengurusan air sawah
 - Pembajaan
 - Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM)
 - Pertanian Lestari (Natural Farming)
 - ii) Memastikan pengeluaran tanaman makanan secara berterusan dengan mewujudkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Dimana terdapat 12 kawasan TKPM di Negeri Selangor yang sedang beroperasi mengeluarkan hasil-hasil sayuran, buah-buahan, tanaman industri dan ternakan. Untuk Program ini Kerajaan Negeri Memperuntukkan RM7,560,000 di bawah RMK10 (Tahun 2011-2015)
 - iii) Meningkatkan pengeluaran hasil tanaman melalui Program Pembangunan Tanaman Makanan (Sayur-sayuran, Buah-buahan dan Kelapa) , dan Program Pembangunan Tanaman Industri (Nanas dan Umbisi) di mana

Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM 13 juta untuk program-program tersebut di bawah RMK10 (Tahun 2011-2015). Program pembangunan buah-buahan dan sayur-sayuran menumpukan kepada penggunaan teknologi fertigasi yang sesuai dalam keadaan penggunaan tanah yang terhad dan dapat dikawal sepenuhnya operasi pengeluarannya melalui mekanisasi dan automasi.

- iv) Menggalakkan dan membimbing petani ke arah Pertanian Lestari dengan objektif:
- Mengurangkan penggunaan bahan agro kimia yang boleh mendatangkan mudarat kepada petani
 - Mengeluarkan hasil pertanian yang berkualiti dan selamat untuk dimakan oleh pengguna Meningkatkan hasil dan pendapatan petani melalui pengurangan penggunaan bahan agro kimia
 - Melestarikan pertanian dan memulihara sumber alam
- v) Meningkatkan kualiti tanaman dengan menggalakkan petani menyertai Pensijilan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM) , melalui skim ini petani akan dibimbing dan diberi pengiktirafan kerana mengamalkan pertanian berkonsep mesra alam , mengeluarkan produk berkualiti dan selamat dimakan.
- MyGAP dalah penjenamaan semula Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM), yang merupakan skim pensijilan yang komprehensif untuk sektor tanaman, Pensijilan MyGAP ini memudahkan laluan pasaran eksport memandangkan pensijilan ini telah dikenali di seluruh dunia
 - SOM pula ialah sebuah program pensijilan yang dibangunkan oleh Jabatan Pertanian untuk mengiktiraf ladang-ladang yang diusahakan secara organik mengikut kriteria dan keperluan yang telah ditetapkan dalam Standard Skim Organik Malaysia (SOM).Hasil yang dikeluarkan dari ladang telah diberi pensijilan SOM pula boleh dilabelkan sebagai produk organik dan berhak menggunakan Organik Malaysia di atas produk mereka. Dengan label ini, produk tersebut boleh dipasarkan sebagai produk organik dengan harga yang setimpal.
- vi) Program pembangunan usahawan Industri Asas Tani turut dilaksanakan untuk memberi nilai tambah kepada hasil-hasil pertanian melalui seterusnya menjana pendapatan tambahan hasil dari aktiviti pemprosesan tanaman. Usahawan dibimbing menggunakan teknologi pengilangan dan pembungkusan yang terkini dan ke arah Amalan Pengilangan Baik (GMP) serta Pensijilan Halal.

- vii) Membangunkan kumpulan sasar melalui Program Pembangunan Sumber Manusia di mana aktiviti-aktiviti latihan , seminar, kursus, lawatan dan lain-lain dilaksanakan oleh jabatan khas untuk golongan sasar. Jabatan Pertanian Negeri Selangor turut meningkatkan kecekapan sistem penyampaian kepada golongan sasar melalui Sistem Pengembangan Tekno Pertanian (SPTP)
- b) Kesemua daerah di Selangor mempunyai kawasan pertanian yang dibangunkan oleh Jabatan Pertanian. Berikut adalah maklumat bilangan projek pertanian mengikut daerah adalah seperti berikut:

Bilangan Petani Mengikut Daerah (Tahun 2008-2012)

Daerah	2008	2009	2010	2011	2012
	Bil Projek	Bil Projek	Bil Projek	Bil Projek	Bil Projek
GOMBAK / PETALING	28	36	22	24	37
HULU LANGAT	19	37	27	26	34
HULU SELANGOR	18	26	22	23	29
KLANG	41	33	30	28	29
KUALA LANGAT	35	52	36	24	24
KUALA SELANGOR	49	69	36	67	84
SABAK BERNAM	89	91	29	56	62
SEPANG	9	36	13	16	25
JUMLAH	288	380	215	264	324

- c) Jumlah peruntukkan dan keuntungan yang diperoleh dari projek pertanian dari tahun adalah seperti berikut:

Jumlah Peruntukkan Tahun 2008-2012

Daerah	2008	2009	2010	2011	2012
	Peruntukan (RM)	Peruntukan (RM)	Peruntukan (RM)	Peruntukan (RM)	Peruntukan (RM)
GOMBAK / PETALING	883,708.00	582,860.00	409,165.00	627,500.00	983,551.00
HULU LANGAT	522,836.00	926,041.00	403,180.00	409,415.00	532,430.00

Daerah	2008	2009	2010	2011	2012
	Peruntukan (RM)	Peruntukan (RM)	Peruntukan (RM)	Peruntukan (RM)	Peruntukan (RM)
HULU SELANGOR	461,000.00	424,400.00	251,596.00	492,830.00	419,195.00
KLANG	936,119.50	438,800.00	418,870.00	436,610.00	445,970.00
KUALA LANGAT	1,103,400.00	885,591.00	493,678.00	507,934.00	560,008.00
KUALA SELANGOR	2,273,077.00	1,955,544.00	1,510,060.00	1,851,422.00	2,092,453.00
SABAK BERNAM	1,729,522.00	2,671,699.50	782,349.00	2,913,490.00	2,282,614.00
SEPANG	404,500.00	469,008.00	320,113.00	488,101.00	467,930.00
JUMLAH	8,314,162.50	8,353,943.50	4,589,011.00	7,727,302.00	7,784,151.00

Jumlah Keuntungan atau Nilai Pengeluaran Tahun 2010-2012 (Sistem pengumpulan data Jabatan Pertanian Agrisgeoportal hanya dapat digunakan sepenuhnya bermula tahun 2010)

2010	2011	2012
Nilai Pengeluaran (RM)	Nilai Pengeluaran (RM)	Nilai Pengeluaran (RM)
16,054,324.60	144,569,398.50	75,750,370.31
2,873,843.50	4,339,036.20	305,301,474.00
45,780,064.50	48,060,624.75	114,553,930.20
19,391,380.10	45,352,199.60	62,811,681.08
21,812,647.64	79,954,068.95	758,080,151.60
17,614,783.05	132,929,192.41	270,344,414.01
377,729,957.70	362,229,224.85	485,564,435.81
21,766,355.45	33,017,185.86	19,216,963.35
523,023,356.54	850,450,931.12	2,091,623,420.36

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PEJABAT MENTERI BESAR

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah kakitangan Pejabat Menteri Besar?
- b) Bagaimanakah cara pelantikan Pegawai Penerangan Kerajaan Negeri, Setiausaha Politik dan Akhbar serta Pegawai-Pegawai Khas (Lantikan Kontrak)?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan maklumat perjawatan yang dikemas kini sehingga 8 November 2013, jumlah keseluruhan anggota yang berkhidmat di Pejabat Menteri Besar adalah seramai **31 orang** termasuk tetap, kontrak dan sambilan. Perincian jumlah anggota dijelaskan di jadual berikut:

Bil.	Jabatan	Anggota	
		Taraf (Tetap / Kontrak)	Bilangan
A.	UNIT PENTADBIRAN		
1.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik M44/M48/M52	Tetap	1
2.	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred 22 (KUP)	Tetap	1
3.	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17	Tetap	1
4.	Pembantu Tadbir (P/O) N17 (KUP)	Tetap	2
5.	Pegawai Khidmat Pelanggan, Gred N17	Tetap	1
6.	Sarjen/Koperal, Gred YY6/YY4	Tetap	1
6.	Pemandu Kenderaan, Gred R3 (Kontrak)	Kontrak	1
7.	Pembantu Am Pejabat, Gred N1 (Kontrak)	Kontrak	1
8.	Pekerja Sambilan Harian	Sambilan	1
	Jumlah		10

Bil.	Jabatan	Anggota	
		Taraf (Tetap / Kontrak)	Bilangan
B.	UNIT PERKHIDMATAN		
1.	Penolong Pegawai Tadbir, Gred N27	Kontrak	1
2.	Pembantu Tadbir (P/O), Gred N22	Kontrak	1
3.	Pembantu Tadbir (P/O), Gred N17/N22	Tetap	2
4.	Pembantu Tadbir (P/O), Gred N17 (Kontrak)	Kontrak	2
5.	Pembantu Penguat kuasa, Gred N17 (Kontrak)	Kontrak	3
6.	Pemandu Kenderaan, Gred R6	Tetap	1
7.	Pembantu Am Pejabat, Gred N4	Tetap	2
7.	Pemandu Kenderaan, Gred R3	Tetap	2
8.	Pemandu Kenderaan, Gred R3 (Kontrak)	Kontrak	1
9.	Pembantu Am Pejabat, Gred N1	Tetap	1
10.	Pekerja Sambilan Harian (Sambilan)	Sambilan	1
	Jumlah		17
C.	UNIT MEDIA		
1.	Setiausaha Akhbar, Gred S41	Kontrak	1
2.	Pereka Set/Juru Foto, Gred B17	Kontrak	1
3.	Pembantu Tadbir (P/O), Gred N17/N22	Kontrak	1
	Jumlah		3
D.	UNIT KEWANGAN		
1.	Pembantu Tadbir (Kew.) Gred W17	Tetap	1
	Jumlah		1
JUMLAH KESELURUHAN			31

- b) Pelantikan Setiausaha Politik adalah berdasarkan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959 yang menyatakan bahawa Y.A.B. Dato' Menteri Besar boleh melantik mana-mana orang yang difikirkan sesuai untuk menjadi seorang Setiausaha Politik. Seseorang yang dilantik menurut kuasa perkara ini:
- i) boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa; dan
 - ii) tertakluk kepada perenggan (i), hendaklah memegang jawatan sehingga masa pelantikannya ditamatkan oleh Menteri Besar.

Sebelum seseorang Setiausaha Politik menjalankan fungsi jawatannya, beliau hendaklah mengangkat sumpah dan menandatangani di hadapan Menteri Besar berkaitan penyimpanan rahsia rasmi. Tugas dan fungsi seseorang Setiausaha Politik dan saraannya hendaklah ditentukan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Elaun dan kemudahan Setiausaha Politik adalah berdasarkan kepada Ketentuan Saraan Setiausaha Politik 1980 (Pindaan) 2002.

Walaupun tiada peruntukan di dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959 mengenai kaedah pelantikan secara spesifik bagi jawatan Setiausaha Akhbar dan Pegawai-Pegawai Khas (Lantikan Kontrak), kaedah pelantikan juga dilaksanakan atas persetujuan Y.A.B. Dato' Menteri Besar bagi mana-mana orang yang difikirkan sesuai untuk melaksana fungsi berkenaan. Fungsi Pegawai Penerangan Kerajaan Negeri kini diselaraskan di bawah Setiausaha Akhbar di Pejabat Menteri Besar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : KEMUDAHAN NURSERI DAN TADIKA

166. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar

- a) Apakah rancangan kerajaan bagi memenuhi janji manifesto bahawa semua bangunan negeri akan disediakan dengan kemudahan nurseri dan tadika dalam tempoh 5 tahun?
- b) Berapakah bangunan negeri yang sudah disediakan dengan kemudahan tersebut setakat ini? Berapakah peratusan secara keseluruhannya?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sedang melakukan kajian dan penyelidikan untuk melaksanakan hasrat tersebut.
- b) Setakat ini dianggarkan 10 daripada 42 bangunan kerajaan menyediakan kemudahan tadika dan taska. Oleh itu, peratus keseluruhan adalah sebanyak 24 peratus.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : KEGAGALAN MENDAPAT PINJAMAN PERUMAHAN

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi mengatasi masalah kegagalan penduduk setinggan mendapat pinjaman dari syarikat pembiayaan kewangan atas alasan lebih umur, tiada slip gaji, tiada pendapatan tetap. Contoh : penduduk Flat Dadimur, Batu Caves yang sudah dapat kelulusan dari LPHS namun gagal mendapat pinjaman?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri mengambil perhatian terhadap kegagalan pembeli rumah kos rendah bagi mendapatkan pinjaman bank. Usaha untuk membantu golongan ini diperluaskan dengan cadangan Skim Pembiayaan Khas Rakyat (SPKR) yang masih dalam proses perbincangan dengan pihak bank.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : PENDAPATAN CUKAI

168. Cukai adalah antara hasil kewangan negeri yang utama

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah pungutan cukai kerajaan negeri dari 2008 – 2013?
- b) Apakah strategi dan langkah negeri untuk meningkatkan hasil pungutan cukai?
- c) Adakah terdapat sebarang kenaikan bayaran cukai kerana kenaikan kadar cukai atau kenaikan penilaian?

JAWAPAN:

- a) Jumlah pungutan hasil cukai yang telah dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2008 sehingga 31 Oktober 2013 adalah seperti di bawah:-

TAHUN	JUMLAH HASIL CUKAI (RM)
2008	495,832,249.38
2009	471,561,692.78
2010	517,744,564.31
2011	534,323,456.32
2012	553,097,140.22
Sehingga Oktober 2013	519,294,040.95
Jumlah	3,091,853,143.96

* Perincian hasil adalah seperti di Jadual (Lampiran).

- b) Bagi meningkatkan hasil pungutan cukai, strategi dan langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:-

Hasil Cukai : Cukai Tanah

- 1) Pemantauan Prestasi Kutipan Hasil Cukai Tanah Semasa dan Tunggakan Cukai Tanah semua Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Hasil, Penyusunan Strategi dan Kewangan Unit Hasil Daerah yang dianggotai oleh Perbendaharaan Negeri Selangor, Pejabat Tanah dan Galian Selangor, semua Pejabat Daerah dan Tanah, dan Bahagian Teknologi Maklumat SUK Selangor.
- 2) Operasi Bersepadu Mengutip Hasil Tanah (Ops. Kutip) dengan pendekatan berikut:-
 - i) Program Ketuk Pintu (Knock Door) dengan menghantar notis tuntutan dan surat peringatan terus kepada penunggak-penunggak tegar;
 - ii) mengadakan siri perbincangan bersama penunggak-penunggak tegar bagi menyelesaikan cukai tanah tertunggak;
 - iii) memberikan peluang kepada penunggak untuk membayar secara ansuran berjadual dengan syarat pembayaran dibuat secara konsisten; dan
 - iv) sekiranya penunggak tegar tersebut masih tidak menjelaskan cukai tanah tertunggak, Pejabat Daerah dan Tanah akan menguatkuasakan Notis 6A, Notis Tuntutan Hasil Tertunggak dan sekiranya dalam tempoh 3 bulan ia masih tidak dijelaskan, maka Notis 8A, Rampasan Tanah akan dilaksanakan.
- 3) Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah sentiasa berusaha meningkatkan kutipan cukai tanah melalui beberapa kaedah iaitu:-
 - i) Mengenal pasti serta mengasingkan semua hakmilik (tertunggak) yang bermasalah agar tindakan susulan dapat diambil;
 - ii) Program One Stop Centre (OSC) oleh Unit Hasil Daerah bersama Anak Syarikat/Agensi Kerajaan Negeri yang memberi penerangan tanggungjawab menjelaskan cukai tanah dan urusan pindah milik;
 - iii) Membuka kaunter kutipan di luar pejabat bagi Pejabat Tanah Daerah di kawasan pedalaman; dan
 - iv) Menambahkan saluran / kaedah pembayaran secara online dan pusat pembayaran di kaunter PBT.

- 4) Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri berusaha menangani tunggakan hasil cukai tanah dengan menubuhkan Jawatankuasa Kerja Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di peringkat Negeri yang dipengerusikan oleh Y.B. Pegawai Kewangan Negeri dan di peringkat Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah.
- 5) Kerajaan Negeri juga telah mewujudkan Jawatankuasa Tunggakan Cukai Tanah Anak Syarikat bagi memantau cukai tanah tertunggak Anak Syarikat/Agensi Kerajaan Negeri.
- 6) Pada tahun 2012, Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan *Taskforce* Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah bagi 4 Pejabat Daerah dan Tanah utama iaitu Petaling, Klang, Hulu Langat dan Gombak.
- 7) Kerajaan Negeri telah meningkatkan sasaran kutipan bagi Anugerah Hasil Cukai Tanah Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor dengan menaikkan sasaran prestasi kutipan cukai tanah semasa daripada 90 peratus kepada 95 peratus dan kutipan tunggakan cukai tanah daripada 70 peratus kepada 75 peratus.

Hasil Cukai : Cukai Hutan

- 1) Jabatan Hutan Negeri Selangor telah membuat penstrukturan semula dengan mewujudkan Unit Pengurusan Ekonomi Hutan khusus bagi memantau kutipan hasil pelbagai lesen dan permit sedia ada.
- 2) Jabatan Hutan Negeri Selangor juga telah menukar kaedah kutipan hasil di Balai Pemeriksa Hutan (Kuari) dari manual kepada sistem berkomputer yang meminimalkan kesilapan dan mengelakkan ketirisan.

Hasil Cukai : Cukai Hiburan

- 1) Unit Cukai Hiburan, Perbendaharaan Selangor meningkatkan hasil cukai dengan melakukan pemantauan dan pemeriksaan ke atas premis hiburan secara menyeluruh sepanjang tahun.
 - 2) Unit Cukai Hiburan, Perbendaharaan Selangor merancang dalam mengambil hasil-hasil baru cukai dengan membuat kajian terhadap aktiviti hiburan yang boleh dikutip selaras dengan Akta Duti Hiburan 1953.
- c) Kenaikan kutipan cukai tanah, cukai hutan dan cukai hiburan adalah disebabkan oleh usaha-usaha berterusan yang dilaksanakan Jabatan terbabit.

Jadual : Hasil Negeri Selangor Bagi Tahun 2008 hingga 31 Oktober 2013

PERIHAL	2008	2009	2010	2011	2012	2013
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Cukai Tanah	433,232,599.80	426,181,233.64	461,731,352.11	455,964,429.98	463,523,574.70	436,982,873.58
Cukai Parit & Taliair	12,235,214.66	8,266,084.42	12,272,427.36	16,936,103.60	24,858,118.56	20,012,283.92
Cukai Hasil Hutan	11,727,385.05	9,564,763.62	11,228,438.18	25,181,825.61	25,233,882.47	22,017,543.20
Royalti Air	14,610,734.41	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Duti Eksais	13,675.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Cukai Hiburan	24,012,640.46	27,549,611.10	32,512,346.66	36,241,097.13	39,481,564.49	40,281,340.25
HASIL CUKAI	495,832,249.38	471,561,692.78	517,744,564.31	534,323,456.32	553,097,140.22	519,294,040.95

(Sumber : Penyata Hasil C1a, SPEKS)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(DUSUN TUA)**

**TAJUK : PENURAPAN & BAIKPULIH JALAN-JALAN KAMPUNG BUKAN
DIGAZETKAN SEBAGAI RIZAB JALAN**

169. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan usaha-usaha yang telah diambil oleh kerajaan negeri bagi membaik pulih dan menurap jalan-jalan kampung yang diwartakan bagaimana pula kaedah untuk jalan-jalan rizab yang bukan diwartakan?

JAWAPAN:

- a) Bagi tahun **2013** sehingga Oktober, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak **RM 1,719,157.70 (Ringgit Malaysia: Satu Juta Tujuh Ratus Sembilan Belas Ribu Satu Ratus Lima Puluh Tujuh dan Sen Tujuh Puluh Sahaja)** dengan melaksanakan 55 projek penyelenggaraan dan membaik pulih jalan melalui projek pembangunan kecil setiap Daerah.

Kerja-kerja penyelenggaraan dan membaik pulih ini adalah berdasarkan permohonan yang telah dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sama ada daripada Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), aduan awam/ penduduk serta pemantauan yang dilakukan sendiri oleh Pejabat Daerah/Tanah.

Kerja penyelenggaraan dan penurapan semula ini adalah melibatkan jalan-jalan kampung yang berstatus tanah kerajaan. Bagi tanah hak milik persendirian yang dijadikan laluan awam, ianya perlulah melalui proses serah semula kepada kerajaan Negeri bagi membolehkan kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

TAJUK : PELUANG PEKERJAAN

170. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam memberi peluang pekerjaan kepada golongan anak muda, wanita, terutamanya ibu tunggal dalam tahun 2014?
- b) Berapakah peratusan peruntukan Kerajaan Negeri untuk memberi kebajikan kepada 5(a) di atas dalam DUN Teratai dalam tahun 2014?
- c) Apakah rancangan pelaksanaan 5 tahun Kerajaan Negeri untuk menjaga kebajikan dan hak golongan wanita di DUN Teratai.

JAWAPAN:

- a) Peluang-peluang yang disediakan berbentuk latihan dan kemahiran, pembinaan jati diri, kemahiran-kemahiran yang boleh membantu menjana pendapatan, kursus-kursus singkat vokasional (UNISEL), skim mikro kredit MIMBAR, SKIMSEL, WALA, PET SOHO-S dan menerusi jaringan PBT untuk membantu wanita dalam mengembangkan perniagaan mereka serta menerusi konsep memasyarakatkan kebajikan yang memadankan pekerjaan dan wanita yang memerlukan bantuan dalam meningkatkan status ekonomi mereka.
- b) Tiada peratusan peruntukan khusus yang disediakan Kerajaan Negeri untuk memberi kebajikan kepada (a) di atas dalam DUN Teratai bagi tahun 2014. Ianya adalah berdasarkan sebanyak mana DUN Teratai dapat mendaftarkan peserta bagi program-program yang dijalankan Kerajaan Negeri. Untuk makluman, berikut adalah data peserta program MES di bawah Jawatankuasa Tetap Kebajikan bagi DUN Teratai.

Program	Bilangan Peserta
MIMBAR	50
Skim Kesihatan Wanita	433
Jom Shopping SMUE	1647

- c) Kerajaan Negeri Selangor akan meneruskan dan meningkatkan usaha-usaha sedia ada dan menambahkan beberapa skim dan perkhidmatan lain seperti

menubuhkan klinik guaman di Pusat - Pusat Wanita Berdaya dan Pasar Wanita (Women's Mart) untuk mempromosi produk-produk oleh usahawan wanita.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH
(KAJANG)**

**TAJUK : KEKURANGAN TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM DALAM
KAWASAN DUN KAJANG**

171. Banyak rumah ibadat bukan Islam dalam kawasan Kajang adalah bertapak di atas tanah kediaman, perniagaan dan perindustrian

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sama ada Kerajaan Negeri bercadang untuk menyediakan tapak-tapak yang khusus untuk menempatkan rumah ibadat bukan Islam dalam kawasan Kajang secara khususnya dan dalam Negeri Selangor secara amnya.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan negeri dari masa ke semasa meluluskan pewartaan tapak-tapak khusus bagi menempatkan rumah ibadat selain Islam di kawasan DUN Kajang dan seluruh Negeri Selangor melalui permohonan yang dimajukan melalui Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam. Perancangan yang teliti dari pelbagai aspek perlu diambil kira dalam meluluskan sesuatu tapak yang diwartakan sebagai tapak rumah ibadat selain Islam. Di dalam masa yang sama semua pemaju telah disyaratkan untuk menyediakan tapak rumah ibadat selain Islam yang mencukupi bagi menampung keperluan rumah ibadat pada masa akan datang di dalam rancangan pemajuan pembangunan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : MAAHAD INTEGRASI TAHFIZ SAINS

172. Peruntukan sebanyak RM29,000,000.00 untuk membina Maahad Integrasi Tahfiz Sains (MITS) di Alam Impian.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan sumber kewangan bagi membina MITS?
- b) Apa status pembinaan dan berapa orang pelajar yang mampu ditampung apabila sudah siap nanti dan kriteria pemilihan pelajar tersebut?
- c) Apakah perancangan kerajaan negeri untuk memastikan pelajar yang telah tamat pengajian tidak terabai?

JAWAPAN:

- a) Pembinaan MITS Alam Impian menggunakan peruntukan kerajaan negeri.
- b) Status pembinaan sekarang ini 79% siap dan boleh menampung seramai 300 orang murid. Kriteria pemilihan pelajar adalah seperti berikut:
 - i) Warganegara Malaysia, keutamaan kepada rakyat ke bawah Duli Sultan Selangor
 - ii) Mumtaz (90%) dalam Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah Agama (PSRA) dan dipilih yang tertinggi untuk panggilan temu duga
 - iii) Memperolehi sekurang-kurangnya 4A/1B dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR)
 - iv) Lulus PAFA Jabatan Agama Islam Selangor
 - v) Mendapat markah terbaik dalam temu duga Khas Tingkatan 1
- c) Pelajar yang telah tamat pengajian di MITS layak melanjutkan pelajaran ke IPTA/IPTS dalam dan luar Negara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(GOMBAK SETIA)**

TAJUK : PROJEK STORM WATER

173. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perkembangan terkini projek Storm Water kerajaan negeri Selangor yang memperuntukkan RM100 Juta belanjawan untuknya tahun ini bagi kesejahteraan rakyat negeri Selangor?
- b) Bilakah ianya dijangka akan siap sepenuhnya dan digunakan?
- c) Berapa banyak jangkaan rizab air terawat Selangor akan bertambah sekiranya projek ini beroperasi sepenuhnya?

JAWAPAN:

- a) Projek *Storm water* yang dicadangkan untuk dibangunkan di Negeri Selangor dikenali sebagai *Hybrid Off River Augmentation Storage (HORAS)*. Berdasarkan data yang dikumpulkan, jelas menunjukkan penghasilan air di hiliran lembangan sungai khususnya Sungai Selangor berpotensi untuk dibangunkan sebagai sumber air terawat dan jika tidak digunakan sebagai sumber air, ia akan terbuang ke sungai dan laut serta boleh meningkatkan risiko banjir.

Kawasan yang telah dikenal pasti untuk HORAS adalah seperti berikut:-

- i) Hilir Sungai Selangor.
- ii) Kawasan antara hilir Sungai Langat dan Sungai Semenyih di kawasan Jenderam

Pembangunan kolam takungan melalui konsep *HORAS* sebagai sumber air terawat untuk menakung air larian di hiliran sungai memberi kebaikan antaranya:-

- i) Mengurangkan penggantungan sepenuhnya kepada pelepasan air dari empangan;
- ii) Mengelakkan pembaziran air yang dianugerahkan oleh Allah melalui hujan dengan pengurusan sumber air yang lestari;
- iii) Mengelakkan risiko banjir di penempatan kawasan hiliran sungai.

Namun demikian, sebelum pelaksanaan projek HORAS ini boleh dijalankan, kajian terperinci perlu dilaksanakan terlebih dahulu bagi memastikan tiada sebarang pembaziran ke atas pelaksanaan projek. Pada ketika ini pihak Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah melantik perunding bagi membuat kajian bagi pelaksanaan projek penakungan air bagi tujuan mengatasi masalah banjir.

Lanjutan dari kajian oleh LUAS, Kerajaan Negeri Selangor telah melantik perunding untuk membuat kajian kemungkinan bagi menggunakan air yang ditakung di dalam kolam-kolam takungan tersebut untuk digunakan sebagai sumber bekalan air. Kajian ini akan siap sepenuhnya pada akhir bulan November 2013.

- b) Kerajaan Negeri Selangor akan mempelawa tender bagi melantik perunding untuk membuat kajian reka bentuk projek *Storm Water* pada akhir Disember 2013. Kajian reka bentuk akan mengambil masa selama tiga hingga enam bulan dan selepas itu tender akan dikeluarkan bagi mempelawa kontraktor untuk melaksanakan pembinaan struktur projek *Storm Water*. Kerja-kerja pembinaan struktur dijangka akan mengambil masa selama dua belas bulan. Secara keseluruhan, projek *Storm Water* ini dirancang untuk digunakan pada tahun 2015.
- c) Projek *Storm Water* adalah bertujuan untuk meningkatkan kapasiti sumber air mentah. Kapasiti air yang boleh dibekalkan melalui pelaksanaan projek *Storm Water* ini hanya boleh dikenal pasti dan disahkan setelah kajian terperinci disediakan oleh Perunding.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : WIFI SELANGORKU

174. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan lokasi Wifi Selangorku yang telah dipasang dan beroperasi dengan baik di Hulu Selangor;
- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat bertambah lokasi Wifi Selangorku di Hulu Selangor selaras dengan semangat "go rural".

JAWAPAN:

- a) Melalui peruntukkan Geran Selangorku, Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan 112 lokasi perkhidmatan WiFi di seluruh Negeri Selangor untuk rakyat negeri Selangor meliputi kawasan bandar dan luar bandar.

Setiap DUN diperuntukkan sebanyak 2 lokasi. Bagi mengenal pasti kawasan-kawasan terpilih, setiap DUN telah diminta untuk mengemukakan cadangan kepada STANDCO Sains, Teknologi dan Inovasi bagi memastikan semua mendapat kemudahan ini.

Lokasi WiFi Selangorku yang telah dipasang dan beroperasi dengan baik di daerah Hulu Selangor dan di bawah pemantauan Majlis Daerah Hulu Selangor adalah seperti di bawah:

BIL	LOKASI	DUN
1	Dewan Orang Ramai Sungai Selisik, Kg. Sekolah Sungai Selisik, 44020 Kuala Kubu Bharu	N05 – Hulu Bernam
2	Balairaya Kg Hulu Bernam, Jln Besar Hulu Bernam, 35900 Hulu Bernam.	N05 – Hulu Bernam
3	Pejabat Majlis Daerah Hulu Selangor, Jalan Bkt Kerajaan, 44000 Kuala Kubu Bharu	N06 – Kuala Kubu Bharu
4	Pusat Khidmat Masyarakat DUN Kuala Kubu Bharu, No.43 Tingkat 1, Jalan Kamarudin, Kuala Kubu Bharu	N06 – Kuala Kubu Bharu

BIL	LOKASI	DUN
5	Apartment Kenanga, Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung, 48300 Rawang.	N07 – Batang Kali
6	Dewan Komuniti Bukit Sentosa	N07– Batang Kali

- b) Kerajaan memang berhasrat menambah lokasi WiFi Selangorku di seluruh kawasan DUN, termasuklah DUN Hulu Selangor mulai tahun 2014. Kaedah yang sama akan dilakukan bagi mengenal pasti kawasan-kawasan terpilih iaitu berdasarkan cadangan kawasan yang dikemukakan oleh DUN apabila perancangan penambahan lokasi WiFi Selangorku ini dapat dilaksanakan kelak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PEMULIHARAAN SUNGAI

175. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status Projek Pemuliharaan & Pembangunan Sg. Kelang dan kawasan sekitarnya dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor?

JAWAPAN:

- a) Projek Pemuliharaan dan Pembangunan merupakan satu projek awam yang akan dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta melalui Public/Private Partnership (PPP) atau Private Financing Initiative (PFI) dimana Syarikat-syarikat yang dilantik akan membiayai kos pemuliharaan dan pembersihan sungai dan sebagai balasan, mereka perlu mengemukakan cadangan pembangunan harta tanah untuk dimajukan bagi pertimbangan kerajaan Negeri Selangor.

Terdapat tiga (3) syarikat yang telah disenarai pendek kan bagi tujuan projek tersebut. Mereka adalah di antara daripada 31 syarikat yang telah membeli dokumen '*Request for Proposal*'. Tiga (3) syarikat tersebut adalah:

- TSS-MAKO Engineering Sdn. Bhd.;
- Wessex Water Sdn. Bhd. / I Berhad Consortium; dan
- GJA Engineering & Construction Sdn. Bhd.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan telah merancang satu projek yang mempunyai fungsi yang sama iaitu pembersihan Sungai Klang iaitu projek '*River of Life*'. Projek ini merupakan salah satu agenda yang digariskan di bawah 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) iaitu '*Greater Kuala Lumpur / Klang Valley (KL/KV)*'.

Di bawah pasukan petugas Pembersihan Sungai bagi Projek *River of Life* yang diketuai oleh JPS Malaysia, sebanyak RM2 juta telah dibelanjakan bagi pembinaan Sistem Rawatan Air di Salur Keluar Sistem Perparitan Utama ke Sungai Klang di Taman Melawati, Hulu Kelang, Daerah Gombak. Bagi mengawal pencemaran terus ke sungai, beberapa kawasan setinggan di Kampung Fajar serta Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di AU3 akan dipindahkan di mana kos bagi pembinaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan penempatan semula IKS sebanyak RM30 juta akan disediakan oleh pihak PEMANDU. Manakala tanah

yang bersesuaian untuk pemindahan tersebut akan disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor.

Kerajaan negeri juga mencadangkan Kerajaan Persekutuan untuk mengadakan perbincangan dengan ketiga-tiga syarikat yang telah di senarai pendekkan seperti di atas bagi melihat teknologi yang dicadangkan. Selain daripada urusan pelaburan, dari sudut pihak agensi kerajaan negeri pula, Kajian Lapangan serta Inventori terperinci Guna tanah telah selesai dilakukan. Pelan Tindakan Bersepadu Pihak-pihak Berkepentingan, Penyelarasan Laporan Tanah Rizab Sungai Klang dan Isu-isu Tanah (Penguatkuasaan) serta penyelarasan Sistem Saliran/ Discharge yang mengalir ke Sungai Klang pula masih dalam proses penyediaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : PEGAWAI PERHUBUNGAN POLITIK DI PEJABAT MENTERI BESAR

176. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rasional, fungsi dan skop tugas pelantikan jawatan ini?
- b) Apakah latar belakang dan kelayakan Pegawai Perhubungan Politik yang dilantik sekarang?
- c) Berapakah gaji, elaun dan kemudahan yang terima dan pihak manakah yang membiayainya?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Idea melantik seorang pegawai perhubungan politik di Pejabat Menteri Besar Selangor telah dilontarkan oleh gabungan Pakatan Rakyat iaitu Parti Keadilan Rakyat (PKR) , Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan Parti Tindakan Demokratik (DAP) dengan hasrat mewujudkan hubungan yang baik di antara gabungan parti-parti politik tersebut dengan pentadbiran kerajaan negeri. Ia juga berhasrat agar polisi kerajaan difahami dengan baik oleh parti-parti politik yang mendukung Pakatan Rakyat.

Perkara ini sememangnya menjadi amalan sebelum ini ketika di dalam pemerintahan Barisan Nasional hingga ramai orang politik serta ahli keluarga ditempatkan di Pejabat Menteri Besar Selangor. Walau bagaimanapun, saya selaku Dato' Menteri Besar Selangor merasakan amalan meletakkan pegawai atas dasar politik akan berkemungkinan wang rakyat digunakan untuk program-program berbentuk kepartian. Jika perkara ini berlaku, maka rakyat akan mempersoalkan integriti kerajaan.

Justeru itu, saya mengambil keputusan untuk tidak melantik Pegawai Perhubungan Politik di Pejabat Menteri Besar Selangor tetapi melantik dua (2) orang Setiausaha Politik iaitu Setiausaha Politik Tugas-Tugas Khas dan Setiausaha Politik Kawasan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN HAJI ABDUL TALIB
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : MASALAH BANJIR KILAT DI SEKITAR SELAYANG BARU

177. Banjir kilat berlaku setiap kali hujan lebat walau dalam masa yang singkat dan ini menyebabkan kerugian harta benda dan permasalahan besar penduduk, perkara ini telah berlanjutan masuk ke penggal yang ke dua pentadbiran kerajaan Pakatan Rakyat, namun masih belum selesai:-

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan kerajaan negeri bagi menyelesaikan permasalahan ini?
- b) Berapakah bajet yang telah diperuntukkan bagi menyelesaikan permasalahan ini?
- c) Adakah bajet yang telah diperuntukkan pada 2013 bagi menyelesaikan permasalahan ini dan berapa peratus yang telah digunakan?

JAWAPAN:

- a) Pihak Majlis merancang kerja-kerja menaik taraf longkang di kawasan banjir yang terlibat di Selayang Baru pada tahun 2014. Cadangan kerja-kerja menaik taraf adalah seperti berikut :-

Bil	Nama Projek	Anggaran Kos Projek (RM)
1	Cadangan kerja-kerja menaik taraf longkang di Jalan 29, Selayang Baru dan kawasan sekitarnya.	400.000.00
2	Cadangan kerja-kerja menaik taraf longkang di Jalan 11, Selayang Baru dan kawasan sekitarnya	400,000.00

- b) Bajet yang telah diperuntukkan berjumlah RM 300,000.00 untuk projek pembangunan longkang di seluruh Selayang. Walau bagaimanapun untuk menyelesaikan masalah banjir di Selayang Baru sahaja perlu melibatkan kos RM 800,000.00. Cadangan projek adalah seperti berikut :-

Bil	Nama Projek	Anggaran Kos Projek (RM)
1	Cadangan kerja-kerja menaik taraf longkang di Jalan 29, Selayang Baru dan kawasan sekitarnya.	400.000.00
2	Cadangan kerja-kerja menaik taraf longkang di Jalan 11, Selayang Baru dan kawasan sekitarnya	400,000.00

- c) Pada tahun 2013 telah diperuntukkan RM 34,000.00 bagi kerja-kerja menaik taraf longkang di Selayang Baru dan peruntukan ini telah digunakan 100% untuk menyelesaikan sebahagian masalah banjir di Selayang Baru. Ringkasan projek adalah seperti berikut :-

Bil	Nama Projek	Nama Syarikat	Kos Projek (RM)	Prestasi Fizikal	
				Tarikh Milik Tapak	Tarikh siap
1	Cadangan Kerja-kerja Membaik pulih Longkang Di Jalan 9 Dan Jalan 19, Selayang Baru Dan Kawasan Sekitarnya, Mukim Batu, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan. (MPS 28/PLP-106/13)	Hassan Bin Abdullah Blok A-15 (41), Flat Taman Melati Batu 8, Pejabat Pos Gombak, 53100 Gombak, Selangor	34,000.00	02/09/13	23/09/13

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(KINRARA)**

TAJUK : PEMINDAHAN SJK (T) CASTLEFIELD

178. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status terkini dengan pemindahan SJK (T) Castlefield Puchong?
- b) Sila nyatakan tindakan kerajaan negeri untuk membantu pemindahan SJK (T) Castlefield

JAWAPAN:

- a) Status terkini adalah Pihak Syarikat Prasarana Negara Berhad akan membina SJK (T) Casterfield di atas Lot 133, Persiaran Wawasan, Puchong dengan kos tidak melebihi 20 juta. Walau bagaimanapun satu mesyuarat akan diatitkan bagi membincangkan pelan reka bentuk sekolah dengan 24 bilik darjah dan mematuhi garis panduan Kementerian Pelajaran.
- b) SJK (T) Castlefield yang terletak bersebelahan dengan Lebuhraya Damansara - Puchong (LDP) telah dibina di atas tanah milik Pentadbir Tanah Persekutuan (PTP) dengan menggunakan peruntukan pembinaan Lebuhraya LDP seperti yang disyaratkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).

Permasalahan bermula apabila pihak Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) telah meminta tapak gantian untuk dibina sekolah baharu sebagai ganti sebahagian kecil padang iaitu sepanjang 180meter (0.4 ekar) yang terlibat dengan jajaran Projek Sambungan LRT yang dijangka siap pada akhir 2014.

Setelah beberapa siri perbincangan di antara Kerajaan Negeri dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), persetujuan telah dicapai supaya pihak KPM memajakkan tanah Lot 133 kepada LPS bagi tujuan pembinaan sekolah baharu SJK (T) Castlefield, Puchong. Sehubungan dengan itu, pihak Prasarana juga telah bersetuju bagi membina sekolah baharu di tapak tanah tersebut dengan mematuhi spesifikasi dan piawaian yang ditetapkan oleh pihak KPM.

Pentadbir Tanah Petaling akan membantu dalam menyelaras isu tanah tapak sekolah dan pembinaan sekolah bersama KPM dan Prasarana agar kerja-kerja pembinaan projek LRT yang tergendala di tapak sekolah sedia ada dapat disambung semula.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : STATUS RUMAH PANJANG SUNGAI KERTAS

179. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status terkini penempatan transit rumah panjang sungai kertas di tanah milik MAIS?
- b) Berapa ramai di kalangan mereka yang telah menerima rumah-rumah?

JAWAPAN:

- a) Pihak MAIS tiada sebarang perancangan berhubung isu penempatan transit rumah panjang ini disebabkan pihak MAIS tidak mempunyai peruntukan untuk menempatkan setinggan tersebut. Transit rumah panjang tersebut telah pun diduduki sebelum pihak MAIS memperolehi hak milik tanah tersebut. Pihak MPS, JPS juga tidak dapat membantu disebabkan ketiadaan rumah untuk memindahkan setinggan yang terdapat di atas tanah tersebut.
- b) Tiada

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : MANIFESTO KEMUDAHAN KESIHATAN

180. Dimaklumkan bahawa Tabung Dialisis Rakyat Selangor tidak diwujudkan atas sebab Pusat Dialisis Rakyat telah dibangunkan melalui *smart partnership* antara kerajaan Negeri Selangor dan sebuah syarikat swasta.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapa masih wujud manifesto penubuhan Tabung Dialisis Rakyat Selangor pada PRU ke-13 oleh Pakatan sedangkan ia tidak diperlukan?
- b) Berapakah bilangan Pusat Dialisis Rakyat dan senaraikan mengikut daerah?
- c) Sejauh manakah kejayaan kemudahan kesihatan ini dan nyatakan kejayaan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan negeri berhasrat untuk menubuhkan satu Pusat Dialisis Rakyat (PDR) di setiap DUN. Untuk itu, satu bentuk kerjasama bijak telah dilakukan dengan beberapa entiti termasuk pihak swasta. Namun, bukanlah sesuatu yang mudah untuk memenuhi hasrat tersebut kerana tidak semua perkara berada di bawah kawalan kerajaan negeri.

Kerajaan negeri merancang untuk mengadakan perjumpaan dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama dalam merealisasikan hasrat murni ini. Kerjasama daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia adalah perlu kerana lesen yang sah diperlukan sebelum sesebuah PDR dapat beroperasi. Lesen ini dikeluarkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Terdapat syarat-syarat yang perlu dipatuhi sebelum sesebuah PDR dapat beroperasi dan syarat-syarat tersebut adalah:

- i) Infrastruktur dan pelan susun atur bangunan PDR perlu mengikut keperluan standard Kementerian Kesihatan Malaysia
- ii) Mesin hemodialisis di PDR perlu mematuhi piawaian Kementerian Kesihatan Malaysia
- iii) Kakitangan dan staff nurse perlu mendapat latihan kejururawatan dan pengalaman di dalam bidang dialisis
- iv) Doktor yang bertugas perlu mempunyai pengalaman dan latihan di dalam bidang dialisis.

- v) Meletakkan seorang pakar buah pinggang nefrologist yang akan melawat PDR secara berkala bagi merawat pesakit.

Memandangkan masih banyak DUN belum memiliki PDR dan pesakit buah pinggang ramai yang memerlukan perkhidmatan tersebut, satu cara penyelesaian adalah dengan bantuan kos rawatan untuk mereka mendapatkan khidmat di pusat-pusat hemodialisis selain PDR. Ini tentunya memerlukan sejumlah peruntukan. Dalam masa yang sama, kerajaan negeri juga ingin memperlihatkan komitmen dan keseriusan dengan bersama-sama menyumbang dalam bentuk pembelian mesin hemodialisis untuk ditambah di PDR terutamanya yang telah mencapai tahap maksimum keupayaannya berdasarkan jumlah mesin yang ada.

Buat masa ini kerajaan negeri telah berjaya mewujudkan empat (4) PDR dan sebuah lagi sedang menunggu kelulusan KKM.

Bil.	Lokasi PDR	Jumlah Mesin	Jumlah Penerima
1	Ampang	12	36
2	Taman Medan	8	15
3	Sementa	8	27
4	Lembah Keramat	5	13
5	Jalan Kebun	Masih menunggu kelulusan KKM	

Jumlah mesin dialisis yang digunakan adalah sebanyak 33 buah dan terdapat seramai 91 orang pesakit sedang menerima rawatan di seluruh PDR yang sedia ada.

Bagi mengukur kejayaan adalah sesuatu yang amat sukar. Namun, apa yang membanggakan adalah, sehingga kini, PDR mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik terutamanya kepada mereka yang kurang berkemampuan tanpa mengenakan sebarang bayaran. Perkhidmatan yang diberikan tanpa mengambil kira jantina, kaum, agama, fahaman politik mahupun kedudukan individu berkenaan dalam masyarakat. Setiap rakyat Selangor berhak untuk mendapatkan yang terbaik dan itulah yang dihasratkan oleh kerajaan dan ia akan terus didukung untuk kebaikan setiap lapisan masyarakat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(PAYA JARAS)**

TAJUK : PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT

181. Terdapat banyak pangsapuri-pangsapuri kos rendah yang mengalami masalah penyelenggaraan kerana ketiadaan Joint Management Body (JMB).

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan Pesuruhjaya Bangunan (Shah Alam) bagi membantu pangsapuri kos rendah di Bandar Baru Sungai Buluh yang telah diabaikan oleh pemaju kerana pemaju berkenaan telah di likwidasi oleh mahkamah.
- b) Mengapakan Pesuruhjaya Bangunan (Selayang) masih tidak mengadakan mesyuarat pemilihan JMB di pangsapuri kos rendah Danau Rebung Sungai Buluh walaupun tempoh mengadakan mesyuarat agung tahunan telah luput tempoh?
- c) Adakah tindakan Pesuruhjaya Bangunan (Selayang) bagi membantu memperbaiki kerosakan lif dan kerosakan pembedungan di pangsapuri kos rendah Desa 1 yang telah bertahun lama tidak berfungsi?

JAWAPAN:

- a) Pemaju Pangsapuri Kos Rendah Sungai Buluh Fasa II & Fasa IV yang telah dilikuidasi oleh mahkamah ialah Sateras Holdings Sdn Bhd. Oleh demikian Bahagian Pesuruhjaya Bangunan Majlis Bandaraya Shah Alam (COB MBSA) akan mengarahkan pelikuidasi syarikat yang dilantik mahkamah tersebut untuk mengurus dan menyenggara pangsapuri ini supaya ianya berada dalam keadaan baik dan sempurna sebelum diserahkan kepada Badan Pengurusan Bersama selaras Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) Akta 663.
- b) Berdasarkan peruntukan Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) Akta 663, Pihak Badan Pengurusan Bersama (JMB) Pangsapuri Kos Rendah Danau Rebung adalah bertanggungjawab untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) sekali setahun tidak lebih 15 bulan. Memandangkan ianya telah mencapai tarikh luput maka Unit Pesuruhjaya Bangunan Majlis Perbandaran Selayang (COB MPS) telah mengambil langkah

proaktif mengeluarkan 2 notis teguran dan peringatan kepada JMB berkaitan seperti berikut:

- i) 26 Jun 2013 – Teguran dan peringatan bagi mengadakan AGM; dan
- ii) 18 Oktober 2013 – Notis terakhir (JMB diberi tempoh 14 hari bagi memaklumkan tarikh AGM)

Merujuk kepada Seksyen 10 Akta 663, Pesuruhjaya boleh memberi kuasa kepada mana-mana pembeli untuk mengadakan Mesyuarat Agung Luar biasa (EGM). Walau bagaimanapun ianya tidak terpakai di bawah peruntukan Seksyen 9 bagi mengadakan AGM. Sehingga kini pihak JMB dalam proses penyediaan laporan akaun pengurusan untuk dibentangkan di dalam AGM yang akan diadakan dalam masa terdekat.

- c) Berdasarkan Akta Hak milik Strata 1985 [Akta 318], hak milik tanah bagi sesebuah kawasan pemajuan strata adalah hak milik semua pemilik dan mereka bertanggungjawab untuk menyenggara dan mengurus bangunan pangsapuri sendiri. Memandangkan kouta pemilikan hak milik strata daripada pemaju kepada pemilik belum mencapai 25% untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Pertama (MATP) bagi melantik ahli majlis Perbadanan Pengurusan di kalangan pemilik maka tuan tanah atau pemaju bertanggungjawab menyenggara dan menguruskan bangunan termasuklah memperbaiki kerosakan lif dan pembedungan. Walau bagaimanapun kos tersebut perlu ditanggung oleh pembeli melalui kutipan caj Kumpulan Wang Pengurusan Perbadanan Pengurusan.

Pihak Pesuruhjaya Bangunan Majlis Perbandaran Selayang (COB MPS) sentiasa berusaha untuk memastikan Perbadanan Pengurusan ditubuhkan dengan segera. Antara tindakan yang diambil seperti kempen turun padang bagi memberi khidmat nasihat dan konsultasi melalui taklimat, dialog, perbincangan dan mesyuarat. Selain itu notis peringatan juga turut diberikan kepada pembeli yang mempunyai tunggakan caj yang tinggi sebagai mekanisma meningkatkan kutipan caj bagi tujuan menyenggara bangunan seperti memperbaiki lif dan pembedungan yang sering kali rosak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : KAEDAH PENGURUSAN SISA PEPEJAL

182. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan dengan detail jumlah bilangan kawasan pelupusan sisa pepejal yang dikendalikan oleh setiap PBT?
- b) Sila nyatakan apakah kaedah pengurusan sisa pepejal yang diguna pakai oleh PBT dan apakah keberkesanannya?
- c) Sila huraikan apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan Negeri dalam pengurusan sisa pepejal dengan menggunakan teknologi yang lebih canggih dan mesra alam?

JAWAPAN:

- a) Bilangan kawasan pelupusan sisa pepejal yang dikendalikan oleh PBT seperti di **Lampiran 1**.
- b) Buat masa ini bagi proses akhir pengurusan sampah, PBT masih menggunakan kaedah tapak pelupusan seperti tapak pelupusan sanitari, sisa lengai dan terbuka untuk melupuskan sampah setiap hari di dalam Negeri Selangor. Terdapat tiga (3) buah tapak pelupusan sanitari; tiga (3) tapak pelupusan sisa lengai; dan tiga (3) tapak pelupusan terbuka di dalam Negeri Selangor. Tapak-tapak pelupusan ini mampu menampung kapasiti sisa pepejal yang dianggarkan sebanyak 5000 tan sehari dan kos operasi yang rendah. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sedang giat berusaha mengkaji dan meneliti kaedah yang terbaik dalam menguruskan pelupusan sisa pepejal kerana tapak pelupusan ini tidak akan dapat digunakan selama-lamanya.
- c) Kerajaan Negeri Selangor sememangnya sangat prihatin kepada masalah pelupusan sisa pepejal di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri sedar bahawa kaedah pelupusan sedia ada tidak lagi sesuai kerana masalah-masalah seperti pencemaran serta kekurangan tanah untuk sediakan kawasan tapak pelupusan yang semakin luas. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan untuk membuat kajian lanjut yang lebih terperinci tentang kesesuaian teknologi insinerator atau seumpamanya untuk perancangan jangka panjang. Beberapa perkara perlu dipertimbangkan dan diperhalusi seperti jenis teknologi yang akan digunapakai, modul kewangan, kesan jangka panjang kepada sistem tersebut, impak sosial, impak alam sekitar dan sebagainya. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Selangor sangat menitik beratkan akan kepentingan orang awam sebelum

keputusan muktamad mengenai penggunaan teknologi yang lebih baik daripada sistem tapak pelupusan sanitari.

Lampiran 1

Bil.	Tapak Pelupusan	Kapasiti	Tahun Operasi	Jangka hayat	Kendalian
1.	Tapak Pelupusan Secara Terbuka Bukit Beruntong	100-120 tan/sehari	2007	Sehingga tahun 2018 (11 tahun)	Majlis Daerah Hulu Selangor
2.	Tapak Pelupusan Secara Terbuka Sungai Sabai	80-100 tan/sehari	2001	Sehingga tahun 2018 (17 tahun)	Majlis Daerah Hulu Selangor
3.	Tapak Pelupusan Secara Terbuka Panchang Bedena	60 tan/sehari	1984	Sehingga tahun 2023 (39 tahun)	Majlis Daerah Sabak Bernam

***sumber: Pihak Berkuasa Tempatan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH
(KAJANG)**

TAJUK : AKTIVITI EKONOMI UTAMA SELANGOR

183. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Butir-butir aktiviti ekonomi dalam Negeri Selangor mengikut jenis, iaitu perindustrian, perkhidmatan, pertanian dan sebagainya dan sumbangan mereka kepada keseluruhan ekonomi Negeri Selangor dalam tahun 2012?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam meningkatkan aktiviti perindustrian yang tidak "labour intensive".

JAWAPAN:

- a) Butir-butir aktiviti ekonomi dalam negeri Selangor mengikut sektor pada tahun 2012 adalah seperti berikut:

Sektor Utama (1.7%)

Sektor utama tumbuh perlahan pada kadar 1.7% (2011 : 1.8%) sumbangan daripada subsektor Pertanian yang tumbuh pada kadar 1.6% (2011 : 1.7%) dan subsektor Perlombongan dan Pengkuarian yang tumbuh pada kadar 0.1% (2011 : 0.1%).

Sektor Perindustrian (39.9%)

Sektor Perindustrian tumbuh sederhana pada kadar 39.9% (2011:37.9%). Pertumbuhan sederhana ini adalah sumbangan daripada subsektor Pembuatan dan Pembinaan yang masing-masing tumbuh pada kadar 34.6% (2011:34.9%) dan 5.3% (2011:4.8%).

Sektor Perkhidmatan (58.3%)

Sektor Perkhidmatan tumbuh perlahan pada kadar 58.3% (2011:58.5%) hasil sumbangan daripada subsektor seperti berikut:

- i) Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi
(2012 : 11.4%, 2011 : 11.3%)
- ii) Perdagangan Borong dan Runcit, Penginapan dan Restoran
(2012 : 18.0%, 2011 : 18.2%)
- iii) Kewangan dan Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan
(2012 : 18.8%, 2011 : 18.9%)

iv) Perkhidmatan Lain
(2012 : 5.0%, 2011 : 5.0%)

v) Perkhidmatan Kerajaan
(2012 : 5.2%, 2011 : 5.2%)

Berdasarkan butir-butir ekonomi seperti yang telah dinyatakan di atas, ekonomi negeri Selangor telah merekod prestasi yang baik dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi tahun 2012 tumbuh pada kadar 5.7% dan merupakan salah satu daripada negeri di Malaysia yang mendominasi dan kekal sebagai peneraju utama ekonomi negara dengan jumlah sumbangan sebanyak 23.5%.

- b) Pada ketika ini, tidak dinafikan bahawa Sektor Perindustrian merupakan antara penyumbang utama kepada perkembangan ekonomi Selangor. Walau bagaimanapun, perkembangan Sektor Perkhidmatan yang pesat telah mengakibatkan prestasi dalam sektor ini melangkaui prestasi dalam Sektor Perindustrian dan diberi tumpuan yang lebih. Sehubungan itu, kerajaan negeri Selangor memfokuskan Sektor Perkhidmatan sebagai langkah meningkatkan aktiviti yang tidak '*Labour Intensive*'. Antara tumpuan yang diberikan di bawah Sektor Perkhidmatan termasuklah industri pelancongan, industri pengangkutan dan telekomunikasi, sektor kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan, sektor utiliti elektrik, air dan gas, industri perdagangan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : TAHUN MELAWAT MALAYSIA 2014

184. Banyak produk-produk dalam bidang pelancongan di negeri Selangor menjadi tarikan pelancong dari dalam dan luar negara.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor turut serta dalam kempen promosi Tahun Melawat Malaysia 2014 anjuran Kerajaan Persekutuan?
- b) Sekiranya ada, berapakah jumlah peruntukan yang telah disediakan untuk dibelanjakan bagi memastikan produk-produk pelancongan berkenaan berada di dalam keadaan yang terbaik?
- c) Nyatakan lokasi-lokasi produk pelancongan yang telah disenaraikan dalam promosi berkenaan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor turut serta dalam kempen promosi Tahun Melawat Malaysia 2014.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor telah turut serta dalam Pelancaran Tahun Melawat Malaysia yang dijalankan di Arabian Travel Mart, Dubai 2013.

- b) Kerajaan Negeri telah memperuntukan sebanyak RM 13.4 juta bagi tahun 2008 sehingga 2013 bagi memastikan produk-produk pelancongan adalah di dalam keadaan baik. Peruntukan ini adalah disalurkan kepada Pejabat Daerah, PBT dan agensi kerajaan bagi membaikpulih, menaiktaraf dan memajukan kawasan pelancongan di Negeri Selangor.
- c) Semua lokasi utama pelancongan Negeri Selangor adalah terlibat secara langsung di dalam promosi Tahun Melawat Malaysia 2014. Pada masa yang sama, pihak TSPSB telah menyediakan pakej-pakej menarik untuk mempromosikan produk-produk pelancongan di negeri Selangor:-
 - i) Magical Firelies pakej – Kuala Selangor
 - ii) Bird Watching pakej – Hulu Selangor
 - iii) Sunway Lagoon & The Royal Klang Town Discovery – Petaling
 - iv) Paragliding at Bukit Jugra – Kuala Langat

- v) Pakej-Pakej Homestay – Sabak Bernam dan Kuala Selangor
- vi) City of Digital Lights , I-City –Shah Alam, Petaling
- vii) Pakej Keluarga di Kidzania – Petaling Jaya, Petaling
- viii) Mahmeri Cultural Village – Kuala Langat

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PENGASINGAN SAMPAH

185. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan kerajaan dalam melaksanakan program pengasingan sampah mengikut Akta 672.
- b) Berapakah anggaran penjimatan kos pengurusan sampah jika program ini dilaksanakan?
- c) Berapakah anggaran kos bagi memulakan program ini?

JAWAPAN:

- a) Akta 672 telah dikuatkuasakan pada 1 September 2011 di seluruh Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan kecuali Labuan, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Terengganu dan Kelantan. Setakat ini Kerajaan Negeri Selangor tiada perancangan untuk mengguna pakai akta ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa program kitar semula di peringkat PBT. Di samping itu, Kerajaan Negeri telah mendapat penjimatan dari segi pengurusan sampah selepas Kerajaan Negeri Selangor mengambil alih sepenuhnya pengurusan sisa pepejal daripada syarikat Alam Flora Sdn. Bhd.. Penjimatan kos pengurusan sampah yang didapati Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM53,876,942.41 seperti di **Lampiran 1**.

Lampiran 1

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	SEMASA AFSB SETAHUN (RM)	SELEPAS AFSB SETAHUN (RM)
1.	MBSA	22,402,126.68	18,909,789.28
2.	MBPJ	60,800,000.00	45,400,000.00
3.	MPSJ	28,270,000.00	20,400,000.00
4.	MPKj	23,040,000.00	16,721,847.60
5.	MPS	29,596,009.67	18,965,196.10
6.	MPK	19,075,296.96	15,135,378.00
7.	MPAJ	18,626,358.60	14,779,440.00
8.	MPSp	7,881,918.00	7,036,237.44
9.	MDKS	4,000,000.00	3,700,000.00
10.	MDSB	3,809,891.00	1,977,240.00
11.	MDHS	TIADA BERKAITAN	
12.	MDKL	3,202,744.32	3,802,274.40
JUMLAH		220,704,345.23	166,827,402.82
JUMLAH PENJIMATAN		RM53,876,942.41	

***sumber: Semua PBT, Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : HUTANG TALAM

186. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status terkini kutipan hutang Syarikat Talam sebanyak RM39.2juta terhadap kerajaan Selangor?
- b) Adakah kerajaan masih mengkaji sama ada Syarikat Talam masih mempunyai hutang yang belum dikutip dan apakah statusnya?

JAWAPAN:

- a) Status terkini pungutan dari syarikat TALAM keseluruhannya berjumlah RM392 juta telah dikutip
- b) Kerajaan Negeri masih mengkaji sama ada Syarikat Talam masih mempunyai hutang yang belum dikutip. Buat masa ini, anak syarikat dan GLC yang terlibat sedang membuat tindakan susulan di atas perkara ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : PERUNTUKAN UNTUK PENGHULU-PENGHULU MUKIM

187. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah pihak kerajaan negeri berhasrat atau merancang memberi peruntukan khas kepada penghulu-penghulu mukim bagi merancang lagi program kampung-kampung?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sedia maklum akan kepentingan peranan penghulu-penghulu mukim dalam merencanakan serta menyelaras program kemasyarakatan di kampung-kampung. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih belum merancang untuk menyediakan peruntukan khas kepada penghulu-penghulu kerana Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan tahunan khas kepada Ketua Komuniti India berjumlah RM10,000.00 kepada 491 buah Kampung Tradisi, Kg. Baru/ Bagan serta Ketua Komoditi India dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM4,910,000.00.

Peruntukan tahunan ini adalah bagi menampung perbelanjaan pengurusan yang melibatkan penganjuran aktiviti-aktiviti kemasyarakatan kampung dan program mesra rakyat sebagaimana yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil. 1 Tahun 2011 berkenaan Garis Panduan Peruntukan Ketua Kampung dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : EXCO DAN ADUN

188. Badan Pemantau Pentadbiran Negeri (SELCAT) telah melakukan penyiasatan bagi memastikan EXCO dan ADUN sentiasa bersih daripada penyelewengan sepanjang perkhidmatan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan Exco dan ADUN yang terlibat dalam penyiasatan ini?
- b) Apakah hasil siasatan dan adakah ia diuar-uarkan kepada umum?

JAWAPAN:

a) i) Berhubung Pemberian/ Sumbangan/ Derma/ Hadiah Atau Apa-apa Bentuk Kewangan Yang Diberikan oleh Kerajaan Negeri, Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Kepada Badan Amal dan Kebajikan Isteri-isteri Selangor (BALKIS) pada 23 -27 Mac, 30 Mac dan 1 April 2009:

- a. Y.B. Dato' Seri Dr. Mohamad Khir bin Toyo, Mantan Menteri Besar Selangor. Bagaimanapun, beliau tidak menghadiri pendengaran tersebut.

Keputusan Jawatankuasa: Rujuk Penyata Jawatankuasa Kertas Mesyuarat Bil. 18/2009.

ii) Berhubung Kes Peruntukan Ahli Dewan Negeri 2008 dan 2009 pada 26 - 28 Januari dan 1 – 2 Februari 2010:-

- a. Y.B. Ronnie Liew Tiew Keng (EXCO);
- b. Y.B. Mat Shuhaimi bin Shafiei (ADN Kawasan Sri Muda); dan
- c. Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (ADN Kawasan Sri Setia).

Keputusan: Jawatankuasa mendapati tiada penyelewengan dan salah guna kuasa berlaku.

iii) Berhubung Pembangunan Tapak Kubur Perkuburan (Bukan Islam) Tanpa Kebenaran di Seksyen U14, Bukit Raja, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan pada 1 September 2010:-

- a. Tiada EXCO atau ADN dipanggil sebagai saksi.

Keputusan Jawatankuasa: Rujuk Penyata Jawatankuasa Kertas Mesyuarat Bil. 8/2011.

- iv) Berhubung Perolehan, Penggunaan dan Pulangan Pinjaman RM90.3 Juta Oleh PAISB (PKPS Agro Industries Sdn. Bhd.) Daripada Kementerian Kewangan pada 7 Mac 2012:-

- a. Tiada EXCO atau ADN dipanggil sebagai saksi.

Keputusan Jawatankuasa: Rujuk Penyata Jawatankuasa Kertas Mesyuarat Bil. 24/2012:

- v) Berhubung Kejadian Banjir di Hulu Langat dan Klang Selatan pada 16 April 2012:-

- a. Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (EXCO);
b. Y.B. Tuan Lee Kim Sin (ADN Kawasan Kajang);
c. Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (ADN Kawasan Lembah Jaya);
dan
d. Y.B. Tuan Manoharan A/L Malayalam (ADN Kawasan Kota Alam Shah).

Keputusan Jawatankuasa: Rujuk Penyata Jawatankuasa Kertas Mesyuarat Bil. 25/2012.

- vi) Berhubung Laporan Audit Dalam Tahun 2010 Berhubung Pengurusan Kewangan Yayasan Selangor pada 16 Februari 2012:-

- a. Tiada EXCO atau ADN dipanggil sebagai saksi.

Keputusan Jawatankuasa: Rujuk Penyata Jawatankuasa Kertas Mesyuarat Bil. 26/2012.

- vii) Berhubung Permohonan Pembangunan Tanah Padang PKNS di Kelana Jaya dan Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 (RPTJ2) pada 27 – 28 Jun dan 5 Julai 2012:-

- a. Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (ADN Kawasan Seri Setia).

Keputusan Jawatankuasa: Rujuk Penyata Jawatankuasa Kertas Mesyuarat Bil. 27/2012.

viii) Berhubung Siasatan Ke atas Urusniaga Perlombongan Pasir Kumpulan Semesta Sdn. Bhd (KSSB) pada 2 - 4 Jun 2010 dan 5 Mac 2012:-

- a. Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei (ADN Kawasan Sri Muda);
- b. Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (ADN Kawasan Batu Caves); dan
- c. Y. B. Tuan S. Manikavasagam (Ahli Parlimen Kawasan Kapar).

Keputusan Jawatankuasa: Rujuk Penyata Jawatankuasa Kertas Mesyuarat Bil. 28/2012.

- b) Hasil siasatan diperincikan di dalam Penyata dan dibentangkan di dalam Dewan. Ianya dapat diakses melalui rekod yang boleh didapati di Perpustakaan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor atau melalui permohonan bertulis ke Pejabat Dewan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : SEKOLAH MENENGAH AGAMA / MAAHAD TAHFIZ

189. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Setakat manakah perkembangan pembinaan sekolah tersebut khususnya di Ampang dan Pandan memandangkan tapaknya sudah tersedia ada dari tahun 2009 lagi-kelulusan didapati melalui STANCO Agama?

JAWAPAN:

- a) Setakat ini, Kerajaan Negeri masih belum mempunyai perancangan untuk mendirikan sekolah menengah agama/ maahad tahfiz di kawasan tersebut kerana tapak sedia ada tidak sesuai keluasannya. Minima keluasan bagi pembinaan sekolah ialah 15 ekar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK: PENGURUSAN SISA PEPEJAL

190. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah PBT-PBT di Selangor sudah bersedia sepenuhnya untuk mengembangkan pasukan pembersihan sisa-sisa pepejal dalaman (*in-house solid waste team*) untuk menguruskan masalah sisa-sisa pepejal daripada terus bergantung kepada kontraktor-kontraktor luar?

JAWAPAN:

- a) Setelah Kerajaan Negeri mengambil alih sepenuhnya perkhidmatan, pembersihan awam dan kutipan sampah daripada Alam Flora Sdn. Bhd. semua PBT bersedia dan telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan pasukan *in-house* yang berfungsi sebagai pasukan *back-up* sekiranya berlaku kecemasan contohnya lori kompaktor rosak atau pembuangan sampah haram. Dengan adanya pasukan ini secara tidak langsung ia telah meningkatkan kemahiran PBT dalam pengurusan sisa pepejal. Buat masa ini pasukan ini akan berkembang secara berperingkat-peringkat dan akan mengurangkan kebergantungan daripada kontraktor-kontraktor luar.

Antara contoh perkembangan daripada PBT ialah:-

i) **Majlis Perbandaran Klang (MPK)**

- Menyediakan :
 - a) Lori Kompaktor - 5 buah
 - b) Lori Terbuka (8 tan) - 7 buah
 - c) Lori 1 tan - 9 buah
- Menyediakan pemandu dan pekerja seramai 150 orang untuk kawasan 'in-house' dan 'back-up'
- Penyelenggaraan kawasan secara 'in-house team'

ii) **Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)**

- MPSJ telah mewujudkan pasukan tindakan khas bagi menangani masalah sampah. Pada masa ini, kerja yang dibuat secara 'in-house' adalah kutipan sampah longgok dan 3 lokasi kutipan sampah.
- Pihak MPSJ akan mengambil alih kawasan secara berperingkat selepas tamat tempoh kontrak kontraktor sedia ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH
(KAJANG)**

**TAJUK : PEMBINAAN "EAST KLANG VALLEY EXPRESSWAY" MELINTASI
TAMAN WARISAN**

191. Lebuhraya baru dari Sungai Long, Kajang ke Ukay Perdana, Gombak akan dibina dan laluan lebuhraya akan melintasi taman warisan

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sama ada Kerajaan Negeri telah memberi kelulusan kepada syarikat konsesi berkenaan untuk membina lebuhraya yang dikenali sebagai "East Klang Valley Expressway" yang merupakan sebahagian daripada "Kuala Lumpur Outer Ring Road" yang akan melintasi kawasan hutan simpanan dan kawasan tadahan air dalam kawasan Ampang.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Malaysia dengan kelulusan secara dasar ("Principle Approval") pada 20hb Februari 2008 telah bersetuju memilih syarikat konsesi Ahmad Zaki Resources Berhad (AZRB) untuk melaksanakan Projek Cadangan Jajaran Lebuhraya Lingkaran Luar Kuala Lumpur secara penswastan yang akan melintasi hutan simpan dan taman warisan terlibat tanpa melalui kawasan tadahan air.

Kelulusan Detail Environmental Impact Assessment (DEIA) telah diberikan pada 25hb April 2013 bagi cadangan projek "The Proposed East Klang Valley Expressway' (Kuala Lumpur Outer Ring Road-Eastern Route). Kelulusan DEIA ini hanya terhad kepada kerja-kerja pembinaan dari CH0.000 sehingga CH24000.000 sahaja sepanjang 24.16km bermula dari Sungai Long Interchange sehingga Ukay Perdana Interchange.

RIZAB HUTAN SIMPAN & TAMAN WARISAN SELANGOR YANG TERLIBAT:

RIZAB HUTAN SIMPAN TERLIBAT

NO.	KATEGORI TANAH	KELUASAN (HEKTAR)	PERATUS (%)
1.	Hutan Simpan Hulu Langat	10.91	10
2.	Hutan Simpan Ampang	94.63	89

NO.	KATEGORI TANAH	KELUASAN (HEKTAR)	PERATUS (%)
3.	Hutan Simpan Ulu Gombak	1.1	100
Jumlah Keseluruhan		106.64	100

TAMAN WARISAN SELANGOR TERLIBAT

KRITERIA JAJARAN	PANJANG TERLIBAT DENGAN TAMAN WARISAN SELANGOR (KM)
Jajaran Utama (Mainline)	8.0
Jajaran Susur (Spur Road)	2.5
Jumlah Panjang Keseluruhan	10.5

Kerajaan Persekutuan telah meluluskan jajaran dari Sungai Long ke Ukay Perdana, sementara jajaran dari Ukay Perdana ke UIA masih dalam penelitian. Jajaran ini melibatkan kawasan sensitif di dalam kawasan Hutan Simpan Ampang & Hutan Simpan Ulu Gombak.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertarikh 11hb September, 2013 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 18hb September, 2013 bersetuju:-

- i) Jabatan Perhutanan Negeri diminta melaksanakan **public inquiry** untuk tempoh (4) minggu untuk meneruskan pembatalan pewartaan kawasan hutan yang terlibat:
- ii) Penubuhan Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping dan dianggotai oleh yang berikut:
 - a. Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus b. Hairi
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Belia & Sukan, Infrastruktur & Kemudahan Awam.
 - b. Pengarah, JPBD Selangor.
 - c. Pengarah, JKR Selangor
 - d. Pengarah, JMG Selangor.
 - e. Pengarah, Jabatan Perhutanan Selangor.
 - f. PBT berkaitan
 - g. Pengarah Tanah & Galian Selangor
 - h. Urus setia : JPBD Selangor

Jawatankuasa pemandu yang ditubuhkan adalah bertanggungjawab memastikan pemantauan bagi meminimumkan kesan kepada alam sekitar dilaksanakan secara tegas dan berkala.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(DENGKIL)**

TAJUK : PUSAT DIALISIS RAKYAT SELANGOR

192. Perkhidmatan dialisis rakyat antara skim merakyatkan ekonomi yang masih dijalankan bagi tahun 2013.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah prestasi pelaksanaan program sejak 2008 hingga kini?
- b) Nyatakan statistik mereka yang telah menerima rawatan mengikut daerah sejak 2008?
- c) Adakah kerajaan bercadang untuk membuka lagi Pusat Dialisis Rakyat ini di semua DUN di negeri Selangor, termasuk di DUN Dengkil?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan negeri berhasrat untuk menubuhkan satu Pusat Dialisis Rakyat (PDR) di setiap DUN. Untuk itu, satu bentuk kerjasama bijak telah dilakukan dengan beberapa entiti termasuk pihak swasta. Namun, bukanlah sesuatu yang mudah untuk memenuhi hasrat tersebut kerana tidak semua perkara berada di bawah kawalan kerajaan negeri.

Kerajaan negeri merancang untuk mengadakan perjumpaan dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama dalam merealisasikan hasrat murni ini. Kerjasama daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia adalah perlu kerana lesen yang sah diperlukan sebelum sesebuah PDR dapat beroperasi. Lesen ini dikeluarkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Terdapat syarat-syarat yang perlu dipatuhi sebelum sesebuah PDR dapat beroperasi dan syarat-syarat tersebut adalah:

- i) Infrastruktur dan pelan susun atur bangunan PDR perlu mengikut keperluan standard Kementerian Kesihatan Malaysia
- ii) Mesin hemodialisis di PDR perlu mematuhi piawaian Kementerian Kesihatan Malaysia
- iii) Kakitangan dan staff nurse perlu mendapat latihan kejururawatan dan pengalaman di dalam bidang dialisis
- iv) Doktor yang bertugas perlu mempunyai pengalaman dan latihan di dalam bidang dialisis.
- v) Meletakkan seorang pakar buah pinggang nefrologist yang akan melawat PDR secara berkala bagi merawat pesakit.

Memandangkan masih banyak DUN belum memiliki PDR dan pesakit buah pinggang ramai yang memerlukan perkhidmatan tersebut, satu cara penyelesaian adalah dengan bantuan kos rawatan untuk mereka mendapatkan khidmat di pusat-pusat hemodialisis selain PDR. Ini tentunya memerlukan sejumlah peruntukan. Dalam masa yang sama, kerajaan negeri juga ingin memperlihatkan komitmen dan keseriusan dengan bersama-sama menyumbang dalam bentuk pembelian mesin hemodialisis untuk ditambah di PDR terutamanya yang telah mencapai tahap maksimum keupayaannya berdasarkan jumlah mesin yang ada.

Buat masa ini kerajaan negeri telah berjaya mewujudkan empat (4) PDR dan sebuah lagi sedang menunggu kelulusan KKM.

Bil.	Lokasi PDR	Jumlah Mesin	Jumlah Penerima
1	Ampang	12	36
2	Taman Medan	8	15
3	Sementa	8	27
4	Lembah Keramat	5	13
5	Jalan Kebun	Masih menunggu kelulusan KKM	

Jumlah mesin dialisis yang digunakan adalah sebanyak 33 buah dan terdapat seramai 91 orang pesakit sedang menerima rawatan di seluruh PDR yang sedia ada.

Bagi mengukur kejayaan adalah sesuatu yang amat sukar. Namun, apa yang membanggakan adalah, sehingga kini, PDR mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik terutamanya kepada mereka yang kurang berkemampuan tanpa mengenakan sebarang bayaran. Perkhidmatan yang diberikan tanpa mengambil kira jantina, kaum, agama, fahaman politik mahupun kedudukan individu berkenaan dalam masyarakat. Setiap rakyat Selangor berhak untuk mendapatkan yang terbaik dan itulah yang dihasratkan oleh kerajaan dan ia akan terus didukung untuk kebaikan setiap lapisan masyarakat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(DUSUN TUA)**

TAJUK : PENCEROBOHAN TANAH-TANAH NEGERI

193. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan pendirian kerajaan negeri terhadap tanah-tanah negeri yang telah di ceroboh sama ada oleh pihak perseorangan ataupun kumpulan-kumpulan tertentu.
- b) Sila nyatakan apakah pendirian kerajaan negeri untuk memberikan hak milik tanah kerajaan kepada pihak perseorangan atau pertubuhan-pertubuhan yang lain, Jika ada apakah mekanismenya untuk mereka memiliki tanah-tanah tersebut.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah mengarahkan Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Pejabat Tanah Daerah menjalankan aktiviti penguatkuasaan bagi menghalang individu atau mana-mana kumpulan menceroboh tanah Kerajaan Negeri. Aktiviti penguatkuasaan ini dijalankan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara.

Satu pasukan penguatkuasaan khas telah diwujudkan bersama agensi-agensi kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengatur operasi penguatkuasaan ke atas pencerobohan secara individu/berkumpulan dengan mengenakan kompaun kepada pesalah-pesalah yang diberkas dan mendakwa kesalahan pencerobohan tersebut di mahkamah.

Terbaru, Pejabat Tanah Dan Galian Selangor telah mengadakan Bengkel Pemantauan 'SOP' Penguatkuasaan Bersepadu Negeri Selangor Bersama Pejabat Tanah Daerah, PDRM, SPRM dan APNM bagi memastikan kerja-kerja pengusiran pencerobohan tanah Kerajaan dilakukan secara teratur dari segi undang-undang dan teknikal.

- b) Kerajaan Negeri tiada halangan dan akan terus membantu rakyat Selangor atau mana-mana pertubuhan yang ingin memiliki tapak/tanah kerajaan dengan syarat mematuhi peruntukan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, pemohon adalah tertakluk di bawah peruntukan Seksyen 43 Kanun Tanah Negara 1965 seperti berikut :
 - i) Orang-orang yang benar selain remaja;

- ii) Perbadanan-perbadanan yang mempunyai kuasa di bawah Perlembagaan mereka untuk memegang tanah;
- iii) Raja-Raja Pemerintah, Kerajaan, Organisasi dan lain-lain orang yang diberi kuasa untuk memegang tanah di bawah peruntukan-peruntukan ordinan keistimewaan Diplomatik dan Konsular 1957; dan
- iv) Badan-badan yang diberi kuasa secara nyata untuk memegang tanah di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : PELABURAN

194. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah strategi kerajaan negeri untuk menarik pelaburan asing?
- b) Apakah kelebihan strategi ini berbanding dengan negeri-negeri lain?
- c) Senaraikan sektor/industri di mana Negeri Selangor mempunyai kelebihan daya saing (*competitive advantage*) di peringkat negara ataupun antarabangsa.

JAWAPAN:

- a) Bagi menarik pelaburan asing, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan seperti berikut:-
 - i) Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.
 - ii) Penganjuran dan penyertaan dalam misi-misi pelaburan ke luar negara Bekerjasama dengan pihak swasta dan dewan-dewan perniagaan dalam dan luar negara bagi menarik pelaburan dan menggalakkan aktiviti pelaburan.
 - iii) Menjalinkan kerjasama strategik dengan syarikat-syarikat multinasional yang ada di Negeri Selangor bagi membantu mempromosikan Negeri Selangor kepada pelabur-pelabur di Negara masing-masing.
 - iv) Mewujudkan hubungan baik dengan pihak kedutaan-kedutaan asing di Malaysia bagi mempromosikan peluang-peluang pelaburan di Negeri Selangor.
 - v) Promosi dan pengiklanan peluang-peluang pelaburan dalam majalah-majalah perniagaan dalam dan luar negara.
 - vi) Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di semua peringkat, termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
 - vii) Penubuhan jawatankuasa PEMUDAH Negeri Selangor bagi menambahbaikkan sistem penyampaian di Negeri Selangor.

- viii) Penubuhan Industrial Park Management Committee (IPMC) di setiap kawasan perindustrian di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan bagi memantau isu-isu yang berbangkit.
 - ix) Konsep Mesra Pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri/pelabur di Selangor.
 - x) Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi pihak industri.
 - xi) Pemantauan yang lebih kerap terhadap projek-projek yang sedang dilaksanakan.
 - xii) Meningkatkan program dialog bersama industri bagi mengenal pasti isu/permasalahan yang dihadapi bagi mencari jalan penyelesaian agar pihak industri terus beroperasi.
 - xiii) Penubuhan Unit Pelaburan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan bagi memudah cara dan membantu para pelaburan dalam proses pelaburan di Negeri Selangor.
- b) Kelebihan strategi ini menunjukkan bahawa pelabur terus dibantu bukan sahaja di peringkat Negeri tetapi juga di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan. Selain itu, kerjasama di antara pelabur dan Kerajaan menerusi penubuhan *Industrial Park Management Committee (IPMC)* juga dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi.
- Ini terbukti menerusi statistik jumlah pelaburan yang direkodkan bagi tempoh 2008 hingga Ogos, 2013 yang mana secara keseluruhannya Selangor terus mendahului negeri-negeri lain dengan pelaburan berjumlah RM 53,246,903,787 (RM 53.246 bilion) daripada 1,560 projek perkilangan yang diluluskan.
- c) Berdasarkan faktor-faktor kekuatan dan peluang pelaburan yang ada, Negeri Selangor berpotensi sebagai destinasi pelaburan dalam sektor/industri;-
- i) *Food Industries*
 - ii) *Biotechnology*
 - iii) *Business Services*
 - iv) *Outsourcing (BPOs)*
 - v) *Green and Clean Technology (Biomass, Solar, Wind, Recycling and Waste Management, Water Treatment etc.)*
 - vi) *Education*
 - vii) *Healthcare*
 - viii) *Medical Devices*
 - ix) *Pharmaceuticals*

- x) *IT/ICT*
- xi) *Electronic & Electrical*
- xii) *Retail & Wholesale/Trading*
- xiii) *Transportation Equipment (Automotive, Maritime, Aerospace)*
- xiv) *Logistics*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : TEKANAN KEWANGAN

195. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah usaha kerajaan negeri bagi tangani masalah berkaitan tekanan kewangan rakyat selain skim yang telah diwujudkan penggal lepas?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) telah membelanjakan RM1 billion bagi program-program kebajikan kepada rakyat. Bagi penggal ini kerajaan berhasrat untuk menambah baik dan melebarkan kumpulan sasaran antaranya:-
- i) Hadiah Pengajian IPT yang mana pendapatan isi rumah RM3 ribu ke bawah boleh dan layak berbanding penggal lepas pendapatan isi rumah RM2500.00 ke bawah sahaja yang layak
 - ii) Skim Insentif Perkahwinan Belia yang naik ke RM500 dari RM400

Kerajaan akan dari semasa ke semasa membuat penilaian skim yang ada bagi penambahbaikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : CUKAI PINTU PBT

196. Terdapat dakwaan kenaikan bayaran cukai pintu kediaman dan perniagaan PBT walaupun manifesto Pakatan menjanjikan untuk menurunkan cukai pintu kediaman 20 peratus dan perniagaan 10 peratus.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah kadar cukai pintu kediaman dan perniagaan PBT Selangor dari 2008 hingga 2013?
- b) Adakah nilai hartanah bagi kawasan kediaman dan perniagaan di 12 PBT Selangor sudah meningkat?
- c) Untuk meringankan bebanan rakyat, adakah kerajaan bercadang untuk menurunkan kadar cukai, jika nilai hartanah melambung tinggi?

JAWAPAN:

- a) Tiada perubahan kadar cukai pintu kediaman dan perniagaan PBT Negeri Selangor dari tahun 2008 hingga 2013 malahan Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan pengurangan cukai taksiran. Berikut merupakan kadar cukai pintu kediaman dan perniagaan PBT Negeri Selangor:

Bil.	PBT	Pegangan	Kadar Cukai Tahun 2013
1.	MBSA	Kediaman	4%
		Perniagaan	7%
2.	MBPJ	Kediaman	7%
		Perniagaan	8.8%
3.	MPK	Kediaman	6.5%
		Perniagaan	7.5%
4.	MPSJ	Kediaman	5.0%
		Perniagaan	8.0%
5.	MPS	Kediaman	8.6%
		Perniagaan	10.8%
6.	MPKj	Kediaman	7.7%
		Perniagaan	8.8%
7.	MPAJ	Kediaman	5.5%
		Perniagaan	6.6%

Bil.	PBT	Pegangan	Kadar Cukai Tahun 2013
8.	MPSp	Kediaman	7.35%
		Perniagaan	8.45%
9.	MDHS	Kediaman	9.0%
		Perniagaan	11.0%
10.	MDKS	Kediaman	7%
		Perniagaan	8%
11.	MDKL	Kediaman	5.5%
		Perniagaan	11.0%
12.	MDSB	Kediaman	11.8%
		Perniagaan	12%

- b) Ya, nilai hartanah bagi kawasan kediaman dan perniagaan di 12 PBT telah meningkat mengikut nilai pasaran semasa namun senarai nilai dan kadar cukai taksiran yang diguna pakai oleh PBT tidak dinaikkan sejak lebih 20 tahun yang lepas seperti berikut:

Bil.	PBT	Tahun Senarai Nilai Digunakan
1	MBSA	2006
2	MBPJ	1992
3	MPK	1993
4	MPSJ	1992 & 1996
5	MPS	1985
6	MPKj	1985
7	MPAJ	1997
8	MPSP	1996
9	MDHS	1996
10	MDKS	1997
11	MDKL	1987
12	MDSB	1986

- c) Kerajaan Negeri telah melaksanakan dasar terhadap pengurangan cukai taksiran dengan pelaksanaan pengurangan 25% cukai taksiran bagi pemilik pangsapuri kos rendah di seluruh Negeri Selangor. Pemberian ini telah bermula pada Penggal Kedua Cukai Taksiran Tahun 2012 dan ianya adalah bertujuan meringankan beban rakyat dengan keadaan pasaran hartanah yang melambung tinggi.

Kerajaan Negeri juga telah memberi pengurangan cukai taksiran kepada pemilik kediaman yang terdiri daripada orang kelainan upaya (OKU).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(GOMBAK SETIA)**

TAJUK : MENYEMARAKKAN KEGIATAN BELIA BERWAWASAN DAN MAJU

197. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah inisiatif dan insentif pihak kerajaan negeri Selangor bagi belia berwawasan dan maju di negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor menitikberatkan aspek pembangunan belia dalam usaha untuk melahirkan golongan belia berwawasan dan maju di Negeri Selangor. Dengan itu, pelbagai inisiatif telah diambil seperti mewujudkan pendidikan bagi memastikan golongan belia mendapat pendidikan yang sewajarnya dari peringkat permulaan sehingga ke peringkat tertinggi. Ini merupakan titik permulaan dalam usaha kerajaan untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan belia di negeri Selangor. Di samping itu juga, kerajaan berusaha menyediakan latihan dan kursus terutamanya dalam bidang keusahawanan yang dapat melatih golongan belia untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan keusahawanan.

Seterusnya Kerajaan negeri Selangor juga telah memberi insentif kepada golongan belia sebagai penghargaan kepada mereka di atas usaha-usaha yang telah dilakukan untuk membantu Kerajaan Negeri sebagai contoh Anugerah Belia Tolak Rasuah, Anugerah PBT Terbaik, Tokoh Belia Negeri Selangor dan Tokoh Beliawanis Negeri Selangor telah diberikan kepada belia yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang terutamanya dari aspek kepimpinan.

Di samping itu, Kerajaan Negeri Selangor turut memberi anugerah kepada atlet-atlet yang telah mengharumkan nama negeri Selangor dalam bidang sukan seperti Anugerah Olahragawan, Anugerah Olahragawati, Anugerah Olahragawan Harapan, Anugerah Olahragawati Harapan dan Anugerah Khas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK

198. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam menyediakan rumah mampu milik di DUN Teratai dalam tahun 2013-2015?
- b) Berapakah peruntukan Kerajaan Negeri dalam perkara 7(b) dan sila bekalkan jadual pelaksanaan.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dengan kerjasama Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Pentadbir Tanah Daerah (PTD) pada ketika ini masih lagi mengenal pasti tanah-tanah milik Kerajaan Negeri yang strategik untuk dibangunkan dengan Projek Perumahan Mampu Milik Selangor.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri masih belum mempunyai perancangan khusus bagi penyediaan rumah mampu milik di DUN Teratai. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan membuat kajian/ survey terhadap permintaan rumah mampu milik di DUN Teratai sebelum pembangunan dilaksanakan.

- b) Tidak berkaitan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : KOMPLEKS SUKAN

199. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah pendapat Dato' ke atas permintaan rakyat bahagian Selatan Selangor terutamanya kawasan Sg. Pelek untuk mendirikan kompleks sukan di kawasan tersebut ?

JAWAPAN:

- a) Majlis Perbandaran Sepang ada mempunyai kemudahan stadium mini dan gelanggang-gelanggang futsal. Selain daripada itu, terdapat dewan-dewan orang ramai yang digunakan bagi aktiviti sukan/ riadah seperti badminton, ping-pong dan 'indoor game'.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : TANAH RIZAB MELAYU

200. Salah satu strategi untuk membangunkan tanah rizab Melayu ialah dengan menggalakkan pemilik tanah membangunkan tanah-tanah tersebut bagi tujuan perumahan atau perniagaan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah tanah rizab Melayu yang telah dibangunkan mengikut daerah?
- b) Berapakah keluasan tanah-tanah rizab Melayu yang telah diambil balik oleh Kerajaan Negeri untuk tujuan kegunaan awam dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menggantikan tanah-tanah tersebut?

JAWAPAN:

- a) Tanah rizab Melayu yang telah dibangunkan mengikut daerah adalah sebanyak **102,247.8304 ekar** dan pecahannya mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	JUMLAH KELUASAN (EKAR)
1.	Sabak Bernam	65.00
2.	Kuala Selangor	7.194
3.	Klang	1,432.549
4.	Gombak	133.1074
5.	Petaling	2.844
6.	Hulu Langat	8,839.344
7.	Kuala Langat	12,395.896
8.	Sepang	1,410.33
9.	Hulu Selangor	77,961.566
JUMLAH		102,247.8304

- b) Tanah-tanah rizab Melayu yang telah diambil balik oleh Kerajaan Negeri untuk tujuan kegunaan awam adalah seluas **781.5145** ekar.

BIL	DAERAH	JUMLAH KELUASAN (EKAR)
1.	Sabak Bernam	-
2.	Kuala Selangor	-
3.	Klang	3.0335
4.	Gombak	-
5.	Petaling	-
6.	Hulu Langat	391.931
7.	Kuala Langat	-
8.	Selangor	386.55
9.	Hulu Selangor	-
JUMLAH		781.5145

Antara langkah-langkah yang diambil untuk menggantikan tanah-tanah Rizab Melayu adalah dengan memastikan setiap tanah yang dibatalkan hendaklah digantikan terlebih dahulu sebelum proses pengambilan diluluskan seperti mana yang termaktub di bawah Perkara 89 Fasal 3 iaitu "*mana-mana tanah yang terhenti menjadi tanah Rizab Melayu maka mana-mana tanah lain yang serupa keadaannya dengan tanah yang terhenti itu dan seluas tidak lebih daripada luas tanah itu hendaklah dengan serta merta diisytiharkan sebagai Rizab Melayu*".

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN SEMULA RUMAH PANGSA PKNS SEKSYEN 17,
PETALING JAYA**

201. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status pembangunan semula rumah pangsa PKNS Seksyen 17 (Jalan 17/1A) oleh PKNS?
- b) Adakah cadangan pampasan RM500.00 sebulan untuk sewa semasa pembangunan semula akan ditingkatkan?

JAWAPAN :

(a) dan (b)

PKNS pada ketika ini menangguhkan dahulu pelaksanaan cadangan pembangunan semula Rumah Pangsa PKNS Seksyen 17, Petaling Jaya.

DITOLAK DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN TETAP 23 (g) (i)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(PANDAMARAN)**

TAJUK : PORTFOLIO PEMBERSIHAN DI MAJLIS PERBANDARAN KLANG

202. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah sebab portfolio bagi kerja-kerja pembersihan di Majlis Perbandaran Klang dibahagikan di bawah tiga (3) jabatan iaitu Jabatan Perkhidmatan Persekitaran, Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Taman Dan Rekreasi apabila di pihak-pihak berkuasa tempatan yang lain, portfolio pembersihan adalah hanya di bawah satu jabatan sahaja?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk menyatukan/menggabungkan portfolio pembersihan di Majlis Perbandaran Klang dari di bawah tiga (3) jabatan ke satu (1) jabatan sahaja dan sekiranya tidak, apakah sebabnya?
- c) Mana satu Jabatan di Majlis Perbandaran Klang yang bertanggungjawab untuk membersihkan daun-daun dan sampah di sekitar Kompleks Sukan Pandamaran terutamanya di tempat padang besar dan padang permainan Kompleks Sukan?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(BATANG KALI)**

TAJUK : WARGA INDUSTRI

203. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan bilangan warga industri berdasarkan kewarganegaraan mengikut kawasan industri?
- b) Apakah kerajaan negeri mengadakan program latihan khas untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka?
- c) Adakah kos upah / gaji mereka kompetitif dan mencukupi untuk menyara kehidupan?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Selangor, pecahan bilangan pekerja warga asing mengikut kawasan di Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

KAWASAN	PEMBUATAN	PERKILANGAN	JUMLAH
PETALING JAYA:			
PETALING JAYA	12,310	2,287	14,597
PUCHONG	6,804	2,427	9,231
SHAH ALAM	17,787	8,723	26,510
SUBANG JAYA	3,732	895	4,627
SERI KEMBANGAN	5,683	2,820	8,503
SERDANG	206	38	244
SUNGAI BULOH	5,444	3,501	8,945
BDR. BARU SG BULOH	8	3	11
JUMLAH	51,974	20,694	72,668
KLANG:			
KLANG	25,017	8,266	33,283
PULAU INDAH	146	38	184
PULAU KETAM		2	2
KAPAR	1,267	700	1,967

KAWASAN	PEMBUATAN	PERKILANGAN	JUMLAH
PELABUHAN KLANG	5,145	2,042	7,187
JUMLAH	31,575	11,048	42,623
HULU LANGAT:			
HULU LANGAT	307	195	502
AMPANG	3,393	474	3,867
CHERAS	1,057	276	1,333
BATU 9 CHERAS	253	294	547
BDR. BARU BANGI	3,396	633	4,029
BERANANG	931	283	1,214
KAJANG	2,586	1,695	4,281
SEMENYIH	2,541	1,587	4,128
JUMLAH	14,464	5,437	19,901
GOMBAK:			
GOMBAK	28	53	81
BATU CAVES	1,808	995	2,803
RAWANG	4,248	2,579	6,827
SELAYANG	34	38	72
JUMLAH	6,118	3,665	9,783
HULU SELANGOR:			
BATANG KALI	209	235	444
HULU BERNAM	4	12	16
K. KUBU BHARU	19	23	42
KERLING	2	14	16
ULU YAM BARU	17	72	89
SERENDAH	155	57	212
JUMLAH	406	413	819
KUALA LANGAT:			
BANTING	1,821	478	2,299
JENJAROM	47	142	189
PULAU CAREY	4	19	23
TELOK P. GARANG	1,071	486	1,557
JUMLAH	2,943	1,125	4,068
KUALA SELANGOR:			
KUALA SELANGOR	574	497	1,071

KAWASAN	PEMBUATAN	PERKILANGAN	JUMLAH
BATU ARANG	23		23
BTG. BERJUNTAI	2,044	333	2,377
BUKIT ROTAN	13	12	25
JERAM	1,023	207	1,230
JUMLAH	3,677	1,049	4,726
SEPANG:			
SEPANG	2,278	406	2,684
CYBERJAYA	1	41	42
DENGKIL	56	58	114
SUNGAI PELEK	21	20	41
TANJONG SEPAT	77	47	124
JUMLAH	2,433	572	3,005
SABAK BERNAM:			
SEKINCAN	120	62	182
SEKINCAN	126	28	154
SG AYER TAWAR	1		1
TANJONG KARANG	9	17	26
SUNGAI BESAR	30	27	57
JUMLAH	286	134	420
SELANGOR	1,412	1,034	2,446
JUMLAH KESELURUHAN	115,288	45,171	160,459

Sumber : Jabatan Imigresen Selangor

Manakala maklumat berkenaan pecahan bilangan warga industri mengikut kewarganegaraan di setiap kawasan tidak dapat dinyatakan ketika ini kerana pihak Kerajaan Negeri dalam proses mendapatkan maklumat lanjut daripada Ibu Pejabat Imigresen di Putrajaya.

- b) Kerajaan Negeri tidak mengadakan sebarang program latihan khas untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan para pekerja warga asing di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, pihak syarikat atau majikan ada menyediakan latihan di peringkat dalam untuk meningkatkan kemahiran mereka.
- c) Berdasarkan kepada Perintah Gaji Minimum yang telah diwartakan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 2012 di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara (Akta 732). Berdasarkan perintah tersebut, semua pekerja tempatan dan

asing yang bekerja di sektor swasta adalah layak untuk menikmati kemudahan kadar gaji minimum. Berdasarkan akta ini, kadar gaji minimum yang perlu dibayar majikan adalah pada kadar RM 900 sebulan @ RM 4.33/jam.

Penetapan kadar gaji minimum ini berdasarkan kepada Kajian Guna Tenaga kebangsaan (NER) Kementerian Sumber Manusia pada 2009 mendapati 33.8% pekerja bergaji di bawah paras RM 700 sebulan, iaitu di bawah paras kemiskinan kebangsaan RM 800 sebulan pada masa ini.

Jumlah kadar minimum ini hanyalah jumlah kadar terendah yang ditetapkan oleh Kerajaan, namun begitu pihak syarikat digalakkan untuk membayar gaji dari paras yang ditetapkan berdasarkan kemampuan dan kekuatan syarikat.

Perlaksanaan dasar penetapan gaji minimum ini bertujuan untuk:-

- i) Memastikan keperluan asas pekerja dan keluarga dapat dipenuhi.
- ii) Memberikan perlindungan sosial yang mencukupi kepada pekerja
- iii) Menggalakkan industri meningkatkan rangkaian pengeluaran global dengan melabur dalam intensif teknologi dan meningkatkan produktiviti buruh.
- iv) Mengurangkan kebergantungan negara kepada pekerja asing tidak mahir.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(PAYA JARAS)**

TAJUK : KEDAI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

204. Di kampung Paya Jaras terdapat beberapa kedai perniagaan yang telah di klasifikasi sebagai Kedai PLB, di mana individu mengaut keuntungan peribadi dengan memberi sewa kepada individu lain

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah dasar pemilikan sebenar Kerajaan Negeri terhadap penyewaan kedai PLB ini?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap mana-mana premis PLB yang telah disewakan kepada pendatang asing?
- c) Apakah Kerajaan Negeri akan mengenakan tempoh penyewaan bagi setiap unit premis supaya dapat memberikan peluang kepada usahawan yang baru?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri buat ketika ini belum mempunyai dasar pemilikan mengenai penyewaan kedai PLB ini. Kedai PLB atau Kedai Pembangunan Luar Bandar adalah kedai yang telah dibina oleh Pejabat Tanah Daerah dan disewakan dengan kadar RM 50.00 sebulan yang diuruskan oleh Pejabat Tanah Daerah. Pada tahun 2008 gerai-gerai ini telah diserahkan pengurusannya kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan.
- b) Premis PLB yang terbukti telah disewakan kepada pendatang asing akan di tarik balik dan ditamatkan penyewaan dan seterusnya dibuka tawaran kepada pihak-pihak yang berminat.
- c) Kerajaan Negeri buat masa ini masih belum menetapkan tempoh penyewaan yang bersesuaian bagi setiap unit premis supaya dapat memberikan peluang kepada usahawan yang baru. Walau bagaimanapun setiap PBT telah mempunyai kaedah masing- masing di dalam menentukan tempoh penyewaan kedai PLB tersebut. Cadangan untuk mengenakan tempoh penyewaan bagi setiap unit premis adalah satu cadangan yang baik bagi memastikan peluang yang sama diberikan kepada usahawan yang baru dan bagi mengelakkan premis tersebut di monopoli oleh satu pihak saja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(BALAKONG)**

TAJUK : PERMOHONAN PINJAMAN PELAJARAN NEGERI

205. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah permohonan Pinjaman Pelajaran Negeri yang telah diterima dan jumlah permohonan yang berjaya?
- b) Apakah kriteria keutamaan untuk kelulusan setiap permohonan?

JAWAPAN:

- a) Jumlah permohonan Pinjaman Pelajaran Negeri dari tahun 2010 dan 2013 seperti berikut:

Tahun	Permohonan	Ditawarkan	Terima Tawaran
2010	-	1,218	1,040
2011	-	1,025	850
2012	2,550	1,714	1,460
2013	3,274	1,202	1,057
Jumlah Keseluruhan	5,824	5,159	4,407

- b) Syarat-syarat utama yang diambil seperti **Lampiran I** manakala syarat akademik di **Lampiran II**.

LAMPIRAN I

Syarat-Syarat Permohonan	Keterangan
Kelahiran	<ul style="list-style-type: none">• Pemohon lahir di Negeri Selangor; atau• Ibu atau bapa lahir di Negeri Selangor; atau• Pemohon telah bermastautin lebih dari lima (5) tahun di Negeri Selangor dengan pengesahan daripada ADUN/ Penghulu/ Pengerusi JKKK/ Ketua Kampung.
Peringkat Pengajian	<ul style="list-style-type: none">• Pemohon telah ditawarkan tempat untuk melanjutkan pengajian secara SEPENUH MASA sahaja (<i>pengajian secara jarak jauh (PJJ)/ luar kampus (PLK) tidak layak memohon</i>);
Penajaan	<ul style="list-style-type: none">• Pemohon yang belum menerima sebarang penajaan dari lain-lain penaja;
Pencapaian Akademik	<ul style="list-style-type: none">• Pemohon yang memperoleh pencapaian akademik yang baik akan diberi keutamaan;
Tahun Pengajian	<ul style="list-style-type: none">• Pemohon bukan pelajar tahun akhir pengajian/ diberi tempoh pelanjutan pengajian.

LAMPIRAN II

Peringkat Pengajian	Kelayakan Akademik
Ijazah Pertama	<ul style="list-style-type: none">• Memperoleh kelayakan Sijil Tahun Asas/ Pra-Ijazah/ Matrikulasi/ Diploma dengan kelulusan PNGK/ CGPA 2.50 ke atas; atau• Memperoleh sekurang-kurangnya empat (4) Gred C dalam mana-mana mata pelajaran di peringkat STPM; atau• Memperoleh sekurang-kurangnya lima (5) kelulusan (<i>jayyid</i>) dalam mana-mana mata pelajaran di peringkat STAM
Diploma	<ul style="list-style-type: none">• Memperoleh sekurang-kurangnya lima (5) kepujian dalam mana-mana mata pelajaran di peringkat SPM; atau• Memperoleh kelayakan Sijil dengan kelulusan PNGK/ CGPA 2.50 ke atas.
Sijil (IPTA)	<ul style="list-style-type: none">• Memperoleh sekurang-kurangnya empat (4) kepujian dalam mana-mana mata pelajaran di peringkat SPM
Sijil (<i>bidang kemahiran & teknikal sahaja</i>)	<ul style="list-style-type: none">• Memperoleh sekurang-kurangnya tiga (3) kepujian dalam mana-mana mata pelajaran di peringkat SPM

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS

206. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan peruntukan MARRIS yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan mengikut tahun sejak tahun 2008;
- b) Senaraikan jumlah peruntukan MARRIS kepada JKR, JPS, PADAT dan PBT mengikut tahun sejak tahun 2008.

JAWAPAN:

- a) Peruntukan Penyenggaraan Jalan Negeri yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan mengikut tahun dari tahun 2008 hingga 2013 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH TERIMAAN MARRIS (RM)
2008	300,966,292.00
2009	315,627,131.00
2010	351,659,938.00
2011	368,356,025.00
2012	416,971,395.00
2013 (sehingga 31 Okt 2013)	374,497,027.33
JUMLAH	2,128,077,808.33

b) Jumlah peruntukan MARRIS kepada JKR, JPS, PADAT, dan PBT seperti berikut:

Bil	Tahun	Pengagihan Mengikut Jabatan / Agensi (RM)				Catatan
		PBT	JKR	JPS	PADAT	
1	2008	130,000,000.00	35,485,701.70	1,317,690.00	-	Tiada Pengagihan Peruntukan Diberikan kepada PADAT kerana PADAT bukan Agensi Pelaksana
2	2009	76,000,000.00	45,603,993.16	1,091,439.87	-	
3	2010	67,250,000.00	170,371,751.84	1,049,776.00	-	
4	2011	136,000,000.00	126,060,443.39	297,995.00	-	
5	2012	136,000,000.00	56,935,260.30	-	-	
6	2013 (Setakat 31 Okt 2013)	201,215,737.40	81,215,120.00	4,000,000.00	-	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : KEBAJIKAN PEGAWAI & JAWATANKUASA MASJID

207. Pegawai dan jawatankuasa masjid antaranya terdiri daripada Nazir, Imam dan Bilal.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah kerajaan untuk menjaga kebajikan mereka?
- b) Berapakah peruntukan elaun terkini yang diberikan kepada yang layak dan adakah kerajaan bercadang untuk menambahnya?

JAWAPAN:

- a) Pemberian elaun bulanan dan tahunan kepada Pegawai dan Jawatankuasa Masjid.
- b) Pemberian elaun kepada Imam 1 dan 2 sebanyak RM 750.00 sebulan melalui peruntukan kewangan daripada pihak JAKIM dan elaun bulanan kepada Jawatankuasa Masjid melalui peruntukan Lembaga Zakat Selangor seperti berikut :

i)	Nazir	RM 200.00
ii)	Bilal 1	RM 290.00
iii)	Bilal 2	RM 200.00
iv)	Siak 1	RM 240.00
v)	Siak 2	RM 150.00
vi)	Tim. Nazir	RM 100.00
vii)	Setiausaha	RM 100.00
viii)	Bendahari	RM 100.00

JAIS bercadang untuk memohon penyeragaman elaun Bilal dan Siak di samping penambahan elaun bagi jawatan Bendahari Masjid kepada Lembaga Zakat Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : LEMBU KORBAN

208. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah gred lembu yang dibekalkan dan apakah kaedah penimbangan yang diguna pakai?
- b) Bagaimana proses pemilihan pembekal, adakah melalui tender terbuka atau lantikan terus?
- c) Berapakah harga seekor lembu dan jumlah perbelanjaan keseluruhan?

JAWAPAN:

a) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 18/2013 yang bersidang pada 26 Jun 2013 telah menetapkan sebanyak 753 ekor lembu akan disumbangkan oleh Kerajaan Negeri dengan bekalan diperolehi daripada PKPS. Spesifikasi pembekalan lembu yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

- i) Berat hidup - 200 kg seekor (minima)
- ii) Harga - RM3,000 seekor (Termasuk tali pengikat dan penghantaran ke destinasi yang ditetapkan).

Gred lembu pada kadar minimum 200 kg seekor adalah Gred D (yang paling rendah). Gred ini merupakan gred yang ditetapkan oleh MMKN. PKPS menentukan berat setiap ekor lembu dengan menggunakan mesin penimbang berat (load cell) dan pita pengukur lilit (pengukur lilit digunapakai oleh ladang-ladang ternakan di Australia sebagai kaedah penimbangan).

b) Lembu-lembu yang dibekalkan oleh PKPS diperolehi melalui dua (2) sumber, iaitu daripada ladang ternakan PKPS sendiri dan penternak-penternak luar. PKPS telah mendapatkan sebut harga daripada penternak-penternak luar ini melalui proses pelawaan. Sebanyak empat belas (14) buah syarikat dan individu telah dipelawa untuk mengemukakan sebut harga masing-masing. Berikut adalah syarikat-syarikat yang telah mengemukakan sebut harga mereka:

BIL	NAMA SYARIKAT
1.	Wahidanie Livestock (M) Sdn Bhd
2.	Mohammad Hafiz bin Mohamad Rashid (Individu)
3.	Eco-Bioenergy (M) Sdn Bhd
4.	RS One Engineering Sdn Bhd
5.	Impian Alfi Resources

BIL	NAMA SYARIKAT
6.	Yuri Trading
7.	Koperasi Serbaguna Iman Malaysia Berhad
8.	Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Langat
9.	Sri Mutiara Teguh Enterprise
10.	W & K Farm Enterprise
11.	Dagang Ritz Sdn Bhd
12.	MHR Platinum Resources
13.	Mega Tani Enterprise
14.	PKPS Livestock Farm Sdn Bhd (anak syarikat PKPS)

Sebelum melantik pembekal-pembekal tersebut, PKPS telah meninjau sendiri ladang-ladang ternakan lembu yang diusahakan oleh pembekal. Selain itu, PKPS juga telah membuat semakan latar belakang syarikat yang mengemukakan sebut harga untuk mengetahui pengalaman masing-masing.

Daripada empat belas (14) pembekal yang mengemukakan sebut harga, PKPS telah melantik lapan (8) daripada mereka, iaitu:

BIL	NAMA SYARIKAT
1.	Wahidanie Livestock (M) Sdn Bhd
2.	Mohammad Hafiz bin Mohamad Rashid (Individu)
3.	RS One Engineering Sdn Bhd
4.	Sri Mutiara Teguh Enterprise
5.	W & K Farm Enterprise
6.	Dagang Ritz Sdn Bhd
7.	Mega Tani Enterprise
8.	PKPS Livestock Farm Sdn Bhd (anak syarikat PKPS)

Spesifikasi lembu yang ditetapkan oleh PKPS kepada penternak-penternak terlibat adalah berlainan daripada spesifikasi Kerajaan Negeri, iaitu:

- i) Berat - ≥ 220 kg/ekor (lembu-lembu yang dibekalkan oleh PKPS kepada Kerajaan Negeri adalah lebih berat daripada yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri)
- ii) Spesifikasi ternakan- Baka jantan kacukan KK Brahman dan berada dalam keadaan fizikal yang baik, serta bebas dari penyakit.

Untuk memastikan bahawa lembu-lembu di bekal memenuhi spesifikasi tersebut, maka PKPS telah membuat pemilihan lembu di ladang-ladang penternak terlibat dengan menimbang atau mengukur lilit badan lembu sebelum lembu dipasangkan 'tagging' telinga oleh PKPS sendiri.

- c) Harga bagi seekor lembu adalah RM3,000/- (Ringgit Malaysia Tiga Ribu Sahaja) dan jumlah perbelanjaan keseluruhan adalah sebanyak RM2,259,000/- (Ringgit Malaysia Dua Juta Dua Ratus Lima Puluh Sembilan Ribu Sahaja).

Jumlah tersebut dibiayai secara sama rata di antara tujuh (7) buah anak syarikat Kerajaan Negeri, iaitu:

- i) Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)
- ii) Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)
- iii) Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)
- iv) Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB)
- v) Worldwide Holdings Sdn. Bhd. (WHSB)
- vi) Menteri Besar Incorporated (MBI)
- vii) Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(KINRARA)**

TAJUK : PEMBUANGAN SAMPAH DI TEBING SUNGAI KELANG

209. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membersihkan Sungai Kelang
- b) Sila nyatakan langkah yang dirancang untuk mengatasi pembuangan sampah di tebing Sungai Klang di Bukit Tandang, Kinrara, Puchong

JAWAPAN:

- a) Sungai Klang merupakan salah satu sungai utama di Negeri Selangor. Sungai ini yang panjangnya 120 kilometer merentasi dua negeri iaitu Negeri Selangor Darul Ehsan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sungai Klang di dalam Negeri Selangor terletak di bahagian hulu dan hilir yang panjangnya 80 kilometer manakala di bahagian tengah sepanjang 40 kilometer mengalir di dalam Kuala Lumpur.

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) merupakan sebuah agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor yang bertanggungjawab terhadap sumber air di Negeri Selangor. Memastikan kelestarian sumber air termasuk sungai sentiasa terpelihara. Dari konteks pembuangan sampah di Sungai Klang, pihak LUAS telah mengambil beberapa tindakan penguatkuasaan dalam memastikan perkara ini dapat diatasi. Pihak LUAS turut menerima aduan bukan sahaja daripada orang awam bahkan agensi kerajaan sendiri.

Sehubungan itu, pihak LUAS telah mengambil tindakan melalui:

- i) Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang; dan
- ii) Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai Negeri Selangor.

Melalui kaedah di atas, tindakan susulan secara bersepadu dapat diambil dan diselaraskan di antara agensi kerajaan seperti Pejabat Daerah dan Tanah (PTD), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan sebagainya.

Pihak LUAS telah mengetuai beberapa tindakan bersepadu di beberapa lokasi tebing Sungai Klang yang menjadi tempat pembuangan sampah. Antara tempat yang telah diambil tindakan dan ditutup adalah tebing Sungai Klang di PJS5, PJS4, PJS3 dan Lembah Kinrara. Tindakan penguatkuasaan bersepadu ini hasil kerjasama daripada PBT, JPS, PTD, PDRM dan sebagainya. Antara tindakan yang diambil adalah melalui pengeluaran notis, penutupan kawasan dan operasi pembersihan kawasan. Walau bagaimana pun, pemantauan secara berterusan perlu dilakukan di kawasan-kawasan ini memandangkan isu pembuangan sampah ini berlaku secara 'on-off'. Selain

itu, aspek keselamatan kakitangan juga perlu dititik beratkan memandangkan kawasan-kawasan yang dijadikan kawasan pembuangan sampah merupakan kawasan panas dan melibatkan isu gengsterisme.

Kawalan dan pemantauan rizab Sungai Klang juga perlu dilakukan secara kerap namun agensi kerajaan mengalami beberapa masalah untuk mengatasi isu ini. Antaranya adalah seperti berikut:

- i) Lokasi pembuangan sampah ini terletak di kawasan yang tersembunyi dan tidak dapat dikesan ,
- ii) Isu pembuangan sampah secara 'on-off',
- iii) Masalah gengsterisme di kawasan tersebut,
- iv) Tiada penyelenggaraan rizab sungai oleh agensi yang berkenaan,
- v) Kawasan rizab Sungai Klang menjadi laluan utama keluar masuk ke premis industri,
- vi) Status rizab sungai yang tidak jelas dan jarak yang panjang,
- vii) Status tanah

Kerjasama daripada semua Jabatan dan agensi yang terlibat akan digembelungkan melalui Pasukan Petugas dan Jawatankuasa yang ada bagi memastikan rizab Sungai Klang tidak dijadikan tempat pembuangan sampah.

b) Langkah-langkah untuk mengatasi adalah seperti berikut:-

- i) Pihak Majlis telah membuat lawatan ke tebing Sungai Klang bersama pihak LUAS.
- ii) Pihak Majlis telah menjalankan operasi untuk menangkap pembuang sampah. Walau bagaimanapun jika laluan tepi sungai masih menjadi laluan ke kilang atau perusahaan masalah ini tidak akan selesai.
- iii) Pemantauan berterusan akan dijalankan oleh pihak Majlis bagi mengatasi masalah pembuangan sampah di kawasan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : LEBUHRAYA PANTAI BARAT (LPB)

210. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini rancangan pembinaan Lebuhraya tersebut?
- b) Sila nyatakan apakah punca utama yang menyebabkan pembinaan Lebuhraya Pantai Barat masih belum dilaksanakan?
- c) Sila nyatakan berapakah keluasan tanah yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan dalam pembinaan Projek Lebuhraya tersebut khususnya di Pekan Sekinchan?

JAWAPAN:

- a) Perkembangan terkini bagi Projek Lebuhraya Pantai Barat (LPB) masih di bawah Warta Seksyen 4 APT 1960 melalui WKN 2718 / bertarikh 18.07.2013 dan tempoh pewartaan bagi Seksyen 4 adalah satu (1) tahun dari tarikh warta tersebut. Pewartaan di bawah Seksyen 4 APT 1960 adalah bertujuan bagi menjalankan kajian ke atas struktur tanah dan 'soil test' sahaja.
- b) Pembinaan Lebuhraya Pantai Barat tidak dapat dilaksanakan kerana belum ada permohonan Pengambilan secara rasmi di bawah Seksyen 8 APT 1960 diterima oleh pihak JKPTG Negeri Selangor bagi membolehkan projek lebuhraya ini dibuat. Pengesahan pelaksanaan projek ini hendaklah diperolehi daripada Agensi Pemohon iaitu pihak Kementerian Kerja Raya (KKR) & Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).
- c) Pengambilan Tanah melibatkan sebanyak 3075 lot untuk Daerah Sabak Bernam dan sebanyak 607 lot di Mukim Pekan Sekinchan. Manakala keluasan Pengambilan tidak dapat dipastikan sehingga dimuktamadkan di bawah Seksyen 8 APT 1960 oleh Agensi Pemohon, Seksyen 4 APT 1960 hanya mewartakan No lot (Bilangan Lot) dan Mukim Sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : TEKNOLOGI & INOVASI

211. Perpindahan teknologi tinggi kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS) penting agar para usahawan dapat meningkatkan kualiti produk mereka hasil manfaat sains, teknologi dan inovasi.
Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah kerajaan negeri mempunyai program khusus membantu usahawan IKS dalam pemindahan teknologi (*technology transfer*)?
 - b) Adakah kerajaan ada membantu sebarang usaha untuk mengkomersialkan hasil kajian dan inovasi?

JAWAPAN:

- a) Pada tahun 2012, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan telah memperkenalkan Program Pembungkusan. Bagi tahun 2013, program ini telah ditambah baik dan dikenali sebagai Program Peningkatan Keupayaan Reka Bentuk Pembungkusan (4P). Para peserta program didedahkan dengan teknologi-teknologi pemprosesan makan termasuk pengujian nutisi, penggunaan "*bar code*", teknologi penghasilan dan pembangunan produk dan teknologi persembahan fizikal produk.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri Selangor juga telah bersetuju untuk menimbang bagi membangunkan makmal Halal Assuran, Kluster Halal BioIT Selangor dengan kerjasama Institut Bio-IT Selangor, UNISEL dan Central Spectrum Sdn. Bhd. bagi dijadikan sebagai pusat pendidikan dan penyelidikan bioteknologi, keusahawanan dan pembangunan perniagaan.

Kerajaan Negeri Selangor juga telah bersetuju untuk menimbang bagi membangunkan kit bioteknologi untuk memudahkan usahawan-usahawan mengesan kandungan sesuatu produk termasuk zat binatang yang tidak halal seperti khinzir. Kit bioteknologi ini dikenali sebagai Halal KIT. Halal KIT mempunyai 3 komponen utama iaitu Dipstik (partikal nono ber'*die*' dengan salutan filem yang mengandungi *antibody*), Opto-elektronik sistem (sistem elektronik menggunakan *photo-diode* yang boleh mengawal sumber cahaya LED/Laser yang akan menghasilkan cahaya *fluorescence* sekiranya berinteraksi dengan zat khinzir) dan Larutan penyediaan sampel (*Phosphate Buffered Saline*).

- b) Selain daripada menimbang bagi membangunkan Kluster Halal BioIT Selangor dan kit bioteknologi, Halal KIT, Kerajaan Negeri Selangor juga aktif mengambil bahagian di dalam pameran-pameran dan program-program antarabangsa seperti Halal Fest, Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT) dan Satu Daerah Satu Industri (SDSI). Sehubungan dengan itu, sekiranya terdapat usahawan-usahawan yang mempunyai produk

baru yang bersesuaian dan mempunyai nilai komersial, usahawan-usahawan tersebut adalah dijemput untuk mengemukakan permohonan bagi menyertai dan mewakili Kerajaan Negeri Selangor di dalam pameran-pameran seperti yang dinyatakan di atas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR (PKPS)

212. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan kejayaan yang telah dicapai sepanjang lima tahun pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat?
- b) Apakah tindakan Kerajaan terhadap pemajak-pemajak tanah milik PKPS - pajakan tanah dengan harga yang tidak sepatutnya yang terlalu rendah?

JAWAPAN:

- a) Sepanjang lima tahun pentadbiran Kerajaan Negeri, PKPS telah berjaya mencapai perkara-perkara berikut:
 - i) Mencatatkan keuntungan operasi pada setiap tahun mulai tahun 2010. Sebelum pada ini, PKPS tidak pernah mencatatkan sebarang keuntungan daripada operasi yang dijalankan.
 - ii) Meningkatkan kepakaran dalaman dalam bidang perladangan kelapa sawit. PKPS tidak perlu lagi bergantung kepada kepakaran luar untuk mengusahakan tanah-tanah yang dimiliki dengan projek kelapa sawit.
 - iii) Memulihkan tanah-tanah terbiar yang ada di PKPS dengan penanaman kelapa sawit. Tanah-tanah terbiar yang terlibat adalah seperti di ladang Jelutong Jati, ladang Sungai Panjang, ladang Tanjung 12, ladang Ulu Tinggi dan ladang Ulu Yam.
 - iv) Menyemak semua perjanjian-perjanjian yang ada di antara PKPS dengan pihak luar. Tindakan telah diambil untuk memperbetulkan mana-mana perjanjian yang didapati tidak berlaku adil kepada PKPS, iaitu melalui tindakan undang-undang ataupun melalui runding cara.
 - v) Menyelesaikan beberapa kes yang melibatkan tuntutan ganti rugi, pemilikan kosong tanah daripada pemajak mahupun penyewa. Berikut adalah antara kes-kes tanah milik PKPS yang berjaya diselesaikan oleh PKPS:

Bil	Perkara	Status
1.	Tuntutan ganti rugi oleh Rekah Development Sdn. Bhd. (RDSB) ke atas penamatan perjanjian pajakan tanah oleh PKPS di PT	Tuntutan RDSB telah ditolak dan PKPS berjaya mendapatkan pemilikan kosong tanah tersebut.

	235, HS(D) 4571, Mukim Jugra, Daerah Kuala Langat.	
2.	Tuntutan pemilikan kosong di Dengkil, Daerah Sepang PKPS vs Basco Sdn. Bhd.	PKPS telah menang kes tersebut dan mendapatkan pemilikan kosong tanah.
3.	Tuntutan pemilikan kosong bangunan rumah sebelah lembu dan tanah di Ulu Tinggi, Daerah Kuala Selangor PKPS vs Rumput Berkat Sdn. Bhd.	PKPS telah menang kes tersebut dan mendapatkan pemilikan kosong bangunan rumah sebelah tersebut.
4.	Tuntutan pemilikan kosong di Hulu Langat PKPS vs Miswan dan Mustaffa	PKPS telah menang kes tersebut dan mendapatkan pemilikan kosong tanah tersebut
5.	Tuntutan pemilikan kosong tanah dan bangunan di bangunan Bazaar Rakyat PKPS PKPS vs WDS Managemat Services Sdn. Bhd.	PKPS telah menang kes tersebut dan mendapatkan pemilikan kosong tanah dan bangunan Bazaar Rakyat PKPS

- b) PKPS telah pun mengambil tindakan ke atas pemajak tanah yang memajak tanah PKPS pada kadar pajakan yang terlalu rendah. Antaranya, tanah PKPS yang terlibat ialah tanah di Hulu Langat dan di Ulu Bernam. PKPS telah pun menaikkan kadar pajakan mengikut kadar sewaan semasa dan kadar baru ini telah dipersetujui oleh pihak pemajak.

Cara-cara/pendekatan yang diambil oleh PKPS dalam menyelesaikan masalah kadar pajakan yang rendah adalah seperti berikut:

- i) PKPS menyemak syarat-syarat perjanjian pajakan bagi mengesahkan sama ada perjanjian tersebut mempunyai klausa untuk membolehkan PKPS mengkaji semula kadar pajakan.
- ii) Sekiranya terdapat klausa tersebut, PKPS akan berbincang dengan pihak pemajak untuk menaikkan kadar pajakan mengikut nilai sewaan semasa.
- iii) Kebiasaannya pihak pemajak tidak bersetuju dengan kenaikan kadar pajakan tersebut. Sekiranya pihak pemajak tidak bersetuju maka PKPS akan mengeluarkan notis penamatan perjanjian kepada pihak pemajak dan mengosongkan tanah dalam tempoh tiga puluh (30) hari tertakluk kepada tempoh notis yang dinyatakan dalam perjanjian.
- iv) Sekiranya pemajak tidak mengosongkan tanah tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, PKPS akan mengambil tindakan undang-undang ke atas pemajak untuk mendapatkan pemilikan kosong tanah.
- v) PKPS akan mengusahakan sendiri tanah-tanah yang diambil balik dengan projek pertanian mengikut kesesuaian tanah dan kepakaran PKPS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : JAMBATAN KETIGA KLANG

213. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Meminta kerajaan memberi perkembangan terkini pembinaan Jambatan Ketiga Klang termasuk status terkini projek tersebut.

JAWAPAN:

- a) Pihak JKR Selangor melalui perunding Vast Consultants Sdn. Bhd. sedang dalam proses reka bentuk terperinci dan dijangka siap pada Februari 2014. Di samping itu, kerja-kerja awal bagi tujuan pengumpulan data seperti kajian impak trafik, kerja ukur tanah dan hidrologi serta kerja penyiasatan tanah sedang giat dijalankan. Tempoh siap bagi keseluruhan kerja ini dijangkakan pada awal bulan Disember tahun ini. Pelan Pengambilan Tanah serta dokumen yang berkaitan bagi proses Pengambilan Balik Tanah di bawah Seksyen 4, Akta Pengambilan Tanah 1960 telah dihantar kepada Pejabat Daerah dan Tanah Klang pada pertengahan Oktober lalu untuk tindakan lanjut pejabat tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : KAKITANGAN KERAJAAN NEGERI

214. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah kakitangan Kerajaan Negeri?
- b) Apakah sistem penilaian kakitangan (appraisal system) yang digunakan oleh Kerajaan Negeri?
- c) Adakah wujudnya sistem ganjaran berdasarkan prestasi? Sila jelaskan.

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan maklumat perjawatan yang dikemas kini sehingga 8 November 2013, jumlah keseluruhan anggota yang berkhidmat di Jabatan / Agensi di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor adalah seramai **21,811 orang**. Perincian jumlah anggota dijelaskan di jadual berikut:

Bil.	Jabatan	Anggota		Jumlah
		Tetap	Kontrak	
A.	Jabatan / Agensi Negeri			
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	402	134	567
2.	Perbendaharaan Negeri	135	53	188
3.	Pejabat Tanah dan Galian Negeri	300	7	307
4.	Pejabat Dewan Negeri	24	7	31
5.	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri	14	0	14
6.	Jabatan Agama Islam	2063	500	2563
7.	Jabatan Mufti	33	13	46
8.	Jabatan Perhutanan Negeri	404	0	404
9.	Jabatan Pertanian Negeri	235	0	235
10.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri	196	34	230

Bil.	Jabatan	Anggota		Jumlah
		Tetap	Kontrak	
11.	Kamar Penasihat Undang-undang Negeri	76	16	92
12.	Jabatan Kerja Raya Negeri	1462	18	1480
13.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	796	28	824
14.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	201	9	210
15.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri	70	4	74
16.	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri	99	4	103
B.	Pejabat Daerah dan Tanah			
1.	Petaling	184	20	204
2.	Klang	188	11	199
3.	Gombak	171	14	185
4.	Hulu Langat	172	13	185
5.	Kuala Langat	154	4	158
6.	Kuala Selangor	174	12	186
7.	Hulu Selangor	166	13	179
8.	Sepang	126	14	140
9.	Sabak Bernam	160	12	172
C.	Pihak Berkuasa Tempatan			
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	812	507	1319
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	1260	480	1740
3.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	1002	517	1519
4.	Majlis Perbandaran Klang	1340	420	1760
5.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	632	94	726

Bil.	Jabatan	Anggota		Jumlah
		Tetap	Kontrak	
6.	Majlis Perbandaran Selayang	706	314	1020
7.	Majlis Perbandaran Kajang	667	181	848
8.	Majlis Perbandaran Sepang	357	127	484
9.	Majlis Daerah Kuala Langat	340	51	391
10.	Majlis Daerah Kuala Selangor	294	146	440
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor	358	0	358
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam	243	45	288
D.	Badan Berkanun Negeri			
1.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	72	43	115
2.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	661	367	1028
3.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	47	29	76
4.	Lembaga Urus Air Selangor	70	23	93
5.	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Selangor	98	31	129
6.	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	202	33	235
7.	Yayasan Selangor	129	101	230
8.	Majlis Sukan Negeri Selangor	0	36	36
JUMLAH KESELURUHAN		17295	4485	21811

- b) Sistem penilaian kakitangan (*appraisal system*) yang digunakan oleh Pentadbiran Kerajaan Negeri adalah sama sebagaimana yang diguna pakai oleh Jabatan / Agensi di peringkat Persekutuan iaitu **Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT)**.

Sistem penilaian prestasi LNPT ini di formulasi oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) melalui Pekeliling Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia Bilangan 4 Tahun 2002 (Lampiran A2 – Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian Prestasi Pegawai Perkhidmatan Awam Malaysia) dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2009: Pemantapan Pengurusan Sistem Penilaian Prestasi Pegawai Perkhidmatan Awam.

Sistem penilaian prestasi ini melibatkan aspek-aspek serta aliran kerja berikut:

- i) Penetapan Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan Pegawai Penilai Kedua (PPK) bagi setiap Pegawai Yang Dinilai (PYD).

Setiap penjawat awam merupakan PYD yang akan dinilai oleh dua (2) orang Pegawai Penilai (iaitu PPP dan PPK). Dua (2) orang Pegawai Penilai ini merupakan pegawai yang mempunyai gred lebih tinggi dan paling hampir serta menyelia kerja-kerja PYD sebagaimana contoh berikut:

No.	Pegawai Yang Dinilai	Pegawai Penilai Pertama	Pegawai Penilai Kedua
1.	Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) Gred N17	Pembantu Pegawai Tadbir Gred N27	Pegawai Tadbir & Diplomatik Gred M41
2.	Setiausaha Bahagian	Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri	Setiausaha Kerajaan Negeri

- ii) Penetapan **Sasaran Kerja Tahunan (SKT)** yang direncanakan pada awal tahun dan kajian semula pada pertengahan tahun juga dilaksanakan bagi memantau kemajuan pelaksanaan program / aktiviti yang dirancang sepanjang tahun.
- iii) Penilaian oleh setiap Pegawai Penilai dilaksanakan melalui sistem secara atas talian iaitu **Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS)**.
- iv) Penetapan wajaran markah mengikut aspek penilaian prestasi yang bersesuaian dengan peranan setiap kumpulan pegawai.
- v) Pegawai JUSA dan Gred Khas dinilai berasaskan aspek penilaian yang berbeza di mana penilaian JUSA lebih menitikberatkan aspek kepimpinan (wajaran markah 60%), manakala penilaian ke atas Gred Khas menitikberatkan aspek ilmu pengetahuan dan kepakaran (wajaran markah 50%). Aspek penilaian bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana lebih menitikberatkan

aspek penghasilan kerja (wajaran markah 50%). Aspek penilaian dan wajaran markah bagi setiap kumpulan pegawai tersebut diringkaskan seperti jadual di bawah:

Wajaran Markah Prestasi					
Aspek Penilaian	Wajaran Markah %				
	Kumpulan Pengurusan Tertinggi		Kumpulan P&P	Kumpulan Pelaksana	
	JUSA	Gred Khas		I	II
1. Kepimpinan	60	15	-	-	-
2. Penghasilan Kerja	-	-	50	50	50
3. Ilmu Pengetahuan dan Kepakaran	-	50	-	-	
4. Ilmu Pengetahuan dan Kemahiran	-	-	25	25	20
5. Kualiti Peribadi	35	30	20	20	25
6. Kegiatan & Sumbangan di Luar Tugas Rasmi	5	5	5	5	5
JUMLAH	100	100	100	100	100

vi) Peranan dan fungsi **Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)** di setiap Jabatan (yang dianggotai oleh Ketua Jabatan dan Timbalan Ketua Jabatan) sebagai pihak yang memastikan penilaian dibuat dengan objektif, adil dan telus. Fungsi dan bidang kuasa PPSM adalah seperti berikut:-

- Mengesahkan markah penilaian prestasi seseorang PYD. Sekiranya terdapat keraguan dan mempunyai asas yang kukuh, PPSM boleh mengubah suai dan menyelaraskan markah berkenaan;
- Memberi perhatian yang lebih teliti dan pertimbangan yang mendalam kepada PYD yang mendapat markah prestasi yang rendah untuk memastikan penilaian dibuat dengan betul dan teratur tanpa sebarang unsur penganiayaan;

- Mengesyor dan menentukan penempatan dan pembangunan kerja sesuai dengan potensi, kebolehan, keistimewaan serta kemajuan pegawai;
- Mengesyorkan bimbingan dan kaunseling dengan tujuan memperbaiki dan mempertingkatkan prestasi dan motivasi pegawai;
- Menentukan kelayakan atau kesesuaian untuk pergerakan gaji, penganugerahan darjah kebesaran, bintang, pingat dan surat penghargaan; dan
- Mengenal pasti dan merancang keperluan latihan pegawai.

c) Sistem ganjaran berdasarkan prestasi sememangnya dilaksanakan oleh Pentadbiran Kerajaan Negeri melalui pelaksanaan insentif-insentif berikut:

- i) Pemberian **Pergerakan Gaji Tahunan (PGT)** (sama ada Pergerakan Gaji Biasa atau Anjakan Gaji) kepada setiap pegawai adalah dibuat berdasarkan markah penilaian prestasi (LNPT) yang diterima.

PPSM mempunyai kuasa untuk tidak memperakukan pemberian Pergerakan Gaji Biasa kepada seseorang pegawai yang didapati gagal mencapai markah prestasi LNPT yang ditetapkan, manakala pemberian Anjakan Gaji hanya boleh diberikan kepada pegawai yang memperolehi markah penilaian LNPT sekurang-kurangnya 85% dan ke atas.

- ii) Pemberian anugerah-anugerah berdasarkan prestasi kepada para pegawai seperti berikut:-

a- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

Bil	Kriteria	Penjelasan
1.	Bilangan Penerima	Maksimum 8% daripada jumlah pengisian jawatan di Jabatan berkenaan pada tahun penilaian
2.	Syarat Kelayakan	Semua pegawai perkhidmatan awam yang: i- Dilantik secara tetap, sementara atau kontrak; dan ii- Telah berkhidmat genap setahun pada hari terakhir tahun penilaian.
3.	Asas Pertimbangan	i- Memperolehi markah LNPT 85% dan ke atas ; dan ii- Bebas dari tindakan tatatertib dalam tahun penilaian.
4.	Insentif	i- Sijil Perkhidmatan Cemerlang; dan ii- Sijil Simpanan Premium / Cek bernilai RM1,000.00.
5.	Insentif Lain	Peluang dalam pencalonan bagi Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan dan Negeri.

b- Anugerah Pekerja Bulanan Cemerlang

Anugerah ini dilaksanakan oleh Jabatan masing-masing bagi menghargai perkhidmatan cemerlang yang ditunjukkan oleh pegawai dalam bulan yang berkenaan. Insentif yang diberikan kepada pegawai, sama ada dalam bentuk kewangan atau material, adalah bergantung kepada Jabatan berkenaan. Secara tidak langsung, penganugerahan ini akan turut meningkatkan tahap motivasi dan persaingan sihat di kalangan anggota dalam memastikan perkhidmatan yang diberikan berada di tahap yang cemerlang.

iii) Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Negeri dan Persekutuan

Pegawai-pegawai yang menunjukkan prestasi cemerlang dan pernah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) juga diberikan keutamaan dalam penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat (sekiranya telah memenuhi kriteria-kriteria penganugerahan yang lain), terutamanya di peringkat negeri. Nama pegawai-pegawai yang berkenaan akan turut dicalonkan bagi tujuan penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat di peringkat Persekutuan dan negeri lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD
(SUNGGAI PANJANG)**

**TAJUK : KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR SDN
BHD (KUIS SDN BHD)**

215. Laporan Ketua Audit Negara 2012 Negeri Selangor menyatakan sebanyak 195000 naskhah Buku Perbendaharaan Al-Quran dengan kos RM1.66 juta tidak dapat dijual kerana sambutan yang tidak menggalakkan dan buku ini telah/akan diberi secara sumbangan kepada badan/orang awam.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah sebenarnya perancangan KUIS Sdn. Bhd?
- b) Bagaimanakah KUIS Sdn Bhd melakukan imbalan di atas kerugian ini?
- c) Berapakah harga senaskhah buku ini dan siapakah penerbit?

JAWAPAN:

- a) KUIS melaksanakan perancangannya mengikut objektif asal penubuhannya sebagai Institusi Pengajian Tinggi Agama yang memberikan pendidikan agama dan akademik berteraskan Al-Quran dan Al-Sunah untuk melahirkan insan yang bertakwa yang berketerampilan untuk menyumbang kepada kesejahteraan diri, masyarakat dan Negara. Ianya bertepatan dengan matlamat KUIS yang sepertimana moto, visi dan misinya iaitu:

Moto

Pemangkin Tradisi Ilmu

Visi

Memartabatkan KUIS sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam bertaraf dunia yang mendapat keredhaan

Misi

Bertekad ke arah mencapai kecemerlangan pengurusan, akademik dan sahsiah pelajar melalui penggunaan teknologi terkini dan perkhidmatan berkualiti berteraskan Al-Quran dan Al-Sunnah.

Falsafah

Kesepaduan antara ilmu, iman dan amal menjadi dasar ke arah melahirkan insan yang bertakwa dan berketerampilan untuk menyumbang kepada kesejahteraan diri, masyarakat dan negara.

Matlamat

Membentuk dan mendidik generasi ummah agar menjadi insan soleh melalui dasar pendidikan yang berteraskan ilmu naqli (revealed knowledge) dan ilmu aqli (acquired knowledge) yang berpaksikan tauhid untuk melahirkan generasi profesional yang seimbang bagi menghadapi cabaran zaman.

- b) KUIS memperbaiki imbangan di atas kerugian tersebut dengan menyumbangkan 195,000 naskhah Perbendaharaan Al-Quran tersebut kepada badan-badan kerajaan swasta, NGO-NGO, Masjid-masjid dan surau-sarau di seluruh negeri Selangor.
- c)
 - i) Buku Perbendaharaan Al-Quran tersebut berharga RM50.00 senaskhah.
 - ii) Diterbitkan pada tahun 2008/1429 Hijrah oleh Majlis Agama Islam Selangor dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
 - iii) Penerbitan buku ini ditaja oleh Lembaga Zakat Selangor dan
 - iv) Dicetak oleh Pramaju Sdn Bhd, No 35, Jalan 5/10B, Spring Crest Industrial Park, 68100 Batu Caves, Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(DUSUN TUA)**

TAJUK : PEMBANGUNAN TANAH-TANAH TERBIAR DI DUN DUSUN TUA

216. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Memandangkan banyak tanah-tanah kerajaan negeri terbiar begitu lama terutama yang diberikan kepada PKPS khususnya di DUN Dusun Tua, Sila nyatakan apakah usaha-usaha kerajaan negeri untuk membantu membangunkan tanah-tanah terbiar sama ada milik individu atau milik kerajaan sepertimana yang tersebut.

JAWAPAN:

- a) PKPS mempunyai beberapa keping tanah di DUN Dusun Tua. Tanah-tanah ini telah disewakan kepada individu dan syarikat luar untuk diusahakan dengan projek pertanian yang bersesuaian dengan keadaan tanah.

Perincian tanah-tanah tersebut adalah seperti berikut:

- i) Lot 13978 PN 79405, Lot 13980 PN 79407 dan Lot 13983 PN 79410, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat seluas 167.22 hektar

PKPS telah menandatangani perjanjian pajakan pada 11 April 2005 dengan pihak Serimba Agro Resources Sdn. Bhd. (SERIMBA) untuk pembangunan eko resort. Tanah-tanah ini telah terlibat dengan pengambilan balik tanah oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2011. Bagaimanapun, sebahagian pengambilan tersebut telah ditarik balik oleh Kerajaan Negeri pada 5 April 2012.

SERIMBA telah menuntut bayaran ganti rugi kepada PKPS di Mahkamah Tinggi Shah Alam atas pembangunan yang telah dijalankan di atas tanah tersebut. Tuntutan tersebut dibuat atas alasan bahawa pengambilan balik tanah yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri adalah tidak sah dan bertujuan untuk mencederakan kepentingan SERIMBA dalam perjanjian pajakan yang ditandatangani. Memandangkan bahawa pertikaian di antara SERIMBA, PKPS dan Kerajaan Negeri ini telah di bawa ke mahkamah dan prosiding perbicaraan belum selesai maka peguam PKPS menasihatkan supaya PKPS tidak memasuki tanah tersebut.

- ii) PT 11588, HS(D) 140596, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat seluas 16.05 hektar

PKPS telah menyewakan tanah tersebut kepada Okarr Sales & Marketing (OSM) pada 2 April 2007 untuk tujuan penanaman pisang. Walau bagaimanapun, projek tersebut sehingga kini tidak dijalankan oleh penyewa. Dalam hal ini, PKPS telah mengambil tindakan undang-undang ke atas OSM bagi mendapatkan semula tanah terlibat. Kes masih dalam mahkamah.

- iii) PT 11589, HS(D) 140597, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat
seluas 6.357 hektar

PKPS telah pun menyewakan tanah tersebut kepada Encik Elias Bin Mohd. Jaini pada 1 Ogos 2012 selama tiga (3) tahun. Sehingga kini, PKPS tidak menghadapi sebarang masalah berhubung dengan penyewaan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : RIZAB SIMPANAN SELANGOR

217. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah penggunaan rizab simpanan kerajaan negeri yang kini meningkat kepada RM3 bilion?

JAWAPAN:

- a) Rizab kewangan (Kumpulan Wang Disatukan) Negeri Selangor pada 31 Disember 2012 dan 31 Oktober 2013 adalah masing-masing berjumlah RM2,619.44 juta dan RM2,712.85 juta. Adalah menjadi matlamat Kerajaan Negeri Selangor untuk menguruskan kewangan Kerajaan Negeri dengan cekap dan teratur serta mematuhi segala peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Ianya penting agar segala dasar, program, projek dan aktiviti yang dirancang bagi pembangunan Negeri Selangor dan kebajikan rakyat Negeri Selangor dapat dilaksanakan dengan berkesan. Pengurusan perbelanjaan wang awam yang menekankan prinsip ketelusan, keupayaan dan kebertanggungjawaban dalam semua urusan bagi memastikan nilai serta kualiti bagi perbelanjaan yang dikeluarkan dalam semua urusan adalah yang terbaik (*value for money*). Kerajaan Negeri Selangor akan mendapatkan kelulusan Dewan Negeri Selangor bagi penggunaan rizab negeri untuk projek-projek pembinaan jambatan ketiga Klang sebanyak RM150 juta; pembinaan rumah mampu milik sebanyak RM100 juta; pembinaan sekolah sebanyak RM50 juta; dan pembangunan belia dan keusahawanan sebanyak RM50 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

TAJUK : MASALAH LALU LINTAS DI DUN TERATAI

218. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan 5 tahun atau tindakan yang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di DUN Teratai?
- b) Berapakah anggaran bajet Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2014 untuk menyediakan bas komuniti di DUN Teratai?

JAWAPAN:

- a) Antara rancangan / tindakan yang akan dilakukan adalah :
 - i) Menaik taraf jalan-jalan utama di sekitar DUN Teratai; dan
 - ii) Penempatan semula dan pemindahan gerai-gerai serta pasar pagi agar kelancaran trafik tidak terganggu.
- b) Pihak MPAJ telah mengemukakan kertas cadangan bagi memohon peruntukan daripada Kerajaan Negeri bagi pembelian bas komuniti yang melibatkan anggaran kos berikut :
 - i) Bas Coaster (24 seater) : RM 250,000 seunit
 - ii) Bas Penumpang (44 seater) : RM 450,000 seunit

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : PENDAPATAN MINIMUM PETANI RM1200.00 SEBULAN

219. Kerajaan negeri ada bercadang untuk membantu rakyat miskin terutama petani dan nelayan agar memperoleh pendapatan minimum RM1200.00 sebulan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah usaha yang telah dilaksanakan kerajaan negeri untuk mencapai hasrat tersebut?
- b) Berapa jumlah petani di Selangor mengikut daerah dan jenis tanaman?
- c) Agensi negeri manakah yang bertanggungjawab bagi memastikan matlamat pendapatan minimum RM1200.00 sebulan tercapai?

JAWAPAN:

- a) Usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian adalah bagi mengingkatkan pendapatan petani adalah:
 - i) Memastikan pengeluaran hasil padi yang tinggi dan berterusan melalui Program Peningkatan Hasil Padi Negeri Selangor dan Program Natural Farming kawasan padi. Melalui program ini peningkatan hasil padi adalah memberangsangkan, manakala program natural farming membantu dalam mengurangkan kos operasi petani serta menjaga pendapatan tambahan hasil jualan produk natural farming.
 - ii) Memastikan pengeluaran tanaman makanan secara berterusan dengan mewujudkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Di mana terdapat 12 kawasan TKPM di Negeri Selangor yang sedang beroperasi mengeluarkan hasil-hasil sayuran, buah-buahan, tanaman industri dan ternakan. Melalui program ini, petani dibimbing untuk melaksanakan projek pertanian secara komersil, hasil pertanian yang dipersijilkan dengan MyGAP dan SOM, untuk mencapai sasaran purata pendapatan bulanan sebanyak RM3000/bulan.
 - iii) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Selangor telah melaksanakan Program Pemulihan dan Penanaman Semula Kelapa sejak tahun 1998. Program ini masih diteruskan sehingga kini dengan memberi tumpuan kepada kaedah integrasi tanaman dimana penanaman kelapa diselingkan dengan tanaman kontan sebagai usaha bagi meningkatkan lagi pendapatan pekebun kecil kelapa. Pada

tahun 2013, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM300,000 untuk program tersebut.

- iv) Meningkatkan kualiti tanaman dengan menggalakkan petani menyertai Pensijilan MyGap dan SOM. Pensijilan MyGAP ini memudahkan laluan pasaran eksport memandangkan pensijilan ini telah dikenali di seluruh dunia. Hasil yang dikeluarkan dari ladang telah diberi pensijilan SOM pula boleh dilabelkan sebagai produk organik dan produk tersebut boleh dipasarkan sebagai produk organik dengan harga yang tinggi dan setimpal.
 - v) Program pembangunan usahawan Industri Asas Tani turut dilaksanakan untuk memberi nilai tambah kepada hasil-hasil pertanian seterusnya menjana pendapatan tambahan hasil dari aktiviti pemrosesan tanaman contohnya seperti kerepek, minyak kelapa dara, kuih tradisional, pastri, bakeri dan lain-lain lagi.
- b) Jumlah petani di Selangor mengikut daerah dan jenis tanaman serta keluasannya adalah seperti Jadual di Lampiran 1 dan 2
- (Jumlah Keluasan Kawasan Pertanian Negeri Selangor adalah: 399,375.9 hektar)
- c) Bagi Jabatan pertanian Negeri Selangor. Sasaran minimum pendapatan petani untuk projek pertanian berkelompok adalah RM1000/sebulan. Manakala sasaran minimum pendapatan petani bagi projek usahawan tani, usahawan TKPM dan Usahawan Industri Asas Tani adalah RM3000/sebulan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(GOMBAK SETIA)**

TAJUK : RANCANGAN KAWASAN KHAS KAMPUNG SUNGAI PUSU 2020

220. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perkembangan terkini Rancangan Kawasan Khas Kampung Sungai Pusu 2020?
- b) Sila nyatakan secara terperinci berapakah jumlah dan nama projek yang berjalan lancar dan projek yang lewat dari jadual?

JAWAPAN:

- a) Telah di wartakan pada 12 April 2012 (NO. WARTA: 1507)
- b) Jumlah permohonan Kebenaran Merancang masuk sebanyak 17 bagi tahun 2013
 - Jumlah Lulus = 4
 - Jumlah Tolak = 9
 - Jumlah Dalam Proses = 4

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PENCEGAHAN MASALAH BANJIR

221. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan kerajaan Selangor dalam usaha mendalamkan dasar Sungai Sepang untuk mencegah masalah banjir di Pekan Sepang?

JAWAPAN:

- a) Pada dasarnya, Jabatan ini tiada keperluan untuk menjalankan kerja-kerja mendalamkan Sg. Sepang Besar dan Sg. Sepang Kecil memandangkan ia berhampiran dengan laut di mana fenomena pasang/surut berlaku setiap masa dan ia membawa segala mendapan 'sediments transport' dengan kadar yang tinggi.

Walau bagaimanapun, Jabatan ini mencadangkan agar melaksanakan projek-projek tersebut:

- i) Melebar dan meninggikan benteng sungai bagi mengelakkan berlakunya limpahan air sungai
- ii) Menaik taraf muara sungai
- iii) Projek pengawalan hakisan pantai.

Kajian terperinci kejuruteraan perlu dilakukan ke atas kawasan lembangan Sg. Sepang Besar dan Sg. Sepang Kecil bagi mengatasi banjir kilat akibat daripada pembangunan sekelilingnya.

Satu tender perolehan bagi mengatasi masalah banjir di Pekan Sepang berjumlah RM 2.1 juta telah dilaksanakan dengan melibatkan skop kerja seperti berikut:

- i) Membina sebuah kunci air
- ii) Pembaikan benteng sungai
- iii) Pembinaan pemetung ke kotak di kawasan saluran Tanjung Mas/Sungai Pelek Di Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : KESESAKAN RUMAH

222. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang boleh dan sedang diambil oleh Kerajaan Negeri atau PBT untuk mengatasi masalah kesesakan rumah, terutamanya pekerja asing, contohnya 30 pekerja tinggal di dalam satu rumah teres.

JAWAPAN:

- a) Seksyen 79, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) memperuntukkan sesebuah rumah boleh dianggap "penuh sesak" hingga mendatangkan bahaya atau mudarat kepada penduduknya jika rumah tersebut atau bilik dalam rumah tersebut didapati diduduki lebih daripada kadar seorang dewasa bagi tiap-tiap 350 kaki padu ruang bersih. Bagi orang berumur 10 tahun dan ke atas hendaklah disifatkan sebagai dewasa dan 2 orang berumur bawah 10 tahun boleh dianggap seorang dewasa.

Garis panduan mekanisma menentukan bilangan kapasiti penyewa bagi premis-premis di negeri Selangor telah diluluskan melalui keputusan MMKN ke 32/2007 bertarikh 5 Disember 2007. Oleh itu, aduan berkenaan penyewa warga asing boleh dikemukakan kepada semua PBT Selangor dan aduan hendaklah jelas dengan butiran-butiran yang lengkap.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PENGURUSAN PINJAMAN PELAJARAN

223. Laporan Ketua Audit Negara 2012 Negeri Selangor menyatakan pengurusan penghutang pelajaran perlu dipertingkatkan kerana jumlah tunggakan pinjaman meningkat dari 2011 pada 2012.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah terdapat mekanisma yang sistematik dalam proses mengutip semula pinjaman daripada peminjam?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri sekiranya terdapat transaksi bayaran dari peminjam tetapi tidak direkodkan oleh pihak pengurusan?
- c) Adakah kerajaan negeri bercadang memansuh pinjaman pelajaran yang gagal dibayar?

JAWAPAN:

- a) Penambahbaikan yang lebih sistematik pada tahun 2013 dalam proses mengutip semula pinjaman daripada peminjam adalah seperti berikut:

Proses Mengutip	Tempoh Masa
Surat Berdaftar	6 bulan dari tamat pengajian
Penyata Kewangan	2 kali setahun
Telefon/Pesanan Ringkas	-
Surat Peringatan 1	3 bulan dari surat berdaftar
Surat Peringatan 2	3 bulan dari surat peringatan 1
Notis Tanpa Prejudis	3 bulan surat peringatan 2
Notis Penyenaraian Senarai Hitam(RAMCI)	3 bulan surat notis tanpa prejudis
Letter of Demand melalui panel peguam	1 bulan notis penyenaraian senarai hitam

Proses Mengutip	Tempoh Masa
Saman kepada peminjam tegar	

- b) Sebarang transaksi bayaran dari peminjam yang tidak direkodkan akan disemak melalui panel bank untuk mengetahui pembayaran dari penama tersebut. Walau bagaimanapun jika pembayar tersebut tiada di dalam senarai peminjam, pihak Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Selangor (TKWBS) akan meminta panel bank untuk memasukkan semula wang tersebut di akaun pembayar.
- c) Pinjaman Pelajaran hanya akan dimansuhkan bagi kes-kes berikut:
- i) Peminjam yang mendapat keputusan terakhir 3.75 ke atas;
 - ii) Peminjam yang telah meninggal dunia yang dikemukakan oleh waris-waris peminjam; dan
 - iii) Peminjam yang mengalami penyakit kritikal/ketidakupayaan kekal (*permanent disability*) yang telah disahkan oleh hospital.

DITOLAK DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN TETAP 23 (q) (i) & (ii)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN HAJI ABDUL TALIB
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PENIAGA KECIL

224. Selangor sebagai sebuah negeri berkebajikan sudah merangka pelbagai program bagi membantu peniaga kecil:-

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah program yang telah dijalankan bagi membantu peniaga kecil?
- b) Sejauh manakah kejayaan program-program tersebut?
- c) Berapakah dana yang telah disediakan bagi pembiayaan Skim Mikro Kredit SKIMSEL dan MIMBAR?
- d) Berapakah peratusan kejayaan SKIMSEL dan MIMBAR ini?
- e) Apakah perancangan seterusnya dalam mengatasi permasalahan ini?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(PANDAMARAN)**

TAJUK : MASALAH TANAH PELUPUSAN SAMPAH

225. Semua pihak berkuasa tempatan di Negeri Selangor telah menghadapi masalah tanah pelupusan sampah di mana bagi kawasan Majlis Perbandaran Klang, tapak pelupusan sampah di Jeram akan tamat diguna pada tahun 2016.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan Negeri Selangor untuk mengatasi tanah pelupusan sampah yang semakin terhakis memandangkan kos penyelenggaraan dan penghantaran sampah adalah semakin meningkat yang akan sangat membebankan pembelajaran pihak berkuasa tempatan pada masa yang akan datang.

JAWAPAN:

- a) Tapak pelupusan ditentukan oleh Kerajaan Negeri. Buat masa sekarang, Majlis tidak bercadang untuk membina "Incinerator"

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELUK DATOK)**

TAJUK : PENGANGKUTAN AWAM PERCUMA

226. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri mewujudkan pengangkutan awam percuma menyambungkan Bandar dan Pekan pinggiran pantai khususnya di dalam Daerah Kuala Langat?

JAWAPAN:

- a) Sememangnya Kerajaan Negeri dalam proses mewujudkan pengangkutan awam percuma khususnya perkhidmatan bas komuniti di kawasan bandaraya dan perbandaran. Namun, Kerajaan Negeri telah merangka projek khas untuk Daerah Kuala Langat yang telah menjadikan Daerah Kuala Langat sebagai Projek Perintis melalui Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Peringkat Negeri Selangor (RIPAD) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sebagai setiausaha. Dasar projek perintis ini adalah untuk menentukan sesuatu jajaran perkhidmatan sosial melalui dua (2) objektif iaitu jajaran mestilah mendapat sasaran 40% perkongsian mod pengangkutan awam dan mempunyai ke saling hubungan (*connectivity*) yang efisien untuk rakyat. Sehubungan dengan itu, laluan bas yang dicadangkan akan menyediakan kapasiti yang akan membolehkan sasaran 40% dapat dicapai dan menghubungkan sekurang-kurangnya 80% kawasan berkependudukan berikutan lokasi daerah ini terletak di luar kawasan *Greater Kuala Lumpur / Klang Valley* (GKL/KV) dan mempunyai intensiti pembangunan yang dijangkakan meningkat di masa hadapan. Kini Jawatankuasa RIPAD melalui SPAD telah mendapati sebanyak 13 laluan bas yang menghubungkan kawasan kampung ke pusat bandar contohnya:
- i) Hentian Bas Banting ke Putrajaya Sentral, melalui Cyberjaya, dengan jarak 40.5 KM.
 - ii) Hentian Bas Banting ke Tanjung Sepat, melalui Morib, dengan jarak 31.4 KM.
 - iii) Hentian Bas Banting ke Teluk Panglima Garang dengan jarak 22.5 KM.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PUSAT TUISYEN RAKYAT

227. Program tuisyen percuma rakyat merupakan antara skim merakyatkan ekonomi yang dikatakan masih dijalankan bagi tahun 2013.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status pelaksanaan program ini?
- b) Sejauh manakah keberkesanan program ini kepada penerima manfaat dari segi jumlah pelajar yang mengikuti program ini?
- c) Senaraikan di mana pusat-pusat tuisyen rakyat ini dijalankan dan bagaimana kerajaan negeri melantik guru-guru dalam merealisasikan program ini menjadi sebuah program yang berkualiti?

JAWAPAN:

- a) Program tuisyen rakyat bagi tahun 2013 telah tamat sebelum peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia diadakan.
- b) Jumlah pelajar yang mengikuti program ini di 56 DUN adalah 4,191 pelajar.
- c) Pusat-pusat tuisyen rakyat adalah seperti di **Lampiran II**.

LOKASI PUSAT – PUSAT TUISYEN RAKYAT SELANGOR

DUN	LOKASI
N01 Sungai Air Tawar	1) Batu 38, Parit Baru
N02 Sabak	1) SMA Bagan Terap 2) SAM Tungku Ampuan Jemaah 3) SAM BT 1 4) MARKAZ Batu 1
N03 Sungai Panjang	1) Masjid Pasir Panjang 2) SAM PASir Panjang 3) Balai JKkk Sg Limau 4) Masjid Sg Besar
N04 Sekinchan	1) SRA Tali Air 7
N05 Hulu Bernam	1) Kg Soeharto 2) Kg Gedangsa
N06 Kuala Kubu Baharu	1) Bukit Bujang 2) Rasa
N07 Batang Kali	1) SRA Taman Bunga Raya
N08 Sungai Burong	1) SAM Tanjung Karang
N09 Permatang	-
N10 Bukit Melawati	1) SRAI 2) Asam Jawa 3) Kg Kuantan

DUN	LOKASI
N11 Ijok	1) Pejabat Kerja Menteri Besar 2) Pusat Belia Bukit Gadong 3) Taman Seri Indah, Batang Berjuntai 4) Kg Rantau Panjang
N12 Jeram	1) Puncak Alam 2) Bukit Kuching Hilir 3) Kg Jeram 4) Bukit Kerayong 1
N13 Kuang	1) Bandar Tasik Permaisuri 2) Kg Setia
N14 Rawang	1) Kg Kenanga 2) Country Home
N15 Taman Templer	1) SRA Nurul Iman
N16 Batu Caves	1) SRA Kafa Amaniah
N17 Gombak Setia	1) Masjid As-Shariff, Taman Greenwood 2) Masjid Al Khairiyah, Taman Sri Gombak
N18 Hulu Kelang	1) SRA Taman Permata
N19 Bukit Antarabangsa	1) SRA Kg Melayu Ampang
N20 Lembah Jaya	1) Sek Agama Lembah Jaya
N21 Cempaka	1) PPAS Pandan Jaya 2) SRA Al-Huda, Taman Maju Jaya
N22 Teratai	1) Dewan Orang Ramai Jln Besar 2) Dewan Orang Ramai Taman Cheras Indah
N23 Dusun Tua	1) SRA Batu 16

DUN	LOKASI
N24 Semenyih	1) Semenyih 1 2) Bandar Rinching 3) Pekan Beranang 4) Semenyih 2
N25 Kajang	1) Taman Mesra 2) Sg Sekamat 3) Taman Cuepacs
N26 Bangi	1) Sg Ramal Baru 2) Kajang Utama 3) Sek 16, BBB
N27 Balakong	1) Pesat Perkhidmatan DUN Balakong 2) SRI Al-Hidayah 3) Balairaya Kg SG Balak 4) Balairaya Blok MR Taman Minang Rla
N28 Sri Kembangan	1) Pusat Tuisyen Inovatif
N29 Sri Serdang	1) SMI Puchong 2) Balairaya Puchong Intan
N30 Kinrara	1) Kg Tengah B, Dewan JKkk
N31 Subang Jaya	1) Sek Agama Kafa Masjid Darul Ehsan
N32 Seri Setia	1) Blok 8 Desa Mentari
N33 Taman Medan	1) SRA Taman Dato Haron
N34 Bukit Gasing	1) Pejabat ADUN Bukit Gasing
N35 Kampung Tunku	1) Dewan MPPJ Seri Setia
N36 Damansara Utama	1) Balairaya Kg Cempaka
N37 Bukit Lanjan	1) Damansara Damai

DUN	LOKASI
N38 Paya Jaras	1) SAM Paya Jaras 2) Sek Kafa Islahiah
N39 Kota Damansara	1) Sek 4 Kota Damansara 2) Dewan MBSA 5
N40 Kota Anggerik	1) Masjid Al-Azhariah Sek 18 2) Dewan Angsana Sek 8
N41 Batu Tiga	1) Sek 20 2) Sek 24 3) Dewan JKKK Padang Jawa 4) Bukit Kuda
N42 Meru	1) SRA Pekan Meru
N43 Sementa	1) Kg Tok Muda 2) Kg Perepat 3) Kg Batu 14 4) Bandar Sultan Sulaiman
N44 Sungai Pinang	1) Pusat Bahasa Sea 2) Dewan Orang Ramai Taman Eng Ann
N45 Selat Klang	1) Sek Islam Al-Farabi
N46 Pelabuhan Klang	1) Telok Gong
N47 Pandamaran	1) Pejabat ADUN Pandamaran
N48 Kota Alam Shah	1) Pusat Tuisyen Era Delta
N49 Seri Andalas	1) Taman Sentosa 2) Dewan JKKK Teluk Menegun

DUN	LOKASI
N50 Sri Muda	1) Taman Alam Megah 2) Sri Muda 3) Jalan Kebun 4) Johan Setia
N51 Sijangkang	1) SRA Kg Medan
N52 Teluk Datuk	1) PKM Telok Datok
N53 Morib	1) Masjid At-Taqwa 2) Kafa Integrasi Kemuning
N54 Tanjung Sepat	1) SMK Sg Rawang 2) Dewan Anti Denggi Pekan Tg Sepat 3) PKM DUN Tg Sepat 4) Dewan Sepakat Kg Endah
N55 Dengkil	1) PKM Dengkil 2) Bilik JKKK Desa Putra 3) Balairaya Sg Merab Luar 4) Bilik Gerakan JKKK Bukit Changgang
N56 Sungai Pelek	1) Taman Seroja 2) Masjid Sg Pelek 3) Kg Salak Tinggi

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : SEMINAR PELAKSANAAN SYARIAH

228. Merujuk Seminar Pelaksanaan Syariah Islam di Malaysia pada 12 Oktober 2013.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tujuan dan objektif kerajaan menjadi penganjur bersama seminar ini?
- b) Apakah rancangan kerajaan dalam melaksanakan syariah Islam di Selangor?
- c) Berapakah jumlah perbelanjaan penganjuran yang terlibat dan daripada peruntukan mana?

JAWAPAN:

- a) Penyertaan kerajaan sebagai penganjur bersama seminar ini ialah bagi menunjukkan komitmen kerajaan Negeri Selangor menyokong pelaksanaan syariah Islam di negeri Selangor. Kerajaan percaya pelaksanaan Islam secara menyeluruh mampu mengurangkan aktiviti jenayah yang berleluasa di negeri ini.
- b) Sememangnya syariat Islam sudah diterapkan dalam perjalanan pentadbiran dan perundangan negeri Selangor. Pada masa yang sama kerajaan memerlukan kerjasama pelbagai pihak untuk sama-sama memahami, menimbulkan kesedaran dan memberikan sokongan agar pelaksanaannya dapat berjalan lebih menyeluruh dengan penambahbaikan +dari masa ke masa.
- c) Jumlah perbelanjaan seminar ini ialah RM65,000.00 yang dibiayai secara bersama dari peruntukan Jawatankuasa Tetap Pendidikan Tinggi, Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor dan sumbangan penyertaan peserta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(BALAKONG)**

TAJUK : PEMASANGAN PEMANCAR TELEKOMUNIKASI

229. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Memandangkan kebanyakan penduduk membantah pemasangan pemancar Telekomunikasi di kawasan perumahan, adakah kerajaan berniat untuk mengehadkan pemasangannya di kawasan luar daripada kawasan perumahan sahaja?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah menyediakan garis panduan permohonan pemasangan struktur menara telekomunikasi kepada semua PBT. Sehubungan itu, pihak syarikat telekomunikasi perlu mengikut syarat yang digariskan di dalam garis panduan tersebut agar talian liputan dan kualiti liputan di kawasan-kawasan perumahan di kawasan bandar atau luar bandar dapat ditingkatkan. Bagi mempercepatkan proses permohonan pemasangan menara telekomunikasi, Kerajaan Negeri membenarkan pihak syarikat telekomunikasi membuat permohonan terus kepada PBT ataupun pihak *One Stop Agency* (OSA) iaitu Konsortium Jaringan Selangor (KJS).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PENCEMARAN DI HULU SELANGOR

230. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah untuk mempertingkatkan kecekapan system pemantauan di Jabatan Alam Sekitar Cawangan Gombak yang menghadapi kekurangan tenaga kerja untuk semak aduan-aduan pencemaran di Hulu Selangor.

JAWAPAN:

- a) Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor Cawangan Gombak telah menyediakan satu unit khas iaitu pasukan pegawai penyiasat untuk menjalankan pemeriksaan penguatkuasaan ke atas punca-punca pencemaran, memantau isu-isu pencemaran dan menyiasat aduan-aduan pencemaran di daerah Hulu Selangor yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Di samping itu pendekatan mendapatkan kerjasama daripada pemberi maklumat pencemaran di kalangan orang awam juga dilaksanakan di mana ia dapat membantu Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor Cawangan Gombak untuk menangani masalah pencemaran di daerah Hulu Selangor. Selain dari itu, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor di Shah Alam juga akan memantau dan menjalankan penguatkuasaan ke atas premis-premis yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar iaitu kilang kelapa sawit, kilang getah asli mentah dan premis kemudahan pengolahan serta pemerolehan kembali buangan terjadual.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(KINRARA)**

TAJUK : RUMAH EXCO SELANGOR

231. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan apakah rancangan kerajaan untuk Rumah Exco Selangor Seksyen 7 Shah Alam?
- b) Sila nyatakan berapa kos penyelenggaraan setiap tahun?

JAWAPAN:

- a) Pentadbiran Kerajaan Negeri telah memutuskan supaya Rumah EXCO Selangor di Seksyen 7, Shah Alam disewakan secara terbuka mulai tahun 2009. Walau bagaimanapun Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah memutuskan pada 5 Jun 2013 dan bersetuju supaya kediaman rasmi tersebut (Rumah EXCO) diserahkan kepada Y.B. Ahli MMKN untuk diduduki.

Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor adalah jabatan yang dipertanggungjawabkan untuk pengurusan dan penyelenggaraan kediaman tersebut.

- b) Penyelenggaraan Rumah EXCO dikawal selia di bawah Unit Pengurusan Bangunan SUK dan diuruskan oleh syarikat yang dilantik secara sebut harga terbuka. Berikut adalah jumlah kos penyelenggaraan Rumah EXCO bagi tahun 2008 – 2013 :

BIL	TAHUN	KOS KONTRAK PERKHIDMATAN (RM)	KERJA INDEN / LO (RM)	JUMLAH (RM)
1	2008	1,935,000.00	-	1,935,000.00
2	2009	1,685,000.00	-	1,685,000.00
3	2010	1,044,000.00	-	1,044,000.00
4	2011	993,900.00	-	993,900.00
5	2012	335,255.00 - taman 131,760.00 - sekuriti	115,290.00	582,305.00

BIL	TAHUN	KOS KONTRAK PERKHIDMATAN (RM)	KERJA INDEN / LO (RM)	JUMLAH (RM)
6	2013	80,440.00 - taman 131,760.00 - sekuriti	44,665.00	212,200.00
	JUMLAH	6,337,115.00	159,955.00	6,497,070.00

Syarikat yang dilantik untuk menyelenggara Rumah EXCO adalah seperti berikut:

BIL	SYARIKAT	TEMPOH	CATATAN
1	Adilob Sdn. Bhd	1 April 2007 hingga 31 Ogos 2009 (RM161,500.00 sebulan) 1 September 2009 hingga 31 Mac 2012 (RM87,000.00 sebulan)	Penyelenggaraan secara menyeluruh (' <i>comprehensive</i> ') termasuk membuat pemeriksaan dan membaik pulih segala kerosakan, perkhidmatan pembersihan, penjagaan taman dan kawalan keselamatan. Penyelenggaraan secara tidak menyeluruh (' <i>non-comprehensive</i> ') iaitu membuat pemeriksaan dan pengujian, perkhidmatan pembersihan, penjagaan taman dan kawalan keselamatan.
2	Nurrul Services Sdn. Bhd	1 April 2012 hingga 31 Mac 2014 (2 tahun) (RM11,380.00 sebulan)	Penyelenggaraan tidak menyeluruh (<i>non-comprehensive</i>). Hanya melibatkan perkhidmatan pencucian, penjagaan taman dan pengurusan majlis.

BIL	SYARIKAT	TEMPOH	CATATAN
3	Sheriff Security (M) Sdn.Bhd	1 April 2012 hingga 31 Mac 2014 (2 tahun) RM 263,520.00 (RM131,760.00- setahun)	Kawalan Keselamatan sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PINDAH MILIK SELANGOR FRUIT VALLEY (SFV)

232. Laporan Ketua Audit Negara 2012 Negeri Selangor menyatakan SFV akan dipindahkan/diusahakan sepenuhnya kepada/oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dari Selangor Oil Palm Industries Corporation Sdn. Bhd. (SOPIC) pada tahun 2015.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah sebab utama PKPS mahu mengambil alih dari SOPIC?
- b) Apakah perancangan PKPS selepas mengambil alih SFV?

JAWAPAN:

- a) Jemaah Ahli PKPS telah membuat keputusan untuk menutup SOPIC berkuat kuasa pada 1 September 2013 dan PKPS mengambil alih semua aset dan liabiliti syarikat selaras dengan 'exercise' penyusunan semula aktiviti PKPS dan syarikat-syarikat subsidiarinya yang telah dimulakan pada tahun 2010. Lanjutan daripada keputusan tersebut maka projek '*Selangor Fruits Valley*' (SFV) telah diambil alih oleh PKPS pada 1 September 2013.

SOPIC sebenarnya merupakan sebuah syarikat yang wujud tanpa ada seorang kakitangan pun. Ini adalah kerana, pada tahun 2009, semua kakitangan sedia ada SOPIC telah ditamatkan perkhidmatan mereka dan sebahagian daripada mereka ini telah ditawarkan untuk berkhidmat di syarikat subsidiari lain PKPS, iaitu PKPS Management Services Sdn. Bhd. (PMS).

PMS merupakan sebuah syarikat yang diwujudkan khas untuk menguruskan semua aktiviti-aktiviti perladangan PKPS dan syarikat-syarikat subsidiarinya. Kakitangan PMS merupakan mereka yang berpengalaman dalam industri perladangan dan pernah berkhidmat dengan organisasi besar seperti Sime Darby, Guthrie, KL Kepong, Tradewind dan sebagainya.

Memandangkan bahawa SOPIC telah menjadi tidak lagi relevan kerana semua aktivitinya kini diuruskan oleh PMS maka Jemaah Ahli PKPS telah membuat keputusan untuk menutup SOPIC.

- b) PKPS akan tetap meneruskan projek SFV tetapi dengan objektif dan pendekatan baru. Dalam hal ini, tumpuan PKPS adalah kepada dua objektif, iaitu perladangan komersial dan pembangunan usahawan tani. Jumlah keluasan SFV ialah 946 hektar dan daripada jumlah tersebut, PKPS sedang mengusahakan sendiri kawasan seluas 671 hektar dengan tanaman buah-buahan tempatan seperti belimbing, tembikai, betik, jambu air, jambu batu, rambutan, nangka dan kelapa pandan.

Baki kawasan, seluas 275 hektar, akan diwujudkan lot-lot pertanian untuk ditawarkan kepada orang ramai. Lot-lot ini perlu diusahakan dengan tanaman buah-buahan, kontan dan sayur-sayuran di bawah Program Pembangunan Usahawan Tani PKPS.

Dengan berbuat demikian, masalah utama PKPS, iaitu keperluan tenaga buruh bagi menyelenggara keseluruhan SFV, akan dapat diatasi dan pada masa yang sama, memberi peluang kepada para usahawan tani untuk bersama-sama PKPS dalam membangunkan SFV dan, dengan itu, menjana ekonomi melalui sektor pertanian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PENTADBIRAN DAERAH HULU LANGAT

233. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Kebanyakan pentadbiran Kerajaan seperti Pejabat Tanah dan Daerah (PTD), Pejabat Agama Islam Daerah (PAID), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Parit dan Saliran (JPS) dan lain-lain tertumpu di sekitar Bandar Baru Bangi, sedangkan Daerah Hulu Langat terlalu luas termasuk Ampang dan Pandan, apakah rancangan kerajaan bagi mengatasi masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat (PDTHL) pada asalnya terletak di Bandar Kajang sejak tahun 1884 sebelum berpindah ke Bandar Baru Bangi pada 1 Januari 1992 sehinggalah ke hari ini. Sepertimana daerah-daerah lain di Negeri Selangor, hanya terdapat satu pejabat pentadbiran daerah sahaja diletakkan di setiap daerah. Walau bagaimanapun, PDTHL mempunyai wakil pentadbiran di setiap mukim yang sentiasa berurusan dengan penduduk setempat di sekitar mukim tersebut.

Selaras dengan keperluan semasa, Mukim Ampang telah dibahagikan kepada dua wakil pentadbiran iaitu Ampang 1 dan Ampang 2. Kompleks Penghulu Ampang 1 terletak di Jalan Ampang/DUN Lembah Jaya manakala Kompleks Penghulu Ampang 2 terletak di Jalan Cempaka/DUN Cempaka. Kedua-dua kompleks ini berkhidmat untuk penduduk setempat di Ampang dan Pandan. Selain itu, PDTHL juga telah membahagikan bidang tugas Penolong Pegawai Tanah (untuk urusan tanah) dan Juruteknik (untuk urusan pembangunan) mengikut mukim supaya urusan pentadbiran daerah dapat dilaksanakan dengan lancar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PROJEK IBU PEJABAT BARU PKNS

234. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini projek tersebut?
- b) Sila nyatakan nama kontraktor yang dilantik dan berapakah anggaran kos projek tersebut?
- c) Sila nyatakan apakah punca utama yang menyebabkan kerja-kerja pembinaan projek tersebut tergendala buat seketika?

JAWAPAN:

- a) PKNS buat masa kini telah pun melantik kontraktor baru yang mana tarikh penyerahan tapak telah dibuat pada 5 September 2013. Sehingga 1 November 2013, kemajuan di tapak adalah 5% (sebenar) dan 3% (sasaran). Ini telah menunjukkan peningkatan kemajuan di tapak yang mana ianya telah melebihi sasaran.
- b) Kontraktor yang telah dilantik adalah CONLAY CONSTRUCTION SDN BHD dan anggaran kos projek adalah RM160,443,319.34.
- c) Perkara-perkara yang dikenal pasti menyumbang kepada kelewatan kerja ditapak.

No.	Perkara	Catitan
1.	Kegagalan mematuhi kehendak Quality Safety, Health and Environment (QSHE) serta pengurusan tapak yang tidak teratur, menyumbang kepada kelewatan Keseluruhan kerja-kerja di tapak termasuk kemerosotan kebersihan di sekitar tapak binaan.	<ul style="list-style-type: none">- Laporan APP-003 telah dikeluarkan, tiada tindakan diambil berkenaan isu air takungan dan lumut di 'lower ground floor'. Perunding GBI telah mengingatkan supaya tindakan segera diambil memandangkan keadaan semakin kritikal.- Operator kren tidak mengenakan peralatan keselamatan serta pakaian yang sesuai semasa berada di atas 'tower crane' boleh menyumbang kepada kemalangan dan dikenakan tindakan oleh JKKP.

		<ul style="list-style-type: none"> - Pekerja masih tidak sepenuhnya mempunyai kad hijau CIDB bagi membolehkan mereka berada atau bekerja di tapak bina.
2.	<p>Kelewatan mengemukakan kelulusan bahan binaan dan 'Method of Statement' secara progresif menunjukkan kegagalan dalam merancang sehingga menyumbang kepada kelewatan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Pengiraan reka bentuk dan 'work method statement' untuk 'Multiform Formwork System' masih belum dikemukakan kepada perunding ARUP dan Neapoli Sdn. Bhd. untuk tujuan kelulusan. - Masih belum mengemukakan 'hardscape material' bagi kerja-kerja landskap untuk tujuan kelulusan. - Bahan binaan untuk kelulusan arkitek masih tidak dikemukakan.
3.	<p>Kelewatan mengemukakan kelulusan bahan binaan dan 'Method of Statement' secara progresif menunjukkan kegagalan dalam merancang sehingga menyumbang kepada kelewatan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Masih belum mengemukakan cadangan alternatif untuk kerja-kerja keluli dan perincian penyambungan struktur jambatan sepertimana yang telah dipersetujui. - Tempat penyimpanan sampel bahan binaan untuk tujuan kelulusan dan rujukan masih tidak disediakan dengan sempurna

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : KESELAMATAN

235. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah keberkesanan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan negeri untuk menangani ancaman jenayah? Sila sokong dengan statistik.
- b) Apakah usaha baru kerajaan untuk menangani ancaman jenayah yang semakin berleluasa?

JAWAPAN:

- a) Melalui program Bandar selamat yang telah dijalankan didapati indeks jenayah bagi kawasan PBT ada penurunan bermula pada tahun 2009 sehingga 2013 walaupun tidak di semua tempat tetapi terkawal. Ini dapat dilihat melalui indeks Jenayah yang dilaporkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat yang diadakan setiap bulan di PBT masing-masing. Mulai tahun 2007, Pelaksanaan Program Bandar Selamat di bawah program NKRA diperluaskan kepada semua PBT termasuk Majlis Daerah. Semua PBT di Negeri Selangor telah menjadikan Program Bandar Selamat sebagai Agenda Tetap di dalam Mesyuarat Penuh PBT.

Kerajaan Negeri bersama pihak PDRM menjadi ahli di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Program Bandar Selamat peringkat PBT. Antara perkara yang dibincangkan ialah pelaporan secara berkala mengenai kadar jenayah indeks dan jenayah jalanan di peringkat PBT masing-masing di mana data diperolehi daripada pihak PDRM. Peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan untuk pemasangan langkah segera program bandar selamat (pengasingan laluan pejalan kaki, papan tanda, pencahayaan, TLM berkunci dan cermin keselamatan) telah memberi impak pengurangan jenayah jalanan dan harta benda. Selain itu, penduduk telah mula sedar kepentingan penjagaan persekitaran tempat tinggal melalui penubuhan rukun tetangga dan pemasangan CCTV bagi mengurangkan jenayah dari berlaku.

- b) Usaha baru Kerajaan Negeri adalah untuk merancang menambah bilangan CCTV sedia di lokasi yang bersesuaian. Selain itu, satu perjumpaan telah diadakan bersama syarikat perbankan dan persatuan bagi jenis perniagaan berisiko tinggi berlaku jenayah seperti kedai emas, pengurup wang dan pajak gadai yang beroperasi di Negeri Selangor. Perjumpaan ini merupakan langkah awal bagi menggalakkan pihak swasta memasang CCTV di luar premis perniagaan mereka.

Selain itu, usaha berterusan telah dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan contohnya Majlis Perbandaran Klang telah menerapkan CPTED (reka bentuk bandar selamat) dalam permohonan pembangunan di Klang yang dimasukkan dalam syarat kelulusan pelan pembangunan. Ini bagi mengurangkan jenayah dari berlaku di kawasan kediaman.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : PENYEBARAN SYIAH

236. Jabatan Agama Islam (JAIS) telah menyerbu ke sebuah premis di Pusat Bandar Sri Gombak yang dipercayai menyebarkan ajaran Syiah berdasarkan bukti-bukti penemuan berkaitan fahaman tersebut.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah tahap penyebaran Syiah di Selangor?
- b) Nyatakan statistik tangkapan dan operasi yang mereka terlibat dari Tahun 2008 - 2013?
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak berkuasa agama dalam menangani ajaran ini?

JAWAPAN:

- a) Pengikut-pengikut Syiah di Selangor telah dilihat semakin berkembang berbanding ketika fatwa mengenai Syiah itu dibuat. Antara faktor perkembangan fahaman Syiah adalah kesan kemasukan pelajar-pelajar luar daripada Iran khususnya, faktor keluarga dan faktor ciri-ciri ajaran itu sendiri yang dilihat mudah. Jabatan Agama Islam Selangor telah mengenal pasti beberapa lokasi yang menjadi aktiviti kumpulan ini antaranya di Bandar Sri Gombak, Ukay Perdana dan Klang. Lokasi-lokasi ini sentiasa dalam pemerhatian dan pemantauan penguat kuasa Jabatan Agama Islam Selangor.
- b) Jabatan Agama Islam Selangor telah melaksanakan 3 operasi bagi menyekat fahaman syiah dari Tahun 2008 – 2013. Jumlah tangkapan yang terlibat adalah seperti berikut:-

Bil	Tahun	Tangkapan
1	Disember 2010	135
2	April 2011	Tiada (Pencegahan)
3	Mei 2012	Tiada (Pencegahan)
4	November 2012	118
5	Oktober 2013	Tiada

Walau bagaimanapun, pemantauan secara berkala oleh anggota penguat kuasa di daerah sentiasa dilakukan di lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti.

- c) Jabatan Agama Islam Selangor sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi lain khususnya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Dalam Negeri dan pihak Polis dalam menjalankan usaha-usaha pencegahan dan penguatkuasaan bagi membendung penularan fahaman ini. Masjid-masjid di Selangor telah diarahkan membaca khutbah berhubung bahaya ancaman syiah selain beberapa siri seperti ceramah, seminar dan konvensyen telah dibuat kepada semua lapisan masyarakat. Risalah tentang bahaya Syiah juga telah di terbit dan diedarkan bagi memberi lebih kefahaman kepada orang ramai. Jabatan Agama Islam juga telah mengadakan beberapa siri perbincangan dan dialog bersama pemimpin kumpulan Syiah, namun usaha tersebut dilihat gagal apabila mereka sebenarnya tidak jujur untuk berbincang. Di samping itu, penguatkuasaan terus dijalankan melalui waran geledah yang diperolehi daripada pihak mahkamah. Bagi terus membendung fahaman ini, pindaan terhadap sughah fatwa telah diperbincangkan dan akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(GOMBAK SETIA)**

TAJUK : KECERUNAN BUKIT YANG BERHAMPIRAN DENGAN KAWASAN PERUMAHAN

237. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan kerajaan untuk mengatasi masalah *Temporary Certificate of Fitness* (TCF) dan *Certificate of Fitness* (CF) yang tidak dapat dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kerana terdapat kecerunan bukit yang runcing berhampiran dengan tapak perumahan seperti kesnya di Desa Gemilang dan Bukit Permata, Gombak yang masih gagal memperoleh TCF antaranya sejak dari 2007?

JAWAPAN:

- a) Fail berkaitan : 04/3/8/832 (RT)

Pemaju : Koperasi Kakitangan Malaysia Airport Berhad (KOMAB)

Cadangan Perumahan Membina 244 Unit Rumah Teres 2 Tingkat (20' x 70') Dan 1 Unit Pencawang Elektrik Di Atas Lot.4978, 4980, Dan 4981, Kampung Sg. Pusu, Mukim Setapak, Daerah Gombak, Majlis Perbandaran Selayang.

Bagi penyelesaian isu 'Temporary Certificate of Fitness' (TCF) di Taman Desa Gemilang, terdapat beberapa perkara yang perlu diselesaikan oleh pemaju bagi isu cerun terlebih dahulu. Merujuk kepada surat dari Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) pihak pemaju perlu menjalankan kaedah penstabilan cerun menggunakan 'Soil Nailing' pada '3 berm' di bahagian atas cerun. Sijil kelayakan Menduduki Tetap hanya akan dikeluarkan setelah arahan kerajaan negeri ini dipatuhi dan diperakui oleh Majlis Perbandaran Selayang.

Selain itu, Mesyuarat EXCO MTES yang telah bersidang pada 01 April 2008 juga telah bersetuju agar pemaju mengemukakan semula cadangan cerun kepada Jabatan Mineral & Geosains dan IKRAM untuk semakan semula.

Pemaju juga perlu mengemukakan surat aku janji dari Juru perunding bertauliah bagi memperakui cerun di tapak pembangunan adalah selamat dan akan bertanggungjawab ke atas projek ini.

Setelah isu berkaitan cerun selesai, maka pemaju perlu mendapatkan ulasan dan sokongan IWK berserta 'Bank Gurantee', sokongan Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Perancang, Majlis Perbandaran Selayang untuk Sijil Kelayakan Menduduki tetap ini dapat dikeluarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

TAJUK : PROJEK-PROJEK TERBENGKALAI DI DUN TERATAI

238. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah sasaran Kerajaan Negeri dalam menangani masalah projek-projek terbengkalai di DUN Teratai yang membawa isu ekonomi dan sosial kepada penduduk-penduduk setempat dalam tahun 2014
- b) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri akan lakukan dalam tahun 2014- untuk menyelesaikan masalah projek-projek terbengkalai di DUN Teratai?

JAWAPAN:

- a) Soalan (a) dan (b) akan dijawab bersekali

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat hanya satu projek terbengkalai yang dikenal pasti di DUN Teratai yang terbengkalai iaitu Nusa Mewah Villa Kondominium yang dibangunkan oleh Tetuan Mudi Angkasa Development Sdn Bhd. Projek ini merupakan projek yang telah didaftarkan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan no. lesen pemajuan: 8255/06-2006/718 dan di bawah pemantauan KPKT.

Pembangunan projek ini melibatkan pembinaan dua (2) blok Kondominium 15 tingkat sebanyak 360 unit rumah dengan harga jualan RM132,000.00 seunit dan semua unit telah terjual. Berdasarkan perjanjian jual-beli yang ditandatangani pembeli pada tahun 2001, tempoh siap pembinaan adalah selama 36 bulan daripada tarikh perjanjian yang mana sepatutnya siap pada pertengahan tahun 2004. Namun demikian, projek ini tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual pembangunan yang dirancang disebabkan oleh kenaikan kos pembinaan. Walau bagaimanapun pada 13 Mac 2008, Mahkamah Tinggi telah mengenakan perintah penggulungan ke atas pemaju Mudi Angkasa Development Sdn Bhd dan melantik Ferrier Hodgson MH Sdn Bhd sebagai pelikuidasi (liquidator).

Bagi membolehkan projek ini dipulihkan semula, pelikuidasi telah mendapat persetujuan daripada Mahkamah untuk melantik pemaju penyelamat iaitu Kamuja Corporation Sdn. Bhd. dengan kos pemulihan keseluruhan sebanyak RM25 juta. Sehubungan dengan itu, pembeli telah ditawarkan 2 pilihan sama ada berminat untuk meneruskan pembinaan dengan dikenakan kos tambahan (top up) sebanyak RM30,700 atau melepaskan unit mereka dengan menerima bayaran balik amaun yang telah dibayar selepas projek siap dengan Sijil Layak Menduduki. Berdasarkan mesyuarat pada 7 November 2013 di KPKT, kemajuan

fizikal bangunan telah mencapai 100% siap manakala kerja infra di tapak masih belum dibina. Walau bagaimanapun, pemaju dalam proses mendapatkan kelulusan dan sokongan daripada jabatan teknikal seperti SYABAS, Tenaga Nasional Berhad, Indah Water Konsortium, BOMBA dan TELEKOM. Pemaju menjangkakan projek ini dapat disiapkan dengan Sijil Layak Menduduki pada 16 Disember 2013.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : KESESAKAN LALU LINTAS

239. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah kerajaan Selangor menangani masalah kesesakan lalu lintas dari B48 (Simpang Enstek) ke Bandar Sepang yang semakin mendesak?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor berhasrat untuk menaik taraf Jalan B48 dari Simpang Empat Enstek ke Pekan Sepang Lama, Daerah Sepang di bawah Peruntukkan Pembangunan Negeri (P12). Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor dalam proses membuat lantikan perunding bagi projek tersebut. Reka bentuk bagi projek ini dijangka akan bermula pada tahun 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(DENGKIL)**

**TAJUK : ISU HAK MILIK TANAH SELUAS 83 EKAR DI KAMPUNG SRI TANJUNG,
DENGKIL**

240. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status terkini kelulusan hak milik tanah kepada penduduk di kawasan tersebut?
- b) Berapakah keluasan tanah untuk setiap permohonan dan apakah prasyarat utama untuk kelulusan permohonan?
- c) Berapakah jumlah keseluruhan permohonan ini dan berapa ramai anak tempatan yang meneroka kawasan ini diberikan keutamaan untuk diberi hak milik tanah?

JAWAPAN:

- a) Permohonan tersebut dalam penyediaan pelan terakhir dan perakuan semula panel temu duga sebelum diangkat untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
- b)
 - i) Keluasan tanah adalah lebih kurang 0.7 ekar sehingga 1 ekar bagi setiap permohonan mengikut tapak yang diusahakan.
 - ii) Syarat-syarat adalah mengikut Pekeliling PTGS Bil. 6/2011 dan di antara pra-syarat utama ialah :-
 - menduduki / mengusahakan tanah melebihi 5 tahun
 - pengusaha / waris pengusaha perlu kemukakan bukti
- c) Jumlah keseluruhan permohonan adalah sebanyak 54 permohonan dan peneroka/pengusaha asal tanah yang diberi keutamaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : KITAR SEMULA SISA MINYAK MASAK

241. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah dasar kerajaan dalam merakyatkan program kitar semula sisa minyak masak?
- b) Apakah prestasi komuniti-komuniti yang terlibat dalam program ini?
- c) Apakah peranan dan insentif yang disediakan oleh agensi-agensi kerajaan bagi membantu komuniti untuk menjayakan program ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri masih belum mempunyai dasar dalam merakyatkan program kitar semula sisa minyak masak. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa mendokong program kitar semula sisa minyak masak melalui Program Kerjasama Pintar. Program Kerjasama Pintar ini merupakan program berterusan sepanjang tahun yang dilaksanakan bersama Pihak Berkuasa Tempatan (Local Agenda 21), pihak komuniti (NGOs) dengan sokongan pemimpin tempatan bagi membantu LUAS dalam memulihara sumber air, lembangan sungai dan perairan pantai khusus daripada pencemaran yang berpunca daripada sisa minyak masak dari kawasan perumahan, restoran, gerai-gerai makan dan pasar malam. Objektif program adalah dengan mempergiatkan Kempen Kitar Semula Sisa Minyak Masak melalui inisiatif Kerjasama Pintar antara LUAS, komuniti dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengawal punca pencemaran bersebaran (*Non Point Sources*) daripada sumber asalnya iaitu kawasan perumahan, restoran, gerai dan pasar malam. Ini dapat mewujudkan kesedaran dan penyertaan komuniti tentang pentingnya memulihara sumber air serta bersama-sama menjaga dan meningkatkan kualitinya. Khusus kepada komuniti yang berada di Lembah Klang, kempen ini membantu usaha Kerajaan Negeri dalam Program Pembersihan dan Pengindahan Sungai Klang yang sedang dilaksanakan. Selain itu, melalui program ini dapat menyebarkan pengetahuan kepada masyarakat bahawa sisa minyak masak boleh di kitar semula untuk dijadikan bahan berguna seperti minyak *bio-diesel* yang lebih mesra alam dan menjadi sumber tenaga alternatif pada masa akan datang. Konsep "*Waste to Wealth*" turut dapat dipromosikan di mana komuniti akan dapat menjana pendapatan dari program kitar semula ini dan dimanfaatkan untuk aktiviti-aktiviti kemasyarakatan.

- (b) Prestasi komuniti yang terlibat adalah baik contohnya di kawasan Klang terdapat 4 kumpulan *river ranger* yang dilatih untuk mengendalikan kutipan minyak masak dan menjual sisa minyak masak kepada Syarikat Kris Biofuel yang mengitar sisa minyak masak menjadi *bio-diesel*. Selain itu, sisa minyak masak ini juga di kitar semula menjadi lilin dan sabun. Sehingga Oktober 2013, prestasi kumpulan ini amat menggalakkan dan mendapat maklum balas yang baik dari peniaga premis makanan di sekitar pusat bandar Klang.

- (c) Peranan dan insentif oleh agensi-agensi kerajaan bagi membantu komuniti untuk menjayakan program ini adalah dengan memberi hebahan kepentingan kitar semula sisa minyak masak melalui ceramah, pameran dan risalah kepada pengusaha premis di restoran, pasar malam dan kawasan kediaman. Menganjurkan kempen-kempen dan pertandingan serta bantuan pemberian tong-tong untuk mengumpulkan minyak masak yang terpakai kepada komuniti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : BANJIR

242. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah penyelesaian kepada masalah banjir yang kerap di Jalan 1/2 & Jalan 1/3 Petaling Jaya?
- b) Bilakah tindakan penyelesaian dijangka akan bermula dan siap?

JAWAPAN:

- a) i) Bagi lokasi di Jalan 1/2, Majlis telah memperuntukkan bajet pembangunan bernilai RM 1 Juta bagi kerja-kerja menaik taraf sistem saliran bersebelahan dengan rizab KTM pada tahun 2014.

Manakala bagi lokasi Jalan 1/3 punca banjir disebabkan oleh aliran air dari atas jalan dari Jalan Gasing dan Bulatan Othman mengalir ke kawasan berkenaan. Pihak Majlis telah melantik kontraktor bagi menaik taraf Bulatan Othman kepada Persimpangan Berlampu Isyarat yang juga turut mengambil kira pembinaan 'Cut Of Drain' di Simpang yang menghala ke jalan berkenaan.

- b) i) Jalan 1/2 - Kerja-kerja dijangka akan dimulakan pada Bulan Mac 2014 dan dijangka siap pada bulan September
- ii) Jalan 1/3 - Serah tapak telah dibuat pada 24 Oktober 2013 dan tempoh pembinaan adalah selama 10 bulan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELUK DATOK)**

TAJUK : PENEMPATAN SEMULA KUIL HINDU/ TOKONG CINA

243. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah dasar terkini penempatan semula Kuil Hindu, Tokong Cina, Persatuan Penduduk dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang telah didaftarkan di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan yang mana struktur premis dibina dan menduduki di atas tanah milik Kerajaan.
- i) Adakah Kerajaan Negeri bersetuju untuk mengeluarkan Lesen Menduduki Sementara (T.O.L) kepada Persatuan / Pertubuhan tersebut?
- ii) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan tapak baru untuk menempatkan Persatuan / Pertubuhan?
- iii) Sila menyatakan jumlah wang, maklumat-maklumat penerima dari tahun 2008 sehingga bulan Oktober 2013 di DUN Telok Datok.

JAWAPAN:

- a) i) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bermula pada tahun 2013, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor telah mengeluarkan arahan dan pekeliling berhubung pengeluaran Lesen Pendudukan Sementara (LPS) di mana LPS hanya boleh dikeluarkan bagi maksud kegunaan Pondok Pengawal (Pekeliling PTG Bil 1/2013), bagi tujuan Papan Iklan (Pekeliling PTG Bil 2/2013) dan bagi tujuan kediaman di atas tanah kerajaan (Arahan Pengarah PTG Bil 3/2013)
- ii) Buat masa ini, Kerajaan Negeri melalui PBT di seluruh Negeri Selangor telah mensyaratkan setiap pemajuan pembangunan diwajibkan untuk menyediakan tapak bagi kegunaan keagamaan. Selain itu, bagi rumah-rumah ibadat yang terlibat di dalam projek-projek pembangunan, pihak pemaju disyaratkan untuk menyediakan tapak gentian kepada rumah ibadat yang terlibat dan seterusnya pihak pemaju hendaklah menyerahkan tanah tersebut kepada kerajaan bagi tujuan pewartaan tanah untuk rumah ibadat yang terlibat.
- iii) Berikut adalah maklumat penerima yang telah menerima peruntukan rumah ibadat selain Islam dari tempoh 2008-2013 di DUN Telok Datok.

NAMA PEMOHON	LOKASI	NO PENDAFTARAN	JUMLAH BANTUAN (RM)
Kuil Subramaniar	Telok Datok	3680-85-SEL	10,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : RETREAT EXCO SELANGOR

244. Kerajaan negeri Selangor dikatakan telah mengadakan retreat di Kota Bangkok

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apa rasionalnya retreat ini diadakan di luar negara?
- b) Berapakah jumlah kos perbelanjaan keseluruhan yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Retreat EXCO 2013 telah diadakan pada 18-20 September, 2013 di Centara Grand Hotel, Bangkok, Thailand. Tujuan utama retreat tersebut diadakan adalah untuk membincangkan cadangan pihak Centara Group untuk melabur di I-City Selangor dengan nilai pelaburan sebanyak RM500 juta. Kelangsungan tersebut, beberapa siri aktiviti telah diadakan iaitu:
 - i) Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil. 28/2013
 - ii) Perincian pelaksanaan Manifesto PRU-13
- b) Kos bagi retreat tersebut adalah sebanyak RM146,360.00 dengan menggunakan perkhidmatan penerbangan Air Asia sebagai langkah penjimatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PELABURAN

245. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Siapakah pelabur asing (Foreign Direct Investment) yang melabur di Negeri Selangor selain dari Negara China?
- b) Di sektor manakah yang paling tinggi pelaburannya?
- c) Nyatakan jumlah keuntungan hasil pelaburan bagi tahun 2012 sehingga kini.

JAWAPAN:

- a) Senarai penyertaan pelabur-pelabur asing mengikut Negara dalam projek-projek perkilangan yang diluluskan di Negeri Selangor bagi tempoh 2012 hingga Ogos, 2013 adalah seperti berikut:-

Negara	Projek	Peluang Pekerjaan	Modal Pelaburan (RM)	RM Bilion
China	12	2,127	1,357,285,524	1.357
Singapore	33	3,210	1,294,677,510	1.295
Germany	10	520	381,815,828	0.382
Switzerland	6	326	299,544,945	0.300
Japan	34	2,180	274,865,786	0.275
Thailand	5	449	226,652,056	0.227
India	9	433	181,152,143	0.181
Netherlands	5	263	116,760,064	0.117
United Kingdom	6	1,150	95,697,139	0.096
France	3	269	82,782,788	0.083
Iran	1	195	71,700,000	0.072
Belgium	1	45	62,895,168	0.063
Australia	5	245	51,653,126	0.052
British Virgin Islands	3	112	45,511,000	0.046
Italy	5	151	44,408,779	0.044
Denmark	2	109	40,064,901	0.040
Syria	1	21	31,600,000	0.032
Taiwan	4	172	30,750,542	0.031
Korea, Rep.	4	185	27,635,261	0.028
Indonesia	3	93	13,681,997	0.014
United States	4	83	13,505,165	0.014

Negara	Projek	Peluang Pekerjaan	Modal Pelaburan (RM)	RM Bilion
Hong Kong	2	43	9,051,165	0.009
Austria	1	56	8,862,900	0.009
Pakistan	3	206	6,282,150	0.006
Lebanon	1	56	4,433,000	0.004
Saudi Arabia	1	13	2,021,433	0.002
Afghanistan	1	92	1,344,000	0.001
New Zealand	1	50	645,799	645 ribu
Lain-lain Negara	32	4,058	799,757,933	0.800
Jumlah	198	16,912	5,577,038,102	5.577

Sumber : MIDA

- b) Merujuk kepada jadual projek perkilangan yang diluluskan di Negeri Selangor bagi tempoh tahun 2012 hingga Ogos 2013, statistik menunjukkan **Industri Pembuatan Barangan Elektrik Dan Elektronik** mencatatkan **penglibatan pelabur asing tertinggi** dengan nilai modal pelaburan berjumlah **RM 1,628,993,367 (RM 1.629 bilion)**

Industri	Projek	Peluang Pekerjaan	Modal Pelaburan Asing (RM)
Electronics & Electrical Products	41	3,483	1,628,993,367
Transport Equipment	63	8,491	931,530,751
Food Manufacturing	33	3,624	574,190,147
Chemical & Chemical Products	29	842	414,954,572
Machinery & Equipment	51	2,966	394,899,587
Paper, Printing & Publishing	12	1,195	331,887,573
Plastic Products	36	2,206	280,597,020
Basic Metal Products	21	1,211	275,459,717
Beverages & Tobacco	2	876	220,563,301
Fabricated Metal Products	30	1,697	127,380,172
Petroleum Products (Inc. Petrochemicals)	6	523	124,772,518
Rubber Products	13	1,786	83,358,773
Textiles & Textile Products	10	544	61,756,915
Scientific & Measuring Equipment	12	1,754	47,173,398

Wood & Wood Products	12	608	36,554,476
Non-Metallic Mineral Products	9	330	25,516,615
Furniture & Fixtures	11	779	17,449,200
Leather & Leather Products	1	12	0
Jumlah	392	32,927	5,577,038,102

Sumber : MIDA

- c) Pihak Kerajaan Negeri tiada mempunyai maklumat berkenaan jumlah keuntungan hasil daripada aktiviti pelaburan syarikat-syarikat tersebut.

Berdasarkan aktiviti pelaburan yang dilakukan, Kerajaan Negeri hanya mendapat hasil dari segi bayaran premium pembangunan, cukai tanah dan juga cukai taksiran oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Manakala hasil cukai pendapatan syarikat pula diterima oleh pihak Kerajaan Persekutuan.

Walaupun hasil dalam bentuk kewangan tidak begitu besar, namun Kerajaan Negeri Selangor mendapat faedah dari segi peluang pekerjaan, pembangunan ekonomi yang pesat, kemajuan dari segi teknologi serta pertumbuhan aktiviti ekonomi sokongan dan hiliran seperti pertambahan permintaan untuk kediaman, sektor peruncitan, pengangkutan, pergudangan dan logistik, pendidikan, pelancongan, institusi perbankan dan lain-lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(BALAKONG)**

TAJUK : MENAIK TARAF SISTEM PERPARITAN DI KAWASAN BATU 11 CHERAS

246. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perkembangan terkini berkenaan usaha menaik taraf sistem perparitan di kawasan Batu 11 Cheras bagi menyelesaikan masalah banjir kilat berikutan cadangan pihak perunding yang telah dihantar ke pejabat EXCO sebelum ini?

JAWAPAN:

- a) Permohonan peruntukan telah dipohon kepada Geran Selangorku anggaran sebanyak RM1.5 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PUSAT DIALISIS RAKYAT (PDR)

247. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan kos pembinaan dan pengurusan setiap Pusat Dialisis Rakyat (PDR) yang telah diwujudkan oleh Kerajaan Negeri sejak 2008;
- b) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri yang telah dan akan diambil untuk membantu pesakit dialisis selain daripada mewujudkan PDR?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri tidak menanggung sebarang kos bagi penubuhan PDR. Walau bagaimanapun, penubuhan PDR dan segala kos pembinaan dan Pengurusan ditanggung beberapa entiti termasuk pihak swasta. Anggaran kos ubahsuai bagi setiap PDR tidak kurang daripada RM200,000.00 (termasuk sistem *Reverse Osmosis (RO)* dan peralatan *water treatment*). Manakala bagi kos mesin hemodialisis adalah sebanyak RM 45,000.00 bagi setiap mesin.
- b) Selain daripada mewujudkan PDR, Kerajaan Negeri juga menyediakan bantuan pembiayaan kos rawatan dialisis di Pusat-pusat Hemodialisis secara '*one off*' RM 2,000 setahun sahaja melalui Program Bantuan Kesihatan Rakyat Negeri Selangor. Ini bagi membantu mereka yang mempunyai masalah pengangkutan untuk ke PDR yang jauh dari tempat tinggal dan ketiadaan PDR di kawasan mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : YAYASAN SELANGOR

248. Kerajaan Negeri telah menjual bangunan Asrama Yayasan Kuala Lumpur di Kg Pandan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Yayasan Selangor masih melaksanakan dasar pengambilan pelajar-pelajar lepasan UPSR untuk ditempatkan di Asrama Yayasan Selangor.
- b) Jika ada, berapakah jumlah pelajar-pelajar berkenaan dan di mana mereka ditempatkan?
- c) Apakah kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada pelajar tersebut?

JAWAPAN:

- a) Yayasan Selangor tidak menjual Asrama Yayasan Selangor Kuala Lumpur di Jalan Kg. Pandan. Tapak Asrama Yayasan Selangor Kuala Lumpur itu akan dimajukan seiring dengan pembangunan di kawasan sekitar dan sebagai gantinya akan dibina sebuah Sekolah Berasrama Penuh (SBP) yang mampu menempatkan 1,000 orang pelajar berbanding 400 orang pelajar yang ditempatkan di AYSKL. Pelajar-pelajar AYSKL yang bersekolah di sekitar Petaling Jaya terpaksa berulang alik setiap hari dari Jalan Kg. Pandan menyebabkan pelajar kepenatan dan banyak masa terbuang di atas jalan raya yang kebiasaannya mengalami kesesakan trafik yang teruk. Pelajar sesi petang mengalami situasi yang lebih buruk kerana terlepas waktu solat Maghrib dan terpaksa berbuka puasa di dalam bas ketika bulan Ramadhan. Kos diesel dan kos penyelenggaraan bas juga meningkat dan membebankan Yayasan Selangor.

Kita perlu melihat akan kepentingan dan keselesaan pelajar di mana Asrama Yayasan Selangor Kuala Lumpur sudah tidak sesuai dan kondusif untuk pelajar tinggal. Sebelum ini, beberapa sekolah di Kuala Lumpur turut dipindahkan ke lokasi yang lebih sesuai dan tapak lama sekolah telah dimajukan. Contoh sekolah-sekolah yang telah dipindahkan ialah: 1) Bukit Bintang Girls School di Bukit Bintang telah dipindahkan ke Cheras. Tapaknya telah dibina pusat membeli-belah Pavillion. 2) Sekolah Sri Putri di Jalan Kolam Air telah dipindahkan ke kawasan yang lebih kondusif dan sesuai di Cyberjaya 3) SMK St. Mary telah dipindahkan dari Jalan Ampang ke Taman Selayang Utama bersebelahan Lebuhraya MRR2. Tapak lama sekolah yang terletak di Segi tiga

Emas Kuala Lumpur telah dibangunkan dengan pembinaan servis apartment. Dari segi sejarah pula, keputusan perpindahan Asrama Tun Dr. Ismail dari Persiaran Gurney ke Jalan Kg. Pandan dengan memberi laluan kepada AKLEH telah membuktikan keputusan untuk membangunkan semula Kg. Pandan adalah merupakan satu keputusan yang tepat, bijak dan wajar.

Yayasan Selangor masih melaksanakan dasar pengambilan pelajar lepasan UPSR untuk ditempatkan di Asrama Yayasan Selangor Klang dan Asrama Yayasan Selangor Sabak Bernam. Kuota yang diperuntukkan untuk kedua-dua asrama ialah 165 orang bagi pengambilan Tingkatan 1/2014.

- b) Bilangan pelajar Tingkatan 1/2014 akan ditempatkan pada tahun 2014 adalah seramai 165 orang dengan pecahan 135 di Asrama Yayasan Selangor Klang dan 30 orang di Asrama Yayasan Selangor Sabak Bernam.
- c) Pelajar-pelajar tajaan Yayasan Selangor diberikan kemudahan biasiswa, kelas bimbingan, bengkel dan seminar akademik dan non-akademik, program jati diri dan pembangunan sahsiah dan "lawatan kecemerlangan".

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : TANAMAN HERBA RAKYAT

249. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah dasar kerajaan terhadap penanaman herba bagi perubatan alternatif di kalangan rakyat?
- b) Apakah program dan insentif kerajaan dalam merakyatkan penanaman herba?
- c) Apakah program yang dirancang untuk memperkenalkan khasiat herba sebagai pencegahan penyakit dan perubatan?

JAWAPAN:

- a) Ketika ini, PKPS tidak terlibat dalam aktiviti penanaman herba.
- b) Ketika ini, PKPS tidak terlibat dalam aktiviti penanaman herba. Maka itu, PKPS tidak menyediakan program dan insentif bagi tanaman tersebut.
- c) Ketika ini, PKPS tidak terlibat dalam aktiviti penanaman herba.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(KINRARA)**

TAJUK : KES KEMALANGAN PEMBINAAN LRT

250. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan berapa kes kemalangan yang dilaporkan dari pembinaan LRT "Kelana line dan Ampang line"
- b) Sila nyatakan jenis kes kemalangan yang dilaporkan dari pembinaan LRT "Kelana line dan Ampang line"
- c) Apakah langkah yang telah diambil untuk memastikan kemalangan tapak kerja LRT tidak mengulang lagi?

JAWAPAN:

- a) Kes Kemalangan yang dilaporkan dari pembinaan LRT sehingga Oktober 2013:

Bil.	Laluan Kelana Jaya (KLJ)	Laluan Ampang (AMG)	Jumlah
1.	USJ 2, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor	Tiada	1

- b) Jenis Kes Kemalangan yang berlaku di Laluan Kelana Jaya, iaitu berhadapan KESAS (USJ2) adalah Kren Patah dan menghempap kereta yang diletakkan di bahu jalan hadapan rumah penduduk di USJ 2/3.
- c) MPSJ telah mengadakan lawatan tapak dan mesyuarat secara berkala dengan Pihak Syarikat Prasarana Negara Berhad serta mematuhi syarat-syarat MPSJ dan DOHC.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PEMBANGUNAN BANDARAYA SHAH ALAM

251. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan Bandaraya Shah Alam dalam tempoh 5 tahun akan datang?
- b) Sila senaraikan butiran terperinci mengenai jumlah tanah milik Kerajaan Negeri, anak syarikat dan GLC di seluruh Bandaraya Shah Alam?
- c) Sila kemukakan apakah kekangan yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri dalam usaha membangunkan Bandaraya Shah Alam sebagai Ibu kota kosmopolitan yang moden, canggih, selesa dan selamat?

JAWAPAN:

- a) Perancangan MBSA untuk membangunkan Bandaraya Shah Alam dalam tempoh 5 tahun akan datang dengan memberi tumpuan untuk memperkasakan MBSA demi kesejahteraan warga Shah Alam melalui 6 teras:-
 - i) Menyediakan kehidupan yang sejahtera dan kondusif;
 - ii) PBT memainkan peranan penting dalam memastikan segala perancangan dan perkhidmatan yang diberikan kepada komuniti shah alam mencapai tahap terbaik;
 - iii) Penting untuk memberi perhatian / peka terhadap semua aduan masyarakat;
 - iv) Masyarakat dan pelbagai "Stake Holders" sebagai pelanggan / rakan kongsi – untuk mencapai satu persekitaran kehidupan bandar yang selesa dan mesra komuniti serta berkualiti.
 - v) Menyokong aspirasi kerajaan dengan mengutamakan sistem penyampaian melalui penambah baikkan dalam sistem perkhidmatan awam ke arah yang lebih tersusun dan efisien bagi melahirkan budaya kerja berintegriti dan cemerlang
 - vi) Rondaan keselamatan bersama Polis Diraja Malaysia demi menjamin kebahagiaan dan ketenteraman masyarakat Shah Alam.

(i) STRATEGI 1 - MEMPERKASA FUNGSI DAN PERANAN JABATAN / BAHAGIAN / CAWANGAN MBSA

Cadangan mengisi senarai perjawatan tahun 2014 bagi Majlis Bandaraya Shah Alam adalah bertujuan untuk menyediakan satu jumlah kakitangan yang optimum dan menyeluruh dalam memperkasakan sistem

penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat dengan lebih berkualiti, konsisten dan berkesan yang berasaskan kepada pertimbangan seperti perkara-perkara berikut:

- a) **Memperkasakan** perjawatan Majlis melalui penyelarasan semula fungsi dan struktur organisasi dalaman;
- b) Menerapkan konsep **multitasking** di mana kakitangan boleh menjalankan pelbagai tugas yang diarahkan dan bukan hanya boleh atau mahir dalam satu tugas sahaja;
- c) **Meningkatkan sistem penyampaian** perkhidmatan dengan mewujudkan sistem bekerja secara **giliran masa (shift)**;
- d) **Merealisasikan Dasar Kerajaan Negeri** untuk mencapai sasaran 30% kerja-kerja perkhidmatan pembersihan awam dilaksanakan secara dalaman (*in-house*) menjelang tahun 2016. Ini bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan kepada kontraktor dan menambah kakitangan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

(ii) STRATEGI 2 - PENGURUSAN KEWANGAN

- a) Dasar “Value For Money” Termasuk Dasar Harga Terendah Bagi Semua Tender Terbuka Serta Mengurangkan Penguasaan Kelas “Rentier” Melalui Pelantikan “Owner Operator”;
- b) Pemantauan dan audit terhadap prestasi-prestasi Kontraktor Majlis dan semakan ke atas “Terms Of Reference” dalam kontrak-kontrak Majlis ;
- c) Pengauditan dan Kutipan Hutang-hutang dari Projek Penswastan);
- d) Kerja Undi bagi perolehan kerja bernilai RM 20,000 ke bawah
- e) Akauntabiliti / Kebertanggungjawaban - Perbelanjaan Diguna Dan Diurus Dengan Tertib;
- f) Proses Tender Terbuka / Sebut harga – Utamakan Harga Terendah;
- g) Aset Kekal MBSA – Penyediaan Inventori Dan Pengurusan;

(iii) STRATEGI 3 - PEMBANGUNAN MODAL INSAN

- a) Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan komitmen di kalangan pekerja dalam melaksanakan tugas-tugas seperti yang diarahkan dan mengelakkan berlakunya rasuah dan penyalahgunaan kuasa, Majlis akan memastikan semua kebajikan kakitangan akan berkenaan dan bersesuaian dengan keperluan dan tanggungjawab mereka.
- b) Latihan yang berkesan dan bersesuaian perlu ditekankan dan diberikan keutamaan untuk memastikan kecekapan kakitangan dalam tahap yang sangat baik.

(iv) **STRATEGI 4 - USAHA-USAHA PENINGKATAN HASIL MBSA**

- a) Cukai Taksiran
 - Insentif Bayaran Setahun, Operasi Turun Padang, Kaunter Bergerak, Notis, dll.
- b) Penguatkuasaan dan Operasi berjadual terhadap Lesen & Permit Perniagaan
- c) Kutipan Bayaran Caj Pemajuan
- d) Penyewaan Aset Majlis
- e) Penyewaan Tempat Letak Kereta Bermeter dan Khas – tambahan petak letak kereta baharu
- f) Kutipan Caruman Membantu Kadar

(v) **STRATEGI 5 – PEMBANGUNAN FIZIKAL**

a) **Perancangan dan Pembangunan Bandar**

Memastikan perancangan dan pembangunan Bandar Shah Alam mengambil kira keselamatan, keselesaan dan keharmonian dengan alam sekitar

- i. Garis panduan 'Crime Prevention Through Environmental Design'
- ii. Mengenal pasti Kawasan Hotspot dan Blackspot
- iii. Kawalan pembangunan di kawasan berbukit dan sensitif alam sekitar
- iv. Meningkatkan penyertaan penduduk melalui program LA21 dengan lebih berkesan

b) **Menaik taraf dan menyelenggara kemudahan sedia ada**

Bangunan kemudahan sedia ada (pasar, gerai, tadika dan dewan) yang dimiliki oleh Majlis akan dinaiktaraf dan di selenggara bagi memastikan bahawa penggunaannya dioptima untuk kemudahan penduduk tempatan.

c) **Pembangunan dan Pembinaan Kemudahan Awam**

MBSA juga telah mengenal pasti tapak untuk membangunkan dan membina bangunan-bangunan kemudahan awam untuk melengkapkan keperluan penduduk termasuklah bagi penyediaan bangunan berikut :

- i. Dewan Banquet Seksyen 13
- ii. Padang Bola Dan Rekreasi Untuk Penduduk Di Kawasan Kampung
- iii. Rumah Kasih Seksyen 7, Shah Alam

d) **Mengenalpasti dan meningkatkan fungsi taman awam**

- i. Taman Awam
 - peningkatan dan menaik taraf fungsinya sesuai dengan keperluan penduduk setempat
- ii. Taman Cergas
 - Pembangunan semula padang-padang permainan ini melibatkan:
 - Penyusunan semula kedudukan alatan-alatan di padang tersebut.
 - Penambahan alatan-alatan berikut ;-
 - Wakaf
 - Tempat duduk konkrit
 - “Outdoor Gym”
 - “Integrated Play Structure”
 - Lampu dengan kuasa solar
 - Kos pembangunan tidak melebihi RM50,000.00

e) **Meningkatkan dan menaiktaraf Sistem Pengangkutan Awam Sedia Ada**

- i. **‘Integrated Transport Terminal Hub’ untuk kawasan Utara Semenanjung Malaysia.**

MBSA akan mengenal pasti dan mengkaji penyediaan ITT Hub di pembangunan ‘Selangor Vision City’ dan pembangunan Elmina, Seksyen U16 yang akan menjadi pusat tumpuan utama dan ITT bagi utara Semenanjung Malaysia dengan keluasan lebih kurang 40 ekar. Terminal ini juga akan menjadi terminal pengangkutan awam yang utama untuk Shah Alam.
- ii. **Laluan Rel (LRT, MRT dan BRT –Bus Rapid Transit)**

Perbincangan akan diadakan dengan SPAD (Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat) untuk perancangan dan pembangunan sistem rail di dalam kawasan Shah Alam bagi memastikan kemudahan pengangkutan awam yang effisyen dapat dinikmati oleh penduduk.
- iii. **Bus Terminal di Seksyen 17 & 19**

Lanjutan daripada sesi lawatan pemantauan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia pada 29 Ogos 2013 ke Stesen Komuter Shah Alam, Seksyen 19, pihak MBSA telah menerima surat daripada Kementerian berhubung permohonan kos pembinaan Hentian Akhir Bandar (Hub) Seksyen 19, Shah Alam.

Pihak Kementerian telah bersetuju untuk mengeluarkan kos sebanyak RM 4 juta kepada pihak MBSA selepas pihak MBSA mengeluarkan surat pelantikan kontraktor (LOA) bagi pembangunan tersebut.

Projek Hentian Akhir Bandar akan memberi kemudahan pengguna pengangkutan awam untuk mendapatkan perkhidmatan bas dan teksi serta diintegrasikan dengan stesen komuter sedia ada.

iv. **Tempat Letak Kenderaan Stesen Komuter Seksyen 19**

Peruntukan sebanyak RM3 juta telah diterima daripada pihak MOT dan pembinaan sedang giat dijalankan di tapak.

v. **Bas Komuniti**

Pihak Majlis bercadang untuk menyediakan perkhidmatan kenderaan komuniti berupa bas untuk kegunaan orang awam khususnya golongan warga emas, orang kelainan upaya (OKU), golongan yang berpendapatan rendah dan kurang kemampuan untuk berurusan di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam.

Pembelian sebuah bas komuniti dengan kos pembelian RM500,000.00 sebagai tambahan kepada bas komuniti sedia ada disumbangkan oleh syarikat korporat pada tahun 2013. Ia adalah antara perkara di bawah Pelan Tindakan 5 tahun Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan.

f) **Meningkatkan Aksesibiliti Dalam Pusat Bandar Dan Tumpuan Utama**

i. **Laluan Basikal (Sambungan)**

MBSA berhasrat untuk membina laluan basikal yang terpanjang di Malaysia untuk menggalakkan penggunaan basikal di kalangan penduduk bagi mengekalkan alam sekitar yang sihat.

ii. **Laluan Pejalan Kaki**

Laluan pejalan kaki sedia ada akan dinaiktaraf untuk memastikan kesinambungan yang berterusan antara kawasan di samping memastikan keselamatan pengguna dan kejadian jenayah jalanan dapat dikurangkan.

iii. **Inisiatif Penghijauan Lorong Belakang Shah Alam**

Dimulakan pada September 2013

- Menaik taraf lorong belakang untuk mewujudkan persekitaran yang selamat
- Mengecat dinding
- Kerja-kerja Lanskap
- Papan tanda, informasi dan senarai pokok

- Wujudkan pusat sis kompos
- Penilaian program

g) **Penyelenggaraan Infrastruktur**

MBSA akan meneruskan usahanya untuk meningkatkan dan menaik taraf infrastruktur sedia ada, terutamanya di kawasan kediaman bagi mewujudkan persekitaran yang selesa dan selamat bagi perkara berikut :

- Jalan
- Longkang / longkang monsun
- Lampu jalan
- Parit erong

(vi) **STRATEGI 6 – PEMBANGUNAN KOMUNITI**

a) **Pembangunan Kebudayaan – Malam Puisi Riong Dan Pementasan Kebudayaan, Di Samping Promosi Pelancongan : Hebahan;**

Sempena Tahun Melawat Malaysia 2014, MBSA akan mengadakan kerjasama dengan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan untuk menyemarakkan seni budaya dan menjadikan Shah Alam sebagai hub budaya Negeri Selangor.

d) **Sukan-sukan Teras – Sepak Takraw, Bola Sepak, Bola Tampar, Bola Tampar Pantai**

MBSA akan juga terus membangunkan dan mengadakan aktiviti sukan dan riadah bagi mewujudkan persekitaran yang sihat dan kerjasama antara penduduk

e) **Sukan Riadah – Basikal**

Sukan ini akan meningkatkan lagi penggunaan trek sikal yang telah dibangunkan oleh Majlis.

f) **Sukan Rakyat – ‘Tele-Match’**

Bermula 1 Disember 2013, Majlis akan memperkenalkan semula acara sukan rakyat melalui Karnival Komuniti Sukan Rakyat. Ia akan mempamerkan sukan tradisional dan melibatkan semua MPP di kawasan Shah Alam. Ia akan dijadikan acara tahunan bagi mengeratkan ukhuwah warga Bandar khususnya Shah Alam.

g) **Zon Bersih**

Satu daripada strategi pembangunan komuniti di Shah Alam adalah melalui program mini ZeeBee yang merupakan lanjutan daripada program zon bersih anjuran Kerajaan Negeri Selangor. Program mini ZeeBee akan dikekalkan dan dipertandingkan di kalangan

MPP sebagai salah satu inisiatif pembangunan mampan di bawah LA 21 dengan peruntukan sebanyak RM500,00.00

h) **Meningkatkan Imej Dan Fungsi MBSA**

i. **Kaunter Bersepadu MBSA (MBSA Biz Centre)**

Bagi mewujudkan kaunter yang lebih mesra pelanggan, Majlis bercadang untuk mengadakan kaunter-kaunter jabatan di satu tempat iaitu di aras bawah bangunan sayap Wisma MBSA (kawasan caferia MBSA). MBSA Biz Centre juga bertindak sebagai lobi utama MBSA di mana pegawai Khidmat Pelanggan akan diletakkan. Kerja-kerja mereka bentuk akan dibuat bagi keselesaan pengunjung agar tidak perlu bergerak ke pelbagai jabatan utk berurusan.

b) **Tanah milik Kerajaan Negeri, anak syarikat dan GLC di seluruh Bandaraya Shah Alam.**

BIL	PEMILIK TANAH	PEMAJU	LOKASI	KELUASAN (ekar)
1.	KERAJAAN NEGERI			
	Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)		Seksyen 3	2.62
			Seksyen 16	3.34
2.	ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR			
	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)		Seksyen 2-24	11,740.42
			Precint 10, Seksyen U13	234.70
			Precint 12, Seksyen U13	363.00
	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	Tetuan Green Hill Development Sdn. Bhd	Seksyen U10	75.00
		Tetuan Fokus Awana Sdn. Bhd.	Seksyen U10	150.00
		Tetuan Idaman Arif Sdn. Bhd.	Seksyen U10	65.10
		Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	Seksyen U10	49.00
	Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor (PKPS)		Seksyen U5	10.00

BIL	PEMILIK TANAH	PEMAJU	LOKASI	KELUASAN (ekar)
3.	GLC			
	Sime Darby Development Berhad		Denai Alam Seksyen U16	1,002.82
			Bukit Subang, Seksyen U16	249.12
			Elmina East, Seksyen U16	1,628.66
			Elmina West Seksyen U16	2,754.80
			Bukit Jelutong, Seksyen U8	2,205.03
	Kwasa Land Sdn. Bhd.		Seksyen U4	678.00
	JUMLAH KESELURUHAN			21,211.61

- c) Kekangan yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri dalam usaha membangunkan Bandaraya Shah Alam sebagai Ibu kota kosmopolitan yang moden, canggih, selesa dan selamat antaranya termasuklah :
- i. **Pembangunan tidak terancang**
Kawasan Shah Alam juga meliputi kawasan lot-lot kecil dan tanah rizab Melayu yang tidak dibangunkan serentak yang berbentuk 'ad hoc' yang menyebabkan penyediaan kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam sukar diselaraskan. Ini menyebabkan infrastruktur di kawasan pembangunan ini terputus dan tidak bersambung.
 - ii. **Penguatkuasaan dan pematuhan undang-undang**
MBSA juga menghadapi cabaran yang besar bagi memastikan pematuhan terhadap undang-undang yang ditetapkan sama ada oleh pemilik individu, pekilang, peniaga atau pemaju mematuhi syarat dan undang-undang yang telah ditetapkan dalam semua urusan. Pemantauan yang ketat memerlukan kapasiti dan tenaga kerja yang tinggi.
 - iii. **Pembangunan Sub Standard**
Masih terdapat pembangunan yang tidak terancang di dalam kawasan pembangunan Shah Alam khususnya di kawasan kampung dan juga kawasan industri sedia ada di Kampung Baru Sungai Buloh. Cabaran yang besar bagi Majlis adalah bagi menyelaras pembangunan sebegini yang mana keadaan infrastrukturnya yang tidak teratur dan tidak selesa
 - iv. **Penyelenggaraan**
Penyelenggaraan infrastruktur termasuklah jalan raya dan perparitan serta kemudahan-kemudahan awam sedia ada yang telah disediakan oleh

Majlis juga memerlukan perhatian dan peruntukan yang tinggi daripada MBSA.

v. **Peruntukan pembangunan dan Infrastruktur**

Majlis hanya dapat menyediakan peruntukan pembangunan yang terhad memandangkan kebanyakan peruntukan Majlis lebih disalurkan kepada aktiviti penyelenggaraan yang menyebabkan suasana persekitaran dan kehidupan yang lebih selesa kepada penduduk sukar diwujudkan.

vi. **Pengurusan Sisa Pepejal**

Setelah mengambil alih pengurusan sisa pepejal daripada pihak Alam Flora Sdn. Bhd. ini, tanggungjawab dan fokus Majlis telah berubah dan semakin bertambah. Majlis perlu melaksanakan banyak program yang lebih praktikal untuk memastikan pengurusan sisa pepejal ini lebih efektif dan berkesan.

vii. **Sistem Pengangkutan Awam dan Lalu lintas**

Cabaran Shah Alam ketika ini adalah untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dan menarik lebih banyak sistem pengangkutan awam termasuklah sistem rel dan bas untuk kemudahan dan keselesaan penduduk.

viii. **Komitmen Masyarakat**

Penyertaan penduduk khususnya dalam program-program yang melibatkan pembangunan mampan juga perlu dipergiat supaya persekitaran yang harmonis dan selesa dapat dikekalkan di Shah Alam dan gejala yang tidak diingini dapat dicegah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(BATANG KALI)**

TAJUK : PEMUTIHAN KILANG-KILANG HARAM

252. Kerajaan Negeri Selangor belum berjaya sepenuhnya memutihkan kilang-kilang haram:

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan sistematik kerajaan negeri bagi mengatasi kilang haram yang belum berjaya diputihkan?
- b) Nyatakan senarai kilang haram yang belum berjaya diputihkan mengikut PBT di dalam negeri Selangor?
- c) Apakah tindakan kerajaan negeri terhadap pemilik kilang haram yang masih tidak mematuhi syarat-syarat ditetapkan?

JAWAPAN:

- a) Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Di Negeri Selangor (PPKTK) telah dilaksanakan selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 72/13/2006 pada 26 Jun 2006 dan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil. 6/2006 yang berkuat kuasa pada 31 Julai 2007.

Mengikut sasaran asal, program ini dijangka selesai sepenuhnya pada 31 Disember 2007. Walau bagaimanapun, peluang dan insentif rangsangan yang ditawarkan tidak mendapat sambutan sewajarnya daripada pemilik tanah dan pengusaha kilang yang terlibat. Tarikh akhir pelaksanaan program ini telah dipinda sebanyak tiga (3) kali. Melalui MMK Ke 52 pada 1 Jun 2011, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melanjutkan PPKTK ini sehingga 31 Disember 2012. Memandangkan masih ramai pengusaha kilang atau pemilik tanah tidak mengambil peluang dengan insentif yang ditawarkan, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Sumber Alam Bil 6./2013 telah bersetuju tempoh pelanjutan program PPKTK dilanjutkan sehingga 31 Disember 2014.

Bagi memastikan program ini berjalan lancar Pihak Berkuasa Negeri dari masa ke semasa terus memantau dan pada masa ini sedang merangka satu dasar yang merangkumi aspek seperti syarat-syarat kelulusan, pengenaan premium tambahan yang lebih efektif termasuk penurunan kuasa melulus dan tambahan syarat-syarat teknikal bagi mengatasi isu kilang haram yang belum berjaya diputihkan.

- b) Sehingga 30 Jun 2013, sebanyak **2812** buah kilang tanpa kebenaran yang terlibat dan pecahannya mengikut PBT adalah seperti berikut :

LAPORAN KEMAJUAN PEMUTIHAN KILANG TANPA KEBENARAN MENGIKUT PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

PBT	BILANGAN KILANG	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (KM)			PERMOHONAN PELAN BANGUNAN (PB)			LESEN SEMENTARA				JUMLAH PEMBAYARAN LESEN SEMENTARA
		LULUS	TOLAK	TANGGUH	LULUS	TOLAK	TANGGUH	2007	2008	2009	2010	
MBSA	451	45	-	-	21	1	-	275	159	160	50	368,482.00
MBPJ	373	-	-	-	-	-	-	361	372	373	-	80,070.52
MPSJ	452	12	0	-	-	-	-	0	0	0	-	0.00
MPK	507	143	-	-	71	-	-	87	113	139	-	315,077.00
MPKj	590	169	2	1	49	-	-	-	320	367	-	276,800.00
MPAJ	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
MPS	12	1	-	-	5	-	-	-	-	-	-	-
MPSp	106	48	-	-	15	-	5	-	-	55	-	11,000.00
MDKL	209	16	-	-	-	-	-	100	100	8	-	62,400.00
MDKS	49	7	-	-	4	-	2	-	-	16	-	14,540.00
MDHS	57	4	2	-	7	2	-	-	-	31	-	12,185.00
MDSB	6	-	-	-	-	-	-	6	6	6	-	14,400.00
JUMLAH	2812	445	4	1	172	3	7	829	1070	1155	50	1,154,954.52

- c) Selepas Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran berakhir pada 31 Disember 2014, kerajaan negeri akan melaksanakan tindakan penguatkuasaan selaras dengan Seksyen 128 - 130 Kanun Tanah Negara 1965 ke atas tuan tanah atau pengusaha kilang yang ingkar mengemukakan permohonan tukar syarat seperti yang ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : SISA PEPEJAL

253. Terdapat juga lagi permasalahan sampah di PBT-PBT yang sering ditimbulkan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimana Kerajaan mengatasinya?
- i) Nyatakan keuntungan menurut PBT apabila ALAM FLORA ditamatkan perkhidmatan dan sisa pepejal diurus oleh PBT. Sila bagi perbandingan.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa memandang serius bagi memastikan isu sampah berkurangan di kawasan PBT. Dengan itu Kerajaan Negeri melalui PBT telah melaksanakan beberapa langkah bagi mengatasi isu tersebut. Langkah-langkah yang telah diambil ialah:-
 - i) Mengkaji semula syarat-syarat lantikan kontraktor;
 - ii) Keperluan-keperluan asas dan utama yang perlu ada bagi kontraktor yang akan dilantik;
 - iii) Memastikan kontraktor yang dipertanggungjawab menjalankan tugas/kerja dengan baik dan sempurna;
 - iv) Keperluan peralatan dan logistik bagi Jabatan/Bahagian yang bertanggungjawab menguruskan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam;
 - v) Menilai semula kekuatan kakitangan Jabatan/Bahagian yang bertanggungjawab di dalam pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam;
 - vi) Menambah jadual kutipan sampah kebun dari dua (2) kali kepada lapan (8) kali dan sampah pukal 12 kali sebulan;
 - vii) Menyediakan **pasukan "Wood Chipper"**;
 - viii) Menyediakan tapak pembuangan sampah serta tong RORO di kawasan pasar dan pembinaan;
 - ix) **Talian hotline** – aduan sampah;
 - x) **Skuad Rayau** - mencari dan mengutip sampah;
 - xi) **Unit Flying Squad** atau **Unit Tindakan Khas** – menjalankan kerja *back-up* kutipan sampah;
 - xii) **Perjumpaan secara terus** - pihak PBT dengan kontraktor; dan
 - xiii) **Pengezonan semula** - kawasan kendalian diperkecilkan.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah melakukan pelbagai program antaranya ialah “Kempen Kitar Semula” bagi memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan menjaga alam semula sekitar. Program ‘3R’ (*reuse, reduce, recycle*) juga diperkenalkan kepada semua pihak di semua peringkat punca bagi mengurangkan pembuangan sisa pepejal dan program “Hari Tanpa Beg Plastik” yang dilaksanakan pada setiap hari Jumaat bagi bangunan-bangunan kerajaan dan pada setiap hari Sabtu dilaksanakan diseluruh pasaraya-pasaraya di Negeri Selangor.

- b) Setelah PBT mengambil alih pengurusan perkhidmatan kutipan sisa pepejal daripada syarikat Alam Flora Sdn. Bhd., PBT bukan mendapat keuntungan tetapi mendapat penjimatan kos pengurusan sisa pepejal yang banyak malah tidak perlu membayar kos pengurusan kepada syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. lagi. Jumlah penjimatan yang diperolehi PBT berbanding kendalian syarikat AFSB sebanyak **RM53,876,942.41** seperti berikut:-

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	SEMASA AFSB SETAHUN (RM)	SELEPAS AFSB SETAHUN (RM)
1.	MBSA	22,402,126.68	18,909,789.28
2.	MBPJ	60,800,000.00	45,400,000.00
3.	MPSJ	28,270,000.00	20,400,000.00
4.	MPKj	23,040,000.00	16,721,847.60
5.	MPS	29,596,009.67	18,965,196.10
6.	MPK	19,075,296.96	15,135,378.00
7.	MPAJ	18,626,358.60	14,779,440.00
8.	MPSp	7,881,918.00	7,036,237.44
9.	MDKS	4,000,000.00	3,700,000.00
10.	MDSB	3,809,891.00	1,977,240.00
11.	MDHS	TIADA BERKAITAN	
12.	MDKL	3,202,744.32	3,802,274.40
JUMLAH		220,704,345.23	166,827,402.82
JUMLAH PENJIMATAN		RM53,876,942.41	

***sumber: Semua PBT, Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : KAMPUNG BAGAN NAKHODA OMAR (BNO)

254. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status terkini permohonan untuk membatalkan kawasan tanah kerajaan di Bagan Simpang Empat BNO, Pekan Bagan Nakhoda Omar, Daerah Sabak Bernam seluas lebih kurang 56.5 ekar daripada rizab Melayu Sungai Lang GN 925-28 dan digantikan dengan kawasan berstatus tanah kerajaan dengan keluasan yang sama di kawasan KM 50.5 Sungai Panjang, Mukim Sungai Panjang, Daerah Sabak Bernam?

JAWAPAN:

- a) Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke 11/2012 yang diadakan pada 28 Mac 2012 menolak permohonan untuk membatalkan kawasan tanah kerajaan di Bagan Simpang Empat BNO, Pekan Bagan Nakhoda Omar, Daerah Sabak Bernam seluas lebih kurang 56.5 ekar daripada rizab Melayu Sungai Lang GN 925-28 dan digantikan dengan kawasan berstatus tanah kerajaan dengan keluasan yang sama di kawasan KM 50.5 Sungai Panjang, Mukim Sungai Panjang, Daerah Sabak Bernam kerana tanah ganti bukan status yang sama iaitu tanah pekan. Ini selaras dengan perkara 89(3) Perlembagaan Persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : BIASISWA MENTERI BESAR

255. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah Biasiswa Menteri Besar akan dimulakan seperti yang dijanjikan di Manifesto Selangor Pakatan Rakyat?
- b) Adakah biasiswa ini akan berdasarkan merit tanpa sistem kuota?

JAWAPAN:

- a) MBI dijangka melancarkan biasiswa pada suku pertama tahun depan. Satu lagi kertas kerja telah dibentangkan sewaktu 'retreat' EXCO di Bangkok, yang mana ianya telah dipersetujui bahawa RM100,000 setahun telah diasingkan daripada dana negeri untuk tujuan itu. Biasiswa ini persis seperti 'Rhodes Scholarship', iaitu menganugerahkan biasiswa kepada mahasiswa pasca-siswazah seperti sarjana dan kedoktoran untuk menyokong mahasiswa yang cemerlang dari segenap segi dan menyediakan peluang untuk mencipta sesuatu yang baru bagi individu yang mempunyai kebolehan intelek dan kepimpinan yang luar biasa.
- b) Tidak akan ada kuota kaum dan seluruhnya berdasarkan kekuatan individu. Kriteria utama adalah calon-calon mestilah:
 - Anak Selangor
 - Keputusan pendidikan yang cemerlang
 - Kepimpinan 'oustanding'
 - Personaliti yang baik dan latar belakang keluarga

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : GAJI GURU KAFA

256. Kerajaan negeri menetapkan had gaji minimum RM1500.00 sebulan bagi kakitangan kerajaan dan anak syarikat negeri.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah kadar semasa gaji / elaun Guru KAFA di negeri Selangor?
- b) Bagaimanakah tahap pendapatan dan latar belakang ekonomi guru-guru tersebut?
- c) Adakah kerajaan bercadang menambah gaji / elaun guru tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kadar semasa elaun Guru KAFA di negeri Selangor ialah RM1,300.00 sebulan.
- b) Tahap pendapatan guru-guru KAFA di negeri Selangor adalah di bawah paras kemiskinan dan pada umumnya mereka menjadikan elaun berkenaan sebagai sumber pendapatan keluarga untuk mengurus kehidupan seharian.
- c) Kerajaan bercadang menambah elaun guru-guru KAFA di negeri Selangor sebanyak RM200.00 sebulan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK

257. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membina rumah mampu milik di kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Sila beri pecahan mengikut bilangan, saiz unit, kepadatan dan harga unit

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Y.B, Kerajaan Negeri melalui anak syarikatnya iaitu Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) dengan kerjasama OSK Property Holdings Berhad akan membina sebanyak 236 unit rumah mampu milik di Sutera Damansara, Sungai Buloh berkeluasan di antara 828 kaki persegi hingga 838 kaki persegi seunit. Harga jualan seunit rumah tersebut adalah di antara RM85,000.00 hingga RM120,000.00. Status projek terkini di peringkat kelulusan Pelan Bangunan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Selain itu, terdapat satu lagi projek perumahan mampu milik yang sedang dirancang yang akan dibangunkan oleh Tetuan Kwasa Land Sdn. Bhd. Tapak cadangan projek adalah di tanah Rubber Research Institute Malaysia (RRI) Sungai Buloh. Dianggarkan sebanyak 6,000 unit rumah mampu milik akan di bina dengan berkeluasan di antara 750 kaki persegi hingga 1,200 kaki persegi seunit. Anggaran harga jualan seunit rumah adalah di antara RM85,000.00 hingga RM250,000.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

TAJUK : PASAR AWAM (PAGI) DI DUN TERATAI

258. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai sebarang rancangan untuk membina atau menambatkan pasar awam (pagi) di DUN Teratai?
- b) Berapakah peruntukan 2014 Kerajaan untuk perkara 9(a) di atas?

JAWAPAN:

- a) Pasar pagi di DUN Teratai adalah berbentuk **pasar pagi terbuka** di mana penjaja menggunakan jalan awam dan tempat letak kereta semasa menjalankan aktiviti perniagaan. Waktu perniagaan adalah bermula jam 6 pagi - 12 tgh sahaja. Selepas tempoh tersebut, lokasi akan dibersihkan dan digunakan sebagai jalan awam dan tempat letak kereta.
- b) Tiada peruntukan daripada pihak MPAJ bagi tahun 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK

259. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah rancangan rumah mampu milik atau rumah kos rendah meliputi kawasan DUN Sg Pelek ?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dengan kerjasama Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Pentadbir Tanah Daerah (PTD) pada ketika ini masih lagi mengenal pasti tanah-tanah milik Kerajaan Negeri yang strategik untuk dibangunkan dengan Projek Perumahan Mampu Milik Selangor.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri masih belum mempunyai perancangan khusus bagi penyediaan rumah mampu milik di DUN Sg. Pelek. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan membuat kajian/ survei terhadap permintaan rumah mampu milik atau rumah kos rendah di DUN Sg Pelek sebelum pembangunan dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : MANIFESTO PENGANGKUTAN AWAM

260. Manifesto PRU 13 Pakatan mahu menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam percuma di kawasan Lembah Kelang.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status pelaksanaan manifesto ini?
- b) Berapakah anggaran kos yang perlu ditanggung oleh kerajaan negeri untuk merealisasikan manifesto ini?
- c) Berapakah jumlah pengguna yang dianggarkan akan menggunakan perkhidmatan ini?

JAWAPAN:

- a) Kertas cadangan pelaksanaan perkhidmatan pengangkutan awam percuma telah dikemukakan oleh lapan (8) buah PBT kawasan bandaraya dan perbandaran (MBSA, MBPJ, MPK, MPAJ, MPSJ, MPS, MPKj dan MPSP). Namun demikian, setiap cadangan rangka kerja perkhidmatan bas awam percuma tersebut akan diperhalusi dalam mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan agar kemudahan dan perkhidmatan yang diberikan berkesan. Walau bagaimanapun, sejak tahun 2008, MBPJ merupakan PBT yang pertama berjaya menyediakan perkhidmatan bas komuniti kepada penduduk di kawasan pentadbiran MBPJ yang berpendapatan rendah dan warga emas. Perkhidmatan ini diberikan dari jam 9.30 pagi sehingga jam 2.30 petang dan bas memuatkan kapasiti seramai 30 orang. MBPJ mempunyai 2 buah bas komuniti yang meliputi laluan mengikut zon iaitu Zon Petaling Jaya Selatan (PJS) dan Zon Petaling Jaya Utara (PJU).
- b) Anggaran kos bagi cadangan pelaksanaan setiap PBT adalah berbeza mengikut pembelian/penyewaan logistik, keperluan penduduk dan kawasan operasi. Purata anggaran kos bagi tahun pertama satu PBT ialah sebanyak RM500ribu.
- c) Jumlah pengguna yang dianggarkan untuk perkhidmatan ini juga berbeza bagi setiap PBT. Sebagai contoh, MBPJ menerima purata 100 penumpang sehari sejak diperkenalkan pada tahun 2008.

DITOLAK DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN TETAP 23 (i)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : SYABAS

261. Selangor Kini keluaran 18-25 Oktober 2013 “SYABAS SABOTAJ EKONOMI NEGERI SELANGOR”

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah bentuk sabotaj tersebut?
- b) Apakah tindakan yang telah diambil menanganinya?
- c) Berapakah anggaran kerugian yang dialami oleh Kerajaan Negeri Selangor?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : CADANGAN LEBUH RAYA KINRARA DAMANSARA (KIDEX)

262. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status kelulusan yang diberi oleh Kerajaan Negeri kepada pembinaan Lebuh raya?
- b) Apakah status kelulusan yang masih diperlukan sebelum pembinaan boleh dimulakan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) 6/20112 yang bersidang pada 15 Februari 2012 secara dasarnya telah **bersetuju** dengan Projek Lebuh raya KIDEX dan jajaran-jajarannya.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri berpendirian seperti berikut:

- penswastaan hendaklah meletakkan keutamaan dan kepentingan rakyat Malaysia amnya dan Selangor kerana ia melibatkan cukai yang dibayar oleh rakyat;
 - kos hendaklah dibuat secara terbuka dan tidak diswastakan, apabila projek siap maka pulangan hasil (*revenue*) yang diswastakan (*privatise the revenue, not the cost*); dan
 - kos juga perlu mengambil kira *international risk dan return reward*.
- b) Status kelulusan projek pembinaan Lebuh raya Kinrara - Damansara (KIDEX) kini adalah di dalam proses terakhir penyediaan deraf perjanjian konsesi (**concession agreement - CA**) di antara pihak Kerajaan Persekutuan (Kementerian Kerja Raya) bersama pihak konsesi lebuh raya yang terlibat.

Walau bagaimanapun, menurut kepada **CA** ini pihak konsesi diberi tempoh masa selama 12 bulan bagi memenuhi syarat yang ditetapkan seperti mengemukakan 'Financial Closure' dan 'Public Opinion Survey' sebelum **CA** tersebut dimuktamadkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELUK DATOK)**

TAJUK : PENAMBAHBAIKAN INFRASTRUKTUR

263. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila menyatakan jumlah peruntukkan yang dibelanjakan oleh Selangorku dalam menambah baikkan infrastruktur asas Kampung Jenjarom, Kampung Seri Cheeding, Kampung Telok Datok, Kampung Fatimah dan Bukit Perah sejak Tahun 2008 hingga Oktober 2013;
- i) Sila menyatakan kerja-kerja penambahbaikan yang dilakukan;
- ii) Jumlah kos setiap kerja yang telah dilakukan.

JAWAPAN:

- a) Kerja-kerja (serta kos) yang telah dilakukan di DUN Telok Datok melalui Geran Selangorku adalah seperti berikut:

BIL	KLUSTER	FASA	NAMA PROJEK	NO. PROJEK	ANGGARAN PBT	KOS PROJEK	PBT	DUN
1	INFRA	Fasa 1	Cadangan menurap semula sebahagian jalan di Taman Yayasan, Jenjarom, Kuala Langat	MDKL/JPP/SH :19/14	169,700.00	143,870.00	MDKL	Telok Datok
2	INFRA	Fasa 2	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Longkang di Taman Ria, Jenjarom, Kuala Langat	MDKL/JPP/SH :33/12	200,133.00	145,000.00	MDKL	Telok Datok
3	INFRA	Fasa 3	Membaiki/menyelenggara Jalan-Jalan di Kg Jenjarom	MDKL/JPP/SH :35/12	151,302.50	110,640.00	MDKL	Telok Datok
4	INFRA	Fasa 3	Permohonan bagi melebarkan lorong jalan bagi Jalan Teratai, Jalan Dewan, Jalan Jubli Perak dan Jalan Bunga Raya di RTB Bukit Changgang, Banting, Kuala Langat	MDKL/JPP/SH :34/12	106,880.00	81,560.00	MDKL	Telok Datok
5	INFRA	Fasa 4	Cadangan menaiktaraf Longkang di Taman Yayasan Jenjarom, Kuala Langat	MDKL/JPP/SH :38/12	106,253.00	91,000.00	MDKL	Telok Datok
6	INFRA	Fasa 4	Menurap semula jalan di Kg Baru Sg Jarom, Mukim Tanjung Dua Belas	MDKL/JPP/SH :35/12	301,875.00	210,925.00	MDKL	Telok Datok
7	INFRA	Fasa 4	Melebar Bahu Jalan di Kg Baru Sg Jarom, Mukim Tanjung Dua Belas	MDKL/JPP/SH :36/12	229,400.00	198,891.00	MDKL	Telok Datok
8	INFRA	Fasa 5	Cadangan menurap semula sebahagian jalan di Taman Seri Jarom, Jenjarom	MDKL/JPP/SH :75/12	361,500.00	299,630.00	MDKL	Telok Datok
9	INFRA	Fasa 5	Cadangan menaiktaraf longkang di Jalan Dahlia, Taman Seri, Telok Datok, Banting	MDKL/JPP/SH :79/12	66,096.00	47,845.00	MDKL	Telok Datok
					Jumlah	1,329,361.00		
1	SUKAN	Fasa 4	Pembinaan Gelanggang Serbaguna di Padang Mahkota, Banting		200,000.00	177,698.00	PTD Kuala Langat	Telok Datok
					Jumlah	177,698.00		

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(BALAKONG)**

TAJUK : MASALAH PELARIAN UNHCR

264. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah pendirian kerajaan negeri terhadap masalah pelarian UNHCR yang menjajakan memandangkan mereka tidak dibenarkan berbuat demikian?

JAWAPAN:

- a) Warga asing, pelarian atau sebagainya, tidak dibenarkan untuk berdagang atau berniaga kerana perbuatan itu melanggar undang-undang majlis tempatan. Majlis tempatan boleh menghentikan operasi perniagaan mereka dan menyita premis tersebut. Kita menyedari masalah ini terutamanya di Pasar Borong Selayang dan majlis tempatan yang berkaitan telah membantu Jabatan Imigresen dalam menjalankan siri-siri serbuan di kawasan itu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : JARINGAN KESELAMATAN (*SAFETY NET*)

265. Kerajaan negeri Selangor menyediakan jaringan keselamatan (*safety net*) seperti bantuan memulakan perniagaan bagi membantu meringankan kos sara hidup rakyat yang semakin tinggi:-

Bertanya Kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan bentuk bantuan yang ditawarkan oleh kerajaan negeri untuk peniaga?
- b) Apakah indikator penting bagi memantau keberkesanan program jaringan keselamatan ini?
- c) Sila nyatakan jumlah dan nilai bantuan yang telah disalurkan kepada penerima mengikut DUN?

JAWAPAN:

- a) Di bawah Kerajaan Negeri Selangor, telah diwujudkan satu program yang dikenali sebagai membina jaringan perniagaan di kalangan sadiq (berpendapatan kurang daripada RM1,500.00 sebulan atau RM350 perkapita) dan bukan sadiq bagi melahirkan usahawan kecil dan sederhana . Bentuk bantuan yang ditawarkan adalah pembiayaan modal tanpa cagaran, tanpa penjamin, tanpa mengira fahaman politik dan bebas daripada diambil tindakan undang-undang bagi menjana pendapatan keluarga. Penerima bantuan perlulah membentuk kumpulan yang terdiri dari 5 orang ahli setiap kumpulan.
- b) Indikator penting bagi memantau keberkesanan program jaringan perniagaan ini adalah bilangan penerima bantuan dan peratusan pembayaran balik pembiayaan. Peratusan kutipan pembayaran balik pembiayaan adalah sebanyak 98% dengan jumlah keseluruhan penerima bantuan seramai 8,396 penerima dengan nilai keseluruhan berjumlah RM61,657,650.00. Di samping itu juga, mesyuarat berkala secara mingguan juga turut dijalankan bersama penerima bantuan.
- c) Bantuan yang disalurkan adalah mengikut daerah. Berikut adalah jumlah dan nilai bantuan yang telah disalurkan :

DAERAH	BIL. PENERIMA	JUMLAH PEMBIAYAAN (RM)
Sabak Bernam	1273	11,557,200.00
Hulu Selangor	1106	9,125,900.00
Kuala Selangor	1345	7,894,750.00
Hulu Langat	1394	8,393,800.00
Kuala Langat	1227	9,822,000.00
Sepang	945	7,792,500.00
Gombak	277	1,232,300.00
Petaling	442	3,630,400.00
Klang	387	2,208,800.00
Jumlah	8396	61,657,650.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PASAR AWAM

266. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah cadangan Kerajaan Negeri terhadap tapak pasar awam yang belum dibangunkan dan pasar awam Ulu Yam Baru yang habis terbakar pada 29 Julai 2013;
- b) Apakah dasar Kerajaan Negeri mengenai pasar pagi di tepi jalan yang masih wujud di seluruh Selangor.

JAWAPAN:

- a) Majlis Daerah Hulu Selangor sedang berusaha untuk membangunkan semula pasar Hulu Yam Bharu. Namun begitu cadangan ini adalah tertakluk kepada peruntukan dan keperluan dari masa ke semasa.
- b) Buat masa ini, Kerajaan Negeri tiada halangan mengenai pasar pagi di tepi jalan yang masih wujud di seluruh Selangor memandangkan penetapan tapak telah ditentukan oleh PBT berdasarkan kesesuaian dan permintaan (*demand and supply*). Kerajaan Negeri berpandangan selagi isu kebersihan diambil perhatian dan tiada aduan diterima maka pasar pagi boleh beroperasi seperti biasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(KINRARA)**

TAJUK : LALUAN BASIKAL

267. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Untuk mengamalkan gaya hidup sihat, apakah rancangan negeri untuk menggalakkan orang ramai dalam aktiviti berbasikal?
- b) Adakah kerajaan bercadang untuk membina laluan basikal di kawasan Puchong?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah menggalakkan Pihak Berkuasa Tempatan menyediakan laluan berbasikal berasingan di kawasan yang bersesuaian mengikut kemampuan kewangan masing-masing.

Sehingga kini, pihak Majlis Bandaraya Shah Alam telah menyiapkan 3 laluan berbasikal iaitu di Seksyen 4 dengan jarak sejauh 2.1 km (kos: RM400,000), di kawasan utara Pusat Bandar Shah Alam sedang di dalam proses pembinaan dengan jarak sejauh 6.9 km (kos: RM 4.8 Juta) dan di kawasan selatan Pusat Bandar Shah Alam dalam proses pembinaan dengan jarak sejauh 7.0 km (Kos: RM4.8 juta).

Pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya pula telah menyiapkan 3 laluan berbasikal iaitu di Damansara Damai PKU10 dengan jarak sejauh 5.5 km (Kos: RM 380,000), di Ara Damansara PKU1 dengan jarak sejauh 7.5 km (Kos: RM 520,000) dan di Kota Damansara dalam proses pembinaan dengan jarak sejauh 11 km (Kos: RM1.3 juta).

Pihak Majlis Perbandaran Subang Jaya turut prihatin untuk menyediakan laluan berbasikal di kawasan Puchong Perdana dan ianya masih di dalam proses penyediaan dokumen tender.

- b) Bagi permulaan pihak Majlis telah membina laluan berbasikal bagi Program Zon Bersih 2013 di kawasan Puchong Perdana dan panjang laluan tersebut kira-kira 2 km dan pelaksanaan projek ini akan diteruskan di kawasan-kawasan yang dikenal pasti sesuai untuk dijadikan laluan basikal bagi kemudahan penduduk di MPSJ.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : PRESTASI PERKHIDMATAN DAN SISTEM PENYAMPAIAN JABATAN
KERAJAAN**

268. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan secara *detail* bagaimanakah pencapaian dan kepuasan pelanggan terhadap prestasi perkhidmatan dan sistem penyampaian Jabatan-jabatan Kerajaan?
- b) Sila huraikan apakah kekangan yang menyebabkan masih terdapat banyak aduan mengenai kelembapan sistem penyampaian di kalangan Jabatan-jabatan Kerajaan?
- c) Sila nyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki kelemahan dan sekali gus meningkatkan prestasi perkhidmatan Jabatan Kerajaan?


JAWAPAN:

- a) Dalam usaha Jabatan dan Agensi kerajaan di Negeri Selangor untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan dan kualiti sistem penyampaian ke arah perkhidmatan yang bermutu dan pengurusan awam yang baik dan telus, kaedah pengukuran kajian kepuasan pelanggan telah dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun bagi setiap jabatan dan Agensi.


Beberapa kaedah telah diguna pakai bagi mendapatkan respon kepuasan pelanggan iaitu melalui kaedah prosedur MS ISO 9001 : 2008 , kajian secara online , audit nilai, borang maklum balas selepas pelaksanaan kerja dan respon kepada pelanggan yang hadir ke jabatan. Penilaian dan pencapaian kepuasan pelanggan di nilai berdasarkan beberapa indikator seperti kemudahan fizikal yang kondusif, penyampaian iaitu kebolehpercayaan dan responsif serta penilaian emosi iaitu layanan yang adil mesra dan menghormati.

Berikut adalah butiran terperinci pencapaian tersebut berdasarkan maklum balas yang diterima dan dibahagikan kepada 3 kategori iaitu Pejabat Daerah dan Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi Kerajaan.


PEJABAT TANAH DAN DAERAH



PIHAK BERKUASA TEMPATAN



AGENSI KERAJAAN



- b) Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha menjadi sebuah Negeri yang mampu berdaya saing dengan mempunyai kakitangan awam terbaik dari segi peranan dan sumbangan. Walau bagaimanapun masalah aduan mengenai kelembapan sistem penyampaian yang masih wujud berdasarkan beberapa faktor iaitu;
- i) Faktor prosedur kerja di mana sesuatu perkara itu perlu melalui beberapa peringkat untuk tujuan menghasilkan keputusan yang baik atau lebih difahami yang dianggap sebagai kerenah birokrasi. Selain itu, terdapat juga prosedur yang tidak sistematik dan tidak sesuai dengan keadaan semasa. Sebagai contoh mengisi borang permohonan secara manual dan permohonan yang dibuat perlu pengesahan pegawai di beberapa peringkat.

- ii) Kakitangan yang tidak kompeten dan tidak cekap dalam dalam ruang lingkup skop kerja yang diberikan tugas / tanggung jawab. Ia berpunca daripada beban tugas yang semakin bertambah dan kekurangan kakitangan serta tidak mempunyai kemahiran secara khusus. Ia juga berkaitan dengan kurangnya latihan serta tidak mengubah minda dan sikap untuk mempelajari sesuatu yang baru dalam meningkatkan prestasi kerja dan perkhidmatan yang diberikan.
 - iii) Penggunaan teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) yang sangat minimum dalam memproses permohonan atau kelulusan dan penggunaan kaedah serta peralatan lama menyebabkan sistem dan aliran kerja tidak dapat memenuhi kehendak dan keperluan pelanggan. Sistem yang tidak efektif akan menghasilkan kerja yang tidak efisien malah menyebabkan pembaziran wang dan tenaga.
 - iv) Terdapat kekangan lain iaitu berkaitan kelemahan dalam pengurusan kewangan, pengurusan hasil, dan kegagalan penguatkuasaan dan pemantauan serta mengawal perbelanjaan dalam membuat perancangan terperinci yang dilihat menjadi antara punca aduan berkaitan kelembapan sistem penyampaian yang berterusan.
- c) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil beberapa langkah proaktif bagi memastikan kelemahan dan prestasi jabatan kerajaan di Negeri Selangor diperbaiki dan menjadi yang terbaik. Pentadbiran Kerajaan Negeri sentiasa memantau setiap teguran, aduan, kelemahan semua jabatan dan agensi dan seterusnya diambil tindakan dengan kadar segera. Kerajaan Negeri Selangor juga sentiasa memastikan pengurusan pentadbiran yang sistematik iaitu melalui perkhidmatan yang lebih responsif terhadap kehendak dan keperluan pelanggan sehingga melebihi ekspektasi pelanggan itu sendiri sejajar dengan pendekatan 'delighting the customer' yang telah diiktiraf oleh MAMPU sebagai pendekatan yang telah berjaya.

Selain itu, untuk memastikan kualiti perkhidmatan dan prestasi jabatan sentiasa meningkat, pentadbiran telah melaksanakan beberapa program bagi memupuk nilai cemerlang dan budaya kerja yang proaktif antaranya adalah mewujudkan anugerah bagi mengiktiraf jabatan dan agensi yang cemerlang seperti Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC), Anugerah Kutipan Hasil, Penilaian Penarafan Bintang (STAR RATING), Insentif Prestasi Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti serta Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISAS), Anugerah Konvensyen Kumpulan Inovatif dan

Kreatif(KIK) Perkhidmatan Awam yang melibatkan kreativiti dan inovasi kakitangan bagi memupuk penjawat awam yang mampu berdaya saing.

Jabatan-jabatan kerajaan di Negeri Selangor jga perlu mewujudkan Piagam Pelanggan dan memastikan Aku Janji Produktiviti sentiasa di kaji dan di nilai keberkesanannya dari semasa ke semasa. Selain itu, program Sasaran Kerja Tahunan (SKT) setiap jabatan juga dilaksanakan setiap tahun bagi memastikan program dan aktiviti yang dirancang mencapai sasaran dan KPI jabatan.

Bagi memastikan perkhidmatan yang mesra pelanggan, aktiviti *mysteri shopping* (penyamaran) pula telah dilaksanakan di kaunter-kaunter perkhidmatan di jabatan yang dipilih bagi memastikan layanan yang diberikan adalah cekap, mesra dan memenuhi kehendak pelanggan yang berurusan .

Pentadbiran Kerajaan Negeri juga memastikan penggunaan teknologi maklumat digunakan secara maksimum seperti mewujudkan sistem tender /sebut harga, semakan bil hasil, sistem pinjaman pelajaran, hadiah pengajian IPT dan lain-lain yang boleh diperolehi secara atas talian. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga mewujudkan Talian Aduan Bebas Tol yang boleh dihubungi setiap hari bagi memberikan perkhidmatan dan membantu rakyat dalam menyalurkan aduan tanpa perlu hadir ke pejabat. Setiap aduan akan dipantau dan di ambil tindakan sewajarnya.

Selain itu, bagi meningkatkan kompetensi dan memastikan perkhidmatan yang cekap dan berkualiti, semua penjawat awam diwajibkan menghadiri kursus tidak kurang daripada 7 hari setahun bagi memastikan kemahiran dan pengetahuan dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : INDUSTRI PENGOREKAN TANAH LIAT DI BESTARI JAYA

269. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan nama syarikat yang mendapat kelulusan dari Kerajaan Negeri untuk mengusahakan pengorekan tanah liat di kawasan berkenaan?
- b) Berapakah jumlah pendapatan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri hasil dari industri pengorekan tanah liat berkenaan?

JAWAPAN:

- a) Berikut ialah nama syarikat-syarikat yang mendapat kelulusan untuk mengusahakan pengorekan tanah liat (berserta dengan bayaran royalti yang dibuat) berdasarkan tahun di kawasan berkenaan iaitu:-

TAHUN 2008

Bil.	Nama Syarikat	Jumlah Royalti
1.	TIADA	TIADA
	JUMLAH BESAR	TIADA

TAHUN 2009

Bil.	Nama Syarikat	Jumlah Royalti
1.	Siong Boon Kee/Eng Kian Trading Company	RM8,100.00
2.	Magnaprise Sdn. Bhd.	RM39,700.00
	JUMLAH BESAR	RM47,800.00

TAHUN 2010

Bil.	Nama Syarikat	Jumlah Royalti
1.	Siong Boon Kee/Eng Kian Trading Company	RM6,600.00
2.	Magnaprise Sdn. Bhd.	RM35,700.00
	JUMLAH BESAR	42,300.00

TAHUN 2011

Bil.	Nama Syarikat	Jumlah Royalti
1.	Siong Boon Kee/Eng Kian Trading Company	RM8,100.00
2.	Magnaprise Sdn. Bhd.	RM37,200.00
	JUMLAH BESAR	RM45,300.00

TAHUN 2012

Bil.	Nama Syarikat	Jumlah Royalti
1.	Siong Boon Kee/Eng Kian Trading Company	RM7,800.00
2.	Magnaprise Sdn. Bhd.	RM23,700.00
3.	Hap Seng Clay Products Sdn. Bhd.	RM1,124.00
	JUMLAH BESAR	RM32,624.00

TAHUN 2013 (sehingga November 2013)

Bil.	Nama Syarikat	Jumlah Royalti
1.	Siong Boon Kee/Eng Kian Trading Company	RM14,480.00
2.	Hap Seng Clay Products Sdn. Bhd.	RM71,640.00
	JUMLAH BESAR	RM86,120.00

- b) Pendapatan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri hasil dari industri pengorekan tanah liat iaitu bagi **Daerah Kuala Selangor** (dalam bentuk bayaran royalti). Jumlah royalti yang diperolehi mengikut tahun adalah seperti berikut:-

Bil.	Tahun	Jumlah Royalti
1.	2008	Tiada
2.	2009	RM47,800.00
3.	2010	RM42,300.00
4.	2011	RM45,300.00
5.	2012	RM32,624.00
6.	2013 (sehingga November 2013)	RM86,120.00
	JUMLAH BESAR	RM254,144.00

- Nota :

Maklumat-maklumat bagi daerah-daerah lain di Selangor, mohon Pejabat Tanah dan Galian Selangor selaraskan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(GOMBAK SETIA)**

TAJUK : KES DAKWAAN TERHADAP PEMAJU

270. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan jumlah kes kesalahan yang telah didakwa berkaitan kegagalan Pemaju mendapatkan CCC sebelum penyerahan kunci kepada pembeli projek perumahan dibandingkan dengan sistem CF yang dilaksanakan dahulu?

JAWAPAN:

- a) Tiada dakwaan dijalankan berkaitan kegagalan Pemaju mendapatkan CCC sebelum penyerahan kunci kepada pembeli projek perumahan dibandingkan dengan sistem CF yang dilaksanakan dahulu kerana tidak ada pelanggaran syarat tentang kes ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : KOMPETENSI KERAJAAN NEGERI

271. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila jelaskan sistem yang digunakan oleh kerajaan untuk menilai prestasi dan kompetensi jabatan-jabatan negeri, badan-badan berkanun dan anak-anak syarikat dari pelbagai aspek.
- b) Apakah langkah-langkah untuk meningkatkan kompetensi kerajaan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan menggunakan Anugerah Pengurusan Pejabat Dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) untuk menilai prestasi dan kompetensi jabatan-jabatan negeri, badan-badan berkanun dan anak-anak syarikat dari pelbagai aspek. APPC telah mula dilaksanakan sejak tahun 2006 yang bertujuan untuk menilai prestasi dan seterusnya mengiktiraf kecemerlangan pengurusan organisasi sektor awam Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. APPC merupakan satu platform untuk mewujudkan persaingan sihat antara jabatan/agensi dalam meningkatkan prestasi sistem pentadbiran serta kualiti penyampaian perkhidmatan secara berkesan. APPC juga bertujuan untuk memberikan pengiktirafan kepada jabatan/agensi yang boleh dijadikan contoh dan ikutan, serta memberi pengaruh yang positif terhadap sistem penyampaian perkhidmatan awam khususnya.
Kriteria Penilaian APPC di cadang untuk diteruskan dengan menggunakan kriteria Star Rating sepertimana yang telah dilaksanakan sejak tahun 2009. Walau bagaimanapun, kriteria ini telah ditambah baik mengikut kesesuaian proses kerja jabatan/ agensi di Negeri Selangor melalui Lab Pemantapan Kriteria APPC pada tahun 2012. Kriteria Penilaian ini terbahagi kepada tiga komponen utama iaitu Pengurusan, Perkhidmatan Teras dan Pengurusan pelanggan
Penilaian akan dilaksanakan di semua 41 jabatan/agensi dengan kaedah On Site Assessment oleh panel penilai yang telah dilantik. Hasil penilaian daripada lawatan pemeriksaan di jabatan/agensi akan dibincangkan dan diperhalusi semasa Bengkel Pemarkahan APPC. Keputusan pemenang APPC akan disahkan di dalam Mesyuarat Pemandu Inovasi atau oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

- b) Penyediaan dan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang adalah fokus utama sesuatu organisasi dan APPC merupakan suatu program penilaian berstruktur untuk mengukur tahap kecemerlangan perkhidmatan organisasi. Dalam memastikan APPC adalah sentiasa relevan, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan, penambahbaikan secara berterusan dilaksanakan mengikut keperluan dan kehendak semasa.

Langkah-langkah untuk meningkatkan kompetensi adalah dengan memberi teguran-teguran semasa penilaian untuk penambahbaikan oleh jabatan/agensi berkenaan. Setiap teguran harus diambil tindakan supaya penambahbaikan dalam perkhidmatan dapat dilaksanakan. Semakan terhadap teguran-teguran itu akan dibuat semasa penilaian tahun hadapannya. Di samping itu pemberian ganjaran dan pengiktirafan kepada jabatan/agensi yang menang adalah salah satu langkah untuk meningkatkan motivasi di antara jabatan/agensi. Bagi tahun 2013, perubahan dalam pemberian ganjaran telah dilaksanakan di mana hadiah kategori bagi setiap sub-komponen (8 komponen) telah diwujudkan. Dengan ini, terdapat banyak jabatan/ agensi yang boleh menerima hadiah selain daripada pemenang Anugerah Menteri Besar Selangor, Anugerah Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan Hadiah Ketiga.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

TAJUK : MASALAH HAKISAN TANAH DAN PENGURUSAN CERUN

272. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam menangani masalah hakisan tanah dan pengurusan cerun bukit di DUN Teratai dalam tahun 2008-2013
- b) Apakah langkah seterusnya yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri dalam tahun 2014 untuk pengurusan cerun bukit dan langkah-langkah cegahan bukit di DUN Teratai?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah menerima 12 cadangan penstabilan cerun dari MPAJ meliputi kawasan berisiko kritikal. Sehingga kini Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 20 juta bagi tujuan menstabilkan cerun di 6 lokasi kritikal. Salah satu daripada kawasan tersebut adalah di DUN Teratai iaitu di Bulatan Seraya, Taman Seraya, Ampang.
- b) Setelah projek penstabilan cerun sedia ada siap dilaksanakan, Kerajaan Negeri akan memberi pertimbangan lanjut untuk melaksanakan projek baru berisiko sepertimana cadangan MPAJ

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PROGRAM KEMAHIRAN TEKNIKAL

273. Kerajaan Negeri telah menyediakan kemudahan Program Kemahiran Teknikal (PKT) dengan kerjasama Kolej Internasional INPENS di Kuala Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kemudahan yang disediakan dalam PKT?
- b) Nyatakan jumlah peserta yang telah terlibat dalam PKT dan bagaimana kadar kebolehcapaian mereka sekarang?
- c) Berapakah peruntukan yang dibelanjakan bagi melaksanakan PKT?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa membantu anak-anak muda yang tercicir dalam bidang akademik untuk mendapatkan peluang pelajaran di dalam bidang kemahiran. Oleh yang demikian Program Kemahiran Teknikal ini diwujudkan bagi membantu pelajar-pelajar yang ibu bapa berpendapatan di bawah RM 1500.00 sebulan untuk mengikuti program kemahiran di bawah Sijil Kemahiran Malaysia.

Program-program yang ditawarkan di bawah program Tajaan Kemahiran Teknikal ini adalah seperti berikut:

- i) Pelukis Pelan Kejuruteraan Mekanikal;
 - ii) Juruteknik Kenderaan Motor;
 - iii) Juruteknik Elektrik;
 - iv) Juruteknik Elektronik Industri;
 - v) Pembuat Pakaian Wanita;
 - vi) Juru kecantikan & Juru estetik;
 - vii) Juruteknik Sistem Komputer;
 - viii) Penyahbekuan dan Penyaman Udara; dan
 - ix) Pemandan Rambut.
- b) Sehingga kini, jumlah pelajar yang ditaja dalam program tersebut adalah seramai 3,446 pelajar. Seramai 2,429 pelajar yang berjaya mendapat keputusan terampil iaitu lulus manakala selebihnya tidak lulus atau telah berhenti belajar.

c) Sebanyak RM 12,864,372.00 telah dibelanjakan sejak tahun 2008 hingga kini. Senarai pecahan perbelanjaan mengikut tahun adalah seperti berikut:

- i) Tahun 2008 sebanyak RM 791,749.00;
- ii) Tahun 2009 sebanyak RM 1,159,173.00;
- iii) Tahun 2010 sebanyak RM 2,668,000.00;
- iv) Tahun 2011 sebanyak RM 2,745,000.00;
- v) Tahun 2012 sebanyak RM 2,487,450.00; dan
- vi) Tahun 2013 sebanyak RM 3,013,000.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : RUMAH PANGSA KOS RENDAH

274. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah rumah pangsa kos rendah di mana tiada ejen atau pemaju yang ingin menguruskannya?
- b) Apakah langkah untuk menguruskan rumah pangsa kos rendah ini demi kebajikan penduduk?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan rekod daripada Unit Pesuruhjaya Bangunan Pihak Berkuasa Tempatan, bilangan rumah pangsa kos rendah yang tiada ejen atau pemaju untuk diuruskan adalah seperti berikut:

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	BILANGAN RUMAH PANGSA KOS RENDAH YANG TIADA PEMAJU ATAU EJEN (KAWASAN)
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	2
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	Tiada maklumbalas
3.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	9
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	63
5.	Majlis Perbandaran Klang	11
6.	Majlis Perbandaran Kajang	106
7.	Majlis Perbandaran Selayang	18
8.	Majlis Perbandaran Sepang	Tiada maklumbalas
9.	Majlis Daerah Hulu Selangor	1
10.	Majlis Daerah Kuala Selangor	0
11.	Majlis Daerah Kuala Langat	0
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam	0

- b) Pelbagai langkah telah diambil oleh Unit Pesuruhjaya Bangunan, Pihak Berkuasa Tempatan untuk menguruskan rumah pangsa kos rendah ini demi kebajikan penduduk antaranya seperti berikut:
 - i) Mengadakan program taklimat bersama pemilik untuk memberi pendidikan dan kesedaran berkenaan kepentingan penubuhan Badan

Pengurusan Bersama/Perbadanan Pengurusan dan pengurusan bangunan pangsapuri yang teratur;

- ii) Menjayakan penubuhan Badan Pengurusan Bersama/Perbadanan Pengurusan atau melantik ejen pengurusan untuk mengambil alih penyenggaraan dan pengurusan bangunan pangsapuri.
- iii) Mengadakan program gotong royong bersama penduduk untuk membersihkan kawasan pangsapuri.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga menawarkan Skim CERIA (*Caring Government For Residents' Improvement Aid*) untuk meringankan beban pemilik-pemilik pangsapuri membaik pulih kerosakan harta bersama melalui kaedah perkongsian kos.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELUK DATOK)**

TAJUK : PROJEK MENEBAT BANJIR

275. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah peruntukkan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk menebat banjir di DUN Telok Datok, Sijangkang dan Morib sejak Tahun 2008 sehingga Bulan Oktober 2013?
- i) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membina kolam takungan air di Pekan Banting untuk menyelesaikan masalah banjir?
- ii) Apakah perancangan jangka pendek dan panjang untuk meleraikan masalah banjir di Pekan Banting oleh Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

a)

Tahun	Kawasan DUN	Jumlah Peruntukan (RM)
2008	Telok Datok	347,950.00
2009	Telok Datok	434,588.00
2010	Telok Datok	384,144.00
2011	Telok Datok	521,629.00
2012	Telok Datok	763,343.00
Hingga Oktober 2013	Telok Datok	280,000.00
Jumlah		2,731,654.00

Tahun	Kawasan DUN	Jumlah Peruntukan (RM)
2008	Sijangkang	736,792.00
2009	Sijangkang	544,924.00
2010	Sijangkang	733,701.00
2011	Sijangkang	811,771.20
2012	Sijangkang	1,031,640.00
Hingga Oktober 2013	Sijangkang	780,000.00
Jumlah		4,638,828.20

Tahun	Kawasan DUN	Jumlah Peruntukan (RM)
2008	Morib	946,276.50
2009	Morib	971,451.00
2010	Morib	542,138.50
2011	Morib	1,601,438.20
2012	Morib	979,285.00
Hingga Oktober 2013	Morib	880,000.00
Jumlah		5,920,589.20

JUMLAH KESELURUHAN = RM 13,291,071.40

- i) **Ya**, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor bercadang untuk pembinaan kolam takungan sebagai langkah pencegahan banjir di kawasan Bandar Banting. Justeru itu, untuk **fasa pertama**, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor telah melantik Juru perunding untuk menjalankan **kajian Sistem Saliran di Bandar Banting** dan kini ianya telah berada hingga peringkat Draf Laporan Akhir.

Di dalam kajian tersebut ianya merangkumi beberapa alternatif termasuk:

- Menyediakan kolam takungan banjir yang melibatkan kos yang tinggi di atas keperluan pengambilan balik tanah.
- Menaik taraf struktur saliran berdasarkan kepada jenis dan saiz yang sesuai di tapak.

- ii) Di peringkat Kerajaan Negeri, cadangan jangka panjang adalah dengan meleraikan masalah banjir di Pekan Banting melalui kajian pencegahan banjir yang merangkumi:

- Pembinaan kolam takungan,
- Menaik taraf parit tanah ke longkang konkrit mengikut saiz dan jenis yang sesuai di tapak.
- Proses pengambilan balik tanah turut akan dijalankan.

Manakala untuk cadangan jangka pendek:

- Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan ke atas parit-parit yang berada di dalam kawasan berisiko banjir.
- Kerja-kerja penyelenggaraan parit dijalankan mengikut kepada penjadualan pengorekan iaitu dalam tempoh paling kurang setahun sekali mengikut keadaan semasa di tapak.
- Pemantauan dan pemeriksaan ke atas parit-parit di dalam kawasan Pekan Banting secara lebih kerap.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(BALAKONG)**

TAJUK : PENGGUNAAN INSINERATOR BAGI MENANGANI MASALAH SAMPAH

276. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah pendirian dan perancangan kerajaan negeri berkenaan penggunaan Insinerator bagi menangani masalah sampah?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sedang menjalankan kajian terperinci berhubung teknologi insinerator dan seumpamanya kerana ia dilihat dapat mengelakkan pergantungan sepenuhnya kepada sistem tapak pelupusan sanitari sediaada. Pada masa ini Negeri Selangor menghadapi masalah kekurangan tanah untuk mewujudkan lagi tapak pelupusan sanitari. Pelupusan sampah yang sedang dilaksanakan ketika ini dibuat dengan cara tapak pelupusan sanitari (3 tapak), tapak pelupusan sisa lengai (3 tapak), tapak pelupusan terbuka (3 tapak), transfer station (1 tapak) dan *Refuse-Derived Fuel* (RDF) (1 tapak). Oleh itu, sistem pelupusan sampah sedia ada adalah tidak mampan dan tidak akan dapat digunakan selama-lamanya. Malah terdapat beberapa tapak pelupusan yang mesti ditutup awal kerana kapasiti penggunaan yang maksima. Justeru itu, suatu kaedah lain perlulah dikenal pasti dengan segera bagi mengatasi masalah pelupusan sampah yang kian meningkat saban hari. Antara tapak pelupusan adalah seperti di **Lampiran 1**.

Lampiran 1

Bil.	Tapak Pelupusan	Kapasiti	Tahun Operasi	Jangka hayat	Kendalian
1.	Tapak Pelupusan Sanitari Jeram, Kuala Selangor	2700 tan/hari	2007	Sehingga Disember 2016 (9 tahun)	Worldwide Holdings Berhad
2.	Tapak Pelupusan Sanitari Tanjong Duabelas, Kuala Langat.	400 tan/hari	2010	Sehingga tahun 2050 (40 tahun)	Worldwide Holdings Berhad
3.	Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Tagar	5000 tan/hari	2005	Perjanjian dua (2) tahun sekali	KUB Berjaya Enviro Sdn Bhd.
4.	Transfer Station Seksyen 21, Shah Alam	1200 tan/hari	2007	Sehingga tahun 2050 (25 Tahun)	Worldwide Holdings Berhad
5.	Tapak Pelupusan Sisa Lengai Dengkil	200 tan/hari	2004	Sehingga tahun 2024 (20 tahun)	Worldwide Holdings Berhad.
6.	Tapak Pelupusan Sisa Lengai Kuang	120 tan/hari	2007	Sehingga tahun 2027 (20 tahun)	Worldwide Holdings Berhad.
7.	Tapak Pelupusan Sisa Lengai Sg. Kertas	20 tan/hari	2011	Sehingga tahun 2021 (10 tahun)	Worldwide Holdings Berhad.
8.	Tapak Pelupusan Secara Terbuka Bukit Beruntung	100-120 tan/sehari	2007	Sehingga tahun 2018 (11 tahun)	Majlis Daerah Hulu Selangor

Bil.	Tapak Pelupusan	Kapasiti	Tahun Operasi	Jangka hayat	Kendalian
9.	Tapak Pelupusan Secara Terbuka Sungai Sabai	80-100 tan/sehari	2001	Sehingga tahun 2018 (17 tahun)	Majlis Daerah Hulu Selangor
10.	Tapak Pelupusan Secara Terbuka Panchang Bedena	60 tan/sehari	1984	Sehingga tahun 2023 (39 tahun)	Majlis Daerah Sabak Bernam
11.	Loji RDF Semenyih	700 tan/sehari	2006	Sehingga tahun 2036 (30 tahun)	Majlis Perbandaran Kajang

***sumber: Worldwide Holdings Berhad & PBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : MELAHIRKAN GRADUAN YANG BERPENGETAHUAN

277. Dalam Laporan Ketua Audit Negara 2012 Negeri Selangor berpendapat, matlamat Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) untuk melahirkan graduan yang berpengetahuan, cemerlang dan beradab masih belum tercapai sepenuhnya.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan negeri bersetuju dengan pendapat ketua audit negara?
- b) Apakah perancangan kerajaan negeri bagi memastikan KUIS mampu mencapai matlamatnya?
- c) Apakah tindakan kerajaan negeri bagi menangani masalah yang dinyatakan dalam laporan ketua audit berkaitan KUIS?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor dan Pengurusan KUIS bersetuju dengan Laporan yang telah dikemukakan oleh Ketua Audit Negara iaitu:
 - i) Matlamat KUIS untuk mencapai graduan yang berpengetahuan, cemerlang dan beradab masih belum tercapai sepenuhnya.
 - ii) Pengambilan pelajar baharu belum mencapai sasaran yang ditetapkan.
 - iii) Jumlah graduan dan prestasi akademik yang sangat baik pada tahun 2009, 2010 telah menurun pada tahun 2011.
 - iv) Sistem pentadbiran dan pengurusan KUIS yang lemah juga telah mengakibatkan KUIS mengalami kerugian berjumlah RM11.30juta pada tahun 2011 berbanding keuntungan yang diperolehi sebanyak RM8.25juta pada 2009 dan RM4.36juta pada tahun 2010.
- b) KUIS perlu mengikut Pelan Strategik Pendidikan yang di garis panduan oleh Kerajaan Negeri yang selaras dengan kehendak 5 strategi Majlis Agama Islam Selangor yang memperkasa misi dan visinya.
- c) Melalui EXCO Pendidikan dan Pengajian Tinggi, Kerajaan Negeri Selangor yang telah mengadakan pertemuan dengan Pihak Pengurusan KUIS, dan KUIS perlu merangka dan melaksanakan pelan Strategik jangka panjang. Pelan Strategi kini

perlu juga disesuaikan dengan laporan Audit Negara untuk penambahbaikan pada masa akan datang.

Ahli Lembaga Pengarah KUIS yang dipengerusikan oleh Y.A.B Menteri Besar Selangor juga telah meminta pihak KUIS memperbaiki sistem pengurusan, kewangan dan peningkatan ekonomi juga pendidikan yang meliputi kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan kehendak semasa, selain itu juga pada waktu yang sama MAIS telah membentuk Jawatankuasa Pentadbiran KUIS untuk mengawal dan membantu pengurusan KUIS dalam menjalankan operasinya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : SEMESTA BERI KEBENARAN UNTUK KONTRAKTOR PEMBERSIHAN
PASIR LONGKANG KONKRIT**

278. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah kerajaan untuk memastikan kontraktor pembersih pasir di longkang-longkang monsun dapat melakukan pelupusan pasir yang telah dikorek dan dilonggokkan supaya masalah banjir kilat dapat dielakkan dari berlaku?

JAWAPAN:

- a) Kontraktor pembersihan longkang-longkang monsun yang dilantik oleh Jabatan Pengairan dan Saliran atau pihak berkuasa yang lain boleh melupuskan pasir yang dikorek dengan mendapatkan doket pemindahan pasir dari KSSB.

Permohonan boleh dibuat kepada KSSB dengan menyertakan salinan surat lantikan dari JPS atau pihak berkuasa yang berkaitan.

Tatacara ini telah diguna pakai untuk kerja-kerja tebatan banjir yang dilaksanakan oleh JPS di mana kontraktor lantikan JPS dibenarkan untuk memindahkan dan menjual pasir setelah mendapat doket dari KSSB.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(BALAKONG)**

**TAJUK : PELUANG PEKERJAAN DAN PROGRAM BAGI GOLONGAN REMAJA
DAN BELIA**

279. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah usaha kerajaan untuk meningkatkan peluang pekerjaan untuk anak Selangor terutamanya golongan remaja dan belia?
- b) Bagaimanakah kerajaan memperbanyakkan lagi program sedia ada bagi membantu golongan remaja dan belia?

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Negeri Selangor berusaha dengan memberi pendidikan kepada golongan remaja dan belia yang berkelayakan melalui bidang pendidikan. Usaha ini dapat dilihat apabila Kerajaan Negeri menubuhkan Universiti Selangor (UNISEL) yang menyediakan pelbagai kursus dan bidang pengajian dari peringkat Diploma sehingga peringkat PhD seperti berikut:-

- i) Kejuruteraan
- ii) Pendidikan dan Sains Sosial
- iii) Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
- iv) Sains dan Bioteknologi
- v) Pengurusan Perniagaan
- vi) Media dan Komunikasi
- vii) Sains Kesihatan
- viii) Seni Lukis dan Reka bentuk.

Secara umumnya, Kerajaan Negeri Selangor juga berusaha memberi peluang kepada Belia yang tidak berjaya melanjutkan pengajian dalam bidang akademik. Usaha ini dilaksanakan dengan menyediakan bidang latihan, teknikal dan kemahiran yang dikendalikan oleh Inspen International College (INPENS). Usaha-usaha ini merupakan bantuan Kerajaan Negeri kepada Belia bagi membantu mereka mendapatkan peluang pekerjaan pada masa hadapan dalam bidang seperti kecantikan, automatif, pendandan rambut, elektrik, elektronik, mekanik motosikal, sistem komputer dan penyaman udara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PERUMAHAN-PERUMAHAN KUARTERS

280. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah cadangan Kerajaan Negeri terhadap perumahan-perumahan kuarters sama ada milikan Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan yang usang dan terbiar di Kuala Kubu Bharu;
- b) Apakah cadangan Kerajaan Negeri terhadap rumah kuarters berdekatan dengan pasar awam Ulu Yam Baru?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri bercadang untuk merobohkan perumahan-perumahan kuarters milikan Kerajaan Negeri yang usang dan terbiar di Kuala Kubu Bharu di mana penyelenggaraannya di bawah tanggungjawab Pejabat Daerah/ Tanah Hulu Selangor. Walau bagaimanapun, buat masa ini perobohan masih belum dapat dilaksanakan memandangkan tapak-tapak kuarters berkenaan masih dalam proses pewartaan.
- b) Kuarters berdekatan dengan pasar awam Ulu Yam Baru adalah di bawah seliaan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS). Terdapat empat (4) buah kuarters di mana satu (1) daripadanya masih diduduki oleh kakitangan MDHS, manakala tiga (3) buah lagi adalah dalam keadaan usang dan sedang dalam proses untuk dirobohkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : LESEN BURUNG WALIT

281. Burung walit adalah antara perusahaan yang mendapat sambutan di Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan negeri menyambut baik perusahaan burung walit di Negeri Selangor?
- b) Apakah syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan kepada pengusaha burung walit untuk dipatuhi?
- c) Bagaimanakah kerajaan hendak memastikan semua pengusaha burung walit mempunyai lesen dan adakah harga lesen signifikan dengan kos-kos / rugi yang perlu ditanggung oleh setiap pengusaha?

JAWAPAN:

- a) Ya, Kerajaan Negeri menyambut baik perusahaan burung walit di Negeri Selangor.
- b) Syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan kepada pengusaha burung walit adalah seperti berikut : rujuk [Lampiran 1](#) dan [2](#) dan yang akan datang adalah Undang-undang Kecil Penternakan Burung walit yang pada masa ini di peringkat untuk proses ke arah pewartaan. Undang-undang kecil tersebut akan dikuatkuasakan setelah ianya diwartakan.
- c) Semakan ke atas data bancian pengusaha burung walit akan dilaksanakan. Sekiranya masih terdapat pengusaha yang enggan untuk mendapatkan lesen tindakan penguatkuasaan akan dijalankan. Harga lesen yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri adalah munasabah.



**GARIS PANDUAN KAEDAH PELESENAN
RUMAH BURUNG WALIT DI KAWASAN
PREMIS PERNIAGAAN DAN KAWASAN
SAWAH DI NEGERI SELANGOR**

**SEKSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN
UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR**

1. TUJUAN

1.1. Garis Panduan ini disediakan bertujuan sebagai rujukan bagi tatacara pengeluaran lesen ke atas rumah burung walit di kawasan premis perniagaan dan kawasan sawah padi di Negeri Selangor oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 31/2013 yang diadakan pada 16 Oktober 2013, telah menimbang dan meluluskan kaedah pelesenan rumah burung walit di kawasan premis perniagaan dan kawasan sawah di Negeri Selangor.

3. DASAR KERAJAAN NEGERI SELANGOR

3.1 Kerajaan Negeri hanya memberi kelonggaran syarat kepada pengusaha burung walit yang beroperasi di **kawasan komersial dan kawasan sawah sahaja.**

3.2 Pengeluaran lesen ini adalah bertempoh **tiga (3) tahun bagi kawasan komersial dan tujuh (7) tahun bagi kawasan sawah** bagi tujuan supaya para pengusaha dapat bersedia untuk menghentikan operasi atau berpindah ke kawasan pertanian selain sawah padi apabila tempoh diberi telah tamat.

4. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN LESEN PENTERNAKAN BURUNG WALIT

4.1 Syarat-syarat bagi permohonan lesen penternakan burung walit adalah seperti berikut:-

4.1.1 Permohonan ini adalah untuk pengusaha-pengusaha burung walit yang telah beroperasi sebelum **31 Disember 2013** sahaja yang layak memohon.

4.1.2 Lokasi yang terlibat dalam permohonan ini adalah seperti berikut:-

- a) Kawasan sawah padi; dan
- b) Kawasan komersial.

4.1.3 Lokasi yang tidak dibenarkan :-

- a) Kawasan perumahan;
- b) Rumah kedai di kawasan komersial;
- c) Mana-mana premis yang pernah mendapat aduan; dan
- d) Kawasan yang termasuk di dalam **zon 10km radius** daripada perimeter landasan penerbangan.

5. TEMPOH PEMBERIAN LESEN

- 5.1 Kawasan komersial – Tiga (3) tahun bermula **1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2016**; dan
- 5.2 Kawasan sawah padi – Tujuh (7) tahun bermula **1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2020**.

Pembaharuan lesen secara tahunan. Manakala bagi kawasan sawah padi pembaharuan boleh dibuat setiap 3 tahun.

6. KELAYAKAN MENERIMA INSENTIF

- 6.1 Mana-mana pengusaha yang berpindah ke kawasan pertanian (selain sawah padi) sebelum/pada masa tamat tempoh tersebut, akan mendapat insentif berupa **pengecualian cukai taksiran, cukai tanah dan lesen perniagaan** untuk tempoh selama **5 tahun** bermula daripada tarikh keluar premis asal.

7. **SYARAT-SYARAT AM**

7.1 Permohonan yang telah berdaftar dengan PBT untuk kelulusan lesen adalah tamat pada **31 Disember 2013**. Sebarang permohonan selepas tarikh tersebut tidak akan dilayan.

7.2 Permohonan hendaklah mengikut borang dan prosedur yang ditetapkan oleh PBT.

7.3 Syarat untuk mendapatkan ulasan daripada jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan bagi tujuan proses kelulusan lesen adalah dikecualikan.

7.4 Lesen akan tamat pada **31 Disember tahun semasa**.

7.5 Kadar bayaran:-


7.5.1 Bayaran proses – RM50.00

7.5.2 Fee lesen – Berdasarkan Undang-Undang Kecil Penternakan Burung Walit Dan Perusahaan Sarang Burung Walit (PBT) 2013

8. CARTA ALIR

8.1 Cara alir bagi permohonan lesen penternakan burung walit adalah seperti berikut:-

Gambarajah 1: Carta Alir Permohonan Lesen Penternakan Burung Walit



8.2 Pengusaha burung walit perlu membuat permohonan ke PBT yang berkenaan dengan mengisi borang permohonan serta memastikan senarai semak permohonan dipatuhi. Rujuk Lampiran 1.



**GARIS PANDUAN PELESENAN
INDUSTRI BURUNG WALIT
NEGERI SELANGOR**

SEKSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN SELANGOR

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Pendahuluan	2
2.	Definisi dan Tafsiran	2
3.	Peruntukan Undang-Undang	2
4.	Pelaksanaan Permohonan Lesen Burung Walit Bagi Permohonan Baru	3
5.	Senarai Semak Permohonan dan SOP Permohonan	3 - 4
6.	Syarat-Syarat Teknikal atau Sokongan	4
7.	Kadar Fi Lesen	5
8.	Lampiran 1	6
	Carta Alir Permohonan Lesen Penternakan Burung Walit	

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk menerangkan kaedah pelaksanaan permohonan lesen baru industri burung walit di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Selangor.
- 1.2 Garis panduan ini merangkumi definisi dan tafsiran, langkah-langkah proses permohonan **lesen baru** bagi perusahaan industri burung walit. Ianya termasuk syarat-syarat yang perlu dipatuhi, senarai semak permohonan dan juga kadar fi lesen.

2. DEFINISI DAN TAFSIRAN

Sila rujuk Garis Panduan Pembangunan Industri Burung Walit (1GP)

3. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

- 3.1 Bagi memantapkan dan memastikan proses pelesenan dan program pemutihan dapat dilakukan dengan berkesan, akta-akta yang terlibat adalah seperti berikut :-
 - a) Akta Binatang 1953 (semakan 2006) [Akta 647]
 - b) Akta Doktor Veterinar 1974 [Akta 147]
 - c) MS 11784:2003, *Radio Frequency Identification of Animal-Code Structure*
 - d) MS 2027:2006, Amalan Baik Penternakan Haiwan (GAHP)
 - e) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] : Subseksyen 19(1) dan Seksyen 22(A) bagi keperluan kebenaran merancang
 - f) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] : Seksyen 107 dan 110 bagi tujuan pelesenan dan penguatkuasaan
 - g) Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian yang diguna pakai oleh PBT untuk penguatkuasaan
 - h) Akta Warisan Kebangsaan [Akta 645]
 - i) Akta Standard 1996 (Semakan 2006) [Akta 549]

*Untuk senarai lengkap, sila rujuk Garis Panduan Pembangunan Industri Burung Walit (1GP)

4. PELAKSANAAN PERMOHONAN LESEN BURUNG WALIT BAGI PERMOHONAN BARU

4.1 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN BARU

- 4.1.1 Permohonan baru hanya boleh diproses selepas tarikh garis panduan ini berkuatkuasa.
- 4.1.2 Lokasi dibenarkan hanya dikawasan pertanian sahaja KECUALI sawah padi.
- 4.1.3 Permohonan lesen burung walit hendaklah mengikutborang dan prosedur yang ditetapkan oleh pihak Majlis.
- 4.1.4 Senarai semak bagi permohonan baru bagi pengusaha Burung Walit seperti di dalam Garis Panduan Pembangunan Industri Burung Walit (1GP) yang disediakan oleh JPV.

5. SENARAI SEMAK PERMOHONAN DAN SOP PERMOHONAN

5.1 SENARAI SEMAK PERMOHONAN BARU BAGI PERMOHONAN LESEN PENTERNAKAN BURUNG WALIT

BIL	PERKARA	ADA	TIADA	CATATAN
1.	PENDAFTARAN PERNIAGAAN			
2.	SALINAN CUKAI TAKSIRAN			
3.	SALINAN CUKAI TANAH			
4.	SALINAN KAD PENGENALAN			
5.	SURAT PERJANJIAN PENYEWAAN / PERJANJIAN JUALBELI			
6.	GAMBAR PEMOHON (2 KEPING)			
7.	PELAN LANTAI			
8.	PELAN LOKASI			
9.	GAMBAR PREMIS PERNIAGAAN (DEPAN, BELAKANG, DALAM, SISI)			
10.	PELAN LAKARAN PAPAN IKLAN (3 SALINAN) (WAJIB MEMASANG PAPAN IKLAN)			

11.	SIJIL KELAYAKAN MENDUDUKI BANGUNAN/SIJIL PENYIAPAN DAN PEMATUHAN BANGUNAN (CFO/CCC)			
12.	KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG DAN TUKAR SYARAT NYATA TANAH (SERENTAK)			
13.	ULASAN MENYOKONG DARI JABATAN – JABATAN TEKNIKAL SEPERTI DIBAWAH :- a) JABATAN VETERINAR b) PEJABAT TANAH DAERAH c) JABATAN BOMBA & PENYELAMAT d) JABATAN PERHILITAN e) PEJABAT KESIHATAN DAERAH f) JABATAN WARISAN (BANGUNAN LEBIH 100 TAHUN)			
14.	PENGESAHAN PERSETUJUAN JIRAN - 50 METER RADIUS			Telah ada bantahan lot berjiran semasa KM
15.	SURATAN HAK MILIK TANAH			

Tempoh proses permohonan lesen pengusahaan burung walit ialah 30 hari bekerja dan kelulusan hanya diputuskan dalam mesyuarat jawatankuasa.

Semua pengusaha burung walit diwajibkan mempamerkan papan tanda iklan yang mengandungi alamat, nama syarikat, no. telefon dan no. lesen.

7. SYARAT-SYARAT TEKNIKAL ATAU SOKONGAN

7.1 Ulasan menyokong dari Jabatan-Jabatan Teknikal seperti dibawah:

- a) Jabatan Veterinar;
- b) Pejabat Tanah Daerah;
- c) Jabatan Bomba & Penyelamat;
- d) Jabatan Perhilitan;
- e) Pejabat Kesihatan Daerah;
- f) Jabatan Perancang (Kebenaran Merancang);
- g) Jabatan Pembangunan; dan
- h) Jabatan Warisan (Bangunan melebihi 100 tahun).

8. KADAR FI LESEN

PENTERNAKAN / PELADANGAN


BIL	LESEN	FI
1.	Keluasan tidak melebihi 130 meter persegi	RM 720.00
2.	Tiap-tiap tambahan 25 meter persegi atau sebahagiannya	RM 100.00

*kadar maksimum adalah RM1000.00

PEMROSESAN

BIL	LESEN	FI
1.	Keluasan tidak melebihi 130 meter persegi	RM 480.00
2.	131 hingga 260 meter persegi	RM 720.00
3.	Melebihi 260 meter persegi	RM 1200.00

CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN PENTERNAKAN BURUNG WALIT





NAMA DAN ALAMAT PBT NO TELEFON PBT ALAMAT WEBSITE DAN EMAIL PBT
--

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN LESEN
PENTERNAKAN / PERUSAHAAN BURUNG WALIT**

- SILA LENGKAPKAN SENARAI SEMAK INI BESERTA DOKUMEN MENGIKUT SUSUNAN. PERMOHONAN YANG TIDAK LENGKAP AKAN DITOLAK / TIDAK DIPROSES.**

BIL	DOKUMEN	DIISI OLEH PEMOHON [TANDAKAN /]	KEGUNAAN PEJABAT
1	Gambar pemohon bersaiz passport (2 keping)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2	Salinan kad pengenalan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3	Surat perjanjian penyewaan atau kebenaran pemilik bangunan (jika bukan bangunan sendiri)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4	i. Salinan Pendaftaran Syarikat termasuk Borang 49. ATAU ii. Salinan Pendaftaran Perniagaan termasuk maklumat perniagaan dan maklumat pemilik.	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
5	Salinan Pendaftaran dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6	Salinan Sijil Kehadiran Kursus Amalan Baik Penternakan Burung Walit (Good Animal Husbandry Practice @ GAHP), sekiranya ada).	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7	Salinan Cukai Taksiran / Salinan Geran Tanah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8	Salinan pelan lokasi premis	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9	Salinan pelan lantai (nyatakan keluasan setiap lantai)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10	Gambar premis (3 keping: pandangan hadapan, belakang dan tepi premis)	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
11	Bayaran proses RM 50.00	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

BAHAGIAN I : BUTIR-BUTIR PEMOHON DAN SYARIKAT

1. Nama Pemohon

2. No. K/ Pengenalan

3. Warganegara 4. Bangsa

5. Nama dan Alamat Syarikat

6. Jawatan Dalam Syarikat 7. No. Daftar Syarikat

8. No. Telefon Syarikat 9. No. Faks Syarikat

10. No. H/P 11. Email

12. Alamat Surat Menyurat

BAHAGIAN II : BUTIR-BUTIR PERMOHONAN PREMIS PERNIAGAAN

1. Alamat Premis Perniagaan

2. Jenis Premis

(Nyatakan samada Kedai / Kedai Pejabat / Rumah Kedai / Kompleks Perniagaan / Lain-Lain)

3. Lokasi Tapak :

3.1 Kawasan Komersil

3.2 Kawasan Sawah Padi

4. Jenis Bangunan :

4.1 Kekal Bil. Tingkat :

4.2 Sementara Bil. Tingkat :

5. Luas Lantai : meter panjang X meter lebar = meter persegi

6. Hak milik : Milik Sendiri Sewa

Perhatian: Sila sertakan dokumen pemilikan premis atau surat perjanjian atau kebenaran menyewa jika premis sewa.

BAHAGIAN III : BUTIR-BUTIR PERMOHONAN IKLAN PERNIAGAAN

Bil.	*Jenis Iklan	Unit	Tajuk Iklan	Saiz

*Iklan Berlampu / Tidak Berlampu / Lain-Lain (Nyatakan)

BAHAGIAN V : PERAKUAN PEMOHON

Dengan ini saya.....mengaku dan mengesahkan bahawa semua maklumat yang tercatat di dalam borang ini dan lampiran-lampiran yang disertakan adalah benar.

.....
Tandatangan Pemohon & Cop Syarikat / Perniagaan

Jawatan :.....

Tarikh :.....

BAHAGIAN VI : UNTUK KEGUNAAN RASMI

1. Permohonan ini diterima oleh :pada
(Tandatangan & cop)

2. Permohonan yang diterima lengkap : Ya Tidak

3. No. Resit Bayaran Proses:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : GALAKAN DAN INSENTIF BERNIAGA

282. Golongan muda sama ada lelaki atau wanita harus diberi galakan dan insentif bagi memastikan mereka mampu memulakan perniagaan sendiri.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah usaha kerajaan negeri ke arah melahirkan usahawan muda?
- b) Nyatakan galakan dan insentif berniaga yang diwujudkan oleh kerajaan negeri untuk membantu golongan muda?
- c) Senaraikan program dan jumlah usahawan yang telah menikmati bantuan ini?

JAWAPAN:

- a) Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan hanya menawarkan bantuan mengembangkan perniagaan yang telah beroperasi. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor di bawah Program MES melalui MiMBAR dan SKIMSEL menawarkan bantuan memulakan usaha niaga dan bantuan memulakan perniagaan.

Seramai 2,247 orang, yang mewakili 39 % daripada peserta MiMBAR adalah terdiri daripada belia dan usahawan muda. Selain daripada modal atau peralatan, mereka ini juga didedahkan dengan kursus-kursus kemahiran dan keusahawanan. Antara kursus yang disalurkan kepada peserta ialah Kursus kewangan, pemasaran, kemahiran, jaringan sosial, motivasi dan sebagainya. Kursus-kursus ini bertujuan untuk melengkapkan kemahiran diri dan memantapkan peserta sebagai seorang usahawan.

Jadual bilangan peserta mengikut umur dan PBT.

Umur	MBSA	MPK	MBPJ	MPSJ	MPAJ	MPS	MPKj	MPSp	JUMLAH	%
Kurang dari 30 tahun	60	123	113	27	70	102	66	16	577	10%
30 tahun - 39 tahun	171	422	273	96	163	297	189	59	1670	29%
40 tahun - 49 tahun	240	601	311	140	224	430	196	54	2196	38%
50 tahun - 59 tahun	104	275	193	86	167	207	114	26	1172	21%

Umur	MBSA	MPK	MBPJ	MPSJ	MPAJ	MPS	MPKj	MPSp	JUMLAH	%
60 tahun ke atas	14	33	13	8	20	16	12	0	116	2%
JUMLAH	589	1454	903	357	644	1052	577	155	5731	100%

- b) Sebagai galakan dan insentif berniaga, kerajaan negeri melalui MiMBAR Selangor telah memperkenalkan pelbagai program yang bersesuaian bagi usahawan muda. Ianya terdiri daripada Program Mikrokredit, Program Bantuan Niaga, dan Program Bantuan Kerja yang meliputi pinjaman pusingan pertama dan kedua.

MiMBAR Selangor bukan sahaja memberikan pinjaman kewangan semata-mata, akan tetapi MiMBAR Selangor turut memberi bantuan dan sokongan dari segi bantuan niaga untuk menjana pendapatan, bantuan produk untuk memulakan perniagaan, ilmu dan pengetahuan perniagaan, nilai tambah produk, serta jaringan perniagaan. Berikut merupakan program-program yang disediakan di bawah MiMBAR Selangor:

- i) Mikrokredit

Pinjaman kewangan bernilai dari RM1,000 hingga RM5,000 mengikut kepada keperluan pinjaman bagi jenis perniagaan. Pinjaman ini dikhususkan kepada peniaga kecil untuk menambah modal pusingan.

- ii) Bantuan Niaga

Memberikan bantuan seperti peralatan, produk, dan ruang niaga kepada peniaga kecil. Pakej ini membantu pemohon untuk terus mula berniaga dengan peralatan yang disediakan seperti kiosk dan produk.

- iii) Bantuan Kerja

Menyediakan peralatan dan ruang kerja sebagai inisiatif baru bagi konsep “workfare” dengan tawaran pakej bantuan kerja bagi membantu rakyat Selangor lebih berdikari melalui pakej cucian karpet MiMBAR Kleaner. Program ini dibentuk secara berkumpulan yang terdiri daripada 3 orang sekumpulan.

- iv) MiMBAR-Mart

MiMBAR-Mart merupakan satu platform bagi peserta MiMBAR Selangor untuk memperkenalkan produk masing-masing ke pasaran tempatan dan membantu untuk meningkatkan ekonomi peserta. Di samping itu, peserta-peserta boleh bertukar pandangan, produk serta saling membantu antara satu sama lain.

v) Latihan dan Kursus Kemahiran / “*Business Coaching*”

MiMBAR Selangor tidak ketinggalan membantu peserta dengan menyediakan program-program latihan dan kursus kemahiran agar menjadi peniaga kecil yang berjaya dan berdaya saing. MiMBAR Selangor juga kerap membawa mentor-mentor perniagaan yang telah berjaya untuk berkongsi pengalaman dengan peserta.

vi) Tapak niaga & sokongan lesen perniagaan

MiMBAR Selangor turut membantu para pesertanya dengan memanjangkan informasi yang diperolehi terutama dari Pihak Berkuasa Tempatan perihal tapak-tapak niaga atau gerai yang kekosongan. MiMBAR Selangor juga memberi sokongan kepada mereka yang ingin mendapatkan lesen perniagaan dari Pihak Berkuasa Tempatan.

c) Senarai program dan jumlah usahawan yang telah menikmati bantuan adalah seperti berikut:-

Bil	Pilihan Program	Bilangan (orang)	Jumlah pembiayaan (RM)
1	Mikrokredit	5,566	10,966,700.00
2	Program Bantuan Produk	1,766	940,000.00
3	Program Bantuan Niaga	126	376,500.00
4	Program Bantuan Kerja	39	117,000.00
JUMLAH		7497	12,400,200.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(KINRARA)**

TAJUK : TAPAK PERKUBURAN BUKAN ISLAM

283. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan negeri untuk menyelesaikan masalah kekurangan tapak perkuburan bukan Islam?
- b) Sila nyatakan lokasi krematorium yang dimiliki PBT?
- c) Sila nyatakan lokasi yang sesuai di MPSJ untuk membina "Funeral Parlour".

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui mesyuarat MMKN ke 24/2011 telah bersetuju melaksanakan konsep perkuburan wilayah bersepadu (PWB) di Negeri Selangor mengikut lokasi dan wilayah-wilayah kedudukan PBT. Cadangan tapak-tapak PWB akan dikenal pasti mengikut kewujudan tapak, kadar kemudahsampaian dan kemudahan aksesibiliti untuk perkongsian bersama antara PBT yang berhampiran bagi memenuhi keperluan penduduk setempat dan PBT berjiran. Konsep PWB akan dibahagikan kepada tiga zon, iaitu:
 - i) **Zon Utara** : cadangan tapak PWB di kawasan MPK / MDKS / MBSA
 - ii) **Zon Timur** : cadangan tapak PWB di kawasan MPKj / MDHS
 - iii) **Zon Selatan** : cadangan tapak PWB di kawasan MPSp.

Sebagai cadangan awal, empat tapak perkuburan dengan anggaran keluasan 300.63 hektar (742.87 ekar) telah dikenal pasti sebagai tapak PWB di Negeri Selangor iaitu:

▪ **Zon Selatan :**

- i) Lot 3366, Mukim Labu, Sepang (MPSp)
- ii) Lot 5758, Mukim Sepang (MPSp)
- iii) Kawasan RRIM, Petaling Jaya (MBPJ)

▪ **Zon Timur :**

- i) Tapak tanah perkuburan bersepadu di Hulu Semenyih, Kajang (MPKj) yang meliputi sejumlah 33 lot

Selain itu, kerajaan negeri juga telah mewartakan tanah seluas lebih kurang 10.117 hektar (25 ekar) di Lot 5758 GRN 80611 Mukim Dengkil, Sepang, bagi tujuan kegunaan Tapak Perkuburan Cina dan Perkuburan Islam di kawasan Sepang dan Sungai Pelek, Sepang.

- b) Sebanyak 5 buah krematorium telah dibina di PBT Negeri Selangor. Berikut adalah jumlah krematorium dan lokasi mengikut PBT:

PBT	JUMLAH KREMATORIUM	LOKASI
MBSA	1	Tanah Perkuburan Cina Seksyen 21, Shah Alam
MPK	1	Krematorium MPK, Jalan Langat, Klang
MSPJ	1	Puchong Batu 14, Mukim Petaling, Daerah Petaling
MPAJ	1	Lot 2945, Jalan Kolam Air Lama, Ukay Heights
MBPJ	1	Jalan 229, Section 51, Petaling Jaya.

- c) Lokasi untuk membina "Funeral Parlour" adalah seperti berikut:

Bil	Lokasi	Luas
1.	Tapak Tokong, Jalan PUJ 9/4, Taman Puncak Jalil, No Pelan:MPSJ/JPB/600-1/2/BP6-2(PS)(F) Bertarikh 16 Ogos 2013	0.481 ekar
2.	Tapak Tokong, Persiaran Desaminium 1, Taman Desaminium No Pelan:MPSJ.PS(A)260/1/157 Bertarikh 07 September 2010	1.070 ekar

Lokasi tapak hanyalah berdasarkan pelan Kelulusan Kebenaran Merancang. Walau bagaimanapun ia tertakluk kepada Pejabat Tanah dan Daerah Petaling untuk kelulusan tanah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : KEMISKINAN BANDAR

284. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membasmi kemiskinan bandar dan apakah keberkesanannya mengikut statistik?
- b) Berapakah peruntukan yang disasarkan khususnya untuk tujuan tersebut?
- c) Apakah rancangan masa depan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan mengambil berat mengenai hal kemiskinan sama ada di bandar atau di luar bandar. Buat masa sekarang, Kerajaan Negeri masih meneruskan program-program sedia ada iaitu Program Bantuan Blueprint Kemiskinan, Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin, dan Tajaan Kemahiran Teknikal. Bagi memastikan bantuan-bantuan ini terus sampai kepada golongan sasar maka Kerajaan Negeri akan mengadakan banciaan di Selangor sama ada di bandar atau luar bandar dalam masa terdekat. Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sedang memilih beberapa universiti di Selangor untuk mengadakan kerjasama bagi tujuan banciaan ini.
- b) Bagi tujuan pembasmian kemiskinan, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan seperti berikut:
 - i) Sebanyak RM2 juta diperuntukkan di bawah vot Kemiskinan untuk program bantuan peralatan perniagaan di bawah program Bantuan Blueprint Kemiskinan serta program-program pembasmian kemiskinan; dan
 - ii) Sebanyak RM2.3 juta bagi Tajaan Kemahiran Teknikal yang bertujuan membantu anak-anak dari keluarga miskin yang tercicir dalam akademik untuk belajar di peringkat Sijil dan Diploma Kemahiran.
- c) Jawatankuasa Tetap Kemiskinan sedang memperhalusi beberapa program baru untuk dilaksanakan pada tahun hadapan. Perkara ini akan dimaklumkan setelah ianya mendapat kelulusan Kerajaan Negeri untuk dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

**TAJUK : PERUNTUKAN 2014 UNTUK PROGRAM KURSUS AHLI DEWAN NEGERI,
AHLI MAJLIS DAN JKP**

285. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah peruntukan 2014 untuk program kursus Ahli Dewan Negeri, Ahli Majlis dan JKP?
- b) Apakah program/ kursus yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri kepada Ahli Dewan Negeri, Ahli Majlis dan JKP?

JAWAPAN:

- a) Tiada peruntukan khas bagi tahun 2014 untuk program kursus bagi Ahli Dewan Negeri. Sekiranya terdapat permohonan untuk mengadakan program / kursus, Pejabat Dewan Negeri akan memohon peruntukan kewangan daripada Perbendaharaan Negeri bagi tujuan tersebut.

Manakala peruntukan 2014 untuk program kursus bagi Ahli Majlis dan JKP adalah di bawah pihak berkuasa tempatan seperti berikut:

BIL	MAJLIS	JUMLAH PERUNTUKAN	CATATAN
1	MBSA	RM100,000.00 hingga RM200,000.00	Jumlah tersebut merupakan peruntukan bagi kumpulan Pengurusan & Profesional termasuk Ahli Majlis
2	MBPJ	RM185,000.00	Dalam negara : RM85,000.00 Luar negara : RM100,000.00
3	MPSJ	Tiada peruntukan khusus	-
4	MPKj	RM90,000.00	RM80,000.00 bagi Retreat Ahli Majlis RM10,000.00 bagi lain-lain kursus
5	MPS	RM28,000.00	Ahli Majlis dan JKP

BIL	MAJLIS	JUMLAH PERUNTUKAN	CATATAN
6	MPK	Tiada peruntukan khusus	-
7	MPAJ	RM60,000.00	Melibatkan 3 program setahun iaitu dalam tempoh 4 bulan sekali
8	MPSp	RM39,640.00	-
9	MDKS	Tiada peruntukan khusus	-
10	MDSB	RM20,000.00	-
11	MDHS	RM37,500.00	Perkiraan RM1,500.00/orang
12	MDKL	Tiada peruntukan khusus	Walau bagaimanapun kursus Ahli Majlis akan menggunakan vot peruntukan latihan MDKL. Manakala JKP akan menggunakan vot peruntukkan MPP

- b) Tiada Program/ kursus khas yang dianjurkan oleh Pejabat Dewan Negeri kepada Ahli Dewan Negeri. Walau bagaimanapun Pejabat Dewan Negeri akan menganjurkan kursus berkaitan sekiranya terdapat permohonan daripada Y.B. Ahli Dewan Negeri atau arahan daripada Pihak Berkuasa Negeri dari masa ke semasa.

Bagi Ahli Majlis dan JKP, program /kursus yang dianjurkan adalah seperti berikut:-

BIL	PBT	PROGRAM/KURSUS BAGI TAHUN 2014
1	MBSA	Kursus Pembangunan / Pembimbing / Kepimpinan Kursus Berkaitan Teknologi Maklumat Bengkel Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Kursus Perasa bersama Ahli Majlis

		<p>Retreat Ahli Majlis</p> <p>Kursus Perundangan / Garis Panduan berkaitan tugas PBT</p> <p>Lawatan Sambil Belajar</p>
2	MBPJ	<p>i. Retreat Ahli Majlis dan Ketua Jabatan</p> <p>Seminar</p> <p>iii. Lawatan Kerja Ahli Majlis dan Ketua Jabatan Dalam dan Luar Negara</p>
3	MPSJ	<p>Ahli Majlis</p> <p>Kursus Kecergasan / Teambuilding bersama Kumpulan Pengurusan dan Profesional</p> <p>JKP</p> <p>Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB)</p> <p>Program Kemasyarakatan</p> <p>Program Keselamatan</p> <p>Program Kesihatan</p>
4	MPKj	Retreat Ahli Majlis
5	MPS	<p>Kursus LA21 & Jawatankuasa Penduduk (termasuk kerani-kerani JKP)</p> <p>Kursus Pemantapan Organisasi dan retreat Ahli Majlis MPS</p> <p>Lawatan Ahli Majlis MPS</p>
6	MPK	Tiada Program Khusus
7	MPAJ	<p>Pengenalan / Pemahaman Undang-undang kecil kepada Ahli Majlis dan Ketua JKP</p> <p>Program Sasaran Kerja Tahunan (Pencapaian KPI untuk Ahli Majlis)</p> <p>Kursus Pengurusan Kewangan</p>

		<p>Kursus Pemahaman Pekeliling Tatacara pembayaran untuk JKP</p> <p>Kursus Penambahbaikan Perkhidmatan PBT untuk Ahli Majlis</p> <p>Program Utama :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Program Seminar Bersama Penduduk ii. Program Seminar COB bersama JMB, Ahli Majlis dan JKP iii. Program Seminar Jawatankuasa Induk Local Agenda 21
8	MPSp	Lawatan kerja setahun sekali
9	MDKS	MDKS akan menghantar Ahli Majlis mengikuti kursus yang dianjurkan oleh pusat latihan Awam Selangor, PLAS
10	MDSB	<ul style="list-style-type: none"> i. Seminar Sasaran Kerja Tahunan MDSB ii. Kursus Pemantapan Amalan 5S iii. Ceramah Motivasi (6 Siri) iv. Ceramah Kesihatan (4 Siri) v. Kursus Keselamatan IT vi. Kursus Teambuilding vii. Kursus Pengurusan Kewangan
11	MDHS	Tiada maklumat
12	MDKL	Lawatan kerja setahun sekali

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(DENGKIL)**

TAJUK : JAMBATAN RUNTUH DI CYBERJAYA

286. Jambatan runtuh di Selangor Science Park Interchange berdekatan Cyberjaya menyebabkan kesesakan trafik yang teruk di waktu puncak di kawasan tersebut.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status terkini tentang permasalahan ini?
- b) Sudahkah dibuat satu kerja penilaian lengkap tentang plan untuk membina semula atau memperbaiki jambatan ini dan berapakah anggaran kos yang terlibat untuk kerja-kerja baik pulih dan membina semula jambatan ini?
- c) Bilakah kerja-kerja pembinaan akan dimulakan untuk mengatasi permasalahan dan keluhan rakyat di kawasan ini?

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini, laporan interim kajian sedang disediakan oleh Perunding Bebas yang telah dilantik berdasarkan maklumat-maklumat daripada PKNS dan PLUS termasuk perunding masing-masing yang terlibat dengan reka bentuk struktur jambatan dan reka bentuk lebuhraya.

Proses ini melibatkan pengumpulan data dan membuat analisa berkaitan pembinaan jambatan dan lebuhraya di pelbagai peringkat termasuk siasatan tanah, reka bentuk, penyeliaan sehingga struktur siap termasuk siri-siri ujian yang telah dibuat di tapak. Ujian-ujian dan kerja-kerja tambahan turut dijalankan di tapak bagi menentu sahkan data-data yang diserahkan.

Laporan interim preliminari telah diperolehi pada 11 November 2013 dan laporan muktamad di bentang pada Disember 2013.

Dalam pada itu, bagi mengurangkan kesesakan trafik yang teruk di waktu puncak, PKNS telah meminta bantuan pihak Polis untuk mengawal lalu lintas pada waktu-waktu puncak.

- b) Cadangan untuk membina semula atau memperbaiki jambatan adalah tertakluk kepada hasil pelaporan dan cadangan oleh Perunding Bebas ini. Selagi dan sehingga laporan yang muktamad diperolehi, anggaran kos yang terlibat bagi kerja-kerja baik pulih dan membina semula jambatan runtuh belum dapat dikenal pasti.

Walau bagaimanapun berdasarkan reka bentuk asal, anggaran kos bagi pembinaan jambatan baru ini adalah RM10 juta.

- c) Berdasarkan laporan muktamad oleh Perunding Bebas ini kelak, reka bentuk jambatan akan dibuat mengikut ulasan dan pengesyoran laporan tersebut. Ini akan disusuli dengan proses tender sebelum penawaran dan pelantikan kontraktor dapat dibuat. Pembinaan dijangka akan mengambil tempoh kira-kira selama satu (1) tahun selepas pelantikan kontraktor dibuat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : BANDAR SELAMAT DI PBT

287. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah keberkesanan dan impak inisiatif ini terhadap rakyat?
- b) Apakah inisiatif kerajaan negeri untuk memastikan projek ini berjaya?

JAWAPAN:

- a) Impak program Bandar Selamat di PBT terhadap rakyat kurangnya rasa takut untuk berada di lokasi awam terutamanya lokasi-lokasi yang sebelum ini di kategori sebagai lokasi *hot spot* jenayah serta mampu mencegah atau mengurangkan kebarangkalian berlakunya jenayah.
- b) Kerajaan Negeri sentiasa menyokong pelaksanaan projek ini oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Pemantauan secara keseluruhan pelaksanaan di lakukan bagi melihat keberkesanan projek ini. Sebarang isu dan permasalahan yang dihadapi di selaraskan dengan pihak-pihak yang bertanggungjawab. Pelaporan berterusan kepada pihak Kementerian turut dilaksanakan secara berkala.

Inisiatif tambahan yang akan diadakan adalah dengan menambah bilangan CCTV yang sedia ada agar ianya dapat mencegah dan mengenal pasti pelaku kejadian jenayah jalanan dan vandalisma.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : INDUSTRI PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR (INSPENS)

288. Program usaha sama kerajaan negeri dengan kolej INSPENS bagi membiayai pembelajaran dan sara hidup sepanjang pembelajaran.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah syarat kelayakan bagi memohon program tersebut?
- b) Berikan statistik pelajar yang mengikuti program ini bermula 2008-2013?
- c) Berapakah peruntukan pembiayaan yang ditanggung oleh kerajaan negeri?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri menggalakkan golongan belia tercicir dalam bidang akademik untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang kemahiran melalui kursus – kursus yang ditawarkan oleh INSPENS. Pemohon yang berminat hendaklah memenuhi syarat seperti berikut :
 - i) Pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
 - ii) Telah bermastautin lebih dari 5 tahun di negeri Selangor dengan pengesahan ADUN/Penghulu/Ketua Kampung;
 - iii) Umur semasa mendaftar sekurang – kurangnya 17 tahun;
 - iv) Pendapatan isi rumah iaitu ibu bapa pemohon di bawah RM 1500.00 sebulan; dan
 - v) Berminat dan bersedia untuk menamatkan pengajian di dalam bidang kemahiran teknikal.
- b) Secara ringkasnya,seramai 2,479 orang telah menerima manfaat bagi program Kemahiran Teknikal sejak tahun 2008. Berikut adalah senarai pelajar mengikut tahun:
 - i) Tahun 2008 – seramai 331 pelajar yang di taja;
 - ii) Tahun 2009 – seramai 428 pelajar yang di taja;
 - iii) Tahun 2010 – seramai 410 pelajar yang di taja;
 - iv) Tahun 2011 – seramai 436 pelajar yang di taja;
 - v) Tahun 2012 – seramai 414 pelajar yang di taja; dan
 - vi) Tahun 2013 – seramai 460 pelajar yang di taja.

c) Kerajaan Negeri melalui Tajaan Kemahiran Teknikal di bawah seliaan Jawatankuasa Tetap Kemiskinan memperuntukkan sebanyak RM 6,550.00 seorang bagi tempoh enam (6) bulan. Berikut adalah senarai pecahan pembiayaan di bawah tajaan ini:

- i) Yuran pengajian adalah sebanyak RM 3,400.00;
- ii) Elaun makan sebanyak RM 1,620.00;
- iii) Elaun sara diri sebanyak RM 150.00 sebulan selama enam (6) bulan;
- iv) Elaun penginapan sebanyak RM 600.00 bagi pelajar yang tinggal di asrama sahaja; dan
- v) Yuran pendaftaran kemasukan sebanyak RM 30.00.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri dan agensi-agensi lain juga mempunyai lain-lain pembiayaan kepada pelajar INPENS iaitu:

- i) Pinjaman Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pendidikan;
- ii) Pinjaman Yayasan Selangor;
- iii) Tajaan Lembaga Zakat Selangor; dan
- iv) Tajaan Kementerian Kewangan Malaysia

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELUK DATOK)**

TAJUK : PENGINDAHAN BANDAR DAN DESA

289. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila menyatakan pecahan peruntukkan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dalam kerja-kerja Pengindahan Bandar dan Desa mengikut susunan setiap Daerah sejak tahun 2008 sehingga Bulan Oktober 2013?
 - i) Sebarang perancangan Kerajaan Negeri untuk mengindahkan Jalan Sungai Buaya, Kampong Sungai Jarom yang diminati dengan pelawat dalam dan luar negeri melancong ke Jenjarom.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM4,800,000.00 bagi kerja-kerja pengindahan Bandar dan desa melalui Program Zon Bersih di kesemua dua belas (12) PBT Selangor.
 - i) Setakat ini tiada perancangan untuk pengindahan bagi kawasan tersebut walau bagaimanapun pihak majlis akan cuba mencadangkan bagi permohonan projek- projek pelancongan akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PROGRAM BANTUAN RUMAH KERAJAAN PRIHATIN

290. Bantuan rumah dengan kos maksima sebanyak RM35,000.00 melalui Program Kerajaan Prihatin (PKP)

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan syarat-syarat memohon PKP?
- b) Berikan jumlah penerima yang telah mendapat bantuan PKP mengikut daerah sehingga 2013?
- c) Nyatakan statistik peruntukan bagi setiap penerima mengikut DUN?

JAWAPAN:

- a) Syarat- syarat memohon Program Kerajaan Prihatin adalah seperti berikut :-
 - i) Pendapatan isi rumah pemohon hendaklah **di bawah RM1,500.00** sebulan;
 - ii) Umur pemohon adalah di antara **50 tahun hingga 65 tahun** sahaja kecuali Orang Kelainan Upaya (OKU) dan kes-kes tertentu;
 - iii) **Pemohon yang menumpang tidak layak dipertimbangkan;**
 - iv) Keadaan rumah yang sangat daif dan tidak sesuai untuk didiami. Hanya **kerosakan asas** sahaja akan dipertimbangkan untuk tujuan baik pulih;
 - v) **Mempunyai tapak untuk membina kediaman baru.** Kedudukan tapak mestilah berdekatan dengan bekalan air dan elektrik dan bukan kawasan banjir. Sekiranya tapak tiada bekalan air dan elektrik, penerima bantuan bersetuju untuk menanggung kos pemasangan bekalan air dan elektrik;
 - vi) Pemohon dikehendaki untuk **melampirkan surat kebenaran menduduki/surat kuasa menduduki** daripada tuan/pemilik tanah sekiranya tanah bukan hak milik pemohon;
 - vii) Tanggungan yang tinggal bersama **tidak berpendapatan tetap;**

- viii) Pemohon tidak mempunyai **harta-harta yang dianggap mewah**;
 - ix) Rumah yang **sedang dalam pembinaan atau terbengkalai** tidak akan dipertimbangkan berikutan ianya adalah di bawah Jawatankuasa Tetap Perumahan;
 - x) Pemohon yang memperoleh **Tanah Kurniaan (Oleh D.Y.M.M Sultan Selangor) Kerajaan tidak akan dipertimbangkan** untuk bantuan rumah;
 - xi) Terdapat bukti bahawa rumah berkenaan diduduki pemohon dan tanggungannya;
 - xii) Pemohon-pemohon yang **bukan kelahiran Negeri Selangor** mestilah dibuktikan telah menduduki kawasan berkenaan tidak kurang daripada **lima belas (15) tahun**. Bukti diperoleh daripada ADUN Kawasan, Penghulu Mukim berkenaan, serta Ketua Kampung kawasan berkenaan;
 - xiii) **Ketua keluarga mestilah warganegara Malaysia** dan ketua keluarga bagi **isteri pertama** sahaja;
 - xiv) Mangsa bencana alam yang telah mendapat bantuan pemulihan daripada Lembaga Zakat Selangor atau Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor **tidak layak** menerima bantuan rumah Program Kerajaan Prihatin;
 - xv) Hanya **satu keluarga sahaja** yang layak menerima bantuan rumah; dan
 - xvi) Bagi bantuan bina semula rumah, semua rumah-rumah daif perlu **dirobuhkan**.
- b) Secara ringkasannya, sebanyak 1,108 permohonan telah diluluskan sehingga kini. Daripada 1,108 ini, sebanyak 523 permohonan diluluskan bagi bina baru rumah dan sebanyak 585 diluluskan bagi baikpulih rumah. Berikutan adalah kelulusan mengikut daerah sehingga 2013 :-
- i) Daerah Klang sebanyak 165 permohonan diluluskan;
 - ii) Daerah Petaling sebanyak 54 permohonan diluluskan;
 - iii) Daerah Kuala Langat sebanyak 179 permohonan diluluskan;
 - iv) Daerah Hulu Langat sebanyak 62 permohonan diluluskan;
 - v) Daerah Sabak Bernam sebanyak 186 permohonan diluluskan;

- vi) Daerah Kuala Selangor sebanyak 217 permohonan diluluskan;
 - vii) Daerah Gombak sebanyak 87 permohonan diluluskan;
 - viii) Daerah Hulu Selangor sebanyak 78 permohonan diluluskan; dan
 - ix) Daerah Sepang sebanyak 75 permohonan diluluskan.
- c) Bantuan rumah di bawah Program Kerajaan Prihatin adalah berdasarkan permohonan. Oleh yang demikian, program ini tidak meletakkan sebarang had peruntukan bagi mana-mana DUN asalkan permohonan tersebut mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(BATANG KALI)**

TAJUK : KAWASAN INDUSTRI DI DALAM DUN BATANG KALI

291. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah kawasan industri yang telah digazet oleh PBT di dalam DUN Batang Kali?
- b) Berapakah jumlah kilang yang beroperasi di dalam kawasan DUN Batang Kali?
- c) Berapakah industri baru yang dibawa ke kawasan DUN Batang Kali sejak 2008 hingga 2013?

JAWAPAN:

- a) Kawasan-kawasan industri di dalam DUN Batang Kali adalah seperti berikut:
 - i) Bandar Bukit Sentosa
Jalan Ros
Jalan Bunga Raya
Jalan Seroja
Jalan Kamunting
Jalan Seri Pagi
 - ii) Bandar Bukit Beruntung
Jalan Jasmine
Jalan Kenanga
Jalan Kamunting
Jalan Melati
Jalan Jenjarum
Jalan Kantan
 - iii) Kawasan Perindustrian Sungai Choh Perodua
Kilang Pemasangan Nissan Tan Chong Kampung Mohd Taib
 - iv) Kawasan Perindustrian Seri Pagi
 - v) Kawasan Perindustrian Batu 29 Hulu Yam

- vi) Kawasan Perindustrian Ringan Hulu Yam Lama
 - vii) Kawasan Perindustrian Tengas Hulu Yam
 - viii) Kawasan Perindustrian MIEL, Batang Kali
 - ix) Seksyen 5, Bandar Utama Batang Kali
- b) Anggaran kilang yang beroperasi di DUN Batang Kali adalah sebanyak 2,500 buah kilang.

c)

Permohonan	Tahun Lulus	Kompenan Pembangunan			
		KOMPENAN PEMBANGUNAN	UNIT	EKAR	%
Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Di Bawah Subseksyen 21 (1) Akta 172 Dan Seksyen 204D Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56) Bagi Penyerahan Balik Dan Pemberimilikan Semula Secara Serentak Cadangan Pembangunan Perniagaan Dan Perindustrian Di Atas Lot 2420, Mukim Hulu Yam Untuk Tetuan Yoo Pau San	2011	Perindustrian			
		Kilang Berkembar 75'x150'	54	14.29	28.54
		Kilang Sesebuah	1	12.31	24.58
		JUMLAH KECIL	55	26.60	53.12
		Perdagangan			
		Kedai Pejabat 3 Tingkat 22'x70'	36	1.37	2.64
		Stesen Minyak (Sebahagian tanah kerajaan yang dipohon 0.38 ekar)	3	3.35	6.70
		Lot Perniagaan	1	1.00	2.00
		JUMLAH KECIL	41	5.72	11.34
		Kemudahan dan lain-lain			
		Zon Penampakan	-	3.51	7.01
		Kawasan Lapang / Retention Pond	-	2.69	5.38
		TNB	3	0.21	0.42
		Kolam Kumbahan	1	1.00	2.00
		Jalan	-	10.34	20.65
		JUMLAH KECIL	4	17.75	35.45
		JUMLAH KESELURUHAN	100	50.07	100.00
Permohonan Kebenaran Merancang Pelan Susun atur Bagi Tujuan Serah Balik Seluruh Tanah Di Bawah Seksyen 197 Dan Pelupusan Secara Pemberimilikan Di Bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara Di Atas Lot 27505 Seluas 49.69 Ekar Dan	2011	INFRASTRUKTUR			
		Rizab Jalan dan Lorong		19173	25.69
		Kolam Takungan Air		5270	7.06
		Loji Rawatan Kumbahan		1100	1.47
		3.0m Rizab Parit		918	1.23
		1.5 Siar kaki		547	0.79
		Tapak Pencawang Elektrik	2	708	0.95
		Tempat Letak Kereta – 426 Petak			
		Tempat Letak Kereta OKU – 9			

Sebahagian Tanah Kerajaan (0.38 Ekar), Mukim Serendah Untuk Tetuan Sheong Heng Engineering Work (M) Sdn. Bhd.	Petak			
	Tempat Letak Motosikal – 240 Petak			
	PERINDUSTRIAN			
	Lot Industri Sesebuah	8	39417	52.80
	PERNIAGAAN			
	Lot Kedai / Pejabat	49	7520	10.07
JUMLAH KESELURUHAN	59	74653	100	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PENEMPATAN PENEROKA BANDAR

292. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan tempat penempatan kos rendah dibawah kerajaan negeri bagi penempatan semula peneroka bandar ini?
- b) Adakah kerajaan memberi pampasan kepada peneroka bandar ini dan berapakah nilai diterima bagi setiap penerima?
- c) Apakah mekanisma yang digunakan oleh kerajaan untuk pemberimilikan tanah ini kepada peneroka bandar?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, dari tahun 2008 hingga 2013, tiada penempatan semula Peneroka Bandar di rumah kos rendah kerana tiada tindakan pengusiran dan perobohan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri terhadap penempatan sedia ada mereka.
- b) Tiada pampasan yang diberi kepada Peneroka Bandar ini kerana tiada tindakan pengusiran dan perobohan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri terhadap penempatan sedia ada mereka.
- c) Untuk makluman Yang Berhormat di bawah Dasar Merakyatkan Ekonomi Selangor, Kerajaan Negeri telah mewujudkan Skim Pemilikan Tanah Kerajaan Untuk Tujuan Bangunan Kediaman Persendirian Di Negeri Selangor bagi membantu rakyat Negeri Selangor memiliki tanah kediaman secara sah dengan hak milik dikeluarkan atas nama individu yang berkenaan yang telah lama menduduki tanah Kerajaan secara haram.

Skim ini diguna pakai untuk semua permohonan pemberimilikan bagi tujuan bangunan kediaman di mana pemohon hanya perlu membayar premium nominal pada kadar RM1,000.00 bagi setiap hak milik dan bayaran khas pada kadar yang telah ditetapkan (mengikut nilai dan keluasan tanah) apabila tanah tersebut hendak dipindah milik melalui proses jual beli. Hak milik bagi tanah ini akan dikenakan sekatan kepentingan tambahan iaitu pemilik tanah dikehendaki menjelaskan **bayaran khas** tanah (kadar nilai dan keluasan tanah) kepada Kerajaan Negeri sebelum urus niaga pindah milik melalui kaedah jual beli atau permohonan mengubah kategori dan syarat nyata tanah baru didaftarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : KHATIB JUMAAT

293. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kriteria yang diberi tauliah untuk menyampaikan khutbah Jumaat?
- b) Adakah pihak masjid boleh membenarkan khatib tanpa tauliah membaca khutbah?
- c) Apakah kerajaan negeri bercadang memasang kamera rakaman bagi memantau khatib yang menyimpang dari topik / teks atau berbaur politik?

JAWAPAN:

- a) Kriteria yang diberi tauliah sebagai penyampai Khutbah Jumaat atau Khatib adalah :
 - i) Imam yang dilantik oleh MAIS/JAIS yang bertugas di Masjid tersebut.
 - ii) Individu berilmu, berkelulusan Agama, berkemahiran dalam hal ehwal Islam dan mendapat kebenaran daripada MAIS/JAIS.
- b) Pihak masjid tidak boleh memberikan kebenaran kepada khatib tanpa tauliah untuk membaca khutbah.
- c) Kerajaan negeri tidak bercadang meletakkan kamera rakaman bertujuan memantau khatib yang menyimpang dari topik / teks atau berbaur politik adalah kerana;
 - i) Hanya Khatib yang bertauliah sahaja yang dibenarkan menyampaikan khutbah.
 - ii) Khatib tidak dibenarkan mengubah isi kandungan teks yang telah diputuskan/diluluskan dalam Jawatankuasa Khutbah Selangor.
 - iii) Khatib akan diambil tindakan sekiranya melakukan kesalahan tersebut.
 - iv) MAIS/JAIS telah menaruh kepercayaan kepada khatib yang telah dilantik dan bertauliah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(DENGKIL)**

TAJUK : PENJUALAN MINUMAN KERAS DI KAWASAN MAJORITI MELAYU/ISLAM

294. Penjualan minuman keras di kawasan majoriti Melayu/Islam adalah perkara yang tidak sepatutnya berlaku dan boleh mendatangkan impak sosial negatif kepada masyarakat di kawasan tersebut.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah garis panduan yang perlu dipatuhi oleh peniaga (contoh 7/11, 99 Speedmart) yang menjual minuman keras?
- b) Adakah terdapat undang-undang di pihak berkuasa tempatan yang melarang penjualan minuman keras di kawasan majoriti Melayu/Islam?
- c) Adakah satu tindakan khusus boleh diambil kepada peniaga yang menjual minuman keras di kawasan majoriti Melayu/Islam?

JAWAPAN:

- a) Kawalan penjualan minuman beralkohol ke atas premis-premis yang dilesenkan di peringkat PBT dilaksanakan melalui syarat-syarat tambahan. Dasar Kerajaan Negeri pada masa ini adalah semua kedai serbaneka 24 jam, stesen minyak, pasar mini dan pasar raya yang menjual minuman beralkohol perlu melaksanakan sistem kawalan sendiri (self-regulatory) bagi membendung penjualan minuman beralkohol kepada orang Islam di kawasan majoriti orang Islam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, lesen minuman keras dikeluarkan sepenuhnya oleh Pejabat Tanah & Daerah (PTD). Segala penguatkuasaan dan tindakan akan dibuat oleh PTD manakala PBT, Jabatan Kastam serta JAIS akan turut memantau mengikut bidang kuasa masing-masing.

- b) Tiada undang-undang di pihak berkuasa tempatan yang melarang penjualan minuman keras di kawasan majoriti Melayu/Islam. Walau bagaimanapun sekiranya premis tersebut tidak mematuhi Self Regulatory (Kawal Selia Sendiri) yang ditetapkan oleh majlis, tindakan kompaun boleh dikenakan kerana tidak mematuhi syarat lesen yang telah ditetapkan.
- c) Tiada tindakan khusus boleh diambil kepada peniaga yang menjual minuman keras di kawasan majoriti Melayu/Islam kerana tiada peruntukan undang-undang yang boleh digunakan oleh PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PERMOHONAN MERANCANG PEMBANGUNAN TANAH

295. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kriteria-kriteria yang digunakan oleh pihak Berkuasa Perancang, untuk meluluskan permohonan perancangan pembangunan tanah?
- b) Berapa lama kah tempoh yang ditetapkan untuk sesuatu permohonan merancang diluluskan daripada tarikh ia dikemukakan?

JAWAPAN:

- a) Kriteria-kriteria yang diguna pakai oleh PBT untuk meluluskan permohonan perancangan pembangunan tanah adalah seperti berikut :-
 - i) **Rancangan Tempatan PBT masing- masing**
Permohonan dan jenis pembangunan yang dicadangkan hendaklah berdasarkan kepada zon guna tanah, kelas kegunaan tanah, plot ratio, densti dan sebagainya yang dibenarkan di dalam Rancangan Tempatan.
 - ii) **Keadaan Fizikal Tanah**
 - Kedudukan tanah yang melibatkan kepada keadaan fizikal tanah juga akan dinilai semasa mempertimbangkan kelulusan. Ini termasuklah :
 - Keadaan tanah yang melibatkan kecerunan atau ketinggian tanah
 - Akses keluar masuk yang sah
 - Jenis pembangunan yang dicadangkan
 - Status tanah
 - Keadaan fizikal tanah
 - iii) **Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor (Edisi Kedua)**
 - Pematuhan terhadap garis panduan dan piawaian perancangan yang telah diluluskan untuk pemakaian oleh Kerajaan Negeri Selangor
 - iv) **Ulasan-ulasan dari jabatan teknikal luaran dan dalaman**
 - Ulasan dan juga pematuhan terhadap ulasan dan keperluan jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan seperti TNB, SYABAS,

IWK, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Kerja Raya dan sebagainya.

- b) Permohonan Kebenaran Merancang perlu di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat dalam tempoh 40 hari dari tarikh penerimaan di kaunter OSC dan kelulusan penuh kebenaran merancang hendaklah diberi selepas 28 hari dari tarikh kelulusan OSC (iaitu 2 kali mesyuarat OSC) dengan syarat semua keperluan Jabatan Teknikal telah dipatuhi.

DITOLAK DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN TETAP 23 (g) (i)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : KERJA-KERJA MEMBAIKI JALAN B19 SUNGAI LALANG YANG RUNTUH

296. Jalan B19 Sungai Lalang berdekatan Empangan Semenyih telah runtuh sejak hampir setahun lalu. Kerja-kerja membaikinya hanya bermula bulan September 2013. Pada mata kasar kerosakan (runtuhan tebing) kelihatan merebak tiga kali ganda daripada runtuh awal.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapakah Kerajaan Negeri mengambil masa yang begitu lama untuk membaiki runtuh jalan berkenaan?
- b) Berapakah jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk membaiki keruntuhan jalan berkenaan?
- c) Adakah benar kelewatan membaiki runtuh jalan tersebut menyebabkan lebih banyak Wang Rakyat terpaksa digunakan kerana kelemahan Kerajaan Negeri. Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan gejala seperti ini tidak berulang di masa depan?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(BATANG KALI)**

TAJUK : INDUSTRI BERASASKAN TEKNOLOGI HIJAU

297. Kerajaan Negeri memfokuskan kawasan di Science Park 2 (SSP2), Sepang sebagai perintis bagi menggalakkan pelaburan sektor perindustrian yang berasaskan teknologi hijau.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah pencapaian setakat ini pelaburan teknologi hijau di kawasan tersebut?
- b) Apakah strategi untuk memastikan hasrat ini tercapai?
- c) Apakah insentif kerajaan negeri kepada pelabur yang berminat?

JAWAPAN:

- a) Bagi menyokong industri teknologi hijau, PKNS telah menerapkan konsep mesra alam atau 'Eco-Friendly' dalam perancangan pembangunan yang berorientasikan teknologi hijau yang tidak memberi impak besar kepada kesan alam sekitar.

Hanwa Q-Cells yang merupakan sebuah syarikat pengeluar komponen panel solar bertaraf antarabangsa adalah syarikat pelabur asing berasaskan teknologi hijau pertama yang membuka pusat operasi di Taman Sains Selangor 2, Sepang.

Dengan anggaran nilai pelaburan mencecah RM5.0 bilion dalam tempoh 5 tahun, Hanwa Q-Cells dijangka akan dapat meningkatkan keyakinan pelabur asing lain sama ada dari industri yang sama atau berlainan untuk melabur di Taman Sains Selangor 2.

- b) Di peringkat PKNS, usaha berterusan dalam mempergiatkan promosi bagi menarik pelabur industri berteraskan teknologi hijau dan skop promosi meliputi pelabur tempatan dan Luar Negara.

Sebagai contoh, unit-unit kediaman yang dibina akan turut dilengkapi dengan panel solar bukan sahaja untuk bekalan air panas malah untuk janaan tenaga elektrik solar.

Selain itu, PKNS juga sentiasa memastikan pembangunan infrastruktur asas seperti jalan raya, bekalan air dan tenaga elektrik disediakan untuk keseluruhan kawasan tersebut.

PKNS yakin hasrat ini untuk menarik lebih ramai pelabur ini dapat dicapai atas faktor lokasi Taman Sains Selangor 2 yang strategik iaitu hanya 15 minit dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), 45 minit ke Pusat Bandaraya Kuala Lumpur serta dikelilingi jaringan lebuhraya seperti Lebuhraya Elite, Lebuhraya Mex, Lebuhraya SKVE dan Lebuhraya Damansara – Puchong (LDP).

PKNS banyak menerima pertanyaan dari para pelabur yang berminat untuk melabur di Taman Sains Selangor 2. Namun, isu premium tanah yang dihadapi sedikit menjejaskan kelancaran pembangunan di kawasan tersebut.

- c) Para pelabur yang berminat melabur akan diberikan insentif dari pihak Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dalam bentuk insentif cukai secara langsung dan insentif cukai tidak langsung.

Insentif cukai langsung memberikan pelepasan sebahagian atau penuh pembayaran cukai pendapatan untuk tempoh tertentu, manakala insentif cukai tidak langsung adalah dalam bentuk pengecualian duti import, cukai jualan dan duti eksais.

Selain itu, pihak MIDA juga turut menawarkan beberapa insentif lain seperti pengecualian duti import ke atas bahan mentah, jentera dan peralatan dan lain-lain lagi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : GURU TAKMIR

298. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah Guru Takmir yang mengajar di negeri Selangor mengikut daerah dari tahun 2008-2012
- b) Berapakah elaun Guru Takmir?
- c) Sejauh manakah keberkesanan pengajaran guru takmir ini kepada masyarakat dan adakah kerajaan negeri bercadang untuk menambah lagi bilangan guru takmir?

JAWAPAN:

- a) Jumlah Guru Takmir mengikut daerah dari tahun 2008-2012 adalah seperti berikut :-

DAERAH	2008	2009	2010	2011	2012
PETALING	11	10	10	11	11
HULU SELANGOR	15	19	19	18	18
KLANG	6	5	6	6	6
HULU LANGAT	22	22	22	22	22
KUALA LANGAT	16	16	19	20	20
GOMBAK	11	11	12	12	12
KUALA SELANGOR	16	10	11	11	12
SABAK BERNAM	31	30	30	30	30
SEPANG	9	8	10	10	11
JUMLAH	137	131	139	140	142

- b) Guru takmir di bayar elaun sebanyak RM 100 satu sesi. Di benarkan membuat tuntutan elaun sebanyak RM 800 untuk 8 sesi setiap bulan. Satu sesi bersamaan satu jam.
- c) Keberkesanannya dapat melahirkan masyarakat berilmu, mencintai majlis ilmu, mengimarahkan masjid, membantu masjid dan surau yang daif kewangannya untuk melaksanakan program ilmu dan menyedarkan masyarakat daripada ajaran sesat. Kerajaan Negeri tidak terlibat dalam program takmir kerana perbelanjaan dan sumber kewangan adalah daripada JAKIM. Jabatan Agama Islam Selangor akan memohon menambah bilangan Guru Takmir.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : TAHAP KEBERSIHAN PREMIS MAKANAN

299. Premis makanan wajib mengutamakan kebersihan bagi mengelakkan kedai berada dalam keadaan kotor dan kes keracunan makanan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah kerajaan negeri bagi memastikan premis perniagaan mencapai piawaian tahap kebersihan?
- b) Apakah tindakan kerajaan negeri terhadap premis yang tidak mencapai piawaian tahap kebersihan?
- c) Apakah saranan kerajaan negeri kepada peniaga agar lebih bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan?

JAWAPAN:

- a) Bagi memastikan premis perniagaan mencapai piawaian tahap kebersihan, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor di peringkat Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) menjalankan pemeriksaan premis makanan dari masa ke semasa setiap tahun. Ini bagi memastikan premis makanan di Selangor mematuhi Peraturan - Peraturan Kebersihan Makanan 2009. Sehingga September 2013 sebanyak **9450** pemeriksaan premis dijalankan di Selangor meliputi semua Sembilan (9) daerah dan dua (2) pintu masuk (entry point). Operasi pemeriksaan premis bersih juga dijalankan sebanyak dua (2) kali sebulan.
- b) Di bawah Peraturan - Peraturan Kebersihan Makanan 2009, premis yang tidak mencapai piawaian tahap kebersihan, arahan tindakan pembedahan akan dikenakan dan sekiranya tindakan pembedahan tidak dilaksanakan atau tidak dipatuhi, maka kompaun atau tindakan penutupan akan dikenakan terhadap premis tersebut. Sehingga September 2013, sebanyak **515** premis makanan ditutup.
- c) Kerajaan mengarahkan supaya peniaga memikul tanggungjawab bersama dalam memastikan kebersihan premis makanan. Kerajaan juga menyarankan supaya pelanggan memilih premis yang bersih, membuat aduan ke PKD berhampiran sekiranya terdapat premis yang kotor.

MAKLUMAT TAMBAHAN:

1. Pemeriksaan ini berdasarkan kepada penilaian risiko misalnya kantin dan dapur asrama, kantin pra sekolah, dapur kem PLKN, gerai di R&R, gerai makan di tempat pelancongan dan tempat persinggahan bas diperiksa sekurang-kurangnya sekali setiap tahun. Sementara premis di IPTA/IPTS, penjaja, kedai dan restoran diperiksa secara *random*.
2. Begitu juga sekiranya markah pemeriksaan kurang daripada 65%, maka premis tersebut diarah tutup sehinggalah tindakan pembetulan dilaksanakan bagi memastikan tahap kebersihan dipatuhi.
3. Disarankan supaya semua peniaga lebih bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan makanan dengan mematuhi Peraturan - Peraturan Kebersihan Makanan 2009. Ini termasuklah memastikan premis makanan telah berdaftar di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia melalui laman sesawang FoSIM Domestik, pengendali makanan telah menghadiri kursus pengendali makanan dan telah menjalankan pemeriksaan perubatan serta mendapat suntikan typhoid. Bukan itu sahaja pengusaha premis makanan hendaklah memastikan premis dalam keadaan yang bersih dengan memastikan kehendak am bagi premis (lokasi, reka bentuk am, bekalan air, kebersihan premis, kawalan perosak dan pelupusan sampah) dijaga sepenuhnya. Selain itu kehendak am seperti sink cuci tangan disediakan, penyimpanan makanan, bilik tandas yang bersih dan sebagainya sentiasa terpelihara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : KEBAJIKAN PENDUDUK PPRT

300. Kerajaan Pusat telah menyalurkan peruntukkan RM1.3 juta baru-baru ini untuk membaiki semula lampu jalan yang rosak di PPRT Lembah Subang.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk membela nasib penduduk PPRT?
- b) Apakah peranan sebenar Ahli Majlis PBT terhadap kebajikan dan keselesaan bagi penduduk di PPRT dalam Negeri Selangor?
- c) Berapakah peruntukkan dari kerajaan negeri dalam urusan pengelenggaraan di kawasan kediaman PPRT di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Tidak berkaitan dengan Jabatan.
- b) Tidak berkaitan dengan Jabatan.
- c) Tiada sebarang peruntukkan dari kerajaan negeri dalam urusan penyelenggaraan di PPR kawasan Petaling Jaya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : BANTUAN USAHAWAN

301. Kerajaan negeri sebelum ini ada memberi bantuan alatan untuk usahawan memulakan usaha niaga.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan mereka yang telah menerima bantuan tersebut mengikut daerah dan kos terbabit?
- b) Apakah kesan positif hasil bantuan yang telah diberikan?
- c) Adakah kerajaan bercadang untuk menambah lagi peruntukan dan bentuk bantuan lain?

JAWAPAN:

- a) Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan hanya menawarkan bantuan mengembangkan perniagaan yang telah beroperasi. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor di bawah Program MES melalui MiMBAR dan SKIMSEL menawarkan bantuan memulakan usaha niaga dan bantuan memulakan perniagaan.

Sehingga Oktober 2013, jumlah peminjam yang diluluskan oleh MiMBAR adalah seramai 5,731, Jumlah pembiayaan yang telah diluluskan ialah RM11,460,200.00

Jadual bilangan peserta dan jumlah pembiayaan mengikut kawasan PBT dan DUN:

PBT	DUN	Bil Peserta	Jumlah Lulus (RM)
MBPJ	Bukit Gasing	1	3,000
	Bukit Lanjan	103	194,000
	Damansara Utama	3	6,500
	Kampung Tunku	1	2,000
	Kota Damansara	339	641,000

PBT	DUN	Bil Peserta	Jumlah Lulus (RM)
	Paya Jaras	158	316,500
	Seri Setia	79	150,000
	Taman Medan	219	445,000
Jumlah MBPJ		903	1,758,000
MBSA	Batu Tiga	290	578,500
	Kota Anggerik	102	210,500
	Sri Muda	197	391,000
Jumlah MBSA		589	1,180,000
MPAJ	Bukit Antarabangsa	69	136,500
	Chempaka	126	259,000
	Hulu Kelang	142	307,200
	Lembah Jaya	257	524,000
	Teratai	50	104,500
Jumlah MPAJ		644	1,331,200
MPK	Ijok	3	3000
	Jeram	27	32,500
	Kota Alam Shah	39	87,000
	Meru	400	803,000
	Pandamaran	33	66,000
	Pelabuhan Klang	182	354,000
	Selat Kelang	202	400,000
	Sementa	250	489,000

PBT	DUN	Bil Peserta	Jumlah Lulus (RM)
	Seri Andalas	221	395,500
	Sijangkang	3	3,500
	Sungai Pinang	94	182,000
Jumlah MPK		1,454	2,815,500
MPKJ	Balakong	162	337,000
	Bangi	108	196,500
	Dusun Tua	56	107,500
	Kajang	202	382,000
	Semenyih	20	36,000
	Seri Kembangan	29	54,500
Jumlah MPKJ		577	1,113,500
MPS	Batu Caves	318	686,500
	Gombak Setia	256	545,000
	Kuang	171	372,000
	Rawang	185	396,000
	Taman Templer	122	249,000
Jumlah MPS		1052	2,248,500
MPSJ	Kinrara	112	227,500
	Seri Serdang	182	342,000
	Subang Jaya	63	118,500
Jumlah MPSJ		357	688,000

PBT	DUN	Bil Peserta	Jumlah Lulus (RM)
MPSP	Dengkil	107	201,500
	Sungai Pelek	47	123,000
	Tanjong Sepat	1	1,000
Jumlah MPSP		155	325,500
JUMLAH KESELURUHAN		5,731	11,460,200

- b) Kesan positif hasil bantuan yang telah diberikan ialah masyarakat terutama golongan peniaga kecil merasakan mereka mempunyai platform mendapatkan bantuan pinjaman perniagaan tanpa menanggung bebanan kerana ini merupakan satu-satunya program yang tidak mengenakan caj faedah kepada peminjam. Ini juga membuatkan peminjam tidak berasa tertekan dan teraniaya.

Selain daripada itu, peniaga merasa amat gembira kerana mereka mempunyai tempat yang sesuai bagi memohon pinjaman tambahan dalam jumlah yang sedikit berbanding dengan perkhidmatan bank dan mikrokredit yang lain yang hanya tertumpu kepada jumlah pinjaman yang besar dan bayaran balik yang tinggi. Akhirnya, masyarakat akan merasakan kurang bebanan bagi meneruskan perniagaan mereka sebelum mereka dapat maju lebih ke hadapan. Ini secara tidak langsung akan mendidik mereka menjadi lebih berdisiplin dan bertanggungjawab.

Program ini juga telah mewujudkan rasa positif terutama kepada golongan muda dan wanita yang ingin memulakan perniagaan kecil-kecilan atau sampingan. Dengan adanya bantuan niaga dan bantuan kerja dari MiMBAR Selangor dan SKIMSEL yang menyediakan pakej produk dan peralatan sedia ada. Hasilnya, dengan bantuan-bantuan ini ia telah dapat meningkatkan ekonomi peniaga sehingga 70%.

- c) Bantuan sedia ada akan diteruskan dan sekiranya terdapat tambahan peruntukan dan bentuk bantuan yang lain, ianya akan dikaji terlebih dahulu sebelum diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan oleh pihak Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(DENGKIL)**

TAJUK : PENYELENGGARAAN BANGUNAN AWAM

302. Semenjak kerajaan baru mengambil alih tampuk pemerintahan Negeri Selangor pada tahun 2008, didapati bangunan awam seperti dewan, balai raya dan surau terutama di kampung-kampung tidak di selenggara secara berkala dan berlaku banyak kerosakan yang menggagalkan fungsi bangunan tersebut.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah bajet tahunan diperuntukkan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk menyelenggarakan bangunan awam seperti dewan, balai raya dan surau?
- b) Apakah prosedur yang diguna pakai oleh pihak kerajaan negeri sebelum suatu bangunan awam terutama di kampung-kampung tersebut dinilai dan diputuskan memerlukan selenggaraan.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri tidak memperuntukkan peruntukan khas bagi menyelenggara bangunan awam seperti dewan, balai raya dan surau. Ini kerana dewan orang ramai adalah di bawah seliaan dan tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri ada memperuntukkan sejumlah RM500,000.00 setahun bagi menampung keperluan sekiranya berlaku ketidakcukupan peruntukan.
- b) Prosedur yang digunakan bagi memutuskan suatu bangunan awam itu memerlukan penyelenggaraan adalah berdasarkan permohonan dari Pejabat Daerah yang dikemukakan kepada Seksyen Agihan dan Pembangunan, UPEN untuk lawatan tapak dan penilaian teknikal. Selepas lawatan tapak dan penilaian teknikal dilaksanakan, keputusan untuk menyalurkan peruntukan akan diberikan kepada Pejabat Daerah atau Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : BANGUNAN YAYASAN SELANGOR DI BUKIT BINTANG

303. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status projek baik pulih ke atas Bangunan Yayasan Selangor di Bukit Bintang, Kuala Lumpur?
- b) Apakah perancangan Yayasan Selangor setelah projek baik pulih tersebut dilaksanakan untuk mendapat pulangan pendapatan kepada Yayasan Selangor?

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini, Jawatan Kuasa Penilaian Tender Yayasan Selangor sedang membuat penilaian tender dan akan memajukan cadangan hasil penilaian tersebut ke Lembaga Tender pada akhir bulan November untuk kelulusan.
- b) Melalui konsep Bina, Kendali dan Pindah (Built, Operate and Transfer) yang diguna pakai kepada projek ini, Yayasan Selangor akan menerima sejumlah sekitar **RM800 ribu** bersih sebulan daripada Pemegang Konsesi dengan kenaikan sewaan **10% secara berkala setiap 3 tahun** selama **30 tahun konsesi**. Pendapatan KASAR sebelum ini hanyalah sekitar RM500,000.00/sebulan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(BATANG KALI)**

TAJUK : PENTADBIRAN TANAH DAN SUMBER-SUMBER NEGERI

304. Kerajaan negeri telah menubuhkan badan khas untuk menyiasat segala penyelewengan yang berlaku berkaitan pentadbiran tanah dan sumber-sumber negeri.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan nama badan khas tersebut dan nyatakan tugasannya?
- b) Siapakah yang terlibat dalam penyiasatan ini?
- c) Apakah hasil siasatan dan adakah ia diuar-uarkan kepada umum?

JAWAPAN:

- a) Nama badan khas tersebut ialah Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT) yang telah ditubuhkan di bawah Peraturan 68A, Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor 1965.

Tujuan jawatankuasa ini diwujudkan adalah untuk memeriksa dan memantau selia:

- i) Apa-apa kira-kira dan segala urusan pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah yang dibentangkan dalam Dewan;
 - ii) Apa-apa perkara berkaitan Pejabat daerah dan Tanah dalam penyata-penyata Juru Audit Negara yang dibentangkan dalam Dewan menurut Fasal (2) Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan; dan
 - iii) Apa-apa perkara berkaitan Pejabat Daerah dan Tanah yang difikirkan oleh Jawatankuasa itu patut diperiksa atau apa-apa perkara yang disertakan oleh Dewan kepada jawatankuasa itu.
- b) Keahlian Jawatankuasa adalah terdiri daripada seorang Pengerusi dan tidak lebih daripada 6 orang ahli yang akan dilantik oleh Dewan dengan seberapa segera selepas permulaan Penggal persidangan. Jawatankuasa turut menjemput Y.B. Pegawai Kewangan Negeri, Pengarah Audit Negeri Selangor dan Bendahari Negeri Selangor atau wakil bagi menghadiri siasatan yang dilakukan. Ketiga-tiga ahli tidak tetap ini boleh memberikan pendapat dan dengan mendapat kebenaran

daripada Pengerusi Jawatankuasa, berhak mengemukakan pertanyaan kepada mana-mana orang yang telah dijemput hadir dalam mesyuarat Jawatankuasa ini.

- c) Jawatankuasa hanya boleh memberikan syor yang berkaitan berdasarkan siasatan yang dilakukan kepada Kerajaan Negeri sebagai usaha penambahbaikan dari semasa ke semasa. Bagaimanapun, sekiranya perlu isu tersebut akan dipanjangkan ke Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (*Special Select Committee on Competence, Accountability and Transperancy* – SELCAT) bagi melaksanakan pendengaran awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : SYIAH DI SELANGOR

305. Ajaran agama Islam di Malaysia seharusnya berpaksikan fahaman Ahlul Sunnah Wal Jamaah berbanding fahaman seperti Syiah yang menyimpang.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perincian penyimpangan ajaran syiah tersebut berbanding Ahlul Sunnah Wal Jamaah?
- b) Bagaimanakah status penularan ajaran syiah ini di Selangor?
- c) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk mencegah dan membendung penularan ajaran ini?

JAWAPAN:

a) Mufti Negeri Selangor di dalam Warta Kerajaan tahun 1989 telah menyatakan beberapa penyimpangan ajaran Syiah berbanding Ahlul Sunnah Wal Jamaah yang merangkumi aspek akidah, syariah dan akhlak. Antaranya adalah:-

1. Penyelewengan Dari Sudut Aqidah

- i) Imam adalah Maksum
(Sila lihat kitab 'Aqid Al- Imamiah oleh Syeikh Muhammad Redha Al- Muzaffar, halaman 72).
- ii) Kemunculan semula Iman Mahadi dan kumpulan orang yang telah mati untuk memberi keadilan
(Sila lihat kitab 'Aqid Al- Imamiah oleh Syeikh Muhammad Redha Al- Muzaffar, halaman 83).
- iii) Berpura-pura
(Sila lihat kitab Al-Usul Min Al-Kafi, Juzu' 2 oleh Abu Ja'afar Muhamad Bin Ya'kub Bin Ishak Al- Kulaini Al-Razi, halaman 217)
- iv) Saidina Ali disama tarafkan dengan Allah S.W.T.
(Sila lihat kitab Al-Usul Min Al-Sira' Kafi oleh Al- Kulaini, Jilid 1, halaman 197)
- v) Menghalalkan Nikah Mut'ah

(Sila lihat kitab Man La Yahduruhu Al-Fiqih oleh Abu Ja'afar Muhammad Bin Ali Bin Al-Husain Babawaih Al-Qummi, Juzu' 1, halaman 358)

- vi) Khalifah diwasiatkan secara nas
(Sila lihat kitab 'Aqaid Al-Imamiah oleh Syeikh Muhammad Redha Al-Muzaffar, halaman 78)
- vii) Ilmu Allah berubah-ubah mengikut sesuatu peristiwa yang berlaku kepada manusia
(Sila lihat kitab Al-Usul Min Al-Kafi oleh Al- Kulaini, Juzu'1 halaman 146)
- viii) Muhammad Bin Hassan Al-Askari ialah Imam Mahdi Al-Muntazar
(Sila lihat kitab As-Syiah Wa Al-Tasbih Al-Sira' Baina Al-Syiah Wa Al-Tasyayyu, oleh Doktor Musa Al-Musawi, halaman 61)
- ix) Mengkafirkan para sahabat Rasulullah S.A.W
(Sila lihat kitab Al-Anwar Al-Nu'maniah oleh Syed Nikmatullah Al-Musawi, halaman 81)
- x) Menambah Syahadah seperti berikut :
(Sila lihat kitab Al-Usul Min Al-Kafi oleh Al- Kulaini Juzu' 1, halaman 441).
- xi) Menolak Hadith yang diriwayatkan oleh Ahli Sunnah Wal Jama'ah sekalipun hadith Mutawatir
(Sila lihat buku Aslu Al-Syiah Wa Usuluha oleh Muhammad Al-Husain Ali Kasyif Al-Ghita', halaman 149)

2. Penyelewengan Dari Sudut Syariat

- i) Menolak Ijma' Ulama'
(Sila lihat kitab Mukhtasar Al-Tuhfah Al-Ithna Asyariyyah oleh Shah Abdul Aziz Al-Imam Wilayullah Ahmad Abdul Rahim Al-Dahlawi, halaman 51)
- ii) Menolak Qias
(Sila lihat kitab Asli Al-Syiah Wa Usuluha oleh Muhammad Bin Al-Husain Ali Kasyif Al-Ghita', halaman 149)
- iii) Mengamalkan Nikah Mut'ah
(Sila lihat kitab Al-Nihayah Fi Mujarrad Al-Fiqh Wa Al-Fatawa oleh Abu Ja'afar Muhammad Bin Hassan Bin Ali Al-Tusi, halaman 489-491. Kitab Tahzib Al-Ahkam oleh Abu Ja'afar Muhammad Bin Al-Husain Al-Tusi, halaman 254,259,266)

- iv) Menolak 'Aul dan mendahulukan Qurabah dari 'Asobah dalam masalah Pusaka
(Sila lihat buku Minhaj Kebenaran Dan Pendedahannya (Fiqh Lima Mazhab Diantara Nas Dan Ijtihad) oleh Al-Hasan Bin Yusuf Al-Mutahhar Al-Hulliy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 100-101).
- v) Menuduh Abu Bakar, Umar Uthman dan Mu'awiyah sebagai empat berhala Quraisy serta pengikut-pengikut adalah musuh Allah
(Sila lihat kitab Al-Tafsir oleh Abu Al-Nadhar Muhammad Bin Mas'ud Bin 'Iyasy Al-Salami Al-Samarqandi, Juzu' 1, halaman 116)
- vi) Hanya Ali menghimpun Al-Quran dengan sempurna
(Sila lihat kitab Al-Usul Min Al- Kafi oleh Al-Kulaini, Juzu' 1, halaman 228)

3. Pelbagai penyelewengan Umum

- i) Menziarahi Kubur Saidina Husain. Ganjaran Syurga
(Sila lihat Al-Irsyad oleh Muhammad Bin Muhammad Bin Nu'kman Al-Askibri Al-Baghdadi Al-Mulaqqap Bin Al-Syeikh AlMufid, halaman 252).
- ii) Menyeksa tubuh badan sempena 10 Muharram
(Sila lihat kitab Al-Syiah Wa Al-Tashih Al-Sira', Baina Al-Syiah Wa Al-Tasyayyu', oleh Doktor Musa Al-Musawi, halaman 98)
- iii) Menghina Abu Bakar dan Umar serta dua orang isteri Nabi S.A.W. iaitu Saidanita Aishah dan Hafсах
(Sila lihat kitab Tuhfah Al-Awam Maqbul oleh Al-Syed Manzur Husain, halaman 330)
- iv) Mengharuskan Jamak sembahyang dalam semua keadaan
(Sila lihat buku Minhaj Kebenaran Dan Pendedahannya (Fiqh Lima Mazhab Di antara Nas Dan Ijtihad) oleh Hassan bin Yusuf Al-Muntahhar Al-Hulliy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, tahun 1993, halaman 36)
- v) Sembahyang Dhuha adalah haram
(Sila lihat buku Minhaj Kebenaran Dan Pendedahannya (Fiqh Lima Mazhab Di antara Nas Dan Ijtihad) oleh Hassan bin Yusuf Al-Muntahhar Al-Hulliy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 31)
- vi) Menetapkan Prinsip Khumus sebagai Kadar Zakat

(Sila lihat kitab Tahzib Al-Ahkam oleh Ja'afar Muhamad Bin Al-Hassan Al-Tusi, halaman 122).

- vii) Imamah dan Khalifah daripada Rujuk Islam dan ianya berlaku melalui Nas.
(Sila lihat buku Minhaj Kebenaran Dan Pendedahannya (Fiqh Lima Mazhab Di antara Nas Dan Ijtihad) oleh Hassan bin Yusuf Al-Muntahhar Al-Hulliyy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 145-146)
- viii) Islam bukan Syarat wajibnya Haji
(Sila lihat buku Minhaj Kebenaran Dan Pendedahannya (Fiqh Lima Mazhab Di antara Nas Dan Ijtihad) oleh Hassan bin Yusuf Al-Muntahhar Al-Hulliyy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 31).
- ix) Wajib menyapu kedua-dua kaki dan tidak memadai basuh pada kedua-duanya.
Sila lihat buku Minhaj Kebenaran Dan Pendedahannya (Fiqh Lima Mazhab Di antara Nas Dan Ijtihad) oleh Hassan bin Yusuf Al-Muntahhar Al-Hulliyy - terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim.

- b) Pengikut-pengikut Syiah di Selangor telah dilihat semakin berkembang berbanding ketika fatwa mengenai Syiah itu dibuat. Antara faktor perkembangan fahaman Syiah adalah kesan kemasukan pelajar-pelajar luar daripada Iran khususnya, faktor keluarga dan faktor ciri-ciri ajaran itu sendiri yang dilihat mudah. Jabatan Agama Islam Selangor telah mengenal pasti beberapa lokasi yang menjadi aktiviti kumpulan ini antaranya di Bandar Sri Gombak, Ukay Perdana dan Klang. Lokasi-lokasi ini sentiasa dalam pemerhatian dan pemantauan penguat kuasa Jabatan Agama Islam Selangor.
- c) Jabatan Agama Islam Selangor sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi lain khususnya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Dalam Negeri dan pihak Polis dalam menjalankan usaha-usaha pencegahan dan penguatkuasaan bagi membendung penularan fahaman ini. Masjid-masjid di Selangor telah diarahkan membaca khutbah berhubung bahaya ancaman syiah selain beberapa siri seperti ceramah, seminar dan konvensyen telah dibuat kepada semua lapisan masyarakat. Risalah tentang bahaya Syiah juga telah di terbit dan diedarkan bagi memberi lebih kefahaman kepada orang ramai. Jabatan Agama Islam juga telah mengadakan beberapa siri perbincangan dan dialog bersama pemimpin kumpulan Syiah, namun usaha tersebut dilihat gagal apabila mereka sebenarnya tidak jujur untuk berbincang. Di samping itu, penguatkuasaan terus dijalankan melalui waran geledah yang diperolehi daripada pihak mahkamah. Bagi terus membendung fahaman ini, pindaan terhadap sighth fatwa telah diperbincangkan dan akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : HAKISAN DI PANTAI REMIS SUNGAI SEMBILANG

306. Hakisan di Pantai Remis Sungai Sembilang Jeram semakin teruk sekarang ini.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang sudah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah hakisan ini?
- b) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk menambah baik prasarana sedia ada atau membina serta membangunkan tarikan baru di Pantai Remis?

JAWAPAN:

- a) Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dengan kerjasama Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) selaku pihak berkepentingan utama telah menyediakan satu pelan pengurusan pantai yang dinamakan Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu (ICM) Kuala Selangor – Sabak Bernam yang telah diwartakan pada 11 April 2013 yang lalu. Pelan ICM ini merangkumi Pelan Pengezonan Guna Pantai Bersepadu (ICUZP) yang akan digunakan sebagai panduan bagi sebarang pembangunan di kawasan pantai di kedua-dua daerah. Selain daripada Pelan ICUZP, terdapat juga Pelan Strategi Pesisir Pantai bagi kedua-dua daerah. Di dalam pelan tersebut, terdapat 6 polisi utama yang akan membantu semua pihak berkepentingan dalam menguruskan perairan dan pesisir pantai secara holistik dan bersepadu. Hakisan dan Sedimentasi merupakan salah satu polisi yang terdapat di dalam Pelan ICM bagi kedua-dua daerah di mana terdapat beberapa tindakan yang diberi perhatian dan akan dilaksanakan oleh semua pihak berkepentingan.

(MAKLUMAT TAMBAHAN OLEH PIHAK JPS)

- Masalah hakisan di Pantai Remis sedang di dalam perhatian pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor
- JPS akan melakukan pemantauan dari semasa ke semasa dengan kerjasama daripada LUAS
- Projek kawalan hakisan akan dilaksanakan sebaik menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan melalui JPS Malaysia. Adakah telah dipohon? Kerajaan Negeri / Persekutuan?

b) **(MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR)**

Pihak MDKS mempunyai perancangan dalam pelan induknya untuk membangunkan kawasan Pantai Remis di Jeram. Anggaran kos keseluruhan yang dijangka terlibat ialah sebanyak RM 3 juta. Dalam masa yang sama, pihak MDKS turut menyalurkan peruntukan bagi menyelenggara kawasan tersebut dari masa ke semasa seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

BIL	TAJUK	JUMLAH
1	Tahun 2010	
	1. Kerja-kerja membina pondok pengawal di kawasan pelancongan Pantai Remis Jeram, Kuala Selangor	10,310.00
		19,800.00
	2. Kerja-kerja pengukuhan benteng pantai serta kerja-kerja berkaitan di kawasan pelancongan Pantai Remis, Jeram, Kuala Selangor	14,910.00
	3. Kerja-kerja pembaikan saluran paip dan kerja-kerja berkaitan di tandas dan medan selera Pantai Remis, Jeram, Daerah Kuala Selangor	85,100.00
	4. Kerja-kerja membina dan membaik pulih bumbung dan membina wakaf serta kerja-kerja berkaitan di Medan Selera, Pantai Remis, Jeram, Kuala Selangor	
2	Tahun 2011	
	1. Kerja-kerja membina paip culvert serta kerja-kerja berkaitan di Pusat Pelancongan Pantai Remis, Mukim Jeram, Daerah Kuala Selangor	19,800.00
3	Tahun 2012	
	1. Kerja-kerja menyelenggara bumbung yang terbang serta membaiki bangunan tandas, gerai, surau serta taman permainan kanak-kanak di Pantai Remis	9,956.00
		333,260.00
	2. Kerja-kerja menurap semula jalan dan menambak 'crusher run' serta kerja-kerja berkaitan di Tapak	

	Penjaja Pantai Remis, Jeram, Daerah Kuala Selangor	
4	<p>Tahun 2013</p> <p>1. Membekal, merata dan memadat batu quarry dust serta kerja-kerja berkaitan di kawasan tapak penjaja Pantai Remis, Daerah Kuala Selangor</p> <p>2. Kerja-kerja pembaikan pam di tandas awam Pantai Remis, Jeram, Daerah Kuala Selangor</p>	<p>19,200.00</p> <p>2,000.00</p>
JUMLAH		514,336.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : DIALOG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) BERSAMA PENDUDUK

307. Interaksi pihak PBT dengan penduduk Bandar amat penting untuk memastikan keberkesanan perkhidmatan mereka.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah PBT kerap melakukan interaksi dialog bersama penduduk?
- b) Adakah pihak PBT berjaya menyelesaikan aduan sewaktu interaksi yang diterima daripada penduduk?
- c) Apakah saluran-saluran yang disediakan oleh PBT kepada penduduk bagi memastikan aduan mereka didengari dan sampai kepada PBT?

JAWAPAN:

- a) Ya, PBT kerap melakukan interaksi dialog bersama penduduk sama ada perjumpaan yang dirancang oleh PBT atau perjumpaan di atas permintaan daripada persatuan penduduk sendiri. Program ini tidak terhad kepada isu dan masalah yang dihadapi oleh penduduk di sesuatu kawasan, akan tetapi ianya meliputi maklumat dan sesi dialog bagi mendapatkan pandangan penduduk berkaitan dasar Kerajaan Negeri Selangor.
- b) Penyelesaian ke atas sesuatu aduan bergantung kepada jenis aduan yang diterima. Ada aduan yang dapat diselesaikan serta merta dan terdapat aduan yang perlu disemak dan dirujuk kepada pihak yang berkenaan sebelum dapat diselesaikan. Aduan yang tidak dapat diselesaikan serta merta biasanya disebabkan perlu tindakan lanjut di lapangan atau penyelesaiannya memerlukan proses-proses tertentu untuk diselesaikan.
- c) Saluran-saluran yang disediakan oleh PBT untuk penduduk membuat aduan adalah seperti talian hot line aduan, menghubungi pegawai yang bertanggungjawab melalui talian telefon atau alamat email yang terdapat di portal PBT masing-masing selain aduan melalui facebook atau twitter. Selain itu, PBT juga menyediakan jadual berkala untuk mengadakan perjumpaan dengan penduduk bagi memberi ruang kepada penduduk untuk mengutarakan pandangan serta aduan mereka. Di samping itu juga aduan juga dapat disalurkan kepada Ahli Majlis yang menjaga kawasan komuniti mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : MASALAH PENGANGGURAN DI SELANGOR

308. Masalah pengangguran dilihat sebagai antara punca berlaku masalah sosioekonomi yang jika tidak ditangani akan menjejaskan masa depan golongan muda.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status terkini kadar pengangguran di Selangor dan taburannya mengikut daerah?
- b) Apakah langkah kerajaan negeri mengatasi masalah ini?
- c) Bagaimanakah kerajaan negeri dapat memastikan kerjasama pihak swasta dan anak syarikat kerajaan dalam mengatasi masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Bancian terkini Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa kadar pengangguran di negeri Selangor adalah 2.3%.
- b) Kerajaan negeri sentiasa memberi perhatian terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat termasuklah isu pengangguran. Sehubungan itu, kerajaan negeri telah mengambil langkah-langkah tertentu bagi menangani masalah pengangguran dengan mewujudkan lebih banyak lagi peluang pekerjaan melalui program-program seperti berikut :
 - i) Penganjuran program 'Jom Kerja' yang diadakan setiap tahun disasarkan kepada golongan belia, baik lepasan sekolah mahupun graduan universiti bagi membolehkan golongan berkenaan mengatur rancangan kerjaya mereka;
 - ii) Menawarkan bantuan dari segi teknikal kepada golongan belia yang berminat melalui kursus-kursus teknikal yang disediakan di Kolej INSPENS supaya elemen pendidikan yang diterapkan kepada mereka akan membantu golongan sasaran ini dalam mencari pekerjaan yang bersesuaian dan seterusnya mengurangkan pengangguran di negeri Selangor; dan
 - iii) Pengenalan Skim Kredit Mikro (SKIMSEL) yang disalurkan melalui Yayasan Qardhul Hasan yang bertujuan untuk membantu rakyat Selangor di kawasan luar bandar dan pedalaman serta pengenalan Skim Kredit Mikro Miskin

Bandar (MIMBAR Selangor) bagi membantu rakyat miskin di negeri Selangor yang tinggal di kawasan bandar. Bantuan berbentuk keusahawanan ini bertujuan untuk membantu usahawan bandar dan luar bandar yang berpotensi untuk berkecimpung dalam perniagaan kecil dan sederhana yang seterusnya secara tidak langsung membantu mengurangkan kadar pengangguran di negeri Selangor.

- c) Kerajaan negeri dengan kerjasama anak syarikat kerajaan negeri iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) telah mengadakan program-program dan latihan keusahawanan sebagai salah satu usaha untuk mengurangkan kadar pengangguran di negeri Selangor. Selain membimbing kumpulan sasaran ke arah kejayaan dan kecemerlangan, usaha ini juga merupakan salah satu kerjasama atau tanggungjawab sosial korporat anak syarikat kerajaan negeri dengan kerajaan negeri dalam sama-sama membantu mengurangkan kadar pengangguran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : KESESAKAN LALU LINTAS DI PERSIMPANGAN JALAN KUANG

309. Kesyakan lalu lintas di Persimpangan Empat (4) Jalan Kuang, Kg Setia (B149) dan Lorong Melati (B25) berlaku terutama di waktu puncak.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah ada perancangan untuk mengambil alih tanah di kawasan persimpangan ini bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas ?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk menaik taraf persimpangan tersebut di bawah Projek Menaik taraf Jalan Melati Kuang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan. Kerja-kerja Naik taraf persimpangan ini akan melibatkan pengambilan balik tanah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(DENGKIL)**

TAJUK : PEMBUANGAN SAMPAH HARAM

310. Pembuangan sampah di tapak pembuangan haram terutama di dalam lubang bekas lombong pasir merupakan satu masalah yang serius dan mengancam kesejahteraan penduduk. Pelaku seolah-olah kebal dari sebarang tindakan oleh pihak berkuasa tempatan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah penguatkuasaan dan pencegahan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam membanteras perkara ini.
- b) Apakah tindakan ke atas tapak pembuangan sampah haram sedia ada untuk memastikan ianya tidak akan menjejaskan alam sekitar terutamanya di kawasan yang kerap terlibat dengan banjir?
- c) Apakah status terkini tapak pembuangan sampah haram di kawasan bekas lombong pasir di RTB Bukit Changgang berdekatan dengan Sungai Langat.

JAWAPAN:

- a) Langkah-langkah penguatkuasaan dan pencegahan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri melalui PBT bagi mengatasi masalah ini ialah:-
 - i) Menjalankan pemantauan berjadual iaitu tiga kali seminggu di tempat-tempat yang berisiko dan telah dikenal pasti sebagai lokasi 'hot spot' pembuangan sampah haram.
 - ii) Mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas pemilik sampah haram yang telah dikenal pasti.
 - iii) Memasang papan tanda 'Dilarang Membuang Sampah' di lokasi pembuangan sampah haram yang telah dikenal pasti.
 - iv) Mendapatkan kerjasama daripada penduduk/pemilik premis berhampiran untuk menyalurkan maklumat segera kepada pihak Majlis jika terdapat aktiviti pembuangan sampah di tempat-tempat yang tidak dibenarkan oleh pihak Majlis.

- v) Mewujudkan Bilik Gerakan Bencana yang beroperasi 24 jam bagi memudahkan orang awam menyalurkan maklumat kepada pihak Majlis untuk tindakan penguatkuasaan dan pembersihan segera.
- b) Tindakan yang boleh diambil ke atas pihak yang terlibat dengan tapak pembuangan sampah haram ialah seperti berikut:-
 - i) Menutup lokasi tersebut dan kawalan dilakukan supaya tiada lagi pembuangan sampah di situ.
 - ii) Memaklumkan dan mengambil tindakan penguatkuasaan kepada pemilik lot atau tapak untuk menjaga kebersihan dan keselamatan lot atau tapak agar tidak di ceroboh atau disalah guna oleh orang awam.
- c) Status terkini tapak pembuangan sampah haram di kawasan bekas lombong pasir di RTB Bukit Changgang berdekatan dengan Sungai Langat ialah tiada lagi aktiviti pembuangan sampah haram. Walau bagaimanapun, pihak MDKL sentiasa menjalankan pemantauan berkala bagi memastikan kejadian tersebut tidak berulang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(BATANG KALI)**

TAJUK : SELANGOR STATE INVESTMENT CENTRE BERHAD (SSIC)

311. SSIC merupakan syarikat milik penuh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) dengan peruntukan geran oleh kerajaan negeri mencecah jutaan ringgit setahun.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah sosial korporat masyarakat yang telah dilaksanakan oleh SSIC seawal 2008 hingga sekarang?
- b) Nyatakan maklumat-maklumat pelaburan yang diterima oleh SSIC?
- c) Adakah kerajaan negeri akan berterusan meningkatkan nilai geran untuk SSIC?

JAWAPAN:

- a) Bagi tempoh 2008 hingga bulan Oktober 2013, SSIC telah melaksanakan beberapa aktiviti sosial korporat seperti berikut:-

Bil.	Tahun	Program Sosial Korporat
1.	2009	Program Pembangunan Usahawan untuk pelajar-pelajar tahun akhir Kolej Inspens bertujuan bagi menyediakan para pelajar tahun akhir dengan pengetahuan asas keusahawanan sebelum mereka mengakhiri pengajian di Kolej Inspens.
2.	2012	Sumbangan kepada Asrama Damai Kuang & Rumah Perlindungan Al-Nasuha, Kuang
3.	2013	Sumbangan kepada Rumah Anak Yatim Al-Munirah & Teratak Nur Baraqah

- b) Merujuk kepada rekod lawatan dan pertanyaan-pertanyaan para pelabur, kebanyakan pelabur berhubung dengan pihak SSIC bagi mendapatkan pandangan dan nasihat berkenaan cadangan pelaburan mereka. Maklumat-maklumat yang sering diterima oleh SSIC adalah:-
 - a. Profil syarikat
 - b. Maklumat cadangan projek pembangunan.

- c. Maklumat pelaburan pihak syarikat
 - d. Maklumat perancangan pihak syarikat di masa hadapan
 - e. Maklumat-maklumat keperluan teknikal
 - f. Maklumat berkenaan tapak cadangan pembangunan.
 - g. Bantuan-bantuan yang diperlukan oleh pelabur dalam merealisasikan cadangan pembangunan mereka.
- c) Nilai geran untuk SSIC ditentukan berdasarkan pencapaian prestasi pelaburan yang diterima oleh Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELUK DATOK)**

TAJUK : PROGRAM 'BLUEPRINT' PEMBASMIAN KEMISKINAN

312. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sejauh manakah Program "*Blueprint*" Pembasmian kemiskinan dinampak berkesan untuk meleraikan masalah miskin tegar di kalangan Rakyat Negeri Selangor?
- i) Sila menyatakan maklumat golongan miskin tegar mengikut susunan kaum di dalam DUN Telok Datok yang telah berdaftar dalam program ini;
- ii) Apakah bantuan yang berkesan untuk membuahkan hasil meleraikan masalah miskin tegar di Rakyat DUN Telok Datok?

JAWAPAN:

- a) i) Dalam menangani masalah kemiskinan di negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program "Blueprint Pembasmian Kemiskinan" Negeri Selangor bagi membantu golongan ini meningkatkan pendapatan isi rumah dalam bidang keusahawanan. Buat masa ini pemberian adalah mengikut daerah. Oleh yang demikian tiada maklumat khusus mengikut DUN. Bilangan penerima bagi daerah Kuala Langat adalah sebanyak 513 orang bagi daerah Kuala Langat. Maklumat ini akan dikemukakan secara bertulis kepada Yang Berhormat.
- ii) Kerajaan Negeri telah membantu peralatan atau mesin yang diperlukan oleh pemohon untuk memajukan perusahaan sedia ada mereka. Antara contoh bantuan peralatan yang disalurkan ialah mesin jahit, ketuhar, motosikal tiga roda, gerai burger, chiller dan sebagainya. Didapati bahawa penerima bantuan ini yang menggunakan bantuan ini secara berhemah telah membuahkan hasil yang baik. Oleh yang demikian, saya mengalu-alukan permohonan oleh penduduk DUN Telok Datok bagi permohonan di bawah Program Bantuan Blueprint Kemiskinan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PARKING KENDERAAN BERAT KOTA DAMANSARA

313. Kenderaan berat yang diletakkan sewenang-wenangnya boleh membahayakan pengguna jalanraya yang lain.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apa tindakan PBT terhadap kenderaan-kenderaan berat seperti bas Rapid dan lori trailer yang sewenang-wenangnya diletakkan di tepi jalan di seksyen 8 Kota Damansara?
- b) Adakah PBT melakukan pemantauan terhadap kenderaan-kenderaan berat yang *parking* pada waktu malam?
- c) Apakah jaminan PBT bahawa kejadian seperti ini tidak berulang lagi?

JAWAPAN:

- a) Pihak Majlis telah melaksanakan tindakan kompaun di bawah PPJ(PTLK)(MBPJ) 2007 sepanjang tahun 2013.
- b) Ya. Pihak majlis sentiasa menjalankan rondaan dan pemantauan pada waktu malam.
- c) Tindakan kompaun adalah berterusan serta aduan dikemukakan kepada pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat untuk tindakan selanjutnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PROGRAM YAYASAN SELANGOR

314. Antara peranan Yayasan Selangor ialah menyediakan program dan kemudahan pendidikan kepada anak-anak Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan program dan tempat pelaksanaan bagi tahun 2012-2013?
- b) Berapakah peruntukan setahun untuk melaksanakan program pendidikan dibawah Yayasan Selangor?
- c) Berapakah peruntukan setahun untuk menyelenggara segala kemudahan milik Yayasan Selangor?

JAWAPAN:

a) 1. Akademik:

- i) Kelas Bimbingan - di asrama dan sekolah masing-masing
- ii) Bengkel dan Seminar Peperiksaan PMR dan SPM – di Asrama/Sekolah mengikut zon
- iii) Bantuan Buku Rujukan – diberikan kepada semua asrama/sekolah penempatan pelajar YS
- iv) Latih tubi – di asrama dan sekolah masing-masing
- v) Tuisyen Rakyat – di pusat tuisyen yang diluluskan di beberapa zon/daerah
- vi) Tuisyen Online (Score A) – Asrama Yayasan Selangor Sabak Bernam (perintis)
- vii) Problem Solving Mathematic – di Asrama Yayasan Selangor Klang
- viii) Easy Math – di Asrama Yayasan Selangor Klang / Sekolah

2. Non- Akademik:

2.1 Kerohanian:

- i) Solat Berjemaah – di asrama masing-masing
- ii) Program Tahfiz – perintis di Asrama Yayasan Selangor Sabak Bernam
- iii) Tadarus Al-Quran – di asrama masing-masing

- iv) Ceramah dan Bimbingan Agama – di asrama masing-masing
- v) Sambutan hari kebesaran Islam seperti Maulidur Rasul, Maal Hijrah, Israk Mikraj – di asrama masing-masing
- vi) Mini Ihtifal dan Pertandingan Nasyid – di asrama
- vii) Bacaan Yaasin dan Solat Hajat- di asrama masing-masing

2.2 Kepimpinan/Persatuan/Pembangunan Sahsia:

- i) Badan Perwakilan Pelajar/Pengawas – di asrama masing-masing
- ii) Biro-biro Asrama – di asrama masing-masing
- iii) Kelab Usahawan – di asrama masing-masing
- iv) Kursus Kepimpinan – di Kem Bina Semangat
- v) Kursus Jatidiri Pelajar – di Kem Bina Semangat
- vi) Kursus Orientasi Pelajar Baru Tingkatan 1 – di Kem Bina Semangat YS
- vii) Kursus 'Psychological Enhancement' – di asrama
- viii) Ceramah Motivasi – di asrama dan sekolah masing-masing
- ix) English Carnival – di asrama
- x) English Camp – di Kem Bina Semangat YS
- xi) Program Evolusi Remaja – di Masjid Negeri Shah Alam
- xii) Pertandingan Debat Peringkat Nasional – di Asrama Yayasan Selangor Klang

2.3 Sukan & Rekreasi:

- i) Sukan Asrama – di asrama
- ii) Sukan Antara Asrama – di asrama
- iii) Riadah harian – di asrama
- iv) Rehlah/Lawatan – dalam Negeri Selangor dan dalam negara

2.4 Khidmat Sosial & Komuniti:

- i) Gotong Royong kebersihan – di asrama
- ii) Membantu masjid dalam penyediaan bubur lambuk semasa Ramadhan – di Masjid

2.5 Penghargaan:

- i) Majlis Anugerah Kecemerlangan Pendidikan – di Kem dan Intekma Resort
- ii) Majlis Semarak Kasih – Perangsang Templer Golf Club dan Dewan Bankuet SUK
- ii) Jamuan Akhir Tahun dan Penyampaian Anugerah– di asrama masing-masing

3. Bantuan Kewangan

- 3.1 Biasiswa:
Biasiswa Kecil (RM700), Biasiswa Khas (RM1000) dan Dermasiswa (RM700) diberikan kepada semua pelajar tajaan Yayasan Selangor di peringkat sekolah menengah.
- 3.2 Biasiswa juga diberi kepada pelajar program Tahun Asas UNISEL
- 3.3 Pinjaman Pelajaran
- 3.4 Diberikan kepada program di peringkat Sijil Kemahiran di pusat kemahiran yang dibenarkan sahaja (sehingga tahun 2012 sahaja)

b) RM11,488,873.00 (Tahun 2012) bagi perbelanjaan Program Akademik (termasuk Kelas Bimbingan), Program-program Non - Akademik, Sumbangan, Biasiswa dan Pinjaman Pelajaran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(DENGKIL)**

**TAJUK : MASALAH KETIADAAN GERAN PERSENDIRIAN (INDIVIDUAL TITLE)
DAN GERAN BERTINGKAT (STRATA TITLE) BAGI BANGUNAN DI
TAMAN PUTRA PERDANA**

315. Pembangunan kawasan Putra Perdana yang bermula kira-kira 20 tahun lalu terdiri dari bangunan flat, *apartment*, teres, *cluster* dan rumah kedai. Sehingga kini pembeli rumah yang telah habis membayar pinjaman perumahan belum menerima geran individu atau geran bertingkat kerana tanah tersebut masih dalam bentuk "master title".

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Siapakah yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan permasalahan pemecahan "master title" ini?
- b) Mengapa proses pemecahan "master title" ini mengambil masa yang terlalu lama untuk diselesaikan?
- c) Sekiranya pemaju tidak dapat menyelesaikan masalah ini, apakah tindakan drastik Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah rakyat di kawasan ini yang telah berlarutan begitu lama.

JAWAPAN:

- a) **Pemilik Tanah Berdaftar** iaitu PNSB dan Continental Heights Development Sdn.Bhd. adalah pihak yang bertanggungjawab sepenuhnya bagi menyelesaikan masalah ini walaupun pihak pemaju telah diberikan kuasa berdasarkan apa jua perjanjian usaha sama yang dimeterai bersama pemilik tanah berdaftar untuk melaksanakan semua urusan berkaitan perihal tanah. Ini jelas dinyatakan di dalam **Seksyen 8 Akta Hak milik Strata** iaitu :
"Pemilik mana-mana tanah beri milik yang di atasnya terdapat suatu bangunan yang telah siap yang boleh di pecah bahagikan di bawah Seksyen 6 hendaklah, dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (2), memohon mengikut Seksyen 10 untuk memecah bahagi bangunan itu jika pada bila-bila masa dia telah menjual atau bersetuju untuk menjual mana-mana petak dalam bangunan itu kepada mana-mana orang."

Maklumat Tambahan :

Pejabat Tanah Dan Galian Selangor (Bahagian Hak milik Strata) telah menjalankan penguatkuasaan mengikut Seksyen 8 Akta Hak milik Strata 1985

bagi perkara di atas berdasarkan aduan yang diterima dari pembeli sejak tahun 2004. Didapati keseluruhan tanah di kawasan Taman Putra Perdana melibatkan sebanyak 57 projek pembangunan yang melibatkan 6 lot tanah yang berbeza. Pemilik berdaftar bagi lot–lot tanah tersebut adalah Permodalan Negeri Selangor Berhad sebanyak 2 lot tanah dan Continental Heights Development Sdn. Bhd. sebanyak 4 lot tanah seperti yang dinyatakan pada [Lampiran B](#).

Permodalan Negeri Selangor Berhad telah melantik Kenshine Corporation Sdn Bhd (Pemaju) untuk 2 lot tanah dan Continental Heights Development Sdn Bhd telah melantik Cekap Mesra Development Sdn Bhd (Pemaju) untuk 4 lot tanah bagi memajukan dan membangunkan kawasan lot tanah tersebut berdasarkan Surat Perjanjian Jual Beli yang ditandatangani oleh Pihak Pembeli dan Pihak Pemaju dan Pihak Pemilik Tanah Berdaftar masing-masing pada 1997 dan 1999. (Sila Rujuk [Lampiran A](#))

Sehingga kini, tiada pembangunan baru yang diluluskan di atas lot-lot tanah tersebut memandangkan pihak pemaju gagal dalam membuat permohonan pecah sempadan bagi maksud hak milik individu dan hak milik strata.

- b) Mesyuarat Mengkaji Soalan Dewan pada 1 November 2013 telah menolak soalan ini.**
- c) Mesyuarat Mengkaji Soalan Dewan pada 1 November 2013 telah menolak soalan ini.**

Maklumat Berkenaan Pemajuan Yang Akan Dikeluarkan Hakmilik Strata Bagi Kawasan Taman Putra Perdana

BIL.	NAMA SKIM/PROJEK	NAMA PEMAJU	NAMA TUAN TANAH	MAKLUMAT TANAH	BIL.PETAH/ UNIT	TARIKH CF DIKELUARKAN	CATATAN
1	Rista Villa Apartment			PN 39251, Lot 14001, Mukim Dengkil, Daerah Sepang	1,420	21 Januari 2002	
2	Rosana Villa Apartment	Cekap Mesra Development Sdn Bhd	Continental Heights Development Sdn Bhd	PN 39254, Lot 14005, Mukim Dengkil, Daerah Sepang	490	05 Julai 2002	
3	Ruvena Villa Apartment				900	24 Mei 2002	
4	Teratai Apartment			PT 6256, HS (D) 2479, Mukim Dengkil, Daerah Sepang	350	21 Januari 2002	Hakmilik batal
5	Anggerik Apartment				330	24 Julai 2000	
6	Siantan Apartment	Kenshine Corporation Sdn Bhd	Permodalan Negeri Selangor Berhad	PN 39257, Lot 14008, Mukim Dengkil, Daerah Sepang	1,000	4 Mei 2001	
7	Semarak Apartment				170	21 Febuari 2002	

BIL	NAMA SKIM/PROJEK	NAMA PEMAJU	NAMA TUAN TANAH	MAKLUMAT TANAH	BIL.PETAK/ UNIT	TARIKH CF DIKELUARKAN	CATATAN
8	Kekwa Apartment				505	24 April 2001	
9	Kiambang Apartment				620	4 Mei 2001	
10	Kenanga Apartment	Kenshine Corporation Sdn Bhd	Permodalan Negeri Selangor Berhad		820	24 April 2001	
11	Dahlia Apartment				480	18 Februari 2000	

BIL.	NAMA SKIM/PROJEK	NAMA PEMAJU	NAMA TUAN TANAH	MAKLUMAT TANAH	BIL.PETAH/ UNIT	TARIKH CF DIKELUARKAN	CATATAN
12	Taman Putra Perdana-JLN 1/3, No.2-20, Kedai Pej.2 TKT				30		
13	Taman Putra Perdana-JLN 1/3, No.22-42, Kedai Pej.2 TKT				30		
14	Taman Putra Perdana-JLN 1/1, No.2-22, Kedai Pej.2 TKT				33		
15	Taman Putra Perdana-JLN 1/1, No.24-40, Kedai Pej.2 TKT				27		
16	Taman Putra Perdana-JLN 1/1, No.42-64, Kedai Pej.2 TKT	Kenshine Corporation Sdn Bhd	Permodalan Negeri Selangor Berhad		36		
17	Taman Putra Perdana-JLN 2/1, No.1-27, Kedai Pej.2 TKT (Fasa 2A)				42		
18	Taman Putra Perdana-JLN 2/1, No.29-55, Kedai Pej.2 TKT (Fasa 2A)				42		
19	Taman Putra Perdana-JLN 2/1, No.57-75, Kedai Pej.2 TKT (Fasa 2A)				30		

BIL	NAMA SKIM/PROJEK	NAMA PEMAJU	NAMA TUAN TANAH	MAKLUMAT TANAH	BIL.PETAH/ UNIT	TARIKH CF DIKELUARKAN	CATATAN
20	Taman Putra Perdana-JLN 2/2, No.2-20, Kedai Pej.2 TKT (Fasa 2A)				30		
21	Taman Putra Perdana-JLN 2/2, No.22-40, Kedai Pej.2 TKT (Fasa 2A)				30		
22	Taman Putra Perdana-JLN 2/2, No.42-60, Kedai Pej.2 TKT (Fasa 2A)				30	18Februari 2000	
23	Taman Putra Perdana-JLN 2/2, No.1-17, Kedai Pej.2 TKT (Fasa 2A)	Kenshine Corporation Sdn Bhd	Permodalan Negeri Selangor Berhad	PN 39260, Lot 14011, Mukim Dengkil, Daerah Sepang	27		
24	Taman Putra Perdana-JLN 2/2, No.19-35, Kedai Pej.2 TKT (Fasa 2A)				27		
25	Taman Putra Perdana-JLN 2/3, No.2-18, Kedai Pej.2 TKT (Fasa 2A)				27		
26	Taman Putra Perdana-JLN 2/3, No.20-36, Kedai Pej.2 TKT (Fasa 2A)				27		

BIL	NAMA SKIM/PROJEK	NAMA PEMAJU	NAMA TUAN TANAH	MAKLUMAT TANAH	BIL.PETA/UNIT	TARIKH CF DIKELUARKAN	CATATAN
27	Taman Putra Perdana-Jalan Lingkungan Putra Perdana, No. 68-76, Kedai Kediaman, 4 Tkt,(FasaC)				63		
28	Taman Putra Perdana-JLN 3/1, No.1-23, Kedai Pej.2 TKT (Fasa 2H)				36		
29	Taman Putra Perdana-JLN 3/2, No.2-24, Kedai Pej.2 TKT (Fasa 2H)				36		
30	Taman Putra Perdana-JLN 5C/1, No.1-27, Kedai Pej.2 1/2 TKT (Fasa 4A)	Kenshine Corporation Sdn Bhd	Permodalan Negeri Selangor Berhad		42		
31	Taman Putra Perdana-JLN 5C/1, No.2-10, Kedai Pej.2 1/2 TKT (Fasa 4A)				15		
32	Taman Putra Perdana-JLN 5C/1, No.12-20, Kedai Pej.2 1/2 TKT (Fasa 4A)				15		

BIL	NAMA SKIM/PROJEK	NAMA PEMAJU	NAMA TUAN TANAH	MAKLUMAT TANAH	BIL.PETAJK/ UNIT	TARIKH CF DIKELUARKAN	CATATAN
33	Taman Putra Perdana-JLN 5C/2, No.1-25, Kedai Pej.2 1/2 TKT (Fasa 4A)				39		
34	Taman Putra Perdana-JLN 5D/1, No.1-31, Kedai Pej.2 1/2 TKT (Fasa 4B)				48		
35	Taman Putra Perdana-JLN 5D/1, No.2-18, Kedai Pej.2 1/2 TKT (Fasa 4B)				24		
36	Taman Putra Perdana-JLN 5D/1, No.18-32, Kedai Pej.2 1/2 TKT (Fasa 4B)	Kenshine Corporation Sdn BHd	Permodalan Negeri Selangor Berhad		24		
37	Taman Putra Perdana-JLN 5D/2, No.1-21, Kedai Pej.2 1/2 TKT (Fasa 4B)				33		
38	Taman Putra Perdana-JLN Lingkungan Putra Perdana, NO 59-67 KEDAI KEDIAMAN 4 TKT (Fasa 4C)				63		

BIL	NAMA SKIM/PROJEK	NAMA PEMAJU	NAMA TUAN TANAH	MAKLUMAT TANAH	BIL.PETA/UNIT	TARIKH CF DIKELUARKAN	CATATAN
39	Taman Putra Perdana-JLN Lingkungan Putra Perdana, NO 77-85 KEDAI KEDIAMAN 4 TKT (Fasa 4C)				63		
40	Taman Putra Perdana-JLN Lingkungan Putra Perdana, NO 86-90 KEDAI KEDIAMAN 4 TKT (Fasa 4C)				35		
41	Taman Putra Perdana-JLN 5/1, NO 31-34 KEDAI KEDIAMAN 4 TKT (Fasa 4C)				28		
42	Taman Putra Perdana-JLN 5/1, NO 35-42 KEDAI KEDIAMAN 4 TKT (Fasa 4C)	Kenshine Corporation Sdn Bhd	Permodalan Negeri Selangor Berhad		56		
43	Taman Putra Perdana-JLN 5/1, NO 43-50 KEDAI KEDIAMAN 4 TKT (Fasa 4C)				56		
44	Taman Putra Perdana-JLN 5/1, NO 51-58 KEDAI KEDIAMAN 4 TKT (Fasa 4C)				56		

BIL.	NAMA SKIM/PROJEK	NAMA PEMAJU	NAMA TUAN TANAH	MAKLUMAT TANAH	BIL.PETA/UNIT	TARIKH CF DIKELUARKAN	CATATAN
45	Taman Putra Perdana-JLN 5/1, NO 13-21 KEDAI KEDIAMAN 4 TKT (Fasa 4C)	Kenshine Corporation Sdn Bhd	Permodalan Negeri Selangor Berhad		63		
46	Taman Putra Perdana-JLN 5/1, NO 22-30 KEDAI KEDIAMAN 4 TKT (Fasa 4C)				63		
47	Taman Putra Perdana-JLN 5/2, NO 1-6 KEDAI KEDIAMAN 4 TKT (Fasa 4C)				42		
48	Taman Putra Perdana-JLN 5/2, NO 7-12 KEDAI KEDIAMAN 4 TKT (Fasa 4C)				42		
49	Taman Putra Perdana-JLN 5/E, NO 1-10 KEDAI KEDIAMAN 4 TKT (Fasa 4I)				70		
50	Taman Putra Perdana-JLN 5/E, NO 11-17 KEDAI KEDIAMAN 4 TKT (Fasa 4I)		49				

BIL	NAMA SKIM/PROJEK	NAMA PEMAJU	NAMA TUAN TANAH	MAKLUMAT TANAH	BIL.PETA/ UNIT		
51	Taman Putra Perdana-JLN 5/E, NO 18-24 KEDAI KEDIAMAN 4 TKT (Fasa 4I)				49		
52	Taman Putra Perdana-JLN 5/E, NO 25-31 KEDAI KEDIAMAN 4 TKT (Fasa 4I)				49		
53	Taman Putra Perdana-JLN 5/E, NO 32-37 KEDAI KEDIAMAN 4 TKT (Fasa 4I)				42		
54	Taman Putra Perdana-JLN 5/E, NO 38-47 KEDAI KEDIAMAN 4 TKT (Fasa 4I)	Kenshine Corporation Sdn Bhd	Permodalan Negeri Selangor Berhad		70		
55	Taman Putra Perdana-JLN 5/E, NO 48-52 KEDAI KEDIAMAN 4 TKT (Fasa 4I)				35		
56	Taman Putra Perdana-JLN 5/F, NO 53-59 KEDAI KEDIAMAN 4 TKT (Fasa 4I)				49		
57	Taman Putra Perdana-JLN 5/G, NO 60-68 KEDAI KEDIAMAN 4 TKT (Fasa 4I)				63		



PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR
TINGKAT LG,G,2,3,4,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40576 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Telefon : 603- 5544 7000
No. Faks : 603 -5510 2658
E-mail : ptgs@selangor.gov.my
URL : <http://ptg.selangor.gov.my>

" KEJUJURAN DAN KETEKUNAN "

(7) PTGS/51/2/6 Jilid 2
22hb Julai, 2010
10hb Syaaban 1431H

(SENARAI EDARAN SEPerti DI LAMPIRAN)

Tuan / Puan,

**MINIT MESYUARAT PENYELESAIAN ADUAN KEGAGALAN
MENGEMUKAKAN PERMOHONAN HAKMILIK STRATA BAGI KAWASAN
TAMAN PUTRA PERDANA.**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini saya sertakan Minit Mesyuarat penyelesaian aduan kegagalan mengemukakan permohonan hakmilik strata bagi kawasan Taman Putra Perdana bertarikh 08 Julai 2010 untuk makluman Tuan / Puan dan tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,


(ALYA AMANI BINTI GIMA)
Penolong Pengarah
b.p. Pengarah Tanah Dan Galian
Selangor Darul Ehsan.

Edaran Dalam :-



Ketua Penolong Pengarah (Strata)

Unit QT - FT

Bahagian Pembangunan Tanah



Pohon arahan selanjutnya
berhubung perkara ini.

SENARAI EDARAN

YB. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad
EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan
dan Setinggan Negeri Selangor.

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Sepang,
Persiaran Semarak Api,
63100 CYBERJAYA.
(u/p: Unit Pesuruhjaya Bangunan)

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Sepang,
Persiaran Semarak Api,
63100 CYBERJAYA.
(u/p: Unit Bangunan)

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Sepang,
Persiaran Semarak Api,
63100 CYBERJAYA.
(u/p: Unit Perancangan)

Pentadbir Tanah dan Daerah Sepang,
Pejabat Tanah dan Daerah Sepang,
Bangunan Tun Aziz,
Bandar Baru Salak Tinggi,
43900 SEPANG.

Pengarah Eksekutif
Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor,
Tingkat 5, Podium Utara,
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
40503 SHAH ALAM

Jabatan Perumahan Negara,
Bahagian Penguatkuasaan,
Aras 6, Blok F (Utara),
Pusat Bandar Damansara,
Peti Surat 12579,

50782 KUALA LUMPUR.

(u/p: En. Loke Teik Cheong)

Biro Pengaduan Awam
Pejabat Negeri Selangor, Jabatan Perdana Menteri
Tingkat 10, Menara PPNS, Pusat Perdagangan UMNO Shah Alam
Lot 8, Persiaran Damai, Seksyen 11

40000 SHAH ALAM.

Pengarah Ukur Dan Pemetaan,
Jabatan Ukur Dan Pemetaan Negeri Selangor,
Tingkat 16-02 & 17, Plaza Massalam,
No. 2, Jalan Tengku Ampuan Zabedah,
E9/E, Seksyen 9,

40578 SHAH ALAM.

Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian
(Seksyen Hakmilik Strata)
Aras 4, Podium 1,
Wisma Sumber Asli,
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4,

62574 PUTRAJAYA.

Ketua Eksekutif
Permodalan Negeri Selangor Berhad
Tingkat 25, Wisma MBSA
Persiaran Perbandaran

40000 SHAH ALAM.

Kenshine Corporation Sdn Bhd
Level 2, Menara Maxisegar,
Jalan Pandan Indah 4/2,

55100 KUALA LUMPUR.

Cekap Mesra Development Sdn. Bhd.
Tingkat 9, Menara Maxisegar,
Jalan Pandan Indah 4/2,
55100 KUALA LUMPUR.

Continental Heights Development Sdn. Bhd.
1 & 3, Jalan Pandan 3/5,
Pandan Jaya,
55100 KUALA LUMPUR.

MINIT MESYUARAT

Mesyuarat Penyelesaian Aduan Kegagalan Mengemukakan Permohonan Hakmilik Strata Bagi Kawasan Taman Putra Perdana.

Tarikh : 08hb Julai, 2010
Masa : 09:30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Gemilang 1, Tingkat 4,
Bangunan SSAAS, Shah Alam.

Kehadiran

1. Encik Muhammad Yasir Bin Yahya - Pengerusi
Ketua Penolong Pengarah (Strata), PTG Selangor
2. Puan Cecilia Gima @ Alya Amani Binti Gima
Penolong Pengarah (Strata), PTG Selangor
3. Encik Md. Zairi Ariffin Bin Md. Zali
Penolong Pengarah, JKPTG
4. Encik Roslan Bin Md. Mohdin
Penolong Pengarah, JKPTG
5. Cik Athirah Binti Mohammad
Penolong Pengarah, Biro Pengaduan Awam
6. Encik Mohamad Saad Arshad
KPPD(T), PTD Sepang
7. Encik Airurizat Bin Anip
Majlis Perbandaran Sepang (Perancang)
8. Encik Ismail Msajeri
Majlis Perbandaran Sepang (Bangunan)
9. Encik Loke Telk Cheong
PPTK, Jab. Perumahan Negara (Penguatkuasaan)
10. Encik Mohamad Yunus
Pegawai Penilaian, Majlis Perbandaran Sepang
11. Encik Sharudin Bin Ismail
Pegawai Undang-Undang, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor

12. Puan Halijah Binti Kahar
KPT(T), PTD Sepang
 13. Encik Abd Halim Bin Hashim
Penolong Pegawai Tanah, PTG Selangor
 14. Encik Muhammad Haizulim
Eksekutif Projek, Permodalan Negeri Selangor Berhad
 15. Encik Mat Nor Bin Said
Pembantu Tadbir, JUPEM
 16. Encik Ahmad Syukry Bin Sulaiman
Penolong Pegawai Tanah, PTG Selangor
 17. Encik Yunus Ismail
KJ, Talam Corporation Sdn Bhd
 18. Encik Norazlian Ahmad
Pengurus Projek, JTC
 19. Encik Mohd. Fadzil Majid
Pengurus Tanah, Cekap Mesra Development Sdn Bhd
 20. Puan Yusnita Binti Md. Nor
Penolong Pegawai Tanah, PTG Selangor
 21. Encik Mohammad Saufi Bin Brahim
Penolong Pegawai Tanah, PTG Selangor
- Pencatat Minit

Tidak Hadir:


1. Wakil dari EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggalan Negeri Selangor.
2. Wakil dari Bahagian Pembangunan Tanah.

Bil.	Perkara	Perbincangan	Tindakan
1.	Aluan Pengerusi	<p>Mesyuarat bermula pada pukul 09.30 pagi dengan kata-kata aluan daripada Pengerusi Mesyuarat.</p> <p>Pengerusi memaklumkan bahawa:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tanah-tanah yang terlibat dimajukan dengan pembangunan bercampur dan hakmilik tanah merupakan hakmilik blok (<i>master title</i>) yang belum lagi dibuat pecah sempadan tanah mengikut pelan pra hitungan yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa perancangan. - Pemilik tanah hendaklah membuat permohonan pecah sempadan atau permohonan serahbalik dan berimilik semula (mengikut mana yang bersesuaian) seperti yang dikehendaki oleh Kanun Tanah Negara 1965 terlebih dahulu sebelum permohonan pecah bahagi bangunan (hakmilik strata) boleh dibuat. - Pihak PTG menerima banyak aduan daripada pembeli-pembeli dari kawasan tersebut. - Pihak PTG juga telah memberi cukup masa kepada tuan tanah dan pemaju agar menyelesaikan isu tanah dan permohonan hakmilik strata. - Tujuan mesyuarat diadakan adalah untuk mencari jalan penyelesaian terhadap permasalahan tersebut. - Pengerusi juga memohon maklumbalas dan cadangan daripada ahli-ahli mesyuarat. 	Tuan tanah / pemaju
2.	Maklumbalas daripada Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB).	<ul style="list-style-type: none"> - Pihak PNSB sebagai tuan tanah telah berbincang dengan pihak pemaju iaitu Kenshine Corporation Sdn. Bhd. mengenai isu berkenaan namun sehingga kini masih tiada jalan penyelesaian. - Mengikut perjanjian tanggungjawab membuat permohonan serah balik dan berimilik semula serta permohonan hakmilik strata telah diserahkan kepada pihak pemaju. - Pihak PNSB juga memaklumkan bahawa masih lagi terdapat tanah-tanah kosong yang belum dibangunkan di kawasan tersebut. - Selain itu, terdapat juga bangunan-bangunan yang masih lagi dalam proses pembinaan tetapi agak perlahan proses pembinaannya iaitu Apartment Danau Putra dan <i>La Cottage Terrace House</i>. 	Makluman

Bil.	Perkara	Perbincangan	Tindakan
		<ul style="list-style-type: none"> - Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa bagi kawasan pembangunan Taman Putra Perdana selain tanah-tanah PNSB, terdapat juga tanah yang merupakan tanah milik Continental Heights Development Sdn. Bhd. dan dimajukan oleh Cekap Mesra Development Sdn. Bhd. sebagai pemaju. 	
3.	Maklumbalas daripada pihak pemaju iaitu Kenshine Corporation Sdn. Bhd./ Cekap Mesra Development Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> - Pihak pemaju menyatakan bahawa perkara ini telah beberapa kali dimaklumkan kepada pihak pengurusan (<i>management</i>) tetapi masih tiada tindakan yang diambil. - Pihak pemaju juga menyatakan bahawa mereka mempunyai masalah kewangan untuk membayar premium dan cukai tanah semasa bagi tujuan serahbalik dan bermilik semula tanah. - Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa, terdapat tanah milik pemaju yang diambil oleh kerajaan negeri dan kemungkinan hasil jualan tersebut boleh digunakan bagi urusan pembayaran berkenaan secara berperingkat. - Pihak pemaju menyerahkan segala keputusan kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam menyelesaikan permasalahan tersebut. 	Makluman
4.	Maklumbalas daripada Pejabat Tanah Sepang.	<ul style="list-style-type: none"> - Pihak pemaju telah membuat permohonan serahbalik dan bermilik semula tanah pada tahun 2002 tetapi proses tersebut terhenti kerana terdapat banyak kaveat yang dimasukkan selepas permohonan tersebut dibuat. - Selain itu, Pemaju juga tidak menyerahkan hakmilik asal tanah semasa membuat permohonan tersebut. 	Makluman
5.	Maklumbalas daripada Majlis Perbandaran Sepang.	<ul style="list-style-type: none"> - Pihak MPS memaklumkan tiada lagi pembangunan baru dijalankan yang ada hanya projek lama (projek sakit) yang masih dalam pembinaan. - Pihak MPS meminta agar cadangan pemberhentian projek di Taman Putra Perdana tidak diteruskan agar projek tidak terbengkalai dan pembeli dapat memiliki rumah mereka walaupun projek agak perlahan, sakit dan bermasalah. 	Makluman

Bil.	Perkara	Perbincangan	Tindakan
6.	Keputusan mesyuarat	<ul style="list-style-type: none"> - Mesyuarat bersetuju dengan cadangan tuan pengerusi agar satu mesyuarat teknikal diadakan dengan agensi-agensi kerajaan yang terlibat berkenaan cadangan untuk membuat perampasan tanah di Taman Putra Perdana bagi menyelesaikan isu tanah dan juga isu permohonan hakmilik strata. - Mesyuarat ini akan meneliti apakah kesan perampasan tanah tersebut kepada Kerajaan Negeri terutamanya dari segi kerugian hasil / cukai tanah serta kos yang akan ditanggung untuk membuat permohonan hakmilik strata. 	PTGS, PTD Sepang, PNSB, MPS, Jabatan Perumahan Negara, JUPEM.
7.	Hai-hal lain	<ul style="list-style-type: none"> - Pihak Biro Pengaduan Awam memintar agar semua tindakan yang diambil dimaklumkan kepadanya untuk memudahkan pihaknya menjawab aduan awam. - Pihak JUPEM juga berjanji akan memberikan keutamaan kepada projek ini jika pemaju menghantar permohonan. 	Makluman
8.	Penangguhan Mesyuarat	Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada mesyuarat kali ini dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.	

Minit Mesyuarat ini telah disediakan oleh **Puan Yusnita binti Md.Nor**, selaku pencatat minit mesyuarat yang dilantik dan dengan ini akan diperiksa serta disahkan oleh :-

Tandatangan : 

Tarikh : 16 / 07 / 10

Nama : ALYA AMANI BT. GIMA

Jawatan : Pendong Pengarah
Bagian Hakmilik Strata
Pajub Tanah Dan Galian Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : PEMBERIAN BAUCER RM100

316. Kerajaan Negeri memberikan bantuan baucer RM100 sejak beberapa tahun yang lalu.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kriteria utama bagi penerima-penerima baucer berkenaan dan pada masa bilakah program berkenaan dilaksanakan?
- b) Nyatakan syarikat-syarikat perniagaan yang terlibat dalam program berkenaan?

JAWAPAN:

- a) Pemberian 'Baucer RM100' melalui program nilai tambah SMUE (JOM Shopping) telah dibuat sejak Julai 2010 yang lalu. Selain membantu meringankan bebanan rakyat, ia juga merupakan satu cara bagi menghargai warga emas yang telah berdaftar dan memberikan mereka ruang untuk bersama, beramah mesra sesama ahli skim. Malahan ia juga menjadi ruang untuk bertemu, mengenali dan beramah mesra dengan kepimpinan negeri, Ahli Dewan Negeri di kawasan mereka dan petugas-petugas Pusat Khidmat Masyarakat yang akan menjadi tempat rujukan masalah setempat serta semua urusan berkaitan program kerajaan negeri.

Pusat Khidmat Masyarakat DUN akan mengatur program mengikut kesesuaian tarikh, masa dan pasar raya yang dipilih. Ahli SMUE kemudiannya akan dihubungi dan dijemput menghadirkan diri ke pasar raya berkenaan. Ia boleh dilaksanakan pada hari bekerja, hujung minggu mahupun pada hari-hari cuti am.

Kriteria utama untuk membolehkan mereka menerima baucer tersebut adalah mendaftar sebagai Ahli Skim Mesra Usia Emas yang sah. Tiada syarat berkaitan jantina, kaum, agama, fahaman politik serta kedudukan mereka dalam masyarakat dikenakan. Yang penting, mereka mestilah seorang Warganegara Malaysia yang berumur 60 tahun dan ke atas serta memenuhi syarat-syarat berikut:

- i) Lahir dan sedang menetap di dalam negeri Selangor, atau;
- ii) Lahir di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebelum 1hb Februari 1974 dan menetap di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Selangor, atau;

- iii) Bermastautin di negeri Selangor secara sah melebihi 15 tahun (bagi mereka yang dilahirkan di luar negeri Selangor).
- b) Setakat ini hanya terdapat 3 buah pasar raya besar yang mengambil bahagian iaitu Pasaraya TESCO, Giant dan Econsave.